



DEWAN MAJLIS

LAPORAN PENUH (HANSARD)

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KEENAM BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2020

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

DEWAN MAJLIS

LAPORAN PENUH (HANSARD)

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KEENAM BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2020

**PADA
HARI ISNIN, SELASA, RABU, KHAMIS DAN SABTU,
14, 15, 16, 17 DAN 19 REJAB 1441 BERSAMAAN
9, 10, 11, 12, DAN 14 MAC 2020**

**BERTEMPAT
DI DEWAN PERSIDANGAN,
MAJLIS MESYUARAT NEGARA,
JALAN DEWAN MAJLIS,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Diterbitkan oleh:
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dewan Majlis BB3910,
Negara Brunei Darussalam.

Cetakan Pertama 2018

**Perkatalogan data-dalam-penerbitan
Cataloguing-in-publication**

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan (Cataloguing-in-Publication)**

BRUNEI Darussalam. Majlis Mesyuarat Negara.

Laporan penuh (Hansard) : mesyuarat pertama dari musim permesyuaratan keenam belas Majlis Mesyuarat Negara tahun 1441/2020. -- Bandar Seri Begawan : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, 2020.

542p. 25cm.

ISBN 978-99917-987-4-5 (paperback)

1. Legislative Councils 2. Legislative bodies -- Brunei Darussalam -- Congresses 3. Brunei Darussalam -- Politics and Government -- Congresses

328.595504 BRU (DDC 23)

Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib,
PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL.,

Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya
Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar,
DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.,

Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara

Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB.

Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara

Dayangku Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra,
Penolong Jurutulis

Dayang Siti Ajeerah binti Najib

Pegawai Perhubungan Awam

Awang Mohammad Faiq bin Haji Mohd. Yassin

Pegawai Tugas-Tugas Khas

Awang Haji Mohammad Amalul Muttaqin bin Haji Ismail

Pegawai Penyelidik

PENYEDIAAN LAPORAN PENUH (HANSARD)

Bahagian Laporan

Dayang Sarinah binti Haji Mohd. Hashim, Ketua Pemberita Majlis (Penyunting)

Awang Haji Omar bin Tunjang, Pemberita Majlis Kanan (Penyemak)

Awang Norhakimin bin Nordin, Pemberita Majlis Kanan (Penyusun I)

Dayang Zulia'ah binti Haji Mohd. Zanai, Pemberita Majlis (Pemberita)

Dayang Noor Rosmawati binti Haji Ismail, Pembantu Perpustakaan Tingkat I (Pemberita)

Penyemak

Awang Haji Rosman bin Abdul Jalil, Penolong Pentadbir, (Penyemak)

Dayang Hajah Haslinda binti Haji Hidup, Ketua Penterjemah (Penyemak)

Awang Haji Moxsin bin Haji Durahim, Mantan Pegawai Bahasa Kanan, (Penyemak)

Pemberita Sambilan

Awang Junaidi bin Haji Metussin @ Haji Tuah, Penolong Pegawai Kerja Tingkat I,
(Penyusun II)

Dayang Hajah Haspalela binti Haji Abdul Rane, Setiausaha Sulit

Dayang Fatimah binti Bungsu, Setiausaha Sulit

Dayang Hajah Nurul Afifah binti Haji Lakat, Kerani Sulit

Dayang Emma Malissa binti Haji Isakhan, Kerani Sulit

Awang Azmy bin Untong, Kerani Sulit

Dayang Mashidayawazy binti Haji Mohd. Aminuddin, Kerani Sulit

Dayang Susilawati binti Saie, Kerani

Awang Muhammad Syahafindey bin Husin, Kerani Penyusun (II)

Awangku Md. Syazwan bin Pengiran Haji Bakar, Kerani

Dayang Hajah Adiliana binti Haji Damit, Kerani

Dayangku Rozainah binti Pengiran Haji Bakar, Kerani

Dayang Irma Ratna Seri Ayu binti Brahim, Kerani

Dayang Siti Nurulidayah binti Haji Jafri, Kerani

Bahagian Penjilidan

Awang Zaini bin Haji Ismail, Pegawai Rekod

Dayang Raidah binti Haji Abdul Rahman, Penjilid Tingkat II

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Hari Isnin, 14 Rejab 1441 / 9 Mac 2020	
Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	1
PERKARA I - Doa Selamat	4
Ucapan Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara	4
PERKARA II - Mengesahkan Minit	5
PERKARA III - Titah KebawahDuli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali SaifuddienSa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam	6
Doa Selamat	8
Hari Selasa, 15 Rejab 1441 / 10 Mac 2020	
Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	10
Doa Selamat	13
PERKARA IV – KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS NO.1 TAHUN 2020 – SENARAI PERINTAH – PERINTAH DARURAT YANG TELAH DILULUSKAN DALAM TAHUN 2019 DAN 2020 MENURUT FASAL 83 DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	
Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	15
PERKARA IV – KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS NO.2 TAHUN 2020 – ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN NEGARA BAGI TAHUN KEWANGAN, 2020/2021	
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	15
PERKARA VI – USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS	
Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri	16

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	20
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim	21
Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	22
Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	25
Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	27
Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	29
Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	32
Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	35
Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	38
Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	41
Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	44
Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad	49
Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	51
Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	55
Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii	59
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	61
Yang Berhormat Menteri Pembangunan	63
Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	65
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	68
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	71
Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	71
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	71

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Hari Rabu, 16 Rejab 1441 / 11 Mac 2020	
Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	75
Doa Selamat	78
PERKARA VI- SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS	
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	79
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	80
Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii	84
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	84
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	85
PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2020) PERBEKALAN, 2020/2021	
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	86
Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	116
Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	117
Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	120
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim	121
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	123
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim	124

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	125
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	126
Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	127
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	128
Yang Berhormat Menteri Pembangunan	128
Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	128
 JABATAN PERDANA MENTERI	
Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A	
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	131
Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	134
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	136
Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	136
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	136
Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	137
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	138
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	140
Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	140
Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	140
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	141

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim	142
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	143
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	145
Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad	146
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	146
Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad	146
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	146
Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	147
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	147
 Hari Khamis, 17 Rejab 1441 / 12 Mac 2020	
Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	149
Doa Selamat	152
 SAMBUNGAN PERKARA VI – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS	
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	153
Yang Berhormat Menteri Kesihatan	153
Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	160
Yang Berhormat Menteri Kesihatan	161
Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	161
Yang Berhormat Menteri Kesihatan	162
Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	163

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Yang Berhormat Menteri Kesihatan	163
Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	163
Yang Berhormat Menteri Kesihatan	164
SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2020) PERBEKALAN, 2020/2021	
KEMENTERIAN PERTAHANAN	
Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A	
Yang Berhormat Menteri Pertahanan II	168
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI	
Tajuk SC01A	
Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	183
Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	187
Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	189
Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	190
Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	190
Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	192
Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	192
Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	194
Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	194
Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	195
Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	196
Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin	197

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	198
Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	198
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim	200
Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	200
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	
Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A	
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	203
Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	206
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	206
Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	207
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	208
Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	208
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	209
Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	209
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	210
Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	210
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	210
Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari	210

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	210
Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari	211
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	212
Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi bin Abdul Haadid	212
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	213
Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman	213
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	214
Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	215
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	216
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	217
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	217
Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	218
Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong	218
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	220
Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	221
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	221

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Hari Sabtu, 19 Rejab 1441 / 14 Mac 2020	
Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	224
Doa Selamat	227
SAMBUNGAN PERKARA VI – SOALAN-SOALAN YANG DIBERI NOTIS	
Soalan Yang Diberi Notis tidak dibincangkan dan soalan-soalan dijawab secara bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri	
SAMBUNGAN PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG (2020) PERBEKALAN, 2020/2021	
SAMBUNGAN JABATAN PERDANA MENTERI	
Tajuk SA08A hinggaTajuk SA25A – Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya	229
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	
Tajuk SE01A hinggaTajuk SE12A – Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	229
KEMENTERIAN PENDIDIKAN	
Tajuk SF01A hinggaTajuk SF06A – Kementerian Pendidikan	230
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	
Tajuk SH01A hinggaTajuk SH06A – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	230
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	
Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama	230
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	
Tajuk SK01A hinggaTajuk SK08A – Kementerian Pembangunan	230

KANDUNGAN	MUKA SURAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	
Tajuk SL01A hinggaTajuk SL06A – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	230
KEMENTERIAN KESIHATAN	
Tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan	231
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	
Tajuk SN01A hinggaTajuk SN09A – Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	231
KEMENTERIAN TENAGA	
Tajuk SQ01A dan Tajuk SQ02A –Kementerian Tenaga	231
KEMAJUAN	
Tajuk SP01A – Kemajuan	231
PERKARA VII – RANG UNDANG-UNDANG	
SUATU AKTA UNTUK MEMBEKALKAN SEJUMLAH WANG DARI KUMPULANWANG YANG DISATUKAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN KEWANGAN 2020/2021 DAN UNTUK MEMPERUNTUKKAN WANG TERSEBUT ITU BAGI MAKSUD-MAKSUD TERTENTU (Bacaan Kali Ketiga)	
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi Kewangan II	233
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	233
PERKARA VIII - KETETAPAN	
KETETAPAN NO. 1 -KETETAPAN DI BAWAH FASAL 83 (7) DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1959	
Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	234
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	235

KANDUNGAN	MUKA SURAT
KETETAPAN NO. 2 - KETETAPAN DI BAWAH BAB 4 (2) DARI AKTA KUMPULANWANG KEMAJUAN (PENGGAL 136) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	235
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri	236
PERKARA IX – UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN	
Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	237
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	241
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu	243
Yang Berhormat Yang Di-Pertua	244
SOALAN DAN JAWAPAN JAWAB MULUT YANG DIBERI NOTIS	
JABATAN PERDANA MENTERI	
Program <i>i-Ready</i> dan Perkembangan Perusahaan Kecil Sederhana	248
Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii	
Isu Kesempitan Dalam Keperluan Sara Hidup	250
Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	
Peluang-Peluang Pekerjaan Bagi Graduan Yang Bukan Lulusan Politeknik	256
Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong	
Pengawas Kejiranan Negara Diperkasakan	257
Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	
Pengauditan Kumpulan Wang, Dana-Dana Dan Zakat	259
Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman	

KANDUNGAN	MUKA SURAT
KEMENTERIAN KESIHATAN	
Pembayaran Perubatan Kepada Pekerja Asing Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh	267
Prosedur Operasi Standard (SOP) Wabak Berjangkit Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	269
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	
Isu Pekerja-Pekerja Asing Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim	273
Pemantauan Tugas Penghulu Dan Ketua Kampung Yang Berhormat Haji Abdul Wahab bin Apong	278
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	
Isu Tol Di Kawasan Sungai Teraban, Kuala Belait Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	282
Transformasi Digital Sebagai Mekanisme Pemacu Usaha Mempelbagaikan Ekonomi Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi bin Abdul Haadii	283
Perlindungan Data Peribadi Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	285
Sistem Pengangkutan Di Daerah Temburong Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	287
Masalah Buli Jalan Raya Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	290
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	
Menubuhkan Jawatankuasa Autoriti Kemajuan Daerah Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput	291
Pemeliharaan Bangunan-Bangunan Kerajaan Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh	293
Kerosakan Dan Pencemaran Akibat Pembaikpulihan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit	294

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	296
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	
Pengiktirafan Halal Di Peringkat Antarabangsa Dan Digitalisasi Perbekalan Makanan Negara Yang Berhormat Dayang Hafimi binti Abdul Haadii	298
Pelajaran Sekolah Ugama Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	300
Undang-Undang Syariah (Perlaksanaan Hukum Hudud) Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Mumin	303
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	
Dasar Tanggungjawab Sosial Korporat Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad	305
<i>Brunei Darussalam Deposit Protection Corporation (BDPC)</i> Daripada Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh	306
Kurnia Tambang bagi Menunaikan Fardhu Haji Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	307
Menambahkan Pendapatan Dari Pos-Pos Kawalan Darat Daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	308
Bonus Tahun Kepada Pemenerima Elaun Pencen Tua Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis	309
Rajah Peruntukan RKN 9 – 11 Rancangan Kemajuan Negara Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman	310
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	
Memperkasa Sukan Negara Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung	312
Pusat Kegiatan Warga Emas Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu	317

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Kehidupan Mereka Yang Kurang Berkemampuan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	320
Pusat Pembangunan Belia Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong	324
KEMENTERIAN TENAGA	
Sistem Maklumat Pasaran Pekerjaan (LMIS) Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon	329
Penapisan Minyak di Pulau Muara Besar (PMB) Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	331
Padang Tembak British Garisson Seria Kawasan Bukit Lumut Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Mumin	336
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	
Kemudahan Dan Perkhidmatan Pelancong Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman	339
KEMENTERIAN PENDIDIKAN	
Pelan Strategik Pendidikan 2019-2022 Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman	341
MUKADIMAH	
Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	344
Yang Berhormat Menteri Pendidikan	349
Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	353
Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	360
Yang Berhormat Menteri Pembangunan	363
Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	372

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Yang Berhormat Menteri Kesihatan	393
Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	404
Yang Berhormat Menteri Tenaga	412
 PERKARA VII – SOALAN DAN JAWAPAN RANG UNDANG-UNDANG (2020) PERBEKALAN, 2020/2021	
 JABATAN PERDANA MENTERI	
DARIPADA YANG BERTHORMAT AWANG HAJI RAMLI BIN HAJI LAHIT	421
<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Audit 2. Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 3. Bahagian Undang-Undang 4. Penyambungan Perkhidmatan 	
DARIPADA YANG BERTHORMAT AWANG HAJI UMARALI BIN ESUNG Radio Televisyen Brunei	427
DARIPADA YANG BERTHORMAT FDR. AR. DAYANG SITI ROZAIMERIYANTY BINTI DATO SERI LAILA JASA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	429
DARIPADA YANG BERTHORMAT AWANG ISWANDY BIN AHMAD Mainpower and Employment Council - Sumber Tenaga Manusia	430
 KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	
DARIPADA YANG BERTHORMAT YANG BERTHORMAT AWANG HAJI RAMLI BIN HAJI LAHIT Perkhidmatan Sistem Kebajikan Negara	431
 KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	
DARIPADA YANG BERTHORMAT AWANG MOHD HANAPI BIN MOHD. SIPUT Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan	433
DARIPADA YANG BERTHORMAT AWANG NAIM BIN HAJI KAMIS Isu Anjing Liar Berkeliaran	434

KANDUNGAN	MUKA SURAT
DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI UMARALI BIN ESUNG	438
<ol style="list-style-type: none"> 1. Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan 2. Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria 3. Lembaga Bandaran Tutong 	
DARIPADA YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA PENDIKAR ALAM DATO PADUKA SERI AWANG HAJI HASRIN BIN DATO PADUKA HAJI SABTU	447
<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri 2. Rancangan Revitalisasi Kampong Ayer <p>Cadangan Kampong Ayer dijadikan sebagai Tapak Warisan Dunia (<i>World Heritage Site</i>) di bawah Pertubuhan Pendidikan, Sains Dan Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (<i>UNESCO</i>)</p>	
SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT FDR. AR. DAYANG ROZAIMERIYANTY	452
Jabatan Buruh	
KEMENTERIAN PENDIDIKAN	
DARIPADA YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA PENDIKAR ALAM DATO PADUKA SERI AWANG HAJI HASRIN BIN DATO PADUKA HAJI SABTU	459
Kementerian Pendidikan	
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	
DARIPADA YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA PENDIKAR ALAM DATO PADUKA SERI AWANG HAJI HASRIN BIN DATO PADUKA HAJI SABTU	482
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan 2. Pertanian dan Pelancongan 	
DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI UMARALI BIN ESUNG	485
Jabatan Kemajuan Pelancongan	
DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG NAIM BIN HAJI KAMIS	489
Isu Penangkapan Ikan di Perairan Brunei	

KANDUNGAN	MUKA SURAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	
DARIPADA YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA PENDIKAR ALAM DATO PADUKA SERI AWANG HAJI HASRIN BIN DATO PADUKA HAJI SABTU Meningkatkan seruan azan di tempat-tempat kunjungan awam Penggunaan dan Penguasaan tulisan Jawi	492
DARIPADA YANG BERHORMAT YANG BERHORMAT AWANG HAJI UMARALI BIN ESUNG Sistem Pengurusan Keselamatan Masjid	495
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	
DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG NAIM BIN HAJI KAMIS	496
1. Isu hutan terbakar akibat kesan perubahan iklim terutama apabila suhu cuaca terlalu panas 2. Isu Pulau Berambang dan kampung-kampung di dalamnya 3. Isu Jalan Residency 4. Isu rakyat menunggu rumah perumahan negara yang lama 5. Isu bekalan air tidak ada atau tekanan air rendah	
DARIPADA YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA PENDIKAR ALAM DATO PADUKA SERI AWANG HAJI HASRIN BIN DATO PADUKA HAJI SABTU Kementerian Pembangunan	504
DARIPADA YANG BERHORMAT YANG BERHORMAT AWANG MOHD. HANAPI BIN SIPUT	507
1. Jabatan Kementerian Pembangunan 2. Jabatan Kemajuan Perumahan	
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	
DARIPADA YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA PENDIKAR ALAM DATO PADUKA SERI HAJI HASRIN BIN DATO PADUKA HAJI SABTU Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	510

KANDUNGAN	MUKA SURAT
KEMENTERIAN KESIHATAN	
DARIPADA YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA PENDIKAR ALAM DATO PADUKA SERI HAJI HASRIN BIN DATO PADUKA HAJI SABTU Kementerian Kesihatan	514
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	
SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG NAIM BIN HAJI KAMIS	517
1. Isu Jambatan Temburong	
2. Isu Perubahan Iklim	
DARIPADA YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA PENDIKAR ALAM DATO PADUKA SERI AWANG HAJI HASRIN BIN DATO PADUKA HAJI SABTU Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	519
KEMENTERIAN TENAGA	
SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHIMIN BIN HAJI JOHARI @ JAHARI	522
SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT DAYANG KHAIRUNNISA BINTI AWANG HAJI ASH'ARI	524
SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI EMRAN BIN HAJI SABTU	527
SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG NAIM BIN HAJI KAMIS Stesen Minyak Kampong Ayer	529

DEWAN MAJLIS**Isnin, 14 Rejab 1441/9 Mac 2020****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., SNB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., SNB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL. **(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.,

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.,

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PSB., PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, PJK., Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 10.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, hari Isnin, 14 Rejab 1441 bersamaan 9 Mac 2020, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
kita memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama berkumpul hadir pada pagi ini, di Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نبي محمد صلى الله عليه وسلم, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar lagi, selepas ini kita akan menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara, maka kita akan segera perlu menyelesaikan perkara-perkara seterusnya.

Yang Dimulikan Jurutulis: Perkara II - Meneliti dan mengesahkan Minit Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas yang telah bersidang selama 11 hari bermula pada 30 Jamadilakhir hingga 16 Rejab 1440 bersamaan 7 hingga 23 Mac 2019, bertempat di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di hadapan kita sekarang adalah Minit Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas yang telah pun dikelilingkan terdahulu kepada semua Ahli Yang Berhormat. Saya percaya, Ahli-Ahli Yang Berhormat semua telah pun meneliti minit mesyuarat tersebut, maka saya ingin sekarang memberikan peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika ada yang

ingin memberikan pendapat ataupun pindaan atau sebaliknya terhadap minit mesyuarat ini, maka saya persilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membuat kenyataan mereka.

Nampaknya, tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membuat sebarang kenyataan ataupun pindaan, maka saya membuat kesimpulan isi kandungan Minit Persidangan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas yang telah bersidang selama 11 hari tadi adalah catatan yang betul. Maka dengan itu, saya luluskan minit mesyuarat ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar lagi, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka bagi membolehkan majlis ini menunggu dan menjunjung keberangkatan baginda ke majlis ini, maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

T I T A H

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR
'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI
WADDIEN, SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM SEMPENA ISTIADAT
PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT
PERTAMA DARI MUSIM
PERMESYUARATAN KEENAM BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA PADA
HARI ISNIN, 14 REJAB 1441
HIJRAH BERSAMAAN 9 MAC 2020
MASIHI BERTEMPAT DI BANGUNAN
DEWAN MAJLIS, JALAN DEWAN
MAJLIS, BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ
عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةِ
وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ.

اللَّهُمَّ اللهُ kita merafakkan syukur ke hadrat اللهُ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَتَعَالَى kerana dengan izin-Nya jua dapatlah kita berkumpul jua di Majlis Persidangan bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Harapan kita sangatlah tinggi untuk melihat Majlis Mesyuarat Negara menjadi wadah strategik bagi memikir dan membahas perkara-perkara yang diperlukan oleh rakyat dan negara.

Apa jua usul dan hujah yang dikemukakan dalam persidangan hendaklah berasaskan kepada pemikiran dan penelitian yang rapi disokong oleh fakta-fakta yang betul dan tepat dan memfokus hanya kepada isu-isu yang relevan.

Pada pengamatan beta, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun demi tahun masih sahaja memerlukan pemerksaan, kerana kedapatan sesetengah Ahli Yang Dilantik cuma lebih banyak bertanya dari memberi buah fikiran ini menjadikan perbahasan kurang menarik.

Situasi ekonomi dunia pada hari ini didapati sebagai tidak menentu. Namun negara kita masih saja mampu untuk mencatatkan kadar pertumbuhan yang mengalakkan di samping juga dapat menikmati beberapa pembaharuan di segi infrastruktur mahupun yang berbentuk dasar.

Ketidaktentuan itu digawatkan lagi oleh pergolakan geopolitik dunia yang tidak berkesudahan kemudian secara mendadak, pasaran kewangan dunia pula terutama di rantau Asia mengalami masalah teruk akibat penularan wabak

COVID-19. Kesan daripada wabak ini telah menjejaskan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara di dunia, termasuk menjadi sebab kurangnya permintaan minyak dan gas dunia yang secara automatik menjadikan harga kedua-dua komoditi ini jatuh.

Ini boleh menyebabkan negara mengalami defisit setelah mencatat lebih baki fiskal pada Tahun Kewangan 2018 / 2019. Namun kita tetap bersyukur kerana negara ditakdirkan bebas daripada wabak yang menggerunkan ini. Kita berharap Negara Brunei Darussalam akan terus mendapat perlindungan **الله** daripada serangan virus *COVID-19*.

Pada hemat beta, ini adalah kerana berkat Brunei sentiasa menghayati doa, di masjid-masjid kita berdoa, di rumah-rumah kita berdoa dan di majlis-majlis kita berdoa. Pendeknya Brunei Darussalam adalah cukup makmur dengan doa. Maka beta berharap supaya kita meneruskan amalan berdoa sebagai budaya bangsa.

Turut juga disyukuri kerana sepanjang tahun 2019 kerajaan beta masih dapat meraih beberapa pencapaian yang signifikan, antaranya transformasi Sektor Telekomunikasi yang mampu bertindak meningkatkan inovasi untuk mengubah landskap ekonomi negara ke arah era digital "*The Fourth Industrial Revolution*" melalui penubuhan *Syarikat Unified*

National Network Sendirian Berhad, Syarikat UNN yang 100% dipunyai oleh kerajaan beta.

Berkaitan dengan sumber tenaga manusia pula, beta telah memperkenankan bagi *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* ditempatkan di Jabatan Perdana Menteri bagi memikirkan langkah-langkah berkesan ke arah meningkatkan peluang-peluang pekerjaan dan menangani isu pengangguran.

Dasar-dasar yang ada juga mustahak diteliti, misalnya yang berkaitan dengan kemasukan pekerja-pekerja asing; halangan atau proses yang boleh menyekat komuniti bisnes dari berkembang; mengadakan latihan-latihan bagi membantu pencari-pencari pekerjaan, mereviu *syllabus* yang berkaitan dengan program latihan, mereviu proses mempercepatkan pengisian jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan awam dan lain-lain.

Beta juga telah memperkenankan penubuhan Autoriti Kemajuan Daerah Temburong bagi tujuan menjana aktiviti perekonomian serta meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di daerah ini.

Mengenai dengan perbelanjaan kerajaan, kita menyedari bahawa perbelanjaan itu terus sahaja meningkat tahun demi tahun. Oleh itu, setiap agensi

kerajaan dikehendaki supaya berhati-hati dalam menggunakan peruntukan yang telah disediakan.

Perlu diingat hasil pendapatan yang banyak tidaklah semestinya mampu untuk menjamin kestabilan dan kekukuhan kewangan andainya hasil itu tidak diurus dengan betul dan cekap. Tetapi dengan adanya amalan berhemah dan usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi maka **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan dapat mengukuhkan kestabilan makroekonomi dan kedudukan kewangan negara.

Dalam pada itu, sangatlah penting diingat mengenai cara penggunaan wang kerajaan. Cara ini mesti benar-benar telus dan amanah. Jangan mentang-mentang wang kerajaan kita pun secara sewenang-wenang membuat projek walaupun projek itu kurang penting atau memang ada kecenderungan berbelanja besar sebab peruntukan dari kerajaan. Atau mungkin juga di sebalik peruntukan besar itu berlaku sandiwara pintu belakang dengan pihak-pihak tertentu di luar kerajaan dan lebih malang lagi kalau hanya pandai membuat projek sedang pengawasan terhadap kerja-kerja projek sangat lemah sehingga apabila siap projek itu didapati banyak kerosakan atau kekurangan berlaku.

Mengapa ini terjadi? Pertama, kerana pengawasan lemah dan kedua, apabila pengawasan lemah maka mudahlah berlaku penyelewengan seperti penyelewengan menggunakan bahan-

bahan yang murah atau rendah kualiti.

Di sini, beta ingin menyeru khasnya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik supaya menyuarakan pandangan-pandangan mereka tanpa ragu-ragu. Suara mereka adalah diperlukan untuk kebaikan.

Secian **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat diraja berangkat meninggalkan majlis diiringi oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan pembesar-pembesar negara).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kita merafakkan rasa kesyukuran ke hadrat **اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana dengan limpah dan keizinan-Nya jua Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas bagi

Majlis Mesyuarat Negara, telah pun selesai disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang juga telah berkenaan untuk mengurniakan titah.

Maka, bagi membolehkan bagi majlis ini untuk menjunjung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat diraja berangkat untuk bergambar ramai bersama-sama dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya untuk meninggalkan bangunan ini, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula pada esok hari, iaitu hari Selasa, 15 Rejab 1441 bersamaan 10 Mac 2020 pada pukul 9.15 pagi.

Sekian *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Selasa, 15 Rejab 1441/10 Mac 2020****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., SNB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., SNB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL. **(Tidak hadir).**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.,

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.,

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PSB., PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, PJK., Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.15 pagi

Yang Dimulikan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas bersidang pada pagi ini iaitu bagi hari yang kedua didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

اللَّهُمَّ الْحَمْدُ لِلَّهِ kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang bagi hari yang kedua dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam keatas junjungan besar kita نبي محمد صلى الله عليه وسلم, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat dan setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan rahmat **اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara telah selamat selesai disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Muizzadien Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Isnin 14 Rejab 1441 Hijrah bersamaan dengan 9 Mac 2020 Masihi. Majlis ini sepenuhnya ingin menyebarkan menjunjung kasih setinggi-tingginya atas keberangkatan baginda bercemar duli dan mengurniakan titah dalam Majlis Pembukaan yang berkenaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Muizzadien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang telah dapat kita dengar bersama amat mendalam dan mempunyai pandangan jauh dan jelas mencerminkan keprihatinan baginda terhadap kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara ini secara berpanjangan.

Baginda ingin melihat persada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini terutamanya, supaya lebih perkasa dan mantap dalam mengetengahkan hal isu-isu negara. Saya percaya Ahli-Ahli Yang

Berhormat akan memberikan sentuhan yang berbeza daripada tahun-tahun yang lalu dalam memberikan buah fikiran masing-masing dan tidak lagi terhad dengan membangkitkan isu-isu ataupun soalan-soalan yang sama yang telah pun dibangkitkan pada tahun-tahun yang sudah.

Baginda menekankan supaya kita bijak dan berhemah dalam membelanjakan kewangan negara serta memfokuskan perbelanjaan yang lebih efisien kepada perkara-perkara yang akan meningkatkan ekonomi dan produktiviti negara demi memelihara kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di negara ini dengan menerapkan pendekatan *whole of nation*, supaya semua usaha dan inisiatif tidak akan menjadi sia-sia dan akan membuahkan hasil seperti mana jua yang kita sama-sama hasratkan.

Dalam masa yang sama, kita hendaklah bersyukur atas limpah rahmat kurnia **اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana kita mempunyai pemimpin raja yang amat memedulikan kepentingan dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya dengan menekankan amalan berdoa sebagai budaya bangsa kita.

Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan memberikan suntikan rangsangan efektif untuk menjelaskan dan mengupas lebih lanjut lagi perkara-perkara seterusnya semasa kita nanti menghadapi Usul Junjung Kasih dalam Perkara V.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, di hadapan kita masih ada lagi beberapa perkara yang perlu kita selesaikan dulu, sekarang segera kita berpindah ke perkara seterusnya.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Perkara IV - Kertas-kertas yang dibentangkan di atas meja. kertas No. 1 Tahun 2020 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.** **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.** Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya dengan segala hormat memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 1 Tahun 2020 iaitu Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2019 dan 2020 menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Kertas No. 2 Tahun 2020, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya dengan segala hormatnya memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 2 Tahun 2020 iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2020/2021.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah membuat kenyataan untuk membentangkan Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2019 dan 2020 menurut Fasal 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Manakala Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ingin membentangkan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2020/2021.

Maka saya izinkan Ahli-Ahli Yang Berhormat tersebut, untuk membawa dan membentangkan kertas-kertas yang dimaksudkan itu.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Perkara V - Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia

Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Segala puji dan syukur ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah kurnia rahmat serta izin-Nya jua, kita dapat sama-sama hadir untuk meneruskan Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نبي محمد صلى الله عليه وسلم, kaum kerabat, sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini telah selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kelmarin hari Isnin, 14 Rejab 1441 bersamaan 9 Mac 2020.

Majlis ini menjunjung kasih setinggi-tingginya atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara dan atas kurnia titah baginda di istiadat tersebut.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu sesungguhnya adalah sangat padat dan bernas serta mengandungi banyak nasihat dan pendapat untuk kita junjung, amat-amati serta jadikan panduan dan iktibar, ia jelas menggambarkan kepimpinan, kebijaksanaan, keprihatinan dan pemedulian serta pandangan jauh baginda terhadap pembangunan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara khususnya untuk memperkasa pertumbuhan ekonomi dalam mengharungi arus perubahan ekonomi global yang kian mencabar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di Dewan yang mulia ini saya dengan sukacita mencadangkan satu Usul yang berbunyi:

"Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul menyembahkan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan titah baginda di majlis ini kelmarin, hari Isnin, 14 Rejab 1441 bersamaan 9 Mac 2020 sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara ”.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekali lagi telah melahirkan harapan terhadap majlis ini sebagai wadah untuk membahaskan perkara-perkara yang diperlukan oleh rakyat dan negara. Perbincangan dan soalan-soalan yang diajukan dalam majlis ini hendaklah memfokuskan kepada isu-isu yang strategik dan relevan kepada pembangunan negara. Ia juga hendaklah berkaitan dengan Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 yang membahaskan dasar-dasar perancangan dan inisiatif-inisiatif yang diungkayahkan oleh kerajaan agar lebih tersusun dan terarah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, di sebalik kadar pertumbuhan yang menggalakkan, situasi pergolakan geopolitik dan terjejasnya pertumbuhan ekonomi dengan kemunculan dan penularan wabak coronavirus (*COVID-19*) telah memberi kesan dan menjejaskan hasil pendapatan negara yang masih banyak bergantung kepada sumber minyak dan

gas. Ini akan menyebabkan negara mengalami defisit, namun demikian, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** dengan kepimpinan, bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan masih mampu melaksanakan pelbagai pembaharuan dari segi infrastruktur mahupun berbentuk dasar.

Kita setentunya juga wajib bersyukur dan berasa amat beruntung kerana selaku rakyat dan penduduk di negara ini kita masih terus dikurniakan beberapa bentuk bantuan dan subsidi dan menikmati pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan seperti kesihatan dan pendidikan.

Selaku rakyat dan penduduk yang bertanggungjawab amatlah wajar dan menjadi kewajipan kita semua untuk memanfaatkan segala kemudahan yang disediakan dengan sebaik-baiknya. Berterima kasih dan memberi sokongan kepada inisiatif-inisiatif kerajaan serta sentiasa taat setia dan bersedia untuk menabur balik jasa dan mencurahkan bakti kepada raja, bangsa dan negara melalui apa jua cara sekalipun.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan pengesanan kes pertama jangkitan *COVID-19* di negara ini, orang ramai dinasihatkan untuk mengamalkan langkah-langkah pencegahan termasuk menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang terjejas bagi mengetatkan lagi kawalan kemasukan penyakit tersebut ke negara ini.

Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan akan terus memantau dan maklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan kejadian jangkitan ini selaras dengan maklumat dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*).

Marilah kita berdoa agar Negara Brunei Darussalam akan terselamat dan terlindung daripada segala bencana dan wabak penyakit dan akan sentiasa makmur kerana amalan berdoa ini adalah amalan budaya bangsa kita.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran dan keadaan ekonomi global yang tidak menentu, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** melalui kepimpinan berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan telah mencatatkan beberapa pencapaian yang signifikan sepanjang tahun 2019. Salah satu pencapaian tersebut ialah transformasi sektor telekomunikasi yang menjadi pemangkin dalam mengubah landskap ekonomi negara ke arah era *Digital Fourth Industrial Revolution* melalui penubuhan Syarikat *United National Networks Sdn Bhd*. Kita berharap supaya kemajuan dalam era digital ini akan dapat mempertingkatkan iklim perniagaan dan pemberian perkhidmatan di sektor awam dan swasta di negara ini.

Dengan adanya inisiatif-inisiatif seperti ini, **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** aktiviti-aktiviti Pelaburan

Langsung Asing (*FDI*) di negara ini akan terus meningkat sekali gus menambahkan hasil pendapatan negara.

Sumber tenaga manusia khususnya golongan belia merupakan aset yang sangat bernilai bagi sesebuah negara. Masa depan negara terletak pada keupayaan dan peranan golongan belia untuk meneruskan agenda pembangunan negara. Menyedari akan hakikat ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk penubuhan *Manpower Planning and Employment Council* yang berperanan untuk menangani isu-isu pengangguran di negara ini secara lebih efisien dan terarah. Antara langkah yang perlu dipertingkatkan ialah mengukuhkan jalinan kerjasama dengan sektor-sektor industri dan institusi-institusi pendidikan di negara ini dalam usaha untuk meningkatkan tahap *employability* dan *marketability* anak-anak tempatan lepasan universiti dan pendidikan teknikal.

Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dasar-dasar kemasukan pekerja-pekerja asing, dasar-dasar pemberian latihan dan proses pengisian jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan awam hendaklah diteliti. Dalam pada itu, golongan belia diseru untuk tampil ke hadapan dalam menyahut titah-titah Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar mereka sentiasa berusaha untuk memajukan diri dan membina keperibadian serta kebolehan masing-masing. Rebutlah peluang dan kemudahan yang disediakan dengan melibatkan diri secara aktif dalam program-program pembangunan dan dalam bidang pekerjaan dan perniagaan supaya golongan belia menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor perniagaan di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan siapnya pembinaan Jambatan Penghubung Daerah Brunei-Muara dan Daerah Temburong dan penubuhan Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT). *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* rancangan-rancangan pembangunan Daerah Temburong akan dapat dilaksanakan dengan lebih pesat dan tersusun. Kemajuan-kemajuan ini sudah setentunya akan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk Daerah Temburong dan menjana lebih banyak aktiviti perekonomian di daerah tersebut sekali gus menjadi penyumbang kepada kemajuan ekonomi negara. Perbelanjaan besar yang telah dikeluarkan untuk membiayai pembinaan jambatan dan rancangan-rancangan pembangunan Daerah Temburong jelas menggambarkan komitmen rasa kasih dan tanggungjawab Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memeduli kebajikan dan kesejahteraan seluruh rakyat dan

penduduk di negara ini dan dalam memastikan kemajuan luar bandar yang inklusif seiring dan menyeluruh.

Dalam menjana pembangunan negara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus komited untuk menyediakan peruntukan bagi pembiayai projek-projek dan inisiatif-inisiatif pembangunan.

Mengambil kira sumber pembangunan negara yang masih terhad, setiap agensi kerajaan berkewajipan untuk mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya sentiasa berhati-hati dalam merancang dan mengurus perbelanjaan. Segala projek dan inisiatif yang dilakukan hendaklah dipantau, ditadbir dan diurus dengan cekap dan telus serta amanah agar ia dapat mencapai sasaran *outputs* atau *outcomes* yang telah ditetapkan.

Agensi-agensi yang lain juga disarankan untuk tidak 'camah mata' dalam sama-sama memantau projek-projek yang dilaksanakan selaras dengan tanggungjawab masing-masing. Melalui amalan berhemah dan usaha-usaha untuk mempelbagaikan ekonomi *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kita akan dapat mengukuhkan kestabilan kedudukan kewangan negara dan ekonomi negara akan terus membangun dengan lebih yakin. Dengan izin *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di Pertuan Negara Brunei Darussalam negara kita akan secara berterusan menikmati kemakmuran dan kekal menjadi sebuah negara yang berdaulat yang sentiasa dilimpahi rahmat
 آمِينَ. آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ . اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik untuk memberikan buah fikiran dan cadangan yang bernas disokong dengan fakta-fakta yang betul dan tepat, fokus serta relevan agar perbahasan akan lebih produktif.

Saya percaya dan penuh yakin Ahli-Ahli Yang Berhormat akan terus menerus mendukung dan menjunjung setinggi-tingginya titah dan aspirasi murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan melipatgandakan usaha masing-masing ke arah pembangunan bangsa dan negara khususnya dalam mencapai Wawasan Brunei 2035. Mudah-mudahan segala usaha yang kita laksanakan akan membuahkan hasil yang kita hasratkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pada mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengulang seruan supaya kita semua di Dewan yang mulia ini “menanai” titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya menunaikan kewajipan yang diamanahkan oleh baginda kepada kita semua dengan sebaik-baiknya.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih kenyataan daripada Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga mengemukakan satu usul maka saya meminta sekarang seorang ahli untuk menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini bagi kita untuk membolehkan membahaskan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola menyokong sepenuhnya usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih Yang Di Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mencadangkan satu usul bagi menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini pada hari Isnin, 14 Rejab 1441 bersamaan 9 Mac 2020.

Kenyataan usul ini telah disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Maka usul ini sekarang saya bukakan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membahaskan. Saya mempunyai senarai yang agak panjang bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta membahaskan usul yang berkenaan.

Maka untuk memulakannya saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sesungguhnya semalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini, kita telah mendengar dan mengikuti kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sesungguhnya titah baginda itu amat kita hargai dan kita junjung tinggi dan sesungguhnya titah baginda itu juga ibarat lampu pelita yang menerangi jalan kita yang panjang menuju kemajuan dan pembangunan bangsa dan negara. Negara makmur sejahtera بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ dan اللَّهُ itu maha pengampun.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Antara kandungan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam kita hayati antaranya isu pekerja asing dan penglibatan warga asing dalam kegiatan perniagaan. Sesungguhnya isu ini telah banyak dibincangkan dalam berbagai-bagai forum. Antaranya dalam muzakarah bersama kementerian-kementerian yang berkenaan. Namun sejauh ini belum menghasilkan natijah yang dihasratkan.

Dari itu kaola berpendapat satu pendekatan baharu yang lebih praktikal harus dicari khasnya bagi menarik golongan pencari kerja yang terdiri daripada belia-belia negara supaya kekal dan suka serta mencintai bidang pekerjaan yang akan mereka ceburi. Umpamanya, dengan memberikan mereka insentif yang lebih menarik khasnya skim perkhidmatan yang lebih sesuai dan menarik termasuk upah dan gaji yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga mengingatkan supaya seluruh jentera kerajaan dan penjawat awam akan bekerja dengan penuh jujur amanah, telus dan berintegriti dan sentiasa menjunjung tinggi falsafah Melayu Islam Beraja sebagai landasan berfikir dan bertindak bagi kebaikan bangsa dan negara.

Dalam persidangan pagi ini, di Dewan yang mulia ini, kaola menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan iringan doa mudah-mudahan baginda akan sentiasa dikurniakan kesihatan, rahmat dan keberkatan oleh **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam memimpin rakyat dan negara menuju ke mercu jaya.

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu dengan tulus ikhlas menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara dan atas limpah kurnia titah baginda.

Kaola juga menyokong penuh Usul daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menyembahkan ucapan berbilang-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan telah bercemari duli berangkat ke istiadat perasmian semalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semalam merupakan kurnia yang amat besar nilainya dan sama-sama ditunggu-tunggu oleh keseluruhan lapisan masyarakat. Setiap butir titah baginda kita amat-amati jelas terpancar gagasan penuh dengan pesanan yang bijaksana. Begitu juga baginda berpandangan sejak sekian waktu berulang kali menegaskan kepentingan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara di kehadapan, nasihat dan teguran menggambarkan baginda sangat mengambil berat serta sangat dekat di hati baginda akan isu-isu semasa yang menuntut kita selaku Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara serta rakyat dan penduduk di negara ini berganding bahu bekerjasama untuk memantapkan lagi perekonomian negara, menyejahterakan masyarakat, memberkati negara, memperkuat beragama serta menjaga dan mengamalkan akhlak yang mulia dan etika kerja yang baik.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ Daerah Temburong "Permata Hijau" sangat bertuah dan beruntung kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi penubuhan Autoriti Kemajuan Daerah

Temburong (AKDT) yang bertujuan menjana aktiviti perekonomian serta meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di Daerah Temburong.

Kaola dalam kesempatan ini dan bagi mewakili rakyat dan penduduk Daerah Temburong merafakkan sembah menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan meraikan kesyukuran ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Ia merupakan wawasan baginda yang jauh dan merupakan tanda kasih baginda kepada rakyat dan penduduk bagi negara ini khususnya bagi Daerah Temburong. Umum mengetahui iaitu pembinaan jambatan penghubung antara Daerah Brunei dan Muara dan Temburong. Dengan adanya jambatan tersebut Daerah Temburong akan bertukar wajah dan rupa, kemajuan bertambah, kemakmuran kebahagiaan akan dinikmati, pelancongan dan perekonomian bertambah pesat, penantian sekian lama akan berakhir pada tahun ini 2020 **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** sedikit masa nanti akan dibuka rasmi.

Dengan terbentuknya AKDT ini, apa yang diharapkan kepada agensi-agensi berkenaan bersama-sama dengan pihak Urus Setia AKDT bagi memastikan projek-projek yang dilaksanakan mesra alam, berjalan dengan lancar berlandaskan tempoh masa yang telah ditentukan. Seperti yang kaola difahamkan, beberapa projek telah dikenal pasti terutama menjadikan

Daerah Temburong sebagai destinasi utama ekopelancongan serta dalam memfokuskan beberapa kawasan di daerah ini seperti di kawasan Labu, Pekan Bangar, Batang Duri dan Ulu Temburong untuk dimajukan. Kaola juga berseru kepada rakyat dan penduduk Daerah Temburong yang berkenaan akan dapat mengambil peluang daripada rancangan yang disediakan oleh Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersyukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** negara kita ditakdirkan bebas dari serangan *COVID-19* yang pada hemat baginda adalah kerana berkat Brunei sentiasa menghayati doa. Doa adalah senjata orang mukmin yang ampuh. Baginda mengharapkan supaya amalan berdoa sebagai budaya bangsa. Sehubungan dengan itu, kaola amatlah menyokong saranan baginda itu di samping kita memperbanyakkan berdoa, kita juga dituntut untuk memperbanyakkan beristighfar, pengamalan pembacaan Saidul Istighfar telah pun juga diamalkan di majlis-majlis rasmi negara dan alangkah eloknya juga jika amalan pembacaan Saidul Istighfar itu diamalkan dan dibacakan juga di Majlis Mesyuarat Negara seperti ini kerana manfaatnya sangatlah besar.

Menyentuh mengenai perbelanjaan kerajaan dan cara penggunaan wang kerajaan mestilah benar-benar telus dan amanah seperti contoh pemberian projek-projek kerajaan. Kaola

mencadangkan perlunya kita memikirkan dan menggunakan kaedah dalam agama Islam untuk memberi dana projek-projek kerajaan dalam menentukan kepentingannya dan skop manfaatnya dengan klasifikasi iaitu:

1. Daruriyat yakni sesuatu yang wajib, contohnya pembuatan sekolah, masjid dan penggunaan awam;
2. Haji'iyad, ia tidak wajib tetapi masih diperlukan; dan
3. Tah'siniat, tidak menjadi masalah jika tidak dibuat, contoh seperti tempat hiburan.

Begitu juga dalam perbelanjaan jabatan-jabatan kerajaan, tiba masanya kaedah tersebut diteliti oleh pihak berkepentingan dan dengan menempatkan maklumat serta kemahiran-kemahiran daripada pihak tertentu jika ia dapat membantu urusan kewangan dengan lebih mantap. Pada masa yang sama, saranan baginda supaya pengurusannya lebih berkesan, jika perlu mereka yang terlibat diambil tindakan dengan menegakkan peraturan yang sedia ada agar penyelewangan tidak berulang pada masa akan datang.

Marilah kita bersama-sama memohon doa ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** semoga negara kita dijauhkan daripada wabak penyakit dan bala bencana, sebaliknya dilimpahi dengan berkat, kemakmuran yang berpanjangan. Kita berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja beroleh kesejahteraan, rahmat, petunjuk serta perlindungan dan hidayah daripada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**
آمِينَ... آمِينَ... يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @

Othman: **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ**, kaola dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyokong sepenuhnya dan bersetuju atas Usul Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas, Majlis Mesyuarat Negara pada 14 Rejab 1441 bersamaan 9 Mac 2020.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola amat menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang merupakan satu titah yang berpandangan jauh lagi telus dalam mengingati kita semua akan tanggungjawab untuk memfokuskan segala perbincangan mengenai perkara-perkara yang strategik yang boleh memberikan kesan kepada kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat signifikan dan relevan bagi kita yang berada di Dewan yang mulia ini dan juga mereka yang ada di luar sana untuk dimengertikan, dilaksanakan dan "ditanai" dengan penuh kejujuran, ketaatan, kesetiaan yang tidak berbelah bagi. Titah yang sangat penting dan perlu dijadikan rujukan kepada semua yang berada dalam Dewan yang mulia ini

dan di luar sana. Inti pati setiap perkara yang baginda sentuh dalam titah pembukaan Majlis Mesyuarat Negara semalam mempunyai sandaran, alasan dan fakta yang kukuh dan tidak dapat disangkal akan kebenarannya. Dari inti pati titah yang telah baginda titahkan, adalah pengamatan dan pemantauan baginda yang luar biasa dan sangat teliti ke atas apa yang sudah berlaku, sedang berlaku dan yang akan berlaku. Jika semua pihak yang diberikan tanggungjawab kurang teliti dan kewaspadaan pasti akan merugikan negara dan rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, titah baginda itu juga merupakan *directive* (misi yang jelas) untuk kita semua merancang dan bertindak dalam menentukan hala tuju tanggungjawab yang kita pikul dan diberi mandat dan diberikan amanah untuk melaksanakannya. Dengan titah baginda itu juga setiap kita perlu merangka strategik untuk kemajuan dan pencapaian kejayaan ke atas fungsi yang menjadi tanggungjawab kepada kita semua di dalam Dewan yang mulia ini sebagai perwakilan dan teras kepimpinan di bahagian masing-masing.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, merujuk tajuk perkara yang disentuh dalam titah baginda, Majlis Mesyuarat Negara menjadi wadah strategik untuk memikir dan membahaskan perkara-perkara yang relevan diperlukan rakyat dan negara dengan pemikiran dan

penelitian yang rapi disokong dengan fakta yang sahih serta tepat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegur bahawa sesetengah Ahli Yang Berhormat lebih banyak bertanyakan daripada memberikan buah fikiran. Dalam perkara yang dititahkan baginda juga menyebut pergolakan dunia dari segi geopolitik dan juga penularan *COVID-19* yang banyak menjejaskan perkembangan ekonomi serta juga menjejaskan harga minyak dan gas di seluruh dunia.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , Negara Brunei Darussalam masih dapat mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan dan seterusnya dapat menikmati pembaharuan, infrastruktur berbentuk dasar. Dalam menangani *COVID-19*, walaupun ia ada sudah berlaku di negara kitani, *إِنْ شَاءَ اللّٰهُ* seperti mana titah baginda supaya kita dapat mengamalkan budaya kita iaitu berdoa di masjid-masjid, di rumah-rumah, di majlis-majlis, agar kita mengharapkan *COVID-19* dapat terhindar daripada merebak seterusnya.

Pada tahun 2019 juga kerajaan telah meraih pencapaian yang signifikan dalam sektor telekomunikasi yang membawa perubahan landskap ekonomi ke arah digital dan the *fourth industrial revolution* melalui penubuhan *UNN Sendirian Berhad* yang 100% titah baginda dimiliki oleh kerajaan kita. Seterusnya baginda menyentuh tentang pengurusan tenaga

kerja dan penubuhan *MPEC* di bawah Jabatan Perdana Menteri ke arah meningkatkan peluang pekerjaan dan menangani isu pengangguran serta mempercepatkan pengisian jawatan kosong di sektor kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua penubuhan Autoriti Kemajuan Daerah Temburong memberikan masa depan lebih cerah untuk Negara Brunei Darussalam. Baginda juga menyentuh berhemah membelanjakan peruntukan yang diberikan serta berusaha mempelbagaikan ekonomi dan seterusnya baginda memperingati supaya pemantauan ke atas projek perlu dibuat supaya tidak berlaku penyelewengan dengan menggunakan bahan yang tidak berkualiti.

Kita yang ada di dalam Dewan ini dan semua mereka yang di luar sana, sama ada penjawat-penjawat awam atau semua lapisan masyarakat perlu mengingati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyentuh banyak perkara yang mesti diambil perhatian dan dilaksanakan secara bersatu padu dan berganding bahu dan membantu kerajaan baginda bagi memakmurkan dan memajukan negara dan rakyat serta dapat merealisasikan hasrat negara seperti yang terkandung dalam Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, akhir kalam kaola sekali lagi ingin sama-

sama menyembahkan setinggi - tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah baginda yang jelas lagi menekankan dan menyeru khasnya kepada kita semua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat ini supaya sama-sama menyuarakan pandangan tanpa ragu-ragu dan suara kitani diperlukan untuk kebaikan negara dan rakyat.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji

Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

*بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.*

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu kaola mengucap syukur ke hadrat *وَتَعَالَى* kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya jua maka kaola dapat berucap di Majlis di Dewan yang mulia ini, *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ*, menyentuh mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

semalam kaola menyokong penuh usul daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menyembahkan ucapan berbilang-banyak menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 14 Rejab 1441 bersamaan 9 Mac 2020.

Kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya atas titah baginda dan dengan sedaya upaya selaku Ahli Yang Berhormat mengemukakan cadangan-cadangan yang lebih relevan dan fokus kepada keperluan rakyat dan negara seperti mana yang baginda hasratkan, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*. Sebagai seorang pemimpin Negara Brunei Darussalam yang sentiasa menekankan Islam sebagai pegangan ke arah kecemerlangan negara kita akan terus dilindungi dan diberi perlindungan oleh *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* jua. Selaku rakyat kita sewajarnya melihat ini sebagai landasan ke arah mencipta kehidupan yang lebih sumul sejajar dengan titah baginda agar kita terus menerus mengamalkan doa sebagai budaya hidup.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, kekuatan doa telah pun mampu memelihara Negara Brunei Darussalam daripada bala bencana. Selain daripada itu, baginda juga menyeru agar kita mensyukuri nikmat kemajuan yang dikecapi terutama sekali di dalam kemajuan teknologi digital dengan tertubuhnya sebuah syarikat milik kerajaan bagi mengimbangi komunikasi terkini dengan ini ianya dapat mewujudkan satu pemikiran baharu sebuah negara pintar yang lebih maju *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Sehubungan dengan itu, sudah tiba masanya negara kita mencapai peluang-peluang baharu khususnya di dalam ekonomi digital yang dapat diserap oleh golongan belia bagi mencetuskan promosi di dalam gerak kerja produkti dan budaya hidup seharian tanpa mengetepikan nilai-nilai hidup beragama berpandukan berkonsepkan Melayu Islam Beraja iaitu MIB.

Dalam belanjawan kerajaan, budaya berjimat cermat juga menjadi keutamaan baginda terutama dari dahulu hingga sekarang. Dalam hal ini kaola pula berharap biar pihak-pihak yang berkenaan dapat mencadangkan projek-projek yang berimpak tinggi kepada hasil ekonomi rakyat khususnya di kawasan luar bandar untuk mewujudkan peluang perniagaan yang lebih maju dan berdaya saing. Kaola juga menyokong sepenuhnya penubuhan majlis pekerjaan yang dirancang tenaga kerja *MPEC* dan Authoriti Kemajuan Daerah Temburong (*AKDT*) serta berharap agar

agensi-agensi berkenaan dan seluruh rakyat memberikan kerjasama yang padu dalam sama-sama memajukan Negara Brunei Darussalam.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berpendapat ada baiknya persidangan ini kita tangguhkan dulu selama 15 minit untuk kita berehat.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita masih lagi membincangkan Perkara V iaitu Usul Yang Telah Diberi Notis yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan usul tersebut telah mula dibincangkan oleh beberapa orang ahli dan kita masih lagi mempunyai senarai yang agak panjang daripada ahli-ahli yang ingin turut serta dalam membincang usul ini. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*

Terima kasih *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ* Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuh-penuhnya akan usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam bagi menyebarkan ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan bertitah pada hari tersebut.

Sesungguhnya titah baginda penuh dengan nasihat kewibawaan serta harapan baginda yang sentiasa memedulikan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini di bawah naungan rahmat *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* jua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini serta nasihat untuk diri saya sendiri jua untuk mengubah pola pemikiran kita supaya berfikir secara

strategik dan mencari inovasi serta mencadangan penyelesaian bagi isu-isu yang kita bincangkan baik dari segi peruntukan mahupun dasar.

Cukuplah kita membawakan isu-isu yang lama namun begitu perlu juga ada kemas kini atau *update* dari pihak-pihak yang berkenaan mengenai isu-isu yang sudah dibangkitkan. Kalau belum ada jawapannya pada persidangan yang lepas maka tidaklah perlu ditanya lagi semula baru kita bincangkan. Malah besarlah harapan saya supaya *update* ini disampaikan secara telus dan suasana yang harmoni. Jika lemah kitani kuatkan, jika salah kitani betulkan dan jika perlu dibuat semula kitani sama-sama memikirkan dan mengambil tindakan yang perlu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Negara kita baru kelmarin dikejutkan dengan mengesan kes pertama *COVID-19* dan dengan kesiapsiagaan Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi yang lain kitani berdoa dan berharap supaya perkara ini tidak berlarutan dan dapat dikawal.

Saya menyarankan di samping amalan-amalan dan mengikut tatacara pengawalan virus ini mengikut nasihat Kementerian Kesihatan 'bisai jua' kitani mempersiapkan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan kitani termasuk juga perniagaan-perniagaan dan perusahaan-perusahaan supaya dapat mengurangkan impak *COVID-19* ini.

Antara saranan saya:

1. Memastikan mana-mana pekerja yang dijangkiti *COVID-19* baik di sektor swasta mahupun kerajaan yang menjalani cuti kuarantin untuk tidak dipotong cuti sakit apatah lagi cuti tahunan;
2. Memberi pertimbangan untuk memberi sokongan kepada orang yang mungkin berisiko seperti yang mempunyai *existing medical condition*, usia yang lebih lanjut dan lain-lain untuk tidak menghadapi stigma mahupun diskriminasi baik sebagai pekerja atau pelanggan;
3. Memberi garis panduan yang sesuai untuk bekerja secara *remote* atau *teller working* bagi sektor yang dapat diaplikasi cara ini; dan
4. Menyediakan *contingency plan*. Disediakan untuk apa jua persiapan supaya memastikan tiada gangguan atau kurang gangguan bagi penyampaian perkhidmatan di sektor kerajaan ataupun swasta contohnya jika perlu pengambilan pekerja-pekerja baharu bolehlah menjalaninya secara *online test* dan *interview* atas talian atau perkhidmatan di kaunter bolehlah digantikan dengan talian telefon juga pekerja yang menjalani kuarantin masih boleh diberi tugas secara *teller working* dan lain-lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** negara telah menubuhkan *Mainpower Planning*

and Employment Council (MPEC) untuk menangani isu-isu pengangguran. Di sini saya berminat sekali untuk mendengar dan mengetahui apakah perancangan ke hadapan majlis ini. Beberapa perkara saya lihat masih perlu pbaikan untuk pemerhatian kitani jua iaitu:

1. Perlunya ada usaha berterusan kitani dalam *upscaling, rescaling* dan *live long learning* kursus, pada masa sekarang ia masih 'bertempiritan' dan bersifat *in a silo* ertinya penjawat kerajaan adalah di bawah jagaan SPA dan IPA;
2. Kementerian Pendidikan untuk perbelanjaan sepanjang hayat secara formal dan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk pendidikan Islam. Saya mencadangkan peyelarasan untuk dapat dibawa ke majlis ini; dan
3. *Rescaling* dan *upscaling* pekerja kitani, *بِاللَّحْمَدُ لِلَّهِ* ada sudah usaha latihan di peringkat kerajaan seperti di Institut Perkhidmatan Awam mahupun kursus pendek di *IBTE* serta latihan-latihan yang disediakan oleh pihak swasta seperti *short scale training* dan kemahiran teknikal. Malah kursus di atas talian bersifat *massive online open course mode* juga ada. Namun begitu latihan-latihan ini walaupun ada usaha untuk memastikan ianya dapat dibayar secara berpatutan namun bagi seorang pencari pekerjaan ataupun seorang baru sahaja diberhentikan kerja untuk membayar kursus yang

berharga \$100.00 ataupun sekadar sepuluh ringgit pun terasa berat. Sudah tiba masanya kitani memikirkan supaya adanya subsidi ataupun kredit kewangan dalam perkara ini.

Dalam titah baginda juga baginda ada menyentuh mengenai menliai semula proses mempercepatkan pengisian jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan awam. Adalah dimaklumi bahawa kitani hendaklah memastikan ianya efisiensi dan *effectiveness*, penjawat awam kitani melalui berbagai usaha dan saya memuji usaha kitani semua dalam perkara ini. Namun masih ada satu kekurangan yang ketara dalam perkara ini iaitu jawatan-jawatan yang dipangku. Pada pendapat saya jika seorang pegawai tersebut cuma menjawat jawatan tersebut secara memangku dan menunggu untuk ditetapkan tidaklah menjadi apanya. Akan tetapi jika seorang pegawai tersebut mempunyai dan memangku dua jawatan bukannya ianya menjadi satu kerugian dimana salah satu jawatan tersebut dapat diisikan oleh orang lain.

Isu memangku terlalu lama juga mungkin dapat kita sama-sama memikirkan dan penyelesaiannya. Contoh saja mengikut kajian saya 2 buah kementerian yang mana 50% pegawai kanannya di dalam jawatan memangku. Malah ada sebuah kementerian rata-rata semua pegawai kanan adalah jawatan memangku. Saya berharap perkara ini janganlah berlarutan terlalu lama kerana

ia menampakkan kelemahan kitani dalam *human capital development* di dalam *sucession planning* kitani.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terakhir sekali pemikiran jauh baginda terbukti dengan ingin melihat inovasi dalam perekonomian negara di dalam era *Fourth Industry revolution (FIR)*. Kitani masih lagi menanti-nantikan apakah perancangan kitani dalam menghadapi *FIR* ini di peringkat nasional. Saya berharap perkongsian di Dewan yang mulia ini namun begitu izinkan saya memberikan pendapat *FIR* ini:

1. Memberi beberapa peratus dari KDNK di dalam *research and development*;
2. Memastikan pendidikan *STEAM* iaitu *Science, Technology, Engineering, Arts* dan Matematik diberi pengkhususan dan laluan kerjaya atau *career path* disediakan;
3. Mengukuhkan lagi ekonomi digital kita dengan meningkatkan kepakaran dan permerkasaan serta menyediakan infrastruktur yang diperlukan;
4. Menggalakkan pengusaha-pengusaha kita untuk berkecimpung ataupun sekurang-kurangnya mengadaptasi teknologi dalam perusahaan mereka; dan
5. Terakhir sekali seperti mana kita mempunyai program *Civil Service*

Leadership Pipeline (CSLP). Saya mencadangkan kita mempunyai Program *Bruneian Talent Tag Pipeline* untuk mempersiapkan generasi perintis seterusnya dalam bidang teknologi. Perkara ini boleh diusahakan bersama oleh konsortium universiti-universiti kita, sektor-sektor perniagaan dan orang-orang yang dalam industri ini sebagai satu inisiatif membuatnya ia secara sistematik untuk mengembangkan bakat anak-anak muda kita.

Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sesungguhnya kaola wakil dari Daerah Tutong bagi Zon 2 juga mewakili rakan kaola dari Zon 1 menyokong cadangan Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Kaola dan rakan mengambil kesempatan menyembah setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda seterusnya mengurniakan titah dalam Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 14 Rejab 1441 bersamaan 9 Mac 2020.

Kaola dengan sedaya upaya menunaikan hasrat yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin dan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengikut kebolehan dan fikiran kaola bagi memberi buah fikiran dan cadangan mengenai isu-isu yang dianggap relevan terutama sekali yang berkaitan dengan keperluan rakyat dan negara, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Titah baginda seterusnya mengenai penularan wabak *COVID-19* yang menjejaskan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara di dunia menyebabkan kurangnya permintaan minyak dan gas maka mengakibatkan harga kedua komoditi ini jatuh, tidak terkecuali negara kita yang masih

bergantung pada hasil sumber minyak dan gas sebagai hasil utama. Hal ini menyebabkan negara mengalami defisit. Baginda menekankan setiap agensi kerajaan untuk berhati-hati dalam menggunakan peruntukan iaitu berbelanja secara berhemah di samping usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi. Mengenai cara menghindar dari wabak *COVID-19*, selain doa-doa semua agensi yang berkenaan perlu bekerjasama mengadakan kawalan ketat kemasukan individu-individu dari mana jua negara terutama dari negara-negara yang dijangkiti penyakit berkenaan dan menyiarkan maklumat dari semasa ke semasa akan kewaspadaan dan kesiapsiagaan kepada rakyat yang akan mengadakan perjalanan ke luar negara dan individu yang merasa dirinya kurang sihat sekembali dari luar negara diwajibkan berjumpa doktor secepat mungkin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menyentuh mengenai titah baginda mengenai pengangguran, bagi mengatasi perkara ini baginda memperkenankan bagi *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* ditempatkan di Jabatan Perdana Menteri. Setentunya *MPEC* perlu memikirkan melaksanakan projek pelaburan yang membuka luas ruang pekerjaan dan terbaharu. Di samping itu, mengadakan latihan-latihan dan menyediakan *syllabus* kemahiran bagi menanamkan semangat keusahawanan dari peringkat sekolah dan maktab-maktab.

Sebenarnya apabila sebahagian besar seseorang memiliki semangat keusahawanan maka tidak perlu dirisaukan akan sedikitnya ruang pekerjaan. Jika seseorang mempunyai jiwa keusahawanan mestinya ia dapat membina perusahaan sendiri bahkan dapat memberi pekerjaan kepada orang lain.

Inisiatif untuk menghidupkan *Job Center Brunei (JCB)* merupakan satu cara mengurangkan pengangguran kerana *JCB* mempertemukan antara majikan dan pencari kerja. Dengan cara ini pencari kerja tidak susah mendapatkan maklumat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan dan keupayaan, hanya dicadangkan supaya ada wakil dari pihak *Job Center Brunei (JCB)* untuk menyertai dalam temu duga syarikat-syarikat berkenaan untuk memastikan pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat tersebut benar wujud dan peluang pekerjaan harus dilakukan dengan *transparent* atau dengan telus iaitu dengan tidak ada praktikal untuk peluang pekerjaan "pintu belakang".

Kaola mendapat maklumat, ada 6,000 lebih pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat – syarikat menerusi *JCB* tetapi hanya 2,000 sahaja pekerjaan yang diisi. Jika ini benar apakah masalahnya?

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kemasukan pekerja asing juga menjadi perhatian baginda iaitu dasar-dasar mustahak diteliti kerana banjir pekerjaan asing menjejaskan pencari kerja

anak tempatan. Walau bagaimanapun, bukanlah bermaksud negara langsung tidak memerlukan pekerja asing kerana ada pekerjaan yang tidak dapat dilakukan oleh anak tempatan, maka pekerja tenaga asing masih diperlukan. Hanya perlunya pihak berkenaan khususnya *MPEC* mengkategorikan jenis pekerjaan untuk anak tempatan yang masih dijawat oleh pekerja asing yang belum pernah dipegang oleh anak tempatan. Namun, umur syarikat berkenaan mencecah satu abad dan jawatan-jawatan penting ini masih lagi dimonopoli oleh pekerja-pekerja asing.

Bagi mengatasi perkara ini, pihak majikan dan pengurusan yang terdiri daripada orang asing hendaklah betul-betul jujur mencurahkan ilmu mereka dan memberikan peluang kepada anak tempatan memegang jawatan berkenaan setelah tamat kontrak dan bukannya memberikan dengan pelbagai tekanan menyebabkan anak tempatan berhenti dan akhirnya pekerjaan tersebut diberi peluang pengganti kepada orang asing berterus-terusan hingga berpuluh tahun dengan alasan anak tempatan tidak tahan bekerja atau memilih pekerjaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Baginda inginkan ada usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi oleh perusahaan yang kecil mahupun bagi perusahaan yang besar. Tetapi bagi perusahaan kecil adalah sukar untuk melaksanakan jika tidak ada bantuan khusus. Oleh itu, bagi membantu perusahaan kecil sokongan pihak kerajaan adalah penting misalannya

memberi latihan kemahiran, pengalaman Pendidikan dan pemantauan serta modal yang mencukupi. Dengan cara ini akan mengurangkan pengangguran kerana mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan untuk warga tempatan. Menggalakkan dengan penyertaan apabila dapat dibantu dari segi infrastruktur dan kemudahan yang probisnes.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Baginda bertitah menyentuh tentang pengawasan projek yang sangat lemah menyebabkan kerosakan, kekurangan dan penyelewengan seperti penggunaan bahan-bahan yang berkualiti rendah dan murah. Dalam hal ini, pegawai luar yang jujur dan amanah sangat perlu diwujudkan dari agensi-agensi yang berbeza bagi memantau setiap projek kerajaan dan melaporkan setiap perincian kemajuan projek selepas pemantauan.

Akhirnya sebagai penutup, kaola berpendapat bahawa dari titah baginda amat jelas pemedulian, keprihatinan dan kebijaksanaan baginda dalam menangani semua permasalahan negara. Kaola sangat menjunjung tinggi akan titah ini. Oleh itu, marilah kita bersama-sama berdoa semoga negara kita dijauhi dari segala wabak penyakit dan sentiasa dalam aman dan makmur serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

dan kerabat diraja beroleh kesejahteraan rahmat serta hidayah daripada
 جز الله سبحانه وتعالى

Sekian, وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
 Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pertama-tama marilah kita bersyukur ke hadrat اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى atas rahmat dan nikmat yang dilimpahkan ke atas negara kita sebagai negara yang aman makmur seperti yang kita nikmati selama ini. Kita baru sahaja menyambut Hari Kebangsaan Ke-36 tahun iaitu satu tempoh yang boleh dikatakan sudah cukup matang dan dewasa. Kita telah berjaya memartabatkan negara di dunia antarabangsa dan menempah banyak kemajuan. Ini atas usaha gigih pemimpin kita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga setiap rakyat dan penduduk negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola berdiri di sini dengan tulus ikhlas menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sembah ucapan junjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 14 Rejab 1441 bersamaan 9 Mac 2020.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam titah baginda, baginda dengan jelas menunjukkan keprihatinan yang tinggi terhadap isu-isu yang berkaitan dengan keadaan ekonomi, sosial dan politik dan baginda terus mengharap dan ingin melihat Majlis Mesyuarat Negara ini menjadi wadah strategik bagi memikir dan membahaskan perkara-perkara yang diperlukan rakyat dan negara. Titah ini sangat disanjung tinggi kerana memberikan semangat kepada Ahli-Ahli Berhormat untuk memberikan pandangan yang difikirkan boleh membantu kerajaan bagi membangun ekonomi, sosial, politik negara dan rakyat negara ini yang menjurus kepada dasar dan strategik untuk mempercepatkan negara menuju sasaran Wawasan Brunei 2035 yang hanya tinggal kurang lebih 15 tahun lagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam pada itu baginda juga menekankan mengenai perbelanjaan berhemah, ke arah itu sangat penting bagi kerajaan atau pihak yang berkenaan untuk fokus membuat perbelanjaan yang dapat membantu menjana pekerjaan seperti usaha untuk menarik pelaburan asing ke negara ini yang boleh menjana pekerjaan. Pihak kerajaan atau yang berkenaan juga perlu membantu peniaga-peniaga tempatan, pihak-pihak yang terlibat dengan pelancongan, pertanian dan perikanan dengan cara mengadakan pakej bantuan yang berpatutan. Pihak kerajaan juga mestilah mengubah minda dan mentaliti sentiasa fikir perbelanjaan berhemah dan melaksanakan projek yang memberi kesan *value for money* yang selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035. Dalam menentukan sama ada sesuatu program atau projek itu adanya *value for money*. Setiap kementerian haruslah bijak meneliti serta menilai dan bukannya main teka atau berandaian sahaja. Menyentuh mengenai hemah berbelanja juga kerajaan dan masyarakat perlulah mengurangkan aktiviti atau majlis-majlis yang kurang perlu dan hendaklah berbelanja secara berpatutan sahaja.

Dalam masa yang sama perlunya perubahan minda yang ketara, sebab masih ada lagi pegawai kerajaan yang berfikiran untuk melaksanakan sesuatu projek itu mesti ada bajet, "*no budget no go*". Perlunya pegawai berkenaan berfikiran probisnes dan faham selok belok kemahuan sektor swasta dan

komuniti bisnes. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kalau pegawai berkenaan berfikir bijak dan memadam perkataan "atu payah tu eh" adalah dipercayai memang ada cara lain untuk suatu projek atau inisiatif itu dibuat tanpa perbelanjaan atau kurang perbelanjaan kerajaan dengan bersifat profesional dan etika kerja serta berintegriti tinggi **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** unsur rasuah dapat dielakkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai kesan *COVID-19* perlunya penduduk di negara ini sentiasa mengamalkan kebersihan diri setiap masa dan di mana saja berada termasuk juga pekerja - pekerja asing yang berada di negara ini. Akta-akta atau undang-undang kesihatan perlulah dilaksanakan supaya memberi kesan kepada mereka yang melanggar akta atau undang-undang yang dikuatkuasakan.

Berkenaan dengan pengawasan dan sandiwara "pintu belakang", teguran ini bukan saja untuk satu projek tertentu tetapi menyentuh seluruh projek pembangunan yang terdapat kurang dari segi proses penilaian tawaran sehingga pemantauan semasa pembinaan dan juga pasca pembinaan.

Sukacita dan perlu dicadangkan tatacara dan proses yang sedia ada perlu direviu untuk memastikan bangunan atau infrastruktur yang dibuat akan ada yang memantau semasa dibina. Ini termasuk agensi-agensi kerajaan berkenaan membawa kepada konsultan dan pihak

profesional yang terlibat dari peringkat perancangan hingga pembinaan siap dan beroperasi dan juga ditambah pasca pembinaan perlu pemantauan sebab banyak penggunaan ataupun infrastruktur yang setelah siap kurang pemeliharaan dan ini menyebabkan ia cepat rosak. Dalam hal itu perlu dicadangkan juga iaitu sebagai contoh kalau dapat peruntukan pemeliharaan bangunan dan kawasan untuk jangka masa sederhana atau panjang dimasukkan dalam jumlah keseluruhan kos projek.

Dalam hubungan ini, pihak penyiasat perlulah diperkuat dan mempunyai integriti yang tinggi dan cekap dan dalam pada itu juga keadilan undang-undang perlulah diperkuat misalnya hukuman bagi mereka yang pecah amanah, penyelewangan wang kerajaan, wang rakyat dan rasuah perlulah diberikan hukuman yang lebih berat jika dibandingkan dengan jenayah-jenayah lain seperti penyeludupan rokok dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai dengan pengambilan pekerja asing perlulah dihadkan sementara Akta Buruh dan Imigresen perlulah diteliti semula dan diperketatkan terutama mengenai dengan dasar-dasar yang sudah lama dan tidak lagi serasi atau selaras dengan keadaan semasa perlulah diubah suai.

Dasar-dasar baharu juga perlu diperkenalkan untuk memastikan mana-mana projek atau inisiatif yang tidak dapat dibuat disebabkan oleh dasar dan peraturan yang tidak sesuai akan dapat dilaksanakan mengikut keadaan semasa dan memenuhi matlamat Wawasan 2035. Perkasakanlah penglibatan sektor swasta dan pelabur dengan bukan saja kementerian-kementerian berkaitan memudah cara tetapi juga mengubah dasar supaya apa yang dicadangkan oleh sektor swasta atau pelabur itu akan dapat dilaksanakan dengan mengambil kira aspek *win-win-win* iaitu *win* kepada sektor swasta atau pemaju yang akan menikmati keuntungan dan *win* kepada pihak kerajaan yang akan dapat pendapatan daripadanya tanpa mengeluarkan kos perbelanjaan yang tinggi dan *win* kepada rakyat yang akan dapat pekerjaan dan kemudahan yang disediakan.

Kadar-kadar bayaran seperti visa dan pas kerja perlulah dinaikkan dari kadar yang ada sekarang dan ada baiknya jua gaji minimum untuk pekerja tempatan diselaraskan untuk menggalakkan mereka terus bekerja dengan pihak swasta secara berterusan.

Berhubung dengan Penubuhan Autoriti Kemajuan Daerah Temburong amatlah disanjung tinggi dan ianya nanti dapat memastikan pembangunan di daerah berkenaan dan boleh menyumbang kepada ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat di daerah berkenaan. Oleh itu, dasar dan strategi perlulah lurus dan cepat dibuat dan

bukannya untuk sesetengah pihak mengambil kesempatan yang mungkin menjejaskan kemajuannya dan tidak memberi manfaat kepada penduduk setempat.

Akhirnya marilah kita bersama-sama berdoa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat, serta rakyat Negara Brunei Darussalam beroleh rahmat, hidayah serta kesejahteraan yang berpanjangan. أمين

Sekian, وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ dengan memanjatkan syukur ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dan atas limpah dan kurnia-Nya jua maka kaola dapat bersama-sama dalam sidang yang mulia bagi menyokong penuh Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sembah ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli, berangkat dan seterusnya berkenan mengurniakan titah di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2020 ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Berhubung dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita amatlah menyanjung tinggi dan titah baginda penuh dengan nasihat, mandat dan amanat kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat untuk membincangkan perkara-perkara strategik yang memberi tumpuan kepada aspek pertumbuhan ekonomi negara serta melindungi kesejahteraan rakyat dan penduduk. Titah baginda berhubung dengan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk perlu diambil perhatian. **اللَّهُمَّ الْحَمْدُ لِلَّهِ** kita bersyukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana mengurniakan kehidupan yang sihat, selamat dan sejahtera di bumi Brunei Darussalam ini. Kehidupan yang sihat seharusnya

Dibudayakan sebagai amalan hidup seharian sekali gus dengan izin **اللَّهُ** dapat mengekang segala anasir, wabak dan penyakit dari merebak di bumi tercinta ini.

Agama Islam amat mementingkan gaya hidup yang sihat, kesihatan akan dapat dipelihara dengan baik jika kita dapat mengamalkan tabiat hidup yang diatur dengan baik menurut ketetapan dan kehendak syarak dalam menjaga prinsip syariah iaitu menjaga agama, harta, keturunan, akal dan menjaga nyawa. Kita sedia maklum kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi dalam memastikan kesihatan dan kesejahteraan penduduk dengan mengamalkan gaya hidup sihat akan mengurangkan risiko dijangkiti pelbagai wabak dan penyakit. Apatah lagi risiko penularan wabak yang menjadi isu global sekarang ini.

Penurunan jumlah pesakit akan dapat memberikan kesan positif dalam mengurangkan peruntukan rawatan kesihatan sekali gus dapat membantu menstabilkan ekonomi negara. Bercakap mengenai ekonomi ini, penurunan ekonomi terjejas di antara penyebab utama ialah penurunan harga minyak mentah pada tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun pengeksportan *LNG* ke luar negara telah membantu mengurangkan jurang penurunan yang memberikan kesan positif hasil dapatan negara.

Dalam pada itu, tumpuan bagi memperluaskan dan mempelbagaikan asas ekonomi negara perlu di ketengahkan dalam memastikan ekonomi negara tidak hanya bergantung kepada pengeluaran minyak dan gas. Kaola menyambut usaha baik kerajaan, di mana projek penanaman padi secara komersil di kawasan Kandul Fasa Satu yang telah siap sepenuhnya, bagi Fasa Dua akan dilaksanakan pada tahun ini. Ini yang dihasratkan untuk meningkatkan keluaran dan tahap sara diri bekalan beras di negara ini dan memastikan sekuriti bekalan beras negara adalah terjamin.

Dalam era Industri Revolusi 4.0, penyaluran peruntukan kewangan ke arah penggunaan teknologi tinggi perlu ditekankan bagi memastikan usaha ini mempunyai produktiviti yang tinggi dan berdaya tahan dan mampu bersaing dengan negara lain. Berhubung dengan sumber tenaga manusia, sejak dua tiga tahun kebelakangan ini masalah penganggur di kalangan belia menjadi topik utama dalam perbincangan sesi-sesi muzakarah yang lalu. Dalam hal ini, beberapa inisiatif dan program telah diperkenalkan dan diusahakan oleh kerajaan terutamanya dari sudut pendidikan dan latihan kemahiran. Kaola berpendapat penyediaan kepada *syllabus* yang menjurus kepada latihan kemahiran perlu disediakan seawal-awal peringkat persekolahan menengah lagi agar para pelajar atau belia tidak tercicir dari ilmu latihan dan kemahiran.

Jika melihat kepada belanjawan negara, suntikan peruntukan kewangan yang amat besar telah disalurkan ke arah objektif pengurangan kadar pengangguran di negara ini, terutama para belia. Justeru, kaola berharap pihak kerajaan akan meneruskan pemantauan program ini melalui Petunjuk Prestasi Utama yang benar-benar mencerminkan keberkesannya agar ia dapat dinilai dan diperbaiki serta berdaya tahan. Manakala semua itu, dari sudut pendidikan dan latihan kemahiran, pihak kerajaan harus menekankan ke arah sudut penyediaan peluang pekerjaan yang mencukupi yang sudah sememangnya dirancang.

Dengan tertubuhnya *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)*, langkah-langkah keberkesanan akan dapat difikirkan. Salah satu langkah yang turut perlu diterokai kesesuaian untuk dilaksanakan ialah insentif pendapatan kepada pekerja dan majikan di sektor swasta. Ini bermaksud graduan yang belum mempunyai pekerjaan tetap melebihi suatu masa akan menerima insentif gaji selama suatu tempoh sebagai tambahan kepada gaji yang diterima. Manakala majikan juga akan menerima insentif pengambilan pekerja bagi tempoh yang sama.

Ini termasuk bagi warganegara bagi menggantikan pekerja asing. Objektif utama ialah bagi kesamarataan kos pengambilan pekerja untuk mengalihkan kebergantungan pada pengambilan pekerja asing yang berpendapatan

rendah. Langkah ini juga bagi membina modal insan dalam kalangan pencari pekerjaan untuk menjadi pekerja berdikari dan menyumbang secara produktif kepada pasaran buruh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Titah baginda dalam menyarankan gagasan amalan dalam penggunaan wang kerajaan perlu diberi penekanan sepenuhnya. Dalam projek perumahan sahaja, rungutan serta aduan sering diterima daripada orang ramai menggambarkan pengurusan projek yang kurang efektif terjadi akibat pengawasan projek-projek yang lemah dan penggunaan bahan-bahan yang murah atau berkualiti rendah. Ke arah ini, kaola cadangkan agar satu badan atau jawatankuasa terdiri daripada jurutera-jurutera agensi kerajaan dan syarikat-syarikat kejuruteraan swasta yang difikirkan sesuai serta ahli-ahli akademik dari Universiti Teknologi Brunei, umpamanya, perlu ditubuhkan bagi mengendalikan penyelidikan dan pembangunan atau *research in development*. Objektif utama badan atau jawatankuasa ini ditubuhkan adalah bagi tujuan:-

1. Penyelidikan berterusan dan pembaikan ke atas dasar manual jaminan dan kawalan kualiti;
2. Penerokaan bangunan teknologi tinggi dan inovatif dalam melaksanakan projek serta pengawasannya; dan

3. Penyelidikan mengenai amalan terbaik antarabangsa dalam pengendalian projek-projek terutamanya dari segi dasar peraturan dan kaedah.

Semoga apa yang kaola sampaikan ini dapat difikirkan dan diterima baik sebagai satu cadangan penambahbaikan.

Sekian saja, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Sekarang saya persilakan, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari. Saya memerhatikan bahawa ada juga antara Ahli-Ahli Yang Berhormat dari pihak sebelah kerajaan yang suka untuk turut serta memberikan kenyataan tetapi saya memberikan kesempatan dahulu di sebelah sini untuk memberikan apa jua pandangan-pandangan mereka dan selepas itu nanti, kita akan mendengar daripada pihak sebelah Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan untuk menyuarakan kenyataan-kenyataan masing-masing. Jadi, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam benar-benar mencerminkan keprihatinan baginda dalam memastikan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam sentiasa hidup aman damai dan penuh kemakmuran.

Kaola ingin menyampaikan rasa berterima kasih kepada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang telah membuat pelbagai persiapan dan tindakan yang cepat dalam menangani dan mengurangkan risiko jangkitan *COVID-19* di negara ini terutama sekali apabila satu kes telah didapati positif dalam ujian permulaan baru-baru ini.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ penyakit tersebut sedang ditangani agar risiko penularannya di negara ini dikurangkan. Namun, seperti yang telah disebut dalam titah baginda kelmarin, Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali daripada impak global penyakit tersebut seperti harga minyak yang telah turun ke \$33.00 setong, kesan kepada industri pelancongan dan sebagainya. Dalam menangani isu *COVID-19*, kerjasama antara semua pihak adalah sangat penting. Negara ini akan melalui satu era yang sangat mencabar disebabkan keadaan ekonomi yang defisit. Pelbagai perubahan dan persediaan perlu dibuat bagi memastikan kemampanan sumber-sumber yang ada di samping membolehkan perkhidmatan harian berjalan dengan lancar.

Baginda menyentuh tentang beberapa pencapaian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti dalam bidang telekomunikasi. Kaola bersetuju ini adalah sangat diperlukan terutama sekali pada era globalisasi dengan pelbagai peningkatan dapat dibuat dalam bidang perniagaan dan pendidikan melalui kemudahan telekomunikasi yang lebih meluas.

Selain itu, baginda juga menyentuh tentang sumber tenaga manusia. Dengan penubuhan *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)*, diharap ia akan dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran rakyat Brunei yang kini berada di tempat yang tinggi dengan 9.3%. Ini bukanlah bermaksud rakyat haruslah bergantung pada kerajaan 100%. Kita sebagai rakyat juga mempunyai peranan sebagai individu dan masyarakat untuk membuat perubahan meningkatkan kapasiti diri sendiri dan menjadi lebih berani dalam menempuhi cabaran.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اللّٰحْمَدُ لِلّٰهِ kita dapat melihat pelbagai peningkatan bagi belia dan wanita di negara ini. Seperti yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sempena "Hari Wanita Antarabangsa 2020" pada dua hari yang lalu, 55% daripada 50,768 tenaga pekerja perkhidmatan awam adalah kaum wanita namun cuma 38% kaum wanita dalam tenaga kerja sektor swasta.

Dalam pendidikan pula, lebih ramai wanita yang telah menamatkan pelajaran di institusi pengajian tinggi termasuklah dalam bidang sains dan teknologi. Beliau juga telah diberi banyak peluang untuk memperlihatkan kebolehan diri. Ini termasuklah penglibatan mereka dalam menganjurkan aktiviti berskala nasional dan juga pencapaian-pencapaian dalam bidang kesukarelawanan dan keusahawanan sama ada tempatan mahupun antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam dijangka menjadi *an aging society* kerana lebih daripada 10% penduduknya berusia di atas 60 tahun. Maka kita perlu membuat banyak persiapan bagi memastikan rakyat dan penduduk di negara ini akan dapat menikmati penuaan sihat dan menerima perkhidmatan kesihatan dan kebajikan yang lebih baik termasuklah perkhidmatan *care giving*. Tetapi yang penting sekali ialah *financial awareness and independence* bagi mengurangkan permasalahan pada masa akan datang seperti hutang yang tidak dapat dibayar dan sebagainya.

Dalam menangani isu kesihatan mental, kaola ingin menyuarakan penghargaan kepada Kementerian Kesihatan dalam meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan kesedaran kesihatan mental terutama sekali dengan menubuhkan *Mental Health Hotline*. Tidak dinafikan isu ini masih perlu diberikan perhatian terutama sekali dalam menangani stigma masyarakat

dan juga perlindungan dari segi undang-undang. Di samping itu, khidmat bantuan ataupun *hotline* tersebut masih perlu dipertingkatkan bagi membolehkan masyarakat mendapat bantuan yang diperlukan.

Pencemaran plastik juga satu isu yang dihadapi di negara ini, disebabkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Sekiranya dibiarkan ia berpotensi untuk mengakibatkan kerugian kepada kerajaan dari segi kos membersihkan dan menghapuskan plastik. Tidak dinafikan juga pencemaran sampah terutama sekali plastik telah menjadi satu isu apabila ia melibatkan impak kepada alam sekitar dan pelancongan. Baru-baru ini *Green Brunei* dengan kerjasama beberapa buah kementerian telah menjalankan kempen "Bandarku Bersih" dan kempen "Bandarku Bebas Botol Plastik" sewaktu sambutan Hari Kebangsaan Ke-36 dan juga sewaktu acara Riadah Berbasikal sebagai satu inisiatif untuk mengurangkan penggunaan botol plastik di negara ini.

Selain itu, saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas inisiatif untuk mengurangkan botol plastik dalam mesyuarat ini di Dewan yang mulia ini.

Kaola/saya berharap dalam mesyuarat pada tahun ini kita akan dapat membincangkan isu-isu dan cadangan bagi kemajuan negara termasuklah kekurangan *Standard Operating Procedure (SOP)* Pemantauan Petunjuk

Prestasi Utama, latihan bagi penjawat awam di setiap peringkat, Program Jangkauan Masyarakat yang lebih menyeluruh dan juga memperkasa akar umbi masyarakat untuk lebih aktif memajukan sosioekonomi kampung dan mukim dalam menangani pelbagai masalah sosial.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*
Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:
Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

*بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.*

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى syukur ke hadrat Allah dengan izin-Nya jua kita memulakan persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2020.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Di Dewan yang mulia ini kaola menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan

baginda mengurniakan titah dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2020.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola menyokong penuh Usul menjunjung kasih yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Di Dewan yang mulia ini, kaola menjunjung kurnia dengan memetik beberapa titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti di bawah:-

1. "Harapan kita sangatlah tinggi untuk melihat Majlis Mesyuarat Negara menjadi wadah strategik bagi memikir dan membahas perkara-perkara yang diperlukan oleh rakyat dan negara. Pada pengamatan beta Persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun demi tahun masih saja memerlukan pemerksaan, kerana kedapatan sesetengah Ahli Yang Dilantik lebih bertanya dan memberikan buah fikiran, ini

menjadikan perbahaasan kurang menarik.”

Kaola menjunjung kasih dan mengambil positif titah berkenaan. Mudah-mudahan suara-suara kita akan mendatangkan manfaat bagi kemajuan rakyat dan negara;

2. Seterusnya kaola memetik titah yang berbunyi:

“Turut disyukuri kerana di sepanjang tahun 2019 kerajaan beta masih dapat meraih beberapa pencapaian yang signifikan, antaranya transformasi sektor telekomunikasi yang mampu bertindak meningkatkan inovasi untuk mengubah landskap ekonomi negara ke arah era digital “*The Fourth Industrial Revolution*” melalui penubuhan *Syarikat Unified National Network Sendirian Berhad*.”

Dalam Dewan yang mulia ini, kaola menjunjung kasih atas kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia penubuhan *Syarikat UNN* tersebut yang sangat diharapkan mendatangkan manfaat kepada rakyat dan negara;

3. Kaola juga memetik titah yang menekankan usaha-usaha mempelbagai ekonomi yang berbunyi:

“Tetapi dengan adanya amalan berhemah dan usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi, maka *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kita akan dapat mengukuhkan kestabilan makro ekonomi dan kedudukan kewangan negara. Di sini beta ingin menyeru khasnya kepada Ahli-Ahli Yang Dilantik supaya menyuarakan pandangan - pandangan mereka tanpa ragu-ragu. Suara mereka adalah diperlukan untuk kebaikan.”

Dengan titah ini adalah satu suntikan semangat bagi menyuarakan isu-isu rakyat dan negara. Maka kita sangat berharap suara-suara yang akan dibentangkan akan benar - benar diambil perhatian dan jika memerlukan *follow up* (perbahaasan) sangat-sangat diharapkan sehingga ke titik solusi terbaik yang akan mendatangkan manfaat kepada agama, bangsa dan negara.

Sebagai rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang tinggal berkampung, bermukim dalam negara sendiri mengharapkan kehidupan yang terbaik dengan menguasai semua bidang dan saya suka mengkhususkan bidang sosioekonomi rakyat.

Salah satu perniagaan yang patut diusahakan oleh rakyat kita ialah bidang kedai runcit yang dikirakan mendatangkan hasil keuntungan

jutaan ringgit setiap bulan. Tetapi sayangnya perniagaan ini dimonopoli oleh orang asing yang mengguna pakai lesen orang Brunei dan sekarang ini sudah mula berdaftar atas pendaftaran sendirian berhad. Sudah sampai masanya kita membuat transformasi perniagaan ini supaya dikuasai oleh orang Brunei.

Salah satu cara mentransformasi perniagaan ini dengan melaksanakan penguatkuasaan dan menambah garis panduan syarat-syarat pendaftaran syarikat persendirian dan juga syarikat sendirian berhad.

Pendaftaran syarikat sendirian berhad hendaklah meningkatkan syarat-syarat kepada orang asing yang boleh mendaftar seperti mereka mesti membawa dan mempunyai kewangan dari negara asal mereka dengan kadar sekurang-kurangnya ratusan ribu ringgit Brunei. Kita patut mengawasi dan melaksanakan undang-undang yang ada untuk mengekang penyalahgunaan lesen perniagaan. Hendaknya garis panduan pendaftaran Sendirian Berhad dikemas kini. Kerana mengikut maklumat terdapat orang lain yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan syarikat sendirian berhad sehingga menjadikan sebilangan orang kitani sebagai *sleeping partner* menjadi mangsa. Makanya diusulkan supaya pihak *ROCBN* akan menambah peraturan, garis panduan yang membenarkan

orang asing mendaftar syarikat di bawah sendirian berhad. Kemudahan yang amat mudah mendaftar di bawah syarikat Sendirian Berhad, makanya akan menjadikan mereka mudah untuk memenuhi keperluan (*requirement*) untuk membawa keluarga mereka memasuki ke Negara Brunei Darussalam.

Maka diusulkan *in a whole of nation approach* supaya pihak-pihak berkaitan akan menggunakan bidang kuasa masing - masing bertindak mengeluarkan pendatang asing yang melakukan kerugian kepada rakyat Negara Brunei Darussalam seperti jenayah perniagaan atau apa jua unsur-unsur aktiviti yang bersalahan dengan akta dan peraturan negara;

4. Seterusnya kaola memetik titah yang berbunyi:

“Beta ingin menekankan di sini bahawa amanah adalah wajib diamalkan oleh setiap warga perkhidmatan awam, tidak ada maknanya berkhidmat tanpa amanah, amanah adalah tiang seri keadilan. Rakyat mesti dilindungi dan dibela dengan keadilan. Tidak ada gunanya bercakap mengenai undang-undang sedangkan jenayah dan pelanggaran terus dibiarkan berlaku tidak ditangani.”

Titah sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam kali ke-26 Tahun 2019. Di Dewan yang mulia

ini, kaola lebih cenderung sebagaimana Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai amanah adalah tiang seri keadilan.

Rakyat mesti dilindungi dan dibela dengan keadilan. Daripada ungkapan titah ini, saya melihat pentingnya setiap yang diberikan tanggungjawab dalam menjalankan tugas hendaknya melindungi kepentingan dan hak-hak rakyat jangan sampai ada kepentingan rakyat dimonopoli orang lain seperti perniagaan yang sepatutnya dijalankan oleh rakyat Negara Brunei Darussalam. Itu namanya keadilan kepada rakyat.

Kepentingan rakyat diutamakan. Siapa sahaja boleh berniaga tetapi mengikut lunas-lunas undang-undang Negara Brunei Darussalam. Contohnya Lesen Kontraktor kelas 1 dan 2 adalah khas untuk orang tempatan tetapi sewenangnyanya dijalankan oleh orang lain kerana kurangnya penguatkuasaan mencegah perkara ini berlaku.

Sekian lama kontraktor kelas 1 dan kelas 2 sudah diperuntukkan kepada orang kitani Brunei, sampai masanya tahun-tahun mendatang kelas 3 juga sepatutnya dijalankan oleh orang kitani dengan sokongan semua pihak dan *whole of nation approach* seperti kemudahan mendapatkan pinjaman kewangan;

5. Seterusnya kaola memetik titah yang berbunyi:

“Niat kita membangun adalah semata-mata untuk rakyat dan negara. Rakyat dikelinga dan negara pula dibela. Ini adalah ajaran ugama kita. Sesama rakyat dituntut untuk tidak camah mata. Mana-mana yang kuat hendaklah menolong yang lemah dan yang senang menolong yang susah. Inilah rukun hidup kepimpinan Islam”

Titah sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad S.A.W bagi tahun 1441 Hijrah. Daripada titah ini, benar-benar Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyatakan daripada hati baginda bagaimana baginda melihat kepentingan rakyat dengan melahirkan niat baginda membangun semata-mata untuk rakyat dan negara. Maka apa jua unsur pembangunan adalah untuk rakyat. Rakyat ‘dikelinga’ dalam membina negara ke arah Wawasan 2035.

Di sini kaola fokus kepada generasi muda kita. Maka diusulkan, berikan keyakinan kepada belia muda kita menjalankan perniagaan, berikan mereka kepercayaan dapat kemudahan pinjaman, bisnes tetap, berikan mereka ruang perniagaan yang luas, berikan mereka ilmu perniagaan yang terbaik, contoh terbaik yang menunjukkan generasi muda adalah generasi yang mampu diberikan kepercayaan sebagaimana di zaman رسول الله صلى الله عليه وسلم,

memberikan kepercayaan kepada sahabat-sahabat muda belia seperti sahabat Usamah bin Zaid bin Harithah diangkat sebagai panglima perang umur 18 tahun. Sahabat Anas bin Malik berumur 10 tahun sewaktu kewafatan رسول الله صلى الله عليه وسلم. Beliau adalah sahabat yang banyak meriwayatkan hadith. Sahabat Abdullah bin Abbas رضي الله عنه berumur 15 tahun sewaktu kewafatan رسول الله , 17 tahun duduk bersama para ilmuan semasa Khalifah Sayyidina Abu Bakar Assidiq, 18 tahun sudah mengajar sebagai seorang ilmuan yang luar biasa. Inilah contoh terbaik yang patut kita kaji dan laksanakan dengan memberikan kepercayaan kepada muda belia kita.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ kita juga menunjukkan bukti memberikan keyakinan dan kepercayaan dengan pelantikan 2 orang belia sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara masa kini. Generasi muda masa kini adalah penerus generasi mendatang;

6. Seterusnya kaola memetik titah berbunyi:

“Melihat kepada kepentingan ilmu ini, inilah makanya kerajaan beta sejak dari sekian zaman lagi telah melaksanakan Dasar Pendidikan Percuma di samping terus konsisten mengurniakan biasiswa-basiswa kepada mereka yang berkelayakan. Tidak diragukan lagi para pelajar

atau penuntut adalah golongan yang berpotensi untuk masa depan. Mereka adalah calak zaman untuk melakar sejarah bangsa dan negara. Tanpa mereka jalan sejarah akan didapati lain dari sepatutnya” .

Titah di majlis bersama rakyat dan penduduk serta penuntut Negara Brunei Darussalam yang berada di Kaherah, Republik Arab Mesir pada 4 Zulhijjah 1440 bersamaan 5 Ogos 2019.

Daripada petikan titah berkenaan, saya suka mengambil sukut mengusulkan, di samping penuntut-penuntut yang diberikan kemudahan biasiswa, terdapat penuntut yang kurang bernasib baik yang keputusan peperiksaan mereka tidak mencapai untuk mendapatkan kemudahan biasiswa. Maka diusulkan mereka ini dipermudahkan untuk mendapatkan pinjaman pendidikan tinggi dalam negeri atau di luar negeri.

Bermacam-macam faktor penuntut yang kurang bernasib baik ini menyebabkan mereka kekurangan bagi memenuhi keperluan atau *requirement* untuk mendapatkan biasiswa. Yang penting mereka berkeinginan untuk melanjutkan pendidikan hingga berjaya. Maka kita patut mengambil risiko dan memberikan kepercayaan kepada mereka untuk mendapatkan pinjaman berkenaan.

Belia masa kini hendaklah berilmu dan yang akan melakar sejarah bangsa kita. Maka bangsa kitalah yang patut dipersiapkan untuk melakar sejarah yang sepatutnya dalam semua segi seperti sosioekonomi dan sebagainya. Seperti mana petikan ceramah Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan "Ekonomi adalah separuh daripada kehidupan"; dan

7. Seterusnya kaola memetik titah yang berbunyi:

"Beta yakin Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan telah pun melangkah ke arah merancang satu kurikulum pengajaran al-Quran dan ugama di sekolah-sekolah menengah dan swasta. Dimana salah satu yang turut menjadi keutamaan ialah pelajaran Sejarah Islam. Adapun skop pelajaran Sejarah Islam itu amatlah luas meliputi al-Quran dan al-Hadith. Bukankah apa-apa jua telah dikhabarkan berlaku dalam al-Quran atau al-Hadith itu sejarah?"

Titah sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara tahun 1440 hijrah / 22 Mei 2019.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, sejarah kedatangan Islam dan kesinambungan Islam seperti mana era pujian Brunei sebagai sebuah kerajaan Islam mempertahankan daripada penaklukan bangsa asing yang tercatat dalam Perang Kastila.

Makanya diusulkan kajian dan penulisan yang lebih aktif sejarah kedatangan Islam seawal kesultanan pertama hingga kini dengan jua menggiatkan penemuan tapak arkeologi terbaharu untuk membuktikan perkembangan Islam dalam Negara Brunei Darussalam.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Islam amat bersinar di Negara Brunei Darussalam dengan Perlembagaan 1959. Hadiah kepada bangsa dan negara daripada Paduka Ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien terkandung dalam Perlembagaan 1959 yang menjadikan Ugama Islam sebagai ugama rasmi negara dan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Inilah hadiah yang tidak ternilai dalam sejarah pemodenan Negara Brunei Darussalam.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad:
بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian. Kaola menyokong sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dengan rendah diri, kaola menyembahkan banyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada hari Isnin 14 Rejab 1441 Hijrah bersamaan 9 Mac 2020 Masihi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola amat menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang antara petikan titah baginda:-

"Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu pada ketika ini, pasaran kewangan yang teruk akibat *COVID-19* serta kurangnya permintaan minyak dan gas global yang menjurus kepada jatuhnya harga minyak dan gas. Maka perlulah kita sama-sama mengambil langkah bijak bagi jangka masa pendek dan panjang bagi mengurangkan *spending* atau perbelanjaan yang menjurus kepada pengaliran wang keluar dari negara bagi meningkatkan aktiviti kewangan atau merangsang perniagaan domestik yang mana aliran wang kekal dalam negara."

Usaha-usaha juga perlu ditingkatkan dalam menarik pelabur langsung asing atau *Foreign Direct Investment (FDI)* dalam bidang-bidang yang sudah dikenal pasti berpotensi. Adalah diharapkan peluang perniagaan dan pekerjaan akan diambil kira untuk diberikan kepada anak-anak tempatan".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Transformasi sektor telekomunikasi melalui penubuhan *Syarikat Unified National Network Sendirian Berhad*, juga telah memberi manfaat kepada rakyat negara ini. Pengguna mempunyai banyak pilihan untuk menjadikan mereka lebih bijak dalam memilih perkhidmatan yang ditawarkan yang sesuai dengan keperluan dan kemampuan mereka. Jangkauan ke *internet* atau *accessibility to internet* semakin mudah dan berkualiti.

Ini dengan sendirinya era digital mampu berkembang dengan potensi yang lebih pesat dan *board industrial division* pun semakin relevan fungsinya dan pencapaiannya jurang digital atau *digital divider* yang akan semakin berkurangan. Ada juga mutu perkhidmatan yang lebih baik daripada *service provider*.

Ini juga akan dapat membuka ruang yang lebih luas dalam bidang *e-commerce* seperti *e-wallet*, *online payment* dan sebagainya. *Manpower Planning And Employment Council (MPEC)*, Jabatan Perdana Menteri juga amat diharapkan akan dapat menghasilkan perancangan atau pelan tindakan yang mampu menangani isu-isu pengangguran secara holistik merancang jauh ke hadapan dengan mengambil kira keadaan situasi negara yang sebenarnya.

Kaola juga amat menjunjung kasih atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas penubuhan Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT). Mudah-mudahan dengan adanya pengurusan serta perancangan yang lebih rapi nanti akan dapat menarik minat pelabur-pelabur asing untuk melabur dalam pembangunan Daerah Temburong khasnya, di samping untuk memberikan manfaat kepada negara.

Apa yang lebih penting lagi ialah limpah kemajuan dan pembangunan yang seiring dengan meningkatkan aktiviti ekonomi rakyat serta penduduk di Daerah Temburong khasnya dan penduduk lain amnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Seperti yang sama-sama kita maklumi bahawa kes pertama *COVID-19* sudah ada di negara ini. Adalah diharapkan pemantauan yang rapi sentiasa dibuat oleh pihak-pihak yang berkaitan bagi mengurangkan merebaknya atau penularan kes *COVID-19* di negara ini. Sama-samalah kita berusaha dan berdoa agar rakyat dan penduduk negara ini sentiasa dalam lindungan **اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** daripada virus ini. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dengan usaha gigih semua pihak apa yang kitani usahakan dan rancang akan berjaya **آمِينَ. آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ**

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Kaola sukacita merakamkan ucapan berbanyak-banyak terima kasih atas izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,
Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat
sejahtera.

Dalam peluang keemasan ini, kaola selaku wakil Zon 1 bersama Yang Berhormat Zon 2 Daerah Belait amat bersyukur dengan ketulusan hati abis kaola jua. Sukacita menyatakan sokongan sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Usul setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 14 Rejab 1441 bersamaan 9 Mac 2020. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan titah yang amat terang dan nyata lagi membawa makna yang amat tinggi nilainya. Di samping peringatan dan nasihat yang amat padu untuk dijunjung, ditanai dan dihayati

serta ke arah apa jua tindakan, apa jua pembetulan sikap agar tidak mengganggu kelancaran hasrat pembangunan dan Wawasan Brunei 2035 yang tercinta ini. Kita sebagai warga bumi tercinta ini merafakkan cinta yang mendalam kepada negara dan taat setia yang tidak berbelah bahagi pada raja yang dikasihi dan disayangi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Abis kaola selaku pemimpin akar umbi tetap menjunjung tinggi titah limpah perkenaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan tidak akan kendur-kendur menjunjung titah dan terus berusaha bersama akar umbi dalam menanai dalam menangani isu dan usul sebagai wadah yang harus ditangani dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Abis kaola dengan penuh berkeyakinan bahawa rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berasa amat benar-benar terharu betapa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam raja yang dikasihi rakyat dan pemimpin yang penuh prihatin dan tidak jemu-jemu turun padang berangkat bersama bercemar duli ke institusi atau di mana jua agensi-agensi berkenaan untuk meninjau sendiri sebagai lawatan tidak berjadual di samping menangani masalah di tempat yang berkenaan.

Berhubung kait dengan perkara ini, terdapat sebilangan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ingin membuat usul dan pandangan kepada mana-mana jua institusi atau agensi-agensi supaya akan sentiasa membuat langkah-langkah pemedulian yang berterusan dalam membentasi atau mengatasi sikap sebahagian yang mempunyai prestasi yang lemah dan mengganggu kesempurnaan perjalanan institusi atau agensi-agensi yang berkenaan. Sikap pemedulian dan ketelusan tugas dan tanggungjawab mana-mana agensi dapat menghindarkan pengawasan dan tugas kerja yang lemah dan penyelewengan boleh saja berlaku yang menjadi beban masalah dan merugikan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perkara ini selaras dengan antara sebahagian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Tahun 2020.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kita akan terus berdoa setiap masa semoga Negara Brunei Darussalam negara tempat kelahiran kita ini iaitu Negara Zikir agar terus dilindungi الله dan jua dengan berkat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam. Seiring dengan berkat doa yang tidak putus-putus di seluruh negara sepanjang masa baik di masjid-masjid, surau-surau dan di rumah atau di mana saja sebagai amalan kita budaya bangsa Negara Brunei Darussalam. Semoga kita terhindar dari wabak *COVID-19* yang menular di seluruh pelosok dunia.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kita juga bersyukur kepada الله dengan tertubuhnya *MPEC (Mainpower Planning and Employment Council)* atau Majlis Perancang Tenaga Kerja dan Pekerjaan, kita berharap semoga semua dasar yang berkaitan dengan perniagaan akan diteliti agar masyarakat boleh berniaga dengan lebih efisien dan adil saksama di semua peringkat.

Kita juga memanjatkan doa semoga Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT) agar berkembang maju di Daerah Temburong. Kita mengharapkan bahawa tidak mustahil pada suatu hari nanti AKDT ini akan dilaratkan lagi ke daerah lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola amat berharap agar titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan benar-benar dihayati dan dipraktikkan sebaik mungkin sebagai peringatan dan nasihat penyuluh jalan *إِنْ شَاءَ اللهُ*.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukup dulu kita mendengar kenyataan yang telah pun dibuat oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai usul yang telah dikemukakan. Saya ingin menangguhkan persidangan ini bagi membolehkan kita berehat pada sebelah tengah hari. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi membahaskan Perkara V – Usul-usul Yang Telah Diberi Notis yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Pada persidangan yang telah kita adakan di sebelah pagi tadi, kita telah mendengar kenyataan-kenyataan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, membahaskan usul ini.

Walau bagaimanapun, bersama saya di sini masih lagi ada senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membahaskan usul ini. Sekarang untuk memulakannya, saya mempersilakan Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, silakan.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Kaola menyokong sepenuhnya akan usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi

menyembahkan ucapan banyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada hari Isnin 14 Rejab 1441 bersamaan 9 Mac 2020.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola berdiri di Dewan yang mulia ini bagi mengutarakan usul yang dalam pemikiran kaola mustahak untuk dibincangkan dan diteliti. Sepanjang empat tahun kaola dilantik menjadi salah seorang daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, telah banyak perubahan positif yang nampak ketara seiring dengan peredaran ekonomi kita yang semakin mencabar. Ini satu pencapaian yang sangat menggembirakan namun ada juga sedikit sebanyak inisiatif-inisiatif kita yang masih memerlukan pembaikan dalam sama-sama membangunkan negara kita.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Melalui titah baginda kita telah mendengar akan sikap prihatin Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memberikan kesempatan untuk kita memberikan usul dan hujah yang bernas untuk difikirkan penting untuk membangun rakyat dan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah apa jua usul dan hujah yang dikemukakan dalam persidangan hendaklah berasaskan kepada pemikiran dan penelitian yang rapi. Disokong oleh fakta-fakta yang betul dan tepat dan memfokus hanya kepada isu-isu yang relevan.

Melalui titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kaola berpendapat bahawa kita haruslah tetap membincangkan dan menekankan beberapa perkara atau isu-isu yang besar walaupun pernah dibangkitkan. Ini kerana kita masih tidak nampak adanya perubahan ataupun pembaikan yang telah dilaksanakan walaupun sering kali dibangkitkan terutamanya dalam menangani masalah ekonomi dan masalah pengangguran yang semakin meningkat.

Kita sering menekankan mengenai sistem pentadbiran sebagai jentera kerajaan bagi merealisasikan dan menjayakan Wawasan Brunei 2035. Bukan itu sahaja, kita juga sentiasa mengamalkan *whole of nation approach* bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan dalam pelaksanaan dan penggubalan dasar-dasar negara.

Ketelusan atau *transparency* antara kerajaan dan masyarakat itu adalah penting. Ini tidak bermaksud ia terhad kepada pelaksanaan akta-akta, garis panduan tetapi juga termasuk

pemberigian maklumat, program-program masyarakat, inisiatif-inisiatif pihak kerajaan dan merancang kemajuan yang telah ada dan yang akan dirancang oleh pihak kerajaan.

Inisiatif Kementerian Kewangan dan Ekonomi melaksanakan Pelan *Fiscal Consolidation* secara *whole of government approach* adalah disambut baik. Kaola berharap agar setiap kementerian akan dapat mencapai keseimbangan *balanced budget* masing-masing kerana satu perkara yang dapat membantu dalam mengawal perbelanjaan negara. Oleh itu, kaola merasakan isu-isu yang lalu yang telah dibangkitkan itu masih lagi relevan untuk dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Dalam pada itu, kaola juga tidak menafikan adanya peningkatan dan pencapaian ketara dari pihak kerajaan, antaranya dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan dengan mengadakan penglibatan perkongsian bersama dengan orang awam dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam memberigakan informasi-informasi pelan-pelan strategik, *local business development plan* yang telus supaya orang awam serta *stakeholders* lebih peka dengan apa yang pihak kerajaan ingin capai dan sasarkan.

Pandangan-pandangan dari pelbagai pihak sering diterima termasuklah pandangan-pandangan dan usul-usul dari Ahli-Ahli Yang Berhormat sendiri mengenai pelbagai perkara yang telah

dibahaskan. Jika pandangan-pandangan ini tidak diendahkan ia adalah sukar untuk kita memulakan langkah-langkah pembaikan.

Kaola berharap melalui Majlis Mesyuarat Negara, apa sahaja pandangan dan usul-usul yang dibangkitkan akan diberikan pemantauan dan perhatian yang teliti kerana ia satu usaha yang penting dalam meningkatkan keupayaan dan pencapaian kita dalam menuju Wawasan Brunei 2035 yang merangkumi banyak faktor.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola dengan rasa rendah diri ingin memohon supaya kaola jangan disekat dari membincangkan beberapa perkara yang telah dibangkitkan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dengan kesempatan ini nanti, kaola akan turut memberikan suntikan semangat dan pandangan yang efektif.

Baru-baru ini juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berbesar hati bercemar duli dengan membuat lawatan tidak berjadual ke beberapa buah jabatan kerajaan. Baginda juga telah mendengar beberapa keluhan daripada rakyat dan juga pelajar-pelajar dari beberapa universiti negara ini. Baginda ada menyebut mengenai ketiadaan pelaksanaan yang dibuat untuk memastikan beberapa isu yang ada untuk dikendalikan dengan sebaik mungkin. Kaola berasa risau kerana kita terutama pihak-pihak kementerian agak

sukar untuk meramalkan hala tuju dan keberadaan kita untuk mencapai Wawasan Brunei 2035. Kaola ingin mengingatkan bahawa kita cuma mempunyai 15 tahun sahaja lagi untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 dan dua setengah RKN lagi bagi merealisasikan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara.

Kaola juga sering bertanya-tanya adakah prestasi ataupun keberadaan kita pada masa ini cukup untuk kita merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Lima belas tahun bukanlah satu masa yang panjang jika difikirkan sedalamnya. Kaola juga berfikir adakah kita telah mengusahakannya dengan baik dan sebaik mungkin dan cukupkah sudah usaha kita setakat ini. Kita sering menyebut impian untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 tetapi kaola khuatir juga kerana masih jauh lagi untuk merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Kita haruslah bijak dalam mengaturkan usaha dan inisiatif dalam pelbagai bidang terutama dalam bidang pendidikan serta mengukuhkan lagi kluster-kluster di bawah fokus Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk kita melangkah maju dalam mencapai matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Petang kelmarin Kementerian Kesihatan telah mengesahkan satu kes yang positif *COVID-19* di negara kita. Sama-samalah kita berdoa agar pesakit diberikan kesembuhan dengan secepatnya dan

sentiasa berdoa supaya negara kita akan sentiasa dilindungi oleh *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Dalam pada masa yang sama jua, perlu juga diingatkan kepada orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan memastikan langkah-langkah *protective* dan sentiasa peka dengan maklumat terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan termasuklah *standard guideline on cleaning disinfection* bagi sekolah, *workplace*, hotel, perumahan mengenai dengan *infectious disease outbreak*.

Kaola dan Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini adalah sangat berharap bahawa apa yang bakal kita bincangkan dan bahaskan dalam Dewan ini lebih kukuh, konsisten dan bermanfaat dan janganlah isu-isu ini hanya dibahaskan dan diutarakan tanpa adanya susulan pelaksanaan. Perlulah dilihat apa yang sudah dicapai dan sekiranya belum maka perlulah membuat kaji selidik akan mengapa keberkesanan itu belum dapat dilihat. Ahli-Ahli Yang Berhormat sangat mengalu-alukan per muzakarah susulan dan perbincangan yang terbuka serta telus demi mencapai kesepakatan dan hasil positif untuk pertumbuhan komuniti masyarakat dan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebelum kaola mengundur diri izinkan kaola memberi ucapan "Selamat Hari Wanita Antarabangsa" kepada para wanita yang berada dalam Dewan yang mulia ini serta seluruh kaum wanita. Pada 8 Mac 2020, baru-baru ini adalah

"Hari Wanita Antarabangsa" dan ia selalu diraikan dengan penuh keceriaan pada setiap tahun sebagai penghargaan kepada sumbangan para wanita di seluruh dunia. Secara tidak langsung, negara kita juga meraikan pencapaian para wanita dalam negara yang telah membentuk dan bertindak sebagai pemacu perubahan dan kejayaan negara yang dinamik, khususnya dalam merealisasikan pendekatan holistik dalam membangun masyarakat.

Tema Hari Wanita Antarabangsa tahun ini ialah "*I am Generation Equality: Realizing Women's Right*" dan Kempen Kesedaran Wanita Sedunia pula membawa tema "*Each For Equal*". Yang menekankan kepada memperkasa hak-hak wanita dan imbalan *gender* yang sama. Ia adalah hari global yang meraikan kejayaan sosial ekonomi, kebudayaan dan politik wanita di samping menyeru untuk bertindak dalam mempercepatkan ketidaksamaan dengan menjadi ejen-ejen perubahan yang signifikan dalam kalangan masyarakat.

Para wanita sememangnya berkebolehan dalam mewujudkan keseimbangan dalam pelbagai aspek kehidupan. Perubahan-perubahan ini bukan hanya dengan pencapaian-pencapaian dalam majlis-majlis yang penting, kejayaan-kejayaan dalam melaksanakan undang-undang atau perjanjian-perjanjian antarabangsa tetapi ia juga merangkumi cara kita bercakap, cara kita berfikir dan bertindak setiap hari yang boleh

memberikan kesan yang memberi manfaat kepada masyarakat sekelilingnya.

Kaola yakin tema Hari Wanita Antarabangsa kali ini, memberikan suntikan semangat yang tinggi kepada wanita-wanita bukan sahaja di negara kita bahkan di seluruh dunia kerana kaola percaya pemerkasaan wanita dari berbagai-bagai aspek sangat penting dan akan memberikan perubahan yang sangat signifikan kepada pertumbuhan negara di seluruh dunia. Kita semua adalah sebahagian daripada keseluruhan komuniti dunia dan tindakan individu, perbualan, tingkah laku dan minda kita boleh memberi kesan yang besar kepada masyarakat kita. Lakukan apa yang kita mampu untuk membuat perbezaan yang positif untuk wanita di seluruh dunia.

Kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan semua wanita bahawa mereka mempunyai motivasi mereka yang sedang menunggu untuk dibangunkan dengan kepercayaan sendiri. Kaola juga ingin memetik kata-kata dari Malala:

"No struggle can succeed without women participating side by side with men. There are two powers in the world; one is the sword and the other is the pen. There is a third power stronger than both, that of women."

Ladies this is for you, Selamat Hari Wanita Antarabangsa, each for equal. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya tidak ada mempunyai komen apa-apa mengenai apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai dengan wanita. Walau bagaimanapun, saya kira ada banyak kebenarannya dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman tadi.

Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima Kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti rakan-rakan yang berhormat tadi pagi kaola ingin juga menyokong sepenuhnya atas usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah.

Baginda mengumumkan mengenai pembaikan sektor telekomunikasi negara yang menyokong infrastruktur sebagai langkah pertama ke arah transformasi digital. Mengenai strategi transformasi digital, Negara Brunei Darussalam sejak beberapa tahun kebelakangan telah mencapai kedudukan tinggi dalam pemakaian media sosial. Walau bagaimanapun, kita perlu memastikan persediaan masyarakat dalam memahami dan melaksanakan transformasi digital.

Di bawah tajuk ini, memang beberapa definisi transformasi digital telah digambarkan tetapi secara amnya kita memahami transformasi digital sebagai penyepaduan teknologi digital kesemua bidang operasi secara asasnya mengubah cara kita beroperasi dan menyampaikan nilai.

Ia juga merupakan perubahan budaya yang memerlukan organisasi untuk terus mencabar *status quo*, bereksperimen dan responsif dengan pembelajaran adaptif. Kajian dari *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* pada tahun 2017, dan dalam kajian *Mckinsey* pada tahun 2018 menyenaraikan pelbagai isu utama yang membolehkan transformasi digital dan menunjukkan lima faktor kejayaan yang berkepentingan iaitu:

1. Yang mempunyai kepimpinan digital yang bijak;
2. Membina keupayaan tenaga kerja masa depan;

3. Memperkasakan rakyat untuk bekerja dengan cara yang baharu;
4. Memberikan alat seharian, peningkatan digital; dan
5. Berkomunikasi secara kerap melalui kaedah tradisional dan digital.

Adalah diharapkan bahawa faktor-faktor tersebut dapat diintegrasikan dalam *Economic Blueprint*, inisiatif di bawah Majlis Ekonomi Digital.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan menyokong kenyataan rakan Yang Berhormat yang lain tentang Wawasan Brunei 2035 dan *road map* pelaksanaannya saya ingin menambah bagaimana kita berkesan *whole of nation approach*. Sebagai langkah ke hadapan Wawasan Brunei 2035 inisiatif kebangsaan *whole of nation* mesti mempunyai kesan dan harus didorong dan dilaksanakan oleh pelanggan utamanya dan rakan sokongan dari pihak kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sivil (*civil society*).

Dengan panduan dan kekuatan rangka kerja eksekutif dan perundangan negara salah satu inisiatif yang bercontohnya *whole of nation* adalah Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang akan dilancarkan tidak lama lagi. Beberapa inisiatif yang boleh dicadangkan seperti berikut:

Pergabungan sukarelawan kesihatan dalam bahasa inggerisnya *health inclusive volunteer exchange*. Inisiatif *high* boleh dimulakan menerusi platform secara digital dengan memberi tumpuan kepada impak pusat perubatan dan pusat kesihatan kerajaan dengan tujuan menjadi sistem berasaskan cara sukarela.

Dalam mengisi kekurangan kapasiti manusia dari semasa ke semasa dalam perkhidmatan kesihatan terutama dalam jawatan atau perkhidmatan yang *non medical related*. Inisiatif yang sedemikian seiring dengan *KPI* untuk mendukung matlamat wawasan kedua.

Salah satu lagi inisiatif yang dicadangkan adalah platform pembelajaran *peer learning platform*. Beberapa kajian telah menunjukkan pembelajaran rakan sebaya menjadi salah satu cara yang paling berkesan untuk meningkatkan kemahiran, menggalakkan kepercayaan komuniti dan perpaduan masyarakat.

Platform seperti ini boleh dimulakan secara sukarela dan akan membolehkan peningkatan akses sokongan pendidikan yang berkualiti kepada mereka yang memerlukan seperti contoh juga perantisan atau *apprenticeship* telah menghasilkan artis-artis yang bukan sahaja memacu kegiatan industri kreatif tetapi mampu membuat dalam komuniti mereka selain itu contoh *urban farmers* yang mementingkan terhadap hasil pemakanan dan perkembangan sistem pertanian makro untuk menyokong masyarakat.

Ini telah didorong program pembelajaran rakan sebaya, inovasi dalam *augmented reality* dan *artificial intelligence* yang diperkembangkan oleh syarikat-syarikat tempatan perlu digalakkan untuk meneroka cadangan sedemikian. Cadangan inisiatif ini membolehkan *KPI* mendukung matlamat wawasan ketiga.

Sebagai akhir kata, pendekatan yang sama juga perlu dilakukan dalam cara pelan-pelan yang dibentangkan oleh kementerian-kementerian dan saya berharap senarai belanjawan tahun 2020/2021 meneruskan objektif dan *valuable* yang mencerminkan tujuan ke arah wawasan. Kami merayu kepada pihak kerajaan untuk mempertingkatkan lagi pemberigaaan pelaksanaan pelan tindakan Wawasan Brunei 2035 dengan keseluruhannya.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian. Kaola lebih dahulu dengan

rendah hati dan jernih hati menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara dan atas limpah kurnia titah baginda.

Kaola juga menyokong sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam menyembahkan ucapan berbilang-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan yang muliaini adalah amat telus, padat, bernas dan amat jelas. Baginda sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini.

Titah baginda juga jelas mencerminkan kebijaksanaan, pemeduliaan dan pandangan jauh baginda dalam memastikan setiap lapisan masyarakat dapat bersatu padu bersama-sama mengorak langkah dalam semangat bersepakatan khususnya dalam memperkasa dan memantapkan lagi pertumbuhan dan landskap ekonomi negara.

Menyentuh mengenai dengan landskap ekonomi negara, kaola percaya sudah tiba masanya untuk kita semua menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan dan merencanakan lagi perkembangan dan penerokaan sumber hasil baharu berlandaskan ekonomi digital.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ infrustruktur bagi memudahkan lagi ekonomi digital di negara ini sedang giat dilaksanakan. Sumber tenaga manusia termasuklah dalam kalangan orang-orang Brunei kitani ada yang sudah mempunyai kemahiran, pengalaman dan kepakaran untuk membantu memacu perekonomian digital di negara ini. Pihak kerajaan pula nampak sentiasa memainkan peranan sebagai pemudah cara atau fasilitator. Persoalan yang tinggal hanyalah adakah orang Brunei kitani khususnya dalam kalangan belia berani tampil untuk menyahut cabaran meneroka dan meraih peluang dari perdangangan global tanpa sempadan ini? Jika sekiranya cabaran ini tidak diberikan penekanan sewajarnya negara boleh saja jauh ketinggalan

khususnya dalam persaingan ekonomi di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Berhormat. Dalam kita sibuk mengejar impian dan aspirasi negara janganlah pula kita lalai atau leka dengan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada.

Tujuan undang-undang dan peraturan adalah untuk mengekalkan dan mewujudkan ketenteraman dan keamanan dalam masyarakat. Perkara seperti ini hendaklah sentiasa dititik beratkan serta dipergiatkan dan diperkukuhkan lagi agar tidak berlaku sebarang ketirisan dalam melaksanakan undang-undang dan peraturan berkenaan.

Ini adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Perkhidmatan Awam kali ke-26, 2019 yang baginda antara lain bertitah:

“Jika perkhidmatan awam lemah melaksanakan keadilan maka kepentingan rakyat pasti terjejas kerana itulah undang-undang di gubal untuk dilaksanakan. Tidak ada gunanya bercakap mengenai undang-undang sedangkan jenayah dan pelanggaran terus dibiarkan berlaku tidak ditangani secara positif”.

Kaola menyambut baik setiap usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh

semua pihak dalam sama-sama membangunkan negara bagi kita mencapai Wawasan Brunei 2035. Banyak perkembangan dan program pembaikan telah dapat kita kecapai di sepanjang tahun lepas, adalah diharapkan agar segala usaha kita termasuk dari segi dasar rangka tindakan dan program akan dapat terus dipergiatkan dan dilaksanakan secara pendekatan *whole of nation* dengan semangat persepakatan dan perpaduan.

Sekian, وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih. Nampaknya senarai saya yang terdiri daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sudah selesai dan sekarang saya mempersilakan Ahli Yang Berhormat Ahli Rasmi kerana Jawatan untuk membuat kenyataan mereka. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri

Pembangunan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 14 Rejab 1441 bersamaan 9 Mac 2020.

Kaola sukacita menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah baginda yang telah dikurniakan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara kelmarin.

Melalui titah baginda dan dengan mengamat-amatinya sesungguhnya sangat padat dan bernas, yang mengandungi nasihat dan mencerminkan keprihatinan dan kebijaksanaan baginda dalam memastikan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara sentiasa terjamin.

Kaola ingin menyentuh mengenai kualiti sektor pembinaan di negara ini yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menekankan keperluan pengawasan dalam memastikan projek-projek dilaksanakan dengan baik dan teliti serta penggunaan wang kerajaan agar digunakan dan diurus secara telus dan amanah.

Selaku agensi yang dipertanggungjawabkan bagi pemudah cara industri pembinaan dan pengurusan projek-projek kerajaan, Kementerian Pembangunan sangat menjunjung kasih atas titah baginda itu dan akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti sektor pembinaan di negara ini. Izinkan kaola melalui Dewan yang mulia ini mengongsikan beberapa inisiatif seperti berikut:-

1. Pegawai Projek atau Pegawai Pengawas yang ditugaskan di tempat-tempat projek ke arah memastikan kualiti pembinaan sentiasa pada tahap yang memenuhi keperluan sebagai seorang pengawas termasuk juga kualiti bahan binaan yang memenuhi kehendak spesifikasi kontrak. Melalui garis panduan kualiti *supervision manual* yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya merupakan dokumen rujukan bagi semua Pegawai Projek atau Pegawai Pengawas yang telah diguna pakai dalam memastikan tatacara prosedur pengawasan projek-projek kerajaan

yang lebih efektif dan teratur menurut piawaian kontrak. Garis panduan ini juga akan diedarkan kepada semua pihak berkenaan yang dipertanggungjawabkan bagi mengurus dan mentadbir projek-projek pembinaan. **إِنْ شَاءَ اللهُ** pihak kementerian akan sentiasa menambah baik garis panduan ini dari semasa ke semasa mengikut peredaran masa dan keadaan; dan

2. Mengenai bahan binaan pula kesemua produk yang akan diguna pakai dalam projek-projek kerajaan adalah dikehendaki untuk mendaftar dengan Kementerian Pembangunan melalui pembekal yang berdaftar. Penubuhan Jawatankuasa Pendaftaran Produk Bahan-Bahan Binaan (JKPPBBB) di bawah Kementerian Pembangunan, berperanan untuk mendaftar bahan binaan yang digunakan dalam industri pembinaan serta meneliti dan menilai laporan ujian yang dihadapkan oleh syarikat pembekal dari semasa ke semasa sebelum mendapat kebenaran untuk produk tersebut didaftarkan dan diguna pakai bagi projek-projek kerajaan.

إِنْ شَاءَ اللهُ pihak kementerian bersama dengan agensi-agensi yang berkenaan akan terus berusaha untuk mempertingkatkan lagi usaha dan inisiatif dalam menangani projek-projek kerajaan dan akan sentiasa membuat pemantauan agar

tidak berlaku penyelewengan seperti penyelewengan menggunakan bahan-bahan yang murah atau rendah kualiti dan menjunjung kasih atas beberapa cadangan dan saranan serta buah fikiran daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama menambah baik inisiatif yang sedia ada.

Itulah sahaja yang dapat kaola sampaikan bagi menandai dan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan yang mulia ini.

Sekian, **وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللهِ وَبَرَكَاتِهِ**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mula-mula sekali kaola ingin merakamkan sokongan penuh kepada usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta rakan-rakan menteri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain bagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 14 Rejab 1441 bersamaan 9 Mac 2020 dan juga pengurniaan titah semasa istiadat berkenaan.

Titah baginda merupakan amanah dan hasrat yang perlu ditanai dan disemai dengan sebaik - baiknya, khususnya dalam memastikan kemakmuran negara walau dalam menghadapi berbagai-bagai cabaran globalisasi agar sentiasa terlindung dengan izin dan rahmat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua. Kita sama-sama menjunjung tinggi titah baginda supaya secara bersepadu, strategik dan melalui pendekatan menyeluruh iaitu *whole of nation* kita akan sentiasa sama-sama meningkatkan lagi kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola dengan penuh rasa bersyukur menjunjung kasih dan menjunjung jua setinggi-tingginya titah baginda mengenai beberapa pencapaian

negara yang utama dalam sektor telekomunikasi sebagai antara langkah transformasi berlatar belakangkan Industri Revolusi Keempat.

Dengan kebijaksanaan kepimpinan dan pandangan jauh baginda inisiatif ini merupakan satu usaha besar kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diharapkan akan dapat mempercepatkan lagi agenda digital negara menuju ke arah *Fourth Industrial Revolution*.

Penubuhan *Syarikat Unified National Network Sendirian Berhad (UNN)* sememangnya bertujuan mencapai keberkesanan dari segi penjimatan kos dalam penyediaan infrastruktur dan bagi membolehkan infrastruktur untuk disediakan dengan lebih meluas di negara ini.

Pada masa yang sama langkah ini juga membukakan platform bagi penyedia-penyedia perkhidmatan untuk lebih berdaya saing dan fokus dalam strategi perniagaan dan perkhidmatan telekomunikasi masing-masing. Dalam hal ini dengan adanya persaingan ianya dihasratkan akan menggalakkan lagi inovasi dan kreativiti dalam kalangan penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan memberikan lebih banyak pilihan kepada para pengguna seiring dengan kepesatan teknologi.

Bagi memanfaatkan lagi pencapaian dalam sektor telekomunikasi ini, inisiatif-inisiatif dalam meningkatkan sumbangan sektor telekomunikasi ke pembangunan negara juga sedang giat dijalankan dengan kerjasama padu antara agensi-agensi kerajaan dan swasta iaitu melalui

Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan pihak Darussalam Asset (DA) selaku peneraju utama. Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan pihak *AITI* selaku pengawal selia dan pemudah cara dari segi dasar *regulatory* pelesenan dan penjagaan kepentingan orang ramai dalam menikmati perkhidmatan - perkhidmatan telekomunikasi yang berkualiti dan mempunyai pelbagai pilihan sekali gus bagi memudah cara perniagaan dan aktiviti-aktiviti perekonomian dan pelaburan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, turut menjunjung tinggi titah saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dan berkesan bagi membukakan peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran di Negara Brunei Darussalam.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ melalui pendekatan *whole of nation* dan dalam mendukung juga dasar strategik *Man Power and Employment and Council (MPEC)*. Kementerian Pengangkutan dan

Infokomunikasi, telah pun dan akan meneruskan pelaksanaan beberapa inisiatif bagi meningkatkan peluang pekerjaan terutama sekali untuk anak-anak tempatan. Antara inisiatif tersebut ialah Program *AITI Apprenticeship* yang telah dilaksanakan tahun ini bagi membantu meningkatkan kemahiran serta tahap *marketability* dalam mencari peluang pekerjaan mahupun dalam menerokai bidang perniagaan.

Akhir sekali, kaola sekali lagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda yang jelas menekankan agar semua perancangan dan usaha untuk disasarkan kepada matlamat utama negara yang semakin menghampiri kita iaitu Wawasan Brunei 2035.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Untuk menggulung perbahasan kita mengenai perbahasan usul ini, saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan

Perdana Menteri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk berucap sebagai menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Usul Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 14 Rejab 1441 bersamaan 9 Mac 2020.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut sesungguhnya amat berhemah, berwawasan, bernas dan berpandangan

jauh, mengandungi nasihat dan pengamatan tajam serta bijaksana baginda dalam mentadbir Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seiring dengan titah tersebut, kerajaan sebagai jentera utama pembangunan negara akan sentiasa mengukuhkan dan mempertingkatkan lagi tadbir urus yang baik atau *good governance* dalam semua peringkat dan sektor bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai adalah yang terbaik, efisien, efektif dan yang pentingnya ialah mesra rakyat, memudahkan orang ramai untuk membuat urusan.

Di samping untuk sentiasa berjimat cermat dan berhemah serta memastikan setiap perbelanjaan mestilah mengutamakan *value for money* serta mendatangkan manfaat dan keuntungan kepada negara dan penduduk dalam jangka pendek dan jangka panjang. Keadaan ekonomi dunia dengan harga minyak tidak stabil nampaknya akan terus memberikan impak kepada peruntukan belanjawan negara, tambahan lagi wabak *COVID-19* yang sedang melanda di sebilangan negara yang terjejas telah banyak memberikan impak kepada perniagaan industri pelancongan, perhotelan dan sebagainya.

Dalam apa juga keadaan, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam masih terus sahaja menyediakan peruntukan yang besar bagi jentera kerajaan untuk melaksanakan program-program bagi kepentingan semua rakyat dan pihak yang berkenaan di Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, setiap orang dari kita tanpa kecuali mestilah menandai tanggungjawab untuk menjadikan semua sektor lebih efisien dan efektif (berkesan).

Khusus di sektor kerajaan, dasar, peraturan dan inisiatif lain hendaklah dilaksanakan oleh semua agensi kerajaan melalui *fiscal consolidation*. Selain meneliti kesesuaian kaedah-kaedah seperti pengkorporatan atau pengkongsian awam/swasta perlulah diberikan sokongan padu dari semua pihak untuk kebaikan negara dengan pendekatan sepadu *a whole of nation approach*.

Dalam hal-ehwal perkhidmatan awam pula, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui agensi-agensi perkhidmatan awam khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam, Institut Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan berganding bahu menangani projek-projek yang dijalankan yang antaranya ialah projek *Civil Service Leadership Pipeline (CSLP)*, *Young Executive Program (YEP)*, *Executive Development Program for Middle Management Officer (EDPMMO)*, *Executive Development Program for Senior Government Officer (EDPSGO)*.

Setelah sekian lama dilangsungkan dan telah mengeluarkan lulusan-lulusan beratus malah mungkin beribu ramainya. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* lulusan-lulusan tersebut *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* mempunyai potensi yang tinggi untuk memajukan jentera perkhidmatan awam, merekalah ejen kemajuan, merekalah pemangkin dan pemeraksa (*sucession planning*) dalam perkhidmtan awam.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan merasa gembira dan berpuas hati kerana mereka inilah nanti pengisi jawatan-jawatan kosong dengan tidak perlu lagi memangku ataupun kalau memangku jawatan tersebut tidaklah akan memakan masa yang panjang dan tidak akan selama-lamanya memangku.

Dalam hal yang telah disebutkan tadi, kaola menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha-usaha ke arah menggembelng dan menandai bersama sektor kerajaan dan sektor swasta serta seluruh rakyat dan penduduk dalam kata lain sektor kerajaan, swasta dan penduduk negara ini mestilah berganding bahu dan bekerja sebagai satu pasukan yang 'ampuh' seperti mana peribahasa berbunyi:-

"Ke bukit sama didaki;
ke lurah sama dituruni;
Bersatu teguh bercerai roboh"

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di dalam Dewan yang mulia ini, marilah kita sama - sama menyumbangkan buah

fikiran dan pandangan-pandangan yang bermanfaat untuk negara di samping mengetengahkan perkara - perkara strategik demi kesejahteraan rakyat dan penduduk dengan disokong hatta penelitian yang betul dan mengurangkan percakapan-percakapan dan soal jawab seperti mana jua dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada pagi kelmarin.

Akhirnya, kaola ingin menyembahkan sekali lagi setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia titah baginda.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun membincangkan dan membahaskan usul yang telah pun dikemukakan pada pagi ini tadi dan disambung pula pada sebelah petang ini dan nampaknya tidak ada lagi Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membahaskannya.

Maka usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri

di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkenan berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam pada hari Isnin, 14 Rejab 1441, bersamaan 9 Mac 2020.

Maka saya berpandangan ada baiknya usul ini sekarang kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya semua Ahli yang bersetuju sepenuhnya dengan usul yang dikemukakan ini, Maka usul ini diluluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ingin membuat kenyataan dan saya persilakan Yang Berhormat untuk membuat kenyataannya.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola ingin mencadangkan bahawa menurut Peraturan 4(3) daripada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Negara membolehkan supaya Perkara VII Rang Undang-Undang dan Perkara VIII *subsection* 2 Ketetapan Di Bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggali 136) akan lebih dahulu dibincangkan dalam persidangan yang diadakan pada petang ini. Perkara ini kaola cadangkan kerana rang ini amat mustahak disegerakan dan dibincangkan sebelum penutup tahun kewangan kita berakhir pada 31 Mac 2020.

Oleh yang demikian, kaola berharap cadangan ini akan dapat dipersetujui oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat setelah mendengar kenyataan cadangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II

yang telah disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri maka saya berpendapat perkara ini jelas dan tidak perlu dibahaskan. Saya memberikan kesimpulan Ahli-Ahli Yang Berhormat semua bersetuju.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Perkara Ke VII Rang Undang-Undang yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang persidangan berpindah ke Perkara VII Rang Undang - Undang. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ingin sekarang untuk membuat kenyataan tentang Rang Undang-Undang tersebut, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dengan segala hormatnya kaola memohon izin untuk mengemukakan bagi pihak Kebawah Duli Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam satu Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Daripada Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2020/2021 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** untuk bacaan kali pertama, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, sebentar tadi telah mencadangkan bagi Rang Undang-Undang tersebut untuk dibaca bagi kali yang pertama.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Satu Rang Undang-Undang yang bergelar:-

"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang daripada kumpulanwang yang disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2020/2021 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu".

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk kaola mencadang-

kan supaya Rang Undang-Undang yang bergelar:-

"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Daripada Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2020/2021 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu." dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk membenarkan pengeluaran sejumlah \$5.86 bilion dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2020/2021 dan untuk diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual, dalam berbuat demikian...

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya kira, sebelum Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II meneruskan ucapan ada baiknya mengikut urutan peraturan-peraturan pembentangan Rang Undang-Undang yang sesudah kita membaca kali pertama, maka Yang Berhormat memohon untuk menggantung bagi mengemukakan bacaan kali kedua dan ketiga.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Mohon maaf Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih. Kaola memohon izin bagi

memaklumkan kepada majlis ini. Bahawa kaola ingin mengemukakan cadangan untuk bacaan kali yang kedua dan yang ketiga bagi Rang Undang-Undang yang bergelar:-

“Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2020/2021 Dan Untuk Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Yang Tertentu” pada persidangan hari ini juga.

Sesuai dengan peraturan Majlis Mesyuarat Negara kaola bercadang untuk mengemukakan cadangan Rang Undang-Undang ini untuk bacaan kali yang kedua dan yang ketiga pada hari ini juga.

Maka kaola mohon izin kebenaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua supaya digantung Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara supaya membolehkan dibuat cadangan-cadangan sedemikian pada hari ini juga. Permohonan ini semata-mata bagi membolehkan majlis ini memudahkan tugas-tugasnya dengan lebih lancar dan teratur lagi. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setelah saya mendengar alasan-alasan dan keterangan serta sebab-sebab yang dikemukakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, maka saya

izinkan supaya Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara dibolehkan digantung bagi membolehkan bagi Rang Undang-Undang yang bergelar:-

“Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2020/2021 Dan Untuk Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Yang Tertentu” Untuk dibaca bagi kali yang kedua dan ketiga menurut Syarat 48(3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Maka saya menanggungkan mesyuarat ini selama 15 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang persidangan kita disambung semula untuk membincangkan Rang Undang - Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 yang dipohonkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk dibaca bagi kali yang kedua dan ketiga menurut Syarat 48(3) Perlembagaan Negara Brunei

Darussalam yang saya telah pun membenarkan perkara itu dilaksanakan.

Maka saya kira cukuplah dulu persidangan yang kita adakan pada hari ini. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Rabu, 11 Mac 2020, pukul 9.15 pagi.

Sekian, وباللّٰه التّوٰفِيقِ وَالهِدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Rabu, 16 Rejab 1441/11 Mac 2020****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., SNB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., SNB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

(Tidak hadir)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.,

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.,

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PSB., PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, PJK., Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.15 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, iaitu hari yang ketiga, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ kerana dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini, bersidang bagi hari yang ketiga dalam Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نبي محمد صلى الله عليه وسلم, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada persidangan yang telah kita adakan di sebelah petang semalam, kita telah selesai membahaskan Perkara V - Usul-

Usul Yang Telah Diberi Notis. Sebelum kita menyambung semula untuk membahaskan Perkara VII Rang Undang-Undang dan Perkara VIII *subsection 2* ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggaj 136).

Saya cadangkan kita lebih dahulu membincangkan Perkara VI iaitu Soalan-Soalan Yang Diberi Notis dan saya akan memberikan peluang bagi 2 buah soalan untuk dijawab.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Perkara VI - Soalan-Soalan Yang Diberi Notis, Soalan Jawab Mulut No. 1 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Perkhidmatan Awam adalah nadi dan jentera kerajaan yang penting dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Perkhidmatan Awam mengambil peranan sebagai pemelihara keamanan, penguat kuasa undang-undang, pengawal selia dan penyedia perkhidmatan di samping peranan utamanya sebagai pemudah cara,

pengembang maju dan pembawa pembaharuan serta sebagai pemikir. Betapa mustahaknya peranan Perkhidmatan Awam tidak akan berkurangan, lebih-lebih lagi dalam zaman sekarang yang serba mencabar dan mengalami pelbagai perubahan.

Setiap warga perkhidmatan awam bertindak sebagai pemangkin pembangunan negara dan hendaklah bersikap dinamik, berfikiran secara proaktif dan *forward thinking* di samping bersikap *addictive*, responsif dan progresif terhadap perubahan persekitaran.

Dalam menyokong warga perkhidmatan awam dalam meningkatkan peranan dan menandai tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan baik, Skim Perkhidmatan Awam hendaklah disesuaikan selaras dengan peredaran masa. Skim Perkhidmatan Awam yang lebih teratur hendaklah diwujudkan bagi memantapkan dan meningkatkan lagi mutu dan kualiti perkhidmatan supaya ia maju dan berdaya tahan dalam kehendak masa kini.

Soalan saya:-

1. Apakah pendekatan atau inisiatif yang telah dan sedang diambil oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dalam meneliti semula Skim Perkhidmatan Awam yang sedia ada khususnya skim perkhidmatan yang memerlukan pembaharuan

sesuai dengan peredaran masa agar skim perkhidmatan berkenaan tidak statik dan mempunyai aliran kerja yang lebih rapi bukan saja dari segi perubahan tangga gaji, kelayakan, kenaikan pangkat bahkan juga dari segi hak dan keistimewaan latihan serta tugas dan tanggungjawab; dan

2. Saya telah difahamkan bahawa ada beberapa cadangan Skim Perkhidmatan Khusus seperti Skim Perkhidmatan Pegawai Perundangan Sivill dan Syariah, Skim Perkhidmatan Perguruan Agama dan Skim Perkhidmatan *Allied Health Professionals* telah pun dicadangkan dan telah lama dihadapkan untuk penelitian dan kebenaran oleh pihak-pihak berkenaan, tetapi hingga masa ini belum ada lagi ketentuannya.

Saya ingin tahu bilakah agaknya cadangan skim perkhidmatan yang dimaksudkan itu dapat dibenarkan dan dilaksanakan?

Sekian, وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri di Jabatan

Perdana Menteri: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
 Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mengucapkan terima kasih atas soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu mengenai dengan Perkhidmatan Awam.

Kaola ingin mengongsikan bahawa Skim Perkhidmatan Awam bertujuan bagi mewujudkan satu aliran kerja yang teratur dan mantap melibatkan pewujudan gelaran jawatan tangga gaji yang kemas kini, selaras dan telus dengan keutamaan diberikan kepada penghasilan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan berdaya saing selaras dengan kehendak masa.

Beberapa inisiatif telah diungkayahkan dalam meneliti semua syarat Skim Perkhidmatan yang sedia ada mengikut peredaran semasa dan keperluan satu-satu jawatan. Ini antara lain adalah seperti berikut:-

- i. Mengemas kini skim-skim perkhidmatan bagi memberi peluang perkembangan kerjaya kepada kakitangan dalam perkhidmatan *Open Vote* untuk diserapkan ke dalam skim-skim tetap yang berkenaan dengan mengambil kira pengalaman dan tempoh perkhidmatan serta kesesuaian kelayakan akademik;
- ii. Pelaksanaan penyelarasan dan penyesuaian gelaran jawatan bagi jawatan-jawatan dalam Bahagian IV dan V yang mempunyai tugas dan tanggungjawab yang sama tetapi mempunyai gaji yang berlainan sebagai contoh jawatan Pemandu;
- iii. Pengemaskinian syarat-syarat kelayakan dalam skim perkhidmatan bagi jawatan - jawatan dalam

Bahagian I yang menghendaki pemegangnya untuk menyediakan 2 kertas kerja;

- iv. Pewujudan Skim Perkhidmatan yang mengambil kira kelulusan atau tangga gaji yang sebanding dan jawatan yang bersesuaian dalam memastikan Skim Perkhidmatan yang telah diluluskan berdaya tahan dan dapat diguna pakai pada jangka masa yang panjang. Pada masa yang sama ia memperluaskan lagi pemilihan dalam kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan dalam bidang yang bersesuaian dan bukan sahaja tertumpu kepada satu bahagian sahaja yang tertakluk kepada jawatan-jawatan yang terlibat; dan
- v. Setiap jabatan dan kementerian juga bertanggungjawab untuk menyediakan modal kompetensi bagi jawatan-jawatan di jabatan dan di kementerian masing-masing untuk memastikan tujuan pewujudan Skim Perkhidmatan bagi jawatan-jawatan berkenaan adalah tercapai iaitu bagi menghasilkan pegawai dan kakitangan yang lebih kompeten dan berkemampuan (*skill workforce*).

Semua perkara yang disebutkan tadi mempunyai hala tuju yang tertentu mengikut jenis pekerjaan. Jenis perkhidmatan yang ditawarkan juga mengikut peringkat dan tahap kelulusan

yang dipunyai oleh calon-calon ataupun pencari kerja atau pelamar kerja. Begitulah secara ringkas yang dapat kaola huraikan berkaitan pendekatan atau inisiatif kerajaan dalam meneliti semula Skim Perkhidmatan Awam yang sedia ada.

Mengenai soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu iaitu Skim Perkhidmatan Pegawai Perundangan Sivil dan Syariah, Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama dan Skim Perkhidmatan *Allied Health Professionals* Kementerian Kesihatan.

Kaola ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa dalam menimbangkan apa jua inisiatif atau cadangan berkaitan kewujudan skim-skim perkhidmatan, pihak kerajaan mengambil pendekatan melihat kesesuaiannya mengikut keperluan tenaga manusia yang sedia ada dan akan datang dalam sesebuah organisasi. Berkait dengan perkara ini kaola, mengongsikan perkara-perkara seperti berikut:-

- i. Skim Perkhidmatan Pegawai Perundangan Sivil dan Syariah, Jabatan Perdana Menteri.

- Skim Perkhidmatan Pegawai Perundangan Sivil dan Syariah telah dibincangkan dalam jawatankuasa yang berkenaan memandangkan Skim Perkhid-

matan bidang Perundangan ini mempunyai impak yang besar kepada Perkhidmatan Awam. Ia memerlukan tempoh yang panjang bagi melaksanakan penganalisan yang terperinci serta menyeluruh dengan mengambil kira berbagai-bagai aspek seperti *bench marking* amalan terbaik (*best practices*) jenis-jenis kursus latihan bagi peningkatan pembangunan kapasiti penjawat awam dan lain-lain.

Ini tidaklah bererti skim tersebut tidak atau belum bersesuaian malah ada keelokannya jika skim itu dilaksanakan iaitu diadakan yang boleh membawa kepada *diversity* kepada bidang-bidang perundangan. Walau bagaimanapun skim-skim yang sedia ada berjalan sekarang ini juga boleh digunakan dengan dibuat beberapa penyesuaian dan sebagainya;

ii. Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama (SPGU), Kementerian Hal Ehwal Ugama.

- Untuk makluman Yang Berhormat Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama (SPGU) telah pun diluluskan dan mula berkuat kuasa pada 27 Jun 2016;

iii. Skim Perkhidmatan *Allied Health Professionals*, Kementerian Kesihatan.

- Skim ini mengandungi lebih dari 20 bidang professional dan setiap bidang memerlukan perhatian dan penelitian yang khusus. Pihak Jabatan perkhidmatan Awam telah pun mengadakan perbincangan mengenai skim berkenaan bersama pihak Kementerian Kesihatan dan ianya dalam proses penelitian dan pengemaskinian lanjut bagi memastikan ianya mengikut peredaran masa dan dapat diguna pakai secara berterusan tanpa perubahan dalam jangka sama yang singkat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Persoalan ini sebenarnya ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan tetapi disebabkan sesuatu perkara yang sangat penting yang tidak dapat dielakkan, Yang Berhormat itu tidak dapat bersama kita masa ini. Maka kaola dengan rela hati menjawab persoalan yang dikemukakan.

Untuk makluman sebanyak 19% dari warga Kementerian Kesihatan terdiri daripada *AHP (Allied Health Professional)* yang merupakan salah satu tunggak utama dalam memangkin penjagaan kesihatan Negara Brunei Darussalam, di samping para doktor dan jururawat.

Khidmat tenaga *AHP* dalam rangkaian perkhidmatan penjagaan kesihatan merangkumi semua spektrum daripada sekuritif kepada *rehabilitative* dengan penjagaan kreatif. Beberapa aliran

clinical kerja *AHP* dianggap sebagai *leading clinications of care* di samping sokongan dan penglibatan dan profesional yang lain. *AHP* jua profesional yang berkemahiran tinggi dan berkerja secara berpasukan, *multi disciplinary team* serta secara berintegrasi dengan profesion kegiatan yang lain bagi lawatan pesakit.

Cadangan Skim *AHP* yang baharu adalah inisiatif Kementerian Kesihatan untuk memantapkan lagi dan memperkukuhkan kerjaya *AHP* sebagai khidmat tenaga yang berperanan penting dalam perkhidmatan perjagaan kesihatan selaras dengan bidang-bidang kesihatan yang lain seperti kedokteran dan kejururawatan.

Untuk makluman sebelum ini pihak kementerian sudah pernah menghadapi cadangan Skim Perkhidmatan *AHP* ke Jawatankuasa Tangga Gaji dan Syarat - Syarat Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipertimbangkan dan juga mengadakan perbincangan susulan bersama pihak berkenaan. Hasil dari penelitian pihak Jawatankuasa Tangga Gaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan, Kementerian Kesihatan dinasihatkan untuk meneliti semula cadangan skim berkenaan secara menyeluruh seterusnya untuk membuat beberapa penambahbaikan.

Oleh itu, mengenai status terkini Cadangan Skim Perkhidmatan *AHP*, pihak kementerian masih memerlukan

maklumat tambahan khususnya Perkhidmatan *AHP* yang terbahagi kepada beberapa bidang. Cadangan awal menghadapi Skim Perkhidmatan bagi 21 bidang *AHP* yang kini telah pun digabungkan kepada 18 bidang sahaja. Jawatan-jawatan dalam bidang-bidang berkenaan juga akan diseragamkan dengan pengguna dan jawatan yang sama.

Satu panel teknikal di peringkat kementerian telah ditubuhkan yang terdiri daripada pegawai-pegawai *AHP* dari pelbagai bidang pengurusan yang dilantik bagi menduduki dan meneliti cadangan Skim Perkhidmatan yang berkenaan. Usaha ini bukanlah satu proses yang mudah untuk mewujudkan skim perkhidmatan yang berstruktur, teratur, seragam dan bersesuaian untuk semua 18 bidang profesional *AHP* dalam pelbagai bidang kepakaran memakan masa dan memerlukan penelitian yang terperinci.

Di samping itu, cadangan skim perkhidmatan hendaklah juga mengambil kira syarat dan peraturan. *Allied Health Professional Council of Brunei Darussalam* yang ditubuhkan bagi memastikan para *AHP* di Negara Brunei Darussalam adalah kompeten untuk mengamalkan bidang pengkhususan masing-masing selaras dengan *AHP order 2017*. Sekian terima Kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut No. 2 daripada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti

Abdul Haadii kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Program *i-Ready* dan Perkembangan Pengusaha Kecil dan Sederhana. Program *i-Ready* akan masuk tahun ketiga selepas pengenalannya pada tahun 2017 dan terdapat maklum balas dan komen dari lapisan masyarakat. Majikan - majikan yang mengambil graduan Program *i-Ready* bukan hanya dari sektor swasta tetapi juga dari sektor awam. Kebanyakan *apprentice* yang mendapat manfaat paling mendekati program ini dengan minda terbuka dan menggunakannya sebagai penempatan peluang belajar dan juga memperluaskan peluang jaringan kerja mereka.

Dari pemerhatian saya, dalam Program *i-Ready* menghasilkan 2 kesan (*outcome*) positif secara tidak sengaja dan bukan sebahagian daripada terma rujukan semasa perancangannya iaitu:-

1. Ia membolehkan *interns i-Ready* membantu *start-ups* untuk mempercepatkan syarikat - syarikat mereka berkembang dengan lebih cepat dan sesetengahnya menjadi lebih pantas dengan evolusi semula jadi mereka sebagai permulaan; dan
2. Ia mewujudkan peluang ekosistem untuk *interns i-Ready* dengan menanamkan keyakinan untuk menjadi usahawan.

Soalan saya:-

- i. Adakah terdapat kajian semula atau kesesuaian Skim *i-Ready* yang kemudian dapat menampung positif yang tidak disengajakan untuk digalakkan memandangkan ia dapat mengembangkan keusahawanan; dan
- ii. Dalam hal sedemikian akan lebih berkesan untuk mempertimbangkan pemberian geran kepada pengusaha kecil dan sederhana melalui kualiti pekerja sebagai kajian pertengahan inisiatif *i-Ready*. Adakah pihak tertentu melihat ini sebagai satu cara ke hadapan? terima Kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola berterima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii bagi soalan ini. Kaola mempersilakan rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk memberikan penjelasan dan penerangan seterusnya. Silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii atas soalan yang diajukan. Pada menjawab soalan Yang Berhormat, Sekretariat

Tetap *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* memang sentiasa memantau keberkesanan Program Perantisan *i-Ready*. Ini termasuklah langkah-langkah penambahbaikan mengikut kesesuaian ke arah mencapai objektif program ini iaitu untuk meningkatkan *marketability* dan *employability* kepada anak-anak tempatan.

Dalam pada ini, pihak Sekretariat Tetap MPEC telah membuat beberapa penelitian ke atas penyalahgunaan program oleh sesetengah majikan seperti mengurangkan gaji pekerja atau memberhentikan pekerja yang ada kerana bergantung kepada pembayaran elaun *i-Ready*, memberikan jawatan yang tidak bersesuaian mengikut kelulusan sebagaimana yang telah mereka janjikan.

Setakat 15 Februari 2020, seramai 58 orang perantis sedang ditempatkan dengan syarikat-syarikat setaraf dan 3 orang telah berjaya mendapatkan pekerjaan tetap. Manakala 41 orang dari 248 orang perantis berjaya mendapatkan pekerjaan tetap dengan MSME.

Dari segi pengembangan keusahawanan pula, satu kumpulan *i-Ready* yang terdiri dari 7 orang graduan telah berjaya menubuhkan perusahaan mereka sendiri. Oleh yang demikian, kaola sukacita menyarankan kepada anak-anak tempatan termasuk para perantis *i-Ready* yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan untuk mengguna-

kan platform yang sedia ada seperti program-program yang diungkuhkan oleh *DARe* dan *LiveWire*.

Menyentuh mengenai dengan pemberian *grant* pula, *MPEC* telah meluluskan pengembangan skop bagi *Human Resource Development (HRD) Fund* di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 bagi mendukung hasrat dalam meningkatkan kemahiran anak tempatan yang mana antara lainnya adalah termasuk Program *Training Grants* bagi syarikat kecil dan sederhana.

Geran '*Co-Matching*' dari *DARe* menawarkan bantuan kewangan sehingga \$20 ribu dalam bentuk pembiayaan padanan (70:30) kepada PMKS tempatan iaitu *DARe* akan membiayai 70% dari kos projek, manakala 30% lagi akan dibiayai oleh pemohon itu sendiri. Tujuan skim ini adalah untuk membantu mempercepatkan perkembangan perusahaan tempatan dan seterusnya membantu mereka untuk mengeksport produk masing-masing ke pasaran luar.

Terdapat 2 kategori iaitu:

- i. Kategori I:
Bagi syarikat yang sedia ada dengan jumlah maksimum pembiayaan sehingga \$20,000.00 ribu dan;
- ii. Kategori II:
Bagi syarikat baharu dengan jumlah maksimum pembiayaan sehingga \$10 ribu bagi pemohon yang berjaya.

Pada tahun 2019, sebanyak 11 permohonan telah diterima dan dua daripadanya sudah diluluskan. Dua perniagaan yang telah diluluskan adalah di dalam sektor industri kesihatan dan kecantikan (*health and beauty*) dan makanan & minuman (F&B).

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dulu perbincangan yang kita adakan untuk menjawab Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada petang semalam, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah memohon kebenaran supaya Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara, digantung bagi membolehkan Rang Undang-Undang yang bergelarnya:

“Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2020/2021 Dan Untuk Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu”, untuk dibaca bagi kali yang kedua dan ketiga menurut Syarat 48(3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Maka saya benarkan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, untuk berbuat demikian.

Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat untuk memberikan kenyataan seterusnya.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي. وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي. وَأَحْلِلْ غَدَّةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Kaola ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk kaola mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang bergelarnya **“Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2020/2021 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu”**, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tujuan Rang Undang-Undang ini **“Untuk Membenarkan Pengeluaran, Sejumlah \$5.86 Bilion (\$5,860,000,000.00) Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan,**

Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2020/2021, Dan Untuk Memperuntukannya, Bagi Maksud-Maksud Yang Dinyatakan Dalam Jadual”.

Dalam berbuat demikian, kaola memohon izin untuk menerangkan secara ringkas mengenai prospek ekonomi global dan Negara Brunei Darussalam serta sokongan Anggaran Belanjawan Negara berasaskan kepada analisis dan penilaian ke atas kemampuan kewangan kerajaan dan keutamaan perbelanjaan kerajaan selaku asas dalam penyediaan Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2020/2021.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ segala puji-pujian dan syukur ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, serta berkat kepimpinan dan keprihatinan raja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk di negara ini terus menikmati kesejahteraan dan pembangunan seiring dengan negara-negara maju.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola mengongsikan sedikit mengenai kedudukan ekonomi global pada masa ini. Berdasarkan Laporan *World Economic Outlook (WEO)* dari *International Monetary Fund (IMF)* dalam keluarannya bulan Januari 2020, pertumbuhan ekonomi global bagi

tahun 2019 adalah pada kadar 2.9%. Ini merupakan pertumbuhan terendah sejak Krisis Kewangan Global 2008/2009.

Ini antara lainnya disebabkan kejutan negatif terhadap aktiviti ekonomi di beberapa buah negara membangun terutamanya Brazil, India, Mexico, Russia dan Turki dan risiko seperti ketegangan geopolitik yang semakin meningkat terutamanya antara Amerika Syarikat dan Iran serta peningkatan pergolakan sosial dan kemerosotan hubungan perdagangan antara Amerika Syarikat dengan rakan-rakan dagangannya.

Manakala, pertumbuhan bagi tahun 2020 dalam laporan *World Economic Outlook (WEO)* keluaran Januari 2020 diramalkan meningkat secara sederhana kepada 3.3%. Walau bagaimanapun penularan wabak virus *COVID-19* akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi global. Pihak *International Monetary Fund (IMF)* telah mengeluarkan kenyataan bahawa pertumbuhan global pada tahun 2020 dijangka menurun tetapi sejauh mana kadar dan impaknya masih sukar untuk diramal.

Penurunan ekonomi global ini telah memberikan kesan negatif kepada permintaan minyak dan seterusnya menyebabkan harga minyak jatuh. Di samping itu, kegagalan dalam mencapai kesepakatan untuk mengurangkan pengeluaran minyak semasa mesyuarat *OPEC* yang telah diadakan baru-baru ini, yang telah menyebabkan harga minyak jatuh

menjunam iaitu pada pertengahan bulan Januari 2020 harga minyak adalah dalam lingkungan US\$65 setong, kepada kira-kira US\$54 setong pada awal bulan Mac 2020 dan seterusnya serendah US\$31 setong pada 9 Mac 2020.

Dalam jangka masa panjang pula, permintaan minyak dunia juga dijangka akan berkurangan mengambil kira kebanyakan negara maju telah mula beralih kepada penggunaan tenaga hijau dan *renewable energy technology* seperti *electric vehicles*, *geothermal* dan tenaga solar, *hydropower* dan *biofuels* berikutan dengan impak terhadap perubahan suhu global akibat penggunaan bahan api *fossil* atau *fossil fuel* seperti minyak dan gas.

Seterusnya, kaola ingin mengongsikan mengenai kedudukan pertumbuhan KDNK Negara Brunei Darussalam. **بِسْمِ اللَّهِ** Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah melaporkan pertumbuhan KDNK negara bagi tahun 2019 meningkat pada kadar 3.9% berbanding dengan 0.1% bagi tahun 2018. Sektor Minyak dan Gas mencatatkan peningkatan sebanyak 4.9% dan Sektor Bukan Minyak dan Gas berkembang pada kadar 2.5%. Ini merupakan pertumbuhan KDNK yang tertinggi sejak tahun 2006.

Bagi tahun 2020 pula, *IMF* telah mengunjurkan pertumbuhan KDNK Negara Brunei Darussalam pada kadar 4.7%. Anggaran ini antara lainnya

adalah mengambil kira pengeluaran pertama hiliran industri Minyak dan Gas bagi projek Loji Penapisan Minyak dan Petrokimia di Pulau Muara Besar, dan juga pembinaan kilang *Brunei Fertilizer Industries (BFI)*. Manakala, pihak *ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO)* telah mengunjurkan pertumbuhan pada kadar 3.7% dan pihak *Asian Development Bank (ADB)* juga telah mengunjurkan pertumbuhan yang positif iaitu pada kadar 1.5%.

Sementara itu, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi pula telah mengunjurkan bahawa pertumbuhan KDNK negara bagi tahun 2020 akan terus berkembang antara 4.9% hingga 7.1%. Ini berikutan dengan peningkatan beberapa sektor utama seperti Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan, Sektor Industri dan Sektor Perkhidmatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola mengongsikan kedudukan fiskal kerajaan bagi Tahun Kewangan 2018 / 2019. Kutipan hasil pendapatan kerajaan meningkat sebanyak 55.7% kepada \$6,027.26 juta berbanding dengan \$3,872.27 juta pada Tahun Kewangan sebelumnya.

Ini adalah disebabkan oleh peningkatan hasil dari sektor Minyak dan Gas sebanyak 63.8% kepada \$4,873.37 juta berbanding dengan \$2,975.73 juta pada Tahun Kewangan 2017 / 2018. Kutipan

hasil dari Sektor Bukan Minyak dan Gas juga meningkat sebanyak 28.7 % kepada sejumlah \$1,153.89 juta berbanding dengan \$896.54 juta pada Tahun Kewangan 2017/2018. Manakala, perbelanjaan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2018/2019, berkurangan sebanyak 1.32 % kepada \$5,999.34 juta berbanding dengan \$6,079.29 juta pada Tahun Kewangan 2017/2018.

Berikutan peningkatan hasil pendapatan dan penurunan perbelanjaan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2018/2019, negara telah merekodkan lebih belanjawan atau *budget surplus* sejumlah \$27.92 juta berbanding dengan defisit belanjawan dalam Tahun Kewangan 2017/2018 sebanyak \$2,207.02 juta.

Seterusnya, bagi Tahun Kewangan 2019/2020 pula, sehingga 29 Februari 2020, kutipan hasil pendapatan kerajaan dianggarkan berjumlah \$3,453.94 juta iaitu kira-kira \$2,787.79 juta adalah daripada Sektor Minyak dan Gas dan \$666.15 juta daripada Sektor Bukan Minyak dan Gas. Manakala perbelanjaan kerajaan adalah sebanyak \$4,923.80 juta, yang telah merekodkan defisit belanjawan sebanyak \$1,469.86 juta. Ini disebabkan oleh penurunan kutipan hasil dari Sektor Minyak dan Gas sebanyak \$779.89 juta.

Dalam usaha kerajaan untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara, inisiatif-inisiatif bagi mencapai keseimbangan belanjawan

(*balanced budget*) perlu diteruskan. Ini kerana hasil kerajaan kurang korelasi dengan pertumbuhan KDNK, tidak seperti negara-negara lain yang mempunyai sumber hasil yang lebih pelbagai seperti dari cukai pendapatan, *Goods and Services Tax (GST)*, *Property Tax* dan lain-lain, yang jika pertumbuhan KDNK meningkat, hasil kepada pendapatan kerajaan di negara-negara tersebut juga akan meningkat.

Oleh yang demikian, kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif di bawah *Program Fiscal Consolidation* yang telah mula diperkenalkan kepada kementerian-kementerian pada Tahun Kewangan 2018/2019. Program ini bukan sahaja merupakan *one-off* program tetapi ia merupakan program yang perlu dilaksanakan secara berterusan. Hasil pencapaian setiap inisiatif yang dirancang atau yang telah mula dilaksanakan oleh kementerian-kementerian mungkin hanya akan memberikan impak kepada kedudukan fiskal pada beberapa tahun yang akan datang. Setakat ini, melalui inisiatif di bawah *Program Fiscal Consolidation*, beberapa projek dalam perancangan antara lainnya pengkorporatan beberapa jabatan kerajaan seperti Jabatan Percetakan Kerajaan dan Jabatan Perkhidmatan Pos serta penswastaaan penuh fungsi perkhidmatan *pilotage* kapal-kapal yang masuk ke Pelabuhan Muara di bawah *Darussalam Pilotage Services*.

Di samping itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penubuhan *Syarikat P Cube Sendirian Berhad (P Cube)* pada 14 Mei 2019 sebagai anak syarikat di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), untuk meneliti cadangan-cadangan projek *Public Private Partnership (PPP)* termasuk melaksanakan pengurusan projek atau aset kerajaan yang berpotensi untuk menggunakan kaedah *PPP*. Sejak penubuhannya beberapa buah projek dan perkhidmatan kerajaan telah dikenal pasti untuk dilaksanakan dengan menggunakan kaedah *PPP*.

Dalam pada itu, mengambil kira dengan keadaan ekonomi negara pada masa ini yang menghadapi berbagai-bagai cabaran seperti pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang belum stabil berbanding dengan negara-negara jiran, kadar pengangguran yang tinggi dan eksport dari Sektor Bukan Minyak dan Gas yang masih rendah, '*Brunei Darussalam Economic Blueprint*' bagi tempoh 15 tahun (tahun 2020 hingga 2035) **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diterbitkan.

Ia merupakan satu pelan hala tuju perancangan ekonomi negara yang akan melengkapkan usaha-usaha untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 khususnya Matlamat Ketiga, iaitu "Ekonomi Yang Dinamik dan Berdaya Tahan". Penyediaan *Economic Blueprint* ini akan dibuat secara komprehensif dengan mengambil kira inisiatif-inisiatif

dan perancangan-perancangan lain yang sedia ada termasuk dari *Authority Monetary Brunei Darussalam Financial Sector Blueprint, ASEAN Economic Community Blueprint 2025*, pelan-pelan strategik kementerian-kementerian dan sebagainya.

Negara Brunei Darussalam juga komited untuk mencapai objektif-objektif yang dikenal pasti di bawah Agenda 2030 untuk Pembangunan Berdaya Tahan. Sebanyak 17 pencapaian ataupun *Sustainable Development Goals (SDGs)* telah dikenal pasti dan dipersetujui oleh kesemua negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) antara lainnya seperti membasmi kemiskinan, menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan, memelihara dan mempertingkatkan alam sekitar sambil mengatasi masalah perubahan iklim.

Dalam usaha Negara Brunei Darussalam untuk mencapai perkembangan negara, rakyat merupakan satu aset penting negara dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus melabur bagi kesejahteraan rakyat melalui pendidikan dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, kewangan yang inklusif dan tenaga kerja yang produktif.

Bagi menunjukkan komitmen negara terhadap pencapaian *SDGs*, Negara Brunei Darussalam akan menyertai, buat pertama kalinya, sesi *Voluntary National Review (VNR)* semasa *United Nations High Level Political Forum on Sustainable*

Development yang akan diadakan pada bulan Januari 2020 di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Amerika Syarikat.

Sebagai persediaan bagi penyertaan dalam sesi *VNR 2020* nanti, satu bengkel kerja *VNR* telah diadakan pada bulan Januari 2020 lalu yang bertujuan antara lain untuk meningkatkan kefahaman pihak-pihak berkepentingan, bukan sahaja dalam kalangan agensi kerajaan, bahkan termasuk ahli-ahli pertubuhan bukan kerajaan (*NGOs*), mengenai dengan *VNR* termasuk proses dan ciri-ciri *VNR*, yang diharap akan menyumbang kepada pencapaian *VNR* secara berkesan.

Kerajaan akan terus bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan berkenaan untuk memastikan *whole of nation approach* dalam persediaan sesi *VNR* itu nanti. **إِنْ شَاءَ اللهُ** dengan mengenal pasti dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang diterajui oleh kerajaan dan juga dukungan usaha pihak swasta dan *NGOs*, Negara Brunei Darussalam akan mencapai matlamat-matlamat yang telah dikenal pasti di bawah Agenda 2030 untuk Pembangunan Berdaya Tahan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berasaskan kepada faktor-faktor yang telah dibentangkan sebentar tadi, Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2020/2021, termasuk peruntukan bagi Kumpulanwang Kemajuan, dicadangkan keseluruhannya dikekalkan sebanyak \$5.86 bilion seperti pecahan berikut:-

1. Kategori Gaji Kakitangan diperuntukkan sebanyak \$1.99 bilion atau 33.9% daripada keseluruhan peruntukan bagi membiayai antara lain gaji, elaun-elaun dan pembayaran caruman seramai 67,126 kakitangan kerajaan;
2. Perbelanjaan Berulang-Ulang diperuntukkan sebanyak \$2.01 bilion atau 34.3%. Ini antara lain bagi memperuntukkan Pemeliharaan Aset Kerajaan sebanyak \$365.43 juta, Pendidikan sebanyak \$217.65 juta, Sewa sebanyak \$160.13 juta, pembayaran gaji dan elaun bagi 11,251 kakitangan *Open Vote* dan Gaji Hari sebanyak \$136.18 juta dan Perbelanjaan Operasi sebanyak \$134.89 juta;
3. Perbelanjaan Kemajuan dikekalkan sejumlah \$800 juta atau 13.7%; dan
4. Manakala selebihnya bagi membiayai perbelanjaan di bawah kategori Perbelanjaan Yang Diakui.

Anggaran Hasil Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2020/2021 pula diunjurkan berjumlah \$4.05 bilion iaitu hasil daripada Sektor Minyak dan Gas dianggarkan sebanyak kira-kira \$2.91 bilion, manakala Sektor Bukan Minyak dan Gas dianggarkan sebanyak \$1.14 billion. Oleh itu, Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2020/2021 dijangka akan mengalami defisit berjumlah kira-kira \$1.81 bilion.

Walau bagaimanapun, unjuran KDNK dan anggaran hasil yang telah kaola bentangkan sebentar tadi belum lagi mengambil kira situasi terkini seperti mana kaola telah terangkan mengenai situasi harga minyak yang menurun dan seterusnya akan berada pada tahap yang rendah dengan mengambil kira cabaran-cabaran yang telah, sedang dan yang akan kita alami. Oleh yang demikian, kedudukan ekonomi negara akan besar kemungkinan turut terjejas dan hasil kerajaan akan lebih rendah dari jumlah yang telah dianggarkan, yang dengan sendirinya menyebabkan jumlah defisit yang lebih besar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kaola akan membentangkan tema Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2020/2021 yang masih dikekalkan seperti Tahun Kewangan 2019/2020 iaitu "Pelaburan Untuk Masa Depan (*Investing in Our Future*)". Ini untuk meneruskan usaha-usaha yang telah mula dilaksanakan sejak tahun kewangan lepas dan perancangan-perancangan yang dicadangkan agar ia dapat dimajukan sebagai kesinambungan dalam jangka masa panjang untuk mencapai kestabilan fiskal dan meningkatkan kualiti kehidupan yang tinggi serta menjana ekonomi yang maju dan berdaya tahan agar ia dapat dinikmati oleh generasi kini dan akan datang.

Kerajaan juga akan terus mengekalkan empat fokus utama bagi mendukung

tema Belanjawan Tahun Kewangan 2020/2021 di atas, seperti berikut:

- i. Meningkatkan Aktiviti Pelaburan;
- ii. Memudah Cara Perniagaan;
- iii. Menjana Sumber Manusia yang Kompeten dan *Employable*; dan
- iv. Memelihara Kesejahteraan Awam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola menghuraikan secara ringkas keutamaan-keutamaan berkenaan satu persatu dan juga memberikan perkembangan dan pencapaiannya setakat ini di bawah keutamaan-keutamaan tersebut.

1. **Meningkatkan Aktiviti Pelaburan.**

Dalam usaha untuk meningkatkan aktiviti pelaburan di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus giat berusaha untuk meneroka dan menggalakkan peluang-peluang dan aktiviti pelaburan terutama sekali dalam menarik pelaburan-pelaburan langsung asing yang berkualiti bagi mempercepatkan lagi usaha pembangunan sektor swasta di negara ini sekali gus dapat menjana peluang pekerjaan.

Sejajar dengan usaha untuk merealisasikan aspirasi dalam mempelbagaikan ekonomi, *Industry Roadmap* juga sedang dirangka yang

bertujuan menyediakan ekosistem perindustrian yang kondusif dan meningkatkan feasibiliti dan daya saing sektor-sektor utama negara melalui strategi-strategi dan pelan tindakan, antaranya:

Sektor utama pertama, iaitu Industri Hiliran Minyak dan Gas. Bagi memajukan pelaburan *FDI* dalam sektor *derivatives* hasil minyak dan gas dan seterusnya pembuatan hiliran yang menggunakan produk penghasilan dari syarikat-syarikat yang sedia ada terutamanya *Syarikat Hengyi Industries Sdn Bhd*, *Syarikat Brunei Methanol Sdn Bhd* dan

Syarikat Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd. *Syarikat Hengyi Industries Sendirian Berhad* telah pun berjaya melaksanakan *plant start-up* pada 3 November 2019 serta mula mengeluarkan produk *paraxylene* dari *unit aromatics crackers* dengan mencapai *standard* penghasilan yang memuaskan. Pencapaian ini merupakan satu *milestone* yang signifikan yang membuktikan kilang tersebut telah dapat menghasilkan sebanyak 13 jenis produk termasuk minyak *petrol*, *diesel*, *jet fuel*, *benzene* dan lain-lain, dan telah mengeksport produk-produk petrokimia ke 15 buah negara termasuklah Amerika Syarikat, Malaysia, Republik Singapura, Filipina, Australia, Indonesia, Hong Kong, Vietnam dan Republik Rakyat China.

Sehingga bulan Februari 2020, *Syarikat Hengyi* juga telah berjaya menghasilkan nilai eksport berjumlah US\$1.22 bilion dan setakat ini telah menjana 447 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Manakala, *Syarikat Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad (BFI)* pada masa ini adalah dalam fasa pembinaan kilang penghasilan amonia dan urea dan dijangka akan mula beroperasi pada bulan Mei 2021. Kilang ini nanti akan mempunyai kapasiti pengeluaran amonia sebanyak 2,200 metrik tan sehari yang akan diproses untuk menghasilkan baja *urea granular* sebanyak 3,900 metrik tan sehari.

Setakat ini, syarikat ini telah menjana pekerjaan kepada anak tempatan seramai 33 orang pegawai dan kakitangan dan 162 pelatih.

Dalam hubungan ini juga, *Hengyi* dan *BFI (Brunei Fertiliser Industries)* memainkan peranan utama dalam mengubah landskap ekonomi negara dengan memperluaskan dan memantapkan *value chain* sektor minyak dan gas. Projek-projek ini akan terus mewujudkan peluang-peluang pelaburan dalam industri seperti petrokimia dan pembuatan hiliran yang dengan sendirinya akan memacu pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi negara. Contohnya, *PTA (Purified Terephthalic Acid)* yang boleh diproses untuk menghasilkan

pelbagai produk, termasuk komponen kenderaan, tekstil, pembungkusan, perabot, peralatan pinggan mangkuk, dan sebagainya.

Selain itu, projek-projek ini telah berjaya memberikan peluang latihan di dalam dan luar negara seperti menawarkan biasiswa kepada graduan tempatan untuk menjalani latihan kejuruteraan di luar negara. Pada masa akan datang akan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan mahir yang berkualiti tinggi kepada anak-anak tempatan. Oleh itu, dengan adanya projek-projek hilir ini nanti, ia akan dapat memberikan peluang *spinoff* kepada syarikat-syarikat mikro, kecil dan sederhana. Di samping itu, aktiviti-aktiviti seperti *tanking*, *mixing* dan logistik bagi industri minyak dan gas juga diambil perhatian dalam *Industry Roadmap* ini;

Sektor utama kedua ialah Industri Permakanan. Ke arah perkembangan industri ini, beberapa strategi telah dikenal pasti bagi mengurangkan jurang dalam ekosistem dan *value chain* industri ini. Beberapa syarikat-syarikat *FDI* yang khusus seperti *Barramundi Asia Sdn Bhd*, *Pure Salmon* telah juga dikenal pasti yang dapat membantu dalam membangunkan pertumbuhan syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi untuk dikembang majukan.

Tiga aspek yang akan difokuskan di bawah industri ini adalah seperti:

- i. *Primary production* melalui kerjasama dengan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan;
- ii. *Secondary production* bagi memastikan keseluruhan potensi *value chain* akan dibangunkan secara maksimum di negara ini; dan
- iii. *Supporting Industries* seperti logistik dan *cold storage*.

Dalam hubungan ini, satu Memorandum Persefahaman (*MoU*) telah ditandatangani pada 10 Disember 2019 antara Dana

Modal Pembangunan Strategik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi bersama *8F Asset Management Pte Ltd*, iaitu sebuah syarikat pengurus dana *Private Equity* dari Republik Singapura. *MoU* tersebut akan memberi rangka kerja bagi kerjasama pelaburan ke dalam satu fasiliti penternakan ikan *Atlantic Salmon* dengan menggunakan teknologi *Recirculating Aquaculture System (RAS)* yang kapasiti penghasilannya dianggarkan 10,000 metrik tan ikan setahun. Projek penternakan ikan *Atlantic Salmon* dijangka akan menjana 145 peluang pekerjaan dan akan membekalkan produk-produk ikan seperti *'fish*

fillets' dan *'smoked salmon'* ke pasaran serantau dan juga tempatan.

Syarikat Barramundi Asia Sendirian Berhad pula, akan memulakan fasa pembinaan pada suku tahun pertama 2020 dan pengeluaran pertama akan dijangka pada akhir tahun 2021. *إِنشَاءَ اللَّهِ* dengan kejayaan yang diraih, hasil daripada penggunaan teknologi ini, ia akan dapat membuka peluang dalam mengembangkan beberapa jenis projek akuakultur yang lain. Ini juga mengambil kira bahawa syarikat-syarikat akuakultur ini akan membuat pemindahan teknologi dan pengetahuan mereka kepada syarikat-syarikat tempatan melalui latihan dan penyelidikan. Perusahaan syarikat-syarikat ini juga akan menjana perkembangan kepada PMKS tempatan yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan sampingan dan *supply chain*, seperti memproses makanan laut hiliran, katering, pengeluaran makanan ikan dan logistik.

Sektor utama ketiga ialah Ekonomi Digital. Dalam menghadapi perkembangan Revolusi Industri 4.0. Pengawalseliaan serta infrastruktur dan *connectivity* perlu diberikan tumpuan dalam pembangunan ekonomi digital negara. Selain penubuhan Majlis Digital Ekonomi, salah satu inisiatif utama kerajaan dalam mempercepatkan agenda digital ekonomi negara adalah dengan menyatukan rangkaian

infrastruktur syarikat - syarikat telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam ke dalam sebuah anak syarikat yang dipunyai (100%) oleh *Darussalam Assets Sdn Bhd* iaitu *Syarikat Unified National Network Sdn Bhd (UNN)* yang akan berterusan untuk melabur dan memperbaiki infrastruktur telekomunikasi, dalam usaha untuk menubuhkan sebuah "*State of The Art and Best In Class, Fixed Mobile Convergence Network.*"

Pada masa ini, perbincangan telah diadakan antara pihak *UNN* dan pihak industri mengenai potensi pelaburan dalam teknologi dan infrastruktur 5G. Negara kita tidak mampu tertinggal dalam penyerapan teknologi baharu supaya kita terus dapat bersaing di pasaran antarabangsa dan dapat menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing yang memerlukan infrastruktur telekom yang canggih untuk kegunaan industri mereka. Penyerapan ekonomi digital melalui penyediaan pelaburan yang dibuat oleh *UNN* juga akan membolehkan negara mengimbangi keperluan bekerja, beribadat dan beriadah dengan lebih baik.

Sektor utama keempat ialah Industri Pelancongan. Sejajar dengan objektif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Industri pelancongan yang dimajukan perlu berasaskan *Sustainable, Responsible and Inclusive (SRI)*. Pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei juga turut memainkan peranannya sebagai

promoter dan pemudah cara *FDI* bagi industri ini khususnya sektor penginapan dan *wellness*. Melalui Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT), pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) bergiat aktif dalam mengenal pasti projek-projek yang boleh menaikkan lagi status Temburong sebagai "Permata Hijau" iaitu termasuk projek-projek pelancongan yang memelihara sumber daya alam dan menggunakan teknologi rendah karbon yang mana memerlukan penglibatan pelabur-pelabur dari dalam dan luar negeri yang mempunyai taraf kepakaran yang tinggi.

Selain projek tersebut, projek-projek lain juga sedang giat dilaksanakan di Daerah Temburong yang diharapkan akan dapat membangun peluang penjanaaan ekonomi di daerah tersebut dengan adanya jambatan penghubung Daerah Brunei Muara ke Daerah Temburong itu nanti. Projek menaik taraf dan pembisaian Pekan Bangar adalah salah satu projek utama yang sedang giat dilaksanakan yang bertujuan bukan sahaja untuk mengukuhkan Pekan Bangar sebagai salah satu tempat tarikan pelancong tetapi juga menjadikannya sebagai pusat komersil bagi peniaga-peniaga tempatan.

Dalam hubungan ini, pihak *Darussalam Enterprise (DARE)* juga memainkan peranannya dengan memperluaskan program - program

keusahawanan yang dibukakan khusus bagi peniaga - peniaga dan pengusaha-pengusaha di Daerah Temburong dalam membantu mendidik dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran perniagaan mereka, contohnya memberi latihan penyimpanan buku asas (*book keeping*) dan pengurusan kewangan. *DARE* juga sedang melaksanakan sebuah program berstruktur yang berhasrat untuk menaik taraf piawai perkhidmatan dan keupayaan perniagaan berkaitan dengan pelancongan seperti penginapan, restoran, produk makanan dan minuman yang dapat membantu memperbaiki dan meningkatkan produk-produk tersebut.

Sektor utama kelima ialah Sektor Perkhidmatan. Terdapat beberapa pelaburan dan peningkatan prasarana telah dibuat oleh agensi-agensinya kerajaan. Salah satunya ialah pengambilalihan terminal kontena Muara oleh *Syarikat Muara Port Company (MPC) Sdn Bhd*, iaitu sebuah syarikat usaha sama antara *Darussalam Assets* dengan *Beibu Gulf Holding (Hong Kong) Co. Ltd* pada 21 Februari 2017 lalu, terdapat peningkatan dalam perkhidmatan yang diberikan kepada para pelanggan khususnya syarikat-syarikat perkapalan. Sejak pengambilalihan ini, purata produktiviti kapal kontena telah meningkat daripada 20 pergerakan

setiap jam sebelum pengambilalihan kepada 32 pergerakan setiap jam, dan purata masa *haulier* berkurang kepada 21 minit daripada lebih 1 jam sebelum pengambilalihan.

Dari kejayaan pengambilalihan ini, *Muara Port Company Sdn Bhd (MPC)* terus berkembang dengan pengambilalihan *conventional ports* pada 2 Julai 2018 dan seterusnya meningkatkan kecekapan Pelabuhan Muara secara keseluruhannya. Dengan usaha giat *MPC* untuk memperluaskan aktiviti-aktiviti logistik.

إِنْ شَاءَ اللهُ tidak lama lagi *MPC* akan memulakan penghantaran kargo ulang alik secara *direct* dari Pelabuhan Muara ke Tanjung Priok di Jakarta Utara. Sejak penubuhannya, *MPC* terus berusaha untuk menjadikan Pelabuhan Muara sebagai pusat perkapalan, pelabuhan dan *transit hub* di rantau ini. *MPC* juga berhasrat untuk meningkatkan aktiviti ekonomi dan perdagangan melalui penyusunan semula *Strategic Business Plan* dan penyediaan *Port Masterplan* untuk menjadikan Pelabuhan Muara berdaya saing di peringkat pelabuhan antarabangsa dan *sub-regional* termasuk *BIMP-EAGA*.

Di samping itu, sebagai usaha untuk membangunkan perniagaan dalam bidang pertanian dan makanan, satu kumpulan kerja bersama Negara Brunei Darussalam dan Republik

Singapura di peringkat menteri dalam bidang agrimakanan telah ditubuhkan yang akan dapat memudah cara kolaborasi antara sektor swasta dalam bidang agrimakanan bagi menarik pelaburan dan mewujudkan pekerjaan. Pada peringkat ini, tumpuan akan diberikan dalam bidang akuakultur. Kumpulan Kerja Bersama ini akan memudah cara kerjasama antara pihak awam dan swasta antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, seperti dalam bidang fasilitasi pelaburan, kerjasama *Research and Development*, jaminan kualiti dan standard, dan pembangunan kapasiti.

Antara pencapaian di bawah fokus ini sepanjang Tahun Kewangan 2018/2019 dan Tahun Kewangan 2019/2020, adalah seperti berikut:

- i. Bagi memenuhi permintaan global yang semakin tinggi, *Syarikat Polygel* pada masa ini sedang berusaha untuk meningkatkan penghasilan produk *Organic Titanate* dengan memperluaskan lagi kapasiti penghasilan *anti-oxidant* daripada 2,000 metrik tan setahun kepada 5,000 metrik tan setahun yang dianggarkan dapat dicapai dalam tempoh 18 bulan. Di samping itu, *Syarikat Polygel* juga sedang menilai satu cadangan yang akan memperkenalkan pengeluaran

- produk baharu iaitu *catalyst*. Dengan adanya produk ini, kapasiti kilang *Syarikat Polygel* dijangka akan mencapai sebanyak 10,000 metrik tan setahun yang akan meningkatkan lagi jumlah eksport bagi Negara Brunei Darussalam dan menjana peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.
- ii. Kementerian Pertahanan bersama *Syarikat Muara Maritime Services Sdn Bhd (MMS)*, iaitu sebuah syarikat usaha sama yang ditubuhkan antara *Darussalam Assets* dan *Lürssen Internaval GmbH (Lürssen)* dari Jerman telah menandatangani perjanjian bagi memberikan perkhidmatan pemeliharaan dan pembaikan kepada kapal-kapal Tentera Laut Diraja Brunei (*TLDB*) mengikut keperluan dan aset-aset tertentu *dockyard TLDB* di Muara. Setakat ini, projek penaiktarafan *syncrolift alpha* dan pembaikan *shiplift bravo* telah mula dilaksanakan yang bertujuan antara lainnya untuk meningkatkan kapabiliti pihak TLDB dalam melaksanakan kerja pemeliharaan atas kapal - kapal TLDB secara *in-house* tanpa menggunakan perkhidmatan limbungan luar negara. Pada masa ini, Syarikat *MMS* telah menjana pekerjaan kepada 168 anak-anak tempatan.
- iii. Syarikat *Tavelmout Biofarm (B) Sdn Bhd*, salah sebuah syarikat dari negara Jepun yang menghasilkan spirulina iaitu sejenis bahan nutrisi bernilai tinggi yang digunakan sebagai bahan tambahan utama di dalam pengeluaran minuman kesihatan, supplemen penjagaan kesihatan, dan *nutriceutical*. Syarikat tersebut terletak di *BioInnovation Corridor (BIC)* dan telah bermula beroperasi pada 22 Oktober 2019 dan merupakan syarikat pembuatan spirulina yang pertama di Negara Brunei Darussalam. Fasiliti tersebut mampu menghasilkan sebanyak 900 metrik ton spirulina setahun.
- Setakat ini, *Syarikat Tavelmout* telah menghasilkan sebanyak 12 pekerjaan yang 10 pekerjaan tersebut telah diisi oleh warga tempatan.
- Di samping itu, projek-projek dalam perancangan adalah seperti berikut:
- i. *Syarikat Nanyang Mariculture* telah pun menubuhkan syarikat usaha sama dengan pengusaha tempatan iaitu *Lautan Timur Product Sdn Bhd* bagi memajukan ternakan tiram (*oyster*) di negara ini dengan pelaburan dianggarkan berjumlah \$73.5 juta. Pelaburan ini akan melibatkan perusahaan penetasan benih, proses pembesaran dan juga pembinaan kilang pemprosesan

oyster. Setakat ini syarikat tersebut sedang dalam proses membangunkan kemudahan pusat penetasan di Kampung Serdang dan kemudahan *grow out* di kawasan Pulau Keingaran dan dijangka akan menjana lebih kurang 5 pekerjaan;

- ii. *Syarikat Pure Fresh (China)* iaitu bagi penubuhan kilang penetasan dan ternakan udang *rostris*, pusat *multi-purpose seafood processing* bagi penjualan eksport dan **إِنْ شَاءَ اللهُ** akan menjana sebanyak 237 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan;
- iii. Syarikat Ruian iaitu bagi penubuhan kilang pemprosesan rempah dan perniagaan (*trading*) di China dan pemprosesan lanjut (*further processing*) di Negara Brunei Darussalam, dan **إِنْ شَاءَ اللهُ** akan menjana sebanyak 80 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan; dan
- iv. *Beijing Genomics Institute (BGI) (China)* dengan usaha sama *Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC)* bagi melaksanakan *genetic research and testing* dan **إِنْ شَاءَ اللهُ** akan menjana sebanyak 66 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Seterusnya, dari segi pasaran modal atau *Capital Market*, termasuk pasaran sekuriti dan juga pasaran *debt*, ia memainkan peranan penting dalam menggalakkan aktiviti ekonomi dengan memudahkan dan mempelbagaikan

akses untuk syarikat-syarikat mendapatkan pembiayaan alternatif.

Dengan tertubuhnya bursa saham di negara ini nanti, ia akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan perkembangan perniagaan dengan tersedianya pembiayaan alternatif untuk peniaga-peniaga di negara ini. Ini selaras dengan strategi negara untuk menyediakan ekosistem dalam mempercepatkan agenda meningkatkan aktiviti ekonomi khusus dalam perkhidmatan korporat.

Untuk memastikan pasaran modal di negara ini dilaksanakan dengan teratur, beberapa persediaan sedang dijalankan yang melibatkan beberapa pihak berkepentingan untuk menyokong pembangunan awal pasaran modal di negara ini. Antara persiapan-persiapan ini ialah:

- i. Menambah baik perundangan yang berkaitan seperti *Companies Act, Securities Market Order, Securities Market Regulation*;
- ii. Memberigakan *stakeholders* ekosistem pasaran modal seperti institusi-insitusi kewangan;
- iii. Penyediaan Sistem Bursa Saham termasuk peraturan-peraturan *listing* dan *trading*; dan
- iv. Mengenal pasti syarikat-syarikat yang bersedia untuk disenaraikan di bursa saham.

Dengan adanya pasaran sekuriti yang aktif nanti, ia membolehkan negara ini membuka peluang perniagaan bersama bursa-bursa yang lain di rantau *ASEAN*. Pembangunan pasaran sekuriti kebangsaan ini bukan sahaja akan memudahkan integrasi serantau tetapi juga akan mengembangkan platform pasaran modal negara dan mewujudkan peluang pelaburan asing yang lebih besar.

Ini selaras dengan strategi negara untuk mempelbagaikan ekonomi selain industri minyak dan gas. Penubuhan sebuah pasaran sekuriti di negara ini juga akan memerlukan lebih banyak profesional khususnya dalam industri undang-undang, perakaunan dan pengauditan dan lain-lain lagi jurusan mengambil kira syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam bursa diperlukan untuk mempunyai *corporate governance* dan *transparency* yang tinggi bagi kepentingan para pelabur.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin menekankan bahawa pelaburan dalam bursa saham ada turun naiknya, mempunyai risiko kerugian dan tidak semestinya menjanjikan keuntungan.

Manakala di bawah Sektor Pelancongan pula, jumlah ketibaan pelancong melalui udara telah mencatatkan seramai 333,244 orang pada tahun 2019 berbanding dengan 278,136 orang pada tahun 2018. Ini disebabkan oleh pengenalan dan penambahbaikan yang berterusan kepada beberapa produk pelancongan dengan kerjasama bersama

ejen-ejen pelancongan dalam mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan serta peningkatan rangkaian udara oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (*RB*) melalui penerbangan ke destinasi baharu seperti Republik Rakyat China, Korea Selatan, Melbourne dan pengenalan perkhidmatan penerbangan jauh tanpa henti ke London dan perjalanan terus dari Bandar Seri Begawan ke Dubai dan sebagainya. *RB* juga telah memperkenalkan perkhidmatan *RB Link* yang menyediakan perhubungan antara Bandar Seri Begawan dengan bandar-bandar utama di Borneo. Ini bertujuan menghubungkan destinasi *RB* dengan Borneo dan menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai *connectivity hub* utama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi memajukan lagi peluang-peluang perekonomian dan pelancongan, Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT) telah pun ditubuhkan yang memainkan peranan utama bagi mengenal pasti dan merancang pembangunan Daerah Temburong bukan sahaja untuk menjana aktiviti perekonomian di daerah tersebut tetapi juga akan dapat meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduknya.

Antara projek yang telah dikenal pasti adalah seperti projek menghidupkan Pekan Bangar yang menumpukan inisiatif - inisiatif yang dapat menjana perekonomian khususnya Perusahaan

Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) di daerah tersebut dan projek memajukan Mukim Labu. Beberapa projek penaiktarafan juga akan dilaksanakan di Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi dan Taman Negara Ulu-Ulu Temburong yang dijangka akan menjadi tarikan besar pelancong-pelancong berkunjung ke Daerah Temburong lebih lagi dengan projek pembinaan Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong إِنْ شَاءَ اللَّهُ yang dijangka akan mula digunakan pada tahun 2020 ini.

Di samping usaha-usaha yang diunggayahkan oleh pihak kerajaan, penglibatan sektor swasta dan Pelaburan Langsung Asing adalah sangat penting dalam memainkan peranan sebagai pemangkin yang signifikan dalam memajukan Daerah Temburong.

Dalam hal ini, AKDT sedang bekerjasama dengan arkitek-arkitek tempatan dalam merancang reka bentuk unik dan kreatif dan menerokai penubuhan infrastruktur yang dapat meningkatkan *connectivity* di Daerah Temburong. Beberapa projek Pelaburan Langsung Asing dari Republik Singapura dan Negara Jepun telah menyatakan hasrat untuk membangunkan infrastruktur dan mengendalikan aktiviti-aktiviti di Daerah Temburong, yang pada masa ini sedang dalam fasa kajian *feasibility*.

Bagi mendukung fokus ini, belanjawan Negara Tahun Kewangan 2020/2021 telah menyediakan peruntukan-

peruntukan yang dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara antara lainya seperti berikut:

- i. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan terus disediakan peruntukan sejumlah \$8 juta bagi Skim Pembelian Balik Padi di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan;
- ii. Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi disediakan peruntukan sejumlah \$3.3 juta bagi pemeliharaan terminal dan luaran bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei;
- iii. Bagi meningkatkan perkembangan sektor perikanan, sejumlah \$1.7 juta disediakan bagi Projek Pembinaan Takat-Takat Tiruan di bawah Jabatan Perikanan untuk meningkatkan sumber perikanan di negara ini. Dengan adanya takat-takat tiruan ini nanti, ia akan meningkatkan pengeluaran sumber perikanan daripada 7,170 metrik tan kepada 10,115 metrik tan dengan nilai kira-kira \$60.7 juta;
- iv. Manakala di bawah peruntukan RKN-11, sejumlah \$98.2 juta disediakan antara lainya bagi membiayai perkara-perkara berikut:
 - i. Sejumlah \$40.4 juta disediakan bagi Projek Kandol untuk membuka kawasan baharu yang disasarkan akan menyumbang sejumlah 4,800 metrik tan padi setahun menjelang tahun 2025;

- ii. Bagi meningkatkan perkembangan Sektor Pertanian dan Agrimakanan, sejumlah \$16.7 juta disediakan bagi program peningkatan keluaran tanaman hiasan bunga-bunga bagi menjana pasaran eksport, program meningkatkan pengeluaran sayur dengan menggunakan teknologi tinggi dan pembangunan industri ternakan untuk menjana pengeluaran yang disasarkan; dan
- iii. Sejumlah \$9 juta dengan Harga Rancangan sejumlah \$79 juta bagi Projek Pembangunan Teluk Brunei dan sejumlah \$2.8 juta dengan Harga Rancangan sejumlah \$43 juta bagi Projek Pembangunan Pulau Muara Besar Fasa 2.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

2. Keutamaan belanjawan kedua ialah **Memudah cara Perniagaan**. Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif bagi mendukung fokus belanjawan ini antara lainnya dengan memperkenalkan beberapa perundangan dan pengawalseliaan yang lebih kondusif, serta meningkatkan keupayaan teknologi bagi memudahkan dan mempercepatkan proses untuk memulakan perniagaan di negara ini bagi industri-industri tempatan, PMKS serta Syarikat Pelaburan Langsung Asing untuk bertapak di negara ini. Ini juga termasuk inisiatif-inisiatif yang pernah dikongsikan sebelum ini, seperti

pendaftaran syarikat dan nama-nama perniagaan dapat dibuat dalam tempoh satu hari berbanding sebelumnya dan sistem *Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW)* sebagai komitmen negara ke arah pelaksanaan *ASEAN Single Window* sebagai platform pertukaran data dan maklumat antara negara-negara rantau *ASEAN*.

Dengan pelaksanaan beberapa inisiatif tersebut, ia dapat membantu meningkatkan skor negara ini dalam Laporan '*Doing Business 2020*' keluaran Bank Dunia kepada 70.1 daripada 69.6 pada tahun 2019 yang negara ini kini berada di kedudukan ke-66 daripada 190 ekonomi.

Di samping itu, sebagai inisiatif kerajaan untuk menghubungkan pengusaha PMKS tempatan dengan pemilik-pemilik perniagaan, profesional dan akademik yang berada di negara ini dari pelbagai industri dan kepakaran, *Darussalam Enterprise (DARE)* telah melancarkan satu platform iaitu *The Brunei Mentors for Entrepreneurship Network* untuk membantu para pengusaha PMKS termasuklah para belia PMKS menghadapi cabaran dan mengambil peluang dalam landskap perniagaan yang semakin berkembang dan semakin digital.

Di samping itu, *DARE* juga giat melaksanakan program *bootcamp* yang telah membantu pelancaran 48 *start-ups* dan telah menyumbang

kepada 191 pekerjaan. *DARe* juga telah membantu 231 buah peniaga untuk memasarkan produk mereka kepada pasaran domestik melalui *Micro, Small and Medium Enterprise (MSME) Festival, Brunei Made dan Unexpected Treasures* yang hasil penjualan bernilai kira-kira \$527 ribu.

Beberapa program juga telah diperkenalkan antaranya seperti Program i-Usahawan yang merupakan satu inisiatif Kementerian Tenaga dalam memberikan peluang kepada usahawan belia tempatan untuk mendapatkan kontrak yang dikhususkan dari pihak kerajaan, syarikat berkaitan dengan kerajaan dan badan berkanun bagi mengembangkan kemahiran usahawan belia-belia tempatan.

Setakat ini sebanyak 61 kontrak telah pun dikenal pasti dan 12 daripadanya telah pun dianugerahkan dengan nilai kontrak secara keseluruhan berjumlah \$16 juta iaitu 171 pekerja tempatan telah diambil bekerja bersama *DARe* yang melibatkan projek keusahawanan berdasarkan *multi-disciplinary* dan mempunyai perspektif revolusi industri 4.0 UBD melalui '*The UBD Start-Up Centre*' di bawah *Entrepreneurship Village*.

Di samping itu, bank-bank tempatan memainkan peranan penting dalam memajukan PMKS yang setakat 29 Februari 2020, Bank Usahawan telah memberikan pinjaman sebanyak \$12.2 juta kepada 192 PMKS

bagi membolehkan mereka mengembangkan perniagaan masing-masing. Manakala jumlah pinjaman korporat di bawah bank-bank lain di negara ini bagi tahun 2019 adalah sebanyak \$2.8 bilion berbanding \$2.6 bilion pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 9.6% tahun ke tahun. Bagi memupuk persaingan yang sihat di landskap ekonomi negara, Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam telah menguatkuasakan Perintah Persaingan iaitu Perjanjian Antipersaingan yang juga dikenali sebagai kartel mulai 1 Januari 2020.

Penguatkuasaan Perintah Persaingan tersebut selaras dengan matlamat bagi mencapai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan seperti yang diharapkan dalam Wawasan Brunei 2035. Prinsip utama Perintah Persaingan ini adalah bagi mendorong peniaga untuk bertindak secara bebas tanpa membuat pakatan bagi memenangi pengguna dengan menawarkan yang terbaik dari segi barangan, perkhidmatan dan harga.

Selain itu, inisiatif bagi memudahkan pengeksportan produk-produk tempatan khususnya produk pertanian seperti daging dan akuakultur ke pasaran-pasaran luar juga sedang giat dilaksanakan melalui perundingan dua hala dengan beberapa buah negara. Sebagai misalan, Penandatanganan Protokol

antara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama Pentadbiran Am Kastam Republik Rakyat China pada 16 Disember 2019 telah membuka akses pasaran bagi *muskmelon* tempatan ke negara tersebut.

Dengan adanya perjanjian seperti ini, akan memberikan impak positif dan signifikan dalam usaha meningkatkan hasil pertanian, ternakan dan perikanan yang seterusnya akan dapat meningkatkan pertumbuhan KDNK negara ini.

Dalam usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan telekomunikasi di negara ini, dengan menyatukan aset - aset infrastruktur telekomunikasi dari syarikat-syarikat telekomunikasi (*Te/Cos*) seperti yang telah kaola nyatakan sebentar tadi, syarikat-syarikat *Te/Cos* akan dapat memberikan tumpuan kepada bahagian *retail* dan meningkatkan perkhidmatan pelanggan, pemasaran dan tawaran pelbagai produk-produk dan perkhidmatan dalam suasana yang lebih kompetitif dan seterusnya ditawarkan pada harga yang berpatutan kepada pengguna.

Diharapkan dengan inisiatif ini, pergerakan aktiviti ekonomi digital akan lebih aktif dan sekali gus dapat mewujudkan perniagaan baharu seperti *smart applications* dan *smart solutions* yang menjadikan Negara Brunei Darussalam setanding dengan

negara-negara maju yang lain. PMKS juga akan dapat memanfaatkan platform ini dengan menawarkan produk dan perkhidmatan baharu seperti *smart home security*, *smart enterprise solutions*, *precision agricultural solutions* dan *smart farming solutions* dengan kadar yang lebih kompetitif dan lebih mudah.

Sebagai contoh, *Darussalam Assets* melalui anak syarikatnya *DST Networks* telah melancarkan satu project *Unified Smart Meter System (USMS)* yang bukan sahaja akan dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan tetapi pada masa yang sama ia akan menjana pengurusan sumber air dan elektrik yang efisien. Penggunaan *ICT* dalam industri berkenaan akan meningkatkan keberkesanan pengurusan bekalan. Bagi air, teknologi dapat membantu mengurangkan *non-revenue water* seperti kecurian dan kebocoran air. Manakala bagi elektrik, teknologi ini akan membantu dalam pengurusan penggunaan tenaga dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengguna.

Di samping itu, teknologi digital ini akan memberikan faedah kepada orang ramai untuk mendapatkan pekerjaan iaitu semakin banyak perusahaan atau perniagaan berhubung melalui platform digital. Salah satu contoh ialah Syarikat *DART* yang menggunakan jumlah data yang tinggi khususnya bagi

pemandu dan pengguna aplikasi *DART*. Dengan harga yang lebih kompetitif, kos penggunaan aplikasi *DART* akan lebih rendah, yang dapat menguntungkan pemandu atau pengguna aplikasi tersebut.

Antara peruntukan yang telah disediakan bagi mendukung fokus ini bagi Tahun Kewangan 2020 / 2021 adalah seperti berikut:

1. Sejumlah \$4.45 juta dengan Harga Rancangan sebanyak \$9.45 juta bagi membiayai perbelanjaan untuk memajukan Daerah Temburong berikutan siapnya Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong;

2. Di samping itu, peruntukan juga telah disediakan di bawah RKN-11 sejumlah \$2.12 juta dengan Harga Rancangan sebanyak \$16.8 juta bagi membiayai projek-projek berikut:

i. Melaksanakan kaedah pembayaran cukai bangunan secara *online*, melalui *Mobile Application* atau *Internet Banking* sebagai kemudahan alternatif bagi pelanggan untuk menjelaskan cukai bangunannya. Oleh itu, peruntukan disediakan dengan Harga Rancangan \$1 juta bagi Projek Cukai Bangunan Elektronik di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;

ii. Menaik taraf Pasar Gadong dan Pasar Jerudong disediakan dengan Harga Rancangan \$9 juta dengan kaedah pelaksanaannya dibuat melalui konsep PPP;

iii. Sistem Pengurusan Buruh Nasional disediakan Harga Rancangan sebanyak \$2.5 juta; dan

iv. Sistem Pensijilan Halal di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama disediakan Harga Rancangan sejumlah \$1 juta;

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

3. Fokus belanjawan yang ketiga ialah **Menjana Sumber Manusia yang Kompeten dan *Employable***.

Menurut hasil daripada Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2018, jumlah penduduk yang bekerja adalah seramai kira-kira 201,700 orang iaitu 72% adalah terdiri daripada penduduk tempatan rakyat Brunei dan penduduk tetap dan 28% adalah warga asing.

Pekerjaan lebih banyak tertumpu dalam sektor perkhidmatan terutamanya dalam pentadbiran awam dan perdagangan borong dan runcit. Manakala, kadar pengangguran di negara ini adalah 8.7% iaitu menurun daripada 9.3%

pada tahun 2017, iaitu berjumlah 19,223 orang, yang kira-kira 49.7% terdiri daripada lingkungan umur 25 hingga 64 tahun dan 50.3% terdiri daripada lingkungan umur 15 hingga 24 tahun.

Oleh itu, mengambil kira kadar pengangguran di negara ini masih lagi pada tahap yang tinggi, maka dalam menjana sumber manusia yang kompeten dan *employable*, kolaborasi antara semua pihak yang berkepentingan dan orang ramai diperlukan untuk meningkatkan keberkesannya dalam menangani isu pengangguran di negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberikan keprihatinan terhadap isu pengangguran ini. Baginda telah memperkenankan bagi *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri untuk menangani isu-isu pengangguran di negara ini secara efisien, telus dan berkesan. Inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan bagi menangani isu pengangguran ini dapat dirumuskan kepada tiga aspek utama:

i. Dari aspek *supply*, beberapa inisiatif sedang dijalankan yang bertujuan memperkukuhkan lagi pembekalan tenaga kerja tempatan agar dapat memenuhi keperluan industri menyediakan

tenaga kerja yang berdaya tahan dari segi *mindset* dan etika kerja dan mempertingkatkan kemahiran dan kompetensi melalui *upskilling* dan *reskilling*. Program-program *upskilling* dan *reskilling* akan diselaraskan dengan permintaan era industri 4.0 dan juga dengan *Brunei Darussalam Economic Blueprint* serta *Industry Roadmap* bagi meningkatkan peluang pekerjaan anak-anak tempatan;

ii. Dari aspek *Demand* pula, inisiatif-inisiatif ditumpukan kepada penjanaan pekerjaan seperti meneliti dan menggubal dasar serta proses tenaga kerja dan meningkatkan kerjasama antara setiap Kementerian bersama dengan pihak swasta, sektor perindustrian dan syarikat-syarikat langsung asing untuk menjana pertumbuhan ekonomi bagi meningkatkan jumlah pekerjaan yang berkualiti di sektor awam dan sektor swasta; dan

iii. Dari aspek *Enablers*, yang merupakan aktiviti *matching* antara *Supply and Demand*, termasuk *One Stop Career Centre*; penyejajaran, pengumpulan dan pengesahan maklumat tenaga kerja bagi kegunaan perancangan tenaga manusia dan penyediaan infrastruktur.

Ke arah itu, *Job Centre Brunei* juga telah memperkenalkan beberapa program seperti *District Connect* dan *Institution Outreach* bertujuan memberigakan perkhidmatan - perkhidmatan di *Job Centre Brunei* seperti penulisan *Curriculum Vitae* dan tip temuduga. Sehingga 29 Februari 2020, seramai 2,484 graduan telah mengikuti Program *i-Ready* yang 923 orang telah mendapat pekerjaan secara tetap. Manakala seramai 892 orang perantis masih aktif mengikuti Program *i-Ready* dan seramai 669 orang perantis telah berhenti dan ditamatkan. Ini termasuklah dalam *BSJV Companies* yang telah menubuhkan *Talent & Bruneianisation Committee* dalam usaha untuk memantau perkembangan potensi anak-anak tempatan untuk mencapai tahap kompetensi yang diperlukan untuk menerajui organisasi bertaraf antarabangsa seperti *BSP, BLNG, Brunei Shell Marketing Company Sdn Bhd (BSM)* dan *Brunei Gas Carrier Sdn Bhd (BGC)*. Sehingga 31 Januari 2020, peratus anak-anak tempatan yang bertugas di *BSP* adalah 87%, *BLNG* sebanyak 92%, *BSM* sebanyak 95% dan *BGC* sebanyak 98%.

Selain inisiatif-inisiatif kerajaan, rakyat juga memainkan peranan yang penting sebagai penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, sama ada yang bekerja di sektor awam, swasta atau persendirian. Oleh itu, rakyat dan penduduk yang mempunyai keupayaan untuk bekerja dan berkeinginan untuk memulakan perniagaan akan terus diberikan bimbingan dan bantuan keusahawanan agar dapat berdikari sendiri tanpa bergantung semata-mata pada bantuan kerajaan.

Sebagai contoh, Pusat Pembangunan Belia telah memberikan *grant* kepada sebuah syarikat tempatan iaitu *Cerita Fabrikku Sdn Bhd*. Syarikat berkenaan telah berjaya menembusi pasaran pembuatan pakaian bagi *Walt Disney World, Hard Rock Cafe, Universal dan Sea World* dengan diterajui oleh 5 orang lepasan *i-Ready* dan 24 orang lepasan dari Pusat Pembangunan Kapasiti.

Oleh itu, beberapa peruntukan telah disediakan bagi mendukung fokus ini seperti berikut:

- i. Sejumlah \$2.1 juta bagi tambahan 41 guru *English Native Speakers* di Kementerian Pendidikan untuk dilantik sebagai guru *CfBT* menjadikan jumlah guru *CfBT* keseluruhannya seramai 240 orang guru untuk

- ditempatkan di sekolah-sekolah yang kekurangan guru Bahasa Inggeris.; dan
- ii. Sejumlah \$2 juta bagi keperluan peralatan makmal dan pembelajaran jurusan kejuruteraan di bawah *Universiti Teknologi Brunei (UTB)* dan *Politeknik Brunei*; dan sejumlah \$1.3 juta bagi membiayai keperluan pembelajaran dan peningkatan pengambilan penuntut di *Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)*;
 - iii. Manakala, bagi meningkatkan kesejahteraan penuntut-penuntut di dalam dan luar negeri, peruntukan bagi pemberian biasiswa dan elaun penuntut akan terus disediakan seperti berikut:
 - Biasiswa keseluruhannya sebanyak \$48.8 juta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pertahanan; dan
 - Elaun Penuntut keseluruhan nya sebanyak \$55.5 juta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Peruntukan bagi pemakanan bagi penuntut-penuntut disediakan keseluruhannya berjumlah \$17.4 juta seperti berikut:

- Sejumlah \$10.4 juta di Kementerian Pendidikan yang mana sejumlah \$1.5 juta disediakan bagi membiayai kontrak Program Harapan bagi sejumlah 26 buah sekolah yang terpilih. Antara lain tujuan program berkenaan bagi menyediakan makan dan minum bagi pelajar - pelajar di beberapa buah sekolah yang terpilih sebagai suntikan semangat dan agar pelajar-pelajar lebih menumpukan perhatian terhadap pembelajaran; dan
- Sejumlah \$7 juta di sediakan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Peruntukan bagi penyewaan bas-bas sekolah di keempat-empat daerah dan bot temuai disediakan sejumlah \$7.1 juta bagi pengangkutan penuntut-penuntut sekolah.

Pembangunan Belia juga akan terus diberikan perhatian. Belia adalah tonggak utama peneraju negara di masa hadapan. Oleh itu, beberapa peruntukan terus disediakan bagi memastikan belia di negara adalah *future-ready* seperti berikut:

- i. *Program Khidmat Bakti Negara (PKBN)* disediakan sejumlah \$1.5 juta di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Dengan sasaran pengambilan

- kesembilan bagi tahun 2020 seramai 450 pelatih;
- ii. Sejumlah \$510 ribu untuk kursus-kursus di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan
 - iii. Bantuan kepada Belia dan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (*NGOs*) sejumlah \$1.4 juta termasuk Bantuan (*Grant*) Keusahawanan Belia, Pembangunan Belia, Pembangunan Sukan, Kursus-Kursus Pusat Pembangunan Belia, *Outward Bound* Brunei Darussalam dan Bantuan Kewangan *NGO* untuk meningkatkan *employability* dan *marketability* belia-belia, meningkatkan perekonomian dan pembangunan negara serta meningkatkan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan melalui *whole of nation approach*.

Peruntukan bagi fokus ini juga akan terus disediakan di bawah RKN-11 keseluruhannya berjumlah \$92.4 juta antara lainnya seperti berikut:

- i. Sejumlah \$33.4 juta dengan Harga Rancangan sejumlah \$129.6 juta disediakan bagi pembinaan, penambahan dan penaiktarafan bangunan - bangunan sekolah-sekolah kerajaan di seluruh negara termasuk sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah agama dan

arab serta institusi-institusi pendidikan tinggi;

- ii. Sejumlah \$26.1 juta dengan harga rancangan sejumlah \$76.3 juta bagi program *i-Ready* dan sejumlah \$18.5 juta dengan harga rancangan sejumlah \$136.1 juta bagi Pusat Pembangunan Kapasiti di bawah RKN Jabatan Perdana Menteri.
- iii. Sejumlah \$8.5 juta dengan harga rancangan sejumlah \$100 juta disediakan untuk membina tapak baru Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di Daerah Temburong; dan
- iv. Sejumlah \$600 ribu dengan harga rancangan sejumlah \$2.5 juta bagi *Civil Service Leadership Pipeline* di bawah RKN Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

- 4. Sekarang izinkan kaola menyentuh mengenai fokus belanjawan yang keempat iaitu **Memelihara Kesejahteraan Awam**.

Beberapa usaha dan perancangan pihak kerajaan terus dilaksanakan dalam memelihara kesejahteraan awam serta untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat dan kebajikan sosial penduduk di negara ini terus terjamin, termasuklah

pengukuhan sektor swasta untuk meningkatkan ekonomi negara dan menangani isu-isu pengangguran di negara ini.

Penyediaan infrastruktur sosio ekonomi seperti perumahan negara, prasarana jalan raya dan jambatan, serta perkhidmatan elektrik dan air bersih. Penubuhan Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim bagi menangani masalah perubahan iklim dan meningkatkan lagi sektor pertanian yang mana merupakan salah satu sektor penyumbang kepada jaminan makanan (*food security*) di negara ini.

Sebagai ahli anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pemeliharaan kesejahteraan awam juga berpandukan kepada agenda pembangunan mampan global PBB, iaitu *The 2030 Agenda for Sustainable Development* dan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals (SDGs)*) yang menyasarkan sebanyak 17 pencapaian bagi memastikan keamanan dan kemakmuran penduduk di seluruh dunia.

Dengan berprinsipkan '*Leaving No One Behind*', pencapaian *Sustainable Development Goals* bagi negara ini adalah pada tahap yang memuaskan khususnya bagi matlamat penyediaan sistem pendidikan dan kesihatan yang berkualiti tinggi, akses kepada keperluan asas (*basic*

amenities) seperti air bersih, elektrik, *sanitation management*, penyediaan infrastruktur yang berkualiti termasuk jalan raya, komunikasi, akses kepada *internet*, penjagaan alam sekitar dan *gender equality*.

Antara pencapaian yang telah diperolehi termasuklah 100% penduduk negara ini mempunyai akses kepada air yang bersih, 99.9% mempunyai akses kepada bekalan elektrik, 93% mempunyai akses kepada sistem pembetulan, 97% negara ini dihubungkan dengan jalan raya dan 94% mempunyai akses kepada *mobile internet*. Bagi matlamat kesihatan dan pendidikan pula, 95% ibu-ibu mengandung memperoleh perkhidmatan sebelum bersalin, 95% 'anak-anak damit' memperoleh perkhidmatan imunisasi, 96.6% pencapaian kadar literasi dan lain-lain.

Bagi *gender equality* pula, Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan pencapaian yang tinggi. Sebagai contoh, 41% tenaga kerja di negara ini terdiri daripada wanita, 66% tenaga kerja di sektor awam juga terdiri daripada wanita, lebih 5% *MSMEs* di negara ini dipunyai dan dijalankan oleh usahawan-usahawan wanita dan lain-lain lagi.

Human Development Index 2019 pula telah menempatkan Negara Brunei Darussalam di tangga 43 dari 189 buah negara. *Environmental*

Performance Index bagi tahun 2018 iaitu satu indeks yang mengukur *environmental health and ecosystem vitality* yang telah dikeluarkan oleh *World Economic Forum* telah menempatkan Negara Brunei Darussalam di tangga 53 dari 180 buah negara, iaitu satu pencapaian yang tinggi khususnya bagi negara-negara di rantau Asia.

Statistik-statistik ini menunjukkan komitmen negara dalam memastikan kesejahteraan bagi semua rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa terjamin dan kerajaan akan berterusan meningkatkan pencapaian bagi matlamat-matlamat dalam bidang yang lain.

Ke arah ini, dalam memastikan kebersihan negara akan terus terjaga, salah satu inisiatif di bawah Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (*JASTRe*) adalah bagi melaksanakan kerja-kerja pengutipan dan pembuangan sampah yang terapung di atas permukaan air serta membekalkan perangkap sampah (*trapping booms*) di tempat-tempat strategik seperti laluan sungai dan longkang utama bagi memerangkap sampah dari memasuki ke Sungai Brunei.

Pihak kerajaan juga akan terus memberikan perkhidmatan yang berkualiti bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk akan sentiasa dipelihara dan dalam

masa yang sama berusaha untuk meningkatkan taraf kesihatan dan pendidikan di negara ini dengan mengambil kira penyediaan perkhidmatan rawatan penyakit kanser yang telah dijalankan di negara ini serta dengan penubuhan Pusat Rawatan Kanser di *Pantai Jerudong Specialist Centre*, rujukan pesakit ke luar negara khususnya yang melibatkan prosedur perubatan kompleks dan rawatan penyakit kanser telah menunjukkan penurunan kepada 131 kes pada tahun 2018 berbanding dengan 229 kes dalam tahun 2015.

Antara pencapaian sepanjang Tahun Kewangan 2018/2019 dan Tahun Kewangan 2019/2020 sehingga Disember 2019 adalah seperti berikut:

- i. Dalam meningkatkan lagi pengeluaran dan tahap sara hidup bagi bekalan beras di Negara Brunei Darussalam, sebuah projek penanaman padi secara komersial telah diusahakan di kawasan Kandol, Daerah Belait dan dikendalikan oleh *Syarikat Paddyco Sdn Bhd* iaitu sebuah anak syarikat di bawah *Darussalam Assets*. Penanaman musim pertama seluas 8.23 hektar telah dilaksanakan pada 28 Oktober 2019 iaitu 5.23 hektar diurus secara langsung oleh *Syarikat PaddyCo* dan 3 hektar pula

diuruskan bersama dengan *Syarikat PT Biogene Plantation* sebagai percubaan penanaman selama tiga musim. *Syarikat Paddyco* telah menjangkakan bahawa projek ini akan menyumbang sekurang-kurangnya 11% ke 13 % sara diri pada tahun 2025.

الْحَمْدُ لِلَّهِ penuaian pertama yang telah pun dilaksanakan pada 8 Februari 2020 telah mengeluarkan hasil tuaian sebanyak 21.7 metrik tan secara keseluruhannya. Manakala, penanaman musim kedua seluas 18.23 hektar pada April 2020 nanti juga telah dianggarkan akan dapat menghasilkan sekurang-kurangnya 9 hingga 27 metrik tan secara keseluruhannya. Apa yang membanggakan ialah setakat ini, *Syarikat PaddyCo* mempunyai 8 orang pekerja tempatan yang menunjukkan bahawa anak tempatan juga berkebolehan untuk menceburi dalam bidang pertanian.

Projek (*One Common Billing System*) atau *OCBS* telah dilancarkan pada 27 Februari 2020 iaitu Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan merupakan jabatan yang pertama menggunakan sistem berkenaan. Melalui sistem ini orang ramai dapat membuat pembayaran

potongan perumahan mereka secara *online* dengan melayari *portal OCBS* dan melalui *internet banking* dengan resit penerimaan pembayaran akan dihantar melalui e-mel atau telefon bimbit. *OCBS* juga berupaya untuk menyediakan penjana bil dan membantu Jabatan Kemajuan Perumahan memantau bil-bil yang tertunggak dengan penyediaan laporan yang lengkap dan tepat bagi memudahkan penagihan bil-bil yang belum dibayar atau tertunggak. Bagi fasa seterusnya ia akan dilaratkan kepada 9 buah jabatan terpilih untuk menggunakan sistem *OCBS*.

- ii. Di samping itu, pengeluaran sektor pertanian termasuk ternakan, tanaman dan proses Agrimakanan menunjukkan peningkatan sebanyak \$56.65 juta iaitu \$379.65 juta pada tahun 2017 kepada \$436.3 juta pada tahun 2018. Antara lainnya disebabkan oleh inisiatif kerajaan dalam membukakan tapak-tapak pertanian baharu serta meningkatkan penggunaan *vertical farming*.
- iii. Dari aspek kesejahteraan awam sebanyak 60 buah projek telah dilaksanakan bagi menangani kesan dari bencana alam seperti tanah susur, mitigasi banjir dan projek kawalan hakisan pantai yang menelan belanja sebanyak \$14.9 juta dari harga rancangan \$30.7 juta yang diluluskan.

iv. Manakala kadar pemilikan rumah (*home ownership rate*) juga menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 65% berbanding 63% pada tahun 2017 melalui RKN 11 kerajaan akan terus menyediakan prasarana-prasarana antara lainnya dengan menyediakan kira-kira 2,700 unit perumahan di Perumahan Kampung Lugu dan Kampung Tanah Jambu dengan harga rancangan sebanyak \$250 juta.

Peruntukan sejumlah kira-kira \$507.30 juta dengan harga rancangan sebanyak \$2.28 bilion telah disediakan di bawah peruntukan RKN-11 bagi mendukung fokus-fokus ini antara lainnya seperti berikut:

- i. Projek Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara ke Daerah Temburong disediakan sejumlah \$143.7 juta dengan harga rancangan \$1.04 bilion bagi membiayai pembayaran fasa terakhir projek berkenaan;
- ii. Projek Perumahan Negara Kampung Lugu fasa 2 disediakan sejumlah \$31.7 juta dengan harga rancangan \$150 juta bagi membina 1,500 unit rumah; dan
- iii. Projek Perumahan Negara Kampong Tanah Jambu fasa 7 disediakan sejumlah \$39.4 juta dengan harga rancangan \$100 juta bagi membina 1,208 unit rumah.

iv. Projek-projek bagi pengurusan pembekalan air bersih, pengurusan saliran dan pembentungan disediakan keseluruhannya sejumlah \$49.1 juta dengan harga rancangan sebanyak \$200.3 juta.

v. Sistem Pengangkutan Awam disediakan sebanyak \$10.2 juta dengan harga rancangan sebanyak \$21 juta.

vi. Manakala dalam menyediakan infrastruktur termasuk penaik-tarafan dan pengukuhan Sistem Rangkaian Elektrik, peruntukan sejumlah \$45.2 juta disediakan di bawah RKN.

vii. Sistem Kebajikan Negara disediakan harga rancangan sejumlah \$1 juta yang sistem ini dijangka akan dilancarkan pada tahun ini, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* system ini Membolehkan pemohon untuk mendapatkan bantuan kebajikan secara *online* yang dapat memperbaiki dan dapat mempercepatkan proses aplikasi bantuan yang sedia ada serta mengurangkan permohonan yang bertindih dan menyalurkan bantuan kebajikan secara adil dan telus melalui satu pusat pangkalan data.

viii. Sejumlah \$14 juta disediakan antaranya bagi membiayai pembinaan Blok Baharu Pusat

Kesihatan Jubli Perak Sengkurong iaitu bagi Blok Penjagaan Kesihatan Asasi, Pembinaan Bangunan Perkhidmatan Kecemasan, Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait dan pembinaan Pusat Kesihatan Pandan Kuala Belait.

Bagi mendukung perkembangan Syiar Islam dan ke arah menjadikan negara ini sebagai sebuah "Negara Zikir" sejumlah \$10.87 juta dengan harga rancangan \$30 juta telah diperuntukkan bagi pembinaan masjid-masjid di seluruh negara dan pembangunan semula Kampong Ayer disediakan sejumlah \$11 juta dengan harga rancangan \$50 juta di bawah RKN di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Di samping itu, di bawah perbelanjaan biasa beberapa peruntukan turut disediakan seperti berikut:

- i. Bagi menangani peralihan *demographic* peningkatan dalam *non communicable disease* antara peruntukan yang turut disediakan di bawah Perkhidmatan Kesihatan adalah sejumlah \$100 juta untuk membiayai perbelanjaan pembelian ubat-ubatan dan perkhidmatan perubatan yang lain.
- ii. Dalam memastikan stesen-stesen jana kuasa elektrik di negara ini beroperasi pada tahap *realible* dan penjagaan pemeliharaan aset-aset penghantaran dan pembahagian seluruh negara dapat dijalankan secara berterusan peruntukan sejumlah \$43.8 juta disediakan di bawah Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Tenaga.
- iii. Peruntukan menangani bencana-bencana alam dan wabak penyakit disediakan sejumlah \$15 juta termasuk bagi mengawal dan mencegah wabak penyakit seperti penularan bagi *COVID 19*, pelan mitigasi banjir bagi menangani impak fenomena *climate change* seperti banjir kilat, tanah susur dan kebakaran hutan.
- iv. Bantuan Kebajikan Bulanan terus disediakan sejumlah \$14 juta di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- v. Sejumlah \$3 juta bagi kerja-kerja *sectional milling and resurfacing* sepanjang 2.6 km kawasan Jalan Tutong di bawah Kementerian Pembangunan.

Di samping peruntukan-peruntukan yang disediakan bagi mendukung empat fokus belanjawan seperti yang dinyatakan tadi

Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga menyediakan Peruntukan Khas di bawah Perkhidmatan Rampaian iaitu projek fokus disediakan sejumlah \$18 juta untuk membiayai projek-projek atau perbelanjaan yang mendukung kepada fokus belanjawan Tahun Kewangan 2020/2021.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengimbas kembali kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin yang lalu, baginda telah pun menekankan mengenai perbelanjaan kerajaan yang terus meningkat dari tahun demi tahun.

Baginda telah menyarankan agar agensi kerajaan supaya akan sentiasa berhati-hati dalam merancang perbelanjaan masing-masing dengan menggunakan peruntukan yang telah disediakan dengan secara berhemah. Di samping itu, baginda juga menyarankan supaya kita sentiasa berdoa supaya Negara Brunei Darussalam akan sentiasa menikmati kehidupan yang selesa. Pada masa yang sama, baginda juga menyarankan kita untuk berusaha sedaya upaya untuk memastikan semua perbelanjaan kerajaan adalah memenuhi sasaran yang diperlukan, dengan jumlah

hasil yang lebih rendah dan defisit yang lebih tinggi berbanding dengan jumlah yang telah dianggarkan dalam belanjawan Tahun Kewangan 2020/2021.

Sebagaimana yang telah kaola bentangkan tadi, kaola ingin memohon kerjasama semua pihak termasuk agensi-agensinya kerajaan untuk sama-sama meneliti dasar-dasar yang sedia ada secara bersepadu agar sentiasa relevan dan *forward looking* serta meneliti semua perbelanjaan-perbelanjaan yang akan dilaksanakan demi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya kita sama-sama menjaga kedayatahanan fiskal harga rakyat masa kini dan generasi akan datang dapat menikmati hidup dalam suasana yang aman dan makmur.

Untuk mencapai perkara ini bukanlah mudah, ia memerlukan pendekatan secara *whole of nation*, holistik dan komprehensif serta perancangan yang cekap, mampan dan sistematik. Dari itu, kaola menyeru supaya pihak swasta dan masyarakat di negara ini untuk sama-sama memainkan peranan bagi meningkatkan bagi mempelbagaikan ekonomi negara agar dapat mengukuhkan kestabilan mikro ekonomi dan kedudukan kewangan negara sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Isnin yang lalu. Dengan izin اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى juga berkat dan bakat kepimpinan raja

kitani yang bijaksana, marilah kitani sama-sama berdoa agar negara kita akan sentiasa maju, aman makmur dan akan sentiasa menjadi sebuah "Negara Zikir" dengan mendapat keredaan, pertolongan dan keberkatan
 اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

Oleh itu, kaola mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kitani ini disokong untuk dijadikan **Satu Undang-Undang Perbekalan Negara** yang dikeluarkan dari peruntukan **"Kumpulanwang Yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu"** sepanjang Tahun Kewangan 2020/2021.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
 Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas kenyataan huraian yang begitu komprehensif dan teratur mengenai Rang Undang-Undang yang berkenaan yang sedang kita hadapi pada ketika ini dan hala tuju peruntukan kewangan bagi negara bagi Tahun Kewangan 2020/2021. Saya sekarang meminta sekiranya ada ahli untuk meyokong kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*
 اللَّهُ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong

sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
 Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya fikir masanya sesuai bagi kita untuk berehat pada sebelah tengah hari dan saya tangguhkan mesyuarat ini dulu. Kita akan balik untuk bersidang semula pada pukul 2.30 petang nanti.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Majlis Mesyuarat di sambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada persidangan yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah membentangkan Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 dengan penuh komprehensif dan teratur berserta dengan matlamat-matlamatnya sekali. Rang ini telah disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sebelum saya membukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan juga ada beberapa orang menteri yang berkenaan yang lain tidak akan dapat bersama-sama kita pada petang ini dan saya difahamkan apa jua soalan yang timbul akan dicatat dan akan dijawab oleh menteri-menteri yang berkenaan sekiranya perlu kemudian nanti.

Sekarang, saya ingin memberi peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk bertanya ataupun membahaskan Rang Undang-Undang ini. Tetapi perlu diingatkan bahawa perbahasan ini adalah ataupun hendaklah ditumpukan kepada asas dan kelayakan undang-undang ini sahaja dan

detailnya akan kita bincangkan apabila kita bersidang dalam Jawatankuasa nanti.

Saya mempunyai senarai 4 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk berucap dan sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang
Siti Rozaimeriyanty binti Dato
Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola ingin mengucapkan tahniah juga kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II di atas mukadimah Yang Berhormat mengenai perbelanjaan dan hasil.

Pertama sekali kaola juga mengucapkan tahniah kepada semua pihak kerajaan kerana telah banyak mempertingkatkan usaha dan inisiatif dalam membangun masyarakat dan negara kita. Inisiatif-inisiatif ini sangat penting dalam usaha kita untuk menuju ke arah kemajuan negara demi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perkara pertama yang ingin kaola bangkitkan dan bincangkan berkait rapat dengan perbelanjaan negara:

1. Mukadimah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada tahun lepas dan juga penerangan yang jelas ada menyebutkan mengenai *fiscal consolidation* yang dapat membantu setiap kementerian dalam membentuk pelan *fiscal consolidation* masing-masing. Termasuklah meneliti semula sumber hasil pendapatan dan penggunaan perbelanjaan kerajaan yang lebih efisien. *Fiscal consolidation* secara *whole of government approach* untuk mencapai keseimbangan *balance budget* walaupun ia masih dalam peringkat awal.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola untuk mengongsikan beberapa statistik. Melihat dari pembentangan *slide* mengenai peruntukan Yang Berhormat sebelah pagi tadi kedudukan fiskal kerajaan pada tahun 2017 dan tahun 2018, peruntukan perbelanjaan yang diluluskan adalah \$5.3 bilion. Manakala, perbelanjaan kerajaan adalah \$6.079 bilion. Tiap-tiap tahun seperti mana kaola sebutkan *supplementary budget* iaitu wang tambahan sentiasa diperlukan dan pada tahun 2017/2018 wang peruntukan tambahan ataupun *supplementary budget* berjumlah \$394,094,409.00 juta dan defisit pada tahun itu adalah \$2.2 bilion.

Manakala tahun 2018/2019 bajet yang diluluskan berjumlah \$5.3 bilion. Manakala perbelanjaan

kerajaan melebihi daripada bajet yang diluluskan iaitu \$5.999 bilion. Oleh sebab hasil kerajaan pada tahun 2018/2019 meningkat, ia tidaklah defisit, ia *surplus* sebanyak \$27 milion. Akan tetapi wang tambahan seperti tiap-tiap tahun ada mempunyai *supplementary budget* sebanyak \$325 juta ke atas dan Rancangan Kemajuan Negara pada tahun 2018/2019 mempunyai peruntukan sebanyak \$800 juta cuma 55% sahaja peruntukan diguna pakai.

Pada tahun 2019/2020, *supplementary budget* belum tahu, tetapi bajet yang diluluskan adalah \$5.86 juta dan anggaran perbelanjaan **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** menurun ke \$4.923 bilion. Merujuk kepada peruntukan pada tahun lepas dan pada tahun ini peruntukan adalah sama.

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh setiap kementerian setakat ini bagi mencapai sasaran untuk mengurangkan perbelanjaan negara demi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin dan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini?

Mungkin soalan ini juga dapat dijawab semasa mukadimah Yang Berhormat Menteri nanti;

2. Setelah diteliti pada setiap tahun peruntukan Rancangan Kemajuan Negara didapati tidak digunakan sepenuhnya. Pada tahun 2018/2019 hanya 55% sahaja peruntukan itu digunakan. Pada tahun ini pula masih menantikan maklum balas daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Kaola ingin bertanya dan mungkin memberi pandangan adalah lebih baik peruntukan Kemajuan itu dikurangkan sedikit kerana tiap-tiap tahun peruntukan tidak diguna pakai sepenuhnya dan bolehkah sekiranya daripada meminta tiap-tiap tahun *supplementary budget* sebanyak peruntukan disediakan bagi kontingensi di bawah Rampaian supaya tiap-tiap tahun tambahan peruntukan (*supplementary budget*) tidak akan diminta sebanyak-banyaknya. Ini juga kita akan dapat memantau dan mengawal aliran wang peruntukan tambahan melalui Rampaian Kontengensi di bawah peruntukan tersebut;
3. Di bawah peruntukan Kemajuan terdapat masih tanggungan-tanggungan di bawah kementerian-kementerian yang terlibat iaitu sebanyak \$74 juta di bawah Rampaian. Kenapakah masih ada tunggakan-tunggakan ini bagi projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan yang sebelumnya

di bawah Rancangan Kemajuan? Sebelumnya iaitu RKN-10 ataupun RKN-9 ataupun RKN-8 yang masih belum dijelaskan. Ini secara tidak langsung mencerminkan pengurusan kewangan yang kurang cekap dan efisien bagi kementerian-kementerian yang bertanggungjawab yang masih belum menjelaskan tunggakan-tunggakan mereka. Sampai bilakah perkara ini akan berlanjutan dan bilakah pihak kementerian harus menjelaskan kesemua tunggakan ini?; dan

4. Kaola juga mendapati bahawa Petunjuk Prestasi Utama bagi setiap kementerian tidak selaras ataupun *misaligned* dengan pelan strategik dan Petunjuk Prestasi Utama bagi setiap jabatan atau kementerian dan kebanyakan sasaran dan anggaran dari Petunjuk Prestasi Utama ini tidak dapat dicapai seperti yang dihasratkan. Kenapakah sasaran dan anggaran ini tidak dapat dicapai? Diharap agar setiap kementerian nanti akan dapat memberikan penjelasan mengenai status Petunjuk Prestasi Utama semasa Yang Berhormat Menteri memberi mukadimah dan hujah-hujah nanti.

Ini kerana sekiranya indikator sasaran ataupun anggaran tidak dapat dicapai, bagaimana pula kitani merealisasikan Wawasan Brunei 2035 yang akan datang. Satu cadangan juga dicadangkan format projek-projek RKN yang terdapat di dalam buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara (*the budget*

book) supaya ia dapat diselaraskan dengan tema belanjawan 4 fokus seperti Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II jelaskan tadi. Ia akan dapat dilihat dengan jelas mengenai status serta kedudukan projek-projek yang terkandung di bawah matlamat Wawasan Brunei 2035.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya difahamkan bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat mempunyai kesempatan untuk melawat ataupun bertemu ramah dengan menteri-menteri dan kementerian-kementerian yang berkenaan. Saya hairan kenapa pertanyaan-pertanyaan ini tidak ditimbulkan dalam mesyuarat-mesyuarat muzakarah yang diadakan itu. Kenapa menunggu sampai kita bertahun-tahun balik kemari jua tempatnya.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Semasa muzakarah selalunya mempunyai kesuntukan masa, kadang-kadang cuma dalam 5 minit sahaja seorang dapat memberi soalan. Jadi, soalan itu kadang-kadang inda sampai *detail* untuk disoaljawabkan mengenai peruntukan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ya, tetapi anda semua ataupun biskita semua mempunyai setahun untuk membawa masalah-masalah ataupun pertanyaan-pertanyaan kepada menteri-menteri ataupun kementerian-kementerian yang berkenaan. Kenapa mesti mahu ditunggu sehingga mesyuarat kita tahun-tahun dan kita berhadapan dengan perkara yang sama yang ditanyakan. Saya hairan kenapa perkara seperti ini tidak dapat dijawab.

Oleh sebab saya kira perkara-perkara itu merupakan perkara-perkara *procedural* dengan mudah dapat dijawab oleh pihak-pihak yang berkenaan. Saya juga pernah menjadi *civil servant*, saya juga pernah menjadi seorang Menteri dan saya percaya perkara-perkara *procedural* seperti itu tentunya dengan mudah dapat dijawab dan dijelaskan. Saya harap Ahli Yang Berhormat yang berkenaan harus membawa perkara-perkara seperti itu kepada menteri-menteri ataupun kementerian-kementerian yang berkenaan untuk mendapatkan penjelasan sepenuhnya.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola suka ikut serta dalam perbincangan Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021. Melihat kepada anggaran perbelanjaan negara 2020/2021, \$5.86 bilion sedangkan anggaran pendapatan \$4.05 bilion dengan mengakibatkan defisit \$1.81 bilion.

Maka kaola suka ikut serta dalam perbincangan ini. Bagi penjimatan dan pengurangan perbelanjaan penggunaan tenaga (*reduce energy cost*) diusulkan bagi perancangan jangka panjang supaya kita membuat kajian *feasibility* bagi memanfaatkan tenaga solar.

Jika kajian *feasibility* menunjukkan positif dianjurkan membuat projek rintis di Daerah Temburong. Projek dicadangkan ditawarkan kepada syarikat-syarikat tempatan dan Pelaburan Langsung Asing bagi menjadikan suatu hari nanti negara memanfaatkan tenaga solar.

Pada biasanya negara kita mendapat sekitar 10 ke 11 jam cahaya matahari sehari. Dengan memanfaatkan tenaga solar negara إِنْ شَاءَ اللَّهُ dapat mengurangkan perbelanjaan penghasilan tenaga masa kini dan juga mengurangkan perbelanjaan pihak kerajaan dengan penglibatan sektor swasta dalam *public private partnership*.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Kaola ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang telah berjaya membentangkan belanjawan negara bagi Tahun 2020/2021 dengan begitu jelas dan sempurna mencakupi semua aspek dengan sektor dalam pembangunan negara.

Dalam sama-sama menyokong Rang Belanjawan tersebut kaola ingin merekodkan perkara berikut iaitu:

1. Dari pembentangan Rang Perbelanjaan tersebut nampak jelas bahawasanya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sedang rancang menjayakan banyak projek untuk menjana ekonomi negara khususnya dalam bidang-bidang *non-oil dan gas sector* terutamanya projek-projek di bawah pengendalian Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Abiskaola Ahli-Ahli Yang Berhormat sangat beruntung kerana telah dibawa melawat ke projek-projek tersebut dalam bidang pertanian, perikanan, perhutanan dan lain-lain seperti pelancongan juga. Nampak jelas di sana bahawasanya kerajaan memang serius dalam menjayakan Wawasan Brunei 2035 bagi rakyat dan penduduk negara ini. Hanya saja projek yang abiskaola lawati itu terletak di tempat-tempat yang jauh dari penglihatan orang ramai, terletak di pedalaman dan sebagainya. Jadinya, orang awam tidak nampak projek-projek itu sedang berjalan dengan rancaknya dan menghasilkan dan menjana ekonomi negara yang sebenarnya, tapi mereka tidak nampak. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dengan abiskaola melawat ke tapak-tapak tersebut dapatlah abiskaola menerangkan kepada rakyat dan penduduk di kawasan abiskaola bahawasanya kerajaan memang serius dan sedang rancang membangun negara ini dalam semua sektor dan juga aspek.

2. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola seterusnya ingin menyentuh mengenai satu lagi aspek pembangunan yang dibentangkan tadi iaitu mengenai pembangunan di Daerah Temburong dan perkara ini kita menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Haji Hassanal Bolkiah Mu'zzaddin dan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah memperkenankan penubuhan Autoriti Pembangunan Daerah Temburong (APDT).

Hanya kaola merasa sedikit bimbang jika sekiranya pembangunan itu ada untuk dibuat tetapi penduduk daerah itu tidak mempunyai kapital atau modal untuk membangunkan hartanah mereka. Kaola sendiri sudah beberapa kali menyuarakan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II supaya kerajaan membantu dalam pembangunan hartanah orang-orang Melayu kitani dan pada kedua-dua sesi pertemuan kaola bersama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Yang Berhormat Menteri berkenaan dahulunya mengatakan ekonomi kitani agak jatuh, jadi belum dapat dipertimbangkan.

Jadi, kali ini kaola ingin juga sedikit menyentuh khususnya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pun sudah berada di sini bagi kali ketiga, kaola pohonkan supaya ditubuhkan satu dana khas pembangunan ekonomi orang-orang Melayu bukan hanya di Temburong tetapi seluruh negara. Ia ketara dengan pembukaan Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara dan Temburong melonjakkan harga hartanah tetapi sayang orang kitani tidak mempunyai modal untuk membangunkannya.

Kaola pohonkan benar-benar jika sekiranya kitani ingin melihat pembangunan di Daerah Temburong dengan pesat. Kita harus juga sebagai kerajaan membantu mereka. Bukan membantu dengan memberikan dengan begitu saja, bantuan kewangan dan sebagainya tetapi *dimonitor* (dipantau) dan ditolong dari awal hingga ke akhirnya.

Itu saja Yang Berhormat Yang Di-Pertua harapan kaola sebagai reaksi kaola kepada belanjawan ini dan diucapkan sekali lagi terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan yang begitu jelas dan menggalakkan. Terima Kasih.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola mengambil kesempatan untuk menjawab soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim mengenai penubuhan satu dana untuk menolong orang kitani memajukan hartanah mereka.

Barangkali perlu kaola menekankan bahawa dana kerajaan sepatutnya digunakan untuk menolong semua orang ramai, rakyat dan penduduk di negara ini bukannya untuk khas beberapa individu sahaja supaya mereka dapat cepat kaya. Barangkali kalau ada *business plan* yang akan dikongsikan boleh dikongsikan dengan *Darussalam Enterprise* iaitu satu badan untuk menolong usaha-usaha kitani ataupun *individuals* kitani supaya mereka dapat maju dalam bisnes masing-masing.

Ataupun kalau sekiranya berguna kewangan boleh mereka yang berkenaan berjumpa orang bank, Bank Usahawan atau bank yang biasa supaya dapat dikongsikan *business plan* kalau sekiranya *business plan* itu dapat dipertahankan jadi memang bank itu akan meminjamkannya dan yang penting *business plan* itu mesti *viable*. Kalau sekiranya *business plan* itu tidak *viable* berapa saja kerajaan akan pinjamkan ataupun menolong pun tidak cukup jua.

'Ujung-ujung karang' jadi hutang macam dulu, pernah ditubuhkan satu dana pada tahun 70-an seperti mana yang diterangkan oleh mantan Menteri Kewangan II dulu sampai masa ini masih lagi kitani memutik hutang-hutang daripada beberapa peminjam. Itu saja kaola akan kongsi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim: Yang Berhormat Yang Di-Pertua, boleh kaola mencelah?

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim: Terima Kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Sebenarnya apa yang saya maksudkan bukan hanya dana itu, dinamakan dana ataupun tabung khas, jumlahnya terpulanglah kepada kerajaan untuk menentukan. Tetapi bantuan itu diberikan bukan dengan begitu sahaja seperti dahulu pernah diberikan jumlahnya sekian-sekian ribu dan diberikan begitu sahaja, dilepaskan begitu saja.

Maksud kaola ialah dana itu disediakan dengan cukup pemantauannya dari orang itu memulakan projek dibantu, dilihat dan dipantau hinggalah sampai kepada pembangunannya dan apabila pembangunan sudah berhasil barulah diminta bayarannya. Itu maksud hamba bukannya diberi begitu saja dan tidak dipantau, memanglah jika tidak dipantau suka-suka hati mereka. Ini maksud kaola dipantau dan dibantu dalam segala aspek bukanlah memanjakan mereka tetapi dari awal saja tapi bila sudah berhasil barulah dilepaskan dan barulah diminta bayarannya. Demikian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: 'Benar jua nya' Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Orang-orang yang berkenaan, individu yang berkenaan harus mempunyai *business plan*nya dulu. Apa yang akan dibuatnya di atas tanahnya. Jadi kitani inda dapat memberitahu 'kedia' apa yang harus dibuatnya. Kalau kitani memberitahu 'kedia' apa-apa hal terjadinya 'nah bukan kediku, kamu yang memberitahu kedia ku membuat macam ani iatah jadinya nah'. Jadi ia harus mempunyai *vision* dan wawasannya sendiri.

Apa yang akan dibuatnya di atas tanahnya, ia mempunyai tanah jadi kitani mengelakkan suasana ia akan menjaja tanahnya itu *title* tanahnya itu. Ini sudah terjadi pada waktu dulu orang mempunyai tanah, orang mempunyai geran tanah, itu yang dijajanya

dibawanya ke sana ke mari, 'bah urus tia tanahku ani, *develop* tia tanahku ani'. Jadi akhirnya orang itu akan mendapat 10% orang lain akan mendapat 90%. Ini harus kita fikirkan jua tu 'inda'? dan keluar kitani daripada kesesuaian undang-undang jadi janganlah kitani sambung lagi dengan panjang lebar mengenai perkara ini.

Cukup bagi kitani mendengar daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, bahawa mereka bersedia mempunyai mekanisme yang tertentu bagi individu yang mempunyai visi untuk berniaga dan yang mempunyai hartanah yang dipunyainya sendiri. Ia bolehlah mengemukakan cadangan-cadangannya itu kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Sebelum itu, *just to be fair*, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman ada menyuarakan beberapa soalan prosedur mengenai *budgeting*, siapa yang akan mengemukakan soalnya itu, *since* ia tidak mendengar tadi, kitani *don't want to repeat*, supaya soalan-soalan itu dikemukakan *directly* kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II kemudian. Sekarang saya mempersilakan, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua. اللَّهُمَّ
kaola ingin mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, atas penyediaan Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 yang amat teliti dan terperinci. Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin mengambil peluang dalam menyuarakan kebimbangan mengenai jangkitan *COVID-19* yang berlaku di Negara Brunei Darussalam.

Apakah kiranya langkah-langkah yang dapat kita fikirkan untuk mengawal penularan jangkitan ini dalam perhimpunan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini?

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sehubungan dengan itu, apa yang kita harapkan dari usaha ini ialah agar kertas-kertas kerja persidangan akan dapat diteliti dan diluluskan seberapa cepat yang mungkin dan sekali gus memendekkan tempoh Persidangan Majlis Mesyuarat Negara kali Keenam Belas.

Dengan usaha memendekkan tempoh persidangan tersebut, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ ia akan dapat mengurangkan risiko pendedahan

orang ramai kepada jangkitan *COVID-19*. dengan doa dan tawakal kepada *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dan usaha, kita akan berjaya mengawal dan menghindari penularan jangkitan *COVID-19* ini. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak ada di sini, saya tidak mempunyai *expertise* untuk menjawab soalan itu secara tepat dari segi *medical* tetapi dari segi pemantauan, apa yang kita lakukan di sini ialah setiap pengunjung yang hadir ke Dewan ini, sekarang kita mempunyai *screening facilities*. Ada dua *screening facilities* di tingkat bawah Dewan ini dan setiap yang hadir harus menjalani *screening* sebagaimana jua yang terdapat di Lapangan Terbang Antarabangsa iaitu jika didapati pengunjung itu demam maka dengan sendirinya tidak dibenarkan masuk ke dalam Dewan ini. Kalau ia demam dan masuk juga, bermakna ia tidak bertanggungjawab. Jadi, kitani harus sama-sama bertanggungjawab untuk menentukan supaya kitani semua selamat.

Mengenai memendekkan mesyuarat ini, terpulanglah kepada semua Ahli Yang Berhormat. Kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat bercakap sedikit, maka pekerjaan kitani akan dapat dilaksanakan secepatnya. Jadi ia terpulang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, tetapi kalau menangguhkan mesyuarat ini, saya

berharap tidak akan terkeluar dalam Majlis ini, akan memberikan *signal* yang kurang elok.

Sudahlah orang kitani pada masa ini panik membeli-belah di kedai, jadi kitani lagi akan menambah-nambahi maka tidak baik impaknya. kitani mempunyai *confident* yang kukuh bahawa kerajaan kitani bertanggungjawab mengenai keselamatan dan kesihatan kitani. Kitani mempunyai Kementerian Kesihatan yang mempunyai prosedur-prosedur tertentu apabila didapati seseorang itu mempunyai risiko mendapat penyakit wabak yang melanda bukan saja kepada kitani kemungkinannya tetapi kepada dunia keseluruhannya. Kitani belumlah sampai ke tahap yang sangat membahayakan waktu ini. Walau bagaimanapun, kitani haruslah berjaga-jaga, jadi saya harap Ahli-Ahli Yang Berhormat bersabar dan bertenang dan kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat mahu cepat supaya bercakap sedikit sahaja.

Saya persilakan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Penggunaan kaedah perubatan tradisional dan komplementari ataupun dikenali sebagai *Traditional and*

Complementary Medicine (TCM) sememangnya mendapat tempat dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini. Kaedah perubatan ini juga mendapat perhatian pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia khususnya melalui strategi perubatan tradisional 2014 hingga 2023 yang antara lain menyentuh mengenai potensi dan sumbangan perubatan tradisional dan komplementari kepada kesihatan di samping mempromosikan dan menggalakkan penggunaan kaedah perubatan tradisional dan komplementari ini secara selamat dan berkesan.

Soalan kaola:

1. Adakah Kementerian Kesihatan mempunyai perancangan dalam mengintegrasikan perubatan tradisional dan komplementari secara optimum ke dalam Sistem Penjagaan Kesihatan Kebangsaan bagi mencapai pendekatan holistik dalam meningkatkan kesihatan serta kualiti kehidupan? Selaras dengan Strategi Perubatan Tradisional 2014 hingga 2023 Pertubuhan Kesihatan Sedunia; dan
2. Apakah pula pendekatan atau inisiatif yang telah sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan dalam memastikan kualiti dan keselamatan perubatan tradisional dan komplementari ini?

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat, saya cadangkan supaya Yang Berhormat menimbulkan soalan itu apabila kita membincangkan bajet Kementerian Kesihatan bila Menteri Kesihatan ada, boleh bertanya Yang Berhormat mengenai soalan yang dikemukakan.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:

Terima Kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyokong baik atas usaha kerajaan dalam memastikan Negara Brunei Darussalam mencapai objektif-objektif di bawah *UN Sustainable Development Goals*.

Di samping itu dengan penubuhan Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim, ia menunjukkan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menangani masalah perubahan iklim.

Menurut pembentangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, peruntukan berkaitan dengan perubahan iklim disediakan di bawah peruntukan Menangani Bencana Alam dan Wabak Penyakit iaitu sebanyak \$15 juta bagi menangani impak fenomena *climate change* seperti banjir kilat, tanah susur dan kebakaran hutan.

Kaola ingin mendapat kepastian adakah peruntukan juga disediakan khas bagi *research and development* dan juga menggalakkan penggunaan tenaga hijau? Ini adalah sebagai persiapan bagi negara ini seperti mana Yang Berhormat telah nyatakan negara-negara luar telah banyak beralih kepada penggunaan teknologi hijau. Terima Kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mengenai *Research and Development Fund* untuk *climate change* ini tertakluk kepada *research* di UBD, institusi-institusi pendidikan dan sebagainya. Memang *climate change* ini di bawah Kementerian Pembangunan, barangkali rakan sejawatan boleh mengongsikan adakah perkara ini akan dirancang untuk ditubuhkan satu dana bagi *Research and Development Fund* bagi *climate change*, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Memang *climate change* di bawah Kementerian Pembangunan dan mengenai *R & D Fund* ini akan dikaji semula kerana *climate change* pada mulanya memang di bawah Kementerian Tenaga, maka kita akan meneliti *requirement R & D Fund*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Nampaknya barangkali bukan *climate change* tetapi *green energy seems to be*

two sort edges, a sword with two edges, kalau dilihat kita adalah *oil producer*, kalau kita terlalu kuat menyokong *green energy, what happen to our oil*. Satu hari nanti kalau orang tidak mahu *fossil energy*, apa akan kita buat dengan minyak dan gas kita, *so there should be a balance between the two. I don't know I may the old fashioned*.

Silakan sekarang Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli - Ahli Yang Berhormat. Kaola mengucapkan tahniah atas pembentangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dalam mukadimah Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021.

Sebenarnya kaola ingin mengucapkan terima kasih terutama sekali daripada belia kerana dalam pembentangan tadi ada menyatakan bantuan kepada belia dan pertubuhan bukan kerajaan adalah sejumlah \$1.4 juta. Ia kenaikan yang cukup signifikan jika dibandingkan tahun-tahun yang sebelumnya.

Namun begitu, izinkan kaola memberikan pandangan sahaja barangkali kerana bantuan tersebut bersifat *consolidated* (terkumpul) dengan bantuan-bantuan keusahawanan, pembangunan, belia dan

sukan, kursus-kursus serta *outward bound* dan bantuan kewangan *NGOs*. Adalah 'bisainya' jika barang itu di *itemised* untuk bantuan-bantuan ini dan barangkali perkara ini dapat difikirkan bersama dengan kementerian yang bersesuaian seperti contohnya kalau ada program-program pembangunan masyarakat dapat *NGOs* belia ini turut serta dalam memajukan di kawasan-kawasan tersebut untuk sama-sama menolong negara ataupun di tempat-tempat yang mereka berada. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Dengan saranan-saranan yang telah pun dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membuat kenyataan terhadap kesesuaian Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 ini, maka saya berpendapat Rang Undang-Undang yang telah dicadangkan dan juga diterangkan secara panjang lebar dan penuh komprehensif oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II maka sekarang perkara ini kita undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan?

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:
"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2020/2021 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini sekarang akan seterusnya meneliti Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 ini satu persatu. Maka bagi membolehkan perkara ini dibuat sedemikian saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis ini akan bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:
 Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 satu persatu yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Bab 2 Ceraian 1 dan 2.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita membincangkan Bab 2 Ceraian 1 dan 2. Ada ahli-ahli yang ingin membahaskannya? Jika tidak ada, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membahaskannya, maka Bab 2 Ceraian 1 dan 2 akan saya undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Bab 2 Ceraian 1 dan 2, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, semuanya bersetuju.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Bab 2 Ceraian 1 dan 2 dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kita membincangkan Tajuk-Tajuk dalam Jadual ini, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, iaitu bagi mana-mana kementerian yang mempunyai banyak jabatan di bawahnya, ia akan dipecahkan kepada 2 atau 3 bahagian untuk diteliti dan dibahaskan. Oleh sebab Jabatan Perdana Menteri mempunyai 20 buah jabatan di bawahnya, perbincangan kepada Tajuk ini akan dibahagikan kepada 3 bahagian.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Jabatan Perdana Menteri - Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang membincangkan Jadual bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Terdapat di sini ada 5 buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Di bawah kategori jabatan-jabatan yang dikatakan tertutup iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei.

Oleh sebab jabatan-jabatan ini berkaitan langsung dengan hal-ehwal strategik keselamatan negara bahawa isu-isu yang akan dibincangkan mungkin perkara-perkara yang sensitif dan tidak bersesuaian untuk kita bincangkan secara terbuka, maka saya kira tidaklah perlu jabatan-jabatan ini dibincangkan dalam Dewan ini. Walau bagaimanapun, sebelum saya membukakan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri ini selanjutnya, saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk membuat kenyataan tentang penyediaan belanjawan serta hala tuju jabatan-jabatan di bawahnya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan

Perdana Menteri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum Jawatankuasa ini membincangkan peruntukan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya, kaola ingin memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi untuk mengongsikan secara ringkas tumpuan dan keutamaan Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan 2020/2021 ini. Ia bertujuan memandu perbincangan supaya lebih fokus dan terarah kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-ehwal belanjawan yang akan dibincangkan.

إن شاء الله belanjawan Jabatan Perdana Menteri ini mendukung Tema Belanjawan Tahun Kewangan 2020 / 2021 iaitu "Pelaburan Untuk Masa Depan" (*Investing in Our Future*) dengan 4 fokus utamanya.

Yang Berhormat Pengerusi. Seperti mana jua Rang Belanjawan 2020/2021 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II secara umumnya rang tersebut memberikan tumpuan kepada elemen-elemen penting bagi merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda untuk melihat taraf kehidupan rakyat benar-benar dalam keadaan yang selesa.

Berdasarkan tema dan fokus Belanjawan Tahun Kewangan 2020/2021, perancangan dan pelan tindakan Jabatan Perdana Menteri adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan Aktiviti Pelaburan dan Memudah Cara Perniagaan

Dalam mendukung usaha-usaha bagi meningkatkan aktiviti pelaburan dan mudah cara perniagaan, beberapa inisiatif telah dapat dilaksanakan. Antara lainnya termasuk perancangan dan langkah-langkah berterusan Jabatan Perdana Menteri selaras dengan inisiatif *Ease of Doing Business (EODB)*. Hasil daripada usaha yang berterusan ini, Laporan *World Bank 2019* telah mencatatkan penambahbaikan kedudukan Negara Brunei Darussalam bagi 2 petunjuk iaitu Petunjuk Penguatkuasaan Kontrak (*Enforcing Contract*) dan Petunjuk Penyelesaian Insolvensi (*Resolving Insolvency*).

Demikian juga dari aspek keberkesanan kerajaan *World Bank Government Effectiveness Index* iaitu negara ini telah berjaya meraih kedudukan di tangga ke 28 pada tahun 2018 berbanding kedudukan di tangga ke-31 pada tahun sebelumnya.

Dalam pada itu, Jabatan Perdana Menteri menerusi Jabatan Perkhidmatan Pengurusan akan meneruskan program - program seperti Kaji Selidik Tumpuan Pelanggan (KSTP), Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR), Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) dan Anugerah Inovasi Perdana (AIP). Ini adalah selaras dengan usaha ke arah memudah cara perniagaan, membina kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam serta menggalakkan inovasi.

Sukacita dimaklumkan bahawa pemberian Anugerah Inovasi Perdana (AIP) juga akan turut dilaratkan kepada agensi bukan kerajaan yang berjaya meningkatkan tahap perkhidmatannya melalui peningkatan inovasi. Dalam usaha meningkatkan aktiviti pelaburan dan mempelbagai ekonomi negara, kerjasama era t bersama Republik Singapura akan terus diperkukuhkan melalui *Young Leaders Programme (YLP)* agar negara beroleh manfaat dari perkongsian amalan-amalan terbaik Republik Singapura yang merupakan salah satu hak perdagangan yang strategik dan penting dirantau ini;

2. Sumber Manusia Yang Kompeten (*Employable*)

Dalam usaha mendukung sumber manusia yang kompeten dan *employable*, usaha-usaha yang akan dilaksanakan termasuklah

meneruskan program-program pembangunan kepimpinan dan kapasiti di bawah *Civil Service Leadership Pipeline (CSLP)* seperti *Young Executive Programme (YEP)*, *Development Program For Middle Management Officers (EDPMMO)* dan *Executive Programme For Senior Government Officers (EDPSGO)*.

Di samping itu, Institut Perkhidmatan Awam juga sedang mengusahakan penambahbaikan dalam kurikulum program-program yang berjalan pada masa ini sebagai usaha ke arah mewujudkan *Centre of Excellence*;

3. Memelihara Kesejahteraan Awam

Jabatan Perdana Menteri akan terus mendukung usaha dalam memastikan kesejahteraan awam negara ini berterusan dipelihara.

Usaha-usaha yang akan disaksikan, yang akan dilaksanakan antara lainnya untuk terus memberikan tumpuan sewajarnya kepada kemudahan dan keperluan asas golongan-golongan tertentu termasuk golongan daif, fakir dan miskin melalui Projek Bantuan Perumahan di bawah pembiayaan Majlis Ugama Islam yang juga dikenali sebagai *Project Quick Win*.

Melalui Jawatankuasa *Ad-Hoc* Syarikah, Majlis Ugama Islam Brunei. Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjadi Pengerusi dijawatankuasa

tersebut dalam melaksanakan kajian segera berhubung dengan soal atau isu-isu kemasyarakatan yang ada hubung kaitnya dengan kejadian kes-kes curi dan sebagainya dengan mencari sebab atau punca serta cara mengatasinya.

Bagi memastikan komunikasi secara dua hala antara pihak kerajaan dengan orang ramai, usaha seperti program muzakarah penerangan dan program sua muka di samping program masyarakat bermaklumat terus dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan dengan kerjasama pihak Radio dan Televisyen Brunei dan dengan dukungan kuat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kesimpulannya, dengan izin *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* jua dalam kita menyahut hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mewujudkan sebuah Perkhidmatan Awam yang benar-benar bersih, amanah, cekap dan berkesan melalui sokongan padu semua pihak selaras jua dengan amalan *whole of nation approach* sebagai usaha berterusan dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* Negara Brunei Darussalam dengan mengamalkan hidup berteraskan konsep Melayu Islam Beraja akan terus maju, aman, makmur dan sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kaola telah kemukakan pada Majlis

Mesyuarat pada tahun-tahun yang lepas. Jabatan Perdana Menteri memegang falsafah "Biar cangkik jangan putus" dan akan sentiasa berjimat cermat dan berhemah serta memastikan setiap perbelanjaan mengutamakan *value for money* serta mendatangkan manfaat kepada negara dan penduduk dalam jangka pendek dan jangka panjang.

Ini termasuklah dalam memberikan perhatian kepada projek penambahbaikan dan pemeliharaan aset bagi memastikan suasana dan persekitaran kerja yang kondusif kepada semua pihak. Pada masa yang sama Jabatan Perdana Menteri akan terus berusaha untuk meningkatkan hasil kerajaan melalui perkhidmatan-perkhidmatan sedia ada.

Di samping mengukuhkan lagi sistem pengutipan hasil bagi memastikan hasil dikutip dalam tempoh yang ditetapkan berasaskan prinsip-prinsip di atas, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2020/2021 telah disokong untuk disediakan peruntukan bagi Gaji Kakitangan dan Peruntukan Perbelanjaan Berulang-Ulang berjumlah sebanyak \$366,021,500.00 iaitu berlebihan sebanyak \$7,091,670,00. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Daripada peruntukan Tahun Kewangan 2019/2020 pertambahan ini mengambil kira penerapan *Brunei Intellectual Property office (BruIPO)* dan *Manpower and Employment Council (MPEC)*. Tidak

ketinggalan juga pengurusan jabatan baharu iaitu Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHAB) yang telah diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Majlis Ilmu 2019 untuk diletakkan di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri.

Perbelanjaan Kemajuan yang disokong pula berjumlah \$65,490,880.00 menjadikan peruntukan keseluruhan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang disokong berjumlah \$431,520,380.00.

Sekianlah sahaja secara ringkas yang dapat kaola terangkan tentang cadangan belanjawan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2020/2021 dan disudahi dengan dua pantun:

Rumah kecil tiang seribu,
Rumah besar tiang sebatang,
Semasa kecil ditimang ibu,
Sudah besar ditimang gelombang.

Bijaksana akal bercahaya ilmu,
Jika berbelanja jangan besar
pasak dari tiang,
Putera Maharaja gelaran mulia,
Pendikar Alam gagah perkasa.

Bersama berjuang
mengharumkan negara,
Tidak dikira siapa di sini siapa di sana,
Besar peruntukan tidak
menjadikan alpa,
Berjimat berhemat tuntutan ugama.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum mengakhiri, kaola ingin mengulang sekali lagi apa yang telah Yang Berhormat Pengerusi sebutkan tadi iaitu bahawa 5 buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah jabatan-jabatan yang tertutup iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei.

Oleh sebab jabatan-jabatan ini berkaitan langsung dengan hal ehwal strategik keselamatan negara isu-isu yang akan dibincangkan perkara yang sensitif dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka. Maka kaola memohon pertimbangan Yang Berhormat Pengerusi supaya peruntukan bagi jabatan-jabatan tersebut tidaklah perlu dibincangkan.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Ahli - Ahli Yang Berhormat. Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A dibuka untuk dibahaskan. Saya mempunyai senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membincangkan tajuk-tajuk yang berkenaan ini.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
 مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Saya suka untuk membawakan beberapa perkara dalam perbincangan Tajuk SA01A – Jabatan Perdana Menteri.

1. Pada masa kini dilihat syarikat-syarikat penaja kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan nampaknya diberikan keistimewaan dalam majlis-majlis atau acara-acara kementerian atau jabatan-jabatan dan juga adanya kemesraan antara pihak kerajaan dan penaja-penaja. Ini menunjukkan sesuatu perkara yang boleh membawa keistimewaan bagi urusan perniagaan kepada penaja-penaja seperti tender-tender atau apa jua yang berkepentingan dengan perniagaan dan ini ada unsur-unsur kawan yang "kapkun" maka di sini "bisai" ia ditukar kepada *corporat obligation* atau *corporats contribution*. Jika *obligation* atau *contribution* ini dibuat maka mohon kebijaksanaan pihak Jabatan Perdana Menteri mengatur agihan sumbangan hasil daripada *corporat obligation* dan *contribution* kepada masyarakat atau pertubuhan-pertubuhan seperti Majlis Perundingan Kampung dan Mukim dan mana-mana pertubuhan yang memerlukan.

Dengan adanya *corporat obligation* atau *contribution* syarikat-syarikat penaja tidak berurusan langsung dengan kementerian atau jabatan yang mungkin saja tempat syarikat penaja berurusan bagi mendapatkan urusan perniagaan.

Diharapkan Jabatan Perdana Menteri akan melihat perkara ini sesuatu yang serius bagi mengelakkan ketidakadilan dalam pelayanan dan urusan pada syarikat-syarikat perniagaan di negara kita. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* Dengan cara ini tidak akan ada syarikat-syarikat penaja yang dapat keistimewaan dari kementerian-kementerian atau di jabatan-jabatan kerajaan. Layanan akan sama sahaja dengan syarikat-syarikat yang tidak membuat penajaan.

2. Bantuan membina rumah bagi pemohon-pemohon kategori daif sekitar 5-10 tahun yang lalu yang dikelolakan oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara, boleh dikatakan agak cepat tetapi sejak masuknya *Project Quick Win* di bawah Jabatan Perdana Menteri bantuan rumah kepada pemohon bantuan membina rumah kategori daif agak lambat.

Dipohonkan statistik permohonan pembinaan yang sudah dilaksanakan dalam jangka 5 tahun.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat kerana pertanyaan-pertanyaan bersangkutan paut dengan tender-tender ataupun permohonan-permohonan bagi pembiayaan-pembiayaan sesuatu projek-projek tertentu dan menyebutkan perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan kawan-kawan ataupun 'kapkonnya'. Saya kurang fahamlah apa 'kapkon' ini Yang Berhormat Pengerusi. Tapi yang ternyata ialah setiap permohonan atau tender yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui beberapa proses yang begitu ketat terutamanya dari segi *head tender board* ataupun jawatankuasa tender yang sentiasa melihat sesuatu itu dengan penglihatan yang terperinci dan berhemah dan sebagainya.

Jadi, sebelum perkara-perkara itu dibawakan ke *Tender Board*, satu jawatankuasa akan juga memberikan pandangan-pandangan dan melihat kelayakan-kelayakan yang ada dipohonkan atau yang ada pada penender-pender tersebut. Perkara ini untuk mengelakkan daripada terjadinya perkara-perkara yang tidak diingini iaitu pemilihan ataupun berat sebelah dan sebagai pilihan kawan-kawan atau yang digelar 'kapkon' itu tadi.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ perkara ini akan sentiasa diberikan perhatian yang berat oleh Jabatan Perdana Menteri dan kalaulah terjadi perkara tersebut maka perkara itu akan sentiasa diberikan perhatian dan dielakkan seboleh-bolehnya.

Mengenai rumah daif yang diselenggarakan oleh Jabatan Perdana Menteri bersama dengan Majlis Ugama Islam yang digelar dengan *quick win*. Seperti yang telah dimaklumi dari perkataannya sudah *quick* (tidak perlahan) kerana perkara ini lebih mengutamakan kepada atau melihat kepada peserta-peserta yang bakal menerima bantuan-bantuan rumah tersebut.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ dengan proses-proses yang berjalan sekarang, program atau pun rancangan-rancangan pemberian ataupun bantuan rumah kepada golongan daif sudah dapat dijalankan dan إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan melihat barangkali seakhir-akhirnya dalam bulan puasa ini. Kita akan melihat ada sebanyak 27 buah rumah akan diberikan kepada peserta-peserta atau penerima-penerima yang termasuk dalam golongan daif yang berkehendaknya.

Itulah sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Yang Berhormat Pengerusi. Yang kaola maksudkan bukan semata-mata tender tetapi semua urusan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Begitulah juga apa yang dimaksudkan adalah untuk semua. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya ingin menyentuh mengenai Tajuk SA0IA – Jabatan Perdana Menteri mengenai dua perkara iaitu Kod Akaun 001/002 - Pengurusan dan Pentadbiran. Wawasan Brunei 2035 seperti yang diketahui adalah hala tuju negara untuk menghadapi cabaran masa depan dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* ia telah dilancarkan lebih 10 tahun yang lalu dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* pada tahun ini Wawasan Brunei 2035 itu 15 tahun sahaja lagi untuk dicapai.

Di sini saya ingin mencadangkan dan bertanya mengenai dua perkara:

1. Perlunya ada mekanisme yang dibuat untuk memastikan kita mencapai keputusan, fokus dan penanda aras kunci dalam mencapai rangka kerja wawasan tersebut. Seperti contohnya kitani dapat membuat *mid-term review progress* untuk susulan dan mengkaji secara menyeluruh kemajuan dan pelaksanaan bagi mencapai pengisian Wawasan Brunei 2035. Setentunya barang ini baik sekiranya dapat dikongsikan secara telus dengan orang ramai kerana sering ditanyakan oleh orang ramai apakah status negara dalam persiapan mencapai Wawasan Brunei 2035.

2. Setentunya negara memikirkan sehingga 2035 malah bukanlah terlalu akhir jika kita memikirkan setelah 2035. Soalan saya iaitu:

- i. Apakah persiapan kitani tentang perkara ini dari segi *foresighting* dan *coordination*?
- ii. Kod Akaun 006/000 di bawah *Mainpower and Employment Council*. Merujuk Tajuk 1119 - Sumber Tenaga Manusia. Menurut data dari Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, jumlah peratus pengangguran pada tahun 2018 adalah 8.7% dan di beberapa negara mempunyai agensi kerajaan yang mengawal sedia mengenai *mobility of skilled workers* seperti apa yang disebutkan dalam *ASEAN Economic Community Blueprint* dan juga *ASEAN Qualification Reference Framework* yang pernah kitani bincangkan di Dewan yang mulia ini.

Mungkin sudah tiba masanya ada usaha untuk mengeksport tenaga kerja kitani yang berminat, berkemahiran dan juga bersesuaian untuk bekerja di luar negara memandangkan kitani ada *skilled workers* yang layak untuk diambil bekerja di mana-mana sahaja terutama sekali graduan yang mempunyai kelayakan yang boleh diterima di luar negara.

“Bisailah” ada sebuah agensi seperti sebuah jabatan atau sekretariat yang bersesuaian untuk menyelarasnya.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandey bin Ahmad mengenai Wawasan Brunei 2035 dan sebagainya. Terima kasih atas segala sokongan yang telah diberikan dalam sama-sama menjayakan Wawasan Brunei 2035, terutama sekali dari segi memperkasakan belia dalam Wawasan Brunei 2035. Berhubung dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat mengenai mekanisme berkaitan penetapan bidang-bidang keutamaan dalam wawasan serta Petunjuk Prestasi Utama secara fokus dan mengambil kira kaedah-kaedah seperti *foresighting* dan juga kaitannya dengan komitmen di peringkat antarabangsa termasuk *United Nations Sustainable Development Goals (SDGs)*.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 selaku autoriti utama yang berperanan dalam memastikan pelaksanaan dasar-dasar dan strategi Wawasan Brunei 2035 telah dan akan terus memastikan bidang-bidang yang dikenal pasti sebagai fokus atau keutamaan akan berupaya memberikan impak besar ke arah merealisasikan ketiga-tiga matlamat Wawasan Brunei 2035 dalam tempoh yang ditetapkan اِنْ شَاءَ اللّٰهُ, penentuan bidang-bidang ini

termasuklah *KPI* kebangsaan serta sasaran-sasarannya adalah berasaskan kepada perundingan dan penelitian awal antara Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035 bersama pihak-pihak yang berkepentingan khususnya peneraju-peneraju iaitu kementerian-kementerian, jabatan-jabatan serta pihak-pihak berkepentingan lainnya.

Pendekatan yang diambil ini bukan sahaja dihasrat untuk memperolehi persefahaman dan persetujuan mengenai bidang - bidang dan *KPI* kebangsaan berkaitan serta keupayaan pihak berkenaan dalam merealisasikan sebagai *subject matter expert* malah lebih penting ia menjurus kepada mewujudkan rasa *sense of ownership* di pihak berkenaan sendiri yang setentunya akan menjamin pencapaian keberhasilan yang hendak digarap. Namun, dalam memutuskan perkara ini ia diasaskan kepada data-data tertentu bagi mendapatkan gambaran secara realistik dan ketetapan yang dibuat adalah bersifat *evidence based*.

Menyentuh mengenai *foresighting* dalam penyelarasan mengenai *SDGs* dengan mengambil kira perkara ini boleh dikatakan hanya diperkenalkan beberapa tahun ini, kebelakangan ini, namun اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, pendekatan sedemikian khususnya *foresighting* di pihak Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035 telah turut diberikan keutamaan.

Sebahagian pegawai kanan Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035 mempunyai pengetahuan mengenainya melalui

kursus-kursus yang dihadiri dan telah mengadaptasi kaedah tersebut dalam operasi unit berkenaan pada hari ini. Dari kursus-kursus *foresight* ini pihak sekretariat menggunakannya untuk membuat analisis mengenai bidang-bidang keutamaan pada masa depan dan analisis jurang terhadap kerangka kerja Wawasan Brunei 2035 termasuk memastikan ia selaras dengan trend serantau dan antarabangsa.

SDGs serta hala tuju pergerakan antarabangsa serta komitmen negara dalam pelbagai agenda dalam pembangunan global juga turut dijadikan sandaran dan diselaraskan dengan bidang-bidang yang menjadi keutamaan pada masa kini. Namun penyelarasan mengenainya adalah juga pada mengambil kira konteks dan keperluan negara sebagaimana yang bersesuaian.

Untuk makluman juga satu sesi perkongsian bersama wakil *United Nation* dan Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035 telah diadakan tidak lama sebelum ini dan wakil tersebut telah menyambut baik fokus yang terkandung dalam Wawasan Brunei 2035 setakat ini dari sudut *SDGs*.

Bagi strategi Wawasan Brunei 2035 melihat kepentingan penanda aras (*benchmarking*) dan kajian strategik masa hadapan (*strategic foresight*) dalam apa jua perancangan jangka panjang menuju tahun 2035. Oleh sebab kita berhadapan dengan masa depan yang cepat berubah dan tidak menentu, kita perlu bersedia dengan menggunakan

metologi pandangan jauh dalam penyediaan dasar-dasar dan pelan strategik bagi memastikan pelan tindakan negara akan bersedia untuk berhadapan kepada masa hadapan (*future ready*) untuk menghadapi *strategic surprises* dan *driving forces*.

Kesemua ini hanya dapat dilaksanakan dengan penglibatan semua pihak untuk sama-sama meningkatkan keberkesanan dan pensejajaran inisiatif-inisiatif ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035 sebagaimana yang dijalankan dalam beberapa inisiatif seperti perangkaan dasar perubahan iklim, *digital economic blueprint* dan *economic blueprint*.

Dalam mengorak dan menggerak langkah ke hadapan ini, sudah setentunya perkara ini mencabar terutama sekali dari segi mengkoordinasi usaha dan memastikan momentum dalam berterusan. Namun kita akan terus memastikan kesediaan negara bagi menghadapi masa depan dengan semua pihak dari sektor kerajaan, sektor swasta dan orang ramai untuk bersatu demi untuk mencapai aspirasi dan impian bersama.

Semua ini agar negara akan terus mengorak langkah dan tidak ketinggalan dalam persaingan ke arah kestabilan ekonomi dan pembangunan negara yang mampan serta kesejahteraan dan keselamatan rakyat terjamin. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** semoga kita akan terus sama-sama memikul tanggungjawab ini dalam memberigakan dan merealisasikan

Wawasan Brunei 2035. Terima kasih. Saya persilakan untuk seterusnya.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad tadi mengenai *export of skill workers* dari Brunei. Barangkali ini lain daripada *export of product*, ini *skill workers* dalam negeri, ini mesti kita fikirkan juga ada minat masing-masing seseorang tapi dilihat masa ini jumlah orang Brunei yang bekerja di luar negeri meningkat kalau dibandingkan beberapa tahun yang lalu.

Memang ada satu peluang untuk kita mencari supaya orang kita ini dapat jua ambil *experience* di luar negeri ataupun bekerja tetap di luar negeri. Sebelum kitani melaksanakan inisiatif ini, ada baiknya dibuat satu *survey* dalam negeri dan juga lebih memahami cabaran-cabaran kalau orang kita bekerja di luar negeri.

Walau bagaimanapun, cadangan dari Yang Berhormat tadi adalah satu *good initiative* yang boleh difikirkan di bawah *manpower planning* dan *implement council* nanti إِنْ شَاءَ اللَّهُ. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menarik diri daripada membawa perkara dalam Tajuk ini kerana perkara tersebut telah pun disuarakan oleh rakan sejawatan Yang Berhormat sebentar tadi, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman. Ini kalau banyak bercakap susah sedikit ni. Jangan laju.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اللَّهُ أَكْبَرُ lebih dahulu kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Di Jabatan Perdana Menteri mengenai Anggaran Perbelanjaan 2021 bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Kaola ingin membahaskan soalan menyentuh Tajuk SA01A – Jabatan Perdana Menteri, jumlah yang diperuntukkan sebanyak \$33,554,260.00.

اللَّهُ أَكْبَرُ kaola akan membahaskan dan membincangkan Jabatan Perdana Menteri ini mengenai merakatkan

Wawasan Brunei 2035. Seperti yang kita maklumi dan ketahui Wawasan Brunei 2035 mengandungi 3 matlamat utama yang membawa arah tujuan masa depan negara dan di setiap matlamat itu ada penerajunya yang memainkan peranan penting bagi menjayakan mencapai matlamat berkenaan.

Yang Berhormat Pengerusi. Matlamat-matlamat yang dimuatkan dalam wawasan berkenaan ialah:

1. Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya;
2. Kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi; dan
3. Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Soalan kaola, apakah pendekatan dan tindakan yang akan dibuat oleh pihak peneraju dan Urus Setia Wawasan Brunei 2035 bagi merakyatkan wawasan ini supaya semua lapisan masyarakat akan dapat mengetahui akan tujuan, matlamat serta komitmen semua pihak dalam Wawasan Brunei 2035 ini?

Di samping itu, kaola ingin juga mencadangkan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk membolehkan Wawasan Brunei 2035 diketahui dan difahami oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Kita mencadangkan supaya Urus Setia wawasan dan kementerian-kementerian merancang dan membuat pendekatan bagi merakyatkan wawasan ini supaya semua lapisan masyarakat dapat mengetahui akan tujuan,

matlamat serta komitmen semua pihak dalam Wawasan Brunei 2035 ini.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman. Tadi Yang Berhormat mahu 'lakas', soalan Yang Berhormat panjang iatah 'membarinya' lambat ni. Mengenai bersangkut paut tentang matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035 yang ada 3 iaitu:

1. Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya;
2. Kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi; dan
3. Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Semua ini menghendaki satu penerangan atau pun satu kupasan yang begitu panjang lebar, Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, peramba mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat dalam perkara Wawasan Brunei 2035 ini.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, semua perkara yang bersangkut paut dengan matlamat-matlamat Yang Berhormat telah sebutkan dan tuju aras ataupun *KPI* yang bersangkut paut dengan matlamat tersebut telah pun diberikan ataupun disampaikan kepada peneraju-peneraju yang ada di seluruh negara.

Bila Yang Berhormat menyebut peneraju - peneraju maka peneraju-peneraju itu adalah terdiri daripada setiap individu di setiap kementerian, di setiap jabatan yang mempunyai dan memahami setiap hala tuju dan matlamat yang perlu mereka lakukan untuk mencapai *KPI* yang tertentu. Jadi untuk perkara ini, peneraju-peneraju akan memberikan maklumat-maklumat yang dikehendaki seperti mana Yang Berhormat yang telah disebutkan tadi.

Mengenai merakyatkan Wawasan Brunei 2035 supaya ia diketahui dan difahami oleh rakyat dan dicadangkan pada urusetia untuk menjalankan apa-apa jua langkah yang bersesuaian bagi Wawasan Brunei 2035 ini diketahui dan difahami oleh masyarakat umum.

Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Pengiran, perkara ini memang sentiasa di dalam pemikiran dan memang jua di ambil langkah-langkah yang tertentu bagi memberi ataupun mempromosikan, apa dia Wawasan Brunei 2035 untuk kanak-kanak sekecil-kecilnya hinggalah kepada orang-orang dewasa yang sebesar-besarnya.

Maka merakyatkan Wawasan Brunei 2035 memang sentiasa di jalankan dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, Yang Berhormat akan mendengar dan melihat beberapa promosi yang akan dikeluarkan melalui media massa kita tidak berapa lama lagi mengenai dengan apa dia Wawasan Brunei 2035, apa dia hala tuju - hala tuju atau pun matlamat-matlamat.

Sebenarnya perkara ini sudah pun dijalankan sebelum lagi kita bercakap ini, ada sudah aktiviti-aktiviti atau pun kerja-kerja atau pun usaha-usaha yang telah pun dijalankan oleh sekretariat dalam memberikan maklumat atau pun merakyatkan Wawasan Brunei 2035 ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin menyentuh mengenai Tajuk SA02A-Jabatan Adat Istiadat Negara. Kaola tertarik dengan bahasa ataupun kata-kata merakyatkan. Kaola juga ingin sama-sama menyarankan supaya perkara ini dapat kitani fikirkan.

Sesungguhnya Negara Brunei Darussalam adalah negara berdaulat, negara yang beradat-istiadat. Di sana sini kita melihat melalui media massa raja "kitani", Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke daerah-daerah, ke tempat-tempat sama ada yang berjadual ataupun lawatan tidak berjadual. Di sana

nampak melalui siaran televisyen atau akhbar sebagainya rakyat berduyun-duyun menyambut keberangkatan baginda.

Yang ingin kaola timbulkan di sini ialah terdapat di antara orang-orang kitani yang menjunjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang kadang-kadang berasak-asak, berebut-rebut dan dalam keadaan-keadaan tertentu orang ramai lupa menggunakan terasul-terasul yang betul dan tepat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga pembesar-pembesar negara yang lain.

Aspek terasul ini, kaola ingin mencadangkan supaya benar-benar dirakytakan. Media massa seperti akhbar-akhbar dan juga Radio Televisyen Brunei harus berperanan memberigakan perkara ini. Kaola sendiri sering dibahaskan diperambakan dan terdapat juga orang-orang kitani yang alum faham penggunaan bahasa-bahasa dalam, bahasa-bahasa adat isitiadat dan sebagainya. Isu terasul ini patut diterapkan seawal mungkin, janganlah diterapkan dalam kalangan kanak-kanak yang masih 'damit' tapi sepatutnya pada peringkat menengah telah kita terapkan bagaimana berbicara dengan pengiran-pengiran, pehin-pehin dan sebagainya.

Nilai-nilai adat istiadat ini haruslah kita terapkan seawal mungkin kerana Negara Brunei Darussalam merupakan satu-satunya negara Melayu yang masih kukuh dan dianggap unik di kawasan sebelah sini dan kita harus mempertahankan adat-istiadat kita itu. Itulah satu aspek yang memertabatkan adat-istiadat negara kitani.

Diharap semua pihak akan memngambil perhatian akan perkara ini jangan 'disembaranakan' khazanah negara kitani dengan mengajar terutamanya golongan muda, golongan belia. Kaola sendiri mendapati banyak jua kalangan orang tua-tua yang silap jua menggunakan perkataan-perkataan itu.

Itu sahaja pandangan kaola, mudah-mudahan negara kitani akan sentiasa menghargai adat kitani yang turun-temurun ini menjadi asas teras kekuatan bangsa Brunei yang berdaulat. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai adat-istiadat dan disentuh juga keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam lawatan-lawatan yang tidak berjadual dan sebagainya, bahawa kedapatan beberapa perkara yang kurang manis dan kurang 'bisai' dilihat.

Walau bagaimanapun, perkara tersebut kitani anggap perkara itu adalah semata-

mata hasrat rakyat terhadap raja yang mereka kasihi sehingga kadang-kadang perkara tersebut tidak disedari **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ**.

Terima kasih Yang Berhormat mengenai terasul ini. Kaola memang menganggap perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan bahasa-bahasa ataupun terasul-terasul kepada seorang itu suatu perkara yang perlu diambil berat dan bagi kita di Brunei ini. Ia adalah suatu perkara yang paling unik kerana di Brunei ini adat-istiadat dalam memberikan terasul kepada seseorang itu adalah penting. Kaola Yang Berhormat Pengerusi bukan sahaja yang digelar diperambakan, kaola sendiri pun dikaolakan juga banyak kali tapi kalau sudah terlampau kaola itu Pehin kaola sambut sahaja **أَمِين**.

Penyebarluasan pengetahuan adat-istiadat merupakan peranan utama Jabatan Adat Istiadat Negara bagi mendukung visinya iaitu untuk memberikan masyarakat Brunei pengetahuan dan pemahaman tentang adat-istiadat maksudnya merakatkan pemahaman terhadap adat-istiadat. Usaha-usaha dan tindakan-tindakan yang dijalankan oleh Jabatan Adat Istiadat Negara terlalu banyak sekali dan seperti Yang Berhormat katakan hendaklah dimulai daripada anak-anak muda atau anak sekolah lagi sebenarnya perkara ini telah pun dijalankan dan menjadi projek dari Jabatan Adat Istiadat Negara.

Antara usaha tindakan bagi memperkasakan lagi penyebaran pengetahuan adat-istiadat ialah menyampaikan taklimat, ceramah mengenai adat-istiadat kepada pelajar-pelajar dari prasekolah, maktab-maktab, sekolah-sekolah menengah, sekolah-sekolah rendah di negara ini mengikut perancangan jadual dan permintaan.

Dengan usaha itu juga ialah melaksanakan projek tahunan Jabatan Adat Istiadat Negara iaitu perkampungan adat istiadat belia diadakan dengan kerjasama Majlis Melayu Islam Beraja Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Majlis-Majlis Belia Brunei.

Menyusun program yang dinamakan Menyusur Daerah Mukim dan Kampung bagi menyampaikan pemahaman adat-istiadat juga telah dibuat oleh Jabatan Adat Istiadat Negara demi untuk memperkasakan lagi pemahaman orang ramai dan masyarakat terhadap adat istiadat yang kitani sanjung di Negara Brunei Darussalam ini.

Banyak lagi langkah usaha inisiatif memastikan supaya amalan-amalan kitani di Negara Brunei Darussalam ini dalam hal ehwal istiadat akan sentiasa dipelihara dan disanjung tinggi.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola lebih dahulu ingin menyatakan 2 soalan iaitu satu soalan pendek dan satu soalan panjang sedikit.

Saya ingin menyentuh mengenai konsep Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) khususnya di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan. Seperti yang sudah kita maklum TPOR adalah satu kenyataan atau komitmen atau janji bertulis tentang piawai atau standard perkhidmatan sesebuah jabatan kepada orang ramai. Ia merupakan salah satu strategi dalam memeduli dan menangani keperluan orang ramai yang menghendaki perkhidmatan awam yang cekap dan efisien.

Adalah diambil maklum juga melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan pelaksanaan TPOR di kementerian-kementerian dan jabatan kerajaan dipantau dan dikemas kini dari semasa ke semasa.

Soalan kaola:

1. Apakah hasil pemantauan pihak Jabatan Perkhidmatan Pengurusan mengenai pelaksanaan TPOR ini? Apakah status pengemaskinian TPOR di kementerian-kementerian dan jabatan kerajaan, kerana masih sahaja boleh dilihat sebilangan kementerian dan jabatan menggunakan dan mempamerkan TPOR yang lama dan tidak lagi relevan dengan keadaan semasa?; dan;
2. Saya ingin menyentuh mengenai program pembelajaran dan perkembangan kapasiti warga Perkhidmatan Awam. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ pihak kerajaan khususnya melalui Institut Perkhidmatan Awam sebagai pusat pembelajaran dan tulang belakang pembinaan kapasiti warga Perkhidmatan Awam ada mengadakan pelbagai jenis kursus dan latihan yang sememangnya dilihat penting dalam memastikan setiap pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam dilengkapi dengan ilmu pengetahuan, pendidikan serta kemahiran yang bersesuaian dan relevan.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat saya kira soalan Yang Berhormat itu ada baiknya kita tunggu dahulu apabila kita membincangkan Tajuk SA11A - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan di sana boleh bertanya secara *detail*, boleh bertanya mengenai soalan TPOR dan seumpamanya.

Masa ini kitani membincangkan Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A. Jadinya, ada baiknya kita tumpukan. Masa pun berlalu waktu ini dan barangkali kitani pun "ngalih" sudah, kitani tumpukan bagi perkara yang kita bincangkan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Kaola ambil maklum. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ada juga menyentuh dengan TPOR tapi ia berkenaan dengan satu tajuk pada sebuah jabatan iaitu Jabatan Audit. Pada masa kini semua kementerian mempunyai misi dan visi masing-masing dan juga TPOR dan *KPI* mereka tertentu.

Apa yang masih terjadi pada masa ini masih banyak keluhan orang ramai yang berurusan dengan jabatan-jabatan yang di bawah kementerian masing-masing yang berhubung rapat dengan keperluan orang ramai yang belum dapat dilaksanakan dalam masa yang diharapkan, kadang-kadang terpaksa balik-balik dan macam-macam lagi tambahan lagi melibatkan beberapa kementerian yang lain.

Soalan dan cadangan. Adakah ada bidang kuasa Jabatan Audit untuk melihat dan menegur memberikan laporan jika TPOR atau *KPI* itu tidak selaras dan mengikut apa yang dipamerkan dimaklumkan untuk orang ramai. Pastikan TPOR benar-benar mencapai sasaran keperluan orang ramai ataupun adakah perlu dicadangkan untuk dikaji semula untuk tidak mengelirukan orang ramai.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola belum menangkap apa yang disampaikan, 'pasal apa' Audit dan TPOR. Jadi kalau dapat Yang Berhormat mengulang sekali lagi.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad: Terima kasih. Apa yang dimaksudkan itu kaola sendiri pernah bekerja di Jabatan Audit juga Yang Berhormat Pengerusi. Apa yang dimaksudkan itu adakah Jabatan Audit ada kuasa untuk menegur atau memberikan, mengecek balik apakah TPOR itu berjalan dengan baik selaras apa yang dipamerkan di papan-papan tanda yang orang ramai melihatnya.

Yang Berhormat Pengerusi: Jabatan Audit.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad. Mengenai kuasa

Jabatan Audit. Untuk makluman Yang Berhormat, dari *nature* jabatan tersebut memang sudah kita ketahui kerja mereka ialah mengaudit, mengira, meneliti, meyelidik bahkan nya orang Brunei 'mengurik-mengurik' rahsia.

Jadi, *nature* tersebut akan terbawa-bawa kepada tindakan-tindakan tersebut dalam perkhidmatan pada orang ramai dan Jabatan Audit memang sentiasa memberikan teguran - teguran kepada siapa sahaja yang di bawah pengauditan, apatah lagi mengaudit jabatan-jabatan tertentu dan biasanya selepas audit itu dijalankan Kementerian Jabatan Audit akan memberikan laporan-laporan audit itu kepada jabatan-jabatan tersebut yang merupakan sama ada cadangan yang kedua, dapatan-dapatan dan ketiga ialah tindakan-tindakan yang perlu dijalankan. Jadi, dalam perkara ini memang dalam kuasa audit untuk memberikan teguran-teguran kepada siapa saja. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam kementerian ini kaola ingin bercakap mengenai Tajuk SA03A – Jabatan Audit yang diperuntukkan berjumlah \$5,820,960.00. Dalam Jabatan

Audit ada wujud lagi satu iaitu Audit Alam Sekitar. Oleh itu, apakah sebenarnya peranan Audit Alam Sekitar ini diwujudkan dalam Jabatan Audit? Apa yang kita ketahui dalam Kementerian Pembangunan ada wujud Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi yang mempunyai dasar dan peraturan tersendiri untuk memantau segala kegiatan yang berkaitan dengannya.

Jika berbeza peranannya maka kaola turut mencadangkan supaya jika belum ada, perlu diwujudkan beberapa Pegawai Perunding Alam Sekitar yang memastikan bahawa klien mematuhi segala peraturan alam sekitar dan peraturan industri.

Dengan adanya Perunding Alam Sekitar ini ia bertanggungjawab dalam berbagai-bagai bidang aktiviti alam sekitar termasuk menyediakan perkhidmatan pembinaan seperti *Asbestos Hazard Assessment* atau *Lead Hazard Assessment* atau melakukan laporan *due diligence* untuk membersihkan pelanggan daripada kemungkinan hukuman. Bidang lain seperti pemantauan pengurusan sisa pepejal dan toksik dalam kata lain untuk memastikan semua aktiviti yang mesra alam.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai Audit Alam Sekitar. Mula-

mula kaola kira alam sekitar, ini adalah bersangkut paut dengan Kementerian Pembangunan, tidak sangka ada juga termasuk dalam Jabatan Audit. Walau bagaimanapun, perkara ini kaola dengan secara rendah hati mengambil perhatian apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat itu. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli Yang Berhormat saya kira cukup sekian kita membincangkan mengenai Tajuk-Tajuk yang berkenaan ini dan sekarang Tajuk-Tajuk ini akan kita undi. Yang bersetuju dengan Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat ada baiknya mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin mencadangkan supaya kita tangguhkan persidangan kita ini.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته
إن شاء الله kita akan bersidang semula pada esok hari, iaitu hari Khamis, 12 Mac 2020, pukul 9.15 pagi.

Sekian,

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Khamis, 17 Rejab 1441/12 Mac 2020****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., SNB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., SNB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir atas urusan rasmi)

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

(Tidak hadir)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.,

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.,

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PSB., PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, PJK., Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.15 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, iaitu hari yang keempat didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah, rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat meneruskan hadir dalam mesyuarat pada pagi ini. Kita telah bersidang bagi hari yang keempat dalam Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan pada pagi ini akan kita mulakan untuk membahaskan Perkara VI - Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Saya mencadangkan supaya kita memberikan peluang kepada dua soalan untuk dijawab sebelum kita menyambung kepada perkara yang lain.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara VI - Soalan-soalan Yang Diberi Notis. Soalan No.7 daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Penggunaan kaedah perubatan tradisional dan komplementari ataupun dikenali sebagai *Traditional and Complementary Medicine (TCM)* sememangnya mendapat tempat dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kaedah perubatan ini juga mendapat perhatian dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia khususnya melalui Strategi Perubatan Tradisional 2014 hingga 2023. Antara lain menyentuh mengenai potensi dan sumbangan perubatan tradisional dan komplementari kepada kesihatan, di samping mempromosikan dan menggalakkan penggunaan kaedah

perubatan tradisional dan komplementari ini secara selamat dan berkesan. Soalan kaola:

- i. Apakah Kementerian Kesihatan mempunyai perancangan dalam mengintegrasikan perubatan tradisional dan komplementari secara optimum ke dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan bagi mencapai pendekatan holistik dalam meningkatkan kesihatan serta kualiti kehidupan selaras dengan Strategi Perubatan Tradisional tahun 2014 hingga tahun 2023 Pertubuhan Kesihatan Sedunia? ; dan
- ii. Apakah pula pendekatan atau inisiatif yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan dalam memastikan kualiti dan keselamatan perubatan tradisional dan komplementari ini?

Sekian, وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam Sejahtera. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu atas soalan yang diutarakan.

Pada menjawabnya Kementerian Kesihatan mengambil maklum akan perkembangan dan permintaan yang meningkat terhadap perubatan tradisional dan komplementari di Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, Kementerian Kesihatan telah pun menubuhkan Unit Perubatan Tradisional Komplementari dan Alternatif pada bulan Mei 2008. Pada tahun 2015, peranan dan objektif ini telah dikemas kini dan telah ditukar menjadi Unit Perubatan Tradisional dan Komplementari atau pun *TCM*.

Jenis-jenis amalan perubatan tradisional dan komplementari yang dikawal dan dipantau oleh Kementerian Kesihatan ialah seperti berikut:


- i. Perubatan Tradisional Melayu;
(*Traditional Malay Medicine*)
- ii. Perubatan Tradisional China;
(*Traditional Chinese Medicine*)
- iii. Perubatan Tradisional India;
(*Traditional Indian Medicine*)
- iv. Akupunktur;
- v. *Osteopathy*;
- vi. *Chiropractic*;
- vii. *Homeopathy*;
- viii. Urut
- ix. Refleksologi;
- x. Bekam; dan
- xi. Ahli Herba atau pun *Dispenser*.

Peranan utama unit ini ialah untuk memperkukuhkan jaminan kualiti dan keselamatan Unit Perubatan Tradisional dan Komplementari Unit melalui pengawalan amalan dan pengamal *T&CM* dengan:


1. Menyediakan garis panduan dan peraturan yang bersesuaian bagi tujuan memantau dan mengawal perkara-perkara yang berkaitan dengan amalan dan pengamal perubatan tradisional dan komplementari;
2. Membuat penyemakan dan pengesahan kelulusan pengamal dari luar negeri yang diambil bekerja di negara ini dan seterusnya memberikan surat sokongan kepada pemohon ataupun pemilik syarikat bagi membolehkan mereka mendatangkan pekerja warga asing (pengamal *T&CM* tersebut);
3. Merekodkan nama-nama pengamal *T&CM* warga asing dan tempatan (*administrative registration*);
4. Merekodkan nama-nama premis ataupun syarikat yang memberikan perkhidmatan *T&CM*;
5. Memberikan surat sokongan kepada pemohon yang memohon untuk mendaftarkan syarikat serta untuk mendapatkan lesen perniagaan seperti yang dipersyaratkan oleh *ROCBN*; dan

6. Berkomitmen dengan *ASEAN SOMHHD Health Cluster* yang terkandung dalam *Strengthening Health Systems and Access To Care (Traditional Medicine)*.

Statistik premis/syarikat yang memberikan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari di Negara Brunei Darussalam.



Menurut rekod catatan Unit *TCM* sejauh ini, terdapat 146 buah syarikat yang berdaftar memberikan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari di negara ini.




(Statistik permohonan surat sokongan pengambilan pekerja warga asing (pengamal TCM) 2017 hingga 2019)

Jumlah permohonan bagi tahun 2017

Januari	3
Februari	4
Mac	4
April	1
Mei	20
Jun	3
Julai	5
Ogos	6
September	8
Oktober	9
November	7
Disember	8
Total:	78

Jumlah permohonan bagi tahun 2018

Januari	1
Februari	5
Mac	13
April	13
Mei	8
Jun	5
Julai	9
Ogos	16
September	11
Oktober	11
November	10
Disember	11
Total:	113



Jumlah permohonan bagi tahun 2019

Sejak tahun 2017 hingga 2019 terdapat peningkatan permohonan pengambilan pekerja warga asing pengamal *TCM* yang mengandaikan bahawa wujudnya permintaan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari terutama perkhidmatan urut refleksologi, bekam dan akupunktur.

Practioner field	Male	Female	Total
Reflexology	32	50	82
Acupuncture	8	5	13
Masseur	83	190	273
Homeopathy	-	1	1
TCM Therapist	1	1	2
Cupping	3	2	5
Herbal dispenser	1	-	1
	128	249	377

Laporan WHO, *Traditional Medicine Strategy 2014/2023* menggariskan 2 matlamat iaitu:

1. Memanfaatkan potensi sumbangan perubatan tradisional kepada kesihatan, kesejahteraan dan pencegahan kesihatan untuk rakyat; dan
2. Mempromosikan penggunaan perubatan tradisional yang selamat dan berkesan dengan mengawal selia menyelidik dan mengintegrasikan produk-produk perubatan tradisional pengamal dan amalan ke dalam sistem kesihatan yang bersesuaian.

Strategi ini juga menyenaraikan 4 objektif utama iaitu:

- i. Dasar yang mengintegrasikan perubatan tradisional ke dalam sistem penjagaan kesihatan

kebangsaan jika boleh dilaksanakan dengan mengadakan dan menerapkan dasar dan program kebangsaan mengenai perubatan tradisional;

- ii. Keselamatan, keberkesanan dan kualiti - mempromosikan keselamatan dan keberkesanan serta kualiti perubatan tradisional dengan cara menyebarkan pengetahuan asas dan memberikan bimbingan mengenai pengawalan dan piawaian jaminan kualiti;
- iii. Akses yang meningkatkan ketersediaan dan mampu membayar perkhidmatan perubatan tradisional dengan memberi penekanan kepada kemudahan mendapatkan perkhidmatan tersebut kepada penduduk yang kurang berkemampuan ; dan
- iv. Penggunaan rasional - menggalakkan terapi perubatan tradisional yang sesuai dan selamat oleh pegamal dan pengguna.

Sistem penjagaan kesihatan di Negara Brunei Darussalam masih lagi berasaskan perubatan barat ataupun moden. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian

Kesihatan menyediakan perkhidmatan kesihatan tersebut secara percuma dan boleh diakses dengan mudah oleh rakyat dan penduduk di negara ini.

Perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari disediakan oleh premis-premis kesihatan swasta yang boleh diperolehi dengan dikenakan bayaran. Perkhidmatan perubatan tradisional ini dianggap sebagai perkhidmatan kesihatan komplementari iaitu sebagai rawatan sokongan tambahan sahaja pada rawatan perubatan barat ataupun moden.

Buat masa ini belum ada keperluan untuk mengintegrasikan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan kerana perlu mengambil kira beberapa faktor seperti tenaga kerja terlatih atau pun pakar penyediaan akta dan peraturan serta penguatkuasaan dan yang sangat penting ialah mengenai keselamatan dan bukti kukuh akan keberkesanan rawatan tersebut secara *evidence-based*.

Bagi menjawab soalan kedua. Jabatan Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan bertanggungjawab untuk mengawal selia produk ubat-ubatan tradisional dan *supplement* kesihatan untuk memastikan produk-produk tersebut memenuhi keperluan kualiti keselamatan dan keberkesanan dan faedah tuntutan.

Walaupun pada masa ini, ubat ataupun produk tradisional dan *supplement* kesihatan tidak memerlukan lesen dari Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan untuk pengimportan dan penjualan produk tersebut, Jabatan Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan telah dan sentiasa terus mengambil inisiatif dari segi kawalan *administrative* dengan menerima permohonan bagi pengimportan dan penjualan produk tersebut yang dihadapkan secara sukarela oleh penjual, pembekal, pengimportan serta pengilang produk.

Demi memastikan produk ubatan-ubatan tersebut yang dipasarkan di Negara Brunei Darussalam memenuhi kriteria kualiti dan keselamatan produk. Bagi produk yang dipohonkan bahan kandungan produk akan disemak untuk memastikan ia tidak mengandungi bahan-bahan yang dilarang. Di samping membuat saringan bahan kandungan produk jabatan ini juga akan menilai dan memastikan label produk tersebut mematuhi garis panduan piawaian perlabelan.

Jabatan Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan melalui Program Pemantauan Semasa (*Post-Marketing Surveillance (OPS)*) juga menjalankan pemantauan dan pemeriksaan iaitu secara rutin berjadual dan mengejut ke atas premis-premis perniagaan seperti kedai runcit, kedai kiub, kiosk, kedai ubat cina, *establishment* kesihatan dan kecantikan, pasar raya

dan gerai-gerai petak jualan, tempat penganjuran pameran perdagangan ekspo di keempat daerah di Negara Brunei Darussalam. Pemeriksaan ini dibuat bagi memastikan produk ubat-ubatan tradisional dan suplemen kesihatan yang dipasarkan mematuhi peraturan dan undang-undang di bawah Akta Racun 1956, Perintah Ubat 2007 dan Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007. Di bawah program pemantauan ini juga sampel produk ubat-ubat tradisional dan suplemen kesihatan diambil dari pelbagai premis di pasaran dan dihantar ke perkhidmatan makmal farmasi untuk dianalisis bagi mengesan pencemaran bahan-bahan yang terlarang yang dikawal di bawah Akta Racun.

Untuk melindungi kesihatan orang awam, siaran khabar juga akan dikeluarkan untuk memaklumkan orang ramai tentang apa-apa produk ubat-ubatan tradisional dan suplemen kesihatan yang didapati telah dicemari dengan bahan yang dilarang sama ada hasil dapatan keputusan ujian makmal ataupun maklumat dari perkongsian negara-negara anggota *ASEAN* yang lain melalui *Post Marketing Alert System*.

Dalam pada itu, bagi pelan jangka masa panjang pengawalan produk ubat-ubatan tradisional dan suplemen kesihatan ini, Jabatan Perkhidmatan Farmasi juga ikut serta secara aktif dalam perbincangan di rantau *ASEAN* di mana ketika ini deraf Perjanjian Rangka Kerja Pengawalseliaan *ASEAN*

untuk produk ubat-ubatan tradisional dan suplemen kesihatan adalah masih lagi dibincangkan untuk dimuktamadkan. Setelah perjanjian tersebut dipersetujui dan ditandatangani oleh negara-negara anggota *ASEAN* serta undang-undang bagi produk ini dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam maka peraturan dan pengawalseliaan produk ubat-ubat tradisional dan *supplement* kesihatan akan dikuatkuasakan sepenuhnya secara mandatori.

Sudah setentunya salah satu matlamat utama Kementerian Kesihatan ialah untuk memastikan kaedah rawatan dan perubatan yang diberikan sama ada oleh Kementerian Kesihatan mahupun yang diberikan oleh pihak swasta adalah yang terbaik, berkualiti, efektif dan selamat untuk orang ramai dan ini termasuklah perkhidmatan rawatan perubatan tradisional dan komplementari.

Pada dasarnya, Kementerian Kesihatan telah pun mengimplementasikan secara langsung ataupun tidak beberapa inisiatif saranan yang digariskan dalam Strategi Perubatan Tradisional Perubatan Kesihatan Sedunia 2014/2023. Antara inisiatif yang telah, sedang dan yang dalam perancangan oleh kementerian dalam usaha memastikan kualiti dan keselamatan perubatan tradisional dan komplementari di negara ini terjamin ialah:

1. Menyediakan peraturan dan garis panduan bagi pengamal dan amalan perubatan tradisional dan komplementari seperti:
 - *Traditional and Complementary Medicine Policy and Guidance on Practice;*
 - *Guidelines on registration of T&CM Practitioners;* dan
 - *Guidelines on Infection Control related to T&CM practices*
2. Akan terus dari semasa ke semasa menderaf dan menyediakan peraturan dan garis panduan yang besesuaian dan mengikut keperluan semasa, di samping mereviu dan memperkukuhkan lagi peraturan dan garis panduan yang sedia ada.
3. Membuat penyemakan ataupun verifikasi mengenai kesahihan pengamal, sijil dan kelulusannya, verifikasi ini sebahagian daripada proses pengesahan kesahihan pengamal perubatan tradisional warga asing yang berhasrat untuk bekerja di negara ini. Surat sokongan dari kementerian diperlukan bagi urusan mendapatkan kelulusan lesen pekerja asing dari pihak Jabatan Buruh.
4. Pegawai dan kakitangan Unit Perubatan Tradisional dan Komplementari juga diberi peluang

dari semasa ke semasa meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai perubatan tradisional dan komplementari sama ada melalui penglibatan dalam mesyuarat (di dalam dan luar negeri), *Joint Working Group*, menghadiri bengkel serta lawatan kerja ke luar negeri.

5. Isu-isu perubatan tradisional dan komplementari memang dibincangkan di peringkat *ASEAN*, Unit *TCM* dilantik menjadi *focal point* bagi Kementerian Kesihatan. Dengan adanya platform ini Unit *TCM* dapat bekerjasama dengan lebih rapat dengan agensi-agensi perubatan tradisional dan komplementari dari negara-negara *ASEAN* yang lain terutama dalam urusan memverifikasi kesahihan pengamal, sijil kelulusan dan institusi-institusi latihan yang memberikan sijil kelayakan tersebut.
6. Salah satu rancangan dan cadangan pada masa hadapan bagi pendekatan pengawalan pengamal dan amalan perubatan tradisional dan komplementari di negara ini ialah dengan mengujudkan akta atau peraturan *negative licensing* seperti yang diterapkan oleh negara Australia iaitu satu akta telah dikuatkuasakan iaitu *Health Complaint Act 2016* yang memberi kuasa untuk menyiasat dan mendakwa pengamal-pengamal kesihatan atau pelaku amalan

kesihatan yang didapati melanggar Kod Tingkah Laku ataupun *Code of Conduct* yang terkandung dalam akta tersebut. Akta ini berperanan sebagai pelengkap pada akta-akta profesional kesihatan yang sedia ada terutama jika pelaku yang diadakan bukannya pengamal yang berdaftar di lembaga atau majlis profesional kesihatan.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mohon izin bagi membuat soalan tambahan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Yang Berhormat ada soalan tambahan mengenai ubat-ubatan tradisional? Adakah soalan Yang Berhormat sebagai soalan tambahan kepada perkara yang ditimbulkan Yang Berhormat terdahulu mengenai dengan ubat-ubatan tradisional?

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Mengenai dengan perubatan-perubatan tradisional khususnya di Negara Brunei Darussalam iaitu para pakar perubatan yang berhubung kait dengan ubat-ubatan di Negara Brunei Darussalam, kita juga mengetahui bahawa banyak pakar-pakar yang boleh memberikan ubat-ubatan kepada masyarakat di negara ini khususnya pada zaman dahulu di kampung-kampung ada ubat-ubatan di hospital dapat dikenali seperti sekarang, maka pengamal-pengamal

ubat-ubat tradisional yang telah berjasa atau memberikan bakti memberikan ubat-ubatan. Dalam perkara ini dihubungkan bahawa pihak Kementerian Kesihatan telah pun juga memberi kerjasama yang baik seperti memberikan pengesahan-pengesahan dan sijil-sijil bagi mereka yang dikenal pasti.

Walau bagaimanapun, dalam perkara ini, untuk memastikan lagi kaola ingin menambah soalan supaya pakar-pakar ubat tradisional yang akan di negara ini akan dapat mengadakan perjumpaan bersama untuk memastikan dan merumuskan secara lebih dekat daripada hanya melalui permohonan sahaja, ertinya sama-sama duduk membincangkan apakah jenis perubatan yang boleh membantu pada masa sekarang.

Kita merasakan bahawa perubatan tradisional yang terdapat di negara kitani kemungkinan saja memberi kesan yang membantu dalam perubatan secara moden. Bolehkah supaya diadakan perjumpaan Bersama perawat-perawat atau pengamal-pengamal tradisional yang memberikan jasa bakti kepada masyarakat.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pada menjawab soalan Yang Berhormat tadi untuk mengumpulkan orang-orang yang tradisional *practice*

tidak ada masalah dari Kementerian Kesihatan.

Apa yang saya terangkan tadi dengan panjang lebar pengamal-pengamal ini kalau diiktiraf mestilah *be register*. *Because we need some sort of qualification* untuk diiktiraf *there are certain procedures that needs to be followed and certain qualification that need to be assess*. Memang difahamkan orang tua-tua kitani ada petua, ada mengamalkan petua atau ubat-ubatan tradisional, itu kitani mesti *separate it from what we are going to use for actual* penyakit di hospital. Seperti yang saya terangkan tadi, Kalau ada keperluan memang *we are open to it but there must be some sort of evidence based* kerana *at the end of the day* keselamatan pesakit adalah diutamakan.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izin kan saya mengutarakan soalan tambahan. Kementerian Kesihatan biasanya memberikan kenyataan ataupun amaran bagi ubat-ubatan tradisional dan produk-produk kecantikan yang mempunyai kesan sampingan dari segi kesihatan. Apakah ianya akan dilartkan bagi *miracle products* iaitu produk-produk yang membuat *miracle health claims*. Sebagai contoh ada produk air yang mendakwa mampu mengurangkan kesakitan, minyak untuk mengubati kanser, stokin

untuk mengubati gout, diabetes dan strok.

Menurut *U.S Food and Drugs Administration*, mana-mana produk yang mendakwa dapat bagi mengubati kanser adalah berunsur penipuan. Adakah penguatkuasaan Kementerian Kesihatan juga mengambil kira hal ini walaupun produk-produk tersebut tidak semestinya mempunyai kesan sampingan yang membahayakan? Kerana biasanya produk-produk tersebut dijual dengan harga yang tinggi sedangkan *health claims* tidak diauthorize oleh Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terutama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih pada Yang Berhormat mengenai soalan yang diajukan. *I think that question is very relevant to our daily life.* Seperti orang semua maklum masa ini banyak produk ataupun seperti yang diterangkan tadi ada air, *claiming to be curing a few things.* Di sinilah pentingnya *we improve our public health literacy.* Kefahaman orang awam mengenai penyakit *and how medicines are done is very important,* ini memang 'ditunduki' *to ensure that our public health literacy will be improving as the years goes by.*

Untuk menjawab *specifically for that question, we are actually looking into it and we are trying to improve our law,*

there few laws to it. Baru-baru ini ada mungkin soalan kemudian dijawab, mengenai *advertisement. That's where we want to improve the law there, so in future anybody who wants to claim that they are beneficial, they must give evidence based, otherwise they'll be prosecuted.* Ini dikira boleh menipu orang ramai *and our job is to ensure that* orang ramai tidak tertipu dengan *this kind of recommendation. But, like i said we are looking into it in a different aspect and we are trying to improve the laws that can handle that as well.*

Mengambil kesempatan ini, saya berseru kepada orang ramai *it's is quite common sense, if it works 'inda kan'the modern medicine don't take it, even one cent profit they will go for it.* Ini kononnya untuk membaiki *or* merawat kanser dengan elektrikkah, apakah, *if it's really true the company will be billionaire by now. In medicine there are chances what we call is by chance that we call, forgot the word. Anyway, when we do study, 100 orang we want to make sure the result is statistically significant.*

Memang dalam 100 orang itu bagi ubat 'A', 50 orang air diberi ubat 'A', 50 diberi air. *Some* yang air itu memang akan sembuh *because the mind is very strong. This is by chance,* yang 2, 3 orang itu memang sembuh dengan air, dengan kehendak الله, dan *he's positive and then he might be cured. But, if you take 'A', 40 will survive, that's more significant. Of course we will take 'A' not*

'B', air yang 2 orang sahaja yang sembuh *which consider it by chance. The word is placebo. Placebo ini it works in a various way. Even in modern medicine will take ubat hypertension. 100 people tidak semestinya 100 will improve in the same manner. Ada orang yang mengambil buah ini baik, but it's for him. Each individual is different, each individual on his own eco-system. In medicine we only learn from what has happen and we learned from that so we take conclusion from it. That's how modern medicine works. It's not by just because orang itu baik, semua baik.*

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pertanyaan kaola sedikit sahaja. Masih terdapat *requirement* yang sukar memasukkan perubatan tradisional seperti mana yang pernah diadakan oleh sensei Cina yang mempunyai kedai menjual ubat tradisional.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. *In traditional*

medicine ini tidak ada halangan, they just need to declare what it is, the ingredients and other persyaratannya. Kementerian Kesihatan actually prepare a few giuidelines for importation. Jika ia mematuhi it shouldn't be any problem.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Kita dapat memerhatikan bahawa beberapa tahun ini ada banyak ubat-ubatan yang telah pun diharamkan oleh Kementerian Kesihatan. Kita ikutlah nasihat dari Kementerian Kesihatan. Tidaklah seorang itu hitam mukanya boleh menjadi putih, tidakkan air itu tadi boleh jadi baik dengan penyakit yang sudah tenat. Kita harus bagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan '*common sense*' must prevail. Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No.8 daripada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Soalan saya mengenai pemasaran dan pengiklanan makanan tidak sihat serta strategi menggalakkan makanan sihat. Pada tahun 2017, menurut maklumat dari Kementerian Kesihatan di Negara Brunei Darussalam kira-kira 47% daripada jumlah kematian dalam usia 30 hingga 69 tahun dan 5 penyebab utama

kematian adalah terdiri daripada penyakit tidak berjangkit seperti kanser, penyakit jantung, *diabetes mellitus*, *cardiovascular disease* dan *hypertensive disease*.

Manakala menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 2010 juga menyatakan pengiklanan dan lain-lain bentuk pemasaran makanan dan minuman kepada kanak-kanak adalah sangat berleluasa dan produk utama yang dikhuatiri mengandungi kandungan lemak, gula atau garam yang tinggi.

Terdapat juga bukti menunjukkan bahawa pengiklanan televisyen telah mempengaruhi pilihan makanan kanak-kanak, permintaan pembelian dan corak penggunaan. Berbagai-bagai teknik telah digunakan untuk memasarkan produk ini bagi mengambil perhatian kanak-kanak di sekolah, prasekolah iaitu *nursery* dan pasar raya sama ada melalui televisyen, internet dan juga daripada sumber-sumber lain seperti kain rentang ataupun *billboard*, di tepi-tepi jalan ataupun pasar-pasar raya, iklan-iklan *digital fast food*.

Soalan saya:

1. Apakah usaha pihak kerajaan dalam memastikan pemasaran dan pengiklanan makanan yang tidak sihat oleh *franchises* atau syarikat yang mampu melaksanakan pemasaran secara ini dapat dikawal?; dan

2. Adakah perlu diberi inisiatif kepada pengusaha-pengusaha makanan seperti memperkenalkan strategi seperti *fast food tags* sebagaimana juga dikenakan cukai bagi minuman manis yang bergula di samping dapat juga meningkatkan kutipan cukai negara?

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri

Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat tadi itu, salah satu tindakan di bawah *Multisectoral Task Force* for Health *Cross Functional Team (CFT)* ialah *Giving Every Child The Best Start In Life* ialah untuk menghasilkan dan melaksanakan dasar pengiklanan makanan dan minuman kepada kanak-kanak. Tindakan ini juga telah dimasukkan sebagai salah satu inisiatif di bawah Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019-2023, *SG2: Pencegahan dan Pengawalan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit*.

Tindakan ini selaras dengan resolusi yang diluluskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) semasa Perhimpunan Kesihatan Sedunia Ke-63 pada Mei 2010. Satu set cadangan mengenai pemasaran makanan dan minuman tanpa alkohol kepada kanak-kanak telah disahkan dan disarankan untuk menegakkan tanggungjawab negara-negara ahli terhadap pemasaran

makanan yang mengandungi lemak, gula atau garam yang tinggi dan juga minuman tanpa alkohol. Kajian-kajian di luar negara telah menunjukkan bahawa pengawalan pemasaran makanan dan minuman adalah tindakan yang kos efektif dalam mengurangkan kadar *NCD (Noncommunicable diseases)* terutama sekali dalam kalangan kanak-kanak.

Dalam merangka dasar tersebut beberapa sesi dialog bersama agensi-agensi kerajaan dan swasta yang berkepentingan dalam mengawal pengiklanan makanan dan minuman di negara ini telah pun diadakan sejak tahun 2018. Pihak Kementerian Kesihatan juga telah berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat khusus mengenai perkara ini yang telah dianjurkan oleh pihak *WHO* pada tahun lepas dengan mengambil kira panduan serta saranan yang telah diberikan di samping itu juga mengambil iktibar dari pengalaman negara-negara ahli yang lain. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ**, hasil dari segala perbincangan tersebut. sebuah deraf '*Code of Responsible Advertisement of Food And Beverages to Children*' telah dihasilkan bagi kawalan pengiklanan makanan dan minuman tidak sihat kepada kanak-kanak di negara ini. Pada masa ini, deraf dokumen tersebut sedang diteliti dan dikemas kini melalui beberapa perbincangan bersama agensi-agensi yang relevan termasuk industri makanan dan pengiklanan sebelum ia disosialisasi dan dilaksanakan secara berfasa seperti mana yang disarankan oleh pihak *WHO*.

Deraf dokumen yang telah dikemas kini telah pun diteliti lagi dan diendos oleh pihak Kementerian Kesihatan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** ia akan dikongsikan dengan agensi-agensi kerajaan yang relevan dan akan diberigakan kepada pihak-pihak yang berkepentingan dan orang awam secara berfasa pada tahun ini.

Pada menjawab soalan kedua, setakat ini kajian mengenai pencukaian terhadap makanan secara amnya adalah terhad dan buktinya tidak diketahui disebabkan beberapa faktor yang kompleks termasuk definisi makanan segera.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kaedah pencukaian bagi makanan dan minuman tidak sihat yang telah disyorkan berdasarkan saranan pihak *WHO* dan juga pengalaman dari negara-negara lain seperti mana yang dihuraikan di bawah nanti.

Salah satu daripada kaedah pencukaian yang telah disyorkan ialah pencukaian minuman tinggi gula (*sugar sweetend beverages*).

Di Negara Brunei Darussalam cukai eksais terhadap minuman yang tinggi gula telah diperkenalkan di negara ini pada 1 April 2017 oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja iaitu sebanyak \$4.00 bagi setiap 100 liter minuman yang mengandungi 6 gram gula atau lebih bagi setiap 100ml. Kesan daripada dasar tersebut yang telah dikongsikan oleh pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah menunjukkan dari Tahun

2017/2018 ke Tahun Kewangan 2018/2019 bahawa jumlah pengimportan minuman tinggi gula menurun sebanyak 7.8%. Manakala pengimportan air botol meningkat 40% dan susu segar meningkat 11%. Data juga menunjukkan bahawa pengimportan minuman kurang gula iaitu minuman yang mengandungi kurang dari 6 gram pula meningkat 41%.

Respons daripada pengusaha-pengusaha minuman bergula juga pada amnya menunjukkan tren yang menggalakkan dengan mendapati bahawa para pengusaha minuman bergula telah mengurangkan kandungan gula dalam produk minuman mereka.

Menurut satu kaji selidik yang dijalankan di pasar-pasar raya penjualan yang tidak mengandungi gula ataupun kurang gula meningkat 50% dari tahun 2015 ke tahun 2019. Perubahan sedemikian sangat-sangat menggalakkan kerana ia menyumbang kepada persekitaran yang lebih kondusif bagi membuat pilihan minuman yang lebih sihat di Negara Brunei Darussalam.

Sebagai langkah seterusnya Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi II sedang membuat penelitian terhadap kategori-kategori makanan dan minuman bukan asasi yang tidak ataupun kurang mengandungi zat makanan bagi cadangan pencukaian. Perbincangan dan bengkel bersama pihak - pihak yang berkepentingan

(*Stakeholder Engagement*) telah dijalankan bagi tujuan penelitian kategori-kategori makanan dan minuman tersebut dengan menekankan dan mengambil kira implikasi terhadap kos pentadbiran pencukaian, ekonomi, perdagangan perusahaan mikro kecil dan sederhana dan kesejahteraan penduduk. Hasil perbincangan dan bengkel tersebut beberapa cadangan telah diusulkan untuk dipertimbangkan termasuk:

1. Mengenakan cukai eksais pada beberapa kategori makanan dan minuman bukan asasi yang mengandungi gula atau garam yang tinggi seperti sos, keropok, manisan (sirap) dan kordial seperti oren campur.
2. Memperuntukkan tempoh penangguhan ataupun (*grace period*) bagi memberikan peluang ataupun kesempatan kepada pengilang produk makanan dan minuman untuk membuat tindakan yang berpatutan seperti mengurangkan kandungan gula atau garam dalam produk makanan dan minuman.
3. Melaksanakan kempen media massa yang strategik bagi meningkatkan tahap kesedaran orang ramai mengenai makanan dan minuman tinggi gula dan garam.

Perbincangan dengan pihak-pihak yang berkepentingan akan diteruskan lagi bagi penelitian dan ketetapan kategori-

kategori makanan dan minuman yang bukan asasi yang tidak ataupun kurang mengandungi zat makanan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukup sekian kita membahaskan Soalan-Soalan Yang Diberi Notis dan soalan-soalan tersebut telah pun dijawab dengan panjang lebar secara lisan juga.

Pada ketika ini kita masih berhadapan dengan beberapa perkara yang penting yang perlu kita selesaikan. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis Mesyuarat Negara seterusnya akan meneliti Rang Undang - Undang (2020) perbekalan, 2020/2021 satu per satu yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka, bagi membolehkan perkara ini dibuat sedemikian, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat Bersidang Sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa

sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 satu per satu yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Persidangan yang kita adakan pada sebelah petang semalam telah meluluskan beberapa buah Tajuk SA01A hingga Tajuk SA07A. Jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kita masih ada beberapa buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang perlu diteliti dan diluluskan.

Walau bagaimanapun saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak dapat hadir atas urusan-urusan rasmi yang lain, maka saya ingin mencadangkan agar kita berubah, beralih Tajuk-Tajuk dari Jabatan Perdana Menteri kita tangguhkan dulu untuk kita berbincang dan berpindah ke Tajuk-Tajuk ke kementerian seterusnya.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Kementerian Pertahanan – Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Mesyuarat Jawatankuasa beralih kepada Kementerian Pertahanan - Tajuk SB01A dan SB04A. Saya difahamkan bahawa Kementerian Pertahanan pada kebiasaannya jua adalah sebuah kementerian yang tertutup kerana ia berkaitan langsung dengan hal-hwal strategik keselamatan negara dan

sangat sensitif dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Pertahanan II suka untuk membuat pendahulunya atau mukadimahya tentang penyediaan belanjawan bagi Kementerian Pertahanan. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pertahanan II.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati الله dan yang peramba kaola saya hormati.

Lebih dahulu izinkan kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk mengongsikan mukadimah kaola di bawah Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan 2020/2021 di Dewan yang mulia di pagi hari khamis pada bulan Rejab yang penuh keberkatan ini.

Dalam kesempatan ini, kaola bagi pihak Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan penuh hormat dan takzim bagi menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih

Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia penyediaan peruntukan sebanyak \$606,270,220.00 untuk perbelanjaan tahun kewangan kali ini. Jumlah tersebut meningkat sebanyak \$1,618,260.00 atau 0.27% daripada peruntukan yang telah diluluskan pada Tahun Kewangan 2019/2020 dan peningkatan sebanyak \$28,860,971.85 atau 5% daripada jumlah pada Tahun Kewangan 2018/2019.

Dalam menyahut sama tema belanjawan Tahun Kewangan 2020/2021, "Pelaburan Untuk Masa Depan" (*Investing In Our Future*). Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan terus komited bersepadu dan bersemangat memainkan peranannya dalam memelihara kedaulatan dan keamanan negara tercinta. Amanah yang dipertanggungjawabkan dan dipikul akan digalas dengan pendekatan yang lebih holistik bahkan cermat dalam menjalankan strategi-strategi pertahanan dan sentiasa siap siaga dalam memainkan peranan sebagai *supporting role* mahupun *leading role* yang penting dalam pelbagai isu pertahanan dan keselamatan. Pertahanan merupakan *public good* Yang memberikan manfaat di pelbagai peringkat dan dapat dirasakan oleh semua warganegara.

Bagi memenuhi peranan dan misi kementerian iaitu mempertahankan kedaulatan, keutuhan wilayah dan mendukung perlembagaan dan falsafah Melayu Islam Beraja, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sentiasa bersedia dan berkorban bagi memastikan sumbangan dalam aspek pertahanan dapat dibuat semaksimum mungkin. Dalam masa yang sama usaha - usaha untuk memperkasakan kapasiti negara dan rakyat dan terus diungkuhkan. Ini adalah penting bagi sama-sama menyumbang dan memastikan kestabilan dan kesejahteraan negara yang kita nikmati selama ini akan terus berkekalan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Wawasan Brunei 2035 negara juga akan dapat bersama kita jayakan.

Yang Berhormat Pengerusi keadaan geopolitik di luar negara pada kebelakangan ini terus dilihat tidak menentu seperti persaingan di antara kuasa-kuasa besar yang akan jadi faktor dalam membentuk kestabilan rantau Asia-Pasifik khususnya negara-negara Asia Tenggara. Akhir-akhir ini jua, kita sering mendengar frasa rantau Indo-Pasifik sering digunakan oleh sesetengah kuasa dunia. Di samping itu, cabaran-cabaran keselamatan bukan tradisional termasuk jenayah rentas sempadan, keganasan, keselamatan siber dan penyakit menular juga perlu diberikan perhatian dan ditangani dengan sewajarnya.

Cabaran-cabaran ini menimbulkan kemungkinan berlaku ketidakstabilan dan menggugat keselamatan tidak terkecuali di rantau ini dan justeru perlu difahami oleh semua pihak kerana ia banyak dan mudah berlaku tanpa disedari atau tanpa amaran.

Misalnya, isu perairan Laut China Selatan yang terlalu dekat dengan kita semakin kompleks, memerlukan kerjasama yang bersepadu dari negara-negara *ASEAN* dan antarabangsa untuk mencari jalan bagi mempertahankan kestabilan dan keamanan di rantau ini dan memastikan laluan utama perekonomian ini tidak akan terjejas.

Dalam masa yang sama, penyebaran wabak *Novel Coronavirus 2019 (COVID-19)* yang hangat kita bicarakan dan sedang ditangani telah meragut jiwa dalam bilangan yang besar di China, kini merebak keluar termasuk di negara kita, menyebabkan ketidakpastian kepada ekonomi antarabangsa. Gangguan kepada rangkaian bekalan serantau dan telah menjejaskan antaranya sektor pengangkutan udara dan pelancongan. Oleh kerana situasi geopolitik pada masa ini bersifat saling berkait iaitu *interconnected*, ternyata tidak ada negara yang dapat berfungsi secara berkesan tanpa menangani isu-isu yang kompleks secara kolektif.

Dalam mukadimah kaola kali ini, kaola tidak akan banyak mengulangi ucapan kaola pada musim permesyuaratan yang lalu kecuali yang masih relevan. Ahli-

Ahli Yang Berhormat juga atas beberapa sebab tertentu, tidak berkesempatan memenuhi undangan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi Sesi Muzakarah sebelum Musim Pemesyuarat Keenam Belas ini.

Dalam menangani cabaran-cabaran keselamatan yang sedang berlaku, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan sentiasa terus memberikan tumpuan kepada 3 tonggak utama iaitu:

1. Keupayaan Cegah Rintang dan Respons (*deterrence*);
2. Diplomasi Pertahanan; dan
3. Pertahanan Holistik.

Yang Berhormat Pengerusi. Bagi memastikan tonggak utama Keupayaan Mencegah Rintang dan Respons berfungsi dengan baik dari segi kapasiti dan kemampuan, Kementerian Pertahanan sentiasa memberikan perhatian khusus kepada keupayaan pertahanan dan persenjataan serta latihan-latihan yang diperlukan. Keupayaan dan persenjataan untuk mengekalkan kesediaan dan kesiapsiagaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei tidak boleh dipandang ringan. Tonggak pertama ini merupakan pasak benteng pertahanan negara yang membawa kepada keyakinan dan kesejahteraan penduduk untuk hidup dalam suasana aman damai dan harmoni. Negara yang aman damai

adalah negara yang akan terus makmur membangun.

Kementerian Pertahanan berusaha untuk memastikan pelan perkembangan dapat direalisasikan bagi melengkapkan kesiapsiagaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam mengatasi ancaman-ancaman global dan serantau yang dinamik, pantas dan merentas sempadan. Oleh yang demikian, pemerolehan aset pertahanan dan persenjataan bagi mengurangkan jurang keupayaan mahupun juga keupayaan baharu diperlukan untuk memenuhi tugas dan tanggungjawab semasa.

Dengan adanya keupayaan tersebut, ruang dan sempadan darat maritim dan udara negara kita akan terus dapat dijaga daripada sebarang aktiviti pencerobohan atau anasir negatif iaitu melalui perondaan dan keberadaan pasukan secara konsisten. Tidak diragukan lagi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) memegang peranan utama dalam hal ini.

Sebagai sebuah negara maritim, Negara Brunei Darussalam mempunyai sempadan laut yang panjang dan luas. Keluasan perairan negara adalah jauh melebihi jumlah kawasan daratnya. **اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ** dengan kurnia rahmat dan nikmat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** jua, kawasan perairan kita ini juga kaya dengan sumber alam seperti perikanan dan bahan galian hidrokarbon menjadikan ianya lebih strategik dan mesti dijaga dan awasi pada setiap masa.

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), sebagai benteng pertahanan negara untuk melindungi dan mengekalkan kekayaan sumber alam yang ada di perairan negara kita daripada sebarang ancaman maritim melalui keupayaan cegah rintang laut yang teguh dan jitu.

Ia diusahakan melalui pemerolehan kapal-kapal peronda Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan juga penyediaan pemeliharaan dan sistem dukungan bagi memastikan ketersediaan yang optimum untuk menangani anasir-anasir asing termasuk kegiatan lanun, aktiviti penangkapan ikan secara tidak sah iaitu *illegal, unreported and unregulated fishing* serta menjamin keselamatan pelantar-pelantar minyak.

Pemerolehan keupayaan ini tidak dijalankan secara berasingan ataupun secara *in silo*. Sebagai contoh, seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebelum ini, perkhidmatan pemeliharaan dan pembaikan bagi armada Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) diusahakan melalui *Syarikat Muara Maritime Services Sdn Bhd* iaitu satu usaha *joint venture* antara *Darussalam Assets Sdn Bhd* dan *Lürssen Internaval GmbH* dari Jerman. Usaha dan pendekatan baharu ini akan menjamin keupayaan dan kesiapsiagaan dalam jangka masa panjang bagi

Armada Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) untuk mempertahankan kedaulatan maritim dan keutuhan wilayah Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, program-program pemerolehan yang lain seperti pemerolehan Bot Tempur KH-27 Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) juga dihasratkan untuk menandai peranan dan tanggungjawabnya terhadap keselamatan persekitaran perairan sungai-sungai di Negara Brunei Darussalam. Kesemua ini adalah usaha berterusan untuk meningkatkan keupayaan dan kapasiti Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Kementerian Pertahanan juga sedang berusaha dalam waktu yang terdekat ini untuk menjayakan pemerolehan keupayaan *Unmanned Aerial System (UAS)* yang bertujuan memenuhi keperluan keupayaan pertahanan dalam bidang perisikan, pengawasan dan peninjauan (*Intelligence, Surveillance and Reconnaissance*) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Inisiatif-inisiatif ini antara lain telah menyumbang secara signifikan kepada peningkatan Keupayaan Cegah Rintang dan Respons, ketersediaan dan kesiapsiagaan anggota, aset dan prasarana tentera yang diwujudkan ke tahap *operational readiness* yang lebih perkasa dan tempoh masa respons yang semakin pantas dari setahun ke setahun. Tahun lalu, antara lain kaola juga menghuraikan dinamik dan

kepentingan Teluk Brunei telah berubah dengan pembangunan pesat di persekitarannya termasuk terbinanya tempat-tempat utama atau *key points* negara yang perlu dikawal atau dipantau seperti terbinanya Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong yang perlu diakwal atau dipantau.

Di arena siber pula, Kementerian Pertahanan mengambil serius terhadap ancaman-ancaman siber yang berniat jahat dengan menubuhkan sebuah Unit Pertahanan Siber (*Cyber Defence Unit*) khas bagi menangani ancaman baharu. Kerjasama dan perkongsian maklumat dengan negara-negara sahabat juga dijalinan dan dikukuhkan melalui latihan bersama terutamanya dengan adanya *ASEAN Defence Ministers Meeting (ADMM) Plus Expert Working Group on Cyber Security*.

Walaupun demikian, keupayaan cegah rintang dan respons tidak boleh beroperasi semata-mata dengan aset pertahanan dan persenjataan. Sebahagian besar daripada keupayaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) adalah hasil daripada keberkesanan latihan - latihan ketenteraan. Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mempunyai insitituti-institusi dan akademi latihannya sendiri untuk menjalankan latihan-latihan serta kursus-kursus yang diperlukan bagi melahirkan dan memahirkan para anggotanya serta turut dihadiri oleh anggota dan agensi

kerajaan yang lain dan juga angkatan tentera-tentera negara sahabat sebagai salah satu usaha mengukuhkan diplomasi pertahanan.

Keperluan sumber tenaga manusia yang berwibawa dan terlatih juga merupakan satu *Key Performance Indicator (KPI)* Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang penting. Antara institusi latihan yang dibangunkan ialah Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah berjaya melahirkan pegawai-pegawai tentera yang dilengkapi dengan kepakaran dalam *military leadership, command and management* di samping memiliki daya pemikiran dan kepimpinan. Semenjak satu dekad penubuhannya, Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** telah berjaya melahirkan produk dalaman harapan seramai 523 pegawai tentera yang bertauliah.

Di samping itu, Kementerian Pertahanan telah pun membangun Pejabat Pengambilan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang baharu iaitu sebuah pusat dan pemudah cara bagi kesemua pendaftaran dan pengambilan pegawai-pegawai kadet dan rekrut-rekrut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Pejabat ini bertanggungjawab dalam mentadbir proses pemilihan dan pengambilan bakal-bakal anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) seperti pengambilan bakal-bakal pegawai dan lain-lain peringkat. Pejabat ini juga

akan menjadi sebuah *one stop hub* dengan proses pengambilannya dijalankan secara lebih bersepadu dan menyeluruh.

Tumpuan terhadap latihan ketenteraan ini telah membolehkan anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk membuktikan kemahiran dan kemampuan mereka. Buat julung kalinya Rejimen Pasukan Khas (RPK) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah menjadi juara dalam *11th Annual Warrior Competition 2019* di Jordan. Pertandingan ini merupakan landasan bagi semua pasukan elit tentera di dunia untuk bersaing secara harmoni dan profesional sambil dapat bertukar-tukar pengetahuan dan pengalaman. Ia juga bermatlamat untuk memupuk semangat kerjasama antarabangsa di samping mengekalkan hubungan persaudaraan serta meningkatkan kefahaman dalam bidang operasi khas dan menentang penganas iaitu *Counter Terrorism*.

Inisiatif-inisiatif yang dibuat oleh kementerian ini akan terus dioptimumkan bagi memastikan sumber daya pertahanan akan sentiasa dalam keadaan bersedia, boleh diatur gerak dan dapat dikerah pada bila-bila masa. Kesemua ini bukan sahaja untuk menangani konflik konvensional tetapi juga untuk melaksanakan tugas-tugas lain seperti operasi mencari dan menyelamatkan, bantuan bencana dan kemanusiaan serta penglibatan dalam misi-misi luar negara yang menyumbang kepada kestabilan dan keamanan sejagat di samping dapat menaikkan

kredibiliti profil dan imej Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Yang Berhormat Pengerusi. Meskipun Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang kecil, tonggak kedua iaitu Diplomasi Pertahanan Secara Dua Hala dan Pelbagai Hala akan membolehkan peranan dan pengaruh negara kita dapat diperluaskan di peringkat antarabangsa. Tonggak ini dicapai dalam melaksanakan jalinan hubungan pertahanan yang kuat dan mesra secara aktif bersama negara-negara sahabat ke arah memupuk kefahaman, keyakinan dan ketelusan antara satu dengan yang lain.

Sehingga kini, Kementerian Pertahanan telah menandatangani pelbagai memorandum persefahaman dalam bidang kerjasama pertahanan, teknologi dan ketenteraan bersama 18 buah negara di dunia. Ini adalah satu pengiktirafan atas kredibiliti kementerian ini di peringkat serantau dan antarabangsa.

Dalam aspek keselamatan serantau, Kementerian Pertahanan terus aktif dan komited dengan *ASEAN Defence Ministers Meeting (ADMM)* dan mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan dengannya. Menerusi mekanisme dan landasan ini, ia telah berjaya membina kepercayaan antara angkatan-angkatan tentera dan negara-negara sahabat serta mempertahankan dasar luar Negara Brunei Darussalam yang berkecuali dan tidak mencampuri hal-ehwal dalaman negara lain.

Baru-baru ini semasa *ASEAN Defence Ministers Meeting (ADMM) Retreat* di Viet Nam pada 19 Februari 2020 lalu yang kaola hadiri, Menteri-menteri Pertahanan *ASEAN* telah mengeluarkan kenyataan bersama antara lain mengenai kerjasama pertahanan melawan penyakit berjangkit yang menekankan solidariti *ASEAN Defence Ministers Meeting (ADMM)* dan semangat komuniti yang sepadu dan responsif dalam menangani wabak *Novel Corona Virus 2019 (COVID 19)*.

Di masa lalu Kementerian Pertahanan juga telah membuktikan kemampuan untuk memikul dan melaksanakan dengan jayanya peranan sebagai Pengerusi Bersama bagi *ADMM Plus Expert Working Group on Maritime Security* pada tahun 2014 hingga 2017; Pengendalian mesyuarat *ASEAN Air Chiefs Conference* pada 2019; hos kepada dua latihan besar iaitu *ADMM Plus HADR Maritime Security Exercise* pada tahun 2013; dan *ADMM Plus Maritime Security / Counter Terrorism Exercise* pada tahun 2016.

Tahun ini, Negara Brunei Darussalam sekali lagi mendapat sokongan dan kepercayaan untuk menjadi pengerusi bersama bagi *ASEAN ADMM Plus Expert Working Group* iaitu dalam bidang *Military Medicine* atau Perubatan Ketenteraan bersama Australia selama 3 tahun iaitu sehingga tahun 2023. Di peringkat awal, ini sudah terpanggil untuk melaksanakan sesuatu yang positif demi menyahut seruan

kenyataan bersama *ADMM Militrade* di Hanoi yang kaola nyatakan di atas tadi.

Kerjasama erat di antara Negara Brunei Darussalam dan Australia dalam bidang pertahanan setentunya akan dapat menambaheratkan lagi hubungan dua hala yang baik antara kedua buah negara selama ini dan hanya beberapa hari yang lalu Tentera Laut Diraja Brunei telah juga menghoskan lawatan kapal selam *HMAS dechaineux* dari Australia yang merupakan kapal selam yang buat pertama kali membuat lawatan dan memasuki perairan Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya lawatan-lawatan dan kunjungan-kunjungan hormat dan muhibah antara pegawai-pegawai kanan seperti pemerintah-pemerintah angkatan tentera juga sering diadakan untuk berkongsi pendapat dan maklumat serta untuk mempertingkatkan daya usaha dalam *confidence building*. Ini termasuk penglibatan aktif dalam pertukaran perisikan di peringkat serantau seperti *Asia Pacific Intelligence Chief Conference (APICC)* dan *Asian Military Intelligence Informal Meeting (AMIIM)*.

Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei terus diberikan kepercayaan bagi menyertai Pasukan Pemantau Antarabangsa atau *International Monitoring Team (IMT)* di Mindanao Republik Filipina yang memasuki 16 tahun penglibatan pada tahun ini.

Pada hari Jumaat, 28 Februari 2020 yang lalu, team baharu *Independent Decommissioning Body (IDB)* dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei baru sahaja berlepas ke Mindanao Selatan Filipina bagi meneruskan usaha pelucutan dan pemusnahan senjata-senjata pihak-pihak yang bertikai di dalam proses damai.

Selain itu, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga terlibat selama lebih satu dekad sejak tahun 2008 dalam Misi Pengamanan *United Nation Interim Force in Lebanon (UNIFIL)*. Ini diikuti dengan penempatan berterusan pegawai-pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebagai *International Liaison Officer (ILO)* di *International Fusion Centre* dan *Regional HADR Coordination Centre* di Republik Singapura dan *Common Watch Captain* di *Combine Taskforce 151*, di Teluk Aden.

Sebagai sebahagian usaha dalam menjayakan dan memperluaskan diplomasi pertahanan, kapal-kapal Tentera Laut Diraja Brunei telah membuat pelayaran jarak jauh ke negara-negara serantau dan antarabangsa serta terlibat dalam eksesais-eksesais yang membolehkan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengukuhkan dan mempertahankan hubungan strategik yang mantap bersama negara-negara sahabat lain di samping mengekalkan tahap operasi (*operational capability*) dan *interoperability* yang tinggi.

Antara penyertaan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei adalah seperti berikut:

- i. Pada tahun 2014 kapal-kapal Tentera Laut iaitu KDB DARUSSALAM dan KDB DARULAMAN telah membuat pelayaran jarak jauh ke Hawaii, Amerika Syarikat buat pertama kalinya. Untuk menyertai Eksesais *Maritim Antarabangsa* terbesar di dunia iaitu *Rim of the Pacific Exercise (RIMPAC)*. إِنْ شَاءَ اللهُ pada tahun ini Tentera Laut Diraja Brunei akan sekali lagi ikut serta dalam siri eksesais tersebut. Selain itu, TLDB juga menyertai *ASEAN United State Maritime Exercise* yang julung kali diadakan dan *South East Asia Cooperation and Training (SEACAT)* bersama Tentera Laut Amerika Syarikat dan Tentera Laut angkatan sahabat yang dilaksanakan pada setiap tahun;
- ii. Pada tahun 2017, KDB DARUTTAKWA telah menyertai *International Fleet Review* dan *1st ASEAN Multilateral Naval Exercise* yang dihoskan oleh Negara Thailand;
- iii. Manakala pada tahun 2018, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah menghantar kapal yang sama bagi menyertai *International Fleet Review* bersempena sambutan ke-70 tahun penubuhan Angkatan Bersenjata Republik Korea (70th Anniversary of Republic of Korean Armed Forces) dan *Western Pacific Naval Symposium (WPNS)* di kepulauan Jeju Republik Korea;

- iv. Sementara pada tahun lepas (2019), kapal KDB DARUTTAKWA juga telah menyertai *ASEAN-China Maritime Exercise (ACMEX)* latihan yang kali pertama diadakan dan ikut serta di dalam *Multinational Naval Activities* bagi memperingati Hari Ulang Tahun penubuhan Tentera Laut *Peoples Revolution Liberation Army* Republik Rakyat China yang ke-70 tahun. Dengan penyertaan dalam *International Fleet Review* bertempat di Qiagdao, Republik Rakyat China;
- v. Pada tahun 2019 juga, KDB DARUTTAKWA telah buat pertama kalinya membuat lawatan muhibah ke Republik Kesatuan Myanmar dan sekali gus menyertai Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa di Langkawi (LIMA 19);
- vi. Inisiatif negara bagi penubuhan *ASEAN Direct Communication Infrastructure (ADI)* semasa Negara Brunei Darussalam menjadi pengerusi *ASEAN Summit* pada tahun 2013 bertujuan untuk mewujudkan hubungan yang lebih erat dan kuat antara negara-negara *ASEAN* dan kini diperpanjangkan kepada negara-negara lain bagi menangani cabaran-cabaran keselamatan serantau dengan cara yang terbuka, telus dan inklusif; dan
- vii. Selain komitmen di peringkat tertinggi, Kementerian Pertahanan juga akan terus melaksanakan dan

menyertai aktiviti-aktiviti di bawah Memorandum Persefahaman dan Kesepakatan dua hala seperti mesyuarat-mesyuarat, *Join Defence Working Committee (JDWC)*, latihan-latihan tentera, mesyuarat-mesyuarat pertukaran perisikan, pertukaran lawatan anggota-anggota dan lawatan-lawatan kapal tentera.

Yang Berhormat Pengerusi. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**
Kementerian Pertahanan juga telah menghulurkan sumbangan bantuan kepada negara-negara jiran yang dilanda bencana alam misalnya bantuan kemanusiaan kepada mangsa Taufan Haiyan di Tacloban, Republik Filipina pada tahun 2013 dan kepada mangsa di Nepal yang dilanda gempa bumi pada tahun 2015.

Pada bulan Julai 2018 yang lalu, Kementerian Pertahanan juga mengungkayahkan sumbangan bantuan kemanusiaan Negara Brunei Darussalam bagi Hospital Medan Kerajaan Malaysia untuk mangsa pelarian Rohingya di Cox Bazaar, Bangladesh.

Usaha-usaha bantuan kemanusiaan ini adalah sebahagian daripada sumbangan negara kepada masyarakat antarabangsa selaras dengan penekanan yang dinyatakan di dalam Kertas Putih Pertahanan. Ia dilakukan kerana manfaatnya yang cukup besar bukan sahaja bagi anggota yang terlibat dan imej Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sendiri malahan juga bagi negara dalam di bidang diplomasi pertahanan.

Secara kesimpulannya, manfaat dan kesan yang diperolehi melalui bantuan-bantuan tersebut jelas berlipat ganda walaupun secara tidak langsung dan tidak ketara namun impaknya terhadap imej negara adalah luar biasa. Seperti yang kaola huraikan misi mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara bagi tempoh jangka panjang memerlukan kerjasama yang berterusan daripada rakan-rakan serantau dan antarabangsa. Ianya merupakan suatu pelaburan yang berbaloi dan memberikan pulangan sangat bermanfaat *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Yang Berhormat Pengerusi. Tonggak ketiga iaitu Pertahanan Holistik melibatkan pelaksanaan strategi dan dasar di peringkat kebangsaan melalui pendekatan *whole of nation*. Antara penglibatan Kementerian Pertahanan bersama agensi-agensi kerajaan yang lain adalah melalui Jawatankuasa Keselamatan Negara (JKN) yang kaola juga mempengeruskannya dan jawatankuasa - jawatankuasa kerja di bawahnya. Selain daripada itu, Kementerian Pertahanan juga menghulurkan bantuan bagi tugas-tugas tertentu dalam bidang kesepakatan kepakaran khusus dan keupayaan aset seperti Pelupusan Bom, Mencari dan Menyelamat, Bantuan Kemanusiaan, Pengangkutan Udara iaitu *MEDIVAC (Medical Evacuation)* dan *CASEVAC (Casualty Evacuation)*.

Bagi mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memajukan hala tuju negara ke arah memanfaatkan teknologi semasa dalam era *Fourth Industrial Revolution (4IR)* dan era maklumat di hujung jari, Kementerian Pertahanan ini telah memanfaatkan kemudahan latihan yang bertaraf dunia iaitu melalui usaha *joint venture CAE Brunei Multi-Purpose Training Centre (MPTC)* yang telah beroperasi sejak tahun 2014. Pusat Latihan ini lengkap dengan *Full Flight Simulator* bagi keperluan latihan juruterbang-juruterbang Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dan merupakan salah satu kemudahan latihan simulator helikopter terbesar di rantau ini.

Di samping itu, Kementerian Pertahanan juga tidak ketinggalan dalam kemajuan sistem dan infrastruktur Teknologi Maklumat yang akan diperkenalkan dalam penerbitan Rangka Kerja Strategi Digital Pertahanan selaras dengan usaha kebangsaan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara *smart nation*.

Penyelidikan perkembangan dan inovasi dalam sains dan teknologi tidak dapat dinafikan memainkan peranan penting dan menjadi sebahagian daripada keutamaan mana-mana sektor kerajaan dan swasta. Kementerian Pertahanan juga tidak terkecuali dan sedang mengemas kini strategi-strategi kementerian yang berkaitan dengan bidang sains dan teknologi seperti Rangka Kerja Dasar Sains dan Teknologi

yang diterbitkan pada tahun 2016. Ia bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan pengetahuan warga kementerian dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengenai penggunaan sains dan teknologi dalam bidang pertahanan.

Pada bulan September 2019 yang lalu, kementerian ini telah menandatangani dua memorandum persefahaman (*Mou*) mengenai kerjasama Penyelidikan Inovasi dan Teknologi dengan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB). *MoUs* tersebut diharapkan akan dapat mempereratkan hubungan kerjasama dalam penyelidikan dan inovasi keupayaan pertahanan dan teknologi serta memperkembangkan kapasiti bersama kedua-dua institusi pengajian tinggi tempatan tersebut melalui pelancaran Komuniti Penyelidikan dan Teknologi Pertahanan.

Inisiatif ini juga akan dapat memberikan peluang kepada warga kementerian untuk bekerjasama dengan pakar-pakar tempatan, serta untuk membantu golongan belia yang berkemahiran dalam sains dan teknologi pertahanan untuk mendukung keperluan negara pada masa hadapan. Di penjurang yang lain juga, Universiti Brunei Darussalam juga adalah *training provider* bagi Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai isu pengambilan kerja, Kementerian

Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sedar bahawa terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dan rakyat jelata di Negara Brunei Darussalam selama ini. Ke arah itu, kementerian ini dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah mengambil serius aspek pengurusan dan perkembangan sumber tenaga manusia serta meneruskan dan mengekalkan pengambilan melalui 5 saluran asas:

- i. Pertama, melalui pengambilan pegawai-pegawai kadet (bakal pegawai) yang boleh mengambil maksimum seramai 100 orang setahun;
- ii. Kedua, melalui pengambilan rekrut-rekrut yang telah dipertingkatkan persyaratan pendidikan termasuk rekrut lelaki dan wanita secara keseluruhannya lebih daripada 450 orang setahun;
- iii. Seterusnya, melalui pengambilan skim perkhidmatan awam dengan seramai 70 orang pegawai dan kakitangan telah pun melapor diri pada tahun 2019;
- iv. Tambahan lagi melalui Program Biasiswa Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah pun menghasilkan seramai 105 orang *scholars* sejak diperkenalkan pada tahun 2005; dan

- v. Akhirnya, melalui pengambilan Skim Bahagian Pemeliharaan dan Kelengkapan Teknikal (BPKT) yang pada tahun ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan menawarkan sebanyak 65 jawatan berkontrak dalam bidang Kejuruteraan Teknologi Maklumat dan Penyelidikan.

Ini jelas menunjukkan bahawa Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei terus menawarkan dan memberikan banyak peluang pekerjaan khususnya kepada golongan belia yang belum bekerja dan yang memiliki berbagai-bagai jenis kelulusan dan kemahiran yang diperlukan. Jenis-jenis perjawatan di Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga akan ditambah dalam masa yang terdekat ini mengikut perkembangan dan keperluan kementerian ini.

Mengenai peri pentingnya pemeliharaan nilai-nilai kenegaraan dan jati diri, Kementerian Pertahanan juga turut berusaha bersama dengan beberapa kementerian dan institusi-institusi tertentu untuk terlibat sama menjayakan program-program dan aktiviti-aktiviti seperti Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang diterajui oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan aktiviti-aktiviti Pasukan-Pasukan Kadet Tentera bersama Kementerian Pendidikan di samping menentukan dan memantau kegiatan - kegiatan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei (ASMDB) dan

Persatuan Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PERWIRA).

Juga dititikberatkan ialah sumbangan pihak kementerian ini dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei terhadap kebajikan masyarakat melalui kempen bantuan kebajikan yang dihulurkan setiap tahun sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei melalui Projek Titian Amal yang lazimnya berbentuk pembinaan dan pembaikan prasarana dan kemudahan-kemudahan awam untuk kebajikan individu dan pihak yang memerlukan. Tahun ini beberapa projek amal juga akan dilaksanakan bersama Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

Yang Berhormat Pengerusi. Ketiga-tiga tonggak utama yang telah kaola kongsiikan sebentar tadi dilaksanakan secara bersepadu yang menitikberatkan strategi-strategi pertahanan dalam jangka masa panjang. Dengan ini sukacita kaola memaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan sedang menyediakan satu Kertas Putih Pertahanan (KPP) baharu atau kemas kini kepada Kertas Putih Pertahanan yang terdahulu yang menggariskan prinsip dan strategi pertahanan serta pelan pembangunan keupayaan terkini Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Ianya mustahak bagi memastikan dasar pertahanan negara dapat menangani cabaran semasa dan mendatang.

Kertas Putih Pertahanan ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan direalisasikan penerbitannya menjelang usia signifikan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang akan menyambut Jubli Intan enam puluh (60) tahun pada tahun hadapan dan juga bersempena dengan Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi *ASEAN* pada tahun 2021 itu.

Sejajar dengan namanya, Kertas Putih Pertahanan berfungsi meningkatkan ketelusan serta kefahaman masyarakat terhadap kepentingan pertahanan dan keselamatan negara sekali gus mengajak masyarakat untuk turut sama menggalas tanggungjawab mempertahankan negara daripada ancaman - ancaman keselamatan. Hakikatnya, kaola ulangi seperti yang lalu, isu keselamatan khususnya keselamatan negara adalah tanggungjawab bersama dan sesuatu yang tidak boleh dikompromi.

Kaola yakin bahawa Kertas Putih Pertahanan yang giat disiapkan akan membolehkan Kementerian Pertahanan untuk menghadapi cabaran kini dan mendatang dengan lebih fokus dan mampan membangun keupayaan, kepakaran dan kewibawaan angkatan bersenjatanya. Di samping itu juga, ia dapat merangka hala tuju peranan dan sumbangan Kementerian Pertahanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa secara lebih menyeluruh.

Yang Berhormat Yang Pengerusi. Keselamatan dan pembangunan berfungsi seiringan dan senada. Ini

bermakna pembangunan hanya akan dapat diraih jika keselamatan negara sentiasa terjamin dan juga sebaliknya. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ**, dengan kurnia rahmat dari **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan berkat daulat serta kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara kitani terus menikmati kedua-dua aspek utama ini dengannya pembangunan mampan negara dapat dilaksanakan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Tahun Baharu Masihi 2020 telah mengurniakan titah antara lain:

“Keamanan dan kesejahteraan sangat penting untuk pembangunan. Tanpa keamanan dan kesejahteraan, pembangunan pasti tergendala bahkan rancangan-rancangan atau usaha-usaha merealisasikan matlamat-matlamat wawasan juga akan terjejas. Di sinilah harga keamanan itu”.

Walau bagaimanapun, pada hakikatnya kita tidak boleh berpuas hati atau *complacent* dengan pencapaian-pencapaian yang telah kaola bentangkan. Konsep pertahanan menyeluruh juga merangkumi aspek kerohanian yang merupakan benteng dalaman yang perlu dimiliki oleh setiap anggota.

Kita menyedari tentangan terhadap anutan agama Islam dan penyelewengan amalan dan akidah dalam Islam untuk kepentingan individu-individu yang tidak bertanggungjawab juga adalah salah satu ancaman yang semakin ketara dan boleh menggugat kestabilan sesebuah negara.

Pemahaman tentang ilmu agama dan akidah akan sentiasa diperkukuhkan agar tidak mudah terpesong. Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (JAMAAT) dengan bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan kebangsaan terus berperanan ke arah ini. Penerapan amalan keagamaan unsur-unsur spiritual sentiasa diambil serius di dalam apa jua latihan, pembelajaran dan aktiviti yang dijalankan dalam memperkasa konsep falsafah Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir yang berpandukan kepada ajaran al-Quran dan as-Sunnah.

Yang Berhormat Pengerusi. Kesimpulannya kita tidak mempunyai pilihan lain selain untuk melaksanakan semua inisiatif pertahanan dan keselamatan yang telah dirancang kerana kita sekali-kali tidak akan rela menggadaikan keselamatan rakyat dan negara. Pertahanan negara hendaknya kukuh dan ampuh, tidak mudah diceroboh dan runtuh. Dengan penuh tawakal dan keyakinan, tanah air tercinta Negara Brunei Darussalam akan dipertahankan dan keselamatan rakyat dan penduduknya dijamin dari sebarang

pencerobohan anasir-anasir yang berbahaya. **لِلَّهِ الْحَمْدُ** sehingga kini, kegiatan-kegiatan pertahanan telah berjaya memastikan negara kita terlindung daripada ancaman konvensional. Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata akan terus menyasarkan pelaksanaan strategi sejajar dengan fokus-fokus pertahanan yang telah kaola huraikan yang akan dijiwai dengan pendekatan *whole of nation* agar semua pihak berkepentingan termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini akan berusaha sama mencapai matlamat pertahanan dan keselamatan negara yang sentiasa terjamin dan dinikmati oleh seluruh penduduk dan rakyat. Oleh yang demikian, pertahanan negara kekal menjadi keutamaan dalam strategi kebangsaan secara keseluruhan.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam kesempatan ini, izinkan kaola membawa abis Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk sama-sama memberikan penghargaan yang tinggi kepada semua anggota pertahanan dan keselamatan negara khususnya Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang sentiasa bersemangat penuh tawakal dalam pengabdian tulus mempertahankan kedaulatan negara, raja, agama dan bangsa serta keamanan negara. Semoga segala jasa bakti dan pengorbanan luhur mereka baik yang masih berkhidmat atau yang telah bersara dan yang pergi ke alam baka akan dikurniakan ganjaran pahala yang setimpal oleh **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى اللَّهُ** jua.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum mengakhiri mukadimah ini, seperti juga pesanan Yang Berhormat Yang Di-Pertua pada awal-awal tadi, seperti lazimnya kaola ingin menyatakan bahawa Peruntukan Kewangan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta jabatan-jabatannya tidak akan dibahaskan secara terbuka di Dewan yang mulia ini memandangkan ia boleh mendedahkan isu - isu keselamatan dan perihal pertahanan strategik dan negara yang disifatkan sensitif dan sulit.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sudahi dengan ucapan penghargaan setinggi-tingginya dan terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan II, yang telah menyampaikan mukadimah yang dibentangkan dengan cukup jelas dan sememangnya tidaklah lagi perlu kita bahaskan. Maka Tajuk ini sekarang saya undi, yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Semua Ahli bersetuju, maka Kementerian Pertahanan diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk Kementerian Pertahanan - Tajuk SB01A dan Tajuk SB04A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berpandangan ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dulu untuk kita berehat selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi membincangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 satu per satu. Sebentar tadi kita telah pun meluluskan Tajuk di bawah Kementerian Pertahanan-Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A dan sekarang kita akan berpindah ke Tajuk kementerian yang lain.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa beralih ke Tajuk seterusnya iaitu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Sebelum saya membicarakan Tajuk ini untuk dibahaskan, saya telah difahamkan bahawa Yang

Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II ingin untuk membentangkan mukadimahnya tentang asas dan dasar belanjawan kementerian yang berkenaan ini. Saya persilakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola ingin menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara, pada 14 Rejab 1441 bersamaan 9 Mac 2020.

Baginda telah menitahkan perkara-perkara strategik ke arah penambahbaikan dasar kerajaan bagi kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat terutamanya terhadap pertumbuhan ekonomi dan imbalan fiskal dalam jangka pendek dan panjang.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin juga merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II

dalam sama-sama menyediakan Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021. Kaola mengucapkan terima kasih atas pembentangan peruntukan bagi Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di bawah Tajuk SC01A - sebanyak \$113,904,600.00. Peruntukan tersebut membolehkan kementerian ini melaksanakan tugasnya bukan saja dalam menegakkan dasar luar Negara Brunei Darussalam, tetapi juga sebagai fasilitator dan penghubung diplomatik dan persahabatan bersama negara-negara lainnya.

Melalui pendekatan *whole of nation*, menerusi kerjasama kementerian-kementerian serta agensi-agensi yang berkenaan, kementerian ini akan terus memelihara dan memajukan kepentingan-kepentingan Negara Brunei Darussalam iaitu:

1. Menjamin kedaulatan raja;
2. Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara;
3. Mengekalkan identiti Negara Brunei Darussalam dari segi politik, kebudayaan dan agama; dan
4. Menggalakkan kedamaian, kestabilan dan kemakmuran serantau dan antarabangsa;

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam melaksanakan tugas dan tanggung-jawabnya, kementerian ini akan terus mengamalkan prinsip-prinsip yang

selaras dengan konsep falsafah negara Melayu Islam Beraja dengan mengamalkan berbaik-baik bersama semua negara, saling menghormati kesaksamaan semua negara iaitu *equality of all nations* serta tidak campur tangan dalam hal-ehwal negara-negara lain (*non interference policy*).

Dasar luar negara yang positif ini akan memastikan hubungan akrab dengan negara-negara lain terus terjaga dan imej baik Negara Brunei Darussalam terus terpelihara. Ini dilaksanakan melalui pendekatan secara dua hala dan pelbagai hala melalui pertukaran-pertukaran lawatan dan mesyuarat-mesyuarat serta juga bekerjasama dalam pertubuhan serantau mahupun antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam telah banyak beroleh manfaat melalui pendekatan ini baik dari segi memberi kefahaman mengenai adat dan tradisi kebruneian ataupun mengenai apa-apa kebimbangan Antarabangsa (*international concerns*) ke atas komitmen negara dalam melaksanakan perjanjian-perjanjian antarabangsa. Kita juga telah banyak menimba pengalaman, meningkatkan keupayaan dan kepakaran dalam pelbagai bidang serta juga menambah peluang-peluang perdagangan dan pelaburan. Ini tidak terhad kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sahaja bahkan dilartakan dan dimanfaatkan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Contohnya pembabitian agensi-agensi kerajaan yang berkaitan telah banyak mengambil manfaat dalam kerja-kerja dan program di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti *United Nations Environment Programme (UNEP)*, *WHO*, *WTO*, *World Bank*, *IMF*, *Commonwealth*, *APEC* dan juga *ASEM*.

Melalui *ASEAN* dan *ASEAN* bersama rakan-rakan dialognya juga, beberapa kerjasama dan dana telah ditubuhkan yang boleh memberi peluang mengadakan aktiviti bersama terutamanya dalam meningkatkan kefahaman, kesefahaman, keupayaan, kepakaran dan juga peluang-peluang ekonomi negara-negara ahli.

Yang Berhormat Pengerusi. Oleh yang demikian adalah amat penting bagi negara untuk terus mengukuhkan lagi hubungan diplomatik serta kerjasama dengan negara - negara sahabat bagi memastikan strategi dan pendapatan dasar luar negara kita dapat dijalankan dengan baik. Apatah lagi dalam dunia yang mengalami pergolakan geopolitik dan geoeonomi yang sangat tidak menentu pada masa ini seperti pertikaian pengeluaran minyak mentah, pertikaian perdagangan, penyakit *COVID-19*, perubahan iklim serta ancaman kepada terorisme dan keganasan ekstremisme. Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang kecil dan membangun, tidak dapat bersendiria dalam dunia yang sudah *connected* dan *globalised* ini.

لِلَّهِ الْحَمْدُ setakat ini negara telah menjalin hubungan diplomatik dengan 171 buah negara. Negara Brunei Darussalam juga akan terus berpegang kepada prinsip *multilateralism*, menyokong tujuan dan prinsip-prinsip *United Nations Charter* serta mematuhi undang-undang dan komitmen antarabangsa yang sudah kita sertai secara penuh.

Yang Berhormat Pengerusi. Pejabat-pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam yang bertempat di negara-negara asing memainkan peranan penting sebagai *point of contact* antara agensi-agensi di Negara Brunei Darussalam dan agensi-agensi di negara berkenaan. Ini dimaksudkan awal tadi, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri adalah pemudah cara ataupun fasilitator bagi kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dan rakan-rakan luar dalam pelbagai bidang seperti kerjasama ekonomi, perdagangan, pelaburan, pertahanan dan juga pendidikan.

Kementerian ini akan terus memberikan sokongan padu kepada agensi-agensi yang berkaitan dalam mencapai hasrat dan matlamat-matlamat yang telah ditetapkan dalam sama-sama mendukung Wawasan Brunei 2035 dengan pendekatan *whole of nation*.

Selain itu, kementerian ini melalui pejabat-pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara juga akan terus berusaha menyediakan perkhidmatan konsular dan membantu rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang berada di luar

negara jika sekiranya diperlukan. Bantuan seperti ini mencerminkan sikap prihatin dan pemeduliaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai contoh pada bulan Februari yang lalu Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Beijing Republik Rakyat China telah bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan untuk membawa balik dua orang rakyat Negara Brunei Darussalam yang berada di Bandar Wuhan, Wilayah Hubei yang menjadi *groundzero* wabak *Coronavirus* ataupun *COVID-19* dengan menggunakan sebuah pesawat *chartered* khas. Kaola ingin merakamkan berbilang - banyak terima kasih kepada agensi-agensi yang berkenaan atas kerjasama dan bantuan mahupun dari dalam negeri dan dari luar negeri.

Memandangkan wabak *COVID-19* yang diisytiharkan oleh *World Health Organisation* sebagai kecemasan global dan baru-baru ini iaitu semalam telah dinaiktarafkan jangkitan tersebut ke taraf pandemik. Kesemua Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam telah sedari awal dan sedang memantau perkembangan di negara-negara pejabat-pejabat perwakilan tersebut ditempatkan dan akan bekerjasama rapat dengan kementerian-kementerian yang berkenaan demi menjamin keselamatan warganegara kita yang berada di luar negara terutamanya penuntut-penuntut di negara berkenaan.

Dalam hubungan ini, kaola sekali lagi menyarankan kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang tinggal dan melancong untuk sentiasa mendaftar dalam sistem *e-Register* di laman web Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Ini akan memudahkan pihak perwakilan untuk berhubung dengan mereka sekiranya terjadi sebarang kecemasan di mana mereka berada. Tambahan pula dalam memastikan kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam yang berada di luar negara, kementerian ini menggalakkan rakyat dan penduduk tetap untuk mendapatkan insurans kesihatan atau perjalanan sebelum ke luar negeri. Ini merupakan salah satu sikap yang bertanggungjawab setiap individu apabila hendak ke luar negeri atas urusan peribadi.

Yang Berhormat Pengerusi. Negara Brunei Darussalam memberi keutamaan kepada keahlian dan kerjasamanya dalam *ASEAN* semenjak menjadi ahli pada tahun 1984 setelah mencapai sepenuhnya kemerdekaan. Sebagai satu pertubuhan yang menggalakkan perbincangan dan kerjasama serta mencapai keputusan secara konsensus antara ahli-ahlinya dan rakan-rakan serantau, *ASEAN* memainkan peranan penting dalam menjadikan rantau ini antara rantau yang paling stabil dan makmur.

Secara kolektif bersama negara ahli *ASEAN* yang lainnya Negara Brunei Darussalam boleh memainkan peranan yang lebih besar terhadap perkara-

perkara serantau dan antarabangsa yang secara bersendirian kita sudah tentu tidak mempunyai keupayaan ataupun suara besar seperti dalam isu perubahan iklim, perdagangan antarabangsa, serta juga terorisme dan bencana alam.

Negara Brunei Darussalam juga diberikan peluang untuk berinteraksi bersama negara-negara rakan dialog *ASEAN* dan seterusnya mendapat sokongan serta bantuan dari negara-negara organisasi berkenaan termasuk Amerika Syarikat, Republik Rakyat China, Republik India, Jepun, Korea, Australia, Kesatuan Eropah (EU), New Zealand dan Kanada.

Penyertaan dalam proses serantau dan antarabangsa tersebut sememangnya satu tanggungjawab yang besar dan dalam kita komited melaksanakannya kesemua ini dapat memberikan pendedahan positif kepada rakyat Negara Brunei Darussalam termasuklah para belia melalui program-program memperkasa belia seperti *ASEAN Youth Fellowship*, *ASEAN Youth Organisation* and *ASEAN Youth in Climate Action*.

Pada tahun hadapan Negara Brunei Darussalam akan sekali lagi mempengerusikan *ASEAN*. Dengan ini, kita akan dapat memperlihatkan lagi keupayaan kita dalam mengadakan mesyuarat yang bertaraf antarabangsa dengan berkesan. Kita seterusnya boleh mengambil peluang untuk mengeratkan hubungan dengan negara-negara anggota *ASEAN* dan rakan-rakan

dialognya untuk bekerjasama antara satu sama lain bagi mencapai matlamat bersama serta mempamerkan dan mempromosikan negara kita sebagai sebuah negara yang aman dan damai. Penduduknya hidup harmoni antara satu sama lain serta juga mempromosikan potensi sebagai destinasi pelaburan dan pelancongan. Ia juga akan memberikan peluang bagi rakyat dan orang ramai untuk memahami lebih lanjut dan menghargai apa ertinya menjadi sebahagian masyarakat *ASEAN (ASEAN Community)* yang tetap berorientasikan dan berpusat kepada kepentingan rakyat.

Dalam membuat persiapan *ASEAN 2021* ini, Jawatankuasa Kebangsaan ASEAN 2021 telah ditubuhkan sejak tahun lepas berserta juga jawatankuasa-jawatankuasa kerja berkenaan bagi memulakan persiapan-persiapan dari sudut substantif mahupun logistik dalam memastikan sidang-sidang kemuncak dan mesyuarat-mesyuarat dalam pelbagai peringkat yang akan diadakan di Negara Brunei Darussalam dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dengan adanya doa dan kerjasama dari kesemua pihak dan dengan usaha secara *whole of nation*, kita akan menguruskan *ASEAN* dengan jayanya.

Bagi mengakhiri mukadimah kaola ini, kaola berharap rang peruntukan bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri pada Tahun Kewangan 2020/2021 dapat diterima. Peruntukan tersebut

akan digunakan secara berhati-hati, telus, berhemah dan berjimat cermat bagi menampung kos perbelanjaan kementerian ini ke arah melaksanakan dasar-dasar yang kaola maklumkan tadi termasuk kesemua 43 buah pejabat-pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara.

Akhirnya kaola juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat lainnya.

Sekian, **وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللَّهِ وَبَرَكَاتِهِ**

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II atas penerangan yang dibentangkan itu tadi yang cukup jelas dan terperinci. Maka Tajuk ini sekarang saya buka untuk dibahaskan. Saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

dan salam **وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Saya suka untuk membawakan beberapa perkara dalam perbincangan

Tajuk SE01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** atas penerangan Yang Berhormat tadi dapat memberikan gambaran bagaimana fungsi-fungsi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. **اِنَّ شَاءَ اللّٰهُ** kaola akan membawa sedikit perkara.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ sekitar 171 negara diplomatik dan sekitar 36 negara bilateral dan beberapa buah negara multinasional. Salah satu forum antarabangsa yang Negara Brunei Darussalam sebagai ahlinya yang ditubuhkan sejak tahun 2002 iaitu *The ASIA Corporation Dialog (ACD)* yang dianggotai oleh 34 buah negara, betulkan kalau saya salah. *ACD* mengenal pasti 19 bidang kerjasama utama yang sebahagiannya seperti *energy, poverty, elevation, agriculture, transport, exchanges* dan lain-lain. Mudah dengan adanya keahlian Negara Brunei Darussalam dalam forum ini akan mendatangkan manfaat kepada negara dan rakyat. Sejauh ini apakah manfaat-manfaat sudah diperolehi? Berapa jumlah rakyat Brunei telah mendapat *scholarship* dan *grant learning opportunities abroad* melalui *ACD*?

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ seperti hujah-hujah Yang Berhormat tadi telah disebutkan bantuan-bantuan kementerian di luar negara, walau bagaimanapun kaola ingin tahu bagaimanakah peraturan atau prosedur pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri menghulurkan bantuan kepada rakyat Brunei jika menghadapi kesusahan sama ada kesulitan kewangan atas sebab - sebab

tertentu seperti musibah kecurian atau apa jua atau berkenaan kesihatan seperti mana yang telah disebutkan tadi.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ masa kini orang kitani sudah mempunyai kesedaran yang tinggi untuk mengambil insurans perjalanan, mudah-mudahan perjalanan rakyat kita di luar negeri akan sentiasa mendapat lindungan **اللّٰهُ** dan perhatian daripada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Masih kedengaran terdapat di negara-negara antarabangsa kurangnya pengenalan dan pengetahuan tentang Negara Brunei Darussalam. Disarankan supaya Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri lebih proaktif dalam memperkenalkan secara berterusan Negara Brunei Darussalam di persada antarabangsa dengan membuat pameran-pameran kebudayaan dan lain-lain seperti mana negara kita juga sering menerima pameran dari negara-negara sahabat contohnya pameran kebudayaan, pameran - pameran diadakan di muzium-muzium kita di samping yang sedia ada melalui media massa, memberikan pengetahuan dan menarik minat dunia antarabangsa dalam jangka panjang dalam industri pelancongan.

Bagi mengakhiri hujah kaola pagi ini, kaola mohon izin kerjasama pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bagi kaola untuk "bedudun" ke kementerian Yang Berhormat bagi mengutarakan isu-isu yang tidak dapat dibawa dalam Dewan yang mulia ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih atas hujah daripada Yang Berhormat. Ada beberapa perkara yang kaola dapat ambil perhatian. Satu antaranya mengenai *ASIA Corporation Dialog*. *ASIA Corporation Dialog* ditubuhkan pada tahun 1990-an khususnya bagi merapatkan lagi hubungan antara *ASEAN* bersama *Northeast Asean*, *South Asean Continent* dan juga sebahagian

daripada timur tengah. *Corporation* dibawah *ACD* ini sangat digelar in English "*loose*", kalau Melayu "longgar" mungkin kurang tepat. Jadinya, kerjasama-kerjasama yang diadakan menerusi *ASIA Corporation Dialog* adalah *lead by champion*, sekiranya ada yang merasakan mereka mempunyai *advantage* ataupun *expertise* dalam sesuatu bidang.

Dalam pada itu, dari segi komitmen ia adalah *voluntary step by step* dan progresif. Pada masa ini, kementerian merasakan kerjasama *ACD* masih lagi pada tahap awal yang perlu ditangani dan dimata-matai secara berterusan. Bukan seperti kerjasama yang diadakan di bawah *ASEAN* ataupun *APEC (ASIA Pacific Economic Corporation)* atau pun di bawah *ASEM (ASIA Europe Meeting)* dan seterusnya.

Dari segi *scholarship* yang diterima ataupun bantuan-bantuan, data tersebut berkurangan tetapi sekiranya Yang Berhormat Pengerusi membenarkan, kaola akan mendapatkan

maklumat-maklumat tersebut dan menyampaikan kemudian.

Dari segi bantuan yang dihulurkan oleh *mission* ataupun pejabat-pejabat Negara Brunei Darussalam di negara-negara luar, memang itu adalah satu *term of reference* bagi *mission* tersebut khususnya dalam memberikan *consular assistant* ataupun bantuan konsular. Ini adalah bagi mempermudah rakyat-rakyat Brunei sekiranya dalam kesusahan ataupun *emergencies*.

Walau bagaimanapun, seperti mana yang kaola nyatakan dalam mukadimah tadi adalah digalakkan semua yang ingin ke luar negeri atas urusan peribadi, mendapatkan insurans bagi memudahkan juga mereka sendiri sekiranya kehilangan kewangan, jatuh sakit ataupun sebagainya.

Mengenai kefahaman ataupun pengetahuan tentang Negara Brunei Darussalam memang secara berterusan. Dengan adanya 43 *mission* mempromosikan Brunei kepada dunia semasa mengadakan hari-hari kebesaran ataupun hari-hari utama seperti *National Day* ataupun kadang-kadang hari raya secara persendirian.

Memanglah tugas Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri memberi kefahaman tersebut seperti tahun lepas, Negara Brunei Darussalam pun menjadi *well-known* akibat isu-isu dalaman yang disalahfahamkan dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri terus melaksanakan, usaha-usaha memberikan kefahaman

lebih lanjut mengenai tatacara tradisi, agama dan kehidupan kebruneian kita. Akhirnya Yang Berhormat Pengerusi, kaola sangat-sangat menyambut baik niat untuk "berdudun" ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, cuma kaola juga *extend the invitation to all* Yang Berhormat sekiranya mereka juga dapat datang bersama supaya penerangan yang lebih terperinci dan spesifik dapat kaola berikan. Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat atas mukadimah tadi. Saya ada 3 soalan:-

1. Adakah terdapat sebarang pencapaian bagi Pejabat Perwakilan Negara Brunei di luar negeri dalam membantu mempromosikan produk-produk dan juga perkhidmatan *services* tempatan bagi membantu meningkatkan imej Brunei di arena antarabangsa?;
2. Di bawah Rancangan Kemajuan Negara, pengurusan pejabat perwakilan luar negeri ada beberapa buah projek bangunan awam yang sedang dijalankan. Adakah terdapat

penglibatan ataupun pendedahan syarikat-syarikat tempatan dalam menyediakan perkhidmatan seperti penyediaan kontrak, pengurusan projek, *input* dari segi reka bina, reka bentuk dan sebagainya?; dan

3. Kutipan hasil daripada penyewaan Pusat Persidangan Antarabangsa selalu menunjukkan hasil yang positif seperti pada tahun 2018/2019, kutipan hasil kerajaan adalah sebanyak \$721,347.52. Akan tetapi pada tahun 2020/2022, sasaran kutipan hasil menurun sebanyak \$75,000.00 sahaja. Walaupun Brunei menjadi tuan rumah *ASEAN* pada tahun 2021,
4. bukankah kutipan hasil dari penyewaan dewan tersebut masih diterima dari kementerian-kementerian yang mengadakan mesyuarat-mesyuarat secara *JV*.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan-pertanyaan tersebut. Dari segi menjawabnya, Yang Berhormat Pengerusi, kaola akan *do it in reverse*. Pada Tahun 2020/2022, dianggarkan pendapatan ataupun kutipan dan hasil daripada Pusat Persidangan Antarabangsa menurun. Ini mengambil kira bukan sahaja penggunaan *ICC* pada tahun tersebut akan disekat penggunaannya disebabkan oleh persediaan-persediaan

yang perlu diadakan, satu antaranya adalah persediaan bagi mesyuarat-mesyuarat peringkat Menteri-Menteri *ASEAN* khususnya Menteri-Menteri *Social Cultural*, Menteri-Menteri Ekonomi dan Perdagangan dan Menteri-Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Keselamatan.

Walau bagaimanapun, dalam mempersiapkan *ICC* bagi mesyuarat-mesyuarat tersebut beberapa kerja-kerja pengubahsuaian akan diambil bagi dilaksanakan dan ini mengambil jangka masa yang panjang supaya persediaan-persediaan tersebut adalah teratur.

Pada menjawab soalan yang menyatakan kalau kementerian-kementerian tersebut meminjamnya mereka akan membayar dari bajet kementerian-kementerian tersebut. Bagi *ASEAN SUMMIT*, ia kebiasaan kementerian - kementerian yang mengadakan *The Main Ministerial Meeting , that is the social cultural economical and foreign ministry* serta juga *The ASEAN Summit itself* semuanya adalah akan ditanggung oleh kerajaan dan *the cost of using the ICC* ataupun penggunaan *ICC* itu tidak akan diambil daripada kementerian-kementerian tersebut. Jadinya, itulah yang memberikan anggaran tersebut menunjukkan pengurangan.

Mengenai penglibatan pakar-pakar seperti arkitek ataupun seni bina dalam kontrak-kontrak pembinaan ataupun pengubahsuaian *mission* pejabat-pejabat di luar negara, kontrak-

kontrak tersebut memang ditawarkan kepada syarikat-syarikat tempatan untuk membuat reka bentuk dan juga keperluan-keperluan *architecture*nya dan ini Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan dalam membuat tawaran-tawaran tersebut.

Dari segi terdapat pencapaian, *missions* di luar negara terhadap menarik pelaburan dan meningkatkan perdagangan, memanglah usaha Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri menerusi *missions* tersebut sebagai wakil agensi-agensi kerajaan yang di Brunei seperti mana sekiranya kita mahu mengeksport barangan ke luar negeri, isu-isu untuk mengenal pasti apakah *standard requirement* ataupun *standardization requirement* negara tersebut selain dari itu juga sekiranya agensi-agensi ataupun *government companies* yang memerlukan bantuan untuk *approach* beberapa syarikat yang mereka rasakan berkepentingan maka *missions* tersebut akan membuat pejumpaan-pejumpaan tersebut sebagai perjumpaan awal.

Jadinya dari segi pencapaian menyatakan ia ada ataupun tidak barangkali bukan dalam *list mission* di luar negara cuma yang akan ada ialah beberapa perjumpaan ataupun lawatan yang dibuat kepada negara tersebut ataupun kepada Negara Brunei Darussalam, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ, kaola ingin menyampaikan cadangan secara ringkas. Dicadangkan supaya pihak kedutaan atau pejabat perwakilan di luar negara memaparkan atau memberigakan usaha-usaha, kegiatan-kegiatan atau ucapan-ucapan dengan memuat turun dan mengemaskinikan laman *web* mereka sebagai salah satu wadah maklumat yang lebih berkesan kepada orang awam bagi menjadikan mereka akan lebih peka dengan tugas dan fungsi kedutaan dan perwakilan. Lebih-lebih lagi ia akan lebih berguna kepada masyarakat negara luar seperti ahli urus niaga yang ingin mengetahui mengenai latar belakang Negara Brunei Darussalam dan mencari peluang-peluang ekonomi yang ada atau menarik minat pelancong-pelancong asing serta maklumat mengenai pendirian Negara Brunei Darussalam terhadap beberapa isu global semasa.

Yang Berhormat Pengerusi sebagaimana seruan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II mengenai perkhidmatan *e-Register*, kaola menyambut baik seruan agar semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang akan membuat perjalanan ke negeri bagi mengetahui

tujuan keberadaan di mana kitani berada semasa di luar negeri.

Hanya kaola ingin menambah sedikit apakah langkah yang diambil seterusnya oleh pihak kementerian atau kedutaan selepas pendaftaran *e-Register* dibuat bagi menjamin kesejahteraan mereka semasa berada di negara itu dan adakah juga pendaftaran ini turut melibatkan pegawai-pegawai kerajaan yang menghadiri mana-mana seminar, mesyuarat atau jemputan di luar negeri? Sebagai satu cadangan kaola agar e-Pendaftaran ini dijadikan sebagai satu syarat atau peraturan bagi mana-mana individu yang ingin membuat perjalanan ke luar negara. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih Yang Berhormat. Kaola berterima kasih atas cadangan-cadangan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Khususnya dalam meningkatkan usaha-usaha menampilkan kegiatan-kegiatan dan peluang-peluang mengenai Negara Brunei Darussalam di luar negara. Memang pada masa ini setiap pejabat perwakilan bila mengadakan hari-hari kebesaran ataupun *national day event* akan terus mengambil peluang tersebut untuk mempamerkan bukan sahaja mengongsikan perdagangan, pelaburan tetapi juga mengenai pelancongan, tradisi dan *culture* di negara ini. Walau bagaimanapun, kaola akan memastikan usaha - usaha

tersebut untuk ditingkatkan lagi pada masa-masa akan datang dengan bekerjasama dengan lebih rapat dengan agensi-agensi kerajaan dan juga agensi-agensi bukan kerajaan.

Mengenai *e-Register* memanglah maklumat-maklumat yang diterima apabila seseorang individu membuat *registeronline* dikirakan sebagai *confidential* dan tidak disebar-siarkan atau tidak dikongsikan kepada sesiapa pun. *e-Register* ini adalah mustahak bagi pihak-pihak pejabat perwakilan untuk tahu di mana seorang individu itu berada sekiranya terjadi sebarang bencana alam ataupun apa-apa kecemasan supaya pihak pejabat perwakilan dapat terus menanganinya sekiranya mereka memerlukan bantuan daripada pejabat perwakilan.

Walau bagaimanapun ia juga dapat memberikan pejabat perwakilan berhubung terus dengan individu-individu tersebut untuk bertanya adakah mereka dalam keadaan selamat ataupun tidak sekiranya terjadi perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Cadangan bagi pegawai kerajaan juga untuk *e-Register* apabila menghadiri mesyuarat ataupun keluar negeri atas urusan rasmi pada masa ini memanglah perkara tersebut ini tidak dimestikan memandangkan memang sudah pihak-pihak kedutaan mengenal pasti perjalanan pegawai-pegawai tersebut memandangkan persediaan-persediaan pegawai-pegawai yang ke luar negeri

tersebut akan juga dibuat oleh pejabat-pejabat perwakilan. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dikaji selidik lagi dan sekiranya diperlukan akan dilaksanakan kemudian hari, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, kalau saya tidak silap soalan yang pertama itu berhubung dengan *webpage* pejabat-pejabat kitani di luar negeri menurut Yang Berhormat ini harus dikemaskinikan supaya dapat dilihat bukan sahaja kitani bahkan orang luar negeri juga.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kadang-kadang kalau beranak-anak, kaola selalu lupa soalnya yang awal itu sebab itu kaola selalu menjawab dari belakang. Mengenai *updating* ataupun mengemaskinikan *webpage* pejabat-pejabat perwakilan di luar negeri memang perkara ini terus menerus diadakan dan diteliti khususnya dari segi *standardization* maklumat yang perlu dikeluarkan dan maklumat yang spesifik kepada pejabat-pejabat perwakilan tersebut. Walau bagaimanapun, kaola akan meneliti perkara ini pada masa akan datang. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah memberi banyak cadangan tentang sistem *e-Register* dan kaola juga ingin memberi cadangan tambahan. Kaola berpendapat peranan kementerian terutama sekali pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri haruslah lebih proaktif dalam mendapatkan maklumat terkini melalui pejabat perwakilan luar negara di Negara Brunei Darussalam dengan lebih kerap. Terutama sekali bagi penuntut yang menyambung pelajaran di luar negara secara persendirian ataupun di bawah biasiswa dari luar negara mahupun mereka yang bekerja di luar negara. Selalunya mereka ini perlu memohon visa melalui perwakilan dari luar negara tersebut di Negara Brunei Darussalam sebelum bertolak tetapi tidak melapor kepada kementerian mungkin atas sebab terlepas pandang ataupun menganggap sudah diketahui.

Di samping itu, kaola berpendapat sistem *e-Register* tersebut boleh diperluaskan lagi sebagai contoh dengan menyimpan maklumat ataupun *QR Code* ataupun kiosk untuk mengisi maklumat mereka di lapangan terbang antarabangsa bagi mengingatkan orang ramai yang akan keluar negeri.

Biasanya, walaupun kita membaca dalam suratkhbar sudah akan belayar tidak lagi ingat. Jadi, ada baiknya kitani

lebih proaktif dengan mengingatkan juga orang ramai dan lebih aktif berhubung dengan pejabat-pejabat yang di dalam negeri ini. Sebab kita pun faham manusia ini kadang-kadang lupa, sudah *emergency* baru 'terkapai-kapai' untuk mencari *contact embassy* tersebut. Jadi dengan memastikan maklumat adalah terkini ia membolehkan Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri akan lebih bersedia apabila berlakunya kecemasan sebab biasanya sudah ada kecemasan baru hendak mencari orang-orang Brunei tersebut. Jadi sepatutnya lebih proaktif.

Apakah peranan pejabat perwakilan luar negeri dalam menganjurkan program diplomasi di negara-negara yang ditempatkan? Sebagai contoh dialog ataupun makan malam bersama pihak-pihak yang berkepentingan untuk menyambut hari antarabangsa seperti Hari Wanita Antarabangsa ataupun aktiviti bagi menyambut sebagai contoh Hari Hutan Antarabangsa.

Ini membukakan peluang bagi pertukaran maklumat, *networking* dan mampu menarik lebih ramai orang ke negara ini dan menyumbang kepada KDNK negara apabila lebih banyak perhatian yang positif diberikan dalam meneroka peluang yang ada di Negara Brunei Darussalam, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan dan

cadangan tersebut. Memang sistem *e-Register* pada masa ini yang diadakan belum boleh dikatakan sempurna. Kalau diteliti dari sistem-sistem *e-Register* di luar negara ada yang sudah mempunyai *apps* bukan saja kiosk dan dapat digunakan oleh individu tersebut semasa mereka di luar negeri menerusi *apps* yang dimuat turun. Walau bagaimanapun memang *e-Register* ini akan dipertingkatkan dan diperluaskan maklumat mengenainya.

Cadangan-cadangan Yang Berhormat itu tadi akan saya ambil maklum dan akan sampaikan kepada pihak konsular untuk meneliti semula cadangan - cadangan dan kesesuaian yang ada. Memang sekarang dengan adanya *Online Registration System* yang memudahkan kita, pendaftaran perlulah dibuat secara lebih mudah dan senang.

Peranan pejabat-pejabat perwakilan terhadap Program Diplomasia ataupun hari-hari tertentu seperti Hari Wanita Sedunia ataupun Hari Perhutanan. Tertakluk kepada kesesuaian dengan negara tersebut juga. Kita bukan saja membuat perjumpaan-perjumpaan ataupun mengundang perwakilan-perwakilan negara-negara lain dan juga daripada agensi-agensi kerajaan di negara-negara tersebut untuk menghadiri majlis-majlis tertentu secara rasmi dan tidak rasmi sebab kadang-kadang pihak kedutaan mempunyai inisiatifnya tersendiri juga untuk mengadakan perjumpaan-perjumpaan bersama pihak-pihak daripada

kementerian luar negara-negara tersebut ataupun dengan rakan-rakan mereka dari perwakilan-perwakilan negara lain.

Dari segi program-program ataupun majlis-majlis yang diadakan memang kementerian menggalakkan perwakilan-perwakilan untuk mengadakan tetapi tertakluk juga kepada kesesuaian dan yang paling penting peruntukan yang mencukupi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Seperti yang kita ketahui Brunei adalah ahli kepada beberapa perhimpunan seperti *United Nation General Assembly, Paris Agreement, ASEAN Summit* serta beberapa perhimpunan organisasi besar yang lainnya sertatelah dikongsikan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri mengenai penglibatan belia kitani di platform seperti *ASEAN Youth Action* dan *ASEAN Youth and Climate Action*, terima kasih.

Soalan saya ialah:-

1. Apakah kesinambungan dari tahap penglibatan belia di dalam *foreign* polisi kitani atau dasar luar negara ini?; dan
2. Adakah peruntukan khas yang diberikan dalam perkara ini termasuk penglibatan dalam program-program yang disebutkan tadi?

Sebagai pemikiran kerana banyak sudah belia kitani yang dihantar ke luar negeri tetapi di sanatah saja tinggal ilmunya seperti contoh di dalam negeri saja seperti Hari *ASEAN* ataupun Hari *Commonwealth* sunyi sedikit di sini.

Saya percaya jika di luar negara berbangga dengan aktivis belia mereka seperti *Greta Thunberg* yang turut bergerak bersama pemimpin dunia dalam pengamatan dan penglibatan saya bersama belia kitani tidak kurang hebatnya juga belia Brunei terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Laju Yang Berhormat itu membuat *question*. Tapi apa yang dapat kaola tangkap tadi mungkin dari segi penglibatan belia dalam dasar luar negara ataupun dalam aktiviti-aktiviti dasar luar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Buat masa ini memang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri menerusi pertubuhan-pertubuhan ataupun bila menganggotai pertubuhan yang mengadakan perjumpaan ataupun *conference* bagi belianya, memang Kementerian Hal

Ehwal Luar Negeri menyokong usaha-usaha pertubuhan-pertubuhan tersebut.

Kaola sendiri telah membuat perjumpaan dengan beberapa belia yang menghadiri ataupun ikut serta program-program belia di bawah *Commonwealth Asia Europe Meeting* dan di bawah *ASEP itself* yang mereka punya penglibatan ada yang daripada guru sekolah, *PHD student* adalah untuk merangka kerjasama serantau yang lebih berkesan kepada bukan saja belia yang di Brunei termasuk juga belia dalam *organization* tersebut seperti *Commonwealth* dan *ASEM*. Apabila mereka kembali ke Brunei mereka sentiasa diundang oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri apabila ada beberapa majlis tertentu untuk meneliti dan mendapatkan *feedback* hasil daripada penyertaan mereka di pertubuhan-pertubuhan ataupun mesyuarat-mesyuarat tertentu.

Jadinya, perkara ini memang *on going* dan diteruskan. Dari segi penglibatan belia dalam dasar-dasar luar masa ini memang perbincangan menerusi *ASEAN Youth Program* dapat berinteraksi untuk memberi *input* kepada dasar-dasar yang akan dilaksanakan secara bersepakat di dalam negeri ataupun dalam rantau *ASEAN*. Isu tersebut bukanlah menjadi satu isu baharu tetapi memang dari segi *youth involvement* dalam *ASEAN* ataupun dari *youth involvement* dalam *ASEAN* kita dapat mengenal pasti juga dasar-dasar yang perlu diselaraskan ataupun diberi kesinambungan dalam usaha - usaha

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih atas keizinan juga yang diberikan kepada kaola.

Kaola sukacita ingin bercakap juga dalam Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Kementerian ini yang dibekalkan peruntukan sebanyak \$113,904,600.00 bagi Tahun Kewangan 2020/2021.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola dengan hormat mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri atas mukadimah yang jelas diterangkan bagi arah tuju kementerian ini. Nampaknya Yang Berhormat Pengerusi, dalam pandangan kaola bahawa pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sudah pasti akan meningkatkan lagi tugas dan tanggungjawab bagi memberikan kerjasama, pengawalan ke luar masuk pelawat dari luar negeri ke Negara Brunei Darussalam dan juga komunikasi dengan negara-negara luar untuk mengenal pasti kemasukan orang-orang dari luar negeri terutama yang bekerja ke Brunei bagi membantu menjamin dan

mengekalkan rekod keselamatan dalam negeri dari berbagai-bagai anasir yang negatif dan memastikan tidak ada yang mempunyai rekod seperti rekod jenayah bagi menjamin dan mengawal keselamatan dalam negeri.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam sudut yang lain, kita juga mengharapkan kementerian ini akan terus berperanan secara berpanjangan untuk membantu mempromosikan anak-anak Brunei Darussalam untuk peluang pekerjaan di luar negeri. Di samping itu mengongsikan maklumat dan informasi.

Adalah perlu juga menubuhkan satu unit perkhidmatan dan juga untuk mendidik dari segi psikologi dan melatih secara intensif bagi persiapan berada di luar negeri kepada penuntut yang berjaya bagi menjadikan mereka mempunyai siap sedia dari segi mental dan fizikal yang baik.

Selain itu, Yang Berhormat Pengerusi, kaola rasa harus juga diambil kira antara masalah mungkin dihadapi oleh pelajar ialah mengenai tempat tinggal sebagaimana yang difahamkan mereka ini terpaksa mencari sendiri rumah sewa. Secara umumnya, bagi yang sudah berpengalaman mungkin perkara itu tidak menimbulkan masalah.

Dengan hal yang demikian, adalah dicadangkan agar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri akan dapat berperanan membantu sebaik mungkin dan memastikan kediaman itu sesuai

dan selamat dan ini amat memudahkan juga kepada kementerian mengetahui tempat tinggal warga Brunei di luar negeri jika sekiranya ada kejadian yang tidak diinginkan atau masalah yang dihadapi oleh mereka.

Yang Berhormat Pengerusi. Itu sahaja yang dapat dikongsikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Barangkali Yang Berhormat, ada baiknya kalau sekiranya soalan itu kita timbulkan nanti kalau kita menimbangkan belanjawan Kementerian Pendidikan. Di sana mempunyai peruntukan *scholarship* dan penghantaran penuntut-penuntut ke luar negeri dan seumpamanya. Perkara ini barangkali tidak sesuai untuk dibincangkan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri yang diperuntukkan \$113,904,600.00 sebagai nadi perhubungan antara-bangsa dan dasar luar negara. Selain

itu, menjaga kepentingan nasional negara serta menyumbang kepada masyarakat antarabangsa dengan adil dan saksama melalui diplomatik yang proaktif. Antara lain, dipertanggung-jawabkan mengenai hubungan diplomatik dan hal-ehwal kaunselor.

Menyentuh tentang hubungan diplomatik, soalan kaola, bagaimanakah kementerian ini mengatasi atau menyelesaikan jika berlaku satu permasalahan dari negara yang ada hubungan diplomatik yang menyinggung integriti atau kedaulatan negara yang kadangkala menyebabkan rakyat juga ikut terasa? Oleh itu, diharap agar penyelesaian yang dilaksanakan membolehkan hubungan dengan negara berkenaan masih tetap utuh dan harmoni ibarat " menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan terburai".

Menyentuh tentang hal-ehwal kaunselor pula, apakah bentuk kerjasama yang lain yang telah dilaksanakan secara segera dengan negara yang ada hubungan diplomatik selain contoh permasalahan *COVID-19* di China yang baru dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II tadi.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga Yang Berhormat bagi soalan

pertama, bagaimana Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri menjamin hubungan rapat. Terjalannya hubungan rapat antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara lain terjamin adalah menerusi seperti mana yang kaola berpandukan kepada konsep Melayu Islam Beraja, bermesyuarah, menjaga kepentingan bersama dan juga tidak *intervene* dalam hal-ehwal negara luar yang lain.

Jadinya sekiranya sebagai contoh terjadi isu-isu yang boleh menimbulkan ketegangan hubungan diplomatik Kementerian Luar adalah *the frontliners* untuk membuat perundingan secara rasional dan tenang. Bagi membincangkan tatacara mengatasi masalah-masalah sekiranya ada dan untuk memahami kenapa ia dianggap sebagai masalah di pihak luar tersebut dan kemudiannya membincang bagaimana untuk mengatasi masalah tersebut dengan tenang dan damai. *There is no standard operating procedures* atau tiada tatacara yang *standard* bagi setiap isu, cuma ia perlu dan berdasarkan kepentingan ini adalah tidak dinyatakan secara terang hubungan baik di antara bukan sahaja negara tetapi dari menteri-menteri kabinet negara tersebut dan ketua kerajaan negara tersebut dengan negara kitani.

Kadang-kadang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ini selalu di *brand* sebagai suka belayar "belayar saja Dato Erywan atu eh, kenapa tia batak di Brunei kali

ani?" Sebenarnya itu adalah tugas dan tanggungjawab di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II untuk merapatkan hubungan dengan pihak-pihak di luar negara. Jadinya, itulah landasan dan *foundation fundamental* dalam mengeratkan hubungan bersama negara-negara lain. Sekiranya terjadi apa-apa *we are always on the call*, ditelefon sahabat-sahabat, kawan-kawan sejawatan bertanyakan apa masalahnya.

Dari segi konsular bukan sahaja sebagai contoh dinyatakan tadi mengenai 2 orang rakyat Brunei di Wuhan, Hubei Provinsi China tetapi *consular system* ini mustahak dan ia berkait dengan *e-Register* kerana dengan adanya *e-Register* pejabat konsular di Brunei mahupun di perwakilan-perwakilan di luar negeri dapat dengan serta merta *alert* ada rakyat Brunei di kawasan tersebut dan perlu bantuan sekiranya terjadi gempa bumi ataupun banjir, kebakaran seperti di Australia setiap kali ada bencana alam pejabat-pejabat perwakilan sudah ada berapa nombor rakyat Brunei ataupun penduduk Brunei yang berada di kawasan tersebut dan menghubungi mereka secepat boleh untuk mengetahui keadaan sebenarnya *on the ground* dan kalau perlu mereka juga akan pergi ke tempat-tempat berkenaan untuk berjumpa dan meneliti keadaan sebenar rakyat dan penduduk di Brunei. *So consular system* lebih efektif sekiranya ia tahu di mana rakyat Brunei itu berada dan untuk mengetahui

di mana rakyat Brunei berada ia perlu mengadakan membuat *e-Register*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya akan menanyakan satu soalan sahaja dan cadangan. Yang satu lagi ini ialah untuk mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai di Kementerian Hal Ehwal Luar yang pernah abis kaola ke luar negeri menghadiri mesyuarat-mesyuarat rasmi Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Mereka itu sudah bekerja dengan bertungkus-lumus memeduli abiskaola di luar negeri dengan cemerlang dan kaola ingin merakamkan, mencatatkan tahniah dan terima kasih atas pemedulian mereka itu.

Kaola mendapat tahu ada beberapa tapak tanah yang telah dibeli oleh Kerajaan Brunei di luar negeri yang diniatkan untuk membina bangunan kedutaan Negara Brunei Darussalam di negara tersebut yang antaranya

masih kosong setelah beberapa lama. Soalan ini pernah kaola timbulkan pada tahun 2017 dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri waktu itu menjawab belum ada bajet.

Jadi, kaola merasa jika terlampau lama dibiarkan kosong tanah itu dengan kitani menyewa bangunannya arah lain tentulah menggunakan kewangan yang banyak. Jika boleh pada tahun ini atau tahun depan disediakan bajet yang khas untuk membangun bangunan kedutaan itu. *Especialy* kaola *mention* sebutkan di sini ialah bangunan kedutaan Brunei di Jakarta. Jakarta ataupun Indonesia adalah negara besar dalam *ASEAN* dan jiran kitani. Kaola rasa jika ada bangunan sendiri dengan *design* yang kitani sesuaikan dengan kemudahan-kemudahan yang ada untuk keperluan pegawai dan juga keperluan negara seperti surau dan lain-lain yang memenuhi keperluan kitani.

Itu sahaja Pengerusi. Kaola harapkan tanah yang sudah lama kosong itu, kaola kira-kira lebih kurang 20 tahun lebih sudah jua dan jika dikumpulkan sewanya "*barangkali*" boleh sudah membangun bangunan sendiri dengan lebih sempurna, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat di atas saranan dan juga soalan Yang Berhormat itu tadi. Memang di Negara Brunei Darussalam pada masa ini sudah menubuhkan

sebanyak 43 buah pejabat-pejabat perwakilan di luar negara dan kerajaan juga melalui Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berusaha untuk membeli tapak-tapak tanah bangunan ataupun membina bangunan sendiri dijadikan sebagai pejabat-pejabat perwakilan dan kediaman rasmi ketua-ketua perwakilan serta bangunan kediaman pegawai-pegawai perwakilan yang berada di luar negeri.

Pembelian tapak tanah dan bangunan dibuat setelah memastikan tempat dan kawasan berkenaan bersesuaian dari segi kemudahan perhubungan keselamatan dan lainnya, kos juga merupakan faktor utama dalam penilaian pembelian aset-aset tersebut.

Terdapat juga keadaan yang persetujuan dicapai untuk bertukar tanah ataupun bangunan dengan memperuntukkan kawasan tanah di Brunei bagi perwakilan yang datang dari luar dan juga diberikan kepada Brunei di negara-negara tersebut. Jadinya setakat ini kerajaan memiliki 15 buah bangunan pejabat-pejabat perwakilan dan beberapa rumah kediaman rasmi bagi ketua perwakilan. Pada masa ini juga kementerian memang merancang dan terus merancang untuk mengendalikan pembinaan bangunan-bangunan pejabat perwakilan serta kediaman perwakilan di luar negeri menurut prioriti keperluan semasa tertakluk kepada peruntukan yang ada.

Pada masa ini, menjadi keutamaan peruntukan yang dicadangkan dalam peruntukan kemajuan kediaman rasmi ketua perwakilan luar negeri dan pejabat perwakilan di Riyadh dan Berlin sedang diteliti untuk dimajukan bersama juga rumah kediaman perwakilan rasmi di Canberra.

Memanglah hasrat kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memiliki sebanyak mana bangunan di luar negeri bagi keperluan pegawai-pegawai perwakilan kerana bagi mengurangkan kos penyewaan. Oleh yang demikian, kawasan tanah-tanah kepunyaan Negara Brunei Darussalam di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dari semasa ke semasa akan dimajukan dan untuk lebih spesifik Jakarta salah satu kawasan negara yang sedang diteliti kesesuaian untuk membina pejabat perwakilan di sana. Walau bagaimanapun, kita mengambil maklum bahawa Indonesia akan memindahkan ibu kotanya dari Jakarta ke Kalimantan. Perkara ini akan diteliti berterusan untuk jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun membincangkan mengenai belanjawan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, maka sekarang saya

ingin mengundi Rang Belanjawan ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Semua Ahli Yang Berhormat bersetuju, maka Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya kira cukuplah dulu kita membincangkan dan menimbangkan rang undang-undang ini saya cadangkan mesyuarat ini kita tangguhkan dulu kita bersidang semula ke Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin tangguhkan mesyuarat kita ini untuk kita berehat sebelah tengah hari dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula pukul 2.30 petang.

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi membahaskan dan meneliti Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Maka bagi membolehkan kita meneliti tajuk-tajuk yang seterusnya dalam Rang Undang-Undang ini, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara untuk membolehkan majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa disambung lagi bagi membincangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 satu persatu. Sekarang kita akan berpindah ke tajuk kementerian seterusnya.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:
Kementerian Kewangan dan Ekonomi di bawah Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Mesyuarat Jawatankuasa beralih untuk meneliti Kementerian Kewangan dan Ekonomi berserta jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum tajuk-tajuk kecil ini atau tajuk-tajuk ini dibuka untuk dibahaskan saya suka memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk memberikan pendahuluan tentang penyediaan belanjawan bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi ini. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Peruntukan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2020/2021 secara keseluruhannya adalah berjumlah \$853,014,315.00. Peruntukan ini adalah untuk membiayai:

1. Gaji Kakitangan sebanyak \$65,949,619.00 iaitu peningkatan sebanyak kira-kira \$2.95 juta dengan mengambil kira penerapan 87 jawatan di bawah portfolio perindustrian di Kementerian Tenaga

(Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian pada ketika itu ke kementerian ini mulai 19 November 2019;

2. Perbelanjaan Berulang-Ulang berjumlah \$697,678,626.00 iaitu berkurang sebanyak kira-kira \$31.5 juta daripada Peruntukan Tahun Kewangan 2019/2020. Dari jumlah tersebut sebanyak 78.7% iaitu kira-kira \$549,327,129.00 adalah diperuntukkan di bawah Perkhidmatan Rampaian iaitu untuk keperluan guna sama setiap kementerian yang memerlukan antara lainnya seperti berikut:

- i. Sejumlah \$2 juta untuk membiayai persediaan-persediaan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi Pengerusi kepada Mesyuarat *ASEAN* pada tahun 2021.
- ii. \$30 juta untuk membiayai Perkhidmatan Perubatan di *JPMC*;
- iii. \$4.45 juta untuk memajukan Daerah Temburong;
- iv. \$28 juta untuk pembayaran Elaun Pelajaran termasuklah;
- v. \$10 juta untuk membiayai Elaun Pelajaran kepada mereka yang mengikuti pendidikan *tertiary* di negara ini;
- vi. \$15 juta untuk menangani Bencana Alam dan Wabak Penyakit.
- vii. \$4.87 juta untuk mendatangkan tenaga pakar dan mengajar kemahiran bagi literasi dan numerasi;
- viii. \$34.5 juta untuk membiayai projek-projek khas kementerian-kementerian yang telah dibenarkan; dan
- ix. Manakala di bawah kategori Perbelanjaan Kemajuan pula peruntukan sebanyak \$89,386,070.00 dengan harga rancangan sebanyak \$515,435,500.00. Antara lainnya untuk membiayai Projek Penubuhan Bursa Saham Negara Brunei Darussalam, Projek Pembangunan Teluk Brunei Pulau Muara Besar dan banci dan kajian sosioekonomi.

Yang Berhormat Pengerusi, dengan peruntukan yang disediakan ini Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan terus bekerjasama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensinya yang berkenaan ke arah meningkatkan lagi tahap produktiviti serta pemberian perkhidmatan yang berkualiti kepada orang ramai. Ini termasuklah untuk memastikan keberkesanan, kutipan hasil-hasil kerajaan serta menggalakkan

pertumbuhan ekonomi melalui Pelaburan Langsung Asing, perkembangan industri dan perdagangan di dalam dan luar negeri.

Memandangkan kaola telah menerangkan secara terperinci semasa Pembentangan Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2020/2021 tempoh hari, kaola hanya akan mengongsikan secara ringkas sahaja inisiatif-inisiatif kementerian ini. Antaranya meneruskan *Fiscal Consolidation Program* meneliti kesesuaian untuk menguruskan pengurusan fasiliti ataupun *facility management* secara *out sources* atau *PPP*. Menyediakan *economic blue print* dan *industry road map*.

Meneroka dan menggalakkan peluang-peluang dan aktiviti pelaburan dengan menarik Pelaburan-Pelaburan Langsung Asing yang berkualiti bagi mempercepatkan lagi usaha pembangunan sektor swasta di negara ini. Sekali gus dapat menjana peluang pekerjaan mempertingkatkan kapasiti dan kemahiran sumber tenaga manusia pegawai dan kakitangan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan jabatan-jabatan di dalamnya.

Melalui pelaksanaan Program Pembangunan Kapasiti yang berstruktur dan berterusan dan mengadaptasi Revolusi Perindustrian 4.0 (*Industrial revolution 4.0*). Ekonomi digital dengan melaksanakan beberapa projek antaranya seperti *centralized business and finance database system* kebajikan negara. *One Command Billing System*,

Treasury Accounting And Financing Information System 2 (TAFIS 2).

Pengintegrasian *TAFIS 2* dengan *Government Human Resources Management System (GHRMS)* untuk menggantikan *System Government Employee Management System (GEMS)*. Menaik taraf Brunei Darussalam *National Single Window (BDNSW 2)*. *Vehicle exit entry system*, penyediaan *elektronik certificate of origin* melalui *ASEAN Single Window* dan *e-General data Dissemination System* untuk penyebaran perangkaan melalui *online*.

Yang Berhormat Pengerusi. Sekianlah yang dapat kaola kongsi sebagai makluman dan panduan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola percaya dengan kerjasama sokongan semua pihak hasrat Kementerian Kewangan dan Ekonomi ke arah memastikan kedayatahan serta kestabilan fiskal dan kepelbagaian ekonomi akan dapat dicapai.

Sebelum kaola menutup seperti mana jua lazimnya dibuat pada tahun-tahun yang lalu. Kaola memohon izin bagi peruntukan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau *HMFS* yang disifatkan sebagai jabatan yang tertutup untuk tidak dibincangkan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira kenyataan yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tentang hala tuju Kementerian Kewangan sudah cukup jelas. Saya sekarang ingin membukakan Tajuk ini untuk dibahaskan.

Saya mulakan dengan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya ingin menyentuh mengenai Kod Akaun 004/000 – Kutipan Hasil Cukai. Lebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II kerana mengongsikan bajet kementeriannya.

Menurut data dari Brunei Darussalam *Statistical Year Book* 2018 nilai transaksi kiriman wang ke luar negara adalah \$723.8 juta pada tahun 2018 dan golongan yang menggunakan perkhidmatan ini kebanyakannya adalah pekerja-pekerja dari luar negara yang berada di sini untuk bekerja. Saya ingin memberi pendapat bagi 2 perkara:

1. Saya berpendapat sudah tiba masanya kitani mengenakan cukai kiriman wang kerana jumlah tersebut

tadi adalah cukup tinggi dan jika ia dikenakan cukai yang bersesuaian dapat memberi hasil pada negara yang signifikan; dan

2. Dengan kehadiran pelancong yang berjumlah 278,136 orang pada tahun 2018, mungkin sudah tiba masanya jua kitani memperkenalkan cukai yang bersesuaian untuk pelancong yang datang berkunjung ke negara kitani. Memberi contoh cukai tersebut bolehlah dimasukkan ke dalam tempahan penginapan hotel-hotel kitani ataupun syarat pakej. Seperti cukai pelancong, cukai tempat tinggal, cukai bagi tempat-tempat menarik dan sebagainya.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Ada 2 soalan Yang Berhormat Pengerusi:

1. Mengenai cukai bagi orang menghantar wang ke luar negeri. Barangkali perkara ini mungkin boleh dikatakan *currency control* jua Yang Berhormat Pengerusi. Perkara ini mesti difikirkan lebih mendalam kerana ada banyak lagi implikasi negatif kepada kitani; dan
2. Mengenai *tourist tax*. Sebenarnya di mana - mana negeri memang dikenakan *tourist tax* walaupun

di negeri Islam, sebagai contohnya, di Dubai memang dikenakan *tourist tax*.

Tapi kita fikirkan jua mengenai *tourism industry* kitani. Masa ini sudah majukah ataupun masih dalam pembangunan *tourism industry* kitani. Jadi kalau dikenakan *tourist tax* ini adakah nanti kitani punya *effort* untuk pembangunan *tourism industry* kitani. Perkara ini akan dirundingkan dengan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebelum difikirkan sesuaikah atau tidak cadangan ini dilaksanakan. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ, seperti yang kita maklum telah beberapa banyak projek Pembangunan Rancangan Kemajuan Perumahan diungkayahkan seperti Projek Rancangan Perumahan Mengkubau, Tanah Jambu, Katok, Lugu dan sebagainya.

Rancangan Perumahan yang merangkumi pembinaan kemudahan atau prasarana seperti sekolah dan masjid sememangnya sudah diketahui telah dirancang lebih awal. Tapi yang nyatanya kebanyakan pembangunan rancangan perumahan rata-rata masih

belum mempunyai masjid atau sekolah kerana peruntukan bagi pembinaan pasarana tersebut telah dipertanggungjawabkan kepada kementerian masing-masing.

Kita sedia maklum bahawa pembinaan tersebut memerlukan peruntukan yang besar dan pada lazimnya pelaksanaannya mengikut keutamaan kementerian-kementerian tersebut. Kaola ingin mengetahui jika pihak kerajaan khususnya Kementerian Kewangan dan Ekonomi sebagai kementerian yang berperanan dalam melaksanakan perancangan dan pengurusan belanjawan kerajaan.

Mengkaji dan membuat penilaian analisis kos faedah sama ada peruntukan bagi sesuatu rancangan perumahan termasuk pembinaan prasarana seperti masjid dan sekolah dapat disatukan dan diberikan secara menyeluruh kepada satu kementerian sahaja. Contohnya Kementerian Pembangunan untuk melaksanakan di bawah satu tajuk projek.

Cadangan ini jika sesuai pada pendapat kaola mungkin akan memberi kesan positif dari segi aspek pengurusan dan berpotensi mengurangkan kos pembinaan dan perbelanjaan secara keseluruhan.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua Yang Berhormat atas soalan yang diajukan tadi.

Perkara ini boleh dikategorikan *Town Country Planning* sama ada perumahan kitani itu dibangun, diselajurkan difikirkan sekolah dan masjid. Bukan sebenarnya sekolah sama masjid saja kitani boleh fikirkan untuk komersial, kedai-kedai, tempat makan, restoran dan sebagainya. Inilah ada satu kira *township planning* yang memang atas tanggungjawab Kementerian Pembangunan.

Perkara ini sebenarnya kaola memang berkerjasama dengan Yang Berhormat Menteri di Kementerian Pembangunan memikirkan kalau dilihat pada masa ini kita punya perumahan yang ada pada masa ini banyaknya hanya disediakan rumah ataupun tempat tinggal tapi tidak disediakan kedai, tempat makan.

Masjid memang ada disediakan di sebahagian perumahan. Sekolah pun tidak semua ada tetapi memang ini satu *way forward*, Kementerian Kewangan dan Ekonomi memang sedang membincang perkara ini dengan Kementerian Pembangunan. Untuk bersama-sama memikirkan macam mana 'bisainya' kita memajukan pembangunan perumahan di masa depan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Merujuk kepada Tajuk SD04A. Kaola menyambut baik usaha kerajaan dalam memastikan kedai-kedai tidak menaikkan harga barang-barang keperluan sewaktu *COVID-19* ini, terutama sekali bagi penutup muka dan pencuci tangan.

Kaola ingin mendapat kepastian adakah tindakan akan diambil juga bagi mereka yang telah membeli barang keperluan tersebut dengan banyak ataupun *hoarding* dengan tujuan menjual dengan harga yang tinggi melalui media sosial. Sekiranya ada, adakah *channel* orang ramai boleh melaporkan perkara tersebut?

Yang kedua, cadangan ini bersangkutan paut dengan isu peraturan pemasaran yang telah kaola bangkitkan tadi pagi. Contoh, tadi yang kaola berikan ialah berkaitan dengan *health claims* yang tidak sah. Oleh yang demikian, kaola ingin memberi beberapa cadangan sekiranya belum diperluaskan ataupun dikuatkuasakan seperti berikut:

1. Memastikan *health claims* ada sumber ataupun *certification*, memaparkan harga dengan terang ataupun nyata, memastikan terma dan syarat nyata; dan
2. Mengelakkan *stereotype* yang berunsurkan perkauman. Ini bagi mengurangkan risiko penipuan dan jua memastikan suasana perniagaan yang lebih berdaya saing.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat.

Soalan pertama mengenai harga yang barang-barang keperluan seharian yang pada masa ini yang dalam *price control* di bawah Jabatan Perancangan, Ekonomi dan Statistik. Tidak termasuk semua barang-barang keperluannya hanya macam sudah musimnya seperti Ramadan ataupun hari raya memang jabatan ini giat *survey* harga-harga yang *essential items* supaya peniaga-peniaga ini tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga.

Tetapi barang-barang, tidak semua barang itu, macam sekiranya minuman ringan dan sebagainya tidak di bawah *price control* tetapi kalau macam yang ada masa ini, ia ada *few essential item* saja. Tapi memang perkara ini kalau musim sekarang ini mengenai dengan *this virus*, memang ada orang

mengambil kesempatan untuk naikan harga topeng muka dan sebagainya seperti mana dalam *press conference* semalam kaola sudah menerangkan Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengeluarkan satu *press release* supaya kita *encourage* orang, peniaga-peniaga tidak mengambil kesempatan, *but there's no law to force them*, ikut *demand and supply* jua *situation* di mana-mana negeri pun *we shouldn't be* terlampau *control* segala-galanya. *We allow demand and supply situation but in the time of crisis emergency* macam ini. *Then we would try to talk to the business and so they don't practice thing which are not ethical*, itu saja.

Boleh kaola minta terangkan *second question* Yang Berhormat Pengerusi. Kaola tidak berapa jelas tadi.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:

Minta maaf tadi sebenarnya soalan kalau *was actually referring to social media users because I've read the press conference statement, I also agree with that action advising companies* tetapi itu akan melibatkan orang-orang yang menjual melalui *Facebook and Instagram*, itu ada berlaku masa ini. *I am not sure* kalau ada tindakan ataupun *any advice is given to individual users* yang mengambil kesempatan *time* krisis ini jua.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: *I think soalan ini pernah diajukan pada tahun sebelum ini. The online is base on willing buyer willing seller. Jadi kalau kitani rasa harga terlampau tinggi tidak semestinya kitani beli. Online itupun bukan semestinya semuanya dari Brunei. Macam manakan autoriti di agensi kerajaan di Brunei akan control harga yang online, orang supply itu tidak diketahui dari mana. It's up to kitani kalau rasa harga itu berpatutan kitani beli kalau tidak nobody's gonna force you.*

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: *Maybe I can follow up with the kementerian outside of this mesyuarat Yang Berhormat Pengerusi untuk menerangkan lebih lanjut tentang permasalahan yang sedang berlaku mengenai mereka yang telah menghoard segala muka topeng dan pencuci tangan sewaktu krisis ini maksudnya bukan referring to product-product biasa berjual.*

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: *Memang masa ini mesti sebagai agensi kerajaan kita memang 'ingau' mengenai perkara ini. So we tried to control peniaga di dalam negeri kitani, boleh nasihatkan mereka supaya jangan dinaikkan harga kerana itu tidak berpatutan.*

Kalau dilihat di negeri-negeri lain pun sama jua tu bukannya senang-senang dicontrol. Kalau kita pergi ke Thailand masa ini Yang Berhormat Pengerusi, satu face mask, sekeping itu saja USD \$1. So what can you do? Tapi negeri kita kecil, senang sikit menasihatkan peniaga supaya tidak menaikkan sampai harganya tidak reasonable. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: *And then tadi soalan kedua direphrase 'kaliah'. Jadi sebenarnya it's just more on guideline untuk marketing sama ada is there a standard on marketing yang businesses have to comply?*

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: *Dalam business world, we are not gonna teach the business people how to do their marketing. Bukannya tanggungjawab kerajaan untuk mengajar orang macam mana untuk marketing atau dihadkan cara-cara mereka marketing. As long as it's legal, jangan melanggar peraturan-peraturan itu saja. So kalau sekiranya mereka akan marketing produk mereka, kita as consumer mesti jua ambil tanggungjawab sendiri.*

Itulah sahaja barangkali, we in da dapat semua juakan dicontrol, di mana-mana negeri jua pun kaola rasa termasuk negeri kitani semua juakan dicontrol. We have to allow some open market

forces. Bukannya segala-galanya kerajaan *control* ini, kerajaan *control* itu. *There's a market forces in the business world in the commercial world we have to allowed that.* Itu saja jawapan kaola.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Sekarang kita beralih kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Saya suka untuk membawakan beberapa perkara dalam perbincangan Tajuk SD01A – Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh sedikit berkenaan pendaftaran syarikat. Walaupun tatacara Pendaftaran Syarikat Sendirian Berhad amat mudah, sebahagian orang kitani hanya tahu menjadi *partner* dengan orang luar tanpa mengetahui

apa peranan sebenarnya dalam syarikat. Cukup hanya sekadar menerima imbalan bulanan yang diterima daripada rakan kongsi dan ini menggalakkan orang ramai mencari sumber pendapatan dan mendorong orang luar membuka kompeni lebih dari sebuah syarikat.

Kenapa orang luar membuka syarikat sendirian berhad? Ini memudahkan mereka membawa ahli keluarga dan membolehkan mereka untuk tinggal lama apalagi berpeluang memperolehi taraf penduduk tetap. Kalaupun *Registry of Companies and Business Names (ROCBM)* melantik agensi yang berkelayakan untuk mendaftarkan syarikat, hendaklah memastikan agensi berkenaan benar-benar menjalankan peranan mereka. Mengikut maklumat, servis Pendaftaran Syarikat Sendirian Berhad, ada yang mencapai \$2,500 ke \$3,000 untuk proses Pendaftaran Syarikat Sendirian Berhad berbanding sendiri mendaftarkan ke *ROCBM* hanya \$300 sahaja.

Seterusnya, Tajuk SD04A – Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi. Seperti mukadimah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kerana mengusahakan dan merealisasikan Bursa Saham Brunei. Mudahlah ia mendatangkan manfaat dalam jangka panjang, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Terima kasih, *وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat.

Mengenai soalan pertama, orang luar mendaftar syarikat sebagai sendirian berhad di *ROCBN*, *partner* dengan orang tempatan. Sebenarnya menggunakan orang tempatan dan dibayar yuran bulanan yang rendah, lepas itu ambil kesempatan. *ROCBN* sebenarnya mengambil berat mengenai perkara ini sejak bulan Oktober 2019. *ROCBN* akan memanggil setiap syarikat yang akan didaftar yang melibatkan orang luar, untuk menemu duga orang tempatan berkenaan sama ada mereka memahami perniagaan yang akan ditubuhkan tersebut atau sebaliknya. *ROCBN* juga mendapati bahawa kebanyakan orang tempatan ini hanya digunakan nama mereka untuk mendaftarkan syarikat berkenaan.

Jadi kalau ada menerima kes-kes begini, *ROCBN* tidak akan meluluskan pendaftaran syarikat tersebut. Sejumlah besar permohonan syarikat yang hendak didaftarkan melibatkan orang luar sejak bulan Oktober 2019 di *ROCBN* itu telah ditolak (*rejected*). Mudah-mudahan syarikat-syarikat yang telah diluluskan tersebut adalah mereka yang benar-benar menjalankan perniagaan di negara ini.

Mengenai pendaftaran syarikat menggunakan khidmat ejen itu tertakluk

kepada individu atau *service provider*, jadi mana-mana negeri pun, orang kitani kalau hendak mengambil senang, melantik ejen yang bukan sahaja mendaftar syarikat tetapi memproses urusan buruh dan sebagainya. Itu dikira sebagai satu perkhidmatan yang diberikan kepada sesiapa yang menggunakannya. *This is a service industry*, mana-mana negeri pun sebenarnya *service industry* ini, *is a big part of their KDNK*. Jadi di Negara Brunei Darussalam ini, kalau ada orang menawarkan perkhidmatan tersebut, dan kalau ada orang memerlukan, *it is up to them, again, is willing buyer and willing seller*. Itu saja.

Mengenai bursa saham, **إِنْ شَاءَ اللهُ** pada masa ini masih dalam pelaksanaan membuat projek ini. Mengenai sistem itu, akan siap pada tahun ini tetapi kejayaan bursa saham ini tertakluk kepada beberapa *stakeholders* termasuk institusi-institusi kewangan, *accounting firm* dan sebagainya. **إِنْ شَاءَ اللهُ**, *we will try to get this done as soon as possible*.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola merujuk kepada Tajuk

SD05A – Jabatan Perbendaharaan. Mengenai kenyataan prestasi utama paras penyimpanan stok beras dan gula tidak kurang 6 bulan dan juga laporan siaran media kelmarin, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengesahkan bahawa simpanan beras di Jabatan Perbendaharaan adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan.

Melihat kepada situasi masa kini, dan berkaitan dengan keselamatan makanan atau *food security* kepada Negara Brunei Darussalam, kaola ingin memahami prosedur tindakan iaitu *contingency* yang akan berlaku dari segi penyimpanan biasa, stok makanan asas di Bahagian Perkhidmatan Perbekalan, Jabatan Perbendaharaan dan kepastian *supply chain* perbekalan dari negara-negara serantau.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat, atas soalan mengenai stok beras. *I think, press release* kelmarin itu sudah cukup terang, Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola sudah kongsi bahawa stok beras dan gula memang cukup dan tadi Yang Berhormat menyebut stok kurang daripada 6 bulan itu tidak betul. Stok beras dan gula kita itu melebihi daripada 6 bulan yang sedia pada masa

ini. Hari Sabtu nanti, ada lagi satu *shipment* datang dan bulan April ada lagi satu *shipment*. Beras dan gula kita sentiasa lebih daripada 6 bulan stok. Kalau sekiranya *demand*, kalau orang banyak membeli, kita sudah membuat perjanjian dengan pembekal kalau ada *immediate requirement* mereka boleh terus membekalkan.

Sebenarnya, tadi pagi pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi di bawah Jabatan Perbendaharaan telah pun menghubungi pembekal di Thailand, kalau kita berkeperluan pada bila-bila masa, mereka akan menghantar bekalan dan akan sampai dalam tempoh 2 minggu. *So, don't worry*. Itu saja jawapan kaola, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Bagi orang yang tidak makan nasi, barangkali tidak perlu khuatir.

Saya persilakan Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Petang kelmarin, saya ada memberi penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, mengenai soalan yang saya bangkitkan yang bersangkutan-paut dengan Rang Undang-Undang. Untuk rumusan, saya

telah membangkitkan perkara mengenai:

1. *Fiscal Consolidation* iaitu langkah-langkah yang akan ataupun telah diambil oleh kementerian-kementerian untuk mencapai sasaran untuk mengurangkan perbelanjaan;
2. Mengenai tunggakan kerana ada masih terdapat tunggakan-tunggakan di bawah tanggungan kementerian-kementerian yang belum dijelaskan daripada projek-projek RKN yang lalu. Diharap tunggakan ini akan dapat dijelaskan secepat mungkin;
3. Saya juga ada memberi cadangan mengenai bajet Kemajuan oleh kerana setiap tahun ada sasaran yang tidak dapat dicapai. Dapatkah peruntukan perbelanjaan Kemajuan dikurangkan supaya peruntukan perbelanjaan negara dapat ditambahkan?;
4. Menyediakan *contingency* di bawah rampaian, *to avoid* memohon *supplementary budget*; dan
5. Memberi cadangan mengenai *aligning report format* bagi projek-projek RKN yang terdapat dalam Buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara supaya ia dapat diselaraskan kepada tema "Belanjawan Empat Fokus" seperti Yang Berhormat jelaskan kelmarin. Ia akan dapat dilihat jelas mengenai

status serta kedudukan projek yang terkandung di bawah matlamat dan juga *aligning* Petunjuk Prestasi Utama supaya ia dapat diselaraskan dengan *Strategic Plan* dan KPI kementerian-kementerian yang lain.

Diharap supaya Yang Berhormat dapat memberi maklum balas mengenai isu-isu yang saya bangkitkan.

Saya ada satu soalan sahaja di bawah Tajuk SD01A merujuk kepada petunjuk prestasi utama di bawah Lembaga Tawaran Negara di Jabatan Kementerian Kewangan. Pada tahun 2018/2019 TPOR proses permohonan bagi Lembaga Tawaran Negara diproses dalam tempoh tidak melebihi satu bulan hanya dapat mencapai 6% sahaja. Bagaimanakah proses permohonan LTN ini dapat dipercepatkan supaya ia tidak akan menjejaskan kelambatan dalam meluluskan projek tersebut kerana ini dapat membagikan impak yang negatif ataupun *delay* dalam pengurusan projek-projek termasuklah projek di bawah RKN?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perrdana Menteri dan Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat.

Soalan mengenai proses TPOR Lembaga Tawaran Negara. Kenapa hanya 6%. Sebenarnya perkara ini kaola sedang teliti. LTN ini ada bermacam-macam

isunya, kadang-kadang ada dokumen yang tidak lengkap ataupun sokongan-sokongan dari kementerian-kementerian masing - masing itu tidak mengikut prosedur, ada yang dikembalikan yang menyebabkan semua tidak dapat diproses dalam sebulan. Tetapi peratus itu adalah peratus yang rendah, so ia akan diteliti dan diperbaiki *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Mengenai komen-komen yang diberikan kelmarin, kaola mengambil kesempatan untuk menjawab jua. Memang pada masa ini dengan harga minyak dan gas yang rendah, perlulah kita bekerjasama antara semua kementerian, sama-sama memikirkan bagaimana cara kita untuk mengurangkan lagi perbelanjaan kita.

Sejak Kementerian Kewangan dan Ekonomi memperkenalkan *Fiscal Consolidation Programme* ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi pernah berjumpa dengan setiap kementerian *individually* untuk membincangkan apakah langkah-langkah yang boleh kita ambil untuk sama-sama mengurangkan perbelanjaan.

Apa lagi pada masa ini waktu harga minyak serendah USD31. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* ini memang bukannya isu satu kementerian *individually* yang membuat tetapi bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi secara *whole of nation approach*.

Mengenai tunggakan. Seperti mana kita sudah maklum, *smart meter electric* dan meter air telah dilancarkan, ini adalah

satu cara untuk kita mengurangkan tunggakan. Bulan lepas Kementerian Pembangunan mula menggunakan *One Common Billing System*, itu pun satu cara kita sama-sama mengatasi isu tunggakan.

Mengenai bajet RKN, ia tidak dicampur dengan peruntukan yang biasa. Cadangan untuk menggunakan bajet RKN dalam bajet biasa, barangkali perkara ini perlu difikirkan lebih mendalam. Itulah saja yang kaola dapat menjawab.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Barangkali petang ini kaola / saya hanya ingin memberikan pendapat ataupun cadangan yang mungkin boleh diguna pakai iaitu mencadangkan supaya pihak kementerian ataupun jabatan kerajaan dibenarkan untuk menubuhkan satu anak syarikat iaitu *joint venture* terus dengan pemaju tempatan untuk mempercepatkan satu-satu projek seperti memajukan tanah kosong misalannya ataupun bangunan terbiar yang di bawah kawalan jabatan ataupun kementerian yang berkenaan tanpa melalui proses *express interest* ataupun *request for proposal*.

Dengan adanya anak syarikat itu nanti, ianya boleh mengumpul dan menjana kewangannya sendiri melalui modal kongsi sama bersama sektor swasta berkenaan untuk kegunaan kementerian atau pun jabatan berkenaan dalam kerja-kerja pemuliharaan ataupun kemajuan lainnya.

Bagi tujuan ini barangkali adakah pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi berhasrat untuk meneliti balik dasar ataupun peraturan kewangan yang sedia ada bagi sama-sama menandai apa-apa cadangan perubahan dasar di kementerian lain yang berkaitan dengan kewangan yang menjurus kepada memudah cara keterlibatan sektor swasta?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua kepada Yang Berhormat atas soalan mengenai peluang untuk kerajaan berusaha sama dengan peniaga tempatan ataupun *individual* sama-sama memajukan bangunan yang terbiar ataupun diberikan *RFP* kepada orang tempatan.

Sebenarnya kalau dilihat beberapa usaha sama antara kerajaan seperti *Darussalam Asset* dengan beberapa rakan kongsi mereka, kriteria yang akan selalu dilihat kalau memajukan satu projek itu, siapakah rakan yang akan dibawa usaha sama berkenaan, sama

ada mereka terdapat *technical expertise* yang kita tidak terdapat ataupun kita akan menggunakan teknologi yang ada pada mereka supaya mereka dapat menolong kita untuk memajukan projek-projek bersama berkenaan.

Memang kalau ada peluang orang tempatan juga seperti *multi storey car park* di bandar dan *Bumiputera Centre* sudah dibukakan. Jadi kalau ada peniaga tempatan atau persendirian berminat dengan *expertisanya*, bolehlah kita sama-sama memikirkan adakah peluang untuk kita *joint venture*.

Jadi cadangan Yang Berhormat tadi itu, apakah *contribution* dari peniaga tempatan kepada *joint venture* itu dari segi *expertise, financial, technology* dalam usaha sama itu nanti? Jadi, kalau hanya untuk ikut serta dalam *joint venture* itu ia *different proposal*. Kalau kita lihat kita punya *joint venture* dengan *Larson* di Jerman, kita memilih *Larson* di Jerman kerana mereka mempunyai *expertise* dalam *ship repair* dan sebagainya. Kitani *joint venture* dengan *Beibu Gulf Hong Kong* sebab mereka mempunyai *expertise forth management*. Kita *joint venture* dengan beberapa syarikat seperti *Simpur Pharma* yang memang mereka mempunyai *expertise pharmaceutical*. Jadi kalau hendak *joint venture* sama *local* seperti yang *Darussalam Assets Sdn Bhd* pernah membuat beberapa *joint venture, we have to look at this criteria*. Tetapi, kalau sekiranya *joint venture for the seek of* orang-orang kita untuk ikut sahaja *then there is a different proposal*.

Itulah sahaja yang dapat kaola kongsi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya ingin menyentuh mengenai Skim Pencen Mandatori untuk tenaga kerja yang diwajibkan di bawah Akta TAP dan Perintah Amanah SCP.

Pada masa sekarang, mengikut akta dan perintah ini, kadar sumbangan mandatori bagi TAP adalah 5% manakala SCP pula ialah 3.5%. Dari apa yang kaola difahamkan, ada terdapat segelintir pesara yang berada di bawah Skim TAP dan SCP telah mendapat jumlah yang tidak mencukupi bagi mengekalkan gaya hidup semasa atau untuk memenuhi keperluan *household* sewaktu persaraan.

Apa yang kaola takuti adalah apabila terjadinya sedemikian, pesara-pesara ini terpaksa memohon bantuan kepada pihak kerajaan untuk perbelanjaan keperluan *household* mereka serta tanggungannya sewaktu bersara. Dalam pada itu, objektif kaola ialah ingin untuk menyuarakan satu cadangan bagi memastikan jumlah dana persaraan mencukupi untuk mereka hidup semasa persaraan.

Cadangan kaola ialah dalam menangani perkara tersebut, kaola cuba ingin mencadangkan ada baiknya jika kadar mandatori yang disumbangkan oleh peserta dan kerajaan ditambah ataupun dinaikkan. Walaupun dengan peningkatan sedikit, akhirnya akan menyumbang kepada jumlah dana persaraan yang lebih mencukupi dan memberi kehidupan persaraan yang lebih selesa. Adalah perlu juga kaola tetapkan anggapan ini dibuat tanpa pertimbangan prestasi pelaburan dana di bawah urusan TAP. Apa yang kaola maksudkan semata-mata cadangan untuk peningkatan jumlah dana *in principle* sahaja. Pada mencapai hasrat tersebut, kaola juga difahamkan bahawa pihak TAP menggalakkan sumbangan *voluntary* atau sukarela dan adalah suatu inisiatif yang baik akan tetapi cadangan kaola di sini adalah hanya untuk meningkatkan kadar caruman mandatori.

وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas soalan yang diajukan tadi.

Ini mengenai TAP dan SCP. Pengerusi TAP tidak ada dalam Dewan yang mulia ini. Kaola إن شاء الله akan cuba menjawab juga. Sebenarnya perkara ini kita sedia maklum bahawa TAP dengan caruman

5% dan SCP sebanyak 35% memang tidak mencukupi dan memang satu isu yang kita mesti memikirkannya.

Daripada *government top up* sahaja bukanlah cara untuk menyelesaikan isu ini. *Voluntary contribution* pun tertakluk kepada individu sama ada mereka rasa cukup berguna dana untuk yang lain dan tidak cukup dimasukkan sebagai *contribution* TAP. Perkara ini memang satu isu yang Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang berunding dengan TAP mencari satu jalan untuk *members* TAP itu supaya apabila mereka sudah mencapai umurnya 55 tahun ataupun 60 tahun nanti yang akan mereka terima sewaktu pensen nanti mencukupi untuk *daily expenses*.

Pada masa ini, ada satu kajian yang sedang dibuat dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* hampir selesai dan kalau sudah *ready* nanti akan dibincangkan lagi dengan beberapa *stakeholders* sebelum ianya dilancarkan. Memang tujuan itu untuk menjaga *members interest* supaya mereka merasa cukup sewaktu umur mereka sudah mencapai umur persaraan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Oleh sebab isu ataupun usul mengenai SCP telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri

di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tadi dan yang terlibat tidak ada dalam majlis ini, maka kaola menarik diri untuk menyoal ataupun memberikan penerangan sehingga hadirnya nanti pihak yang berkenaan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Jadi Yang Berhormat tidak mahu menyoal mengenai Kementerian Kewangan dan Ekonomi?

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Yang Berhormat Pengerusi. Ia ada hubung kait dengan SCP sahaja iaitu berhubung apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tadi tetapi dalam isu yang berlainan dan cara sudut yang lain.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola bercakap dalam Tajuk SD01A - Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Ada 2 isu yang akan kaola sampaikan:-

1. Peranan atau fungsi *Brunei Economic Development Board (BEDB)* selain membantu dan memperkasa pengusaha-pengusaha tempatan juga mendapatkan pengusaha-pengusaha atau Pelaburan Langsung Asing untuk

membuat pelaburan di Negara Brunei Darussalam selain untuk meningkatkan KDNK negara juga sebagai usaha memberi peluang pekerjaan kepada belia di Negara Brunei Darussalam ini.

Sejauh pengamatan kaola, penempatan industri-industri sama ada besar ataupun sederhana ditempatkan di tapak-tapak tertentu sahaja terutamanya di kawasan Brunei Muara dan beberapa tempat di Seria dan Daerah Belait. Cadangan kaola, dalam usaha memberi peluang pekerjaan kepada belia dan orang ramai yang memerlukan pendapatan sederhana, maka dicadangkan penempatan industri atau perusahaan sederhana ditempatkan di setiap daerah atau sekurang - kurangnya akan memberikan peluang pekerjaan dan dapat dinikmati di kawasan tersebut. Sebagai contoh penempatan perusahaan pemeliharaan lembu berkandang di kawasan Batang Mitus, Daerah Tutong telah dapat memberikan peluang pekerjaan hampir 60 orang di kawasan tersebut; dan

2. Kaola bercakap mengenai koperasi. Melihat perkembangan badan-badan koperasi di Negara Brunei Darussalam yang telah diperkenalkan sejak tahun 70-an adalah masih belum dilihat menyerlah sebagai salah satu penyumbang kepada penjana perekonomian negara hingga kini.

Selain itu aliran perubahan semasa dan proses globalisasi dunia masa kini yang memerlukan gerakan korporasi yang lebih berdaya maju juga mencabar keutuhan koperasi untuk mengekalkan identiti konsep falsafah untuk bertahan. Dalam perubahan tersebut, maka adalah perlu untuk badan koperasi dengan bantuan pekerjaan untuk menilai peraturan bagi mengukuhkan kedudukan dan meningkatkan daya saing dan daya tahan setiap koperasi yang mengekang perkembangan koperasi selama ini seperti pengurusan kewangan, kepimpinan dan penglibatan ahlinya.

Ke arah itu untuk meningkatkan pergerakan koperasi agar terus berdaya saing, maka isu-isu tersebut perlu ditangani dengan bijaksana, terutama penglibatan dan bantuan pekerjaan pihak kerajaan agar menjadi badan koperasi salah satu penyumbang kepada kekuatan ekonomi negara.

Soalan kaola, dari perkembangan tersebut apakah ada perancangan dan pendekatan pihak berkenaan atau agensi berkaitan untuk menangani isu-isu yang mengekang kemajuan koperasi di negara ini untuk menjadikan badan koperasi Negara Brunei Darussalam agar lebih berdaya saing dan berdaya tahan sebagai salah satu badan penyumbang kepada kesejahteraan dan kekuatan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas dua soalan yang dikemukakan:-

1. Mengenai Tapak Industri.

Berkenaan tapak industri untuk diberi peluang kepada orang tempatan. Soalan berkenaan kaola kurang faham Yang Berhormat Pengerusi. Mengikut kefahaman kaola adakah tapak industri itu diberi peluang kepada orang kitani yang berpendapatan sederhana.

Yang Berhormat Pengerusi: Kalau saya dapat memberi interpretasinya. Yang Berhormat, bahawa apa yang ditanyakan supaya tapak-tapak industri ataupun tempat-tempat membuat industri itu disebarkan bukan saja di satu dua tempat tetapi di tempat-tempat lain supaya ia dapat dimanfaatkan oleh orang-orang dari daerah-daerah yang berkenaan. Contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat ialah Batang Mitus.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pada masa ini, *site industry* ini di bawah jagaan *DARe Darussalam Enterprise*. Pada masa ini terdapat 25 tapak industri di keempat-empat daerah, bukannya

disatukan di Daerah Brunei dan Muara sahaja. Di Daerah Tutong, Daerah Belait, Daerah Temburong pun ada. Daerah Brunei dan Muara memanglah ada.

Jadi, dibukakan kepada *SME* jua, tidak semestinya kepada orang *FDI* sahaja ataupun kilang besar-besaran sahaja. Jadi jika ada perusahaan yang kecil pun dapat jua sama ada mereka mengambil tapak dan bangunan dan kilang sendiri ataupun menggunakan fasiliti yang sedia ada seperti *workshop* dan sebagainya. Memang disediakan untuk orang kita bukannya untuk *FDI* sahaja. Barangkali untuk memajukan lagi tapak baharu memang *Darussalam Enterprise* sentiasa mereviu jika sekiranya ada keperluan untuk membukakan lagi tapak industri yang baharu memang mereka dengan sendirinya akan dibukakan.

2. Mengenai Koperasi. Memang koperasi ini satu inisiatif kerajaan dari dulu untuk disokong tetapi jika dilihat kebanyakan koperasi masa ini aktiviti tersebut terlibat dalam stesen minyak sahaja.

Perkara ini boleh dibawa berunding dengan *Darussalam Enterprise* bagi sama-sama memikirkan sama ada bidang-bidang lain boleh difikirkan bagi memberikan mereka peluang dan mempelbagaikan aktiviti-aktiviti koperasi berkenaan dan bukannya *concentrate* kepada stesen minyak sahaja.

Itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ, بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Saya menyentuh dua tajuk iaitu Tajuk SD01A dan Tajuk SD04A - Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi.

Dalam pembentangan peruntukan 2020/2021 semalam yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menyebutkan sektor utama keempat iaitu Industri Pelancongan melalui Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT).

Jadi, di sini saya ingin memohon penjelasan lanjut mengenai projek-projek bagi menaikkan status Daerah Temburong, "Permata Hijau" termasuk projek pelancongan, sumber daya alam dan penggunaan teknologi rendah karbon yang membawa pelabur-pelabur luar negeri. Bila jangka masa ia akan dilaksanakan?

Selain itu, projek-projek yang sedang giat dilaksanakan bagi menjana ekonomi Daerah Temburong pada masa yang sama juga, saya ingin mengetahui sejauh mana penglibatan anak-anak tempatan dalam perniagaan khususnya dari Daerah Temburong?

Mengenai pengaliran pengeluaran mata wang negara seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat tadi, saya tidak lagi menyentuh mengenainya. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh pengaliran keluar mata wang negara melalui pintu keluar masuk ke negara-negara jiran seperti Negeri Sabah dan Sarawak.

Apakah usaha dan tindakan kementerian dalam mengimbangi isu tersebut dan adakah dalam perancangan kementerian bagi membina *duty free complex* atau *shopping mall* berdekatan pintu-pintu keluar masuk setiap pos kawalan negara seperti yang terdapat di Langkawi dan Labuan. Jika ada saya mengalu-alukan dan jika belum saya berpandangan cadangan ini dapat diteliti akan kepentingannya terutama dalam usaha kita menjana ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat menyuarakannya.

1. Mengenai AKDT dalam mana ia sendiri adalah seorang Ahli AKDT. Pada tiap-tiap kali mesyuarat beliau pun turut datang mesyuarat. Kenapa lagi bertanya soalan-soalan ini? Adakah kaola rasa hairan sedikit. Barangkali kaola tidak akan menjawab soalan - soalan ini kerana

Yang Berhormat sendiri tahu sudah apa yang kita usahakan untuk menolong Daerah Temburong supaya dapat dimajukan lagi untuk mempelbagaikan ekonomi di Daerah Temburong bagi peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan.

Untuk memajukan Daerah Temburong ini bukannya satu usaha dapat dicapai dalam jangka pendek. Jadi apa yang kaola akan jawab, ataupun sebenarnya *its not going to be the full story*. So, barangkali ini adalah satu projek kita *continue to work on it*. So barangkali kalau sekiranya projek-projek yang dihasratkan tidak dapat dicapai pada setahun ini, kita berusaha lagi untuk dalam beberapa tahun yang akan datang ini.

Barangkali tidak perlulah kita terlampau *detail* pada masa ini seperti mana yang kaola terangkan tadi Yang Berhormat sendiri seorang ahli AKDT, barangkali soalan ini boleh ditanya waktu dalam mesyuarat itu nanti. Apakan dikongsikan memang tujuan dalam AKDT itu untuk memajukan perekonomian di Daerah Temburong dan juga menjana peluang-peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan dan juga menggunakan Daerah Temburong itu sebagai satu tarikan kepada pelancong-pelancong luar negeri datang ke Brunei.

2. Nampaknya banyak orang kita berbelanja di negeri jiran, kenapa kita tidak membangun *shopping mall* di sebelah Brunei. Kita mesti lebih faham kenapa orang keluar negeri sama ada mahu *shopping* di negeri jiran disebabkan harga lebih murah ataupun mereka ke sana untuk makan angin saja. Walau sekiranya ada *shopping centre* di sini, kalau orang akan makan angin tertakluk kepada 'diorang' sama ada akan makan angin dalam negeri atau di luar negeri, perkara itu tidak dapat kita larang.

Kalau sekiranya *shopping* kitani lihat juga tarikan barang yang dijual dengan harganya. Satu isu yang kita tidak dapat *control* sahaja masa ini bukannya tidak ada *shopping centre*. Kalau dilihat di Kuala Belait, sebelum kita menyeberang ke Miri, sebelum naik Jambatan Rasau ada sudah kedai di sebelah sini. Kenapa tidak ada orang membeli di sini? Kenapa orang beli di sebelah Miri? Kitani mesti jua faham barangkali harga lain dari sini ataupun *variety* suasana lain sikit tidak diketahui. Mungkin satu *solution* kita ialah perlu *concentrate domestic tourism* supaya orang ramai ada juga tempat-tempat yang dikunjungi dalam negeri bukannya semestinya keluar negeri untuk makan angin, kalau datang musimnya bulan Disember di hotel-hotel di sini kadang-kadang ada *special offer* supaya tidak keluar negeri, *try to*

stay di dalam negeri sebagai satu *domestic tourism* punya *effort*.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira perbincangan kita mengenai Tajuk Kementerian Kewangan dan Ekonomi ini sudah cukup diadakan dan ada baiknya kementerian ini kitani undi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Nampaknya semua ahli bersetuju. Maka Kementerian Kewangan dan Ekonomi diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SD01A hingga SD09A - Kementerian Kewangan dan Ekonomi dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dulu kita membincangkan dan menimbang RANG Undang-Undang ini. Saya sekarang bercadang Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Dengan keadaan yang dihadapi ketika ini, maka ada baiknya kita tangguhkan dahulu mesyuarat ini. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula pada hari Sabtu, 14 Mac 2020 mulai pukul jam 9.15 pagi.

Sekian, **وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللَّهِ وَبَرَكَاتِهِ**

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS**Sabtu, 19 Rejab 1441/14 Mac 2020****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., SNB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., SNB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

(Tidak hadir)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.,

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.,

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PSB., PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, PJK., Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.15 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, iaitu bagi hari yang kelima, Sabtu, 19 Rejab 1441 bersamaan 14 Mac 2020, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ segala puji dan kesyukuran kita panjatkan ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah rahmat dan keizinan serta kurnia-Nya jua, kita dapat pagi ini bersama-sama hadir untuk meneruskan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara bagi hari yang kelima. Walaupun kita berada dalam suasana yang agak membimbangkan dengan adanya jangkitan wabak *COVID-19*.

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita نبي محمد صلى الله عليه وسلم, kaum

kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada mesyuarat yang telah bersidang pada hari Khamis, 12 Mac 2020 yang lepas kita dapat meluluskan 4 Soalan Yang Diberi Notis dan meluluskan 3 kementerian di bawah Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021. Manakala satu kementerian iaitu Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya telah ditangguhkan.

Maka mesyuarat hari ini, saya mengambil keputusan bagi Perkara VI - Soalan-Soalan Yang Diberi Notis tidak akan kita bincangkan lagi dalam persidangan ini. Ini sebagai usaha untuk menjimatkan waktu, semua pertanyaan atau soalan-soalan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dijawab secara bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Perkara-perkara ini tidaklah perlu kita bahaskan kerana kita mengetahui keadaan yang kita hadapi ketika ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan masih lagi meneliti dan menimbangkan Rang Undang-Undang (2020). Perbekalan, 2020/2021 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Saya ingin mencadangkan supaya Rang ini segera kita luluskan. Walau bagaimanapun, bagi apa jua soalan-soalan yang ingin ditimbulkan atau

dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dijawab juga secara bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Maka membolehkan kita menyambung untuk mengkaji perbincangan peruntukan-peruntukan kewangan kementerian-kementerian ini, saya tangguhkan dulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang selaku Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ kita bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya dan kita bersidang untuk menimbangkan meneliti Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 satu per satu.

Sebelum itu, saya ingin memaklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa dengan berikutannya penularan jangkitan wabak *COVID-19* yang telah diisytiharkan sebagai global pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) dan di atas nasihat Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang juga bertindak menurut lunas-lunas undang-undang yang berkenaan, maka mesyuarat kita kali ini akan kita percepatkan dan saya harap semua perkara akan dapat kita laksanakan pada pagi ini juga.

Saya minta kerjasama daripada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya kita dapat melaksanakan tugas kita untuk sekurang-kurangnya meluluskan Belanjawan Kerajaan Bagi Tahun 2020/2021.

Bagi mempercepatkan persidangan ini, satu kaedah akan digunakan iaitu kita akan menimbangkan tajuk-tajuk kementerian-kementerian satu per satu tetapi perbahasan atau sebarang pertanyaan akan ditiadakan. Walau bagaimanapun, jika masa mengizinkan saya akan memberi peluang satu atau dua soalan yang pendek yang perlu dijawab oleh menteri yang berkenaan secara ringkas dan jika perlu sahaja.

Ini bagi memenuhi syarat-syarat peraturan bagi meluluskan undang-undang yang kita hadapi ini. Maka sekarang, kita akan menyambung semula untuk meneliti dan seterusnya meluluskan tajuk-tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Tajuk SA08A hingga Tajuk SA25A - Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seperti yang saya nyatakan sebentar tadi bagi mempercepatkan Rang Undang-Undang ini untuk diluluskan dengan segera, saya berpendapat ada baiknya untuk kita tidak membahaskannya lagi, maka memadailah tajuk-tajuk yang

berkenaan ini kita undi, yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Nampaknya semua bersetuju. Maka Tajuk Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya diluluskan.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang membincangkan Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Tajuk-tajuk berkenaan segera langsung kita undi yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Nampaknya semua bersetuju. Maka tajuk-tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diluluskan.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual. Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A - Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang membincangkan Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A - Kementerian Pendidikan. Tajuk-tajuk berkenaan saya undi, sekarang yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A - Kementerian Pendidikan menjadi sebahagian daripada Jadual. Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang membincangkan Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Tajuk-tajuk berkenaan akan saya undi, yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menjadi sebahagian daripada Jadual. Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bincangkan sekarang Tajuk SJ01A - Kementerian Hal

Ehwal Ugama dan kita undi, sekarang yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama menjadi sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang membincangkan Kementerian Pembangunan dan tajuk ini kita undi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita membincangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan sekarang saya undi kementerian yang berkenaan. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang membincangkan Kementerian Kesihatan dan kita undi belanjawan kementerian ini. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SM01A - Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan kita undi belanjawan kementerian ini. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SN01A hingga SN09A - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SQ01A dan Tajuk SQ02A - Kementerian Tenaga.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita meneliti Belanjawan Kementerian Tenaga dan akan saya undi belanjawan kementerian ini. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SQ01A dan Tajuk SQ02A - Kementerian Tenaga dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SP01A - Kemajuan

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita membincangkan Tajuk SP01A - Kemajuan dan akan kita undi sekarang. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SP01A - Kemajuan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk Bab 1 - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita membincangkan mengenai Tajuk Bab 1 - Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa Akta ini yang boleh digelar sebagai Akta Perbekalan 2020/2021 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada 1 April 2020. Saya kira Tajuk Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa tersebut tidak perlu kita bahaskan. Oleh yang demikian adakah Ahli - Ahli Yang Berhormat

bersetuju supaya Gelaran Pendek dan tarikh permulaan berkuat kuasa akta ini diluluskan. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah selesai membincangkan dan meluluskan tajuk-tajuk yang terdapat dalam Jadual Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021. Perkara ini adalah perkara darurat yang terpaksa kita lakukan dan bukanlah merupakan satu kebiasaan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah memberikan kerjasama yang selayaknya dalam meluluskan Rang Undang-Undang yang berkenaan ini sehingga selesai.

Oleh demikian, bagi membolehkan kita membincangkan perkara-perkara seterusnya saya ingin mencadangkan supaya kita bersidang semula di Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Oleh yang demikian sebagai peraturan

perundangan dalam meluluskan Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, rang ini akan dibaca bagi kali ketiga sebelum rang ini kita diluluskan untuk dijadikan sebagai akta. Ini adalah menurut prosedur kita yang terdapat dalam *Standing Order*.

Sebelum kita berbuat demikian maka saya kira adalah berpatutan bagi mesyuarat ini kita tangguhkan sementara dan kita akan bersidang semula dalam 20 minit yang akan datang.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi kita telah selesai meneliti dan menimbangkan Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Oleh yang demikian, sebagai menurut peraturan perundangan dalam meluluskan Rang Undang - Undang, ia akan dibaca bagi kali ketiga sebelum rang ini kita luluskan untuk dijadikan akta. Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang yang bergelar: **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2020/2021 Dan Untuk Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu"** telah pun dipertimbangkan dan diteliti satu per satu dalam Persidangan Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tidak ada apa-apa pindaan.

Oleh yang demikian, kaola memohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dapat dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya untuk diluluskan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, sebentar tadi telah menyatakan supaya Rang Undang-Undang yang bergelar: **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan**

Tahun Kewangan 2020 / 2021 Dan Untuk Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu" untuk dapat dibaca bagi kali ketiga.

Adakah Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyokong cadangan ini?

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dengan sepenuhnya. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. اللَّهُمَّ
 Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai meluluskan Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan 2020/2021 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Dengan ini telah dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya diluluskan. Cadangan ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju akan cadangan ini? Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju secara sebulat suara. Maka Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 ini diluluskan.

Yang Dimulihkan Jurutulis: "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2020/2021 Dan Untuk Memperuntukkan Wang Yang Tersebut Itu Bagi Maksud-Maksud Tertentu."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai meluluskan Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 dan ia akan mula berjalan kuat kuasanya pada **1 April 2020**. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita beralih kepada Perkara VIII, Susunan Kerja Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Dimulihkan Jurutulis : Perkara VIII - Ketetapan. Ketetapan No.1 - Ketetapan Di bawah Fasal 83 (7) Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola menerangkan secara ringkas mengenai Kertas yang dibentangkan di atas meja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebanyak 17 buah Perintah-Perintah yang telah disenaraikan dan Perintah-Perintah tersebut telah dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk diguna pakai.

Untuk makluman Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, bahawa sebahagian daripada perintah-perintah ini sudah pun berjalan dan diguna pakai pada tahun 2019 yang lalu dan sebahagian lagi telah mula berjalan pada tahun 2020. Kesemua Perintah ini telah diterbitkan dalam "Warta Kerajaan" menurut Peraturan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perintah-perintah ini telah pun diteliti dengan sehalus-halusnya dengan tujuan memastikan ia berjalan dengan teratur. Oleh itu, telah pun dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka kaola berpendapat tidaklah perlu kita membahaskannya dan sebaliknya lebih bersesuaian untuk diluluskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Keterangan ringkas mengenai perintah-perintah yang kaola sebutkan adalah seperti terdapat

dan tersenarai dalam Kertas Majlis Mesyuarat Negara No. 1 Tahun 2020. Oleh yang demikian, izinkan kaola sekarang untuk mencadangkan sebuah Ketetapan yang berbunyi:

“Majlis ini membuat Ketetapan menurut Fasal 7 Perkara 83 Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas No. 1 Tahun 2020 adalah masing-masing mulai dari perintah itu diluluskan.”

Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun mengemukakan sebuah Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 dan perkara ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sebagaimana jua yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi bahawa kebanyakan ataupun kesemua undang-undang yang disenaraikan dalam Kertas No.1 Tahun 2020 telah pun diluluskan secara *emergency orders* dan sebahagian undang-undang tersebut telah pun berjalan dan berkuat kuasa pada masa ini.

Oleh yang demikian, saya berpendapat perkara ini tidak perlu lagi kita bahaskan. Maka ada baiknya Ketetapan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ semua Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan sebulat suara. Maka Ketetapan ini diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ketetapan No. 2 di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggagal 136) akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon izin

kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di dalam Dewan yang mulia ini, untuk mencadangkan bahawa Majlis ini dengan ini membuat Ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggala 136) bahawa perbelanjaan sejumlah \$800,000,000.00 untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud - maksud tertentu di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2020/2021 dibentangkan sebagai kertas No. 2 Tahun 2020.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Butir-butir Perbelanjaan Kemajuan dalam tahun tersebut ada dinyatakan dalam Anggaran-Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun itu yang dibentangkan di atas meja sebagai Kertas No.2 Tahun 2020.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Cadangan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ini telah kita bincangkan secara terperinci dan panjang lebar dalam satu sidang Jawatankuasa dan telah diluluskan tiada pindaan. Maka kaola sekarang ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan rancangan-rancangan tersebut sebagaimana yang telah dirancangan.

Dari itu, kaola sukacita mencadangkan supaya Majlis ini menetapkan menurut Majlis ini, dengan ini membuat Ketetapan seperti yang dikehendaki Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggala 136), bahawa perbelanjaan sejumlah \$800,000,000.00 dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tertentu di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2020/2021 dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2020.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebentar tadi telah mencadangkan sebuah Ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggala 136). Saya suka meminta ada Ahli Yang Berhormat yang menyokong mengenai cadangan ini.

Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebentar tadi telah mengemukakan sebuah Ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggala 136), Negara Brunei Darussalam dan cadangan ini telah pun mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sebagaimana yang dinyatakan sebentar tadi, bahawa semua peruntukan wang Kemajuan ini telah pun diluluskan untuk dijadikan sebagai akta, oleh yang demikian perkara ini tidaklah perlu lagi kita bahaskan. Maka ada baiknya ketetapan ini sekarang kita undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ semua Ahli bersetuju. Maka Ketetapan ini diluluskan.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Perkara IX - Ucapan-Ucapan Penangguhan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sidang sekarang beralih kepada Perkara IX - Ucapan-Ucapan Penangguhan. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri saya juga ingin memberi peluang kepada seorang atau dua orang wakil daripada Ahli Yang Berhormat untuk menyampaikan dalam Ucapan Penangguhan ini.

Saya berikan selama 5 minit setiap seorang. Sekarang saya menjemput, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menyampaikan ucapannya.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ سُُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan izin-Nya juga kita telah dapat bersidang selama 5 hari dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara 2020.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ dalam masa yang singkat ini kita telah dapat meluluskan beberapa akta penting, khususnya Akta Perbekalan 2020/2021. Dengannya إِنَّ شَاءَ اللَّهُ akan membolehkan kerajaan untuk melaksanakan rancangan pembangunan negara demi meningkatkan tahap kemajuan ekonomi dan sosial bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Sebelum kaola meneruskan ucapan ini, dalam kesempatan ini kaola dengan penuh hormat dan tulus ikhlas, sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam memimpin pemesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara kita dengan sungguh lancar, teratur dan efisien serta fokus kepada isu-isu penting, bertepatan untuk dibahaskan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua juga telah memberikan kesempatan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan pengamatan dan pandangan serta soalan-soalan dan bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat dari pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan dan jawapan. Dengannya, kita telah dapat meneliti dan membahaskan Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021 dalam suasana permuzakarahannya dan hormat menghormati selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sama-sama bersyukur ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dalam menghadapi keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu dan pergolakan geopolitik serta kejadian-kejadian tidak diduga dan pada masa ini *COVID-19*, negara kita dengan izin اللَّهِ dan dengan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih mampu mencatatkan kadar pertumbuhan yang menggalakkan di samping menikmati beberapa pembaharuan signifikan dari sudut infrastruktur.

Oleh itu sebagai langkah yang strategik sebagaimana yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada awal mesyuarat ini fokus kewangan pada tahun ini menumpukan kepada 4 perkara:

1. Meningkatkan aktiviti pelaburan;
2. Memudah cara perniagaan;
3. Menjana sumber manusia yang kompeten dan *employable*; dan
4. Memelihara kesejahteraan awam.

Sekali lagi kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan baginda masih mampu untuk menyediakan peruntukan kewangan yang munasabah bagi Peruntukan Kewangan Tahun 2020/2021 demi memelihara ketenteraman dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Melalui 4 fokus utama ini, kita telah dapat membincangkan rancangan-rancangan kerajaan bagi tahun 2020/2021 terutama

sekali dalam mempelbagaikan ekonomi negara, meningkatkan kapasiti anak-anak tempatan dan memantapkan kesejahteraan dan keselamatan rakyat.

Keutamaan-keutamaan ini telah pun dikenal pasti bagi mencapai hala tuju melalui pelbagai usaha yang akan melibatkan bukan sahaja pihak kerajaan malah pihak swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (*NGOs*) dan setiap lapisan masyarakat di negara ini.

Cadangan dan pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat adalah dihargai terutama dalam mengurangkan kebergantungan pada minyak dan gas. Apa juga cadangan dan pandangan Ahli-Ahli Yang Berhormat akan berterusan diteliti dengan sehalus-halusnya oleh pihak kerajaan dan diberikan keutamaan sewajarnya mengambil kira tahap impaknya kepada kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini selari dengan 4 fokus utama kewangan pada tahun ini.

Memandangkan permesyuaratan pada tahun ini berakhir lebih awal maka kita tidak mampu mempunyai banyak kesempatan untuk membincangkan sepenuhnya perkara-perkara yang berkaitan dengan beberapa buah kementerian.

Dengan yang demikian, kaola mencadangkan agar perbincangan secara sektoral di peringkat kementerian diadakan sebagai tindakan susulan dan landasan untuk mengetahui sejauh mana

perancangan dan pelaksanaan pelan rancangan kementerian masing-masing selari dalam menangani isu-isu yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam pada tahun ini antara lainnya berkaitan dengan bagaimana kita dapat memikirkan langkah-langkah berkesan bagi menangani isu pengangguran.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, setakat ini beberapa inisiatif telah berjalan bagi menangani isu pengangguran dengan kerjasama *multi agency* seperti *Job Center Brunei* atau (*JCB*) dan Jabatan Buruh. Melalui proses saringan di *JCB* yang mula diperkenalkan pada penghujung tahun 2017 sehingga Februari 2020 menurut *JCB* seramai 2,949 pencari kerja tempatan mengisikan kekosongan di sektor swasta dan sebanyak 17,579 daripada 36,681 permohonan dari syarikat-syarikat untuk mendapatkan kelulusan daripada *Job Center Brunei (JCB)* untuk mendatangkan pekerja asing telah ditolak.

Dengan tertubuhnya *Manpower Planning* dan *Employment Council* usaha-usaha untuk menangani isu tenaga manusia dan pekerjaan akan digiatkan lagi

dengan pelaksanaan cadangan dan inisiatif-inisiatif baharu dalam masa yang terdekat dan diharap akan dapat membantu mengatasi isu-isu ini dan dalam masa yang sama menyumbang kepada perkembangan sektor swasta melalui peningkatan kompetensi dan kepakaran pencari kerja tempatan.

أَلْحَمُّ لِلَّهِ melalui inisiatif *Ease of Doing Business* pihak kerajaan sentiasa berusaha untuk menyediakan ekosistem yang menjana perkembangan sektor perniagaan di negara ini dan menjadikan negara ini sebagai destinasi utama bagi *Foreign Direct Investment (FDI)* serta membantu meningkatkan peluang pekerjaan dari segi jumlah dan kualiti pekerjaan.

Walau bagaimanapun, kita tidaklah boleh mengharap kepada kerajaan sahaja. Adalah diharapkan agar majikan-majikan di sektor swasta juga memainkan peranan masing-masing dalam membantu pekerja-pekerja mereka untuk bertahan lama agar pekerja tidak melihat sektor swasta sebagai pekerjaan sementara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sama-sama maklum dan sedar bahawa pendekatan *whole of nation approach* amat diperlukan bagi menangani isu-isu yang memerlukan koordinasi dan sokongan daripada berbagai-bagai pihak kerajaan dan bukan kerajaan seperti isu pengangguran, menjana perekonomian dan seumpamanya.

Untuk itu di Dewan yang mulia ini kita mengharapkan pendekatan yang kita sering laungkan ini agar benar-benar dapat direalisasikan dan tidak akan memberati mana-mana pihak untuk menanganinya. Rancangan-rancangan yang telah dikongsikan di Dewan yang mulia ini menunjukkan bahawa kita mempunyai impian dan aspirasi untuk merealisasikan Brunei maju menuju Wawasan Brunei 2035.

Marilah kita sama-sama melangkah ke hadapan dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang cemerlang lagi dihormati dengan ekonomi yang berkembang dan rakyat yang berkualiti dan bernilai tinggi. Dalam masa yang sama kita juga sentiasa perlu bijak menangani sumber yang sedia ada di samping meraih peluang-peluang lain di hadapan kita baik dalam arena global serantau mahupun dalam negeri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada Disember 2019 yang lalu, kita digegarkan dengan berlakunya insiden penularan wabak yang sekarang kita kenali sebagai *COVID-19* yang sehingga kini telah mengakibatkan beberapa kematian di beberapa buah negara yang terjejas teruk dengan wabak ini. Untuk itu di Dewan yang mulia ini kita turut bersimpati dengan musibah yang dihadapi oleh negara-negara berkenaan.

Di negara ini pula sejak 12 Mac 2020 sehingga malam tadi kita telah pun

mengikuti perkembangan terkini *COVID-19* di negara ini daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Dengan kedudukan pandemik *COVID-19* di negara ini dan di dunia, kita berharap seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan mematuhi nasihat dan arahan Kementerian Kesihatan dan memikul tanggungjawab *social responsibility* masing-masing dalam usaha kita menghadapi wabak *COVID-19* demi kebaikan, kesejahteraan dan keselamatan kita semua.

Kaola dengan tulus ikhlas sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, petugas-petugas barisan hadapan, seluruh pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan serta semua agensi-agensi kerajaan dan swasta yang telah sama-sama berusaha dengan bersungguh-sungguh dan penuh komitmen dalam menghadapi wabak *COVID-19* sejak bulan Disember 2019 yang lalu sehingga hari ini.

Marilah kita terus bersatu dan berdoa ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** semoga negara kita, seluruh rakyat dan penduduknya selamat dan terhindar daripada penularan wabak *COVID-19*. **أَمِينَ**

Sebelum kaola mengakhiri Ucapan Penangguhan ini kaola sukacita mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan seluruh kakitangan Majlis Mesyuarat Negara serta pihak media massa yang telah

sama-sama menjayakan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dengan lancar dan teratur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dengan bertawakal kepada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** maka kaola mengusulkan agar Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara 2020/2021 ditangguhkan.

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebentar tadi Ahli Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun memberikan Ucapan Penangguhan dan sebagaimana lazim kita mempunyai permohonan daripada beberapa orang ahli yang suka untuk membuat Ucapan Penangguhan mereka masing-masing.

Saya persilakan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang suka untuk berucap. Silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Marilah kita memanjatkan doa ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** semoga *COVID-19* yang sedang melanda negara pada masa ini dapat dihadapi dan ditangani dengan baik dan semoga mereka yang berkenaan akan diberikan kesembuhan oleh **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Oleh sebab Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini terpaksa dipendekkan disebabkan oleh wabak yang melanda negara pada masa ini dan untuk menjaga kemaslahatan orang lain kita hanya dapat membincang beberapa buah kementerian dengan terperinci.

Dalam kesempatan ini, kaola sukacita merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dalam memimpin dan memandu permesyuaratan ini dengan sempurna dalam suasana tenang dan harmoni, penuh kesabaran terbuka dan semangat muhibah.

Kaola sukacita mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara Keenam Belas 2020 tempoh hari.

Antaranya baginda bertitah bahawa kesan daripada wabak ini telah menjejaskan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara di dunia termasuk menjadi kurangnya permintaan minyak dan gas dunia dan secara automatik menjadikan harga kedua-dua komoditi ini jatuh berpanjangan.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan sentiasa memantau perbelanjaan dan kedudukan fiskal kerajaan dan program-program yang sedang dan akan dilaksanakan agar ia dapat berdaya tahan. Dalam masa yang sama, kaola memohon kerjasama yang padu dalam kalangan rakan-rakan kaola untuk berhati-hati dalam membelanjakan wang kerajaan.

Dalam sesi perbincangan yang lalu, Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan beberapa cadangan untuk mengukuhkan fiskal negara. Kaola mengucapkan terima kasih atas cadangan dan keprihatinan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** cadangan tersebut akan diteliti sedalam-dalamnya dengan kerjasama kementerian-kementerian yang berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kaola mengakhiri Ucapan Penungguhan ini, kaola sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana meluluskan Rang

Undang-Undang semua kementerian tanpa dibahaskan. Perkara ini dibuat adalah semata-mata menjaga kemaslahatan semua.

Akhir sekali, marilah sama-sama kita berdoa kepada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** mengurniakan kita semua taufik, petunjuk dan hidayah-Nya dan menyatukan hati kitani semua ke arah jalan-jalan yang berkebaikan supaya kita dapat menangani cabaran-cabaran ini dengan ikhlas, tabah dan penuh keredaan dan tanggungjawab semata-mata kerana **الله** jua.

Sekian, **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola berdiri di sini mewakili semua Ahli Yang Berhormat dengan penuh hormat dan takzim sama-sama menyokong sepenuhnya supaya Pesidangan Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan disebabkan keadaan yang dihadapi oleh negara pada masa ini.

Kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kecekapan dengan memimpin permesyuaratan dan juga kepada pegawai-pegawai di Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat kerana dapat memudah cara permesyuaratan sehingga mesyuarat berjalan dengan lancar, teratur lagi memuaskan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, Majlis Mesyuarat Negara musim ini telah membincangkan beberapa isu utama yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi Brunei terutama dengan penurunan permintaan dan harga minyak yang semakin menurun yang akan mencetuskan defisit bajet negara walaupun Negara Brunei Darussalam mencatat *surplus* pada tahun lepas 2019-2020.

Dalam pada itu, kaola menyarankan dan berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan terus membahaskan isu-isu yang penting melalui persuratan atau mana-mana platform yang bersesuaian dalam menyampaikan suara rakyat.

Berikutan penularan wabak jangkitan *COVID-19*. Kaola ingin juga mengucapkan penghargaan kepada pihak-pihak yang berkenaan terutama *frontlines* yang telah bertungkus-lumus melaksanakan tugas bagi mengurangkan risiko penularan wabak *COVID-19* di negara ini.

Khususnya, kakitangan Kementerian Kesihatan, media massa, Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Besenjata Diraja Brunei dan lain-lain. Dalam perkara ini, kaola ingin juga menasihatkan orang ramai untuk mengikut apa jua arahan dari pihak-pihak berkuasa dan tidak perlu panik, tidak mempercayai mesej viral yang tidak berasas atau sahih. Pada waktu yang mencabar ini lebih baik bagi kita untuk bersatu sebagai sebuah negara dan percaya kepada pemimpin kita menjaga antara satu sama lain dan meneruskan aktiviti harian dengan sebaik mungkin.

Akhirnya, kaola berdoa ke hadrat *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* mengurniakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Negara Brunei Darussalam sihat walafiat dilanjutkan usia, taufik dan hidayah aman makmur dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam turun-temurun hingga ke akhir zaman begitu juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta ahli kerabat diraja. *آمِينَ. آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ*

Akhir sekali kaola tidak lupa mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan jabatan yang berkenaan atas tanggungjawab yang telah dijalankan dengan sempurna.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar ucapan-ucapan penungguhan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan atas ucapan-ucapan penungguhan yang telah disampaikan tadi.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara kali ini, iaitu kali keenam belas telah pun selesai walaupun dalam keadaan suasana yang agak luar biasa yang sangat membimbangkan dengan adanya keadaan negara yang menghadapi penularan wabak *COVID-19*.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini berserta dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan pegawai-pegawainya dan juga semua pihak yang berkenaan yang terlibat dalam menangani masalah ini supaya negara, rakyat dan kita semua dalam keadaan selamat.

Wabak yang dihadapi ini telah pun disifatkan sebagai pandemik ketika ini. Wabak ini telah muncul pada pengakhir tahun lepas dan nampaknya telah pun menular ke beberapa buah negara hingga menyebabkan kematian, korban jiwa yang begitu banyak.

Saya masih ingat ucapan yang dibuat oleh Pengerusi *WHO* yang telah menggesa semua negara menerima hakikat bahawa katanya *'this is not a drill, this is for real'*. Kita harus menerima hakikat ini, bahawa wabak ini harus ditangani sebaik-baiknya dan kita haruslah menurut peraturan-peraturan yang tertentu yang ditentukan oleh pihak-pihak yang berwajib supaya kita sebagaimana yang saya nyatakan terus selamat, terus terpelihara dan usaha kita ini ditambah dengan kepercayaan kita bahawa kita akan selamat dengan doa sebagaimana yang telah pun dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa negara kita adalah tidak luput dengan doa, di mana saja kita berada kita akan sentiasa berdoa di rumah, di masjid, di dalam Dewan ini supaya kita selamat, negara kita selamat *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang penuh tulus ikhlas kepada semua ahli atas kerjasama yang telah diberikan. Nampaknya, semua Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak membantah apabila kita menyatakan bahawa hari ini kita akan bersidang hanya pada sebelah pagi ini dan kita akan meluluskan Rang Undang-Undang yang berhadapan dengan kita. Sungguhpun saya kira mungkin ada Ahli-

Ahli Yang Berhormat berucap kurang percaya yang kita akan boleh membuatnya dalam masa yang begitu singkat. Saya penuh percaya rasa tanggungjawab yang diperlihatkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian menunjukkan begitu kentalnya semangat untuk kita bersatu dalam menempuhi keadaan yang kita hadapi ketika ini *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan mereka masing-masing serta juga kakitangan kementerian-kementerian lain yang juga turut memberikan sumbangan untuk menjayakan permesyuaratan kita kali ini.

Saya hanya kesal bahawa pada pagi ini kita terpaksa menghadkan kehadiran pegawai-pegawai dan agak ganjil bagi kita melihat betapa banyaknya kerusi yang kosong di belakang Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya ingin sekarang menyembahkan sepenuhnya ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan baginda bercemar duli untuk membuka rasmi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama

Dari Musim Permesuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 14 Rejab 1441 bersamaan 9 Mac 2020 dan seterusnya berkenan mengurniakan titah yang begitu padu dan teratur.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu amat mendalam dan mengandungi nasihat dan pandangan jauh yang jelas mencerminkan hasrat baginda untuk menentukan bahawa Negara Brunei Darussalam ini akan terus makmur, akan terus menjadi negara yang sejahtera, aman damai dengan rakyatnya dan penduduknya di negara ini juga maju dan makmur.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** kita perlu bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih mampu untuk menyediakan peruntukan belanjawan yang munasabah bagi Tahun Kewangan 2020/2021 untuk membiayai projek-projek dan inisiatif-inisiatif pembangunan negara dengan mengambil kira keadaan ekonomi negara yang menghadapi pelbagai cabaran. Pihak-pihak yang berkenaan dinasihatkan untuk menggunakan peruntukan yang disediakan secara bijak dan berhemah serta sentiasa berhati-hati dalam merancang dan menguruskan perbelanjaan.

Saya juga ingin menyeru kepada semua pihak yang berkenaan untuk terus berganding bahu dalam melipatgandakan usaha untuk mempelbagaikan ekonomi dan meningkatkan produktiviti negara agar dapat mengukuhkan lagi kedudukan kewangan kita. Semua usaha dan inisiatif ini setentunya memerlukan sokongan padu semua pihak untuk mendapatkan impak yang sepenuhnya. Saya berharap juga Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat meneruskan lagi per muzakarah mereka di luar Dewan yang telah diadakan sejak beberapa tahun. Per muzakarah ini ataupun mesyuarat ini tidak semestinya dengan menteri sahaja.

Barangkali, perlu juga diadakan dengan pegawai-pegawai yang berkenaan, supaya akan membawa perubahan yang positif dan signifikan terhadap pentadbiran negara kita. Saya percaya Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan sentiasa mengalu-alukan bagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan II bahawa Yang Berhormat mengalu-alukan muzakarah dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat apabila Ahli-Ahli Yang Berhormat bersedia untuk menemuinya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Datanglah dan berbincang dengan kementerian-kementerian yang berkenaan untuk menyuarakan dan mengemukakan pandangan dan cadangan dalam usaha kita semua untuk mendatangkan kebaikan negara yang

kita cintai ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri telah juga bertitah sedemikian supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat membuat impak ataupun tindakan-tindakan yang memberikan signifikan kepada negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Keenam Belas ini adalah bagi memenuhi kehendak-kehendak seperti yang dipersyaratkan dalam Artikel 40, Bab 40 (1) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959. Kita telah pun, sebagaimana yang saya nyatakan menjalankan tugas kita dengan baik dan teratur, sungguhpun dalam keadaan yang agak membimbangkan.

Akhir sekali, marilah kita berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa mendapat rahmat dan perlindungan daripada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Sebagaimana yang saya nyatakan dengan perlindungan itu kita juga dapat melaksanakan tugas kita sebagai warga yang penuh bertanggungjawab bagi menentukan negara kita ini akan terus makmur, sejahtera dan akan terus menjadi negara yang berdaulat lagi merdeka.

Dengan ucapan yang ringkas ini maka mengikut Peruntukan 35 (1) dari Peraturan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara maka Majlis Mesyuarat Negara ini kita tangguhkan pada suatu masa yang belum ditetapkan tarikhnya. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bertemu lagi pada suatu ketika lagi dalam keadaan yang lebih cemerlang,

Sekian. **وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

(Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ditangguhkan)

JABATAN PERDANA MENTERI**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT DAYANG NIK HAFIMI
BINTI ABDUL HAADII****PROGRAM *i-READY* DAN
PERKEMBANGAN PERUSAHAAN
KECIL DAN SEDERHANA**

Program *i-Ready* akan masuk tahun ke-3 selepas pengenalannya pada tahun 2017 dan terdapat maklum balas dan komen-komen dari lapisan masyarakat, sektor swasta dan kementerian-kementerian.

Majikan-majikan yang mengambil graduan Program *i-Ready* bukan hanya dari sektor swasta tetapi juga dari sektor awam dan kebanyakan aparentis yang mendapat manfaat paling mendekati program ini dengan minda terbuka dan menggunakannya sebagai penempatan peluang belajar dan juga memperluas peluang jaringan kerja mereka.

Dari pemerhatian saya dalam Program *i-Ready* menghasilkan 2 kesan (*outcome*) positif secara tidak sengaja dan bukan sebahagian daripada terma rujukan semasa perancangannya iaitu:-

a) Ia membolehkan *interns i-Ready* membantu *start-ups* untuk mempercepatkan syarikat-syarikat mereka berkembang dengan lebih cepat dan sesetengahnya menjadi lebih pantas dengan evolusi semula jadi mereka sebagai permulaan; dan

b) Ia mewujudkan peluang eko-sistem untuk *interns i-Ready* dengan menanamkan keyakinan untuk menjadi usahawan.

Soalan saya ialah:

- i. Adakah terdapat kajian semula atau kesesuaian Skim *i-Ready* yang kemudian dapat menampung positif-positif yang tidak disengajakan untuk "digalakkan" memandangkan ia dapat mengembangkan keusahawanan?; dan
- ii. Dalam hal sedemikian akan lebih berkesan untuk mempertimbangkan pemberian *grants* kepada pengusaha kecil dan sederhana melalui kualiti perkerja. Sebagai kajian pertengahan inisiatif *i-Ready* adakah pihak tertentu melihat perkara ini sebagai satu cara ke hadapan?

JAWAPAN:

Soalan ini akan dijawab oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

(Maklumat ini adalah hasil penyelarasan bersama pihak MPEC dan pejabat Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II).

**JAWAPAN DARIPADA YANG
BERHORMAT MENTERI KEWANGAN
DAN EKONOMI II**

Sekretariat Tetap *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* memang sentiasa memantau keberkesanan Program Perantisan *i-Ready*. Ini termasuklah langkah-langkah penambahbaikan mengikut kesesuaian ke arah mencapai objektif program ini iaitu untuk meningkatkan *marketability* dan *employability* kepada anak-anak tempatan.

Dalam pada ini, pihak Sekretariat Tetap MPEC telah membuat beberapa penelitian ke atas penyalahgunaan program oleh sebahagian syarikat-syarikat seperti mengurangkan gaji pekerja atau memberhentikan pekerja yang ada kerana bergantung kepada pembayaran elaun *i-Ready*, memberikan jawatan yang tidak bersesuaian mengikut kelulusan sebagaimana yang telah mereka janjikan.

Setakat 15 Februari 2020, seramai 58 orang perantis sedang ditempatkan dengan syarikat-syarikat *start-up* dan 3 orang telah berjaya mendapatkan pekerjaan tetap. Manakala 41 orang dari 248 orang perantis berjaya mendapatkan pekerjaan tetap dengan MSME. Dari segi pengembangan keusahawanan pula, satu kumpulan *i-Ready* yang terdiri dari 7 orang graduan telah berjaya menubuhkan perusahaan mereka sendiri. Oleh yang demikian, kaola sukacita menyarankan kepada anak-anak tempatan termasuk para perantis

i-Ready yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan, untuk menggunakan platform yang sedia ada seperti program-program yang diungkayahkan oleh *DARe* dan *LiveWire*.

Menyentuh mengenai dengan pemberian *grant* pula, MPEC telah meluluskan pengembangan skop bagi *Human Resource Development (HRD) Fund* di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 bagi mendukung hasrat dalam meningkatkan kemahiran anak tempatan yang antara lainnya adalah termasuk Program *Training Grants* bagi syarikat kecil dan sederhana.

Geran '*Co-Matching*' dari *DARe* menawarkan bantuan kewangan sehingga \$20 ribu dalam bentuk pembiayaan padanan (70:30) kepada PMKS tempatan iaitu *DARe* akan membiayai 70% dari kos projek, manakala 30% lagi akan dibiayai oleh pemohon itu sendiri. Tujuan skim ini adalah untuk membantu mempercepatkan perkembangan perusahaan tempatan dan seterusnya membantu mereka untuk mengeksport produk masing-masing ke pasaran luar.

Terdapat 2 kategori iaitu:

- i. Kategori I:
Bagi syarikat yang sedia ada dengan jumlah maksimum pembiayaan sehingga \$20,000.00 ribu dan;
- ii. Kategori II:
Bagi syarikat baharu dengan jumlah maksimum pembiayaan

sehingga \$10 ribu bagi pemohon yang berjaya.

Pada tahun 2019, sebanyak 11 permohonan telah diterima dan dua daripadanya sudah diluluskan. Dua perniagaan yang telah diluluskan adalah di dalam sektor industri kesihatan dan kecantikan (*health and beauty*) dan makanan & minuman (F&B).

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI RAMLI BIN HAJI LAHIT

ISU KESEMPITAN DALAM KEPERLUAN SARA HIDUP

Senario tidak berkemampuan dalam memikul perbelanjaan keluarga sama ada individu yang mempunyai pekerjaan atau tidak adalah satu perkara yang semakin banyak berlaku sekarang dan seolah-olah terus wujud di kalangan masyarakat. Sering kali didengar dan dilihat di media massa tentang individu yang dihadapkan ke mahkamah, dibicarakan sama ada sebab kes-kes jenayah, pecah rumah, penipuan atau curi yang kebanyakannya dari golongan yang tidak mempunyai pekerjaan. Ada juga yang terlibat itu mereka yang sudah lanjut umur, malah ada juga yang terdiri dari pasangan suami isteri. Sungguhpun banyak usaha-usaha untuk membantu mereka dengan secara bantuan dari badan-badan kebajikan, orang perseorangan, mengadakan kursus kepada golongan yang tidak berkemampuan, malangnya gejala sosial ini masih juga berlaku.

Jumlah individu untuk memohon bantuan kian meningkat. Ada yang mempunyai pekerjaan, walaupun menerima gaji sebanyak \$2,000 sebulan tetapi tidak mencukupi kerana keperluan harian dan sara hidup yang kian meningkat. Apatah lagi bagi pesara penjawat awam yang tidak berpencen, yang hanya mengharapkan pencen bulanan umur tua bagi menampung keperluan hari-hari mereka. Yang mendukacitakan juga ada di antara mereka menumpang bersama dengan anak-anak mereka yang sudah berkeluarga.

Kepada Jabatan Perdana Menteri sebagai indung kepada kerajaan dan pembuat dasar, saya ingin bertanya:-

- i. Adakah cadangan bagi setiap individu yang berstatus rakyat yang bekerja di sektor swasta diberikan elaun tambahan seperti mana dilaksanakan terhadap belia-belia bekerja di syarikat-syarikat swasta?;
- ii. Adakah keperluan memberikan bimbingan berperingkat-peringkat mengenai PROGRAM CELIK KEWANGAN kepada semua agar ianya menjadi kemahiran hidup, membangun dan mengamalkan tabiat dan perilaku kewangan yang sihat?;
- iii. Adakah dalam perancangan kerajaan untuk memberikan bantuan asasi kepada mereka yang kurang berkemampuan ini dengan bersyarat, iaitu mereka mesti mencari pekerjaan

yang bersesuaian di kawasan kampung atau mukim masing-masing seperti mengambil upah memotong rumput dan membersihkan masjid atau sekolah?; dan

- iv. Adakah dalam perancangan kerajaan untuk memberikan rumah-rumah kerajaan yang terbiar di mukim-mukim dan kampung-kampung kepada satu agensi yang khusus memberikan bantuan untuk dijadikan rumah penempatan sementara bagi mereka yang kurang berkemampuan?

JAWAPAN:

Terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat mengemukakan mengenai isu ini. Kaola telah berunding dengan rakan sejawat kaola Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk memberikan jawapan mengenainya.

JAWAPAN DARIPADA YANG BERHORMAT MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II

(Jawapan soalan no. i)

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat atas soalan yang diajukan. Pemberian elaun tambahan kepada setiap individu di sektor swasta adalah tertakluk kepada kemampuan syarikat berkenaan. Dalam pada itu juga pemberian elaun tambahan bukannya

jalan penyelesaian untuk mengurangkan jenayah-jenayah yang terjadi sebagaimana yang dinyatakan oleh ahli Yang Berhormat.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

(Jawapan soalan no. ii, iii dan iv)

Berhubung dengan Program Celik Kewangan seperti mana juga penyelarasan yang telah dibuat di antara pihak Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan, kaola ingin menjemput rakan kaola, Yang Berhormat Menteri Pendidikan selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Celik Kewangan untuk memberikan jawapan mengenainya.

Mengenai dengan perancangan kerajaan untuk memberikan bantuan asasi kepada mereka yang kurang berkemampuan dengan bersyarat, Jabatan Perdana Menteri selaku ahli di dalam Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) terlebih dahulu ingin mengongsikan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ada melaksanakan Program TEKAD yang antara lainnya sebagai usaha dalam mendorong para penerima bantuan yang berupaya untuk bekerja sebagai syarat bagi bantuan kebajikan mereka diteruskan.

Dalam hal ini, Jabatan Perdana Menteri selaku ahli di dalam MKIS akan berterusan memberikan dukungan dan kerjasama sepadu di dalam pelaksanaan

usaha-usaha kebajikan masyarakat dan di dalam menyediakan bantuan kebajikan kepada orang-orang yang memerlukan seperti daif, fakir dan miskin.

Dikongsikan bahawa setakat ini Jabatan Perdana Menteri belum ada perancangan secara spesifik untuk menyerahkan rumah-rumah kerajaan yang terbiar kepada satu agensi yang khusus dalam memberikan bantuan untuk dijadikan rumah penempatan sementara bagi mereka yang kurang berkemampuan.

Walau bagaimanapun, sukcaita dikongsikan bahawa dalam usaha yang berkaitan dengan beberapa buah unit flat kerajaan yang kosong di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah pun diserahkan kepada agensi - agensi kerajaan yang memerlukan seperti berikut:-

SERAHKAN KEPADA	JUMLAH UNIT
DARUSSALAM ASSET	96
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	123
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	4
ISTANA MAINTENANCE DEPARTMENT	4
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI	2
JAPEM	7

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertanggungjawab dalam memperuntukkan rumah / flat kerajaan kepada pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan awam yang berkecukupan. Pada masa ini, rumah /

flat kerajaan di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam belum mencukupi untuk menampung permintaan pemohon-pemohon dalam senarai menunggu. Jabatan Perkhidmatan Awam telah dan akan berterusan mengadakan perundingan bersama agensi-agensi yang berkenaan dalam menangani dan mengatasi masalah berkenaan.

Dalam pada itu, sebagaimana yang dikongsikan oleh Kementerian Pembangunan kepada Jabatan Perdana Menteri, pada masa ini kementerian berkenaan sedang mengumpulkan data dan maklumat mengenai rumah-rumah dan flat kerajaan yang kosong dan terbiar. Aset-aset berkenaan akan dikaji dan diteliti mengenai kesesuaiannya untuk diberikan kepada agensi yang memerlukan bagi membantu mereka yang memerlukan.

Bagi setiap soalan ketiga dan keempat, kaola juga telah berunding dengan rakan sejawat kaola Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk sebarang maklumat tambahan.

JAWAPAN DARIPADA YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

(Jawapan soalan no. iii)

Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit atas soalan mengenai pemberian bantuan asasi secara bersyarat. Kaola melihat perkara ini amat bertepatan dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam untuk memperkasa sara diri golongan sasaran dengan membuka peluang yang lebih luas untuk mereka mendapatkan pekerjaan ataupun bergiat di dalam bidang keusahawanan yang sekali gus akan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan. Sememangnya, pihak kementerian amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat untuk menentukan pekerjaan dan perusahaan kepada golongan berkenaan sebagai syarat atau alternatif kepada menerima bantuan kerajaan.

Ke arah ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sedang melaksanakan Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan yang diterajui oleh pelbagai kementerian dan agensi secara *cross-sectoral* yang bermatlamat untuk mengurangkan kebergantungan kepada bantuan bagi melahirkan masyarakat yang berdikari dan berdaya tahan dengan memfokuskan kepada pemerkasaan sara diri ke arah mengeluarkan golongan sasaran dari kitaran kemiskinan (*poverty cycle*) melalui pekerjaan, keusahawanan dan latihan. Dalam bidang pekerjaan secara khususnya, inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan diselaraskan dengan pelan tindakan *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)*.

Ini bertujuan untuk meningkatkan akses dan kapasiti kumpulan sasaran, khususnya *vulnerable groups* untuk

memperolehi pekerjaan (*meaningful employment*) agar gaji yang diperolehi akan dapat mengeluarkan mereka dari kemiskinan. Melalui program berkenaan, hasrat kita adalah bagi menyasarkan 30% daripada penerima bantuan serta tanggungan *able-bodied* dan *able-to-work* untuk mendapatkan pekerjaan dalam masa 5 tahun.

Kaola juga ingin mengongsikan bahawa inisiatif ini adalah kesinambungan kepada program-program pengupayaan dan kemahiran yang telah dan akan terus dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi di sektor kerajaan dan bukan kerajaan bagi meningkatkan jumlah orang kurang berkemampuan termasuk penerima bantuan serta tanggungan yang mandiri dan keluar dari kepompong kemiskinan.

Antara lain, Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) di bawah Majlis Ugama Islam Brunei melibatkan seramai 75 golongan sasaran dari tahun 2016 hingga 2019 di Pusat Pembangunan Belia di samping Program BKB100, Program TEKAD, Program Pelan Pekerjaan dan Program Keusahawanan dan Latihan yang terus dilaksanakan oleh pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat dengan kerjasama agensi lain.

Di samping itu, 161 warga kurang berkemampuan daripada beberapa buah kampung telah mengikuti kursus singkat yang memfokuskan kepada bidang jahitan, masakan, tatarias dan *welding* yang diterajui oleh Majlis Perundingan

Kampung untuk golongan berkenaan di Pusat Pembangunan Belia.

Secara khususnya, pemberian bantuan secara bersyarat mula dilaksanakan melalui Program BKB100 sebagai *pilot project* kepada Program TEKAD yang menyasarkan kepada 100 penerima bantuan berulang-ulang *able-bodied* dan *able-to-work* untuk bekerja bagi membolehkan bantuan kebajikan bulanan bagi tanggungan mereka untuk diteruskan, manakala Program Pelan Pekerjaan disasarkan untuk membantu golongan yang memerlukan termasuk penerima bantuan dan tanggungan untuk mendapatkan pekerjaan tanpa persyaratan.

Di bawah kedua-dua program ini kita sentiasa memberikan keutamaan untuk mencarikan pekerjaan kepada golongan berkenaan dengan kerjasama syarikat swasta di samping mengambil kira lokasi pekerjaan yang berdekatan untuk kesenangan mereka. *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ*, pada tahun 2019, sejumlah 223 orang telah berjaya mendapatkan pekerjaan melalui kedua-dua program ini. Pada tahun ini, 13 orang telah memperolehi pekerjaan setakat ini dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* 4 orang lagi ditentukan untuk memulakan pekerjaan dalam masa yang terdekat.

Di samping pekerjaan, *micro-grant* turut diberikan kepada orang kurang berkemampuan termasuk golongan berpendapatan rendah, ibu tunggal, Kaum Hawa dan penerima-penerima bantuan yang berpotensi untuk memulakan perusahaan sendiri. *Micro-*

grant tersebut diagihkan oleh pihak kerajaan dalam bentuk wang, sebagai contoh, sejumlah \$7,455.00 telah diberikan kepada perusahaan-perusahaan jahitan dan fesyen yang dikendalikan oleh Kaum Hawa dan OKU pada tahun 2019, mahupun dalam bentuk peralatan seperti mesin rumput yang diagihkan kepada tiga orang penduduk Kampung Danau yang kurang berkemampuan melalui Program Satu Kampung Satu Keluarga (1K1K) iaitu inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi membantu individu-individu yang telah dikenal pasti untuk meningkatkan pendapatan dan mengelakkan daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti tidak sihat pada bulan November 2019 di samping pengagihan mesin yang sama kepada kepada 3 individu berpendapatan rendah di Kampung Mengkubau dengan kerjasama antara Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Majlis Perundingan Kampung pada bulan Julai 2019. Bagi tahun ini, kita berhasrat untuk melarutkan lagi inisiatif ini dengan sasaran yang lebih tinggi, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*. Apa yang penting, pemantauan keberkesanan program pengagihan *micro-grant* hendaklah dilaksanakan bagi menentukan hasrat dan matlamat bagi golongan sasaran untuk mendapatkan pendapatan secara berterusan dan tidak disalahgunakan.

Secara keseluruhannya, walaupun diakui kita masih menghadapi cabaran signifikan, terutamanya dalam aspek perubahan minda (*mindset*), *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dengan adanya Pelan Tindakan

Pembasmian Kemiskinan yang tersebut tadi, jurang yang ada akan dapat diperbaiki demi memastikan lebih ramai daripada golongan berkenaan akan berusaha sendiri dan mandiri.

(Jawapan soalan no. iv)

Mengenai perancangan kerajaan untuk menyediakan rumah-rumah penempatan sementara, Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan turut mengutamakan usaha ke arah memastikan kumpulan sasaran mempunyai kediaman mampu milik yang kekal (*ownership*) sebagai asas yang boleh menghindar dari kemiskinan dalam jangka masa yang panjang, di samping mempunyai hala tuju untuk menyediakan bangunan kosong yang diperbaiki untuk diguna sama sebagai kediaman sementara.

Dari aspek perumahan sementara, pihak Kementerian mempunyai 5 bangunan pusat penempatan sementara di Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait dan sejak tahun 2020, Daerah Tutong yang menempatkan secara keseluruhan sejumlah 259 unit kediaman.

Kaola ingin mengongsikan bahawa pada asalnya, kesemua unit kediaman berkenaan merupakan flat-flat kerajaan kosong yang telah diserahkan kepada pihak kementerian. Pada awal tahun 2020 sahaja, 37 flat Kerajaan kosong telah diperbaiki untuk dijadikan kediaman sementara iaitu sebanyak dua puluh empat (24) unit di Daerah Belait, enam (6) unit di Daerah Brunei dan Muara dan tujuh (7) unit di Daerah

Tutong. Setakat ini, statistik turut menunjukkan bahawa sejumlah besar iaitu 147 unit didiami oleh golongan susah, manakala 62 unit yang didiami oleh mangsa bencana.

Oleh yang demikian, Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan juga menekankan pentingnya bagi golongan sasaran untuk mempunyai kediaman yang kekal (*ownership*) dan selesa sebagai asas yang boleh menghindar dari kemiskinan dalam jangka masa yang panjang. Di bawah ini, Jawatankuasa *Housing Focus Group (HFG)* yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan menggabungkan usaha-usaha Jabatan Perdana Menteri, Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi mengenal pasti tanah-tanah kerajaan yang sedia ada untuk menempatkan rumah kekal di samping kawasan untuk memberikan peluang kepada golongan berkenaan untuk berkecimpung dalam tanaman dan perniagaan, yang sekali gus menyumbang kepada usaha untuk menjadikan mereka sebagai golongan yang mandiri. Di samping itu, *infil land* turut dikenal pasti untuk membina rumah-rumah kadar rendah (*low cost housing*) bagi golongan-golongan berkenaan.

Di bawah inisiatif ini, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, Jawatankuasa *Housing Focus Group (HFG)* sedang membina 48 buah rumah yang akan didiami dan dimiliki oleh golongan susah. **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ**, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pelan Tindakan

Pembasmian Kemiskinan adalah bagi pembinaan 100 buah rumah setiap tahun dalam tempoh 5 tahun yang akan datang.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT AWANG HAJI ABDUL
WAHAB BIN APONG**

**PELUANG-PELUANG PERKERJAAN
BAGI GRADUAN YANG BUKAN DARI
LEPASAN POLITEKNIK**

Sejauh pengamatan saya, peluang-peluang pekerjaan yang terdapat setiap kali tawaran peluang pekerjaan sebahagian besarnya adalah dalam bidang kejuteraan, ICT dan perniagaan. Senario ini dijangka berlaku seterusnya memandangkan peluang-peluang pekerjaan terbuka luas melalui pertumbuhan industri-industri dan pelabur-pelabur asing ke negara ini dalam usaha meningkatkan KDNK negara dan menuju Wawasan 2035.

Seperti yang dilihat pada masa ini ramai lepasan-lepasan graduan yang belum mendapat peluang pekerjaan sehingga 7 ke 8 tahun kerana tidak mempunyai kemahiran.

Saya bertanya:

Apakah persiapan dalam jangka masa pendek dan sederhana pihak berkenaan supaya graduan-graduan yang bukan daripada lepasan politeknik dapat sama-sama merebut peluang-peluang ini?

JAWAPAN:

Soalan ini akan di jawab oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

(Maklumat ini adalah hasil penyelarasan bersama pihak MPEC dan pejabat Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II).

**JAWAPAN DARIPADA YANG
BERHORMAT MENTERI KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan yang diajukan. Tawaran peluang-peluang pekerjaan tidak saja terhad kepada bidang kejuruteraan, ICT dan perniagaan malah pelbagai jenis bidang adalah dibukakan. Para pencari kerja tempatan adalah disarankan untuk mendaftar dan membuat permohonan dengan menggunakan platform yang disediakan oleh *JobCentre Brunei*.

Dalam masa yang sama, MPEC akan terus memberikan fokus atas peningkatan kapasiti dan kemahiran anak-anak tempatan agar dapat sama-sama meraih peluang-peluang pekerjaan yang disediakan. Dalam hubungan ini, MPEC telah meluluskan bagi pengembangan skop *Human Resource Development (HRD) Fund* di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 bagi mendukung hasrat ini.

Mereka yang berkeinginan untuk meningkatkan kemahiran dan menambah pengetahuan, bolehlah mendapatkannya melalui pelbagai cara, termasuk:

- i. Memohon ke institusi-institusi latihan atau pendidikan seperti IBTE, UBD, UTB, Pusat Pembangunan Belia dan sebagainya untuk menjalani kursus panjang dan pendek seperti program *Continuing Education and Training (CET)*;
- ii. Memohon skim biasiswa dalam dan luar negeri;
- iii. Memohon skim bantuan biasiswa dalam dan luar negeri; dan
- iv. Mengikuti program-program khas yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti program perantisan, program-program keusahawanan dan sebagainya.

Sekian sahaja yang dapat disampaikan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong. Terima Kasih.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT AWANG NAIM BIN
HAJI KHAMIS**

**PENGAWAS KEJIRANAN NEGARA
DIPERKASAKAN**

Mesyuarat dan pemimpin akar umbi di negara ini adalah dikehendaki dan diperlukan melibatkan diri bersama

dengan pihak tertentu terutama sekali Pasukan Polis Diraja Brunei bagi membantu untuk mengatasi masalah sosial remaja dan penangguran.

Pengawas kejiaran juga perlu dihulurkan inisiatif dalam apa jua bentuk bagi memantau aktiviti yang tidak diingini, khususnya dalam penglibatan penyalahgunaan dadah, curi dan lain-lain aktiviti yang tidak diingini.

Saya ingin bertanya:

- i. Adakah atau apakah sudah tiba masanya bagi Pengawas Kejiaran di negara ini diperkasakan atau pihak yang berkenaan sudah selesai dengan usaha-usaha yang mereka buat selama ini?; dan
- ii. Apakah ada strategi yang telah digubal dalam menangani isu-isu tidak sihat ini terutama sekali penyalahgunaan dadah dan pengangguran dan apakah KPI yang digunakan untuk menyukat keberkesanannya?

JAWAPAN:

Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis kerana mengajukan soalan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang terdapat usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan peranan Pengawasan Kejiaran di negara ini. Setakat ini, kuasa yang diberikan kepada Pengawasan Kejiaran adalah dinilai memadai.

Walau bagaimanapun, perkara yang perlu diberikan perhatian dalam hal ini adalah meningkatkan kemudahan dan latihan kepada ahli-ahli Pengawasan Kejiranan. Selain itu, usaha-usaha yang mustahak adalah untuk memastikan dan meningkatkan penglibatan masyarakat dan orang kampung dalam usaha-usaha seperti ini. Usaha ini bukan sahaja diharapkan untuk menurunkan kadar jenayah di mukim dan kampung, tetapi juga untuk menyemai kesepaduan di antara pihak-pihak agensi keselamatan dan penguatkuasaan Negara Brunei Darussalam bersama masyarakat untuk sama-sama menanamkan rasa tanggungjawab dalam menjaga keselamatan Negara Brunei Darussalam.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-Ahi Yang Berhormat lainnya, jumlah tangkapan penyalahgunaan dadah pada tahun 2019 adalah 698 dan pada tahun 2018 adalah sebanyak 689. Walaupun terdapat sedikit peningkatan pada tahun 2019, agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan akan terus mempertingkatkan usaha-usaha untuk menurunkan kadar penyalahgunaan dadah ataupun menghapuskan penggunaan dadah di Negara Brunei Darussalam.

Pada masa ini, secara keseluruhannya kerajaan Negara Brunei Darussalam melaksanakan pelbagai program bagi mencapai matlamat tersebut melalui program-program kesedaran awam mengenai betapa bahayanya

penyalahgunaan dadah. Program-program yang direncanakan tersebut juga menyasarkan golongan belia dengan menggalakkan mereka agar terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang sihat, bermanfaat dan mendatangkan faedah seperti melibatkan diri dalam bidang kesukarelawan, aktiviti keagamaan, perniagaan, bermasyarakat, berkeluarga, bersukan, kesenian, bakat dan sebagainya.

Dalam menangani isu-isu yang tidak sihat ini, agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan akan terus menghalang kemasukan dadah ke Negara Brunei Darussalam. Biro Kawalan Narkotik melalui peranan utamanya mengambil pendekatan yang komprehensif dan seimbang iaitu melalui strategi pengurangan bekalan dadah dan strategi pengurangan perminatan dadah.

Di bawah strategi pengurangan bekalan dadah adalah seperti penguatkuasaan dan perundangan yang tegas, mengetatkan penguatkuasaan di pos-pos kawalan dan melaksanakan pengawalan terhadap bahan kimia prekursor. Manakala di bawah strategi pengurangan permintaan dadah adalah melalui strategi seperti memberikan perkhidmatan rawatan dan pemulihan di Pusat Al-Islah.

Dalam memastikan usaha kawalan dan pemantauan berterusan, Biro Kawalan Narkotik juga melaksanakan program-program rawatan dan pengawasan kepada bekas penyalahgunaan dadah

yang terlibat. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kadar penyalahgunaan dadah di Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dipantau melalui kadar kes-kes tangkapan dan kes-kes berulang.

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT FDR. AR. DAYANG ROZAIMERIYANTY BINTI DATO SERI LAILA JASA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN

PENGAUDITAN KUMPULAN WANG, DANA-DANA DAN ZAKAT

Saya ingin menyentuh mengenai ketelusan zakat dan dana-dana amal (jika ada) kerana saya percaya, aksesibiliti dan transparansi maklumat bagi peruntukan zakat dan dana-dana amal tersebut adalah sangat penting. Ia adalah mustahak untuk organisasi-organisasi amal yang menguruskan wang yang telah dikumpulkan ini dengan cekap, berkesan dan memudahkan. Ini akan lebih menyakinkan orang awam yang mungkin akan menjadi pembayar zakat dan penderma dana-dana amal untuk dapat meletakkan kepercayaan mereka pada sistemnya.

Telah diketahui bahawa negara kita kini semakin aktif dalam mengadakan pembiayaan dana dan derma-derma bagi berbagai keperluan seperti Dana Pembinaan Masjid dan Dana Anak-Anak Yatim. Malah Negara Brunei Darussalam juga melaksanakan *Mosque Financial Fund* pada Januari 2020. Akan tetapi masih terdapat kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku seperti

penyelewengan wang-wang yang dikumpulkan. Ini sangat merisaukan kerana kumpulan wang dan dana adalah sumbangan dan amanah dari orang awam dan sudah tentu isu ini juga akan dibangkitkan oleh rakyat kerana mereka juga berhak untuk mengetahui ke manakah disalurkan sumbangan mereka itu. Ini menunjukkan bahawa pengauditan dan penyata kewangan adalah sangat penting untuk kita ambil tahu demi menjaga amanah dan wang-wang yang diamanahkan sama ada ia digunakan sewajarnya dan diberikan kepada orang-orang yang berkenaan.

Dalam satu fokus mengenai zakat pula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah pada tahun 2009 dengan membangkitkan isu tentang lebihan kutipan zakat selepas mengagihkan iaitu sebanyak \$239,631,073.56 yang tercatat pada tahun 2004. Baginda juga ingin mengetahui adakah lebihan hasil ini boleh disimpan dan baginda juga bertanyakan adakah golongan yang berhak menerimanya telah diberikan bantuan zakat secukupnya sehingga tiada seorang pun yang tersisih sebagai misal orang yang tidak mampu membayar hutang perumahan kerajaan dan sebagainya.

Melihat dari statistik melalui *Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2018* didapati bahawa jumlah keseluruhan pungutan zakat ialah sebanyak \$17,555,360 pada tahun 2018. Manakala

dari tahun 2014-2018 penerima zakat semakin menurun iaitu seramai 8,105 orang pada tahun 2014, seramai 4,420 pada tahun 2015 dan jumlahnya meningkat lebih dari dua kali ganda pada tahun 2016 iaitu sebanyak 9,586 orang. Pada tahun 2017 pula seramai 3,680 orang dan menurun sedikit kepada 3,669 orang pada tahun 2018. Walaupun semakin menurun, ianya masih juga merisaukan kerana dikhuatirkan akan melonjak naik seperti pada tahun 2016.

Soalan saya:-

- i. Adakah terdapat proses pengauditan dilaksanakan dan dipraktikkan bagi setiap organisasi yang menunjukkan aktiviti-aktiviti kutipan pemberian dana dan zakat?;
- ii. Adakah setiap organisasi dikehendaki untuk menerbitkan laporan (*publish report*) mereka atau apa sahaja bahan terbitan yang dapat memberi maklumat kepada orang awam mengenai status zakat dan dana?; dan
- iii. Berapakah daripada golongan asnaf, keluarga yang sudah lepas dari menerima wang zakat (terlepas dari kemiskinan) bagi tahun 2019? Makluman ini penting supaya proses pengurusan zakat benar-benar teratur untuk memastikan Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang bebas dari kemiskinan.

JAWAPAN:

Diucapkan ribuan terima kasih di atas soalan yang diajukan. Pada menjawab soalan yang dikemukakan itu tadi, Jabatan Audit melaksanakan pengauditan terhadap setiap organisasi mengikut pusingan audit (*audit cycle*) yang mana termasuk aktiviti-aktiviti kutipan pemberian dana dan zakat seperti Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah, Majlis Ugama Islam, Tabung Dana Pembinaan Masjid, Majlis Ugama Islam, pengagihan bantuan wang zakat kepada asnaf fakir/miskin, Al-Gharimin dan program-program asnaf.

Berhubung *Publish Report* pula, perkara ini sebetulnya adalah di bawah kawalan agensi-agensi yang berkenaan dan bukan di bawah bidang kuasa Jabatan Audit. Walau bagaimanapun perkara ini perlu dibincangkan secara mendalam mengambil kira undang-undang yang bersangkutan-paut dengan perkara ini.

Mengenai maklumat berhubung perkara berkenaan, data atau maklumat tersebut di bawah kawalan agensi-agensi yang berkenaan dan bukan di bawah bidang kuasa Jabatan Audit.

Dalam pada itu, Yang Berhormat Pengerusi, sukacita kaola juga telah berunding dengan rakan sejawat kaola Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk mengongsikan maklumat tambahan mengenai persoalan yang dikemukakan.

JAWAPAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT MENTERI HAL EHWAL UGAMA

(Jawapan soalan no. i dan ii)

Terima kasih kepada Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty yang soalan asalnya ditujukan kepada rakan sejawat kaola Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan pengauditan wang zakat dan dana-dana.

Jawapan tambahan kaola dari jawapan rakan kaola Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini ialah setakat mengenai apa yang disebutkan dalam teks soalan iaitu wang zakat dan dana-dana yang kaola fahami maksudnya ialah Wang Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam yang di bawah kawalan Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), bukan wang-wang lain atau lain-lain harta di bawah kawalannya.

Kaola menyambut baik tujuan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty menimbulkan perkara pengauditan ke atas kewangan zakat dan dana-dana itu. Ia sememangnya penting dalam erti kata supaya pihak-pihak yang diamanahkan dengan urusan kewangan mempunyai mekanisme pentadbiran yang diurus dengan kawalan undang-undang yang dipatuhi.

Jawapan kaola mengenai pengauditan wang zakat (kutipan dan agihan).

Kaola ingin menegaskan bahawa pengauditannya adalah ditentukan menurut dalam Akta Majlis Ugama Islam *Penggal 77 Bab 120 (3)*.

Peruntukan dalam akta berkenaan mengkehendaki "Majlis hendaklah menyebabkan senarai penaksiran, resit-resit, akaun-akaun dan dokumen-dokumen lain yang disimpan oleh mana-mana Imam atau Amil dan yang berkaitan dengan zakat dan fitrah untuk diperiksa dan diaudit...." yang bererti tanggungjawab majlis untuk menyebabkan resit-resit, akaun-akaun dan mana-mana dokumen berkenaan zakat / fitrah diperiksa dan diaudit.

Maka bagi melaksanakan kehendak peruntukan undang-undang dalam akta yang disebutkan itu Jabatan Majlis Ugama Islam, dari semasa ke semasa telah menyediakan Penyata Kewangan Kumpulan wang Zakat untuk diperiksa dan diaudit oleh Jabatan Audit, Jabatan Perdana Menteri.

Sejauh ini pengauditan yang dilaksanakan dan telah selesai ialah pengauditan ke atas Penyata Kumpulan Wang Zakat yang berakhir pada 31 Disember 2012. Ini adalah selaras dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Jabatan Audit melaksanakan pengauditan mengikut pusingan audit (*audit cycle*). Oleh itu pada masa ini Bahagian Kewangan dan Perakaunan, Jabatan Majlis Ugama Islam dan Jabatan Audit sedang giat meneruskan

pengauditan ke atas Penyata Kewangan Kumpulan Wang Zakat yang berakhir pada 31 Disember 2013 dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* juga untuk tahun-tahun seterusnya mengikut *audit cycle* yang disebutkan oleh Yang Berhormat rakan kaola Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu.

Adakah setelah diaudit itu majlis dikehendaki menyiarkannya sebagai *publish report* seperti yang terkandung dalam soalan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty itu? Jawabnya ialah peruntukan Undang-Undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi *Penggal 77 Bab 120(3)* itu tadi tidak menyebutkan dikehendaki menyiarkannya setelah diaudit berupa *publish report*, dalam hal ini ialah Warta Kerajaan. Melainkan jika ada peruntukan lain dan tafsiran kepada peruntukan tertentu dalam Akta Majlis Ugama Islam itu yang menghendaki maksud kumpulan wang zakat yang diaudit itu untuk disiarkan, maka setakat ini kaola berpegang sahaja dahulu kepada peruntukan Bab 120 (3) itu.

Namun dalam pada itu Bab 109 undang-undang yang sama ada menyebutkan tentang tanggungjawab majlis untuk menyediakan, mengeluarkan dan menyiarkan dalam Warta Kerajaan sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga tahun satu senarai mengenai semua harta benda, pelaburan dan harta milik yang diletakkan dalam tangan majlis atau nazar dan tidak menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Wakaf Am.

Sama ada Kumpulan Wang Zakat termasuk dalam makna ini atau sebaliknya adalah memerlukan penelitian lanjut dari pihak-pihak berkenaan.

Berhubung dengan pengauditan ke atas Wang Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid iaitu tabung dana yang ditubuhkan dan dilancarkan pada pertengahan tahun 2015 (bukan pada Januari 2020), kaola setakat dapat menyatakan bahawa langkah awal pengauditannya telah pun dibuat iaitu *pengauditan pengurusan prestasinya* oleh Jabatan Audit, Jabatan perdana Menteri dan kaola dapat juga menyatakan bahawa penyata kewangannya sedang disediakan untuk diaudit berpandukan nasihat pihak berkenaan Jabatan Audit itu.

Dan seterusnya kaola ingin menambah bahawa pada masa ini satu deraf undang-undang iaitu Perintah Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam sedang dalam peringkat penyemakan oleh Unit Perundangan Islam, KHEU dan *Attorney General's Chambers* beserta dengan Jabatan Majlis Ugama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Masjid. Perintah itu antaranya mengandungi peruntukan-peruntukan yang mengawal urus tadbir kewangannya termasuk menghendaki untuk diaudit oleh Juruaudit Agung.

JAWAPAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT MENTERI HAL EHWAL UGAMA

(Jawapan soalan no. iii)

Kaola mohon seterusnya untuk merespons soalan ketiga Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty. Yang Berhormat itu bertanya "berapakah daripada golongan asnaf keluarga yang sudah lepas dari menerima wang zakat (terlepas dari kemiskinan) bagi tahun 2019?"

Yang Berhormat itu mahukan makluman (maklumat)? Itu kerana menurutnya "penting supaya proses pengurusan zakat benar-benar teratur untuk memastikan Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang bebas dari kemiskinan".

Kaola sukacita menyatakan bahawa zakat telah dikumpul dan diagihkan kepada asnaf-asnafnya, terutama asnaf fakir miskin secara teratur atas landasan hukum syara, bagi satu-satu tempoh (dua tahun) dan disalurkan kepada penerimanya setiap bulan menerusi akaun bank mereka.

Berapakah ramai orang dan keluarga penerima agihan zakat itu yang telah terkeluar dari kemiskinan pada tahun 2019 seperti pertanyaan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty. Pada tahun 2009-2012 baki wang zakat yang tidak habis diagihkan selama berpuluh tahun yang pada tahun 2004 didapati berjumlah \$239,631,073.56 telah mula diagihkan kepada enam kumpulan asnaf

fakir miskin yang terdiri daripada 11,598 orang ketua keluarga dengan tanggungan seramai 26,715 orang menjadikan dalam tempoh empat tahun itu ada seramai 38,313 orang asnaf zakat yang terdiri daripada fakir miskin sahaja telah mendapat agihan berjumlah lebih \$147 juta (\$147,455,000.00) tidak termasuk asnaf al-gharimin dan asnaf-asnaf yang lain.

Jumlah orang miskin yang ada dalam senarai penerima zakat antara tahun 2009-2012 seramai 38,313 orang daripada 11,598 keluarga itu jika ditolak dengan jumlah penerima zakat yang ada pada tahun 2019 seramai 12,926 orang terdiri daripada 3,825 keluarga, maka ada seramai 25,387 orang dalam 7,773 buah keluarga sahaja yang tidak lagi tersenarai sebagai orang miskin.

Apakah kita dapat menyimpulkan seramai itulah orang miskin yang telah terkeluar dari kemiskinan setelah beberapa tahun zakat diagihkan kepada mereka?

Apakah perkiraan menerusi angka-angka penerima agihan zakat semua itu tepat untuk mengukur tahap kemiskinan di negara kita?

Dan itu bererti semata-mata dengan agihan zakat yang teratur urusannya (dalam urusan mengutip, mengumpulkan dan menentukan agihannya kepada asnaf berdasarkan hukum syara' dengan memastikan ianya sampai kepada penerima-penerimanya setiap bulan menerusi akaun bank

masing-masing) sudah dapat menjamin negara ini akan terlepas dari kemiskinan?

Pada hemat kaola isu kemiskinan di negara kita sama seperti di negara-negara lain adalah berkaitan dengan beberapa faktor sosial dan ekonomi. Bahkan juga faktor politik sesebuah negara, kerana itu usaha mengatasi kemiskinan rakyat hendaklah melihat kepada faktor-faktor tersebut.

Memang berdasarkan perkiraan angka pada tahun 2019 yang lalu bilangan orang dan keluarga miskin jauh berkurangan daripada bilangannya pada tahun 2009-2012 iaitu seramai 38,313 orang dari 11,598 buah keluarga menjadi 12,926 orang terdiri daripada 3,825 keluarga pada tahun 2019.

Tetapi perkiraan angka-angka itu hendaklah disokong dan diperakukan tepat menerusi hasil kerja-kerja *tracking* dengan satu *software* bagi memproses data penerima zakat bermula dari permohonannya sehingga habis tempohnya mereka menerima agihan dan status diri dan keluarga mereka setelah itu.

Setakat sekarang Majlis Ugama Islam Brunei tidak mempunyainya. Oleh kerana itu, Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua adalah tidak tepat bahkan tidak dapat dinyatakan jumlah asnaf fakir miskin yang berdaftar di Majlis Ugama Islam Brunei yang didapati beturun-benaik bagi setiap tahun daripada tahun 2014 atau lebih awal sebelumnya hingga tahun 2019 dapat digunakan untuk

membuat kesimpulan tahap kemiskinan (*poverty level*) negara kita.

Tambahan pula Majlis Ugama Islam Brunei pada tahun 2014-2019 terus menerus menerima borang permohonan agihan bulanan baharu dan borang permohonan menyambung di samping sejumlah lagi permohonan berkala yang jumlah kesemuanya adalah sebanyak hampir tiga belas ribu (12,926).

Apa ertinya angka sebanyak itu? Tentulah orang yang memohon seramai itu mewakili ahli keluarga dalam tanggungannya yang merasakan dirinya masih bergantung kepada agihan zakat. Ertinya mereka masih merasakan miskin. Dan diketahui bahawa pada tahun 2019 peningkatan penerimaan borang permohonan adalah sebanyak 16.4% iaitu sebanyak 54.3% adalah permohonan kategori bulanan menyambung (mengulang) dan kategori permohonan baharu adalah sebanyak 23.8%.

Lebih lanjut lagi dapat dinyatakan bahawa dari jumlah itu sebanyak 16% adalah orang yang bekerja di sektor kerajaan dan 27% bekerja di sektor swasta.

Apa maknanya jumlah lebih 40% (setepatnya 43%) yang mempunyai pekerjaan dengan pendapatan gaji masih juga tampil memohon agihan zakat? Setelah diteliti oleh jawatankuasa yang menimbang permohonan zakat didapati gaji mereka tidak mencukupi bagi menampung perbelanjaan harian dan

bulanan. Mereka adalah dari pekerja yang berpendapatan rendah.

Maka hal sedemikian itu, jelas sekalipun zakat dapat mengelakkan orang yang berpendapatan rendah dari 'jatuh miskin', namun tentulah orang yang berpendapatan rendah itu perlu dilihat juga dari aspek kadar gaji mereka dan hal ini patut dilihat dari faktor ekonomi negara dan taraf hidup kita di negara ini.

Jadi, Yang Berhormat Yang Di-Pertua kaola cuma berani mengatakan zakat adalah untuk menampung keperluan rakyat miskin. Ia suatu yang bersifat *supplementary* yang menampung untuk mencukupkan keperluan orang miskin. Bukan mutlak untuk menghapus kemiskinan negaranya.

Ternyata kita di Negara Brunei Darussalam sangat bertuah bernegarakan negara moden yang berkeadilan yang dipimpin oleh raja yang sangat memahami kepentingan memelihara kebajikan rakyat dan penduduk. Kerajaan baginda bukan sahaja mengekalkan bahkan meningkat dan mengukuhkan dasar pelajaran percuma, perubatan percuma, pemberian subsidi bagi harga beras dan harga minyak petrol, pengenaan cukai yang rendah bagi sebahagian barangan dan prasarana seperti harga kenderaan dan cukai jalan. Tambahan kepada itu ialah adanya undang-undang yang mengawal harga barang-barang asasi.

Kesemua itu sangat membantu dengan berkesan untuk menyejahterakan hidup rakyat dan penduduk yang dengan itu juga menjadi salah satu faktor mengatasi kemiskinan. Di harap generasi sekarang mengetahui dan meyedari bahawa indung bapa dan bahkan datu nini yang hidup pada tahun empat puluhan selepas perang dunia kedua (Perang Pasifik) membawa ke tahun-tahun lima dan enam puluhan dahulu majoritinya mereka itu adalah orang susah dari keluarga susah yang hidup di bandar dan kampung bahkan di ulu-ulu pedalaman negeri. Untuk kesejahteraan negara dan kebajikan rakyat dan penduduk, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien telah menentukan dasar kebajikan untuk diberikan kepada rakyat pada zamannya dan zaman selepasnya. Al-Marhum itu dengan untaian syair curahan fikiran dan renungan ilham serta hasrat murni telah mengungkapkan Syair Nasihat yang boleh dikirakan amanat raja kepada seluruh generasi negara Brunei moden untuk tidak melupakan antara ungkapan itu ialah:

Masa beralih zaman beredar,
Kalanya terang kalanya pudar,
Renungan hendaklah Laila sedar,
Kebajikan sekurang-kurang sekadar-
sekadar.

Wahai anakanda gemala hati,
Cahaya mata anakanda sejati,
Anakanda ayah yang bijak mengerti,
Yang bertugas ke arah kebajikan mesti.

Yang memastikan tugas kebajikan,
 Yang memelihara hubungan kebaikan,
 Hubungan bersefahaman yang
 diamalkan.

Itulah tanggungan yang diutamakan.
 Itulah nasihat lakaran hasrat yang tinggi
 seorang raja yang mengasaskan negara
 kebajikan yang kita warisi sekarang.
 Menerusinyalah diwujudkan dasar legasi
 terbilang, dasar pelajaran dan kesihatan
 percuma Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
 Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
 Sultan dan Yang Di-Pertuan ke-28, yang
 disanjung sebagai Arkitek Brunei Moden,
 menjadikan rakyat dan penduduk Brunei
 telah hidup sihat dan berpelajaran.
 Sebahagiannya ada yang dihantar
 belajar ke luar negeri.

Zuriat keturunan mereka ialah generasi
 sekarang yang juga menikmati dasar
 kebajikan negara dikembangluaskan oleh
 anakanda baginda Kebawah Duli Yang
 Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
 Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
 Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan
 Negara Brunei Darussalam yang
 menjadikan ramai dari generasi baharu
 sekarang berpeluang memasuki institut
 pengajian tinggi di dalam dan luar negeri
 dan berkelulusan dalam bidang-bidang
 profesional. Sementara rakyat dan
 penduduk pada umumnya adalah kekal
 sejahtera berkata dasar negara yang
 berkebajikan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan
 kaola menyeru generasi baharu
 sekarang, Yang Berhormat Pehin untuk

mengetahui dan menginsafi betapa anak
 cucu orang susah dari keluarga susah
 dahulu itu sekarang ini sudah tidak
 kelihatan seperti indung bapa dan datu
 nininya yang dahulunya susah.

Orang susah dan keluarga susah pada
 masa dahulu itu kalau dalam sebutan
 sekarang orang semacam mereka itu
 adalah asnaf fakir-miskin dan orang yang
 memerlukan bantuan atau senang sahaja
 disebut-sebut sebagai orang yang
 bergantung kepada kerajaan. Semua
 sebutan itu kedengarannya mengaibkan.
 Tetapi harap jangan dilupakan bahawa
 itulah realiti kehidupan khasnya realiti
 yang sukar dihapuskan dalam sesebuah
 negara.

Apakah perubahan nasib generasi dahulu
 yang susah menjadi senang sehingga
 berpengaruh dengan berkesan kepada
 anak cucu mereka generasi sekarang
 kerana zakat semata-mata atautah
 kerana dasar kebajikan negara?
 Sepengetahuan kaola pada zaman itu
 tidak pun ada sistem kutipan dan agihan
 zakat seperti sekarang.

Kaola dari zaman muda lagi telah
 menyakini perubahan nasib rakyat dan
 penduduk yang susah atau disebut
 sekarang yang miskin pada masa dahulu
 itu adalah kerana mereka hidup di bawah
 pemerintahan beraja yang berkebajikan.
 Semoga kita dan generasi sekarang tetap
 mensyukurinya dengan mempergunakan
 sebaik-baiknya, tidak menyalah
 gunakannya, tidak cuba-cuba
 mengurangkannya bahkan sebaliknya
 mempertahankan dengan mengembang

kannya. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ. Brunei kita akan kekal diberkati dan dirahmati oleh اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Berpeganglah kepada firman اللَّهِ ayat 7 surah Ibrahim:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Antara lain maksud terjemahannya:
"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya): Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmatku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras".

Yang kaola serukan untuk menginsafi dan mempertahankan, memelihara dan meneguhkan itu ialah generasi sekarang dan yang akan datang. Semoga ramai lagi orang-orang yang seperti Yang Berhormat itu dan rakan-rakannya yang ada di sini termasuk yang duduk di dewan galeri di belakang akan muncul 'menjalamai' Negara Brunei Darussalam kita yang kecil molek namun aman sejahtera ini. آمين

Sekian dan terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

KEMENTERIAN KESIHATAN

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG ONG TIONG OH

PEMBAYARAN PERUBATAN KEPADA PEKERJA ASING

Pekerja asing di negara ini boleh saja menerima rawatan di hospital kerajaan. Akan tetapi jika mereka memerlukan rawatan lanjutan (*further treatment*), majikan pekerja asing itu dikehendaki hadir sendiri untuk menjamin pembayaran perubatan. Sekiranya ada kecemasan berlaku ke atas pekerja asing sewaktu majikan tidak berada dalam negeri, ini mengakibatkan penangguhan pihak hospital menjalankan prosedur perubatan yang diperlukan.

Saya ingin bertanya dapatkah pihak Kementerian Kesihatan mempertimbangkan untuk pekerja asing menerima perhatian perubatan yang penuh dengan hanya menggunakan kad pengenalan diri memandangkan kepada setiap pekerja asing diberikan kad pengenalan diri yang mutlak di sepanjang mereka bekerja di negeri ini dan juga diwajibkan mempunyai *Workmen Compensation Policy* yang melindungi dari pelbagai tahap perbelanjaan perubatan?

JAWAPAN:

Seperti mana *standard operation procedure* (SOP) semua hospital-hospital kerajaan, bagi mana-mana pekerja asing

(pesakit) yang memerlukan rawatan lanjut (*further treatment*) yang bukan bersifat *urgent* pihak hospital kerajaan (Pegawai Rekod Perubatan / Bahagian Hasil) akan menghubungi majikan / penjamin terlebih dahulu bagi memastikan pas kerja adalah sah dan pekerja asing tersebut dilindungi insurans bagi proses tuntutan pembayaran rawatan nanti. Terdapat beberapa *option* pembayaran yang diberikan dan ianya adalah mengikut persetujuan majikan atau keluarga.

Manakala, bagi kes-kes kecemasan pula yang memerlukan rawatan segera berasaskan daripada *clinical assessment* daripada doktor, pada dasarnya, pihak hospital kerajaan akan segera (*priority 1*) memberikan rawatan kecemasan (situasi antara hidup atau mati) walaupun pengesahan daripada majikan pekerja asing (pesakit) belum diperolehi.

Kementerian Kesihatan, khususnya hospital-hospital kerajaan tidak ada halangan dengan hanya menggunakan kad pengenalan diri, akan tetapi sepanjang menerima pekerja asing (pesakit), kebanyakan yang hadir:

- Tidak membawa kad pengenalan diri
- Tidak mempunyai kad pengenalan diri
- Tidak ditemani oleh majikan/penjamin
- Masalah komunikasi (*language barrier*)
- Tidak dilindungi insurans

Seperti mana yang sedia maklum, salah satu syarat Jabatan Buruh di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi majikan /syarikat / pemohon Lesen

Pekerja Asing (LPA) adalah hendaklah melindungi pekerja asing yang didatangkan dengan Insurans Pampasan Pekerja (*Workmen's Compensation Insurance*) dan Insurans Perubatan (*Medical Insurance*) dan diserahkan ke Jabatan Buruh semasa menandatangani kontrak. Akan tetapi, menurut pengalaman Bahagian Kutipan/Hasil Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, selalu berhadapan dengan masalah seperti:-

- Terdapat kesukaran daripada sesetengah majikan yang tidak mahu bertanggungjawab ke atas perbelanjaan rawatan pekerja asing (pesakit) bebas (*freelance*) yang mana mereka ini tidak dianggap sebagai pekerja mereka kecuali sebagai penjamin sahaja. Ini telah menimbulkan masalah dari menuntut pembayaran rawatan.
- Insurans Perubatan yang tidak mencukupi untuk pembayaran rawatan pekerja asing (pesakit) tersebut. (Kadar minimum Perlindungan Insurans Perubatan adalah berjumlah \$10,000 setahun bagi sepanjang tempoh sah laku pas kerja yang dibenarkan.)

Menurut pengalaman Bahagian Kutipan/Hasil Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, selalu berhadapan dengan masalah seperti:-

- Terdapat kesukaran daripada sesetengah majikan yang tidak mahu bertanggungjawab ke atas

perbelanjaan rawatan pekerja asing (pesakit) bebas (*freelance*) yang mana mereka ini tidak dianggap sebagai pekerja mereka kecuali sebagai penjamin sahaja. Ini telah menimbulkan masalah dari menuntut pembayaran rawatan.

Setakat ini, untuk makluman tunggakan perkhidmatan perubatan yang belum dibayar oleh majikan/penjamin pekerja asing (pesakit) adalah sebanyak \$1,283,635.95 sehingga Februari 2020. Jumlah ini adalah daripada pesakit/majikan/penjamin - 268 orang warga asing, 22 orang Penduduk Tetap dan 2 orang warga (kelas pertama).

Dalam menangani isu-isu sebegini, penekanan terhadap pengambilan perlindungan insurans yang mencukupi adalah harus diberikan tekanan dalam membantu dalam pembiayaan kesihatan sepanjang di negara ini. Seperti mana juga yang diketahui umum, mengikut *Workmen's Compensation Cap 34*, setiap pekerja harus diberikan perlindungan walau bagaimanapun terhad kepada perlindungan semasa kemalangan dalam bekerja, *repatriation* dan sebagainya. Akan tetapi, perlindungan bagi pembiayaan hospital dan perubatan adalah tertakluk kepada *insurance coverage* yang diambil.

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan telah membuat perbincangan dengan pihak-pihak yang berkepentingan khususnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Buruh dan wakil-wakil

daripada syarikat-syarikat insurans untuk mencapai persetujuan mengenai beberapa perkara termasuk pengukuhan penguatkuasaan pengisuan pas kerja dengan mensyaratkan perlindungan insurans yang selaras dengan tempoh kontrak dan jumlah pakej perlindungan insurans yang mencukupi bagi melindungi pekerja asing bersama tanggungannya.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT AWANG HAJI
UMARALI BIN ESUNG**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD
(SOP) WABAK PENYAKIT
BERJANGKIT**

Di dalam memastikan negara sentiasa bebas dari sebarang wabak penyakit berjangkit dan sentiasa bersiap sedia menghadapi kemungkinan ia berlaku adalah penting bagi memastikan kesiapsiagaan ini sentiasa di tahap yang tinggi.

Soalan saya:

- i. Apakah usaha pihak-pihak berkenaan dalam meningkatkan kewaspadaan bagi memastikan keselamatan negara bebas dari wabak penyakit berjangkit melalui darat, laut dan udara?; dan
- ii. Apakah usaha dan inisiatif ke arah memastikan keberkesanan Prosedur Operasi Standard (*SOP*) mengenai wabak penyakit memenuhi tahap

yang ditetapkan iaitu kekerapan mengadakan latihan berkala secara bersepadu dan memastikan kemudahan - kemudahan dan kelengkapan di Pusat Pengasingan?

JAWAPAN

(Jawapan soalan no. i)

Di dalam memastikan kesiapsiagaan dan melaksanakan tindakan-tindakan yang diperlukan bagi menangani sebarang penyakit-penyakit berjangkit termasuk yang berpotensi menjejaskan kesihatan awam, Kementerian Kesihatan adalah berpandukan kepada piawaian-piawaian dan garis panduan antarabangsa, khususnya *WHO International Health Regulation (IHR) 2005* yang merupakan satu perundangan antarabangsa bagi menangani sebarang kecemasan kesihatan awam (sama ada ancaman biologikal atau penyakit berjangkit, kimia atau radionuklear) yang meliputi 8 aspek utama iaitu perundangan; pemantauan (*surveillance*); kesiapsiagaan; sumber tenaga manusia; koordinasi tindakan; *response*; *risk communication*; dan makmal.

Bagi mengkoordinasikan tindakan-tindakan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan bagi pelaksanaan *WHO IHR 2005* pada bulan Jun 2018. Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Yang Berhormat

Menteri Kesihatan dan turut dianggotai oleh 8 orang setiausaha-setiausaha tetap dari Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Kementerian Pertahanan; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Kementerian Perhubungan; Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan. Antara lain, jawatankuasa ini berfungsi sebagai sebuah platform bagi mengkoordinasikan tindakan-tindakan di antara kementerian-kementerian yang berkenaan dalam menangani insiden-insiden yang berkemungkinan menjadi *public health event of national or international concern*. Melalui jawatankuasa ini, semua keperluan bagi menangani sebarang ancaman kesihatan awam seperti perundangan, *Standard Operating Procedure (SOP)* dan latihan-latihan kecemasan kesihatan awam dipantau dan dilaksanakan.

Jawatankuasa ini juga bertanggung jawab menghadapkan laporan pemantauan tahunan kepada pihak *WHO* untuk memastikan tahap kesiapsiagaan negara ini adalah pada peringkat yang tinggi. Selain itu, Negara Brunei Darussalam juga telah menjalani *Joint External Evaluation (JEE) for the Implementation of IHR 2005* pada bulan Oktober 2019 di mana pihak *WHO* telah menghantar sekumpulan pakar bagi menilai kesiapsiagaan Negara Brunei Darussalam dalam menangani sebarang ancaman kecemasan kesihatan awam.

Dalam pada itu, jawatankuasa ini juga sentiasa berhubung dan berkerjasama dengan Majlis Bencana Kebangsaan dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, terutamanya dalam memberikan respons yang berbentuk *whole nation approach*.

Bagi wabak Penyakit *Coronavirus (COVID-19)* yang sedang berlaku sekarang, pendekatan secara *whole government approach* dilaksanakan untuk memastikan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi kemungkinan berlakunya penularan wabak *COVID-19* ke Negara Brunei Darussalam. Kerjasama di antara-antara agensi-agensi yang berkepentingan telah diperolehi melalui perbincangan-perbincangan dan tindakan-tindakan bersepadu termasuk sesi-sesi permuzakarahannya di peringkat menteri, lawatan-lawatan kerja di peringkat menteri dan juga di peringkat pegawai-pegawai kanan, penyediaan pusat-pusat pemantauan dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan kementerian-kementerian yang berkenaan dan operasi pemeriksaan suhu badan di pintu-pintu masuk ke Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, komunikasi dan kerjasama tersebut sentiasa diteruskan dalam usaha untuk memastikan keselamatan dan kesihatan warga dan penduduk Negara Brunei Darussalam terus terjamin.

(Jawapan soalan no. ii)

Sebagaimana yang dinyatakan di dalam soalan sebelum ini, Jawatankuasa Kebangsaan bagi Pelaksanaan *WHO IHR 2005* bertanggungjawab memastikan semua keperluan bagi menangani sebarang ancaman kesihatan awam seperti perundangan, *Standard Operating Procedure (SOP)* dan latihan-latihan kecemasan kesihatan awam dilaksanakan, direviu dan dikemas kini mengikut keperluan dari masa ke masa. Sebagai persiapan negara menjalani *Joint External Evaluation (JEE) for the Implementation of IHR 2005*, kesemua SOP yang diperlukan telah diteliti dan dikemas kini dan pelbagai latihan-latihan kecemasan yang meliputi berbagai senario telah juga dilakukan di antara tahun 2018-2019 bersama-sama dengan agensi-agensi berkepentingan lain (termasuk agensi kerajaan dan bukan kerajaan).

Pusat Pengasingan Kebangsaan (*National Isolation Centre*) di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong adalah sebuah kemudahan kesihatan yang dibina khusus untuk rawatan pesakit-pesakit yang menghidap penyakit-penyakit berjangkit yang dikategorikan sebagai *public health concern* dan yang memerlukan pengasingan dari pesakit-pesakit lain supaya jangkitan yang dihidapi oleh pesakit tersebut dapat dikawal dan tidak menular kepada orang lain. Selain daripada wad rawatan, pusat tersebut dilengkapi oleh berbagai

kemudahan lain seperti kemudahan rawatan intensif dan kemudahan bilik bedah.

Sementara itu juga, berikutan wabak penyakit *Corona virus (COVID - 19)* di China dan peningkatan jumlah kes flu di Negara Brunei Darussalam sendiri, Pusat Suntikan telah menerima peningkatan mendadak permintaan bagi mendapatkan suntikan flu pada bulan Januari-Februari 2020 sehingga aplikasi *QueUp* sentiasa penuh dan orang ramai terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan suntikan. Peningkatan permintaan suntikan flu ini juga telah menyebabkan stok vaksin flu beberapa kali kehabisan namun Kementerian Kesihatan telah berusaha untuk mendapatkan stok vaksin flu baharu dengan seberepa segera.

Pada bulan Januari hingga Mac 2020 saja, stok vaksin flu yang diperolehi oleh Kementerian Kesihatan meningkat sebanyak lima kali ganda (pada kebiasaannya, 7500 dos bagi 3 bulan menjadi 37500 dos bagi bulan Januari hingga Mac 2020). Ini juga bererti kakitangan di Pusat Suntikan terpaksa ditambah dan berkerja lebih masa bagi menampung keperluan. Selain itu, pihak Pusat Suntikan juga berusaha melancarkan pemberian perkhidmatan dengan membuka sesi berasingan bagi bakal-bakal jemaah haji dan umrah.

Maklumat tambahan: FROM PRESS RELEASE MOH 11 MAC 2020

Kementerian Kesihatan sedang menjalankan penyiasatan kontek (*contact tracing*) bagi semua kes-kes yang telah disahkan pada hari ini. Perintah Kuarantin (*Quarantine Order*) menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 dikeluarkan bagi semua kontek-kontek untuk setiap kes. Setakat jam 2 petang 11 Mac 2020, lebih 100 orang telah diambil sampel bagi ujian COVID-19 di mana sebanyak 66 ujian makmal telah dijalankan. Sementara itu, Perintah Kuarantin telah dikeluarkan bagi 80 orang kontek bagi kes-kes yang telah disahkan. Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk jangan merasa cemas jika bertambahnya kes berikutan daripada penyiasatan-penyiasatan kontek yang dijalankan. Oleh itu, orang ramai yang mungkin terlibat dalam penyiasatan kontek adalah diperlukan untuk memberikan kerjasama kepada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas.

Dalam pada itu, tidak ada bukti yang menunjukkan terdapat penularan jangkitan di kalangan masyarakat berleluasa pada masa ini dan keadaan adalah terkawal. Kementerian Kesihatan akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini dan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perkembangan terkini mengenainya. Kementerian Kesihatan akan terus memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang

sewajarnya dilaksanakan sesuai dengan keperluan. Dalam pada itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengelakkan dari bersentuhan dengan orang lain seperti bersalam-salaman dan mengelakkan dari pergi ke luar negara jika tidak ada urusan penting. Perkumpulan ramai (*mass gathering*) adalah tidak digalakkan (*discouraged*). Walau bagaimanapun, sesiapa yang menghadiri perkumpulan ramai termasuk majlis-majlis seperti majlis perkahwinan hendaklah mengamalkan kebersihan diri dan sesiapa yang mengalami tanda-tanda jangkitan adalah tidak digalakkan untuk hadir. Kementerian Kesihatan seterusnya menyeru orang ramai supaya lebih bertanggungjawab dalam aktiviti-aktiviti sosial (*to be socially responsible*).

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA PUTERA MAHARAJA DATO PADUKA AWANG HAJI ABDUL GHANI BIN PEHIN DATU PEKERMA DEWA DATO PADUKA AWANG HAJI ABDUL RAHIM

ISU PEKERJA-PEKERJA ASING

Kebelakangan ini banyak diperkatakan perihal kemasukan pekerja-pekerja asing ke negara ini, sama ada kemasukan mereka ini secara sah atau tidak menurut undang-undang baik untuk berkerja atau untuk tujuan lain seperti berniaga yang telah sampai ke satu tahap yang membimbangkan.

Isu ini telah berlarutan dan sering dibicarakan secara umum dan juga di pelbagai forum rasmi kerajaan atau melalui permesyuaratan. Namun hasilnya belum menampakkan yang positif. Kebanjiran pekerja-pekerja asing masuk ke Negara Brunei Darussalam masih berterusan sedangkan bilangan anak-anak tempatan yang masih menganggur masih lagi di tahap yang membimbangkan.

Salah satu impak yang ketara ialah keterlibatan pendatang-pendatang asing dalam bidang perniagaan dan perusahaan yang mana pada masa ini sedang berkembang dan 'junterah' seperti cendawan tumbuh di musim

hujan. Kemuncak dari fenomena ini seolah-olah perniagaan, perusahaan dan penggunaan pekerja asing dikuasai sepenuhnya oleh orang-orang asing dan perkara ini pun diketahui oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada melalui sumber rakyat atau pun dari sumber rasmi seperti melalui permuzakarah dan permesyuaratan di antara agensi-agensi kerajaan yang lain.

Masalah kemasukan dan kebanjiran pekerja-pekerja asing ke negara ini hendaklah ditangani secara *whole of nation approach* supaya ianya tidak akan menjadi bebanan kepada rakyat dan negara pada masa akan datang di mana semua jenis perniagaan dan perusahaan sama ada kecil-kecilan, sederhana dan lain-lain dikawal oleh orang-orang asing.

Soalan saya:-

- i. Adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri setelah mengetahui perkara ini mengambil apa-apa inisiatif dan tindakan tertentu bagi membendung perkara ini sehinggalah mereka ada membawa bersama kaum keluarga mereka?;
- ii. Adakah dalam peraturan membolehkan semua pekerja asing dibenarkan membawa kaum keluarga mereka atau hanya pekerja-pekerja dari katagori tertentu sahaja yang dibenarkan?;

- iii. Dapatkah pihak yang berkenaan memberikan angka terkini bilangan syarikat-syarikat perniagaan orang asing yang dibenarkan oleh kerajaan menurut peraturan yang sedang berjalan dan adakah mereka diperlukan untuk mengambil rakyat Brunei sebagai rakan kongsi atau pemegang lesennya?;
- iv. Sejauh manakah peraturan tersebut telah dilaksanakan dan dipatuhi serta dipantau atau hanya tinggal sebagai peraturan di atas kertas saja; dan
- v. Adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sudah memikirkan tatakara untuk megetahui secara pasti yang sesebuah syarikat perniagaan itu benar-benar dimiliki dan diurus tadbir oleh rakyat Brunei atau hanya pada nama dan pemilikan lesen sahaja, sedangkan pada hakikatnya ianya dimiliki, dijalankan dan dimajukan sepenuhnya oleh orang asing?

JAWAPAN:

Terima kasih atas soalan serta keprihatinan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani mengenai dengan isu pekerja asing di negara ini. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat pada hari Selasa, 10 Mac 2020 semasa Usul Menjunjung Kasih telah juga menyentuh mengenai dengan isu kehadiran pekerja-pekerja asing di negara ini. Kaola berharap jawapan kaola ini akan dapat juga

memperjelaskan kedudukan pekerja-pekerja asing ini.

Dalam perkara ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan mengawal kemasukan warga asing khususnya yang bekerja di negara ini yang dinilai akan menyumbang kepada membantu pertumbuhan sektor-sektor industri tertentu terutamanya sektor pembinaan atau *construction* melalui proses-proses yang ditetapkan bagi mendapatkan pas kerja yang membolehkan seseorang warga asing untuk bekerja secara sah (*legal*) di negara ini.

Berpanduan kepada Banci Majikan dan Pekerja bagi tempoh lima (5) tahun kebelakangan sehingga 2019, iaitu dari tahun 2015 sehingga 2019, jumlah pekerja asing didapati menurun daripada 82,739 kepada 65,579 orang, iaitu pengurangan sebanyak 20% atau 17,160 orang. Usaha meningkatkan jumlah pencari kerja tempatan untuk mengisikan peluang pekerjaan di sektor swasta juga dilaksanakan melalui proses Lesen Pekerja Asing yang memerlukan saringan dan kelulusan daripada *Job Centre Brunei (JCB)*. Proses ini seperti mana dimaklumkan sebelum ini telah mula diperkenalkan pada penghujung tahun 2017. Menurut statistik daripada *JCB* sehingga Februari 2020, sebanyak 2,949 pencari kerja tempatan telah diambil bekerja di sektor swasta melalui proses ini. Manakala daripada sebanyak 36,681 jawatan yang dipohonkan oleh syarikat-syarikat bagi mendapatkan

kelulusan bagi tahun 2019, yakni untuk mendatangkan pekerja - pekerja asing, sebanyak 17,579 telah ditolak oleh pihak *JCB*.

Dalam mencapai matlamat meningkatkan lagi kapasiti pencari kerja dari kalangan anak tempatan untuk mengisikan peluang pekerjaan di sektor swasta dan mengurangkan lagi pengantungan atau *dependancy* kepada pekerja asing, beberapa dasar penting sedang dipertimbangkan untuk dilaksanakan dengan sesegeranya dan dibincangkan melalui Majlis Perancangan Sumber Tenaga Manusia dan Pekerjaan atau *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* yang di antaranya termasuk dasar levi untuk dikenakan kepada majikan ke atas setiap pekerja asing yang digaji dan nisbah atau *ratio* pekerja tempatan dan asing dalam satu-satu syarikat tertakluk kepada sektor industri.

Berkenaan dengan pekerja asing yang membawa kaum keluarga mereka untuk melawat atau tinggal di negara ini, perkara ini adalah dikawal melalui pengeluaran pas-pas imigresen tertentu seperti pas lawatan bagi tempoh tinggal yang singkat dan pas tanggungan atau *dependant pass* yang tempohnya tertakluk kepada tempoh jaminan pas kerja suami/ayah. Menurut maklumat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi tahun 2019, sebanyak 13,029 pas melawat dikeluarkan manakala sebanyak 3,526 pas tanggungan atau *dependant pass* dikeluarkan oleh jabatan berkenaan.

Dasar pengeluaran Pas Lawatan dan Pas Tanggungan atau *Dependant Pass* adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan pada masa ini, sebagai contoh, syarat kelayakan Pas Tanggungan menghadkan pemohon mestilah menerima gaji sekurang-kurangnya \$1,500.00 dan adalah bagi jenis jawatan yang tertentu sahaja.

Dalam meningkatkan lagi pengawalan pengeluaran kedua-dua pas ini, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan sedang meneliti semula dasar-dasar pengeluaran pas-pas berkenaan yang di antaranya adalah dengan menaikkan *threshold* gaji pemohon bagi mendapatkan *Dependant Pass* bagi ahli keluarga mereka, tidak membenarkan penyambungan bagi pas-pas lawatan kepada kaum keluarga pekerja asing berkenaan, tidak mengeluarkan pas-pas lawatan kepada kaum keluarga pekerja asing berkenaan dan mengenakan caj- caj kepada pengeluaran pas-pas berkenaan. Sebahagian daripada cadangan-cadangan yang dikemukakan ini disasarkan untuk dilaksanakan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* seawal-awalnya dalam tempoh 3 ke 6 bulan tahun ini.

Beralih kepada tindakan untuk memastikan satu-satu perniagaan yang dimiliki oleh rakyat Brunei tidak dijalankan atau dimajukan oleh orang asing. Isu ini ditangani oleh pelbagai agensi kerajaan antaranya oleh pihak Pendaftaran Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan atau *ROCBN* di Kementerian

Kewangan dan Ekonomi yang telah mengenalkan proses *Know Your Customer* atau *KYC*. Melalui proses ini adalah difahamkan bahawa pengarah tempatan sesebuah syarikat sendirian berhad yang akan didaftarkan akan dihubungi dan ditemu duga untuk menilai sejauh mana pengarah tempatan syarikat tersebut mengetahui akan perihal syarikat yang didaftarkan. Pekara ini juga turut ditangani melalui penguatkuasaan Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Apabila didapati warga asing yang berkenaan menjalankan aktiviti yang menyalahi syarat-syarat dalam pas-pas imigresen yang ditentukan, warga asing berkenaan adalah salah di bawah Perintah Pekerjaan dan jua Akta Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Menurut statistik penguatkuasaan Jabatan Buruh bagi tahun 2019 sehingga Februari 2020, sebanyak 68 kes pekerja asing didapati menyalahi pas kerja dengan menjalankan aktiviti perniagaan.

Manakala data daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, menunjukkan sebanyak 15 orang warga asing yang menjalankan perniagaan menyalahi pas lawatan, 27 orang pekerja asing menjalankan perniagaan menyalahi pas kerja dan 4 orang warga asing menjalankan perniagaan menyalahi pas tanggungan. Jumlah keseluruhan sebanyak 113 kes yang didapati oleh pihak penguatkuasaan kedua-dua jabatan berkenaan.

Warga asing dan pekerja asing yang terlibat akan dikenakan kompaun dibatalkan lesen pekerja asing mereka, diusir keluar dan seterusnya disenaraihitamkan (*blacklisted*) dari memasuki negara ini. Manakala majikan yang dibuktikan bekerjasama dengan pekerja asing berkenan yang melanggar peraturan menjalankan perniagaan menyalahi pas kerja boleh dikenakan denda kompaun.

Ke arah memberkesankan lagi aktiviti penguatkuasaan ini, Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dalam proses *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* untuk mengujudkan satu (1) sistem yang bersepadu (*integrated*) yang nanti akan turut memuatkan maklumat-maklumat penting daripada pelbagai agensi kerajaan. Melalui *National Labour Management System (NLMS)* dan *Immigration National Registration System (INRS)*, perkongsian data akan lebih efektif, membolehkan pihak penguatkuasaan dari Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk mengenal pasti *on the spot* sekiranya berlaku penyalahgunaan pas-pas tertentu yang telah dikeluarkan oleh kedua-dua jabatan dan mempercepatkan tindakan undang-undang yang berpatutan diambil.

Kaola tertarik dan bersetuju sepenuhnya dengan sasaran Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani supaya tindakan secara *whole of nation approach* sangat diperlukan dan kaola

percaya akan meningkatkan keberkesanan usaha pelbagai pihak agensi kerajaan dalam menangani isu ini. Untuk itu, kita sama-sama berharap supaya usaha keras pihak kerajaan dalam membendung masalah sebegini yang dihadapi Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dibantu oleh setiap lapisan masyarakat amnya dan para majikan khususnya yang kaola percaya lebih mengetahui akan pengurusan perniagaan yang dimilikinya dan aktiviti setiap pekerja asing di bawah jaminannya.

Dalam hal ini juga, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengucapkan terima kasih kepada majikan-majikan yang bertanggungjawab dan membantu usaha pihak kerajaan menangani isu ini dengan melaporkan perihal pekerja-pekerja asing di bawah jaminan mereka yang telah menjalankan aktiviti perniagaan tanpa pengetahuan semasa berada di bawah jaminan mereka. Sekali lagi kita sama-sama berharap usaha pihak kerajaan menangani isu ini akan mendapat sokongan berterusan terutama sekali majikan apabila mendapati pekerja-pekerja asing di bawah jaminan mereka yang melanggar peraturan dan tidak pula mengambil kesempatan sebagai cara untuk mendapatkan pendapatan yang cepat dan mudah dengan mengeksploitasi atau bekerjasama dengan pekerja-pekerja asing untuk melakukan aktiviti yang bertentangan dengan peraturan yang ada.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT AWANG HAJI ABDUL
WAHAB BIN APONG**

**PEMANTAUAN TUGAS PENGHULU
DAN KETUA KAMPUNG**

Adalah dimaklumi bahawa Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Kuasa-Kuasa Tempatan dan Pembangunan Masyarakat yang antara lain membantu dan memantau tugas penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung untuk meningkatkan ekonomi penduduk di mukim-mukim selain berperanan mengawal dan mentadbir pejabat-pejabat daerah dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh negara serta mengadakan aktiviti kemasyarakatan, ugama dan lain-lain untuk melahirkan kepimpinan yang berkaliber, kursus kepimpinan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan, keusahawanan serta cara-cara memperkasakan produk bantuan modal, pengeluaran produk berorientasikan pasaran yang luas dan promosi yang baik hendaklah diambil kira.

Soalan saya:

Apakah ada perancangan kementerian untuk mengadakan program bagi meningkatkan peranan masyarakat melalui kepimpinan akar umbi kepada penghulu dan ketua kampung serta ahli-ahli Perundingan Mukim dan Kampung supaya mereka boleh berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan sosial dan ekonomi di peringkat mukim dan kampung?

JAWAPAN:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Merujuk kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong berkaitan dengan program-program bagi meningkatkan peranan masyarakat melalui kepimpinan akar umbi, izinkan kaola / saya untuk mengongsikan maklumat berkaitan dengan program-program yang telah dan sedang diusahakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khususnya dalam meningkatkan pembangunan sosial dan ekonomi di peringkat mukim dan kampung.

Pelbagai inisiatif dan program telah, sedang dan akan terus diusahakan bagi meningkatkan produktiviti serta motivasi bukan sahaja kepada pemimpin akar umbi tetapi juga penduduk-penduduk kampung agar bergerak aktif membantu masyarakat ke arah meningkatkan kesejahteraan dan sosioekonomi menerusi projek-projek perekomonian setempat. Salah satu program berkenaan adalah program Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Sejak program ini dilancarkan pada tahun 1993, terdapat sebanyak 253 produk telah didaftarkan di bawah program ini. Walau bagaimanapun, setakat ini program ini belumlah secara keseluruhannya mencapai tahap kemajuan yang dihasratkan. Hanya sebahagian produk sahaja yang dapat menembusi pasaran serantau.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan terus berusaha dan tidak akan kendur-kendur menghulurkan bantuan bagi meningkatkan lagi jumlah pengusaha produk 1K1P, meningkatkan kualiti produk dan memastikan ianya mematuhi piawai antarabangsa dan juga bagi mengembangkan serta memajukan lagi perusahaan 1K1P ini. Antara bantuan yang telah diberikan kepada pengusaha-pengusaha Satu Kampong Satu Produk (1K1P) ialah dari segi pemasaran produk.

Dengan kerjasama *Darussalam Enterprise (DARE)*, 10 pengusaha 1K1P telah dapat menempatkan produk-produk mereka di pasaraya tempatan seperti di *Hua Ho*, *Sim Kim Huat* dan *Supa Save*. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga bekerjasama dengan Syarikat Seri Nova Food Industries bagi memasarkan produk 1K1P daripada 30 pengusaha bertempat di Balai Berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Pada 18 Januari 2020, laman sesawang (*Website*) 1K1P telah dilancarkan yang melibatkan seramai 30 orang pengusaha seluruh daerah untuk tujuan pemasaran produk mereka.

Dalam membantu pemasaran tempatan, ekspo 1K1P diadakan dari semasa ke semasa di samping pengusaha juga digalakkan menyertai ekspo - ekspo tempatan. Manakala pengusaha-pengusaha juga menyertai ekspo di luar negara yang bertujuan bukan sahaja untuk memperkenalkan produk mereka ke luar negara tetapi juga untuk menjalin *network*, mempelajari amalan-amalan

terbaik dan meraih pengalaman dalam memajukan perusahaan mereka. Para pengusaha telah menyertai jualan ekspo di luar negeri seperti ekspo OTOP di Thailand pada tahun 2017 yang melibatkan seramai 10 orang pengusaha dan 4 orang pengusaha pada tahun 2018. Sebanyak 9 orang pengusaha 1K1P telah juga menyertai CAEXPO Nanning China pada bulan September 2017.

Bagi tujuan meningkatkan kapasiti para pengusaha 1K1P, beberapa kursus telah diungkuhkan. Antara kursus yang telah dikendalikan pada dua (2) tahun kebelakangan termasuklah Pengurusan dan Pembungkusan 1K1P yang dikendalikan oleh tenaga pakar OTOP daripada Thailand, Seminar Halal anjuran Bahagian Kawalan Makanan Halal, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diadakan di setiap daerah dan melibatkan lebih 100 orang pengusaha 1K1P, Seminar *ASEAN Design Selection Under Promoting Creative Industries 2017-2018* anjuran Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dengan kerjasama *ASEAN-Japan Centre*, Seminar Amalan Pengilangan Yang Baik anjuran Bahagian Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Taklimat Keusahawanan anjuran *DARE*, Program Latihan Berasaskan Makanan Laut anjuran Jabatan Perikanan dengan Kerjasama Pejabat Perikanan Negeri Terengganu.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah bekerjasama dengan Syarikat Ghanim (Brunei Halal) bagi membuat

product development untuk produk-produk 1K1P yang berkualiti dan berdaya maju untuk dipasarkan di dalam dan luar negara.

Pada awal tahun ini, satu kolaborasi bersama *Bank Islam Brunei Darussalam (BIDB)* dijalankan untuk memberikan bimbingan dan latihan kepada pengusaha 1K1P dari segi keusahawanan, pengurusan syarikat dan kewangan serta pemasaran produk. Bagi menjayakan program 1K1P, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah menyediakan peruntukan kewangan dan diberikan kepada Majlis Perundingan Kampung mengikut kesesuaiannya.

Baru-baru ini bantuan kewangan telah diberikan kepada Majlis Perundingan Kampung Menengah, Daerah Temburong berjumlah sebanyak \$47,900.00 bagi membina dapur tambahan bertempat di Balairaya Kampung Menengah bertujuan antaranya untuk meningkatkan lagi penghasilan produk karipap mini serta produk-produk baharu yang diunggakahkan Majlis Perundingan berkenaan.

Selain daripada itu, pada tahun 2018, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah memperkenalkan satu program yang dinamakan Program Satu Kampung Satu Keluarga (1K1K) yang bertujuan antaranya membantu kelompok keluarga di kampung-kampung yang menghadapi isu kemiskinan supaya keluar dari kelompok kemiskinan di samping menerapkan

kaedah-kaedah terbaik bagi membentuk sebuah keluarga yang mandiri.

Setakat ini hanya 7 keluarga yang mengikuti program yang mana sepatutnya sekurang-kurangnya sebanyak 157 keluarga daripada 157 buah kampung di seluruh negara dibantu di dalam program ini. Penghulu mukim dan ketua kampung adalah berperanan penting selaku penyelaras dalam menjayakan Program Satu Kampung Satu Keluarga (1K1K) ini bagi mewujudkan sikap memedulikan dan prihatin kepada masyarakat yang memerlukan bagi meningkatkan taraf kehidupan keluarga agar ia sentiasa berdaya tahan.

Bagi tujuan membangun kedayatahan institusi kepimpinan mukim dan kampung Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah mereviu semula Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung yang telah dikuatkuasakan bermula pada 1 April 2015 yang bertujuan antaranya untuk meningkatkan tahap keberkesanan Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dengan pelantikan penghulu mukim dan ketua kampung yang mempunyai kewibawaan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan serta mempunyai ilmu masyarakat yang tinggi, keaktifan di dalam majlis-majlis perundingan mukim dan kampung.

Bagi meningkatkan dan melengkapkan lagi kapasiti dan kemahiran penghulu-penghulu mukim dan ketua kampung

berbagai usaha berterusan telah dilaksanakan di dalam membina dengan mendedahkan mereka bagi mengikuti bengkel dan kursus sama ada anjuran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri maupun daripada agensi-agensi kerajaan yang lain untuk meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mereka.

Antaranya ialah Bengkel Kepimpinan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung oleh Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD), kursus Melayu Islam Beraja (MIB) yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 dan yang terbaharu pada bulan Januari 2020 ialah Bengkel Asas Kepimpinan bagi Penghulu Mukim, Ketua Kampung serta Pemangku Penghulu Mukim dan Pemangku Ketua Kampung. Di samping itu, sebahagian Penghulu Mukim dan Ketua Kampung juga didedahkan dengan pengalaman dalam mengikuti *ASEAN plus 3 Village Leaders Exchange Programme* yang diadakan di Kuala Lumpur dan juga di China.

Salah satu lagi program yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ialah Anugerah Kampung Cemerlang (AKC). Program ini telah dijalankan bermula pada tahun 2008 dan setakat ini, AKC telah diadakan sebanyak 3 kali. AKC adalah bertujuan untuk membudayakan sikap 'Bantu Diri dan Sara Diri' di dalam majlis-majlis perundingan kampung dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kampung seperti perekonomian, kebudayaan,

sukan, keagamaan, pendidikan dan kemasyarakatan.

Ianya juga bertujuan untuk memupuk amalan kerjasama, semangat bermucang-mucang, berinisiatif dan berpenglibatan aktif seluruh penduduk kampung untuk melahirkan masyarakat yang harmoni, bersatu padu, berdisiplin, kreatif dan produktif. Program ini telah dijalankan bermula pada tahun 2008 dan setakat ini, AKC telah diadakan sebanyak 3 kali. Program ini akan dianjurkan lagi mengikut keperluan dan kesesuaiannya.

Oleh itu, bagi menjayakan program-program serta inisiatif-inisiatif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan tersebut, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung sebagai pemimpin di peringkat akar umbi perlu memainkan peranan dengan berkesan bukan sahaja dalam mentadbir dan memajukan kampung bahkan mencukupi kebolehan mengubah *mindset* masyarakat dan bersedia untuk mengubah cara bekerja dan berfikir supaya berupaya melaksanakan kerja berorientasikan pencapaian. Saya menghargai usaha Majlis Perundingan Kampung Katok melalui projek penanaman nenas yang bertempat di kawasan Pertanian Tungku berkeluasan 36 ekar dan disertai oleh seramai 71 orang penduduk kampung.

Walaupun projek ini baru saja diusahakan, namun ianya mencerminkan inisiatif timbul dari kesedaran penduduk kampung itu sendiri untuk berusaha meneroka peluang-peluang yang boleh

diraih. Ini menjadi contoh yang baik untuk diikuti oleh Majlis Perundingan Kampung yang lain.

Platform yang telah disediakan oleh pihak kerajaan seperti mana yang dinyatakan di atas termasuklah mekanisme pelaksanaan iaitu melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, tinggal sahaja lagi pemimpin akar umbi untuk berusaha bagi membangunkan sosioekonomi di peringkat mukim dan kampung masing-masing. Seperti mana ungkapan peribahasa 'Dayung sudah di tangan, perahu sudah di air, tinggal saja lagi berkayuh'.

Jika peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Buku Lembaga Pengelola Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dipraktikkan, maka pemimpin akar umbi boleh membuat perubahan untuk mengembangkannya sosio ekonomi sesebuah mukim dan kampung sehingga mencapai tahap yang jauh lebih baik daripada mengharapkan bantuan semata-mata.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HANAPI BIN MOHD SIPUT

ISU TOL DI KAWASAN SUNGAI TERABAN, KUALA BELAIT

Pada Tahun 2017 saya telah menimbulkan mengenai dengan isu TOL di kawasan Sungai Teraban, Kuala Belait dan telah menerima jawapan bahawa perkara ini akan berunding untuk mencari tempat yang bersesuaian dan memohon peruntukan bagi perlaksanaannya.

Soalan saya:

Memandangkan pada tahun ini adalah tahun 2020, apakah perkembangan mengenai dengan isu tersebut?

JAWAPAN:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ mengenai isu Tol Rasau ini, sukacita kaola kongsi bahawa Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah pun mengadakan kaji selidik pada bulan Julai 2018 mengenai Tol Rasau ini. Hasil dari kaji selidik berkenaan, beberapa perundingan bersama kementerian-kementerian yang berkenaan seperti Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (MOHA), Kementerian Pembangunan dan juga Kementerian Tenaga telah diadakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, cadangan tersebut sedang dalam pertimbangan pihak kementerian yang berkenaan untuk pelaksanaan supaya lokasi Tol Rasau tersebut akan diselaraskan dengan satu dasar menyeluruh yang berhubung kait dengan pengenaan caj alternatif.

Sekian disampaikan dan terima kasih.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT DAYANG HAFIMI
BINTI ABDUL HAADII**

**TRANSFORMASI DIGITAL SEBAGAI
MEKANISME PEMACU USAHA
MEMPELBAGAIKAN EKONOMI**

Sebagai cara untuk memajukan kepelbagaian ekonomi negara, mekanisme tranformasi digital akan menjadi penting sebagai salah satu kaedah untuk memastikan pertumbuhan yang mampan. Penubuhan Majlis Ekonomi Digital dan juga semasa sesi muzakarah dengan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi terdapat kenyataan ringkas mengenai perkara ini.

Soalan saya ialah:-

- i. Bolehkah transformasi digital berlaku dengan cepat dalam sektor awam untuk mewujudkan impak bukan hanya untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih efisien tetapi juga memastikan ketulusan itu "*transparency in process*"?;
- ii. Sejauh manakah integrasi antara transformasi digital sektor awam dan digitalisasi sektor swasta menjadi kenyataan selama 5 tahun akan datang?; dan
- iii. Apakah perlindungan yang ada untuk memastikan literasi digital adalah inklusif?

JAWAPAN:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ, بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii bagi soalan-soalan mengenai dengan transformasi digital sebagai mekanisme pemacu kepada mempelbagaikan ekonomi.

Bagi menjawab soalan yang pertama ini, iaitu bolehkah transformasi digital berlaku dengan cepat dalam sektor awam untuk mewujudkan impak bukan hanya untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih efisien, tetapi jua memastikan ketulusan itu *transparency in process*.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ, transformasi digital tersebut memang boleh berlaku dengan cepat. Izinkan saya mengongsikan di antara faktor kejayaan kritikal atau *enablers* yang dapat mempercepatkan transformasi digital, antara lainnya adalah:

1. Infrastruktur digital seperti *Smart Nation Platform* (yang merangkumi infrastruktur telekomunikasi dan

infrastruktur perkongsian dan pengintegrasian data);

2. *Flagship application* seperti identiti digital, perkongsian data dan *digital payment*; dan
3. Undang-undang dan peraturan seperti perlindungan data dan keselamatan siber bagi memberi keyakinan dan jaminan kepada pengguna-pengguna dan pelabur.

بِاللَّهِ setakat ini, sebanyak 110 e-Perkhidmatan yang dapat diakses melalui *portal Gov.bn* dan terdapat 22 e-Perkhidmatan juga telah membolehkan akses kepada maklumat mengenai status permohonan-permohonan, maklumat mengenai data peribadi seperti SiKAP (*Demerit Point System*) dan sebagainya.

Dalam pada itu, sebanyak 14 sistem kerajaan telah dapat diintegrasikan dengan perkhidmatan *National Authentication Module (NAM)* iaitu e-Darussalam bagi memudahkan orang awam untuk mengakses perkhidmatan yang disediakan.

Pada masa ini, langkah penambahbaikan sedang diusahakan untuk memudahkan dan meningkatkan jumlah pengguna e-Darussalam melalui pengintegrasian e-Darussalam dengan *Digital ID* melalui sistem *National Registration System (NRS)* yang sedang dalam pelaksanaan. Dalam memastikan ketelusan dalam proses-proses kerja, usaha-usaha juga dilaksanakan seperti *digital payment*

gateway bagi proses pembayaran perkhidmatan yang disasarkan akan menjadikan keseluruhan proses lebih selamat, telus dan terjamin dalam menangani isu integriti seperti pecah amanah dan rasuah.

Seterusnya untuk menjawab soalan kedua iaitu mengenai integrasi transformasi digital sektor awam dan swasta dan sejauh mana ianya menjadi kenyataan bagi 5 tahun akan datang. Pada menjawab soalan dari Yang Berhormat tersebut, memang integrasi tersebut boleh menjadi kenyataan dalam masa 5 tahun akan datang, iaitu dalam bentuk perkongsian data ataupun *data-sharing* yang lebih meluas sebagai antara faktor pendorong utama.

Antara perkara-perkara yang boleh membawa kepada sektor swasta dan sektor awam lebih berintegrasi adalah seperti identiti digital yang akan memudahkan pengesahan ataupun *verification* identiti pengguna. *Platform digital payment* yang seragam dan juga perkongsian data antara kerajaan dan pihak swasta juga dilihat lebih berintegrasi pada masa ini.

Ini dapat dilihat dalam projek *Smart Metering* yang diumumkan oleh Kementerian Pembangunan, Kementerian Tenaga dan *Berakas Power Station* bersama perkongsian data yang dikawal dengan peraturan yang menggunakan e-Darussalam sebagai platform ID.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan kaola / saya untuk meneruskan bagi menjawab soalan yang ketiga iaitu mengenai dengan perlindungan untuk memastikan literasi digital yang inklusif.

Pada masa ini belum ada perlindungan khusus dari segi perundangan untuk memastikan literasi digital adalah inklusif. Walau bagaimanapun ada perundangan dan aspek dari penyediaan infrastruktur bagi literasi digital iaitu:

- i. Perintah Telekomunikasi 2001, para (58) yang memperuntukkan antara lain penyediaan *Universal Service Provision*. Ini menggalakkan bagi pemasangan sistem telekomunikasi di kawasan atau kumpulan yang kurang mendapat perhatian dengan memberikan konektiviti dan penyediaan infrastruktur kepada kawasan-kawasan *under-served* seperti pedalaman; dan
- ii. Dalam memastikan literasi digital terkini disalurkan secara inklusif, pihak AITI juga telah mengadakan beberapa inisiatif yang berupa *outreach program* termasuk dalam aspek Keselamatan Siber (*Cybersecurity*):
 - a. Sasaran bagi program ini adalah di kalangan penuntut, guru-guru dan orang ramai secara amnya bagi memberikan kesedaran mengenai ancaman siber; dan

- b. Program ini berfokuskan kepada aktiviti-aktiviti kesedaran yang interaktif bagi orang ramai dan penuntut dalam mengetahui apakah sebenarnya keselamatan siber.

Dalam memastikan literasi digital dalam bentuk sebarang cadangan pelaksanaan (metodologi) dan *roll-out* demi menggalakkan inklusiviti semua peringkat masyarakat, maka ada pemikiran awal untuk bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan untuk merangkum subjek Literasi Digital sebagai satu mata pelajaran dalam kurikulum pendidikan rendah dan selanjutnya.

Sekian yang kaola dapat sampaikan.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT AWANG ISWANDY
BIN AHMAD**

PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Dalam memasuki era ekonomi digital, data peribadi setentunya tidak dapat lari dari digunakan. Beberapa buah negara Asean sudah mempunyai apa yang dipanggil *Personal Data Protection Act (PDPA)* dan pada tahun 2016, Asean *Framework on Personal Data Protection* telah dikeluarkan, di mana rangka kerja tersebut menepati prinsip-prinsip perlindungan data bertujuan untuk memberi panduan kepada negara-negara Asean di dalam pelaksanaan undang - undang dan peraturan negara

masing-masing. Perkara ini juga dipraktikkan di Eropah dengan undang-undang yang disebut *General Data Protection Regulation (GDPR)* dan di negara-negara lain mereka juga mempunyai akta privasinya sendiri.

Di Negara Brunei Darussalam, undang-undang yang ada tentang perlindungan data ini adalah dalam bentuk Perlindungan Data 2014 yang meliputi data peribadi dalam bentuk elektronik atau manual dan dikendalikan oleh agensi kerajaan dan institusi pendidikan. Data-data tersebut mengandungi bilangan kad pengenalan, tarikh lahir, *e-mail*, nombor telefon dan alamat rumah. Penggunaanya tidak terkawal dimana ianya akan membahayakan kerana takut disalahgunakan sebagai penyamaran ataupun *identity theft* di samping juga boleh digunakan sebagai *doxing* iaitu penyebaran maklumat peribadi orang lain dengan hasrat membuat *harassment* atau gangguan. Dengan yang demikian undang-undang Perlindungan Data Peribadi yang komprehensif hendaklah diadakan.

Soalan saya ialah apakah usaha pihak yang berkenaan dalam memastikan bahawa akta seperti *Personal Data Protection Act (PDPA)* dapat diperkenalkan di dalam masa yang terdekat?

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad bagi soalan mengenai dengan usaha dalam

memastikan akta seperti *Personal Data Protection Act (PDPA)* untuk dapat diperkenalkan di dalam masa yang terdekat.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini belum ada sebarang perundangan mengenai *Personal Data Protection Act*. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa usaha sedang dijalankan ke arah memastikan isu perlindungan data peribadi ini dapat ditangani secara perundangan dalam masa terdekat seperti yang sudah wujud di negara-negara jiran di rantau ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Iswandy kerana membangkitkan isu semasa yang penting ini dan izinkan saya untuk mengongsikan sedikit pencerahan. Perlindungan data yang dirujuk oleh Yang Berhormat Awang Iswandy tersebut adalah merupakan satu *Data Protection Guideline* atau Garis Panduan Perlindungan Data 2014 bagi data kerajaan sahaja.

Walaupun sedemikian, MTIC memang menyedari bahawa adanya keperluan untuk melanjutkan dan menyelaraskan usaha penyediaan dasar dan perundangan yang menyeluruh bukan sahaja untuk melindungi data kerajaan tetapi juga perlindungan data peribadi bagi semua pihak di negara ini. Saya berpendapat keperluan seperti ini adalah selaras dengan era digital sejagat pada masa ini.

Di peringkat rantau pula, keperluan ini juga adalah selaras dengan *ASEAN Digital Data Governance Framework* seperti yang telah dipersetujui oleh *fora* perbincangan ASEAN.

Dalam hal ini, sebagai langkah interim, hal ehwal berkaitan urus tadbir data digital ini ditempatkan di bawah *AITI* sejak tahun 2019. Pihak *AITI* adalah sebagai agensi interim yang meneliti penyelarasan ke arah penyediaan satu rangka kerja dasar dan penyediaan undang-undang yang berkaitan dengannya.

- Sebagai usaha pensejajaran bersama dengan EGNC, *اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ*, satu projek "*Consultancy to Develop Data Governance in Brunei Darussalam*" sedang diungkayahkan oleh *AITI*.
- Projek ini disasarkan untuk bermula pada bulan April 2020 ini dan dijangka akan mengambil masa 10 bulan.

Manakala dasar Urus Tadbir Data atau "*Data Governance Policy*" sedang dalam penyediaan dan disasarkan bagi perlaksanaannya dalam Tahun Kewangan 2020-2022. Dasar Perlindungan Data ini akan meliputi antara lainnya adalah:-

1. *Law on Personal Data Protection and Privacy and enforcement;*
2. *Cross Border Data Flow Mechanism and enforcement;*
3. *Data Ownership Manual;*

4. *Data Policy; dan*

5. *Data Protection Policy.*

إِنْ شَاءَ اللهُ juga akan turut dikenal pasti nanti adalah agensi, sama ada yang sedia ada atau penubuhan sebuah agensi baharu nanti yang akan melaksanakan dasar dan perundangan *Personal Data Protection Act* ini. Sekian terima kasih.

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI EMRAN BIN HAJI SABTU

SISTEM PENGANGKUTAN DI DAERAH TEMBURONG

Di antara fungsi utama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi adalah sebagai memudah cara perkhidmatan kepada orang ramai. Saya difahamkan penggunaan *Intelligent Transport System (ITS)* kementerian berkenaan berhasrat untuk melaksanakan beberapa pilot projek yang berunsurkan *ITS* ataupun *Smart Public Transport*.

Soalan saya:-

- i. Adakah projek-projek *ITS* tersebut juga dilaksanakan di Daerah Temburong dan apakah bentuk perkhidmatan yang boleh dinikmati serta memberikan sumbangan pekerjaan kepada anak-anak muda khususnya di Daerah Temburong?;
- ii. Apakah perkembangan dan perancangan kementerian berkenaan

khususnya sistem pengangkutan di darat dan di perairan setelah siapnya jambatan penghubung Daerah Brunei/Muara dengan Daerah Temburong seperti perkhidmatan bas, teksi dan perkhidmatan lain-lain?; dan

- iii. Adakah kementerian mempunyai rancangan dan sudah membuat penilaian untuk menjadikan terminal perahu yang ada sekarang dijadikan juga sebagai perhentian bas?

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu pertanyaan mengenai projek-projek ITS dan sistem pengangkutan di Daerah Temburong.

Melaksanakan projek - projek pengangkutan awam memang menjadi prioriti Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) ke arah mewujudkan sistem pengangkutan awam yang boleh diharap (*reliable*), mampu milik (*affordable*), selamat, moden dan inklusif. Pembaikan sistem rangkaian pengangkutan awam memang ada dalam perancangan untuk dilaksanakan di seluruh negara termasuk di Daerah Temburong nanti.

Pada menjawab soalan mengenai dengan bentuk perkhidmatan yang boleh dinikmati nanti ini adalah termasuk pengenalan Projek Rintis Sistem Maklumat Penumpang bagi

perkhidmatan bas (*Passenger Information System*) yang akan diungkayahkan oleh MTIC bersama dengan JPD. Dengan adanya system ini nanti, ianya akan dihasratkan bagi membolehkan pengguna/penumpang mendapatkan maklumat mengenai jadual, frekuensi dan sebagainya. Ini adalah sebahagian usaha ke arah mencapai *Smart Nation*.

Sehubungan dengan soalan mengenai sumbangan pekerjaan kepada anak-anak muda, khususnya di Temburong *إن شاء الله*, dengan penambahan laluan (*routes*) nanti, ianya akan membukakan peluang serta adanya keperluan seperti kapten-kapten bas tambahan yang akan meningkatkan pengambilan pekerjaan, antara lainnya. Perkembangan dalam sistem maklumat juga dapat menjana peluang pekerjaan kepada *programmers/ coders* tempatan dalam penyediaan *apps* pengangkutan awam yang dapat disediakan.

Memang hasrat pengangkutan awam adalah untuk membuka peluang pekerjaan dan dengan adanya perkhidmatan bas dan perkhidmatan *Dart* dilaratkan ke Daerah Temburong nanti, maka MTIC akan turut memastikan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut boleh diharap dan berjadual dengan perkhidmatan yang turut disumbangkan oleh pemandu-pemandu yang terlatih, berdaftar dan bertauliah.

Soalan kedua, apakah perkembangan dan perancangan Kementerian berkenaan khususnya sistem pengangkutan di darat dan di perairan setelah siapnya jambatan penghubung Daerah Brunei/Muara dengan Daerah Temburong seperti perkhidmatan bas, teksi dan perkhidmatan lain-lain?

Pada menjawab soalan tersebut, dengan adanya Jambatan Temburong nanti, dijangkakan *demand* akan meningkat bagi perkhidmatan pengangkutan awam dengan perkhidmatan teksi dan *Dart* boleh mengambil peluang yang ada dengan peningkatan konektiviti yang melarutkan perkhidmatan ke Daerah Temburong. Melalui usaha perundingan, pengusaha-pengusaha bas juga menunjukkan minat untuk melarutkan perkhidmatan secara *inter-district*.

Mengenai sistem pengangkutan air di Daerah Temburong, dalam hal ini perkhidmatan *Speedboat* BSB / Temburong dan Temburong / BSB masih akan dikekalkan tertakluk kepada permintaan (*demand*) penumpang. Sebagai langkah menjaga keselamatan pemandu-pemandu serta penumpang-penumpang, pihak MPABD juga akan meneliti keperluan keselamatan sebagai keutamaan bagi *speedboat* yang menggunakan / merentas Sungai Limbang dan juga Sungai / Perairan Brunei. Di samping itu juga, MPABD juga akan memastikan keselamatan para penumpang serta pelancong yang masih berhasrat menggunakan / menerokai sungai-sungai Brunei dan Sungai

Temburong dengan menggunakan *speedboat* tidak terjejas.

Mengenai dengan soalan ketiga yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Emran, iaitu perancangan dan penilaian Kementerian bagi menjadikan terminal perahu yang ada sekarang untuk dijadikan sebagai perhentian bas. Pada masa ini belum ada rancangan yang dibuat untuk menjadikan terminal perahu yang ada sekarang dijadikan sebagai perhentian bas kerana pihak MTIC masih ingin mengekalkan fungsi bangunan tersebut sebagai tempat turun naik penumpang Temburong-Bandar Seri Begawan yang menggunakan pengangkutan air atau *speedboat*.

Walau bagaimanapun, jika permintaan (*demand*) sangat jauh menurun dan jika ada kesesuaian dan keperluan bangunan tersebut dijadikan sebagai perhentian bas, Kementerian ini akan mempertimbangkannya. Sebarang perancangan sedemikian untuk menjadikannya perhentian bas seandainya bersesuaian nanti mungkin dapat memudah cara multi-modal *transport* bagi memudahkan pergerakan barangan dan orang ramai sebagai salah satu kriteria peningkatan perkhidmatan bas awam di Negara Brunei Darussalam.

Sekian yang dapat saya sampaikan dan diucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Awang Haji Emran.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT AWANG HAJI RAMLI
BIN HAJI LAHIT**

MASALAH BULI JALAN RAYA

Masalah perbuatan buli di jalan raya yang sering berlaku tidak boleh dipandang ringan kerana impaknya adalah serius yang boleh mengakibatkan perkara yang tidak diingini kepada pelaku dan pengguna jalan raya yang lain seperti pergaduhan dan kemalangan. Berbagai tingkah laku boleh dilakukan oleh si pemandu seperti:-

- i. Memandu secara berbahaya dan memotong dari kiri;
- ii. Mengikuti belakang kereta sangat dekat;
- iii. Menunjukkan isyarat tangan cari gaduh;
- iv. Memaki hamun pemandu lain terutamanya kepada pemandu wanita; dan
- v. Memotong barisan panjang di pos-pos kawalan yang menyebabkan orang lain marah.

Adalah tidak diketahui sebab-sebab perkara ini berlaku. Mungkin mereka kurang sabar (*impatient*), panas baran atau tidak faham sikap dan peraturan memandu di jalan raya.

Soalan saya ialah:-

- i. Adakah cadangan untuk melakukan pengkajian dan penyelidikan yang

lebih mendalam mengenai masalah buli di jalan raya ini?;

- ii. Adakah dalam perancangan untuk melaksanakan kempen pendidikan anti buli secara berterusan menerusi kerjasama berbagai agensi termasuk dimasukkan sebagai satu subjek dalam penghayatan Melayu Islam Beraja untuk menyemai budaya saling hormat menghormati antara satu sama lain?; dan
- iii. Adakah sudah undang-undang atau peraturan untuk menangani masalah buli di jalan raya untuk membolehkan mereka ini dihadapkan ke mahkamah dan jika tidak ada apakah tindakan yang boleh diambil terhadap mereka ini?

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit bagi soalan mengenai dengan cadangan untuk melakukan pengkajian dan penyelidikan yang lebih mendalam mengenai masalah buli di jalan raya.

Dalam isu buli di jalan raya, MTIC sememangnya mengongsikan kerisauan Yang Berhormat Awang Haji Ramli dan bersetuju bahawa langkah-langkah perlu diambil bagi memastikan keselamatan semua pengguna jalan raya sentiasa terpelihara di samping mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Untuk makluman Yang Berhormat, belum ada sebarang pengkajian dan penyelidikan mengenai isu *road bully* di jalan raya. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** isu ini akan dibawa ke pemerhatian Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR). Saya mengambil baik dan mengalu-alukan mengenai timbulnya isu buli jalan raya ini dan akan membuat pertimbangan lanjut ke atasnya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI HANAPI BIN MOHD. SIPUT

MENUBUHKAN JAWATANKUASA AUTORITI KEMAJUAN DAERAH

Penubuhan sebuah Jawatankuasa Autoriti Kemajuan Daerah yang dianggotai oleh Yang Berhormat Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Tetap adalah sesuai dan tiba masanya bagi merancang dan menimbangkan yang antara lain untuk menaik taraf pembangunan daerah-daerah yang lebih terancang selaras dengan Wawasan 2035, mengenal pasti keperluan-keperluan dan tarikan-tarikan yang terdapat di daerah-daerah termasuk mukim-mukim yang berpotensi bagi dimajukan agar pembangunan mampan, terurus dan tidak jauh tertinggal antara satu daerah dengan daerah yang lain dan bagi menepati sasaran Wawasan 2035 supaya rakyat hidup dalam keselesaan dengan prasarana yang lebih efisien.

Saya ingin tahu adakah dalam perancangan Kementerian Pembangunan untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Autoriti Kemajuan Daerah bagi memastikan supaya perancangan kemajuan dan perkembangan di daerah-daerah itu kemas dan tersusun?

JAWAPAN:

Kemajuan Daerah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah Jawatankuasa Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (ADKT) yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dipengerusikan bersama oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Ianya dibentuk atas inisiatif Jawatankuasa Kebangsaan Projek Pembinaan Jambatan Penghubung Daerah Brunei dan Daerah Temburong antara lain bertujuan untuk menyelaraskan apa jua perancangan yang akan dilaksanakan di Daerah Temburong berasaskan kepada pelan daerah dan setempat Jabatan Perancang, Bandar dan Desa. Dengan penyiapan Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong, dijangkakan Daerah Temburong akan berkembang maju dan menjadi satu destinasi pelancongan serta tarikan orang ramai.

Memandangkan Daerah Temburong belum mempunyai Pengerusi Bandaran seperti daerah-daerah lain maka adalah bersesuaian dibentuk satu Autoriti Pembangunan dan Perancangan di daerah tersebut. Perkara ini adalah perlu bagi menyelaraskan dan mengawal segala apa jua perancangan pembangunan, perekonomian, pertanian

dan perindustrian supaya ianya teratur dan terarah bagi mengekalkan Daerah Temburong sebagai '*eco-city*'.

Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan kemajuan bagi semua daerah di negara ini adalah di bawah kawalan Jabatan Perancang, Bandar dan Desa. Kementerian Pembangunan yang bertanggungjawab dalam penyediaan pelan-pelan pembangunan di peringkat daerah dan setempat (*district plan dan local plan*) dan mempunyai dasar serta strategi perancang guna tanah dan kawalan kemajuan.

Dengan keterangan di atas dan pada menjawab soalan Yang Berhormat pada masa ini belum ada keperluan untuk mewujudkan Autoriti Kemajuan bagi daerah lain memandangkan daerah lain juga ada mempunyai Lembaga Bandaran masing-masing di bawah pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang ahli-ahli lembaga ini terdiri daripada agensi-agensi yang berkenaan. Buat masa ini, kementerian ini berpendapat dengan adanya perancangan pelan daerah dan pelan setempat yang dikawal oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa sudah memadai bagi penyelarasan dan pelaksanaan pelan pembangunan mengikut perancangan yang telah disediakan.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT AWANG ONG TIONG
OH**

**PEMELIHARAAN BANGUNAN-
BANGUNAN KERAJAAN**

Dalam tahun-tahun enam dan tujuh puluhan, Jabatan Kerja Raya berperanan membuat kerja-kerja penyelenggaraan (*maintenance*) bangunan-bangunan kerajaan dan kini kerja-kerja tersebut beransur-ansur ditawarkan kepada syarikat-syarikat swasta.

Memandangkan bahawa pada tahun yang sudah-sudah, Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK) telah berjaya melatih belia-beli dalam pelbagai pertukangan malangnya kurang dari 50% yang berjaya bekerja atau berusaha sendiri.

Saya ingin tahu adakah Kementerian Pembangunan akan mengadakan semula Jabatan Penyelenggaraan (*Maintenance Department*) dan mengambil belia-belia dari lepasan PPK untuk mengurangkan pengangguran di negara ini?

JAWAPAN:

Pada tahun 60-an dan 70-an, kerja-kerja pemeliharaan bangunan dan rumah-rumah kerajaan, pembersihan dan pembaikan aset-aset kerajaan dibuat oleh *Maintenance Unit* JKR melalui *direct labor* atau tenaga buruh yang terdiri dari pekerja-pekerja tempatan. Dengan peredaran masa dan keadaan, perkhidmatan melalui *direct labor*

beransur kurang popular kerana didapati tidak efisien dan kos pengurusan yang agak tinggi dan tenaga mahir tempatan semakin berkurangan.

Pihak pengurusan mula mencari kaedah-kaedah pendekatan baharu di mana kerja-kerja pemeliharaan di *outsource* melalui syarikat atau *company* yang berdaftar di Kementerian Pembangunan. Kementerian Pembangunan tidak akan mengadakan semula pengambilan *direct labor* seperti dahulu, tetapi secara *indirectly* mengalakkan anak-anak tempatan untuk membuka syarikat atau *company* bagi kerja-kerja pemeliharaan dan pembinaan dengan mengutamakan *local content* pekerja-pekerja tempatan.

Dengan tertubuhnya Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK), Kementerian ini dengan kerjasama agensi-agensi yang berkenaan dan dengan bantuan serta inisiatif di bawah *Main power and Employment Council (MPEC)* sedang meneliti latihan-latihan yang sesuai bagi meningkatkan penglibatan anak-anak tempatan termasuk belia-belia lepasan PPK dalam industri pembinaan.

Pada bulan November 2019, Kementerian Pembangunan telah pun melancarkan *Local Business Development Circular (LBD)* iaitu dasar kementerian dalam meningkatkan perniagaan dan pekerjaan tempatan dalam industri pembinaan, yang memfokuskan tiga bidang utama iaitu:

1. *Local Ownership*;
2. *Local Employment*; dan
3. *Local Content*

Melalui *LBD circular* ini, projek kerajaan di bawah pengendalian Kementerian Pembangunan akan mengutamakan penglibatan pemilik tempatan dalam pengendalian projek-projek kerajaan dan secara langsung akan menekankan pemilik tempatan untuk bergiat aktif dalam pengurusan syarikat dan projek.

Berkaitan dengan perkara ini, Kementerian Pembangunan juga merancang mengadakan satu program iaitu *i-Ushawan* yang akan diperkenalkan pada suku keempat tahun 2020, program ini dibukakan kepada semua belia yang berminat termasuklah lepasan PPK yang memenuhi keperluan *i-Ushawan*.

Pihak kementerian juga telah dan sedang bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan bagi meningkatkan pengambilan anak-anak tempatan dalam syarikat swasta di dalam industri pembinaan. Antara lain inisiatif pihak Kementerian Pembangunan yang terdapat di dalam *LBD framework* ialah untuk mengadakan Program *Foreign Workers Replacement (FWR)* dan mengutamakan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan. Dengan adanya program ini, ianya akan dapat memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan termasuk lepasan PPK.

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI RAMLI BIN HAJI LAHIT

KEROSAKAN DAN PENCEMARAN AKIBAT PEMBAIKPULIHAN

Kerosakan dan pencemaran sering berlaku akibat kerja-kerja meruntuh tanah, menggorek jalan bagi pemasangan paip atau kabel dan pembinaan bangunan oleh kontraktor-kontraktor seperti tanah susur, jalan raya berlubang dan meninggalkan sampah binaan. Walaupun perkara ini dianggap remeh dan kecil tetapi ianya memberi kesan yang besar dan merugikan negara. Kontraktor sepatutnya bertanggung jawab bagi pembaikan dan membaik pulih serta membersihkan kawasan-kawasan apabila berlaku kerosakan dan pencemaran.

Soalan saya:-

- i. Adakah dibuat kajian lebih awal oleh pihak yang berkenaan akan kesan yang akan dihadapi sebelum kerja-kerja itu diserahkan kepada kontraktor seperti meruntuh bukit terutamanya di tepi-tepi jalan raya utama atau kawasan perumahan?;
- ii. Apakah ada syarat-syarat atau perjanjian bertulis di antara kedua-dua pihak bagi pengawalan dan pencegahan supaya perkara-perkara yang tidak diingini berlaku?; dan

iii. Apakah jenis tindakan yang diambil jika syarat atau perjanjian itu tidak dipatuhi?

JAWAPAN:

Sebelum kerja-kerja meruntuh tanah dilakukan sama ada bagi projek kerajaan atau pun swasta kebenaran dari pihak yang berwajib yang dipertanggungjawabkan bagi pengawalan kerja-kerja tanah perlulah diperolehi terlebih dahulu. Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah mengeluarkan buku garis panduan bagi kerja-kerja meruntuh dan meratakan tanah yang telah diguna pakai oleh pihak-pihak yang berkenaan seperti pembina, kontraktor, konsultan dan *Qualified Person (QP)*. Garis panduan ini juga telah dikemaskinikan dari semasa ke semasa dan telah diberigakan kepada pihak-pihak yang berkenaan seperti *QP* (Arkitek dan Jurutera Profesional), Pembina dan Kontraktor.

Kerja-kerja kaji selidik tanah juga menjadi satu keperluan untuk disediakan sebelum penyediaan lukisan cadangan kerja-kerja kemajuan tanah sebelum meruntuh tanah dijalankan, tertakluk kepada lokasi dan keadaan bukit serta persekitarannya. Bagi projek-projek kemajuan persendirian yang berskala besar, laporan kaji selidik tanah adalah dikehendaki terlebih dahulu dari *QP* (jurutera professional-sivil) yang dilantik oleh pihak pemaju termasuk kaedah-kaedah pengawalan lereng bukit

sebelum permohonan dibuat. Pihak *QP* dan Pemaju/kontraktor juga dimestikan sentiasa mematuhi syarat-syarat yang telah dikenakan di dalam garis panduan termasuk pengawasan yang rapi, laporan kerja dilaksanakan.

Jika syarat-syarat dan peraturan tidak dipatuhi atau gagal melaksanakan kerja-kerja dengan sempurna (tidak mengikut peraturan seperti di dalam kontrak) terutama sekali menjejaskan keselamatan orang ramai, pihak-pihak yang berkuasa akan mengeluarkan surat amaran dan seterusnya jika perlu akan memberikan arahan berhenti kerja (*stop work order*), dan mengarahkan pihak ketiga untuk meneruskan kerja-kerja berkenaan sehingga selesai dan sempurna dan segala perbelanjaannya akan ditanggung oleh pihak pembina / kontraktor atau pihak pemaju. Pihak *QP* kontraktor atau pemaju yang terlibat, apabila didapati bersalah, senghaja atau cuai akan diambil tindakan tatatertib dengan menyenaraihitamkan nama atau syarikat mereka dari senarai pendaftaran Kementerian Pembangunan sehingga ke satu tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Mereka juga tidak akan dibenarkan untuk mengikuti sebarang tawaran atau kerja-kerja kontrak di dalam tempoh tersebut.

Selain itu, *QP*, pemaju dan pembina juga boleh diambil tindakan, jika berkenaan melalui Perintah Kawalan Bangunan, 2014 (*Building Control Order, 2014*) dan Peraturan Kawalan Bangunan 2014 (*Building Control Regulations, 2014*).

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT AWANG NAIM BIN
HAJI KAMIS**

**PEMBUANGAN DAN PELUPUSAN
SAMPAH**

Isu pembuangan dan pelupusan sampah domestik di atas tapak Kampung Sungai Paku perlu ada pendekatan yang lebih hijau dan mesra alam. Pembuangan dan pelupusan sampah domestik di tapak itu telah beroperasi lebih dari 10 tahun dengan cara penimbunan. Di negara-negara yang membangun bahkan di negara jiran kita juga kebanyakannya telah beralih dari kaedah pelupusan di atas tapak tanah kepada menggunakan kaedah-kaedah yang lebih mesra alam serta berteknologi tinggi dan telah mampu mengurangkan impak perubahan iklim kepada alam sekitar.

Soalan saya:-

- i. Adakah perancangan Kementerian Pembangunan dan kementerian-kementerian lain serta pihak yang berkaitan untuk menunduki amalan-amalan terbaik yang dibuat oleh negara-negara jiran itu untuk dilaksanakan di negara ini?; dan
- ii. Kalau sudah ada diucapkan syabas dan kalau belum adakah pihak-pihak yang berkenaan mengambil perhatian yang serius dengan mereviu serta menganalisa mengenai

kos perbelanjaan serta manfaatnya sebagai salah satu dari usaha negara ini dalam menangani isu perubahan iklim?

JAWAPAN:

Tapak pelupusan Sungai Paku mula beroperasi pada tahun 2011. Tapak tersebut mampu mengawal sebarang pencemaran dengan penggunaan beberapa kaedah dan peralatan berteknologi tinggi serta mesra alam yang telah diambil kira semasa pembinaan tapak tersebut.

Menurut pemantauan alam sekitar yang dijalankan seperti udara, air, tanah dan bau setakat ini adalah di dalam keadaan terkawal. Keadaan gas, cecair sampah (*leachate*) dalam tanah dipantau secara berterusan (*continuous*) mengikut piawaian-piawaian tertentu seperti *USEPA* dan *WHO* bagi memastikan tiada tanda-tanda pencemaran alam sekitar di dalam dan di luar kawasan tapak tersebut.

Kawasan pelupusan atau pembuangan sampah dilapisi dengan lapisan geosintetik yang boleh menghadang cecair sampah (*leachate*) daripada meresap ke dalam tanah. Melalui saluran pair, *leachate* dialirkan ke loji rawatan cecair sampah (*leachate treatment plant*) di mana cecair berkenaan akan melalui proses biologiikal sebelum ianya dilepaskan ke sungai dengan selamat.

Bagi mengurangkan masalah bau, sampah-sampah diratakan, dipadatkan dan ditutup dengan tanah dan beberapa rangkaian paip pengudaraan (*gas wells*) dipasang di tempat pelupusan untuk mengurangkan masalah bau dan gas terkumpul.

Merujuk kepada laporan Brunei Darussalam *Second National Communication* kepada bahan antarabangsa *UNFCC* yang dikeluarkan pada tahun 2017, sisa buangan menyumbang 152.23 Gg (*Giga gram*) Karbon Dioksida CO₂, iaitu hanya 1.36% dari jumlah keseluruhan pengeluaran karbon (*carbon emission*) di negara ini.

Di sepanjang tahun 2019, sebanyak 245,000 tan metrik sampah telah dihantar ke Tapak Pelupusan Sungai Paku, iaitu dalam kadar 670 tan metrik sehari. Ini merupakan jumlah tahunan yang tertinggi direkodkan sejak tapak pelupusan tersebut beroperasi dan dijangka akan mencapai had kapasitinya menjelang tahun 2030.

Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi telah membuat penelitian sama ada kaedah pelupusan yang sama seperti di Tapak Pelupusan Sungai Paku akan diteruskan selepas tahun 2030 atau penggunaan kaedah-kaedah baharu dengan menggunakan teknologi-teknologi yang bukan sahaja meningkatkan efisiensi pelupusan sampah serta mesra alam, malahan berpotensi untuk menghasilkan *spin-off*

by product seperti tenaga elektik dan *residue* bagi penghasilan bahan-bahan binaan atau hotikultur dan sebagainya.

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT DAYANG HAFIMI
BINTI ABDUL HAADII**

**PENGIKTIRAFAN HALAL
DI PERINGKAT ANTARABANGSA
DAN DIGITALISASI PERBEKALAN
MAKANAN NEGARA**

Peranan persijilan dan pengiktirafan adalah penting dalam ekonomi digital, apatah lagi maklumat pengguna senang didapati melalui cara digital untuk membuat keputusan pemilihan pengguna.

Pada Majlis Mesyuarat Negara sesi ke-15, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah memaklumkan bahawa *MOU* di antara MABIMS hanya menunggu penandatanganan. Semasa sesi muzakarah dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama pada bulan November 2019, perkara ini juga dibangkitkan.

Sektor permakanan masih memainkan peranan sebagai kluster perekonomian yang penting untuk memajukan ekonomi negara.

Saya ingin bertanya:-

- i. Adakah cabaran-cabaran yang masih dialami oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama itu disenaraikan secara am untuk dikongsikan kepada kementerian-kementerian lain berganding bahu supaya perjanjian *MoU* itu dapat dipercepatkan bagi

membolehkan hasil-hasil dari perusahaan kecil dan sederhana boleh dieksport kepada pasaran serantau?; dan

- ii. Dalam penubuhan Majlis Ekonomi Digital, adakah dalam pemikiran kementerian bahawa inilah waktu yang tepat untuk mempertingkatkan pendekatan baru ke atas sistem perbekalan makanan bagi negara melalui mekanisme *SMART systems*?

JAWAPAN:

(Jawapan soalan no. i)

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii yang mengemukakan dua soalan yang sangat kaola hargakan.

Pertama ialah mengenai adakah Kementerian Hal Ehwal Ugama mengongsikan juga dengan kementerian-kementerian lain cabaran-cabaran yang dihadapinya dalam perkara *Memorandum of Understanding (MoU)* pengiktirafan halal di kalangan negara-negara MABIMS untuk dipercepatkan bagi membolehkan hasil perusahaan kecil dan sederhana boleh dieksport ke pasaran serantau.

Kaola ingin menyatakan bahawa perkara *MoU*, setakat ini MABIMS bersetuju supaya deraf *MoU* halal MABIMS yang berbentuk umum diedarkan kepada

negara anggota MABIMS untuk diteliti dan dimuktamadkan.

Bagaimanapun adalah diakui bahawa *MoU* tersebut belum lagi dapat direalisasikan kerana ada di antara negara anggota yang memohon penelitian lebih lanjut dari penelitian pihak anggota sebelum ini.

Walau bagaimanapun, sejauh ini pengeksportan hasil atau produk dari perusahaan kecil dan sederhana untuk diekspor ke pasaran serantau telah dilaksanakan tanpa *MoU* halal MABIMS, dengan syarat ianya menepati piawai dan kehendak peraturan oleh pihak-pihak berkepentingan seperti di negara kita misalnya Kementerian Kesihatan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Di samping itu, kaola ingin mengongsikan bahawa logo halal MUIB telah didaftarkan di beberapa buah negara seperti Australia, China, Singapura, Indonesia, Thailand, Vietnam, Jepun dan United Kingdom.

Seterusnya dikongsikan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menggariskan salah satu Perlaksanaan Rangka Kerja Polisi berhubung dengan kerjasama *ASEAN* dalam Makanan, Pertanian dan Perhutanan. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** dalam mesyuarat *The Forty First Meeting Of The ASEAN Ministers On Agriculture And Forestry (The 41st AMAF)* yang bersidang pada 15 Oktober 2019, di Bandar Seri Begawan yang lalu telah menerima pakai

31 dokumen termasuk '*ASEAN General guidelines on Halal Food*'. Ini adalah hasil usaha sama dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Maka itu kaola kira menjawab soalan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi mengenai perkongsian dengan kementerian-kementerian lain untuk mengatasi cabaran yang dihadapi oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dalam perkara ini nyata bahawa perkongsian itu sebenarnya tidak terhad dalam perkara *MoU* halal MABIMS yang sudah sekian lama belum juga diputuskan untuk ditandatangani oleh negara-negara anggota.

Selain itu, Kementerian Hal Ehwal ugama juga telah pun mengambil beberapa langkah alternatif seperti berikut:

- i. Untuk mengadakan persefahaman secara dua-hala (*bilateral*) berkaitan dengan pengiktirafan dan jaminan halal bersama negara-negara anggota MABIMS.
- ii. Mempromosikan logo-logo halal negara-negara anggota MABIMS sebagaimana yang dipersetujui dalam Mesyuarat SOM kali ke-44 tahun 2019 di Republik Singapura, bagi menambah keyakinan masyarakat akan produk yang telah disahkan oleh setiap negara-negara anggota MABIMS.

Dalam waktu yang sama, pihak kita juga telah mengambil langkah alternatif dengan merangka Garis Panduan Badan

Pengiktirafan Halal Luar Negara (BPHLN) oleh Majlis Ugama Islam Brunei. Rangnya telah sedia untuk dibincangkan oleh Mesyuarat Majlis Ugama Islam Brunei bagi mendapatkan ketetapan mengenainya. Antara objektif penyediaan Garis Panduan tersebut ialah:

- a) Mengadakan perhubungan dan kerjasama dengan badan-badan pensijilan Halal dari negara-negara luar;
- b) Mempromosikan logo, sijil dan permit Halal yang dikeluarkan oleh MUIB; dan
- c) Membukakan permohonan kepada semua badan pensijilan Halal seluruh dunia, bukan sahaja bergantung kepada yang telah diiktiraf oleh anggota negara MABIMS.

(Jawapan soalan no. ii)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola sukacita menyatakan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama telah pun mengambil langkah dan ikut sama dalam mempertingkatkan sistem pendekatan baharu ke atas sistem perbekalan makanan bagi negara melalui mekanisme *SMART systems*. Beberapa inisiatif ke arah *SMART Systems* telah dilaksanakan antaranya sistem *Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW)* yang dikelolakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (Kementerian Kewangan dan Ekonomi) dan Bahagian Kawalan Halal, Jabatan Hal Ehwal

Syariah (Kementerian Hal Ehwal Ugama) bersama agensi-agensi berkepentingan lain bagi kelulusan pengimportan daging halal mentah dari luar negara.

Malahan juga, Kementerian Hal Ehwal Ugama sedang dalam pelaksanaan fasa awal bagi projek Sistem Pensijilan Halal atau '*Halal Certification System*' yang dibangunkan atas konsep satu sistem aplikasi mudah alih dan laman web bagi menyokong pertumbuhan ekonomi digital Negara Brunei Darussalam. Sistem ini membolehkan para peniaga atau pengusaha-pengusaha menghadapkan permohonan atas talian di bawah Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 dan Akta Daging Halal, Penggal 183. Sistem ini dihasratkan terutama dalam memproses permohonan dengan lebih telus, lancar dan mampu meningkatkan produktiviti di samping memudahkan para pemohon untuk mengemas kini data maklumat dan mengetahui status permohonan. Sistem ini juga turut bertindak sebagai medium bagi menyebarkan maklumat yang betul berhubung dengan industri halal di Negara Brunei Darussalam. Projek ini dijangka selesai sepenuhnya pada tahun 2023. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*. Terima kasih.

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI EMRAN BIN HAJI SABTU

PELAJARAN SEKOLAH AGAMA

Satu undang-undang khas telah digubal yang dikenali sebagai Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 telah

berkuat kuasa pada 1 Januari 2013 dan dalam undang-undang tersebut menghendaki seseorang kanak-kanak beragama Islam berumur wajib bersekolah agama. Seperti yang dimaklumi kemasukan prasekolah agama pada tahun 2020 berjumlah 5,705 orang termasuk 126 daripadanya dari Daerah Temburong. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ di Negara Brunei Darussalam sekian lama telah membenarkan atau membolehkan mereka yang bukan beragama Islam bersekolah agama sepenuhnya.

Saya ingin tahu:-

- i. Apakah sudah ada kajian dibuat terdapat kanak-kanak yang tidak bersekolah agama atau mereka bersekolah agama tetapi apabila dicalonkan ke Sekolah Arab mereka gagal dan memohon balik semula belajar di sekolah umum. Dengan perkataan yang lain mereka tidak dapat menamatkan persekolahan agama mereka?
- ii. Daripada jumlah murid-murid prasekolah yang disebutkan di atas berapa orang muridkah yang bukan beragama Islam belajar agama Islam?
- iii. Apakah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diguna pakai pada misal amalan solat dan membaca al-Quran? dan;
- iv. Sejak ianya diperkenalkan, adakah sudah dibuat penilaian tentang keberkesannya seperti keramaian mereka yang bukan beragama Islam

yang lulus menamatkan persekolahan agama, yang mana ada juga kemungkinannya di antara mereka itu diberikan hidayah untuk memeluk agama Islam?

JAWAPAN

(Jawapan soalan no. i)

Soalan pertama Yang Berhormat Haji Emran ini terbahagi kepada dua, iaitu kajian mengenai kanak-kanak yang tidak bersekolah agama dan satu lagi mengenai murid yang tidak dapat menamatkan persekolahan agama.

Mengenai kajian itu terus terang menyatakan bahawa buat masa ini belum ada kajian dibuat mengenai kanak-kanak yang tidak bersekolah agama itu dalam erti kata kajian khusus selain daripada mengumpulkan datanya.

Sejak Akta Pendidikan Ugama Wajib dikuatkuasakan pada tahun 2013 pelaksanaannya adalah dipantau oleh sebuah urus setia di bawah Jabatan Pengajian Islam. Pemantauan adalah dimaksudkan untuk memastikan akta itu dipatuhi oleh ibu bapa. Penyiasatan akan dibuat jika ada kanak-kanak dalam umur wajib bersekolah agama tidak disekolahkan agama oleh ibu bapa atau penjaga mereka.

Sehubungan dengan perkara inilah sukacita disebutkan bahawa sejak tahun 2013 hingga tahun 2019 didapati seramai 37 orang kanak-kanak dalam umur wajib bersekolah agama telah tidak

disekolahkan oleh ibu bapa atau penjaga masing-masing.

Urus setia berkenaan telah menyiasat mendapati orang daripadanya tidak disekolahkan agama kerana sebab-sebab yang dinyatakan sebagai penangguhan (10 orang), kerana keadaan atau masalah keluarga (2 orang) dan kerana berpenyakit (2 orang). Sementara bakinya seramai 23 orang kanak-kanak telah dapat ditangani dalam erti kata ibu bapa atau penjaga masing-masing telah berusaha menyekolahkan mereka.

Adapun murid-murid yang masuk ke Sekolah Arab dan kemudian berpindah ke sekolah umum, mereka itu tetap dikehendaki juga mengikuti persekolahan agama sehingga memperolehi Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU). Untuk itu perkongsian maklumat adalah mustahak dibuat antara Bahagian Sekolah Arab dan Bahagian Sekolah Agama di Jabatan Pengajian Islam untuk penyelarasan dengan pihak sekolah umum di mana murid berkenaan itu belajar.

(Jawapan soalan no. ii)

Setelah penyelarasan dilaksanakan, jumlah pendaftaran murid pada bulan Januari 2020 di persekolahan agama seramai 5,713 orang. Dari jumlah tersebut, murid bukan Islam di sekolah agama seluruh negara pada tahun 2020 adalah seramai 331 murid, dirujuk seperti pecahan berikut:

	Lelaki	Perempuan	Jumlah
DARJAH PRA	30	26	56
DARJAH I	29	21	50
DARJAH II	26	20	46
DARJAH III	25	19	44
DARJAH IV	24	24	48
DARJAH V	24	22	46
DARJAH VI	18	23	41
JUMLAH	176	155	331

(Jawapan soalan no. iii)

Mengenai soalan ini, Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua, jawapan kaola setakat menyatakan bahawa murid-murid yang tidak beragama Islam yang mengikuti persekolahan agama, pada dasarnya mereka mengikuti semua mata pelajaran di sekolah agama termasuk mata pelajaran al-Quran dan amali agama memakai kaedah biasa dengan menggunakan garis panduan bagi mata pelajaran al-Quran iaitu mereka setakat mendengar dan turut membacanya dengan tidak menyentuh mushaf atau Kitab al-Quran.

Bagi mata pelajaran amali agama pula, murid-murid bukan Islam akan mempelajarinya seperti murid-murid Islam yang lain, termasuk bagi praktikal sembahyang. Murid-murid berkenaan akan belajar melalui kaedah pemerhatian atau teknik pandang dengar dan turut melakukannya.

(Jawapan soalan no. iv)

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ murid-murid bukan Islam yang mengikuti persekolahan sehingga tamat dan lulus dalam Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).

Mereka mengikuti persekolahan ugama, adalah atas pilihan ibu bapa atau penjaga masing-masing. Sejauh ini adalah berjalan baik kerana niat kita menerima mereka juga baik, bukan untuk *mengislamkan* mereka, kerana bagi seorang untuk memeluk Islam adalah kerana hidayah الله. Apa yang kita harapkan ialah pelajar ugama yang mereka pelajari di sekolah ugama dapat membantu mereka menserasikan diri masing-masing ke dalam masyarakat besar Brunei di negara kita yang *Islami* dengan falsafah MIBnya.

Seterusnya kaola ingin mengongsikan keputusan calon murid bukan Islam dalam Peperiksaan SSSRU dari tahun 2014-2018 adalah seperti berikut:

TAHUN	CALON	LULUS	LULUS DENGAN PANGKAT			
			1	2	3	GAGAL
2014	33	33 (100%)	23 (69.70%)	5 (15.15%)	5 (15.15%)	0 (0%)
2015	48	48 (100%)	40 (100%)	6 (12.50%)	2 (4.17%)	0 (0%)
2016	37	36 (97.30%)	40 (67.57%)	5 (13.51%)	6 (16.22%)	1 (2.7%)
2017	42	41 (97.62%)	28 (66.67%)	10 (23.81%)	3 (7.14%)	1 (2.38%)
2018	55	55 (100%)	41 (74.55%)	10 (18.18%)	4 (7.27%)	0 (0%)

Demikianlah dan kaola berterima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI MUMIN

UNDANG-UNDANG SYARIAH (PERLAKSANAAN HUKUM HUDUD)

Sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam tetap menyembahkan ikrar taat setia sepenuh jiwa raga dan sokongan yang tidak berbelah bagi di atas pelaksanaan hukum hudud di Negara Brunei Darussalam yang dititahkan oleh baginda sebagaimana termaktubnya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah pada tahun 2013.

Sebagaimana yang saya maklum bahawa pada 1hb. Mei 2014 telah dijalankan fasa pertama yang melibatkan hukum hudud, qisas dan takzir. Dalam tempoh dari 2014 hingga tahun 2019, sudah pasti fasa kedua dan fasa ketiga sudah dapat dipenuhi.

Soalan saya:-

- Apakah Mahkamah Syariah dilaksanakan selari dengan Undang-Undang Sivil masa ini?; dan
- Apakah Mahkamah-mahkamah Syariah sudah menjalankan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah sepenuhnya bagi menggantikan

Undang-Undang Sivil bagi orang-orang Islam di Negara Brunei Darussalam tanpa ada pengecualian khususnya pelaksanaan hukum-hukum hudud?

(Jawapan soalan i dan ii)

Kaola akan menjawab kedua-dua soalan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin sekali gus kerana keduanya saling berkait.

Mula-mula sekali kaola menyatakan bahawa Mahkamah Syariah adalah melaksanakan undang-undang yang diperuntukkan menjadi bidang kuasanya sebagai mahkamah syariah. Demikian pula mahkamah sivil berbidang kuasa ke atas undang-undang yang diperuntukkan kepadanya. Oleh itu Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil melaksanakan undang-undang di bawah bidang kuasa masing-masing. Boleh diumpamakan seperti dua peserta lumba lari di padang balapan, kedua-duanya berlari dengan ditentukan mengikut lorong yang berlainan. Begitulah halnya Mahkamah Syariah tidak melaksanakan undang-undang sivil di luar bidang kuasanya namun ia adalah melaksanakan undang-undang yang diperuntukkan kepadanya.

Mustahak pula kaola tegaskan ialah kita di Brunei memakai dua sistem perundangan, iaitu sivil dan syariah. Maka undang-undang yang dibuat dan dikuatkuasakan adalah undang-undang negara. Dari awal lagi telah dinyatakan bahawa Perintah Kanun Hukuman

Jenayah Syariah 2013 itu tidaklah dimaksudkan untuk menggantikan undang-undang dan hukuman jenayah di bawah *Civil Penal Code* yang sedia terpakai itu.

Oleh itu dengan penguatkuasaan sepenuhnya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 itu tidak bermakna orang-orang Islam yang melakukan kesalahan jenayah mencuri di bawah undang-undang Sivil *Penal Code* secara automatik akan dibicarakan di Mahkamah Syariah di bawah peruntukan kesalahan sariqah. Kes itu terlebih dahulu akan dinilai menurut meritnya sama ada akan didakwa di Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil. Dan sekalipun ada meritnya untuk dibicarakan oleh Mahkamah Syariah di bawah kesalahan sariqah tergantung pula sama ada ia didakwa di bawah peruntukan sariqah yang membolehkan kesalahannya dihukum hudud atau setakat dihukum denda atau penjara.

Sedemikian itulah yang berjalan dan dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah jika kes mencuri itu ada merit untuk didakwa di hadapannya di bawah peruntukan kesalahan sariqah atau didakwa di Mahkamah Sivil di bawah peruntukan kesalahan mencuri. Terima kasih.

**KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

**SOALAN DARI PADA YANG
BERHORMAT AWANG ISWANDY
BIN AHMAD**

**DASAR TANGGUNGJAWAB SOSIAL
KORPORAT**

Dalam menjalankan perniagaan *Corporate Social Responsibility (CSR)* atau Tanggungjawab Sosial Korporat bermakna bahawa dalam urusan biasa perniagaan, sebuah syarikat beroperasi dalam cara meningkatkan masyarakat dalam beberapa impak positif bukannya menyumbang secara negatif.

Tanggungjawab sosial korporat termasuk untuk mencapai *ISO 26000* bagi syarikat-syarikat yang dapat dijadikan contoh, menyediakan dasar supaya tanggungjawab sosial korporat yang dilaksanakan sesuai dengan pendapatan, saiz syarikat dan kemampuannya termasuk *MSME, Joint Ventures & Foreign Direct Investment* dan menyelaraskan tanggungjawab sosial korporat dengan keperluan negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 dan tidak cuma fokus kepada beberapa isu sosial sahaja serta mendukung matlamat pembangunan mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Soalan:-

Apakah mekanisme, panduan, program atau dasar kerajaan dalam memastikan dan memantau perusahaan tempatan serta *Foreign Direct Investment* dalam mempunyai tanggungjawab sosial korporat serta memastikan syarikat-syarikat baik syarikat besar mahupun MSME sama-sama memainkan peranan dalam kewarganegaraan korporat (*corporate citizenship*)?

JAWAPAN:

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad atas soalan yang dikemukakan.

CSR adalah satu agenda sukarela yang perlaksanaannya adalah tertakluk kepada kemahuan syarikat masing-masing dan bukannya secara paksaan dengan mengambil kira keupayaan kewangan dan sumber syarikat-syarikat yang berkenaan. Pada lazimnya, syarikat-syarikat besar di luar negara yang tersenarai di dalam bursa saham akan memasukkan penjelasan aktiviti-aktiviti CSR yang dilaksanakan di dalam Penyata Kewangan Tahunan syarikat masing-masing untuk memberikan ketelusan (*transparent*) kepada pemegang saham mereka dan bagi tujuan percukaian. Manakala bagi syarikat-syarikat persendirian pula, tidak ada keperluan untuk syarikat-syarikat berkenaan menerbitkan Penyata Kewangan Tahunan, namun ini tidak bererti bahawa syarikat - syarikat

berkenaan tidak melaksanakan aktiviti-aktiviti CSR.

Di Negara Brunei Darussalam, kerajaan memang menggalakkan syarikat-syarikat swasta atau yang berkaitan dengan kerajaan (*GLCs*) untuk melaksanakan CSR mereka dengan secara sukarela. Bukanlah menjadi dasar kerajaan untuk memaksa syarikat-syarikat melaksanakan CSR. Sebagai contoh, beberapa buah syarikat di Negara Brunei Darussalam termasuk FDI telah melaksanakan CSR mereka seperti sumbangan dana penyelidikan kepada institusi-institusi pendidikan tinggi, kepada NGOs, melaksanakan aktiviti-aktiviti berkebajikan semasa bulan Ramadhan, membersihkan pantai-pantai, program penanaman pokok dan sebagainya.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT AWANG ONG TIONG
OH**

***BRUNEI DARUSSALAM DEPOSIT
PROTECTION CORPORATION
(BDPC)***

Brunei Darussalam Deposit Protection Corporation (BDPC) melindungi wang simpanan di institusi-institusi perbankan dan kewangan di negara ini dengan memberi pampasan \$50,000 setiap akaun, sekiranya ahli institusi kewangan

itu tidak dapat menunaikan kewajipannya ke atas pelabur. Apabila wang simpanan itu berkembang melebihi \$50,000 skim ini akan hilang daya untuk menjamin wang simpanan itu.

Saya ingin tahu, adakah Kementerian Kewangan dan Ekonomi bercadang untuk menyemak semula skim ini dan mempertimbangkan menaikkan penilaian perlindungan ataupun memperkenalkan cara perlindungan lain untuk pelabur tempatan?

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh atas soalan mengenai dengan *Brunei Darussalam Deposit Protection Corporation (BDPC)*.

Sebelum kaola menjawab soalan Yang Berhormat tadi, ada baiknya kaola mengongsikan latar belakang penubuhan *BDPC*. Skim perlindungan deposit ini adalah satu skim yang ditubuhkan berikutan dengan krisis kewangan global yang berlaku pada sekitar tahun 2007 dan 2008, iaitu beberapa buah bank besar di luar negara telah mengalami masalah kecairan (*liquidity*) dan ada juga yang jatuh *bankrupt*. Sebagai usaha untuk mengembalikan keyakinan dan kepercayaan pendeposit, beberapa negara telah memperkenalkan skim perlindungan.

Di Negara Brunei Darussalam, skim *BDPC* telah diperkenalkan pada 1hb Januari 2011. Melangkah ke hadapan dari sini, adalah kurang penting untuk

perlindungan deposit dijadikan sebagai kaedah bagi mendapatkan kepercayaan pendeposit secara jangka masa panjang. Apa yang penting adalah memastikan institusi-institusi kewangan di negara ini secara berterusan mengambil tindakan-tindakan bagi mengukuhkan status kewangan dan aset serta memperbaiki operasi mereka seperti pengurusan risiko.

Kita telah melihat dari krisis kewangan global pada tahun 2007 dan 2008, autoriti-autoriti monetari di seluruh dunia telah mengenakan peraturan-peraturan dan langkah-langkah baharu untuk dipatuhi oleh institusi-institusi kewangan seperti *Basel II* dan *Basel III*, pada mana ianya adalah semata-mata untuk memastikan institusi-institusi kewangan sentiasa kukuh.

Di Negara Brunei Darussalam, institusi-institusi kewangan adalah dikawal selia oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) yang mengeluarkan peraturan-peraturan dan langkah-langkah yang perlu dipatuhi oleh institusi-institusi kewangan di negara ini bagi menjadikan institusi-institusi kewangan berkenaan kukuh dan stabil.

Dengan mempunyai institusi-institusi kewangan yang kukuh dan stabil, maka skim perlindungan deposit ini tidak lagi akan diperlukan untuk membantu para pendeposit. Dari itu, cadangan Yang Berhormat untuk menaikkan penilaian perlindungan tidak akan benar-benar memberi manfaat kepada mana-mana pihak, malah ianya hanya akan menjadi

beban kepada kewangan kerajaan dan negara.

Secara ringkasnya, apa yang penting adalah AMBD sentiasa meningkatkan usaha-usaha dalam mengawal selia institusi-institusi kewangan di negara ini agar ianya sentiasa dalam keadaan yang kukuh bagi menjaga keselamatan wang-wang simpanan pendeposit.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT PENGIRAN HAJI ALI
BIN PENGIRAN MAON**

**KURNIA TAMBANG BAGI
MENUNAIKAN FARDHU HAJI**

Skim Kurnia Tambang Haji adalah merupakan satu keistimewaan yang dikurniakan kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan syarat pemohon suami atau isteri bertugas sebagai pegawai dan kakitangan kerajaan yang melebihi 12 tahun perkhidmatan. Oleh kerana pada masa ini skim ini hanya dibukakan kepada mereka yang bertugas dalam perkhidmatan kerajaan sedangkan mereka yang berkhidmat di sektor swasta tidak berpeluang untuk menikmati keistimewaan itu, sedangkan kerajaan pada masa ini menggalakkan dengan sektor swasta.

Soalan saya ialah apakah skim tambang untuk menunaikan fardhu haji ini dapat dilaratkan kepada semua rakyat Negara Brunei Darussalam secara keseluruhannya sama ada mereka bertugas di sektor awam, di sektor swasta ataupun persendirian?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon atas soalan yang diajukan.

Kaola hanya ingin menjawab secara ringkas sahaja dengan merujuk penjelasan mantan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Kesembilan pada tahun 2013, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pada ketika itu ada menjelaskan bahawa menunaikan fardhu haji ini hanya diwajibkan kepada mereka yang mampu sahaja.

Di samping itu, kaola juga ingin menekankan di sini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah pun mengurniakan beberapa kemudahan lain kepada jemaah haji iaitu kemudahan fasiliti perubatan secara percuma dan pemberian *top up* atau subsidi kos tiket penerbangan haji yang dihulurkan kepada semua jemaah haji yang menunaikan haji buat kali pertama atau

kali kedua kecuali jemaah haji yang dihulurkan Kurnia Tambang Haji.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT AWANG NAIM BIN
HAJI KAMIS**

**MENAMBAHKAN PENDAPATAN
DARI POS-POS KAWALAN DARAT**

Kita telah pun mendengar bahawa ibu kota Indonesia akan berpindah ke Kalimantan, di Pulau Borneo. Dengan adanya kemudahan-kemudahan yang disediakan seperti Jambatan Temburong yang akan dibuka dan lain-lain kemudahan pengangkutan yang mudah didapati serta pertukaran mata wang yang tinggi akan ramailah rakyat dan penduduk negara ini dan juga negara jiran akan berkunjung dan melintasi melalui pos-pos kawalan di darat. Ini setentunya akan menambahkan perkembangan ekonomi negara.

Soalan saya, adakah kementerian mempunyai strategi yang mampan untuk negara ini bagi mendapatkan pertambahan *income* melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja melalui pos-pos kawalan darat?

JAWAPAN

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis di atas dua (2) soalan yang dikemukakan.

Pada menjawab soalan yang pertama, kaola menyambut baik di atas keprihatinan Yang Berhormat dalam sama-sama untuk menjaga kedudukan kestabilan fiskal negara. Untuk makluman, perkara ini adalah sedang dalam penelitian kementerian dengan beberapa agensi yang berkepentingan dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** hasilnya nanti akan dikongsikan bersama.

BONUS TAHUN KEPADA PENERIMA ELAUN PENCEN TUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ kerajaan masih lagi terus menghulurkan Elaun Pencen Tua kepada rakyat dan penduduk tetap di negara ini yang telah mencapai umur 60 tahun ke atas dengan syarat-syarat tertentu. Sebagaimana yang difahami kebanyakan yang menerima Elaun Pencen Tua ini juga terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang telah banyak memberikan khidmat bakti mereka dalam menyumbangkan pembangunan negara.

Oleh itu mungkin adalah sesuai bagi mereka ini dihulurkan bonus tahunan ataupun perbelanjaan hari raya dengan kadar yang bersesuaian tidak melebihi dua bulan elaun bulanan.

Soalan saya:-

Adakah berpatutan bagi mereka ini dihulurkan elaun bonus tahunan sebagaimana jua kepada pegawai dan kakitangan kerajaan untuk digunakan oleh mereka menyambut hari-hari tertentu seperti Hari Raya Aidilfitri?

JAWAPAN

Kaola ingin menjelaskan secara ringkas sahaja, pembayaran bonus di dalam perkhidmatan awam ini adalah berkaitan perkhidmatan yang telah pun diberikan serta prestasi dan mutu kerja yang baik dan memuaskan sepanjang tahun. Ini adalah sama apa yang dipraktikkan di sektor swasta. Dari itu, cadangan Yang Berhormat untuk penerima-penerima Elaun Pencen Tua juga dihulurkan bonus tahunan adalah tidak dapat diguna pakai.

Bagi mereka yang menerima elaun pencen tua, **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kurnia ini sepatutnya kita syukuri dan kita hendaklah melahirkan rasa berterima kasih kita di atas pemedulian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjaga kesejahteraan rakyat dan penduduknya.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT FDR. AR. DAYANG
ROZAIMERIYANTY BINTI DATO
SERI LAILA JASA AWANG HAJI
ABDUL RAHMAN**

**RAJAH PERUNTUKAN RKN 9 –
11 RANCANGAN KEMAJUAN
NEGARA**

RKN 9 (2007-2012)	2007-2008	2008-2009	2009-2010	2010-2011	2011-2012
Perbelanjaan pembangunan yang diluluskan	900,000,000	1,050,000,000	1,050,000,000	1,050,000,000	1,145,000,000
Jumlah perbelanjaan pembangunan kerajaan	608,300,000	650,000,000	891,800,000	856,500,000	1,024,600,000
Kemajuan kewangan RKN dalam peratus	68%	62%	85%	62%	89%

RKN 10 (2012-2018)	2012-2013	2013-2014	2014-2015	2015-2016	2016-2017	2017-2018
Perbelanjaan pembangunan yang diluluskan	1,050,000,000	1,050,000,000	1,150,000,000	1,000,000,000	700,000,000	1,000,000,000
Jumlah perbelanjaan pembangunan kerajaan	1,496,730,000	1,365,700,000	1,078,800,000	790,700,000	684,900,000	8,867,000,000
Kemajuan kewangan RKN dalam peratus	143%	130%	94%	79%	98%	89%

RKN 11 (2018-2022)	2018-2019	2019-2020
Perbelanjaan pembangunan yang diluluskan	800,000,00	8,00,000,00
Jumlah perbelanjaan pembangunan kerajaan	495,500,000	
Kemajuan kewangan RKN dalam peratus	55%	85% (Sasaran)

Rajah yang disenaraikan di atas bagi peruntukan RKN ke-9 hingga RKN ke-11, ianya menunjukkan status kemajuan projek-projek RKN di tahun-tahun tersebut. Walau bagaimanapun, bagi Tahun Kewangan 2018/2019 terdapat penurunan dari segi perbelanjaan iaitu sebanyak 55% yang mungkin akan memberi kesan negatif terhadap perkembangan negara secara menyeluruh. Seperti mana yang

diketahui bahawa sasaran bagi Tahun Kewangan 2019/2020 untuk Perbelanjaan Kemajuan mencapai 85%.

Adalah diambil maklum bahawa cabaran-cabaran ini sudah pun dikenal pasti, dimana projek RKN sepatutnya menampilkan peningkatan dan mampu mengatasi cabaran-cabaran tersebut serta mempunyai langkah-langkah yang tertentu untuk meningkatkan pelaksanaan projek-projek di bawah RKN.

Saya ingin bertanya:-

- Pihak manakah yang bertanggungjawab untuk memastikan pengendalian dan pemantauan semua projek-projek di bawah RKN supaya sasaran mengikut yang ditetapkan itu tercapai?
- Apakah status terkini dalam usaha mencapai sasaran 85% bagi Tahun 2019/2020 dan Tahun 2020/2021?; dan
- Sekiranya sasaran ini tidak tercapai, apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian berkenaan untuk memastikan sasaran akan tercapai?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat di atas soalan-soalan yang dikemukakan.

Soalan-soalan yang hampir serupa juga pernah diajukan oleh Yang Berhormat Dayang Rozaimeriyanthi sendiri, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari dan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis secara lisan dan bernois semasa sesi Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2018 dan 2019.

Kaola tidak akan berpanjang lebar kerana jawapan-jawapan kaola sebelum ini dan teks ucapan kaola semasa membincangkan Tajuk SP01A – Kemajuan pada sesi Mesyuarat Negara tahun kewangan 2019/2020 juga telah menjawab persoalan-persoalan secara bernois yang dikemukakan. Perkara ini boleh Ahli-Ahli Yang Berhormat rujuk kepada Laporan Penuh (*Hansard*) yang dikeluarkan oleh Jabatan Majlis Mesyuarat Negara.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, izinkan kaola memberikan penerangan secara ringkas sahaja.

Bagi soalan pertama, Bahagian Rancangan Kemajuan Negara Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama kementerian dan jabatan yang berkenaan adalah sama-sama memantau pelaksanaan projek-projek di bawah RKN.

Bagi soalan kedua, sasaran pelaksanaan adalah bergantung kepada perancangan dan kerja-kerja awal termasuk penyediaan pelan perancangan, penentuan keperluan dan reka bentuk,

penyesuaian tapak, penyediaan dokumen-dokumen projek dan penyelarasan dengan pihak-pihak lain terutamanya projek-projek yang boleh diguna sama yang pada lazimnya akan memakan masa satu ke dua tahun.

Setakat ini, perbelanjaan sebenar RKN 11 (2018-2023) sehingga 29 Februari 2020 berjumlah \$891.2 juta iaitu 25.5 peratus daripada jumlah Harga Rancangan yang diberikan sebanyak \$3,500 juta. Manakala pencapaian perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2019/2020 sehingga 29 Februari 2020 ialah \$395.6 juta iaitu 49.5% daripada peruntukan tahunan Tahun Kewangan 2019/2020. Perbelanjaan dijangka meningkat melebihi \$450 juta (56%) berdasarkan jumlah waran jabatan yang telah dikeluarkan tertakluk kepada proses pengesahan kerja dan pembayaran.

Perbelanjaan RKN 11 kurang bersesuaian untuk dibandingkan dengan RKN sebelumnya antaranya mengambil kira jumlah projek-projek yang ditunda semasa RKN lalu adalah tinggi berbanding jumlah projek ditunda semasa RKN 11. Sebagai contoh, jumlah projek tunda dari RKN 9 ke RKN 10 adalah sebanyak 465 daripada 568 projek (82%) dan merupakan projek-projek yang *on-going* dan belum siap dan sekali gus menyumbang kepada perbelanjaan yang tinggi semasa tahun pertama RKN 10. Berbeza dengan RKN 11, 30 projek adalah projek yang ditunda daripada 182 projek (16.5%) yang diluluskan.

Bagi soalan ketiga pula, jika sasaran tidak tercapai, sebagaimana yang kaola terangkan tadi, Bahagian Rancangan Kemajuan Negara Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan bekerjasama dengan kementerian dan jabatan yang berkenaan akan membuat penilaian dan penelitian semula strategi pelaksanaan projek bagi memastikan bahawa projek-projek berkenaan dilaksanakan dengan cara yang berkesan dan perlaksanaannya dapat mencapai *outcome* dengan lebih *cost-effective* dan ekonomikal serta selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**SOALAN DARI PADA YANG
BERHORMAT AWANG HAJI
UMARALI BIN ESUNG**

MEMPERKASA SUKAN NEGARA

Berpandukan dasar sukan Negara Brunei Darussalam yang digariskan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terdapat dua sektor utama yang diberi perhatian ke arah kemajuan sukan negara iaitu *Sukan Untuk Masyarakat (SUM)* dan *Sukan Prestasi Tinggi (SPT)*.

Di dalam negara berdepan dengan cabaran kemajuan sains, perubatan, inovasi sukan dan pelancongan dari negara-negara lain yang sentiasa bersaing dalam kemajuan sukan negara masing-masing demi menjulang dan memertabatkan maruah negara dalam bidang sukan, kerjasama pihak-pihak yang berkepentingan dalam bidang sukan adalah perlu bagi menyumbang kepada kemajuan sukan di Negara Brunei Darussalam secara amnya ke arah membina masyarakat yang bersatu dan berdikari.

Saya ingin tahu:

- i. Sejauh ini apakah usaha dan inisiatif yang telah diungkayahkan dan dirancang bagi memperkasakan sukan di Negara Brunei Darussalam terutama sekali di dalam menangani Factor - faktor kelemahan, supaya

bidang sukan dijadikan sebagai satu kerjaya bagi anak-anak tempatan dan bertaraf profesional?;

- ii. Adakah dalam perancangan kementerian akan mewujudkan sebuah organisasi seperti Institut Sukan Negara yang berperanan sebagai peneraju kepada pembangunan, kemajuan dan kecemerlangan sains, perubatan dan teknologi sukan negara. Kecemerlangan dan kejayaan yang dimaksudkan ialah dalam meningkatkan prestasi atlet dan sukan negara yang fokus utamanya ialah bagi melahirkan atlet bertaraf dunia melalui penerapan elemen sains dan perubatan sukan yang bermula dari peringkat kanak-kanak sehinggalah menjadi seorang atlet bertaraf dunia?; dan
- iii. Apakah usaha dan perancangan ke arah memajukan sektor pelancongan sukan di Negara Brunei Darussalam?

JAWAPAN

(Jawapan soalan no. i)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung di atas tiga soalan mengenai memperkasakan Sukan Negara, mewujudkan sebuah organisasi seperti institut Sukan Negara dan memajukan sektor pelancongan sukan.

Kaola melihat soalan pertama mempunyai tiga komponen yang berkait rapat iaitu keperluan untuk memperkasakan sukan, menangani sebarang kelemahan dan menjadikan sukan sebagai satu kerjaya termasuk kerjaya profesional di Negara Brunei Darussalam. Pandangan Yang Berhormat yang amat menyeluruh ini disambut baik kerana kesemua elemen ini memerlukan pendekatan *whole of nation* demi merealisasikan ekosistem kesukanan yang cemerlang di negara ini.

Dari aspek memperkasakan sukan, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** kecemerlangan sukan sudah dapat dilihat dengan pencapaian yang diraih oleh atlet-atlet kebangsaan setakat ini. Seperti dimaklumi bersama, pencapaian kontinjen Negara Brunei Darussalam di Sukan SEA 2019 adalah yang terbaik semenjak mengikuti pertandingan sukan tersebut di luar negara pada tahun 1977 dengan memperolehi 2 pingat Emas, 5 pingat Perak dan 6 pingat Gangsa.

Kita juga turut berbangga dengan pencapaian para atlet yang mampu bersaing di kejohanan bertaraf dunia seperti sukan Wushu, Pencak Silat, Boling Padang, Bola Jaring dan *Polo*. Sebagai misalan, semasa Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi *10th Asian Junior Wushu Championships* pada bulan Ogos 2019 yang telah disertai oleh 19 buah negara Asia, para atlet Wushu telah berjaya meraih 4 pingat Emas, 2 pingat Perak dan 1 pingat Gangsa. Kebanggaan negara turut

dirasakan dengan pencapaian *Para-Athletes* (Kelainan Upaya) yang secara konsisten telah berjaya memperolehi pingat di peringkat serantau dan antarabangsa.

Oleh yang demikian, kita hendaklah menjadikan kejayaan ini sebagai kayu ukur ke arah meningkatkan prestasi kecemerlangan sukan. Strategi kita dalam menangani faktor kelemahan adalah untuk melihat kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan yang sudah diraih secara konsisten oleh atlet kebangsaan terutamanya dengan mengambil contoh kejayaan dan pencapaian sukan yang cemerlang iaitu sukan Wushu.

إِنْ شَاءَ اللهُ, pihak Kementerian akan melaksanakan *Case Study* terhadap sukan ini secara terperinci demi untuk mempelajari dan mempratikkan faktor-faktor kejayaan yang dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya dalam sukan-sukan yang lain. Kajian awal mendapati antara faktor penting yang dikenal pasti adalah dari aspek komitmen semua pihak, pengurusan persatuan dan pihak kementerian, aspek teknikal seperti kejurulatihan dan infrastruktur, bantuan kewangan dan sokongan padu daripada ibu - bapa atau penjaga dan majikan serta pengukuhan pelaksanaan *Talent Identification Programme (TID)*.

Pihak kementerian akan memastikan pemilihan sukan-sukan yang lebih terancang. Keutamaan akan diberikan kepada sukan - sukan yang terbukti

berupaya untuk meraih pingat di peringkat antarabangsa seperti Wushu, Polo, Boling Padang dan Bola Jaring. Di samping itu, fokus juga diberikan kepada sukan-sukan yang berpotensi tinggi dan mempunyai atlet-atlet muda termasuk Lawan Pedang, Pencak Silat dan Karate. Walau bagaimanapun, sukan-sukan lain juga akan tetap diberikan sokongan secara berterusan.

Strategi utama adalah untuk menentukan pembangunan dan persediaan sukan-sukan yang terbukti berupaya untuk meraih pingat di peringkat antarabangsa dalam tempoh 5 tahun selaras dengan program Akademi Sukan. Dikongsikan bahawa peruntukan bagi pembangunan sukan adalah berjumlah sekitar \$2 Juta.

Dari segi kerjaya anak-anak tempatan, bidang sukan terus membuka peluang pekerjaan yang meluas untuk diceburi seperti sains sukan, fisioterapi, *strength and conditioning*, kaunseling dan penjagaan zat makanan (*sports nutritionist*) yang amat mustahak untuk mewujudkan ekosistem kesukanan yang cemerlang. Dikongsikan bahawa seramai 9 anak tempatan diambil berkerja di Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan (SMRC) pada ketika ini.

Di samping itu, beberapa atlet kebangsaan juga telah diambil sebagai jurulatih termasuk dalam sukan bolasepak, golf, pencak silat, taekwondo, karate dan badminton sebagai satu

kerjaya *specialised* yang memerlukan kelayakan yang bersesuaian, komitmen dan kualiti kepimpinan yang tinggi.

Dalam masa yang sama, kementerian juga telah membuat perbincangan bersama Kementerian Pendidikan untuk meneliti peluang-peluang perkembangan bidang akademik dan peluang kerjaya dalam kesukanan dengan hasrat untuk memperkasakan sukan negara di masa kini dan akan datang.

Dari aspek perkembangan atlet kebangsaan kita untuk meningkat ke tahap profesional, sememangnya kita menyambut baik bagi mereka untuk terus berusaha menjadikan kerjaya sukan sebagai kerjaya profesional. Setakat ini, kita berbangga beberapa atlet dan pasukan telah berjaya mencapai ke tahap profesional atau semi-profesional.

Antaranya ialah enam pemain golf kebangsaan, seorangolasepak yang telah bermain dengan Kelab Universiti Teknologi MARA (UITM) dan beberapa pemain bolasepak tempatan telah menyertai Kelab Pasukan DPMM FC sebagai pemain semi-profesional. Dikongsikan bahawa cabaran besar yang dihadapi oleh atlet profesional ialah sumber kewangan bagi membiayai penyertaan dan perlawanan di luar negara. Secara lazimnya, atlet-atlet profesional di luar negara ditaja oleh syarikat-syarikat ternama.

(Jawapan soalan no. ii)

Kita mengambil maklum, institut di sini bermaksud satu pusat yang menawarkan skim pendidikan dan latihan yang menyeluruh untuk menghasilkan atlet dan jurulatih berkualiti tinggi di samping kemudahan perubatan yang menggunakan teknologi terkini dan pusat penyelidikan perkembangan sains sukan untuk membawa kesukanan negara ke taraf global.

اللَّهُمَّ إِنَّا كُنَّا نَعْبُدُكَ مِنْ قَبْلُ وَكُنَّا غَافِلِينَ. Kita sudah mempunyai perkhidmatan dan kemudahan yang mempunyai fungsi asas ke arah mewujudkan Institut Sukan Negara seperti Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan (SMRC) yang berperanan sebagai institusi perubatan dan perkembangan sains sukan yang mempunyai pengkhususan (*specialisation*) untuk meningkatkan prestasi atlet. Perkhidmatan ini juga bekerjasama dengan jurulatih-jurulatih untuk memastikan para atlet mencapai tahap kesihatan dan prestasi untuk berlatih semula setelah mendapat kecederaan (*recovery*) dan bertanding secara kompetitif.

Di samping itu, kita juga mempunyai Sekolah Sukan di bawah Kementerian Pendidikan yang bermatlamat untuk mendidik dan membentuk bakat-bakat muda yang dikenal pasti untuk menjadi pelapis kepada atlet-atlet kebangsaan dan Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan di bawah Jabatan Belia dan Sukan untuk membangun dan

mengurus para jurulatih dan ekosistem kesukanan di negara ini.

Oleh yang demikian, hala tuju ke hadapan ialah bagi menyatukan komponen-komponen ini untuk membentuk satu Institut Sukan Negara yang berintegrasi dalam memastikan pembangunan, kemajuan dan kecemerlangan atlet-atlet boleh dilaksanakan secara sistematik dan konsisten yang berdasarkan kepada sains dan teknologi terkini.

Ini adalah selaras dengan maksud Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung untuk menubuhkan satu Institut Sukan Negara yang difokuskan kepada pembangunan, kemajuan dan kecemerlangan sains, perubatan dan teknologi sukan negara dengan hasrat untuk meningkatkan prestasi atlet kebangsaan sebagai atlet bertaraf dunia.

(Jawapan soalan no. iii)

Berkaitan sektor pelancongan sukan, dikongsikan bahawa pada bulan Oktober 2019, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah melancarkan *brochure* dan pakej pelancongan *Brunei Sports and Adventure* yang bermatlamat untuk meningkatkan dan mengembangkan lagi industri pelancongan sukan dengan menyatukan aktiviti-aktiviti sukan menarik termasuk *off-road adventure*, *ATV*, *scuba diving* dan sukan air yang sudah ditawarkan oleh pelbagai syarikat pelancongan di negara ini dalam satu

pakej bagi pelancong dalam dan luar negara.

Demi memajukan lagi sektor pelancongan sukan secara menyeluruh, kita menumpukan usaha ini melalui dua aspek:

1. Pertama ialah aspek pelancongan dalam negara dengan memberigakan lagi aktiviti-aktiviti menarik, fasiliti, taman dan kemudahan sukan di keempat-empat daerah. Ke arah ini, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kita akan terus memastikan prasarana dan kemudahan tersebut akan sentiasa terjaga dengan sebaiknya dan selamat digunakan untuk orang ramai.
2. Kedua ialah aspek menarik pelancong dari luar negara dengan mengadakan acara sukan di peringkat serantau dan antarabangsa yang melibatkan jumlah atlet yang ramai. Sepanjang tahun 2018 hingga 2019 dikongsikan sejumlah 12 kejohanan sukan di peringkat serantau dan antarabangsa telah diadakan di negara ini yang berjaya menarik penyertaan seramai 4,230 orang atlet tidak termasuk keluarga dengan melibatkan 30 buah negara. Di sinilah potensi besar untuk menjana kesan *spin-off* kepada industri pelancongan secara keseluruhannya dengan menarik atlet-atlet berkenaan untuk berkunjung ke tempat-tempat menarik di negara ini di samping industri perhotelan dan permakanan tempatan yang secara langsung akan

menyumbang kepada perekonomian negara secara menyeluruh. Dikongsikan perancangan telah diaturkan bagi Kejohanan Bolasepak Piala Hassanal Bolkiah Bagi Belia ASEAN dan *Asia Development Tour (ADT) Brunei Championships*.

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI EMRAN BIN HAJI SABTU

PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS

Dilihat dari Statistik 2018 Warga Emas yang berumur 60 tahun ke atas berjumlah 35,400 orang berbanding pada tahun 2017 sebanyak 35,800 orang.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ , Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) sudah menubuhkan Pusat Kegiatan Warga Emas di keempat daerah dan pada masa ini satu Persatuan Warga Emas telah ditubuhkan. Melihat dari keramaian ahli yang berdaftar di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di keempat daerah pada akhir tahun 2019 yang berjumlah 949 orang (88 orang Daerah Belait, 321 orang Daerah Tutong, 480 orang Daerah Brunei/Muara dan 60 Daerah Temburong dan 346 orang di bawah Persatuan Warga Emas yang keseluruhannya berjumlah 1,295 orang menunjukkan usaha dan inisiatif kementerian itu mendatangkan hasil.

Soalan saya ialah:

- i. Apakah perancangan jangka pendek dan panjang pihak kementerian dalam memastikan perjalanan Pusat Kegiatan Warga Emas dapat memenuhi objektif ianya ditubuhkan dan apakah program-program sokongan yang lain terutamanya

kepada ibu tunggal di kalangan Warga Emas termasuklah bagi meningkatkan nilai kesukarelaan di kalangan mereka?; dan

- ii. Adakah sudah pihak kementerian membuat atau menyediakan garis panduan bagi Pusat Kegiatan Warga Emas digunakan sebagai pemantauan serta pengawalan dalam menjalankan program dan aktiviti-aktiviti mereka?

JAWAPAN

(Jawapan soalan no. i)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu atas soalan-soalan yang berkaitan dengan perancangan jangka pendek dan panjang dan garis panduan pengendalian Pusat Kegiatan Warga Emas di seluruh negara. Soalan dan pandangan Yang Berhormat amat disambut baik kerana pihak kementerian setentunya melihat betapa pentingnya untuk terus memelihara kesejahteraan warga emas di samping memastikan mereka akan sentiasa dihormati sebagai

golongan yang telah dan terus mencurahkan sumbangan signifikan kepada pembangunan bangsa dan negara, dalam mana Pusat Kegiatan Warga Emas turut memainkan peranan yang penting selaras dengan Pelan Tindakan Warga Emas.

Di sini, sukacita kaola mengongsikan bahawa objektif Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Warga Emas adalah antara lainnya seperti berikut:

1. Sebagai Pusat Sokongan Masyarakat yang akan memberi ruang untuk menjalankan sebarang aktiviti yang bermanfaat bagi kepentingan masyarakat dan negara secara amnya; dan
2. Sebagai platform bagi mewujudkan rangkaian perhubungan di kalangan warga emas dan interaksi sosial.

Di samping itu, Pertubuhan Warga Emas (WARGAMAS) yang ditubuhkan pada 24 Ogos 2019 juga memberikan platform kepada golongan warga emas seluruh negara untuk memperkembangkan pengetahuan dan kemahiran yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara khususnya dengan menggalakkan penglibatan warga emas dalam perkembangan sosioekonomi yang kukuh dan berterusan.

Selaras dengan objektif yang digariskan, perancangan jangka masa pendek PKWE adalah bagi memastikan golongan warga

emas termasuk ibu-ibu tunggal di kalangan mereka untuk terus bergiat aktif dalam kehidupan seharian mereka antaranya melalui program-program kesihatan, kemahiran, keugamaan dan kemasyarakatan demi memperkasa golongan ini secara berterusan.

Dalam jangka masa panjang, PKWE dihasratkan untuk terus membangun dan meluaskan lagi skop perkhidmatan seperti yang dipraktikkan di negara jiran termasuk sebagai pusat untuk menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran bermanfaat melalui latihan yang sistematik terutamanya dalam bidang keusahawanan bagi golongan warga emas berpendapatan rendah, di samping program kerjasama dengan Kementerian Kesihatan seperti pemulihan dan kaunseling. Dengan mengambil kira pengalaman dan kepakaran mereka, PKWE juga dihasratkan untuk menjadi platform perkongsian kepada generasi lain demi untuk memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman mereka secara mendalam.

Ke arah ini, perancangan adalah untuk menubuhkan PKWE sebagai *enterprise* tersendiri. Hala tuju kita adalah bagi warga emas termasuk golongan yang berpendapatan rendah dan ibu-ibu tunggal untuk diperkukuhkan dan mandiri dengan usaha mereka sendiri dan seterusnya, menyumbang balik kepada masyarakat dengan semangat kesukarelaan.

Sebagai contoh, golongan warga emas yang mandiri serta berkemahiran akan berupaya untuk membuka dan mengendalikan sebuah pusat pelbagai latihan untuk sama-sama mengongsikan ilmu dan kepakaran mereka kepada generasi muda. Di samping itu, melalui kemahiran keusahawanan yang diperolehi kita turut berhasrat bagi warga emas untuk mengendalikan *social enterprise* agar mereka akan dapat memperolehi pendapatan untuk menyumbang semula kepada masyarakat dengan menerapkan nilai kesukarelaan di kalangan mereka.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ , kita amat berbangga dengan inisiatif PKWE Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong serta Pertubuhan WARGAMAS yang telah mengenal pasti dan meneraju bidang-bidang tersendiri untuk dijadikan perusahaan termasuk permakanan, anyaman dan jahitan. Inilah contoh yang boleh dikembangkan dan dilaratkan lagi secara signifikan dalam jangka masa yang sederhana dan panjang. Ke arah itu, *grant* juga telah diberikan kepada pusat-pusat berkenaan bagi memperkasa dan memberikan peluang kepada warga emas untuk berniaga secara kecil-kecilan bersesuaian dengan kemampuan mereka agar dapat memberikan hasil yang akan menjadikan PKWE mandiri ekonomi dan mendukung kepada usaha pembangunan negara.

Bermula bulan Oktober 2019, warga PKWE di seluruh negara, termasuk ibu tunggal telah diberikan platform untuk memasarkan produk - produk mereka

melalui ruang petak jualan di tempat-tempat strategik termasuk Muzium-Muzium dan gedung-gedung perniagaan seperti Hua Ho Manggis Mall di Daerah Brunei dan Muara dan Hua Ho Petani Mall di Daerah Tutong. Usaha juga akan dilaksanakan bagi produk-produk ini untuk dipasarkan melalui *online platform*.

(Jawapan soalan no. ii)

Dikongsikan bahawa pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai satu garis panduan bagi tata cara pengendalian Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE). Walau bagaimanapun, diakui bahawa garis panduan tersebut belum komprehensif, khususnya sebagai dokumen yang menggariskan kaedah pemantauan dan pengawalan Pusat secara terperinci.

Oleh yang demikian, dengan mengambil kira pandangan dari ahli-ahli PKWE, kementerian sedang merancang untuk menyediakan satu rangka garis panduan lengkap yang antara lain akan menggariskan objektif, strategi, pengurusan kewangan dan aset, tugas dan tanggungjawab para pengendali, syarat-syarat kelayakan dan pelantikan pengurus, hal ehwal Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Persekitaran (HSSE) dan peraturan pelaksanaan latihan, program dan aktiviti bagi setiap PKWE. Rancangan adalah untuk menyediakan dan melancarkan garis panduan tersebut dalam tempoh masa yang terdekat.

Di samping itu, Pelan Tindakan Warga Emas turut memberikan landasan ke arah memastikan kesejahteraan warga emas secara keseluruhannya dalam mana PKWE mempunyai peranan yang amat signifikan.

Dikongsikan, demi memastikan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah selaras dengan Pelan Tindakan Warga Emas, pemantauan adalah berasaskan kepada 4 fokus utama, iaitu Kesihatan, Kemahiran, Keagamaan dan Kemasyarakatan. Sepanjang tahun 2019 hingga bulan Februari 2020, PKWE telah melaksanakan secara keseluruhan sebanyak 11 program kesihatan, 9 program keusahawanan, 7 program kemahiran literasi komputer, 13 program keagamaan dan 7 program kemasyarakatan.

Pada masa yang sama, tidak dinafikan bahawa usaha juga perlu ditingkatkan demi memastikan Pelan Tindakan Warga Emas diberigakan dengan sebaik-baiknya agar golongan yang berkenaan benar-benar mengetahui dan mempraktikkan perkara-perkara yang digariskan khususnya yang berkaitan dengan peranan PKWE. Ini sekali gus akan dapat meningkatkan penyertaan PKWE secara inklusif. Sasaran pihak kementerian adalah untuk membukukan Pelan Tindakan Warga Emas dan garis panduan PKWE pada bulan Julai 2020.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT PENGIRAN HAJI
MOHAMED BIN PENGIRAN HAJI
OSMAN @ OTHMAN**

**KEHIDUPAN MEREKA YANG
KURANG BERKEMAMPUAN**

Negara Brunei Darussalam terkenal dengan dasarnya sebagai negara kebajikan (*welfare state policy*), dimana keperluan-keperluan asasi seperti beras, gula, minyak dan lain-lain disubsidi oleh kerajaan. Demikan juga perkhidmatan kesihatan dan perubatan serta pelajaran diberi percuma bagi rakyat sehingga ke peringkat tinggi. Rumah-rumah kediaman dibangunkan oleh kerajaan dengan dikenakan bayaran yang minimum. Cukai-cukai pendapatan (*income tax*) tidak dikenakan kepada rakyat penduduk.

Selain dari itu, rakyat dan penduduk yang menjangkau umur 60 tahun ke atas dan mereka yang kurang upaya, anak yatim piatu diberi Elaun Sara Hidup sebanyak \$250.00 sebulan. Bagi mereka dari golongan fakir, miskin dan kurang berkemampuan akan diberikan bantuan mengikut asnaf masing-masing oleh agensi-agensi, *NGO* dan orang perseorangan bagi meringankan beban kehidupan mereka. Malah bagi mereka yang menerima bantuan, beberapa inisiatif telah diadakan untuk membantu mereka keluar dari kepompong kemiskinan supaya dapat berusaha sendiri dan tidak semata-mata berharap kepada bantuan bulanan.

Namun demikian masih ada lagi mereka yang datang ke rumah-rumah tiap-tiap bulan dan di kedai-kedai untuk memintaminta yang kadang kala mengganggu ketenteraman rumah tangga dan keluarga. Mungkin juga masih lagi ada keciciran yang tidak diketahui bagi golongan yang miskin ini.

Saya ingin bertanya apakah strategi pihak berkenaan untuk memastikan kehidupan rakyat di seluruh negara ini dapat dipantau sebelum kedaifan atau kemiskinan dan kesusahan hidup dengan secara memintaminta itu tidak dijadikan "viral" yang boleh menjejaskan nama baik negara yang disifatkan sebagai negara kebajikan (*welfare state*)?

JAWAPAN:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. setinggi menjunjung kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman atas pandangan dan soalan mengenai perancangan dan strategi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi memastikan kehidupan rakyat di seluruh negara ini dapat dipantau sebelum kedaifan atau kemiskinan dan kesusahan hidup dengan secara memintaminta itu tidak dijadikan *viral* yang boleh menjejaskan nama baik negara yang disifatkan sebagai negara kebajikan (*welfare state*).

Soalan ini disambut baik dan mempunyai hubung kait dengan soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana

Menteri mengenai pemberian bantuan asasi secara bersyarat kepada golongan tertentu. Seperti dimaklumi bersama, pendekatan *whole of nation* memainkan peranan amat kritikal dalam memastikan usaha pemantauan terhadap golongan yang memerlukan adalah berkesan. Di sini, kita amat menghargai peranan penghulu dan ketua kampung sebagai mata, lidah dan telinga kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan orang ramai termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (*NGOs*) untuk sama-sama menangani kesejahteraan rakyat terutama sekali golongan yang susah dan memerlukan bantuan.

Setentunya, peranan *whole of nation* khususnya para penghulu dan ketua kampung yang dekat dengan masyarakat mempunyai tanggungjawab besar untuk mengongsikan sebarang keperluan kepada pihak tertentu. Platform perkongsian berkenaan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) perlu dikukuhkan melalui per muzakarah seperti Program Merakit Masyarakat bagi memastikan tindakan yang dilaksanakan dapat memberikan impak yang berpanjangan kepada golongan sasaran dan bukan setakat *one-off* semata-mata di samping tidak adanya ketirisan kepada golongan yang memerlukan bantuan.

Dalam menghindari perkongsian secara *viral*, apa yang amat diperlukan ialah platform yang lebih *accessible* dan mudah bagi membolehkan orang ramai untuk mengongsikan kes-kes berkenaan secara sistematik dan teratur bagi

memastikan tindakan bersesuaian boleh dilaksanakan oleh pihak berkenaan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, melalui talian 141 dan talian 121 khusus bagi kesejahteraan masyarakat umum dan golongan kanak-kanak, orang ramai boleh menyuarakan maklumat mengenai kemaslahatan kebajikan seperti golongan susah yang memerlukan bantuan kepada pihak JAPEM untuk diambil tindakan.

Dikongsikan bahawa pada tahun 2019, kedua-dua talian ini telah menerima sebanyak 3,937 panggilan dengan 84 aduan, di samping 3,020 panggilan yang diterima dengan 75 aduan dari bulan Januari hingga Mac 2020. Dalam masa yang sama, pihak kementerian sedang dalam proses untuk membentuk aplikasi mudah bagi orang ramai untuk melaporkan sebarang aduan.

Di samping itu, Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang dijadualkan untuk dilancarkan pada tahun ini akan dapat memberikan akses permohonan dan membolehkan bantuan diberikan kepada golongan yang benar-benar berhak menerima berdasarkan *database* dan tidak adanya ketirisan. Apa yang penting, sistem ini akan membolehkan bantuan diberikan tepat pada masa dan tidak adanya duplikasi. Bagi membantu dan memperkasa golongan berkenaan sebagai warga yang berdikari, skim-skim bantuan, latihan kemahiran, program pekerjaan dan *grant* telah ditawarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sebagai usaha berterusan membasmi kemiskinan, Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan dengan objektif untuk mengurangkan kebergantungan kepada bantuan dengan memfokuskan kepada pemerksaan sara diri untuk mengeluarkan golongan sasaran dari kitaran kemiskinan (*poverty cycle*), sedang giat dilaksanakan.

Pelan Tindakan ini merupakan satu *living document* yang merangkumi 10 hala tuju *cross-sectoral* yang diterajui oleh pelbagai kementerian dan agensi menurut *timeline* untuk menjadi asas, pemudah cara, pendukung dan pemacu kepada usaha pembasmian kemiskinan secara keseluruhannya.

Melalui pelan tindakan berkenaan, sasaran adalah bagi 30% daripada penerima bantuan serta tanggungan *able-bodied* dan *able-to-work* untuk mendapatkan pekerjaan atau mengendalikan perusahaan sendiri dalam masa 5 tahun. Inisiatif-inisiatif yang dimaksudkan dan sasaran menjelang tahun 2024 adalah seperti berikut:

INSIATIF	PENERAJU	PERANAN	SASARAN
1) Mindset	<ul style="list-style-type: none"> o Kementerian Pendidikan o Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan o <i>Manpower Planning and Employment Council (MPEC)</i> 	Menerapkan nilai mandiri dan kedayausahaan	1500 Jumlah Peserta mengikuti Program Mindset dan Program Pemeraksaan Sara Diri
2) Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> o Kementerian Pendidikan o Kementerian Hal Ehwal Ugama (melalui Jabatan Pengajian Islam) 	Meningkatkan akses anak- anak golongan susah kepada pendidikan melalui penyediaan perkhidmatan dokongan seperti asrama, perkhidmatan bas dan sarapan pagi	50% pelajar memperoleh 3 'O' Level ke atas
3) Latihan Dan Kemahiran	<ul style="list-style-type: none"> o Kementerian Pendidikan o Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan o MPEC 	Memperluaskan peluang dan platform bagi memberikan latihan kemahiran yang menepati keperluan industri semasa	<ul style="list-style-type: none"> • Perangkaan <i>National Competency Framework</i> • Pengendalian <i>Opportunity Framing Workshop</i> bagi institusi latihan kerajaan, swasta dan industri • Pengenal Pusat <i>Lifelong Learning</i> dan latihan yang selaras dengan kehendak industri
4) Dasar, Perundangan dan Garis Panduan	<ul style="list-style-type: none"> o Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri o Kementerian Pembangunan o Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi o Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 	Penelitian dasar, perundangan dan garis panduan bagi mendokong inisiatif	<ul style="list-style-type: none"> • Perangkaan Dasar Gaji • Penelitian Dasar Tanah dan Perumahan menurut Konsep Komuniti Mandiri • Menambahbaik keselesaan, <i>Affordability, Accessibility dan Efficiency System</i> penangkutan awam • Penelitian pemberian subsidi kepada Pusat Penjagaan Kanak-Kanak
5) Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> o Kementerian Kewangan dan Ekonomi o Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri 	Merebiu program bagi mengatasi masalah kewangan berdasarkan hasil kajian	<ul style="list-style-type: none"> • Perlaksanaan Kajian Perbelanjaan Keluarga (JPES) • Perlaksanaan kajian bagi Dasar Gaji. • Penelitian subsidi pengangkutan • Penelitian subsidi pusat penjagaan anak • Kajian pendapatan dan penyediaan garis panduan tanggagaji
6) Pengangkutan	<ul style="list-style-type: none"> o Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi 	Meningkatkan akses golongan sasaran kepada perkhidmatan pengangkutan darat	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian Penurunan 50% harga tambang bas • <i>Time- efficiency</i> pengangkutan awam diturunkan dari 30-60 minit ke 15-30 minit
7) Penjagaan Anak	<ul style="list-style-type: none"> o Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 	Menyediakan program dokongan penjagaan ana seperti subsidi pusat penjagaan kanak-kanak da program keusahawanan dari rumah	Penelitian subsidi pusat penjagaan anak
8) Perumahan	<ul style="list-style-type: none"> o Kementerian Pembangunan 	Ke arah ownership rumah bagi golongan yang memerlukan	<ul style="list-style-type: none"> • 100 buah rumah mampu milik dan kekal disediakan setiap tahun • 300 buah keluarga diberikan Agihan Zakat Bayaran Sewa Rumah Bulanan
9) Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> o MPEC o Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 	Menerapkan Pelan Tindakan MPEC ke dalam Pel Tindakan Pembasmian Kemiskinan	<ul style="list-style-type: none"> • 30% penerima bantuan dan tanggungan <i>able bodied</i> dan <i>able to work</i> mendapat pekerjaan • 10,000 jumlah peluang pekerjaan melalui MPEC
10) Keusahawanan	<ul style="list-style-type: none"> o Darussalam Enterprise (DARe) o Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan o Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 	Meningkatkan akses dan kapasiti kepada program-program keusahawanan	<ul style="list-style-type: none"> • 50 jumlah incubator di bawah Darussalam Enterprise (DARe) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan • 100 jumlah golongan berkenaan diberikan grant dan bantuan untuk menjalankan perniagaan • 25 jumlah pemohon yang layak di berikan bantuan keusahawanan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan adanya Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan ini, apa jua jurang yang ada dalam pemantauan dan sokongan kepada golongan yang memerlukan akan dapat diperbaiki secara berterusan demi memastikan lebih ramai daripada golongan berkenaan akan berusaha sendiri dan mandiri. Dengan ini, mereka akan dapat menampung apa saja keperluan, kurang kebergantungan kepada bantuan Kerajaan serta keluar dari kemiskinan secara berpanjangan.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT AWANG HAJI ABDUL
WAHAB BIN APONG**

PUSAT PEMBANGUNAN BELIA

Dalam usaha melahirkan lebih banyak sumber tenaga yang mahir dan berkualiti dalam kalangan belia sama ada di peringkat separuh mahir mahupun mahir. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Pusat Pembangunan Belia (PPB) telah pun berhasil mengeluarkan belia yang berkemahiran berpandukan kursus yang mereka ikuti di pusat berkenaan.

Saya ingin tahu:

- i. Berapakah jumlah pelatih daripada PBB yang telah menerima sijil sama ada separuh mahir atau mahir setakat ini?;
- ii. Berapakah keramaian yang diterima bekerja melalui rakan strategik PPB, terutama di swasta dan juga menjadi usahawan persendirian?; dan
- iii. Apakah PPB juga menerima pelatih di kalangan lepasan graduan untuk mengikut kursus kemahiran yang terdapat di PPB?

JAWAPAN

(Jawapan soalan no. i)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong atas pandangan dan soalan mengenai pencapaian-pencapaian Pusat Pembangunan Belia (PPB), khususnya di kalangan para pelatih dan lepasan.

Soalan ini disambut baik kerana ianya amat menepati hala tuju kementerian pada ketika ini untuk meluaskan skop perkhidmatan PPB demi menjadikan fasiliti ini sebagai pusat latihan kemahiran yang inklusif khususnya bagi golongan sasaran, berimpak dan memenuhi hasrat *return on investment*. Untuk makluman, objektif penubuhan PPB pada asalnya adalah untuk memberikan latihan kemahiran dan menanamkan sikap jati diri positif di kalangan belia dengan kelayakan kemasukan minimum iaitu tahu menulis, membaca dan mengira. PPB menawarkan latihan jangka masa panjang melalui Program Pembangunan Belia dan kursus-kursus pendek dengan

beberapa persyaratan tertentu. Dikongsikan, pencapaian dari tahun 1996 hingga 2019 merekodkan seramai 3,296 pelatih belia di bawah Program Pembangunan Belia telah menerima sijil kemahiran dari Pusat Pembangunan Belia (PPB).

Sejak tahun 2015, PPB telah menjadi pusat yang diiktiraf oleh *City & Guilds* dan telah mengeluarkan persijilan *City & Guilds* bagi 8 kursus setakat ini. Sejak pengiktirafan tersebut, kursus-kursus jangka panjang telah dikemas kini iaitu 6 bulan di PPB dan 6 bulan program penempatan kerja. PPB melaksanakan 2 pengambilan setiap tahun dalam lingkungan 100 orang setiap pengambilan.

Dengan mengambil kira keadaan dan keperluan yang berbeza pada masa ini, fungsi PPB juga telah dikemas kini dan diperluaskan selaras dengan perkembangan semasa seperti meniadakan kriteria status bujang dan lebih inklusif bagi para pelatih Program Pembangunan Belia, membukakan program-program latihan singkat kepada komuniti secara inklusif khususnya kepada penduduk kampung yang tidak berkerja melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan golongan yang memerlukan termasuk OKU, berpendapatan rendah, Kaum Hawa dan ibu tunggal. Dalam usaha untuk meningkatkan mandiri, berdaya saing dan menjana pendapatan sendiri, PPB juga digunakan sebagai platform inkubator dan pemberian *grant*.

Dikongsikan, bahawa program-program latihan yang dikendalikan di PPB termasuk Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) di bawah Majlis Ugama Islam Brunei yang melibatkan seramai 75 peserta dari tahun 2016 hingga 2019, Program Asy-Syifa di bawah Biro Kawalan Narkotik yang melibatkan 21 peserta sejak tahun 2018, Program Pendedahan Kemahiran bagi penghuni Kompleks Rumah Kebajikan yang melibatkan 16 peserta dari tahun 2016 hingga 2019.

Dalam masa yang sama, beberapa program baharu yang dikhususkan kepada komuniti telah dilaksanakan seperti Program Perkasa Komuniti yang dikendalikan oleh JAPEM bagi 150 peserta di samping Program Kemahiran Inklusif Orang Kelainan Upaya yang telah disertai oleh 20 peserta dan Program Prihatin yang diterajui oleh Majlis Perundingan Kampung bagi 161 kaum hawa dan golongan berpendapatan rendah daripada beberapa buah kampung dalam bidang jahitan, masakan, tata rias (kecantikan dan solekan) dan *welding*.

Di samping pemberian *micro-grant* bantuan Pembangunan Keusahawanan Belia, PPB juga telah mula menyediakan kemudahan *incubator* dengan menawarkan ruang dan peralatan secara percuma kepada perusahaan-perusahaan berpotensi tinggi untuk memulakan perniagaan bermula pada tahun 2019. Pemberian ini telah pun diberikan kepada beberapa perusahaan

yang dikendalikan. Antara lainnya oleh para graduan, golongan berpendapatan rendah dan Orang Kelainan Upaya. Setakat bulan Mac 2020, sebanyak 15 syarikat pelbagai bidang termasuk 15 peladang muda telah diberikan *micro-grant* dan 5 syarikat diberikan kemudahan *incubator*. Antara perusahaan yang diberikan kemudahan *incubator* ialah:

- Syarikat Cerita Fabrikku, perusahaan tekstil yang dikendalikan oleh 6 graduan yang juga telah memberikan pekerjaan kepada seramai 12 belia tempatan. Turut dikongsikan syarikat ini berjaya menghasilkan pakaian untuk dieksport ke luar negara termasuk kepada jenama yang ternama seperti *Walt Disney, Hard Rock, Universal Studios* dan *Sea World* dengan sasaran penghasilan 5000 garmen sebulan.
- Kemari Farm Enterprise, perusahaan agribisnis yang dijalankan oleh 5 orang belia lepasan Kursus Pendedahan Pertanian dan Perladangan dalam bidang *non conventional farming*. PPB telah menyediakan tapak, ruang di bangunan PPB dan sebuah *greenhouse* untuk menghasilkan sayuran untuk dijual secara komersil.

Melalui pemberian bantuan *micro-grant* Program Bantuan Pengupayaan, Syarikat Mazroni BKP dan Rakan-Rakan, perusahaan jahitan yang dikendalikan oleh 6 kaum hawa berpendapatan

rendah yang secara langsung telah memberikan peluang pekerjaan kepada mereka. Pada awal tahun 2020, dengan menggunakan kemudahan ruang dan peralatan di PPB, syarikat ini telah menghasilkan sebanyak 200 pasang baju yang ditempah oleh pihak Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah untuk dibekalkan kepada anak sekolah golongan sasaran.

إِلْحَمُ لِلَّهِ, melalui rangkaian kerjasama dengan rakan strategik, kita amat berbesar hati Syarikat *Aewon Garment Embroidery* juga menawarkan platform baharu dalam bidang jahitan dan tekstil dengan penubuhan *PPB-Aewon Garment Incubation Centre* di PPB. Kemudahan ini dilengkapi dengan peralatan terkini dan *production line* bagi melatih para peserta menghasilkan produk garmen di dalam dan luar negara secara komersil dan sekali gus membuka peluang pekerjaan kepada lebih ramai peserta. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ, *incubation centre* ini dijadualkan untuk memulakan operasi pada bulan Jun tahun ini.

Secara keseluruhannya, PPB akan terus meningkatkan usaha bagi menentukan kemudahan *incubator* akan sentiasa disediakan kepada perusahaan-perusahaan lain yang berpotensi, khususnya bagi golongan yang memerlukan tanpa mengira kelulusan akademik. Dengan inisiatif ini, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ, PPB akan memainkan peranan penting dalam mengembangkan syarikat-syarikat mahupun individu berkenaan dalam menjana pertumbuhan ekonomi pelbagai sektor (*economic diversification*).

(Jawapan soalan no. ii)

Secara keseluruhannya, hasrat utama adalah untuk menjadikan para pelatih di PPB *marketable* untuk diambil berkerja, mampu untuk mengendalikan perusahaan persendirian atau berkeupayaan untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi. Menurut statistik bermula Januari 2016 hingga Januari 2019 dari jumlah 613 lepasan PPB 36% (225 orang) telah mendapat pekerjaan, 10% (62 orang) melanjutkan pelajaran dan 4% (23 orang) berniaga manakala 49% (301 orang) sedang mencari pekerjaan. Dapatan ini menunjukkan bahawa jumlah signifikan (51%) lepasan PPB adalah *marketable*.

Walau bagaimanapun, usaha akan terus ditingkatkan bagi memastikan sebahagian besar lepasan yang masih mencari pekerjaan akan berjaya diambil berkerja atau memulakan perniagaan sendiri. Matlamat petunjuk prestasi utama (KPI) PPB adalah untuk meningkatkan *marketability* ke tahap 70%.

Oleh itu, kita melihat bahawa amatlah mustahak bagi PPB untuk terus menjalin hubungan erat bersama rakan-rakan strategik di sektor swasta bagi mencapai KPI *marketability*. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ**, kita berbesar hati rangkaian telah terjalin dengan pelbagai agensi dan syarikat bagi para pelatih untuk menjalankan penempatan kerja dan seterusnya memperoleh pekerjaan dalam bidang kursus masing-masing, antara lain, bersama agensi-

agensi kerajaan, syarikat seni bina seperti Cityneon Displays and Construction dan Eco Bumi Arkitek, syarikat permakanan seperti Tarindak dan Royal Brunei Catering, syarikat terapi kecantikan seperti M Image Sendirian Berhad, bengkel baik pulih kenderaan seperti Bengkel Kereta Berakas, syarikat *welding and pipework* dan *air-conditioning* seperti LSL Metal Sendirian Berhad dan AEC Sendirian Berhad.

Di kalangan golongan sasaran, daripada 150 peserta yang mengikuti latihan Program Perkasa Komuniti di PPB, 18 telah berkerja dan 20 memulakan perniagaan. Di samping itu, daripada 119 penduduk kampung yang mengikuti Program Prihatin pada tahun 2019, 21 telah bekerja dan memulakan perniagaan secara berdaftar.

Pada masa yang sama, PPB juga telah mengendalikan Kursus Pemandu Jentera Berat dari tahun 2013 hingga 2017 dan Kursus *Scaffolding* dari tahun 2013 hingga 2015, iaitu sebanyak 123 pelatih yang mengikuti Kursus Pemandu Jentera Berat dan 135 pelatih yang mengikuti Kursus *Scaffolding* telah 100% mendapat pekerjaan. Kita akan meneliti kesesuaian kedua-dua kursus ini untuk dikendalikan di masa yang akan datang.

Di samping itu, PPB juga turut berhasrat bagi penubuhan *enterprise* di kalangan pelatih-pelatih untuk membolehkan mereka mempraktikkan kemahiran yang dipelajari dan secara langsung melaksanakan aktiviti-aktiviti keusahawanan menjana pendapatan.

Sasaran tahun ini adalah bagi penubuhan 5 *enterprise* berdasarkan bidang latihan, termasuk bidang pembaikan *air-conditioning* yang berpotensi besar untuk dimanfaatkan oleh rakan-rakan strategik di sektor kerajaan mahupun di sektor swasta.

(Jawapan soalan no. iii)

PPB memang tidak mengehendkan sebarang kemasukan berdasarkan kelulusan akademi terutamanya dalam konteks *reskilling* yang diperlukan dalam *4th Industrial Revolution*. Sepanjang tahun 2019 dan 2020, PPB telah menerima 9 pemohon dengan kelulusan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang memilih bidang-bidang latihan kemahiran seperti berikut:

Kelulusan	Kursus Diikuti Di PBB	Sesi Pembelajaran
1. Diploma ITC	Kursus Skill Proficiency Certificate in Food Preparation	2020
2. HNTEC in Agrotechnology	Kursus Skill Proficiency Certificate in Food Preparation	2020
3. HNTEC in Agrotechnology	Kursus Skill Proficiency Certificate in Food Preparation / Level 1 Certificate in Food Preparation and Cooking	2020
4. Bachelor of Shariah	Kursus Skill Proficiency Certificate in Fabrication, Welding & Pipework / Level 2 Certificate in Engineering (Welding)	2020
5. HND Business Accounting	Peladang Muda	2019
6. Degree in English Language and Linguistics	Peladang Muda	2019
7. BScs Applied Mathematics	Peladang Muda	2019
8. Degree in Historical Studies	Peladang Muda	2019
9. BSc Computer Science	Peladang Muda	2019

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, dikongsikan 5 graduan belia yang mengikuti kursus Peladang Muda di PPB telah membuka perniagaan Kemari Farm Enterprise, perusahaan agribisnis dalam bidang *non conventional farming*. PPB telah menyediakan tapak, ruang di bangunan PPB dan sebuah *greenhouse* untuk menghasilkan sayuran untuk dijual secara komersil.

KEMENTERIAN TENAGA

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ALI BIN PENGIRAN MAON

SISTEM MAKLUMAT PASARAN PEKERJAAN (LMIS)

Beberapa inisiatif telah diungkapkan oleh pihak kerajaan bagi menangani masalah pengangguran di negara ini. Data-data maklumat berserta dengan statistik pasaran buruh di negara ini di antaranya perlu lebih komprehensif dan inklusif bagi memastikan punca pengangguran untuk membantu kerajaan menghasilkan dasar yang lebih berkesan dan memberikan keputusan yang bijak bermaklumat. Dengan adanya maklumat ini saya yakin akan dapat membantu negara untuk memberikan maklumat pasaran buruh dengan lebih sistematik serta langkah dasar yang terarah dan betul.

Antara masalah yang dapat diselesaikan adalah ketidaksepadanan pencari kerja dengan bidang pekerjaan, kekurangan atau kelebihan permintaan dan pembekalan atau *supply and demand* buruh.

Agensi-agensi yang berkaitan iaitu agensi yang mempunyai senarai sumber tenaga manusia seperti Kementerian Pendidikan khususnya pelajar-pelajar JAPEM, MUIB, YSHHB terutama sekali bagi penerima bantuan kebajikan dan penerima agihan Zakat Asnaf Fakir Miskin akan dapat

menggunakan potensi sepenuhnya dengan adanya LMIS ini.

Saya ingin mengetahui bagi menyahut misi dan visi Wawasan Brunei 2035 dalam strategi ke-12 iaitu *Manpower Planning*, apakah perkembangan LMIS pada masa ini dan dapatkah LMIS ini diterapkan dan digunakan sepenuhnya oleh agensi-agensi berkenaan sebelum menjelang Wawasan Brunei 2035?

JAWAPAN:

Untuk makluman sistem tersebut kini adalah dipantau oleh *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* yang ditempatkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan mungkin adalah lebih berpatutan bagi perkara ini diajukan kepada pihak Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengerusi *MPEC* untuk memberi pencerahan lebih lanjut mengenainya.

Walau bagaimanapun pihak Kementerian Tenaga akan terus memberi sebarang sokongan padu dan sebarang bantuan yang diperlukan untuk menjayakan pelaksanaannya.

Sekian sahaja yang dapat disampaikan untuk makluman Yang Berhormat mengenainya. Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara yang ke-16 bagi Kementerian Tenaga dan jabatan di bawahnya akan diteliti semula dan isu-isu berkenaan akan dipaparkan di laman sesawang Kementerian Tenaga

(www.me.gov.bn). Ahli-Ahli Yang Berhormat dialu-alukan untuk mengikuti perkembangan isu-isu ini melalui laman sesawang tersebut.

Dengan ini, peramba mengambil kesempatan untuk mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih ke atas sokongan usaha, keprihatinan, keikhlasan dan sifat bekerjasama Yang Berhormat sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Sumbangan Yang Berhormat setentunya telah meningkatkan perkhidmatan pihak kerajaan ke arah memastikan Negara Brunei Darussalam, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, akan senantiasa terus menikmati keamanan dan kemakmuran.

JAWAPAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II

Salah satu *key deliverables* di bawah pelan strategik *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* adalah dengan menyediakan *Labour Market Information System (LMIS)* dan dataset yang akan digunakan adalah mengikut standard *International Labour Organization (ILO)*.

Sistem ini dihasratkan untuk menjadi satu platform untuk mengumpul maklumat pasaran buruh yang terkini dan komprehensif yang dapat digunakan oleh *stakeholders*, para penggubal dasar serta institusi pendidikan dan latihan dalam menyediakan maklumat unjuran peluang-peluang pekerjaan (*demand*)

serta merancang perbekalan (*supply*) tenaga manusia.

Sebelum adanya sistem yang dimaksudkan, MPEC telah membuat langkah-langkah *Stop Gap Measures* bagi memastikan pemadanan perbekalan dan permintaan tenaga kerja sekurang-kurangnya bagi 5 tahun ke hadapan seperti inisiatif-inisiatif yang kaola kongsi seperti berikut:

- i. Bekerjasama dengan industri dan agensi-agensi yang berkepentingan melalui *Manpower Industry Steering Committee (MISC)* untuk mengetahui keperluan tenaga manusia yang dikehendaki dalam tempoh jangka masa yang pendek dan sederhana (termasuk jumlah dan jenis pekerjaan serta kemahiran yang diperlukan);
- ii. Pengumpulan data perbekalan yang sedia ada (*Administrative Data*) yang terdiri daripada pencari kerja tempatan yang berdaftar dan aktif mencari pekerjaan melalui *JobCentre Brunei (JCB)* bagi mengisikan jawatan-jawatan kosong yang diiklankan melalui kaedah *proactive jobmatching*; dan
- iii. Pengumpulan data pelajar dan graduan dari Kementerian Pendidikan iaitu jumlah pelajar dan graduan yang tamat kursus dan latihan mengikut bidang.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT PENGIRAN HAJI
MOHAMED BIN PENGIRAN HAJI
OSMAN @ OTHMAN**

**PENAPISAN MINYAK DI PULAU
MUARA BESAR (PMB)**

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ dengan terbinanya kilang penapisan minyak dan gas di Pulau Muara Besar oleh Syarikat HENGYI dari China, ianya merupakan satu lagi *FDI* yang berjaya dan berkualiti yang memberi harapan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik kepada negara. Di samping itu, ada perkara-perkara yang membimbangkan kepada penduduk di sekitar kawasan tersebut iaitu mengenai dengan projek-projek tambahan, tentang keselamatan aset kerajaan, penimbunan tanah bagi menyambung PMB dengan Pulau Pelumpong yang akan menjejaskan perusahaan ikan dan lain-lain yang berhubung dengan keselamatan. Ini termasuklah kapal-kapal pengangkutan HENGYI yang membawa bahan-bahan pengeluaran kilang dikecualikan dari pemeriksaan Jabatan Kastam dan Eksais dan Jabatan Imigresen di Pelabuhan Muara.

Soalan saya:

- 1.1 Adakah benar kilang itu sudah beroperasi sejak bulan November 2019 dan jika benar adakah semua langkah-langkah keselamatan telah diluluskan oleh pihak yang berwajib?;
- 1.2 Adakah pihak HENGYI sudah diberikan kelulusan dan kebenaran beroperasi secara komersil dan berapa peratuskah peluang pekerjaan yang telah dipenuhi oleh anak tempatan?;
- 2.1 Setakat manakah perkembangan terkini projek fasa kedua kilang penapisan HENGYI itu?; dan
- 2.2 Memandangkan keperluan tenaga manusia bagi menampung kerja-kerja fasa kedua, adakah mereka sudah merancang atau melaksanakan pengambilan anak-anak tempatan bekerja di kilang tersebut?
3. Adakah dengan penimbunan tanah untuk menghubungkan PMB dan Pulau Pelumpong itu tidak akan menjejaskan usahawan tempatan dalam pembiakan ikan di pulau tersebut?; dan
4. Apakah langkah-langkah tertentu yang diambil kira oleh pihak HENGYI dan pihak berwajib bagi memastikan keselamatan penduduk di sekitar perairan Serasa, Muara serta kepada para nelayan jika berlaku kebocoran gas atau kebakaran besar?

JAWAPAN:**PENGAWALAN BAHAN-BAHAN
PENGELUARAN DARI LOJI PENAPIS
MINYAK DAN PETROKIMIA PULAU
MUARA BESAR**

Mengenai dengan pengawalan bahan-bahan pengeluaran dari loji penapis minyak dan petrokimia Pulau Muara Besar (PMB), sukacita peramba memaklumkan bahawa sebenarnya sebarang kapal-kapal pengangkutan yang digunakan untuk mendatangkan atau membawa keluar produk petroleum, barang minyak dan arang batu dipantau dan diawasi oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di Pulau Muara Besar. Di samping itu, pemeriksaan berkala dijalankan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di Pulau Muara Besar juga.

**PERMULAAN OPERASI SERTA
PENGESAHAN DAN LANGKAH-
LANGKAH KESELAMATAN**

Pada menjawab soalan pertama dan keempat mengenai dengan operasi loji tersebut di atas, serta pengesahan dan langkah-langkah keselamatan baginya, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, pembinaan Loji Penapis Minyak dan Petrokimia Pulau Muara Besar telah selesai pada bulan Oktober 2019 dan seterusnya menjalani beberapa ujian bagi *pre-commissioning* dan *commissioning* sebelum ianya mula beroperasi.

Oleh itu, sebahagian daripada ujian ini adalah untuk menjalankan percubaan atau *trial* bagi memastikan pengeluaran produk secara lancar. Setakat ini, beberapa produk petroleum telah dikeluarkan secara *trial*, termasuk *Paraxylene*, *Liquefied Petroleum Gasoline (LPG)*, *Petrol* dan *Diesel*, yang telah dieksport kepada beberapa pasaran serantau dengan adanya permintaan atau *demand* bagi produk-produk ini.

Bagi menjalankan pengeluaran percubaan atau *trial* ini, loji tersebut memerlukan lesen sementara atau *Provisional Licence to Operate* dan pengendali loji diwajibkan untuk memenuhi beberapa kriteria termasuk pematuhan kepada keperluan keselamatan atau HSE di bawah undang-undang negara, seperti *Perintah Workplace Safety and Health Order, 2009* dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya untuk membuktikan ianya terdapat langkah-langkah dan prosedur yang mencukupi untuk beroperasi dengan selamat, memastikan adanya *standard operating procedure (SOP)* yang komprehensif bagi tindak balas kecemasan dan juga mendapatkan semua pengesahan yang diperlukan daripada agensi-agensinya yang berkenaan. Ianya turut dipantau oleh Jawatankuasa Pandu Kemajuan Pulau Muara Besar dan Jawatankuasa Kerja di bawahnya.

Ini termasuk kebenaran berkaitan dengan hal ehwal alam sekitar, kesihatan, pembinaan, sekuriti dan lain-

lain dan melibatkan beberapa agensi-agensi penguatkuasaan dan agensi pengawal selia seperti Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), ABCi, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), dan lain-lain.

Oleh itu, langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil sebelum pengeluaran Lesen Sementara tersebut bukan sahaja merangkumi ketersediaan dari segi HSE di pulau, malah juga merangkumi keselamatan dan kesejahteraan pelayaran, pelaut, persekitaran dan sistem trafik perkapalan di perairan Negara Brunei Darussalam.

Pihak Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dan SHENA telah mengesahkan bahawa *Standard Operation Procedure (SOP)* dan peralatan yang diguna pakai oleh pihak Syarikat Hengyi adalah memuaskan bagi tindak balas sekiranya ada tumpahan minyak di perairan Negara Brunei Darussalam.

Dalam mengawal pergerakan kapal-kapal laut yang keluar masuk dari perairan Negara Brunei Darussalam pula, terminal kapal loji penapis minyak dan petrokimia Hengyi telah diiktirafkan mengikut *International Code for the Security of Ships and Port Facilities (ISPS code)* yang di antara keperluannya adalah:

- i. Mengadakan perancangan keselamatan bagi kemudahan pelabuhan; dan
- ii. Memastikan kawasan jeti kapal yang dipagar dan dikawal rapi.

Seperti mana kawasan industri yang lain, zon keselamatan dan bahaya yang melibatkan pergerakan dan aktiviti industri tinggi telah digariskan demi keselamatan orang awam termasuk pelaut dan nelayan. Kemasukan ke dalam zon perairan bahaya adalah disekat bagi orang ramai dan kawasan ini ditandakan dengan *buoy*. Bagi Pulau Muara Besar, jarak kawasan selamat adalah sekurang-kurangnya 500 meter daripada zon-zon aktiviti. Orang ramai termasuk para nelayan dan pelaut dinasihatkan dan diingati untuk memerhati tanda-tanda dan *buoy* yang telah diletakkan bagi keselamatan mereka.

Di samping itu, beberapa Latihan Tindak Balas Kecemasan Peringkat Satu, Dua dan Tiga telah diadakan di Pulau Muara Besar dengan kerjasama Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) dan pelbagai agensi kerajaan.

Tujuan latihan itu adalah bagi memastikan ketersediaan pihak Syarikat Hengyi untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan para pekerja di Taman Perindustrian Pulau Muara Besar dan orang ramai, terutama sekali penduduk di persekitaran Mukim Serasa dan Pekan Muara, sebelum loji penapis

minyak dan petrokimia di tapak perindustrian Pulau Muara Besar mula beroperasi sepenuhnya yang kesediaan loji tersebut adalah dikawal selia oleh Kementerian Tenaga dan SHENA.

Latihan itu juga adalah merupakan salah satu syarat bagi pengesahan kesediaan Syarikat Hengyi di bawah undang-undang *Workplace Safety and Health (Facilities), Control of Major Accident Hazards) Regulations, 2013* sebelum loji diberi kebenaran untuk memulakan operasi.

Bagi pengeluaran Lesen penuh bagi operasi atau *Licence to Operate*, pihak Syarikat Hengyi juga perlu memenuhi beberapa syarat tambahan yang terkandung dalam Perjanjian Perlaksanaan mereka (*Implementation Agreement*), seperti bagi pengendalinya, iaitu *Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.*, memastikan sekurang-kurangnya seramai 40 peratus daripada tenaga kerja di pulau tersebut adalah berdiri daripada anak-anak tempatan pada fasa permulaan operasi, pematuhan kepada arahan *Business Development Directive (LBD)* yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan dan lain-lain. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara-perkara ini dijangka akan selesai pada tahun ini juga.

Jika *Syarikat Hengyi Industries* didapati melanggar terma dan syarat *Implementation Agreement* setelah diberikan kebenaran tetap, lesen untuk beroperasi tersebut boleh ditarik balik sehingga syarikat tersebut memuakan syarat-syarat yang ditetapkan.

PENGAMBILAN PEKERJA TEMPATAN

Seterusnya mengenai dengan peratus pengambilan pekerja tempatan, setakat 9 Mac 2020 terdapat 520 anak tempatan dari 2,084 pekerja yang bekerja di loji tersebut, iaitu sekitar 25%, dan jumlah ini akan meningkat secara berfasa sehingga operasi sepenuhnya.

Syarikat Hengyi Industries akan meneruskan kempen pengambilan atau *recruitment campaign* pada tahun ini dan dijangka akan mengambil 146 orang anak tempatan lagi. Pengambilan akan meningkat lagi pada tahun hadapan. Mereka juga akan meneruskan skim biasiswa dalam bidang *Bachelor in Chemical and Process Engineering* dan *Advanced Diploma in Chemical Engineering* yang dijalankan di antara Institut Pendidikan Teknikal Brunei (*Institute Brunei Technical Education – IBTE*) dan *Lanzhou Petrochemical Polytechnic* bagi memenuhi keperluan pengambilan pekerja tempatan dalam bidang teknikal.

FASA KEDUA BAGI LOJI PENAPIS MINYAK DAN PETROKIMIA PULAU MUARA BESAR

Selanjutnya, bagi memberi pencerahan kepada soalan mengenai Fasa Kedua bagi loji penapis minyak dan petrokimia Pulau Muara Besar, cadangan atau *proposal* bagi Fasa Kedua tersebut sedang diteliti dan dinilai dan seterusnya hasil penilaian tersebut akan dihadapkan ke atas terlebih dahulu.

Kajian *feasibility* yang dijalankan bagi projek ini sedang diteliti oleh beberapa agensi kerajaan melalui pendekatan *whole of nation*, agar memastikan ianya dinilai secara holistik dan juga menggariskan persediaan dan terma-terma yang diperlukan untuk memastikan Fasa Kedua tersebut berjalan dengan lancar sekiranya ianya dilaksanakan. Ianya juga merangkumi beberapa amalan dan petikan pengajaran dari pembangunan loji tersebut setakat ini.

Di antara lain langkah yang perlu dilaksanakan bagi meneruskan penilaian tersebut, adalah perlaksanaan penilaian impak kepada alam sekitar atau *Environmental Impact Assessment (EIA)* bagi memastikan bahawa pelaksanaan fasa tersebut akan mematuhi kepiawaian antarabangsa dari segi kesan ke atas kesihatan, keselamatan dan persekitaran seperti mana yang dijalankan sebelum ini bagi Fasa Pertama.

Sebahagian daripada penilaian yang dijalankan adalah mengenai dengan keperluan tenaga manusia dan kemahiran bagi Fasa Kedua ini. Walau bagaimanapun, sebagai langkah persediaan awal pihak Kementerian Tenaga kini bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan Syarikat Hengyi untuk menyediakan kursus-kursus teknikal dan vokasional yang diperlukan.

KESAN PENIMBUKAN TERHADAP PERNIAGAAN PEMBIAKAN IKAN DI PULAU PELUMPONG

Mengenai dengan isu kesan penimbukan terhadap perniagaan pembiakan ikan di Pulau Pelumpong, walaupun terdapat pelan penimbukan tanah di sekitar Pulau Muara Besar bagi meluaskan tanah kawasan loji penapis minyak dan petrokimia bagi fasa selanjutnya, perancangan ini tidak melibatkan penimbukan kawasan perairan di antara Pulau Muara Besar dan Pulau Pelumpong tempat aktiviti pembiakan ikan dijalankan. Oleh yang demikian, aktiviti ini tidak akan menjejaskan usahawan tempatan dalam pembiakan ikan.

Walaupun bagaimanapun, sebarang aktiviti berkaitan dengan kemajuan Pulau Muara Besar, termasuk aktiviti penimbukan, dikehendaki terlebih dahulu menghadapi *environmental impact assessment* dan *social impact assessment* kepada pihak JASTRE dan agensi-agensi yang berkenaan seperti Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, MPABD dan sebagainya bagi mematuhi *Environmental Protection and Management Order, 2016* sebelum sebarang kerja-kerja dibenarkan, seperti yang dijelaskan tadi.

Jika terdapat sebarang isu yang berbangkit pada bila-bila masa yang mendatangkan menjejaskan alam sekitar atau orang ramai, *Syarikat Hengyi Industries* perlu mengambil langkah-langkah untuk menanganinya, seperti

mana yang diperlukan melalui penguatkuasaan undang-undang *Environmental Protection and Management Order, 2016* tersebut. Manakala bagi air pula, pemantauan dilaksanakan mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh *ASEAN Marine Water Quality Criteria 2008*.

Sekian sahaja yang dapat disampaikan untuk makluman Yang Berhormat mengenainya. Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara yang ke-16 bagi Kementerian Tenaga dan jabatan di bawahnya akan diteliti semula dan isu-isu berkenaan akan dipaparkan di laman sesawang Kementerian Tenaga (www.me.gov.bn). Ahli-Ahli Yang Berhormat dialu-alukan untuk mengikuti perkembangan isu-isu ini melalui laman sesawang tersebut.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT AWANG HAJI ABDUL
HAMID BIN HAJI MUMIN**

**PADANG TEMBAK BRITISH
GARISSON SERIA KAWASAN BUKIT
LUMUT**

1. Sebagaimana kita maklum bahawa kawasan Lumut adalah kawasan perindustrian dimana terdapat industri-industri yang sudah beroperasi seperti Brunei LNG, BSM, TOTAL, Loji Industri Hydrogen (AHEAD) dan pengeluaran baja amonia / urea di tapak yang berkeluasan 270 hektar. Di kawasan tersebut yang berhampiran dengan kawasan perindustrian juga terdapat

kawasan padang tembak yang dipunyai oleh British Garisson Seria bertempat di Bukit Lumut. Apabila mereka mengadakan latihan menggunakan senjata berat, gangguan-gangguan seperti gegaran telah berlaku yang mungkin merosakkan atau membahayakan kepada kawasan-kawasan industri tersebut.

Saya ingin bertanya:

1. Apakah padang tembak tersebut dapat dipindahkan ke satu tempat yang sesuai jauh daripada kawasan perkampungan dan kawasan perindustrian?
2. Sehubungan ini juga kawasan Loji BLNG terletak dalam kawasan perkampungan dan perkara ini pada awal tahun 80an pihak BLNG merancang untuk meminta pendapat daripada penduduk-penduduk yang terlibat untuk dipindahkan.

Saya ingin bertanya:

- i. Apakah boleh dipertimbangkan supaya pihak agensi berkenaan di bawah Kementerian Tenaga supaya penduduk di kampung yang tinggal berdekatan atau dalam kawasan jalur bahaya khususnya di sekitar Brunei LNG dapat mengadakan perjumpaan dan muzakarah dengan penduduk kampung untuk memindahkan rumah-rumah yang terlibat?; dan

- ii. Apakah BLNG akan meneruskan rancangan awal untuk memindah rumah-rumah penduduk dalam zon bahaya ini?

JAWAPAN

KESAN PADANG TEMBAK KEPADA KAWASAN INDUSTRI DI KAWASAN LUMUT

Mengenai dengan padang tembak di kawasan Lumut, perkara ini adalah berkaitan dengan hal ehwal pertahanan negara oleh demikian keterangan mengenai padang tembak mungkin adalah lebih bersesuaian untuk diajukan kepada pihak Kementerian Pertahanan yang lebih arif mengenainya.

Walau bagaimanapun, perbincangan pihak Kementerian Tenaga dan Autoriti Kebangsaan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (SHENA) dengan pihak-pihak yang berkenaan termasuk syarikat-syarikat yang terlibat seperti Brunei LNG, BMC, AHEAD dan *Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI)* telah memastikan mereka tidak mengalami sebarang aktiviti yang akan menjejaskan keselamatan kilang-kilang dan loji-loji tersebut di kawasan itu.

PENGIKTIRAFAN KESELAMATAN INDUSTRI-INDUSTRI DI KAWASAN LUMUT

Untuk makluman Yang Berhormat kesemua industri yang terletak di kawasan tersebut perlu mematuhi undang-undang *Workplace Safety Health*

and Safety Order, 2009 dan peraturan-peraturan berkaitan. Beberapa penilaian keselamatan dan analisis ancaman keselamatan serta penyediaan tindak balas kecemasan perlu dijalankan sebelum operasi dapat dijalankan. *Safety Case* seterusnya diluluskan bagi mengesahkan pematuhan kepada *Workplace Safety Health and Safety Order, 2009* dan mengesahkan syarikat atau industri berkenaan mampu mengawal segala ancaman keselamatan yang mungkin dihadapi dari dalam dan juga luar kawasan tersebut.

Ini adalah bagi memastikan kesejahteraan semua pihak, termasuk pekerja-pekerja loji dan penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

PENGIKTIRAFAN KESELAMATAN SYARIKAT BRUNEI LNG SDN. BHD. (BLNG)

Memandangkan Syarikat BLNG telah memenuhi keperluan-keperluan keselamatan yang terkandung di bawah undang *Workplace Safety Health and Safety Order, 2009* dan peraturan *Workplace Safety and Health (Facilities) (Control of Major Accident Hazards) Regulations, 2013*.

Seperti mana yang dijelaskan tadi, penilaian ancaman keselamatan, kajian HSE, langkah-langkah tindak balas kecemasan serta prosedur telah dijalankan bagi membolehkan loji LNG tersebut beroperasi.

Dalam usaha ini juga, Syarikat Brunei LNG sentiasa bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan seperti Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (*National Disaster Management Centre-NDMC*), Jabatan Bomba dan Penyelamat dan jiran-jiran sekeliling untuk memastikan adanya persediaan yang cukup bagi menghadapi sebarang kecemasan.

Ketika ini, hasil penilaian tersebut memastikan bahawa operasi dapat dijalankan secara selamat bagi pekerja dan penduduk di kawasan sekelilingnya, tanpa memerlukan pemindahan rumah penduduk kampung. Setakat ini, **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** tidak pernah terjadi kejadian-kejadian yang menjejaskan keselamatan para penduduk.

Di samping itu, pengesahan keselamatan di bawah undang-undang tadi perlu diperbaharui oleh syarikat-syarikat setiap lima (5) tahun, yang memerlukan penyerahan penilaian ancaman keselamatan dan kajian HSE yang dikemas kini kepada kerajaan untuk memastikan keselamatan para pekerja dan penduduk sentiasa dijaga.

Sekiranya terdapat sebarang ancaman kepada keselamatan para pekerja dan penduduk-penduduk, pihak kerajaan akan mengambil tindakan ke atas syarikat berkenaan.

Walau bagaimanapun, Syarikat BLNG kini sedang aktif menjalankan sesi muzakarah dengan wakil-wakil penduduk

Mukim Liang bagi dialog dan pertukaran pandangan mengenai aktiviti-aktiviti Syarikat BLNG setiap tiga bulan. Pihak Kementerian Tenaga menyokong usaha ini dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan turut menghadirinya bersama agensi-agensi berkepentingan untuk memahami apa jua isu yang mungkin berbangkit.

Sekian sahaja yang dapat disampaikan untuk makluman Yang Berhormat mengenainya. Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara yang ke-16 bagi Kementerian Tenaga dan jabatan di bawahnya akan diteliti semula dan isu-isu berkenaan akan dipaparkan di laman sesawang Kementerian Tenaga (www.me.gov.bn). Ahli-Ahli Yang Berhormat dialu-alukan untuk mengikuti perkembangan isu-isu ini melalui laman sesawang tersebut.

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT PENGIRAN HAJI
MOHAMED BIN PENGIRAN HAJI
OSMAN @ OTHMAN**

**KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN
PELANCONG**

Terdapat tiga laluan utama bagi pelancong datang ke Negara Brunei Darussalam iaitu melalui udara (Lapangan Terbang Antarabangsa), pintu masuk sempadan dan melalui laut (Pelabuhan Muara dan Feri Terminal Serasa, Muara).

Bagi memastikan industri pelancongan berfungsi secara berkesan, perkhidmatan dan kemudahan sokongan yang kuat daripada agensi pelancongan, pemandu pelancong, pusat maklumat pelancongan dan latihan sumber manusia, bangunan yang dilengkapi dengan dewan pameran, bilik pandang dengar, kaunter maklumat, restoran dan kedai-kedai cenderamata adalah mustahak.

Pada masa ini kemudahan yang terdapat di Bangunan Pelancongan melalui laut di Pekan Muara adalah masih jauh berkurangan dan tidak terdapat banyak maklumat seperti penunjuk arah destinasi pelancong dan papan-papan tanda serta peta jalan-jalan yang terkini dan komprehensif. Ini termasuk pengangkutan awam dan perkhidmatan teks yang kurang memuaskan dan perlu pembaikan.

Soalan saya:

Bagi memastikan industri pelancongan berfungsi lebih efisien dan efektif, apakah perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang pihak kementerian yang berkenaan bagi mewujudkan kemudahan dan perkhidmatan pelancongan di kawasan Pekan Muara supaya ianya sebanding dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat di luar negeri?

JAWAPAN:

Berkaitan dengan kemudahan dan perkhidmatan pelancongan di Pekan Muara, termasuk Pusat Kapal Persiaran atau *Cruise Ship Centre* di kawasan Pelabuhan Muara, adalah dimaklumkan bahawa kawasan Pelabuhan Muara termasuklah juga Pusat Kapal Persiaran atau *Cruise Ship Centre* di kawasan pelabuhan tersebut adalah di bawah kawalan dan pengurusan Autoriti Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (*Maritime dan Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD)*). Pelabuhan Muara kini telah diswastakan kepada *Muara Port Company Sdn Bhd (MPC)*.

Berkaitan dengan saranan Yang Berhormat bagi kemudahan-kemudahan yang terdapat pada Pusat Kapal Persiaran atau *Cruise Ship Centre* dan kawasan-kawasan di sekelilingnya untuk dipertingkatkan supaya ianya berfungsi secara lebih berkesan dan lengkap sebanding dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat di luar negeri,

perkara ini adalah diambil maklum dan diambil perhatian, terutamanya dalam usaha Negara Brunei Darussalam untuk menarik lebih ramai lagi bilangan pelancong yang berkunjung ke negara ini termasuk melalui laut.

Seterusnya adalah diambil maklum bahawa masih terdapat kekurangan kemudahan di Pusat Kapal Persiaran atau *Cruise Ship Centre* pada masa ini dari segi kemudahan dewan pameran, kemudahan bilik pandang dengar, kaunter maklumat, restoran dan *souvenir shops* dan sebagainya seperti mana yang disuarakan oleh Yang Berhormat.

Adalah juga diambil maklum bahawa masih terdapat kekurangan pada kawasan sekeliling pelabuhan berkenaan untuk kemudahan para pelancong seperti *signboard*, perkhidmatan kemudahan pengangkutan awam, kemudahan laluan pedestrian atau pejalan kaki dan sebagainya.

Dalam perkara ini, sekali lagi pihak kementerian ini menyambut baik atas saranan-saranan tersebut, tambahan lagi ianya adalah bagi kepentingan bersama dalam usaha kita untuk memastikan kesejahteraan dan keselamatan pelancong-pelancong yang berkunjung ke Negara Brunei Darussalam.

Seperti mana yang dijelaskan awal bahawa prasarana pelabuhan Muara dan Pusat Kapal Persiaran telah pun diswastakan kepada *Muara Port Company Sdn Bhd (MPC)*. Maka, berkaitan dengan saranan-saranan Yang

Berhormat mengenai perkara ini, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan akan membuat perundingan dengan agensi-agensi yang berkepentingan melibatkan antaranya *Muara Port Company Sdn Bhd (MPC)*, Autoriti Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (*Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD)*) dan Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.

Berkaitan dengan pelancongan di kawasan Pekan Muara, sukacita menjelaskan serba sedikit mengenai inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berhubung dengan memperkenalkan produk pelancongan *Discover Muara* yang telah dilancarkan pada tahun 2019 yang lalu.

Produk pelancongan *Discover Muara* diperkenalkan bagi menampilkan Serasa dan Muara sebagai kawasan-kawasan menarik untuk dikunjungi penduduk tempatan serta pelancong antarabangsa. Ini mengambil kira keunikan Muara yang terkenal dengan pantainya yang tenang dan bersih. Muara juga dikenali dengan kawasan yang mempunyai kemudahan semula jadi bagi menjalankan pelbagai aktiviti riadah seperti berkelah, memancing, berbasikal dan aktiviti-aktiviti sukan air.

Selain itu, Pusat Kapal Persiaran dan Terminal Feri Serasa juga terletak di Pekan Muara, iaitu yang merupakan

lalu lintas pintu masuk laut antarabangsa (*International Seaside Route And Gateway*) ke Negara Brunei Darussalam. Lokasinya yang strategik serta bersejarah berpotensi untuk menarik pelancong-pelancong kapal persiaran dan feri yang transit ke negara ini.

Selain Pantai Muara dan Serasa, tempat menarik lainnya juga termasuk Kampung Kapok, yang terkenal dengan produk buah pisang, Bukit Tempayan Pisang, dengan kisah lagendanya Batu Kumala Naga, Pusat Biodiversiti Marin dan Tanjung Batu.

Melalui produk pelancongan *Discover Muara*, ianya akan dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan ejen pelancongan tempatan dan pemandu pelancong bagi menyedari potensi Pekan Muara sebagai destinasi pelancong serta menggalakkan penduduk tempatan untuk menikmati tempat-tempat pelancongan di negara sendiri semasa cuti persekolahan, di samping menyasarkan penduduk asing yang bekerja di negara ini untuk menjemput orang luar ke Negara Brunei Darussalam.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT DAYANG FDR. AR. SITI ROZAIMERIYANTY BINTI DATO SERI LAILA JASA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN

PELAN STRATEGIK PENDIDIKAN 2019 – 2022

Berdasarkan kepada data dari JobCentre, kadar jumlah pencari pekerjaan yang aktif setakat 30 Disember 2019 adalah seramai 9,021 orang dan pecahan kategori pencari pekerjaan adalah seperti berikut:

	Secondary Education and below	Technical and Vocational background	Higher National Diploma holders	Pre-University
Peratus	33%	25%	11%	3%
Jumlah Penuntut	3,031	2244	978	244

Salah satu inisiatif pihak Kementerian Pendidikan dalam Pelan Strategik 2019 – 2022 adalah untuk meningkatkan jumlah kemasukan bagi semua tahap pendidikan.

Di bawah ini adalah jumlah kemasukan penuntut-penuntut IBTE, Politeknik Brunei (PTB) dan Pusat Pembangunan Belia (PPB) bagi tahun 2015 – 2019.

Jumlah kemasukan penuntut ke IBTE (2015 – 2019)

2015	2016	2017	2018	2019
2,771	1,801	2,171	2,087	2,016

Jumlah kemasukan penuntut ke Politeknik Brunei (2015 – 2019)

2015/2016	2016/2017	2017/2018	2018/2019	2019/2020
938	733	710	724	822

Jumlah kemasukan penuntut ke Pusat Pembangunan Belia (2015 – 2019)

2015	2016	2017	2018	2019
247	216	199	178	184

Merujuk kepada ketiga-tiga rajah di atas adalah jelas bahawa kemasukan pelajar ke dalam institusi-institusi yang tersebut di atas berada di tahap yang paling tinggi pada tahun 2015 berbanding dengan tahun 2016 hingga 2019.

Soalan saya:

Apakah perancangan dan inisiatif yang dapat dilakukan dalam jangka masa pendek dan panjang untuk meningkatkan jumlah kemasukan pelajar ke institusi-institusi teknikal mahupun PPK/PPB dengan segera untuk membantu mengurangkan kadar pengangguran secara menyeluruh terutama sekali bagi mereka yang mempunyai kelulusan sekolah menengah dan ke bawah?

JAWAPAN:

Pada menjawabnya, terlebih dahulu dikongsikan bahawa kemasukan pelajar ke IBTE pada tahun 2015 adalah amat tinggi berbanding tahun-tahun selepasnya kerana IBTE telah menerima

Dua kemasukan pelajar (582 pelajar) ke kursus-kursus *Industrial Skill Qualification* (ISQ) iaitu pada bulan April dan September. Pada tahun seterusnya hanya satu kemasukan diterima iaitu 109 pelajar pada 2016 dan 268 pelajar pada 2017. Mulai pada tahun 2018 dan 2019 pula, kursus-kursus ini telah dijalankan di Pusat Pembangunan Kapasiti (PPK).

Tren kemasukan pelajar ke IBTE perlulah dilihat secara menyeluruh untuk memahaminya dengan lebih lanjut. Beberapa faktor perlu diambil kira umpamanya jumlah kohort pelajar yang menurun setiap tahun kerana kadar pertumbuhan penduduk yang semakin kurang.

Faktor lain yang lebih kuat lagi ialah dengan adanya kemudahan pelbagai laluan (*multiple pathways*) dalam SPN-21, para pelajar lepasan 'O' Level kini mempunyai lebih banyak pilihan dalam pengajian mereka, umpamanya, melalui laluan 'A' Level, politeknik, Pusat Pembangunan Belia, dan institusi-institusi pendidikan swasta lain yang ada di negara ini.

Peningkatan kemudahan kepelbagaian laluan ini adalah perkembangan positif terutama dengan adanya penglibatan aktif pihak swasta dalam sama-sama mendukung usaha menawarkan kursus-kursus berkualiti sejajar dengan keperluan industri dan pembangunan negara.

Memang ada beberapa cabaran dihadapi dalam memenuhi permintaan kemasukan para pelajar baik dari aspek kapasiti, kemudahan dan fasiliti pengajaran mahupun sumber tenaga manusia di institusi-institusi pendidikan teknikal di sini.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan akan terus sedaya upaya meluaskan akses kepada pendidikan termasuklah pendidikan teknikal sejajar jua dengan hasrat Wawasan Brunei 2035 dan matlamat *Sustainable Development Goal 4 (SDG4)* iaitu untuk memastikan pendidikan berkualiti, inklusif dan saksama.

Antara inisiatif-inisiatif jangka pendek yang telah diambil ialah:

- i. Meningkatkan kuota pengambilan pelajar setiap tahun dengan seberapa boleh memenuhi kapasiti maksima yang ada dan melaksanakan *staggered enrollment*;
- ii. Menaik taraf infrastruktur yang ada bagi menambah kemampuan penambahan pelajar;
- iii. Meneruskan Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BPTV) bagi para pelajar yang bekelayakan meneruskan pengajian teknikal dan vokasional di institusi-institusi pendidikan swasta;
- iv. Meningkatkan kerjasama dengan pihak swasta dan bukan kerajaan, para pelabur, industri dan badan-badan profesional untuk mengembangkan lagi peranan mereka dalam sama-sama mengembangkan pendidikan teknikal swasta di negara ini apatah lagi dalam kita sama-sama mempersiapkan generasi muda kita menghadapi cabaran revolusi Industri 4.0; dan
- v. Menawarkan program-program kemahiran melalui institusi-institusi pendidikan termasuk IBTE sebagai inisiatif Kementerian Pendidikan dalam mengembangkan pembelajaran sepanjang hayat dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan seperti Kementerian Tenaga.

Bagi jangka masa panjang pula, penyediaan tapak kampus kekal dan lebih luas adalah sedang dalam perancangan bagi IBTE dan Politeknik Brunei bagi memenuhi kemasukan pelajar yang semakin tinggi serta dalam memberikan suasana pembelajaran yang komprehensif lagi kondusif.

Sekian disampaikan.

**MUKADIMAH YANG BERHORMAT
MENTERI HAL EHWAL DALAM
NEGERI**

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang kaola menyampaikan mukadimah bagi memandu perbincangan Anggaran Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2020 / 2021.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, kaola dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyediakan satu Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2020/2021 berjumlah \$5,860,000,000.00 dan memperuntukkan Anggaran Perbelanjaan sejumlah \$127,725,370.00 bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam pada itu, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dengan sumber yang diperuntukkan, akan terus menumpukan apa jua perancangan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang selari dengan objektif strategik Kementerian

Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu ke arah memantapkan perpaduan masyarakat, memelihara keselamatan dan kesejahteraan awam dan memangkin pembangunan sosio-ekonomi.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Ke arah memantapkan perpaduan masyarakat, kementerian ini telah menambah beberapa inisiatif bagi memperkesakan tahap pemedulian rakyat dan penduduk di negara ini melalui Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ* dengan adanya rancangan *re-zoning* bagi kawasan Kampong Ayer dan juga darat, ianya akan meningkatkan keberkesanan pengurusan dan pentabiran mukim-mukim dan kampung-kampung dengan mengambil kira akan keperluan dan perkembangan semasa. Ianya juga akan membantu menseimbangkan tugas dan tanggungjawab Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dalam mengurus tadbir mukim dan kampung dalam jumlah keramaian penduduk yang bersesuaian dan *managebale*. Projek *re-zoning* ini melibatkan perubahan jumlah keseluruhan jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dari 224 menjadi 222 bagi seluruh negara iaitu pengurangan jumlah jawatan Penghulu Mukim dari 39 jawatan ke 31 jawatan dan penambahan jumlah Ketua Kampung dari 185 jawatan ke 191 jawatan.

Perlaksanaan projek *re-zoning* ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat dengan mengambil kira sebilangan mukim dan kampung memerlukan

penyelarasan tertentu dan juga ada di antaranya memerlukan penyelarasan bagi perubahan sempadan. Tindakan awal yang sudah diambil ialah dengan mengiklankan sebahagian daripada jawatan-jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung termasuk jawatan-jawatan yang terlibat dengan projek *re-zoning* yang mana iklan-iklan berkenaan sudah dikeluarkan pada bulan Februari dan Mac ini bagi ke empat-empat daerah.

Kementerian ini juga akan mengadakan satu sistem pengundian menggunakan *mobile apps* (E-Undi) yang mana akan membolehkan pengundian bagi memilih calon-calon Penghulu Mukim atau Ketua Kampung dibuat secara di atas talian (*online*) bagi menggantikan pengundian secara manual menggunakan tong undi. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** ianya akan dapat membantu mempercepatkan proses-proses pengisian jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dengan memanfaatkan kaedah sistem teknologi moden secara kos efektif.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, di bawah usaha Satu Kampung Satu Produk (1K1P) pula, terdapat peningkatan sebanyak 16% iaitu sebanyak \$110,664.00 pada tahun 2019 berbanding 2018 dari segi jualan 1K1P secara keseluruhan. Manakala penyertaan masyarakat kampung juga terdapat peningkatan sebanyak 5.4%. Dalam pada itu, bagi sama-sama membantu meningkatkan aktiviti perekonomian di peringkat kampung, beberapa inisiatif telah dan

akan dijalankan. Ini termasuk, menjalin kerjasama dengan Syarikat Ghanim bagi mempromosikan tiga (3) produk iaitu kerepek pisang madu, kuih tat nenas, dan kerepek ubi kayu untuk diangkat bagi menembusi pasaran luar negara. Kita juga akan bekerjasama dengan Bank Islam Brunei Darussalam (*BIBD*) bagi memberikan latihan-latihan yang tertentu untuk sama-sama memperkasakan usahawan 1K1P.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Kementerian ini juga terus berusaha memudah cara proses pengurusan dengan menambah beberapa perkhidmatan di atas talian. Ianya bukan sahaja bagi memudahkan perniagaan malah ia juga dapat membantu mengukuhkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Buruh sedang giat melaksanakan satu (1) sistem dengan dukungan pihak Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (*EGNC*) dinamakan *Immigration National Registration System (INRS)* yang mana diharap akan dapat meningkatkan tahap perkhidmatan kepada orang ramai dalam berbagai perkhidmatan seperti pendaftaran kad pengenalan, passport, pendaftaran kelahiran, kematian dan penggunaan biometrik di pos-pos kawalan.

Sistem ini juga akan memberi kaedah pembaharuan di dalam proses dan kebenaran mengeluarkan visa dan

pas kerja serta perkara-perkara yang berkaitan dengan warganegara asing yang bekerja di Negara Brunei Darussalam dengan lebih efisien dan teratur. Antara impak utama adalah memberikan peluang untuk orang ramai menghadapi berbagai permohonan secara atas talian dan mengurangkan tempoh proses pemberian kelulusan. Salah satu (01) lagi faedah penting yang akan diperolehi dengan sistem ini ialah mengukuhkan lagi aspek sekuriti di pos-pos kawalan di negara ini dengan penggunaan biometrik. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* sistem ini dijangka akan mula digunakan pada bulan Julai tahun ini.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, Di dalam mendukung kewujudan masyarakat yang hidup harmoni dan sejahtera jua, Jabatan Penjara memainkan peranan penting ke arah memelihara kesejahteraan awam. Salah satu tugas utama Jabatan Penjara ke arah mendukung matlamat ini ialah mengurangkan kadar residivis iaitu kemasukan semula. Definisi residivis Jabatan Penjara adalah bagi seseorang bekas banduan yang masuk semula ke penjara atas kesalahan yang sama atau lain dalam tempoh tiga (3) tahun, seperti mana jua dipraktikkan di Negara Malaysia. Untuk itu, Jabatan Penjara telah menyasarkan kadar residivis pada kadar 15% untuk dicapai pada tahun 2020. Menurut definisi yang telah dijelaskan, kadar residivis bagi kohort yang dibebaskan pada tahun 2017 iaitu pencapaian bagi tahun 2019 adalah 7.77 peratus (%) berbanding 24 peratus (%)

kadar residivis bagi tahun 2019 bagi Republik Singapura menurut kenyataan *Singapore Prison Service* pada 7 Febuari yang lalu. *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ*, pencapaian setakat ini menunjukkan bahawa program-program pemulihan *in-care* dan *after-care* yang dilaksanakan oleh Jabatan Penjara sedikit sebanyak memberikan impak yang positif kepada penghuni-penghuni. Jabatan Penjara akan terus berusaha membantu bekas-bekas pesalah kepada pengintegrasian ke dalam masyarakat. Bagi tahun 2019, seramai 108 orang telah menyertai Program Rakan Seliaan dan 35 orang daripadanya telah mempunyai pekerjaan sama ada dengan sektor swasta atau berniaga sendiri. Dalam kesempatan ini juga, kaola mengucapkan berbanyak terima kasih di atas sokongan dan bantuan berterusan daripada setiap pihak berkepentingan terdiri daripada sektor swasta, persatuan bukan kerajaan dan masyarakat amnya yang telah menyumbang kepada kejayaan program-program yang dirancang oleh Jabatan Penjara. Dimaklumkan jua bahawa penglibatan sektor swasta dan persatuan bukan kerajaan sebagai rakan strategik Jabatan Penjara meningkat dari sebanyak 10 bagi tahun 2018 kepada 28 bagi tahun 2019. Kaola seterusnya berharap lebih banyak lagi pihak berkepentingan akan tampil ke hadapan dan memberikan apa jua sokongan kepada program-program yang diaturkan.

Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Pusat Bencana Kebangsaan (*NDMC*) juga berperanan ke arah mewujudkan masyarakat yang sentiasa siap siaga

atau *emergency* dan *disaster ready*. Jabatan ini akan terus melibatkan masyarakat melalui *community outreach program* masing-masing. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ**, melalui pendekatan ini, pada tahun 2019 sebanyak 59 kes kejadian kebakaran telah ditangani oleh orang awam sebelum kehadiran pihak bomba dan penyelamat ke tempat kejadian. Antara dasar baru yang akan diperkenalkan dalam waktu terdekat ini ke arah meningkatkan lagi keselamatan kebakaran atau *fire safety* ke atas premis-premis perniagaan, ialah dengan mengenakan denda kompaun ke atas premis-premis perniagaan yang tidak patuh atau *non-compliant* kepada peraturan yang telah ditetapkan. Menurut statistik Jabatan Bomba dan Penyelamat, bagi bulan Januari sehingga November 2019, daripada 966 pemeriksaan ke atas premis bangunan, sebanyak 683 kesalahan yang boleh dikompaun. Kita juga berharap, akta ini nanti memastikan setiap keselamatan individu yang berkunjung ke premis-premis bangunan di negara ini khasnya premis-premis swasta akan sentiasa terpelihara dari aspek keselamatan kebakaran.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kementerian ini turut menyumbang kepada meningkatkan aktiviti perekonomian dan seterusnya mempunyai matlamat untuk merevitalisasi kawasan Pusat Perniagaan (*Central Business District*) di Bandar Seri Begawan. Dalam usaha untuk memanfaatkan aset - aset yang ada

dan meningkatkan kualiti aset tersebut, Kementerian ini telah menerima kerjasama dan komitmen daripada Syarikat P Cube Sdn Bhd untuk melaksanakan inisiatif *Public Private Partnership*. Aset tersebut adalah Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera, Bangunan Letak Kereta Bertingkat dan Bangunan Agensi Pekerjaan Tempatan, Pembangunan Tenaga Kerja (APTK) dan bangunan Pasar Gadong.

Dengan adanya perancangan dan pelaksanaan ini nanti, ianya akan menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai bandar raya yang unggul sebanding dengan bandar raya-bandar raya di peringkat serantau dan global selaras dengan matlamat Wawasan 2035, iaitu kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi di kalangan 10 negara teratas di dunia.

Dalam hubungan ini juga, dengan adanya infrastruktur-infrastruktur baru ini nanti, kita berharap ianya akan menarik pelabur-pelabur dalam dan luar negeri untuk memperkembang maju aset-aset kerajaan yang boleh memajukan perusahaan mikro, kecil dan sederhana. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** secara tidak langsung, ianya juga akan menyumbang kepada kutipan cukai.

Izinkan kaola / saya mengongsikan mengenai pengutipan hasil cukai bangunan, iaitu cukai semasa dan cukai yang tertunggak bagi tempoh 1 April sehingga 31 Disember 2019, pengutipan

hasil cukai semasa bagi ketiga-tiga Jabatan Bandaran ialah sebanyak \$5,432 juta manakala pengutipan hasil cukai yang tertunggak adalah sebanyak \$3,773 juta. Dalam pada itu purata pencapaian bagi ketiga-tiga bandaran bagi pengutipan hasil cukai semasa ialah 38% manakala bagi pengutipan hasil cukai tertunggak ialah 15%. Kementerian ini akan sentiasa memantau inisiatif-inisiatif yang berkenaan agar dapat meningkatkan hasil cukai dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Dalam sama-sama menangani isu pembuangan sampah pula, Akta Kesalahan Kecil Penggal 30 sedang dalam proses pindaan khususnya bagi mereviu semula kadar denda dan kompaun bagi kesalahan-kesalahan berkaitan pembuangan sampah. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* dengan adanya pindaan kepada Akta Kesalahan Kecil Penggal 30 itu nanti, kita berharap ianya akan menukar sikap masyarakat umumnya menjadi rakyat yang patuh kepada undang-undang (*law abiding citizens*). Mengikut statistik di bawah jabatan-jabatan daerah, bagi tempoh 1 Januari 2019 sehingga 31 Januari 2020, sebanyak 1,006 pemantauan telah dijalankan dan sebanyak \$54,700.00 jumlah kompaun telah dikutip. Manakala di bawah Jabatan Bandaran pula sebanyak 1,059 pemantauan dijalankan dan sebanyak \$53,800.00 jumlah kompaun telah dikutip.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi, berdasarkan peruntukan dan inisiatif-

inisiatif yang telah pun dibentangkan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya akan sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang dapat membantu meningkatkan kualiti kehidupan yang tinggi dan menjana ekonomi yang maju serta berdaya tahan yang akan dapat dinikmati oleh generasi kini dan akan datang. Seterusnya mencapai objektif negara dalam memastikan perbelanjaan kerajaan menjurus kepada pro-pertumbuhan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

وبالله التوفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

MUKADIMAH YANG BERHORMAT MENTERI PENDIDIKAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ
وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ،

Kaola terlebih dahulu mengucapkan sebanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Pengerusi kerana telah memberikan kesempatan kepada kaola untuk memberikan penerangan mengenai tujuan dan fokus utama Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2020/2021.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kepercayaan dan sokongan dalam memperuntukkan sebanyak \$753,797,300.00.00 bagi perbelanjaan tahun kewangan 2020/2021. Di bawah Tajuk Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya, dari jumlah tersebut, sejumlah \$506,799,180.00 disediakan untuk Gaji Kakitangan sementara \$246,998,120.00 untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang dan Perbelanjaan Kemajuan sebanyak \$39,240,090.00.

Jumlah peruntukan besar yang disediakan ini jelas menunjukkan betapa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menjadikan pendidikan sebagai agenda utama negara bagi mencapai visi Pendidikan Berkualiti, Negara Dinamik.

Dengan yang demikian, Kementerian Pendidikan akan dapat meneruskan usahanya memberikan pendidikan holistik bagi mencapai potensi sepenuhnya untuk semua. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, Kementerian Pendidikan akan memanfaatkan peruntukan ini sebaik-baiknya dengan berbelanja mengikut keutamaan, *value for money* dan penghasilan impak yang maksimum.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, pelaburan pendidikan terus menampakkan hasil yang positif khususnya apabila dilihat dari segi keputusan peperiksaan-peperiksaan awam. Keputusan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2019 telah mencatatkan sebanyak 74.13% mendapat Gred A hingga C dalam lima (5) mata pelajaran bagi semua calon yang menduduki iaitu peningkatan sebanyak daripada 0.6% daripada tahun sebelumnya. Bagi peperiksaan G.C.E. 'O' Level pula, seramai 41.08% calon telah memperolehi sekurang-kurangnya 5 'O' level pada tahun lepas iaitu peningkatan sebanyak 1.67% daripada tahun sebelumnya. Bagi peperiksaan G.C.E. 'A' Level pula, secara keseluruhan yang telah mendapat sekurang-kurangnya 3

'A' level pada tahun 2019 ialah sebanyak 70.5%.

Institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini terus menunjukkan peningkatan dalam kedudukan mereka di peringkat antarabangsa. Universiti Brunei Darussalam kini berada di tangga ke-298 dan Universiti Teknologi Brunei di tangga ke-379 dalam *QS World University Ranking*. Universiti Brunei Darussalam juga buat julung kalinya berjaya memecah masuk kedudukan 401-500 universiti teratas dalam *Times Higher Education (THE) World University Rankings*. Kedudukan ini jelas menunjukkan bahawa universiti-universiti tempatan adalah kini bertaraf dunia yang berupaya menyediakan kecemerlangan dalam pendidikan dan penyelidikan. Semua ini dapat dicapai dengan adanya sokongan kuat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di sebalik semua pencapaian ini, masih banyak usaha yang perlu dilaksanakan dalam memastikan kualiti pendidikan negara ini mencapai tahap yang diharapkan. Dalam usaha untuk memastikan kualiti pendidikan negara ini akan terus meningkat dan selaras dengan piawaian antarabangsa, Kementerian Pendidikan komited untuk mengemaskan kawalan kualiti yang menyeluruh.

Menyentuh mengenai piawaian, keputusan Kajian Utama Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (*PISA*) 2018 yang julung kali disertai oleh Negara Brunei Darussalam telah memberikan maklumat komprehensif mengenai kompetensi penduduk di negara ini yang berusia 15 tahun dalam Bacaan, Matematik dan Sains. Dalam kajian ini, Brunei Darussalam telah diletakkan di tangga ke-60 untuk domain Bacaan, tangga ke-51 untuk domain Matematik dan ke-50 untuk domain Sains.

Data-data dari penilaian yang berskala besar ini adalah amat komprehensif dan bernilai untuk digunakan sebagai garis asas dalam usaha meningkatkan lagi prestasi pelajar dan sekolah dalam Literasi Bacaan, Literasi Matematik dan Literasi Sains melalui program-program yang dinamik lagi bersifat berasaskan bukti (*evidence-based*).

Data dari Kajian Utama *PISA* ini juga telah menjana indeks Status Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (*ESCS*) yang membolehkan negara mengukur kesaksamaan dalam pendidikan dan kesejahteraan pelajar. Ini akan dapat membantu menilai pencapaian negara dalam memenuhi *Sustainable Development Goal 4 (SDG4)* dimana salah satu matlamat utama dalam piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ialah untuk memastikan pendidikan berkualiti, inklusif dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.

Selain memenuhi matlamat dari segi hasil (*outcomes*), SDG4 juga menggariskan Matlamat cara pelaksanaan seperti melalui suasana pembelajaran yang efektif dan peningkatan kualiti para guru. Di sini, Kementerian Pendidikan akan terus berusaha dengan para pemimpin sekolah, guru dan ibu-bapa dalam meningkatkan kualiti literasi Bacaan, Matematik, Sains, Kewangan, Digital dan Kompetensi Global. Penyediaan sumber pengajaran dan pembelajaran khususnya penggunaan teknologi dalam pendidikan akan terus dikukuhkan. Manakala itu penerapan nilai keusahawanan dan inovasi serta peningkatan minat pelajar dalam pendidikan *STEAM (Science, Technology, Engineering, the Arts and Mathematics)* akan terus diutamakan. Dalam pada itu, projek-projek yang menjurus kepada peningkatan kesaksamaan dan kesejahteraan pelajar juga akan terus dilaksanakan.

Berdasarkan kepada penerangan peramba/kaola/saya tadi, adalah jelas bahawa usaha-usaha yang perlu terus dilaksanakan dalam menghasilkan sistem pendidikan yang berkualiti tinggi merangkumi kualiti sumber tenaga manusia yang cemerlang, pemberian akses yang sama dan saksama kepada pendidikan berkualiti dan kerjasama erat dengan pihak berkepentingan dalam pembangunan pengajaran dan pembelajaran, yang adalah merupakan tiga (3) objektif strategik Pelan Strategik Kementerian Pendidikan yang telah dirangka selaras dengan visi dan misi Kementerian ini.

Dalam hubungan ini, adalah dikongsikan bahawa antara projek - projek yang akan dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2020/2021 khususnya dalam mentransformasikan sumber tenaga manusia yang ada ke arah budaya yang berasaskan prestasi di bawah Objektif Strategik I Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018-2022 ialah:

- a. Tambahan peruntukan bagi penyerapan 85 kakitangan yang berkhidmat sebagai Guru Relif di Unit Pendidikan Khas untuk diambil sebagai Pembantu Guru.
- b. Tambahan peruntukan bagi usaha untuk meningkatkan kemahiran dan kapasiti pegawai dan kakitangan termasuk guru-guru di bawah Kementerian Pendidikan.
- c. Inisiatif tambahan guru-guru *CFBT* yang diperlukan dan dirancangan akan mula berkhidmat pada bulan Julai 2020 bagi memastikan tahap pengajaran Bahasa Inggeris akan terus berada pada standard yang diperlukan.

Manakala itu, projek-projek utama yang akan dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2020/2021 di bawah Objektif Strategik II iaitu untuk menyediakan akses yang sama dan saksama kepada pendidikan berkualiti ialah:

- i. Mempertingkatkan keselamatan dan kesihatan di institusi - institusi pendidikan termasuk di institusi-

- institusi pengajian tinggi dengan menaik taraf aset bangunan dan pelaksanaan pemeliharaan komprehensif melalui Projek *Facilities Management*.
- ii. Pelaksanaan Rancangan Permakanan Sekolah (RPS) dan Program Harapan.
 - iii. Penyediaan perkhidmatan bas dan temuai bagi pengangkutan pelajar.
 - iv. Pemeliharaan sistem komputer termasuk *Integrated National Education Information System (iNEIS)*.
 - v. *Electronic and Business Process Management System (eDBPMS)*, *Microsoft Agreement (EES)*, langganan jurnal dan pangkalan data dalam talian di institusi-institusi pengajian tinggi.
 - vi. Penambahbaikan rangkaian dan konektiviti *ICT* di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi.
 - vii. Perolehan komputer peribadi *desktop* baharu untuk sekolah dan jabatan.
 - viii. Pembaharuan lesen *firewall*.
 - ix. Peruntukan bagi penyelidikan untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan program yang berhubung kait dengan pendidikan dapat dilaksanakan dengan

berasaskan *evidence* (termasuk penyelidikan terhadap *Big Data*).

- x. Tambahan peruntukan bagi keperluan elaun penuntut di institusi pengajian tinggi awam kerana peningkatan jumlah kemasukan pelajar dan juga elaun penempatan industri.

Di bawah Objektif Strategik III iaitu untuk meningkatkan perkongsian akauntabiliti dengan pihak berkepentingan dalam pembangunan pengajaran dan pembelajaran, projek utama yang akan dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2020/2021 ialah peningkatan hubungan dua hala dengan Kementerian Pendidikan dan institusi pendidikan luar negeri, serta hubungan dengan organisasi serantau dan antarabangsa.

Dalam pada itu, pembangunan pengurusan data pendidikan yang komprehensif melalui kaedah *big data* dan *business intelligence* juga sedang dilaksanakan yang mana ianya adalah *cross-cutting enabler* yang dikenal pasti oleh Kementerian Pendidikan diperlukan dalam memastikan kejayaan pencapaian Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018-2022. *Big Data on Education* akan memberikan keupayaan interpretasi serta terjemahan data kepada maklumat pendidikan yang *seamless*, bersepadu dan *real-time* bagi kegunaan para pelajar, guru, pemimpin sekolah, ibu bapa, pihak Kementerian

Pendidikan, agensi-agensi kerajaan, masyarakat dan pihak berkepentingan yang lain.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kesemua projek-projek yang dirancang untuk dilaksanakan adalah dihasratkan akan dapat sama-sama mendukung salah satu fokus utama belanjawan Tahun Kewangan 2020/2021 iaitu Menjana Sumber Manusia yang Kompeten dan *Employable* demi mencapai Penunjuk Prestasi Utama Kebangsaan (*NKPIs*) bagi Kementerian Pendidikan dan hasrat Wawasan Brunei 2035 untuk mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi, beridentiti kebruneian, berciri global, mempunyai jati diri serta nilai-nilai rohani yang tinggi lagi berpegang teguh kepada falsafah Melayu Islam Beraja.

Sekian dan sekali lagi peramba / kaola / saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Pengerusi kerana memberikan kesempatan untuk menyampaikan mukadimah ini.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

MUKADIMAH YANG BERHORMAT MENTERI SUMBER SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ،
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي . وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي . واحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Lebih dahulu, kaola ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas di atas kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dalam membentangkan Belanjawan Tahun Kewangan 2020/2021. Daripada pembentangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Ekonomi II itu, kaola mengambil maklum berkenaan Anggaran Hasil Tahunan 2020/2021 adalah sebanyak \$4,048.76 juta.

Kaola juga menyokong cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahunan 2020/2021 sebanyak \$5,860.00 juta, Perbelanjaan Kemajuan sebanyak \$800 juta dan Perbelanjaan Yang Diakui sebanyak \$1,060.00 juta.

BELANJAWAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN 2020/2021

Berkenaan cadangan Belanjawan Tahun Kewangan 2020/2021 bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Ekonomi II, kaola menyambut baik dan berterima kasih di atas peruntukan yang disediakan yang berjumlah \$131.9 juta termasuk sebanyak \$70.3 juta sebagai Perbelanjaan Kemajuan bagi Tahun Kewangan 2020/2021.

Kaola juga berterima kasih di atas kebenaran bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menggunakan peruntukan Perbelanjaan Berulang-ulang sebanyak \$29.6 juta yang antara lainnya di sediakan untuk membiayai projek-projek utama seperti berikut:

- i. Sejumlah \$8 juta disediakan di bawah Skim Pembelian Semula Padi serta bagi pembelian benih-benih padi hybrid untuk diagihkan kepada peladang-peladang padi;
- ii. Sejumlah \$1.7 juta disediakan bagi Projek Pembinaan Takat-Takat Tiruan;
- iii. Sejumlah \$521,000.00 disediakan bagi membiayai publisiti, pengiklanan media dan promosi dan perkembangan produk dan pakej

pelancongan bagi mendukung aktiviti mempromosi kedatangan pelancong-pelancong ke Negara Brunei Darussalam;

- iv. Di bawah Jabatan Perhutanan sejumlah peruntukan juga disediakan bagi meningkatkan keselamatan dan keselesaan orang ramai termasuk meningkatkan kemudahan awam dan pondok-pondok di taman-taman rekreasi di seluruh negara.

Melalui Pebelanjajaan RKN 11 pula, kaola bersyukur kerana peruntukan sebanyak \$70.3 juta disediakan yang antaranya adalah bagi membiayai projek-projek berikut:

- i. Sebanyak \$62 juta adalah perbelanjaan Kemajuan Pertanian termasuk sebanyak \$40 juta untuk melaksanakan pembukaan penamaan padi secara komersial berkeluasan 500 hektar, kawasan Kandol, Daerah Belait (fasa 2). Selebihnya \$9.9 juta adalah bagi program peningkatan keluaran sayur menggunakan teknologi tinggi, \$6.7 juta adalah bagi pembangunan industri ternakan dan \$5.1 juta adalah untuk skim pengairan tambahan bagi kawasan penanaman padi di seluruh negara;
- ii. Sebanyak \$6.9 juta adalah perbelanjaan Kemajuan Perikanan termasuk sebanyak \$6.1 juta untuk memajukan dan membuka tapak-tapak bagi industri akuakultur;

- iii. Sebanyak \$400,000.00 adalah perbelanjaan Kemajuan Perhutanan bagi melaksanakan program penghijauan semula ke atas kawasan hutan yang *degraded*; dan
- iv. Sebanyak \$718,500.00 adalah perbelanjaan Kemajuan Pelancongan bagi pengukuhan produk-produk pelancongan di bawah tajuk Kemajuan Perusahaan dan Perindustrian.

FOKUS KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Yang Berhormat Pengerusi, seperti mana jua pada tahun-tahun sebelumnya, sekali lagi izinkan kaola menekankan bahawa fokus Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan adalah untuk meningkatkan keluaran daripada sektor pertanian, perikanan dan perhutanan dan juga meningkatkan kedatangan pelancong ke Negara Brunei Darussalam. Penekanan terhadap peningkatan keluaran ini adalah penting kerana inilah yang akan menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada sektor-sektor di bawah kementerian ini.

Selain itu, elemen-elemen lain yang juga ditekankan adalah peningkatan produktiviti melalui penggunaan teknologi dan teknik moden menyasarkan pasaran eksport dan memastikan perusahaan yang *sustainable* (berdaya tahan).

PENCAPAIAN 2019—SEKTOR SUMBER-SUMBER UTAMA

Yang Berhormat Pengerusi. Seterusnya kaola akan menyentuh sedikit mengenai dengan pencapaian sektor sumber-sumber utama di sepanjang tahun 2019. Di saat-saat kementerian ingin berusaha untuk merealisasikan misinya iaitu untuk meningkatkan keluaran sektor pertanian, perikanan dan perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tidak terlepas dari berhadapan dengan cabaran-cabaran yang memberi kesan kepada keupayaan kita untuk mencapai objektif yang dihasratkan.

NILAI KELUARAN SEKTOR PERTANIAN

Pada tahun 2019 mencecah \$426.98 juta, ini adalah lebih rendah daripada keluaran pada tahun 2018 yang bernilai \$436.30 juta. Penurunan ini terutamanya adalah disebabkan oleh penurunan keluaran dari industri ayam pedaging. Keluaran ayam pedaging dalam negara telah terjejas disebabkan oleh ketiadaan bekalan anak ayam berikutan wabak penyakit yang dialami oleh pembekal-pembekalnya terutama pembekal dari luar negara.

إِنْ شَاءَ اللهُ keluaran industri ini dijangka akan pulih pada tahun ini memandangkan wabak penyakit berkenaan telah pun dapat dikawal. Dari sudut keupayaan untuk menyara diri, Negara Brunei Darussalam hampir

mencapai tahap 100% sara diri dalam bekalan ayam pedaging (*whole chicken*) dan telur ayam. Kita telah mencapai sekitar 80% sara diri bagi bekalan sayur-sayuran jenis tropika, 40% sara diri bagi bekalan buah-buahan dan sekitar 30% sara diri bagi daging kerbau dan lembu. Sementara bagi beras, negara kita masih banyak bergantung kepada import.

NILAI KELUARAN SEKTOR PERIKANAN

Pada tahun 2019 pula mencecah \$100.15 juta. Ini juga adalah lebih rendah daripada keluaran pada tahun 2018 yang bernilai \$109.52 juta. Penurunan ini terutamanya adalah disebabkan oleh pengurangan aktiviti penternakan udang rostris di seluruh negara, di mana penternak terpaksa merehatkan kolam-kolam ternakan mereka untuk beberapa kitaran pengeluaran. Ini adalah berikutan terdapatnya tanda-tanda serangan wabak penyakit yang boleh merebak di ladang-ladang mereka.

إِنْ شَاءَ اللهُ keluaran sektor ini juga akan pulih pada tahun 2020 ini dengan meningkatkan aktiviti penternakan udang alternatif sambil kita membuat kajian bagi mendapatkan indung baharu bagi udang rostris.

NILAI KELUARAN SEKTOR PERHUTANAN

Pada tahun 2019 adalah berjumlah \$46 juta berbanding \$42 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini adalah disebabkan

oleh peningkatan keluaran dari aktiviti perkilangan papan dan penghasilan produk-produk hiliran berasaskan kayu seperti pembuatan pintu, perabot dan sebagainya.

PEKERJAAN

Ketika ini, sektor Pertanian dan Agrimakanan menyediakan 8,225 pekerjaan (43% adalah anak-anak tempatan), sektor Perikanan menyediakan 3,265 pekerjaan (65% adalah anak-anak tempatan) dan sektor Perhutanan menyediakan 566 pekerjaan (22% adalah anak-anak tempatan).

INISIATIF DAN AKTIVITI UTAMA SEKTOR PERTANIAN

Yang Berhormat Pengerusi, satu inisiatif utama yang telah dilaksanakan bagi menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi secara komersial di kawasan Kandol, Daerah Belait seluas 500 hektar. Dengan kerjasama dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Pembangunan, penanaman padi (Fasa 1) telah dapat dimulakan dalam kawasan seluas 20 hektar.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat bercemar duli menyempurnakan acaran penanaman padi di kawasan berkenaan pada

28 Oktober 2019. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** padi-padi tersebut telah dapat dikatam pada 8 Februari 2020 yang lalu.

Inisiatif seterusnya ialah berkenaan dengan Projek Rintis yang mana sejak ia diperkenalkan pada tahun 2018, seramai 59 pengusaha telah ditawarkan tapak-tapak pertanian melibatkan pembukaan kawasan dianggarkan seluas lebih 300 hektar dengan pelaburan dianggarkan keseluruhannya mencapai sekitar \$6.50 juta. Sebilangan pengusaha-pengusaha Projek Rintis ini adalah terdiri daripada:

- i. Golongan muda, di mana setelah mengikuti beberapa siri taklimat dan siri pendedahan dan lawatan kepada beberapa tapak pertanian yang berjaya, mereka mula berani melibatkan diri dalam aktiviti bertanam sayur buah (seperti lada, timun, kacang panjang, tomato dan sayur daun (seperti *lettuce*, bayam dan moringga) dan juga tanaman buah-buahan (seperti nenas, markisa, buah naga, tembikai, durian dan lain-lain); dan
- ii. Pengusaha tempatan dan usaha sama pelabur langsung asing (*FDI*), di mana aktiviti utama ialah perusahaan tanaman buah-buahan (seperti buah durian, limau, markisa, avocado, nangka, cempedak, buah naga, pisang, ciku, nenas dan lain-lain) iaitu di kawasan KKP Kampung Labu Estate, Kampung Selangan dan Kampung Bakarut, Daerah Temburong, KKP Kampung Birau

dan Kampung Batang Mitus, Daerah Tutong dan KKP Merangking Daerah Belait.

Dengan pertambahan keluasan dan peningkatan keluaran hasil pertanian adalah dijangkakan bahawa import bagi beberapa barangan pertanian akan dapat dikurangkan, sementara potensi untuk eksport akan meningkat. Sebagai contoh mulai tahun 2019, kita telah mengeksport *musk melon* ke Singapura, Malaysia dan Hong Kong. Pada tahun ini, *musk melon* keluaran dalam negara dijangka akan dapat menembusi pasaran Republik Rakyat China.

Seterusnya ialah inisiatif melalui *contract farming and business-matching* dimana Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berusaha untuk mempermudah akses pasaran hasil dan produk pertanian tempatan. Sekarang sudah ada pasar raya, syarikat perhotelan, restoran-restoran utama dan syarikat pemprosesan makanan yang telah mengadakan pembelian sayur-sayuran dan buah-buahan secara langsung daripada peladang tempatan tanpa melalui ejen atau orang tengah.

SEKTOR PERIKANAN

Dalam sektor perikanan, kita telah mengeksport udang ke Republic Rakyat China, Taiwan, Singapura dan Australia. Negara ini juga telah mengeksport ikan-ikan tangkapan dan ternakan ke Hong Kong, Vietnam, Malaysia dan Canada. Bagi ikan tuna sirip

kuning (*yellow fine tuna*) dan *skipjack tuna* pula di eksport ke Republik Rakyat China dan Jepun.

Pada tahun ini, beberapa aktiviti utama untuk meningkatkan keluaran dari sektor perikanan akan berjalan melibatkan pengusaha tempatan dan usaha sama pelabur langsung asing (*FDI*). Antaranya ialah:

- i. Penternakan Udang Vannamei dari Syarikat *Golden Corporation sdn. Bhd*;
- ii. Penternakan ikan selungsur dalam sangkar oleh Syarikat Barramundi Asia Sdn Bhd dari Singapura; dan
- iii. Penternakan *oyster* oleh Syarikat Lautan Timur Production Sdn Bhd dari Republik Rakyat China.

Usaha juga sedang berjalan untuk menaik taraf dan memodenkan Kompleks Pendaratan Ikan Muara melalui projek '*modernization and Redevelopment of the Muara Fish Landing Complex*' yang ditawarkan melalui *Request for Proposal (RFP)*.

SEKTOR PELANCONGAN

Yang Berhormat Pengerusi. Bagi sektor pelancongan jumlah ketibaan pelancong melalui udara ke negara ini telah mencatatkan peningkatan dari 278,136 orang pada tahun 2018 kepada 333,244 orang pada tahun 2019 iaitu peningkatan dari tahun ke tahun sebanyak lebih

kurang 19.8%. Ini adalah disebabkan oleh pengenalan dan pengukuhan produk-produk pelancongan, kemudahan mendapatkan *visa on arrival* dan pertambahan perkhidmatan destinasi penerbangan *Royal Brunei (RB)* terutama ke bandar raya di Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea.

Berikutan dengan keadaan pandemik *COVID-19* yang bermula di Wuhan, Republik Rakyat China pada Disember 2019 yang hingga sekarang merebak di beberapa negara lain, maka kita menjangkakan bahawa jumlah kedatangan pelancong pada tahun 2020 ini adalah jauh lebih rendah dari tahun 2019.

Kita akan gunakan waktu ini untuk meneliti dan menambahbaik tahap perkhidmatan, keselamatan dan kebersihan di lokasi-lokasi pelancongan di seluruh negara dan akan membangun beberapa produk-produk pelancongan baru seperti Pelancongan Mukim Labi dan *Islamic Tourism*.

Ketika ini sektor pelancongan menyediakan sebanyak 3,219 pekerjaan, 69% adalah anak-anak tempatan.

DIGITAL EKONOMI

Yang Berhormat Pengerusi. Sebagai *way forward* dengan mengambil kira era digital ekonomi ini, kita sedang memikirkan bagaimana kita dapat meningkatkan keupayaan pengusaha-pengusaha melalui penerapan dan

penggunaan teknologi di dalam operasi perusahaan yang mereka jalankan. Dengan demikian, ini bukan sahaja akan berupaya meningkatkan produktiviti dan keluaran mereka bertambah akan tetapi kualiti keluaran mereka juga adalah terjamin baik dan selamat bagi kegunaan orang ramai.

Dalam sektor pertanian dan perikanan contohnya, penerapan teknologi ini harus bermula dari peringkat penyediaan tapak atau tanah, peringkat pemilihan benih, penjagaan dari peringkat semaian hingga penuaian, penjagaan dari serangan musuh dan penyakit, penggunaan baja atau kimia yang dibenarkan, peringkat pemprosesan, pembungkusan, penyejukan dan pengangkutan ke destinasi akhir sama ada di dalam atau di luar negara, malah sehingga sampai ke meja makan pengguna. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan dilihat dengan lebih teliti lagi.

Dalam sektor pelancongan contohnya, kita sedang mengusahakan penggunaan aplikasi *audio tour guide* bagi menangani kekurangan pemandu pelancong yang boleh bertutur dalam bahasa-bahasa asing seperti bahasa Jepun, Korea, Mandarin, Perancis, Arab dan lain-lain. Perkara ini juga akan dilihat dengan lebih teliti lagi.

Sekianlah sahaja yang dapat kaola sampaikan sebagai mukadimah sebagai maklumat asas berkenaan prestasi dan unjuran aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh kementerian ini iaitu sebagai

panduan sebelum kita membahaskan peruntukan yang di sediakan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Setinggi-tinggi terima kasih kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Pengerusi di atas peluang yang diberikan.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

MUKADIMAH YANG BERHORMAT MENTERI HAL EHWAL UGAMA

Tugas dan tanggungjawab utama Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah memelihara ugama daripada pelbagai sudut, terutamanya dari sudut aqidah, syar'iah dan akhlak. Dalam konteks ini, peranan Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah memastikan negara dan rakyat berada di atas landasan aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah, mengamal Islam sebagai cara hidup yang lengkap dengan melaksanakan semua tuntutan ugama dan akhlak yang murni.

Bagi memastikan perkara ini dapat dicapai, seluruh rangkaian perkhidmatan ugama perlu diselaraskan dan perkukuhkan, terutamanya dalam bidang pendidikan, hal ehwal masjid dan dakwah.

Dalam hubungan ini, peruntukan yang dirancang dan disediakan bagi Tahun Kewangan 2020/2021 dan juga dalam Rancangan Kemajuan Negara adalah merupakan sokongan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk Kementerian Hal Ehwal Ugama melaksanakan rancangan dan program dalam bidang perkhidmatan ugama yang ditentukan. Maka dengan peruntukan yang diberikan ini Kementerian Hal Ehwal Ugama akan berusaha ke arah melaksanakan tanggungjawab dan menjalankan peranannya itu dengan visi "Bersama Ke Arah Kehidupan Cemerlang Duniawi dan Ukhrawi" dan

misi "Memperkasa Penghayatan Beragama dan Memantapkan Kerasmiannya, Berdasarkan Hukum Syara', Perkembangan Undang-Undang dan Falsafah Melayu Islam Beraja".

Bermula dari Tahun 2020, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan memberikan penumpuan kepada 3 Fokus Strategik Utama yang mendukung Wawasan 2035 iaitu:

- i. Pendidikan Ugama Berkesan iaitu Peneraju Bersama Pendidikan;
- ii. Dakwah Mantap Berkesan iaitu Peneraju Keugamaan;
- iii. Jaminan Kesejahteraan dan Keselamatan Sosial iaitu Peneraju Bersama Jaminan Sosial.

3 Fokus Strategik Utama yang disebutkan tadi, mencerminkan tugas Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam menjadikan Maqasid Syar'iah sebagai pegangan untuk menuju Wawasan Brunei 2035. Pendidikan Ugama Berkesan dan Da'wah Mantap Berkesan berperanan dalam memelihara ugama, memelihara aqal dan memelihara keturunan sementara Jaminan Kesejahteraan dan Keselamatan Sosial berperanan dalam memelihara harta dan memelihara nyawa.

Dalam era globalisasi keadaan dunia yang semakin mencabar. Dunia dilihat terus mencari penyelesaian yang konkrit dalam menangani permasalahan yang dihadapi masa kini. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** sebagai sebuah negara Islam, Brunei Darussalam

sedia dan sentiasa berada di atas landasan ajaran Islam melalui al-Quran dan al-Sunnah sebagaimana yang diterjemahkan di dalam objektif Maqasid Syar'iah, yang dalam pelaksanaannya didukung antaranya dengan menyediakan peruntukan kewangan kepada semua jentera kerajaan dan pemerintahan, termasuklah penyediaan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama di mana ianya telah diselaraskan dengan memfokuskannya kepada objektif Maqasid Syar'iah itu dan seterusnya diklasifikasikan masing-masing mengikut fungsi jabatan-jabatannya.

Penyelarasan objektif Maqasid Syar'iah sebagai Program Belanjawan akan dapat meningkatkan lagi perkhidmatan ugama yang dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama supaya ianya lebih fokus, bersistematik, dapat dinilai dan dipantau melalui Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator – KPI*) serta meningkatkan akauntabiliti kementerian sendiri.

Bagi Tahun Kewangan 2020/2021, sejumlah \$255.7 juta telah diperuntukkan bagi Gaji Kakitangan dan Lain-Lain Belanja Tahunan Yang Berulang-ulang di mana 76.04% (\$194.5 juta) daripada peruntukan yang telah disediakan adalah bagi Pemeliharaan (Promosi) Aqal, 10.62% (\$27.1 juta) bagi Pemeliharaan (Promosi) Ugama, 9.30% (\$23.8 juta) bagi Pemeliharaan (Promosi) Harta, manakala 4.04% (\$10.3 juta) bagi Pemeliharaan (Promosi)

Nyawa dan Pemeliharaan (Promosi) Keturunan.

Manakala bagi Perbelanjaan Kemajuan, sejumlah \$24.8 juta diperuntukkan bagi beberapa projek utama di bawah Pemeliharaan (Promosi) Ugama (Pembinaan 6 Buah Masjid) dan Pemeliharaan (Promosi) Aqal (Pembinaan Bangunan Baru / Tambahan Blok / Fasiliti Sekolah Arab dan Sekolah Ugama di beberapa tempat seluruh negara termasuk Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB).

Kementerian Hal Ehwal Ugama memfokuskan Pemeliharaan (Promosi) Aqal sebagai program utama belanjawan dalam memastikan pendidikan ugama diajarkan dan disampaikan kepada semua lapisan masyarakat sejak kecil lagi di negara ini dengan menyediakan tenaga manusia yang berkebolehan dan mencukupi, mewujudkan persekitaran yang bersesuaian dan kondusif bagi penuntut belajar ugama secara akademik dan amali.

Seterusnya dalam usaha untuk memperkasa perkhidmatan ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama merancang Projek Strategik Utama di sepanjang Tahun 2020 – 2024 supaya ianya selaras dengan tuntutan Maqasid Syar'iah seperti berikut:

- i. Pengukuhan Maqasid Syar'iah Dalam Pengurusan dan Pentadbiran Negara Brunei Darussalam –

Penerapan dan penekanan serta pembudayaan prinsip Maqasid Syar'iah sesuai dengan firman Allah ﷻ, Surah Al-Anbiya 107:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”

- ii. Penyebaran Kefahaman Makna dan Tafsir Al-Quran serta Nas Al-Hadits – Memahami pengajaran serta penyebaran kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam tafsir al-Quran dan nas-nas al-Hadits sebagai panduan hidup beragama, bermasyarakat dan bernegara seperti firman Allah ﷻ, Surah Saad 29:

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِّيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

“(Al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), - Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar”

- iii. Pemerksaan Waqaf ke Arah Kesejahteraan – Sebagai salah satu sumber bagi menjana ekonomi dalam mempelbagaikan harta waqaf sesuai

dengan firman Allah ﷻ, Surah Ali `Imran 92:

لَنْ نَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّىٰ نُؤْتُوا مِمَّا نُحِبُّونَ ۚ وَمَا نُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah ﷻ mengetahuinya”

Dengan pelaksanaan Projek Strategik Utama yang dihuraikan di atas, visi Kementerian Hal Ehwal Ugama akan dipenuhi dengan perancangan bagi kehidupan cemerlang duniawi dan ukhrawi.

Sekian, وباللّٰه التّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

MUKADIMAH YANG BERHORMAT MENTERI PEMBANGUNAN

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Pengerusi kerana memberi peluang bagi kaola menyampaikan mukadimah ini dan memohon keizinan untuk mengongsikan fokus-fokus utama Kementerian Pembangunan dalam Pembentangan Belanjawaan 2020/2021 dan juga beberapa program dan inisiatif-inisiatif kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya.

FOKUS KEMENTERIAN PEMBANGUNAN 2020/2021

Kementerian infrastruktur awam meliputi penyediaan perumahan, frasarana jalan raya ini dipertanggungjawabkan bagi kerja-kerja penyediaan bekalan air, saliran dan pembedungan, persekitaran yang bersih, penggunaan tanah dan pemudah cara bagi pertumbuhan industri pembinaan melalui pelan perancangan pembangunan yang menyeluruh termasuk kawalan kemajuan dan mengawal kualiti sektor pembinaan ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Ke arah ini, Kementerian Pembangunan telah mengatur beberapa program dan inisiatif untuk dilaksanakan dengan peruntukan yang telah diberikan secara berhemah dan mengikut keutamaan supaya ianya mencapai matlamat yang dihasratkan dan bagi mendukung tema

belanjawan bagi tahun 2020/2021 iaitu Pelaburan Untuk Masa Depan (*Investing In Our Future*) iaitu selaras dengan Rangka Dasar dan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2018-2023 dan memfokuskan aspek-aspek utama seperti perancangan guna tanah, penyediaan pembangunan infrastruktur dan pengurusan alam sekitar.

PERUNTUKAN KEWANGAN 2020/2021

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kaola merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menyokong peruntukan sejumlah \$558.92 juta bagi Tahun Kewangan 2020/2021 bagi Kementerian Pembangunan yang disenaraikan seperti berikut:

- i. \$97.52 juta untuk gaji kakitangan;
- ii. \$122.69 juta untuk perbelanjaan berulang-ulang
- iii. Manakala, sejumlah \$338.71 juta diperuntukkan bagi Rancangan Kemajuan Negara ke-11 bagi meneruskan pelaksanaan projek-projek infrastruktur yang sedang dan akan dilaksanakan.

Seterusnya, di dalam mendukung usaha memperkukuhkan kedudukan kewangan kerajaan, kaola ingin menekankan komitmen Kementerian Pembangunan iaitu melalui pengurusan kutipan hasil dan perbelanjaan berhemah (*prudent*

spending) dan *'value for money'*. Sehingga bulan Februari 2020, sejumlah \$95,881,388.54, iaitu 91% daripada anggaran hasil keseluruhan berjumlah \$105.6 juta telah dikutip. Usaha-usaha yang telah dibuat setakat ini bagi meningkatkan kutipan hasil yang cekap nampaknya telah berhasil melalui *streamlining processes* dan dengan adanya kemudahan-kemudahan teknologi dan sistem pembayaran *online*. Manakala sejumlah \$495,518,721.21 iaitu 75% daripada keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan berjumlah \$656,689,200.00 bagi Tahun Kewangan 2019/2020, telah dapat dibelanjakan setakat ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk merealisasikan perancangan pembangunan Kementerian Pembangunan memfokuskan enam sektor utama yang dikira penting bagi penyediaan persekitaran terbina (*built enviroment*) dan berdaya huni (*liveable*) demi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini terjamin, iaitu:

- i. Perumahan Negara;
- ii. Guna Tanah dan Perancangan;
- iii. Pembangunan Infrastruktur (air, jalan raya dan mitigasi banjir);
- iv. Pembangunan Kapasiti Industri Pembinaan;
- v. Alam Sekitar dan Perubahan Iklim; dan
- vi. Pengurusan Sumber Tenaga Manusia

PERUMAHAN NEGARA

Kementerian Pembangunan di dalam usaha untuk menyediakan kemudahan perumahan yang bersesuaian bagi rakyat yang memerlukan bantuan untuk memiliki dan mendiami rumah melalui Skim Rancangan Perumahan Negara setakat ini telah mencapai sasaran sebanyak 66% pemilikan rumah (*home ownership*) yang mana kadar sasaran menjelang tahun 2035 adalah 85%.

Di bawah RKN ke-11, dengan harga rancangan berjumlah sebanyak \$250 juta, dua buah projek utama bagi penyediaan 1750 unit di Perumahan Kampung Lugu dan Perumahan Kampung Tanah Jambu di dalam perancangan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2023.

Selain itu, melalui jawatankuasa *Housing Focus Group* telah mengenal pasti tanah-tanah kerajaan (*infill land*) bagi pembinaan rumah-rumah kadar rendah (*low cost housing*) untuk dimajukan bagi golongan orang-orang yang tidak berkemampuan dan memerlukan perumahan. Tapak tanah tersebut bukan saja akan menempatkan rumah kediaman malahan juga disediakan kawasan untuk bercucuk tanam dan berniaga, yang setentunya akan memberi peluang bagi usahawan tempatan dan membantu dalam membentuk komuniti yang mandiri. Penyelarasan dan pensejajaran bantuan-bantuan perumahan ini telah dipertanggungjawabkan kepada komiti

taskforce bantuan perumahan yang telah ditubuhkan, bertindak selaku entiti fokal kepada bantuan penyediaan perumahan seluruh negara yang melibatkan komitmen bersepadu daripada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan juga pihak swasta.

Masalah pelanggaran peraturan dan syarat-syarat perumahan juga menjadi tumpuan utama Kementerian Pembangunan. Setakat ini, mengikut pemerhatian Jabatan Kemajuan Perumahan sebanyak 80% kesalahan didapati bagi menambah/ mengubah suai rumah tanpa kebenaran dari pihak autoriti, 2% kesalahan aktiviti niaga tanpa kebenaran, 11% kesalahan membina pagar, 6% kesalahan penggunaan tanah kerajaan, 0.3% kesalahan menyewakan rumah dan 0.04% kesalahan menjual rumah skim tanah kurnia yang belum selesai dibayar.

Kementerian ini melalui Jabatan Kemajuan Perumahan memandang serius mengenai kesalahan-kesalahan yang sengaja dilakukan oleh orang-orang yang kurang bertanggungjawab dan tidak mengendahkan peraturan yang telah ditetapkan meskipun telah diberikan amaran bertulis. Beberapa pelan tindakan bagi menangani masalah ini seperti berikut:

- i. Menyediakan kawasan khusus bagi menggalakkan aktiviti perniagaan secara *Public-Private-Partnership (PPP)*;
- ii. Mempertingkatkan pengawal selia bagi kesalahan penggunaan tanah di kawasan Skim Perumahan Negara (SPN);
- iii. Mengambil tindakan dari segi undang-undang dengan merujuk kepada Jabatan Peguam Negara; dan
- iv. Jika didapati bersalah melakukan pelanggaran ini, maka kemungkinan rumah-rumah mereka akan diambil balik oleh pihak berkuasa dan akan diperuntukkan kepada pemohon-pemohon RPN lain yang masih menunggu giliran.

Usaha-usaha bagi memperbaiki beberapa rumah-rumah yang kosong akibat dari masalah tertentu telah dan sedang diusahakan masa ini termasuklah rumah kosong di Kampung Bukit Beruang; Kampung Rimba H35 dan H36 serta Perumahan H40 di Kampung Lambak Kanan yang telah siap, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan diberikan kepada pemohon yang berkeelayakan pada tahun ini. Reka bentuk perumahan H40 ini adalah perumahan bertingkat yang berlainan dari perumahan biasa, walaupun bersifat privasi dan *'sharing common area'* namun masih mampu mewujudkan sifat kejiranan yang harmoni dan kondusif.

SEKTOR GUNA TANAH DAN PERANCANGAN

Dalam hala tuju perancangan guna tanah dan kawalan kemajuan yang terancang di negara ini, Kementerian Pembangunan, bersama dengan Majlis

Perancangan Guna Tanah Kebangsaan (MPGK) yang dipengerusikan bersama Menteri Hal Ehwal dalam Negeri dan Menteri Pembangunan telah dan sedang merancang beberapa strategi bagi memastikan perancangan yang dilaksanakan dapat mendukung pembangunan yang mampan dan berdaya tahan di samping memastikan perkembangan sosioekonomi yang berterusan.

Penyediaan tanah bagi memenuhi keperluan agensi-agensi dalam mengembang luaskan aspek pertanian, komersial dan industri akan terus diberi keutamaan demi mendukung peningkatan ekonomi mengikut perancangan Jabatan Bandar dan Desa.

Manakala usaha untuk membukakan tanah-tanah kerajaan yang telah dikenal pasti dan berpotensi untuk dimajukan mengikut Perancangan Induk Guna Tanah kepada pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri yang berminat iaitu secara *Government Land Lease* akan dipercepatkan. Sebanyak 28 tapak telah dikenal pasti untuk dibukakan tawaran kepada *investor* yang berminat untuk memajukan tapak-tapak tanah ini secara *lease*.

Kemajuan strata yang bertujuan untuk membolehkan pemilikan hartanah berupa unit-unit dalam bangunan di negara ini, termasuk keperluan bagi pengurusan aset bangunan secara teratur melalui '*strata corporation*' telah mula berkuat kuasa pada bulan Julai 2009. Setakat ini sebanyak 138 geran

hak milik strata telah pun didaftarkan dan dikeluarkan oleh Jabatan Tanah. Ke arah usaha untuk menarik lebih ramai lagi pemaju dan orang ramai untuk memiliki kemajuan strata, pengemaskinian proses, tatacara dan garis panduan berkaitan sedang giat dilaksanakan.

Penubuhan Lembaga Penilai dan Ejen Hartanah (*BOVEA*) di Kementerian Pembangunan bertujuan untuk mengawal selia penilai dan penaksir harta tanah di samping mempercepatkan lagi proses urusan harta tanah khususnya dalam meningkatkan kedudukan negara dalam ranking '*ease of doing business*'.

Dalam hal ini jua, memorandum persefahaman yang ditandatangani di antara Kementerian Pembangunan dengan Institut Teknikal Pendidikan Brunei (IBTE) pada bulan Disember 2019 dihasratkan dapat melahirkan generasi pelapis yang terdiri dari anak-anak tempatan dalam bidang hartanah dan seterusnya menjana peluang-peluang pekerjaan bagi para graduan tempatan.

PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR:

BEKALAN AIR

Dalam sektor bekalan air pula, bagi menangani dan memperkukuhkan lagi sekuriti dan kualiti bekalan air, di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-11 sejumlah \$217 juta telah diperuntukkan bagi pembinaan infrastruktur air, termasuk pembinaan loji rawatan air yang baharu, pembinaan tangki-tangki simpanan air, pemasangan paip-paip

baharu, pemeliharaan pam-pam air bersih dan sebagainya. Pada masa ini 3 projek dalam peringkat pelaksanaan, 20 projek telah ditawarkan dan 7 projek dalam reka bentuk, termasuklah projek menaik taraf Loji Bukit Barun Fasa 4 dan 5 bernilai \$4.95 juta sedang giat berjalan pada masa ini dan dijangka siap pada bulan Mei nanti. Dengan terlaksananya projek-projek ini nanti, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan menjamin bekalan air negara kita sehingga tahun 2030.

Dari segi penggunaan air pula, negara kita masih antara yang tertinggi di rantau Asia dengan pemakaian 380 litre seorang sehari yang menyebabkan implikasi ketahanan sumber air akan terjejas jika kesedaran dalam penggunaan air masih di tahap yang rendah. Kementerian Pembangunan ingin menyarankan kepada semua pihak untuk turut bekerjasama di dalam usaha mengelakkan pembaziran air, yang secara langsung akan mengurangkan penggunaan air dan kos bagi penghasilan air bersih.

Ke arah ini, Kementerian Pembangunan telah dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif yang dijangka akan membantu di dalam usaha untuk mengurangkan pembaziran air iaitu:

- i. Memperkenalkan Sistem Permeteran Pintar Bergabung (*Unified Smart Metering System (USMS)*) iaitu inisiatif pengurusan data meter pintar di bawah satu portal perkhidmatan langganan air dan elektrik yang diusahakan sama di antara pihak

Darussalam Asset, Jabatan Perkhidmatan Letrik dan Jabatan Perkhidmatan Air. Kaedah teknologi pintar meter air dan elektrik prabayar ini akan meningkatkan keberkesanan pengurusan bekalan air dan secara langsung akan mengoptimalkan perbelanjaan kerajaan dengan pengurangan subsidi dan kos bagi rawatan dan pengeluaran air bersih.

- ii. Perubahan tarif penggunaan air melalui konsep '*tiered charges*' yang telah diperkenalkan tahun lepas masih di dalam proses penyelarasan terakhir dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dilaksanakan tidak lama lagi. Konsep ini mengambil kira ianya tidak akan menyebabkan kesulitan dan beban yang tidak munasabah kepada masyarakat umum, khususnya kepada penduduk yang berpendapatan rendah di samping mengelakkan pembaziran air dengan penggunaan yang berhemah.

Bagi perancangan masa depan, kajian terperinci penggunaan air di negara ini terutama sekali di sektor pertanian dan industri hiliran minyak dan gas akan dilaksanakan. Penaiktarafan ke atas prasarana loji rawatan dan rangkaian paip air juga termasuk di dalam kajian dengan mengambil kira pertumbuhan pesat yang dijangka bagi Daerah Temburong dengan penyiapan Projek Jambatan Penghubung Daerah Brunei-Muara dan Daerah Temburong.

PROGRAM MITIGASI BANJIR

Ke arah usaha untuk memitigasi impak perubahan iklim yang menyebabkan banjir, beberapa program mitigasi banjir seluruh negara, RKN ke-11 telah memperuntukkan sebanyak \$82.8 juta untuk melaksanakan beberapa projek di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti terjejas dengan masalah banjir. Ini termasuk kawasan Dataran Sungai Tutong, Mukim Lumut di Daerah Belait, Kampung Senukoh, Kampung Rataie dan Kampung Belais di Daerah Temburong dan beberapa mukim dan kampung di Daerah Brunei Muara. Dengan program mitigasi dan usaha-usaha berterusan, **اللَّحْمُ لِلَّهِ** keluasan kawasan mudah banjir di negara kita ini telah dapat dikurangkan daripada 374km persegi pada tahun 2013 kepada 332km persegi pada tahun 2019. Dan sasaran seterusnya ialah sebanyak 306km persegi menjelang tahun 2022 nanti.

JALAN RAYA

Menyentuh tentang pembangunan dan pengurusan prasarana rangkaian jalan raya, Kementerian Pembangunan menekankan kepentingan sistem yang mampan dan pintar, ketersambungan, mudah dan selamat serta memenuhi keperluan rakyat. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan sedang giat melaksanakan pelbagai program penambahbaikan, pemeliharaan dan pembinaan ke arah menangani isu kesesakan jalan raya dan seterusnya meningkatkan keselamatan jalan raya.

Antara projek-projek pembinaan termasuk di persimpangan Perumahan Mengkubau / Jalan Utama Mentiri, Perumahan Negara Kampung Lugu / Lebuhraya Muara Tutong, Perumahan Tanah Jambu dan pemasangan lampu-lampu isyarat di pusing keliling Sungai Akar, Persimpangan Kampung Lugu / Jalan Tutong dan Kampung Katimahar / Jalan Tutong yang sedang dan akan dilaksanakan pada tahun ini.

Berhubung dengan pelaksanaan projek jambatan yang menghubungkan Daerah Brunei-Muara dan Daerah Temburong, penyiapan kerja-kerja terakhir untuk memastikan keselamatan jambatan dan pengguna sedang giat dijalankan sebelum ianya dibukakan kepada orang ramai nanti.

Satu jawatankuasa khas telah dibentuk bagi pengurusan dan pentadbiran jambatan yang dipengerusikan bersama Menteri Pembangunan dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi memastikan penyelarasan dan isu - isu keselamatan kepada pengguna jalan raya terjamin. Selain itu, kerja-kerja pembesaran Jalan Kota Batu juga giat dilaksanakan bagi menjamin tahap keselamatan dan kapasiti jalan raya agar dapat menampung jumlah trafik yang dijangka meningkat sebaik saja jambatan ini digunakan nanti.

Pada masa yang sama, Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah menghasilkan Pelan Daerah Temburong 2016-2025 yang di antaranya mengandungi perancangan kemajuan

yang terperinci di dalam 4 kawasan utama iaitu Pusat Pertumbuhan Mukim Labu, Pusat Pertumbuhan Pekan Bangar, Kawasan Pelancongan Batang Duri dan perancangan untuk menampung keperluan perumahan RPN Kampung Rataie. Projek-projek yang akan dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan yang mana meliputi perekonomian, pertanian, pendidikan dan perumahan dihasratkan untuk menarik minat para pelabur tempatan dan asing dalam mempertingkatkan daya saing ekonomi dan seterusnya menjurus kepada perkembangan sektor pelancongan dengan penyelarasan dengan pihak Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT).

PEMBANGUNAN KAPASITI INDUSTRI PEMBINAAN

Bagi perkembangan sektor industri pembinaan, Kementerian Pembangunan telah memperkenalkan *Local Business Development (LBD) Circular* yang mana ianya adalah sejajar dengan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memastikan pembangunan yang mampan bagi kapasiti, keupayaan, kompetensi dan daya saing syarikat tempatan dan juga bagi merealisasikan perancangan strategik kementerian ini dalam mendukung pembangunan perniagaan tempatan sebagai tunggak pertumbuhan dalam industri pembinaan.

LBD Circular ini memberikan tumpuan kepada tiga bidang strategik utama iaitu

pemilikan dan pembangunan syarikat tempatan (*local ownership*), penggunaan barangan dan perkhidmatan tempatan (*local content*) dan peluang-peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan (*local employment*).

ALAM SEKITAR

Dalam sektor alam sekitar, keutamaan akan diberikan kepada pelaksanaan program pembersihan alam sekitar baik di darat dan udara terutama sekali bagi program pembersihan sungai-sungai utama di negara ini. Penglibatan orang ramai, penuntut-penuntut, pihak swasta dan *NGO's* dalam memberikan kesedaran dan mengawal tabiat membuang sampah di merata tempat, terutama sekali longkang-longkang dan perairan sungai juga akan dipertingkatkan.

Usaha-usaha pembersihan Sungai Brunei bagi menangani isu sampah yang terapung di perairan sungai dan laut (*marine debris*) yang menjadi isu perhatian global akan diteruskan. Kerja-kerja penambahan pemasangan booms dan perangkap sampah serta menyediakan '*River Cleaning Vessels*' bagi mengutip sampah-sampah terapung di sepanjang Sungai Brunei secara meluas telah dan akan dilaksanakan pada tahun ini.

Penjanaan sisa pepejal di Negara Brunei Darussalam adalah sebanyak 1.15kg seorang sehari per kapita. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 245,000 tan metrik sampah telah dihantar ke Tapak Pelupusan Sungai Paku, iaitu dalam kadar 670 tan metrik sehari. Ini merupa-

kan jumlah tahunan yang terbanyak direkodkan sejak tapak pelupusan tersebut mula beroperasi pada tahun 2011. Pada kadar ini, Tapak Pelupusan Sungai Paku dianggarkan akan mencapai had kapasitinya menjelang tahun 2030. Jumlah sampah negara ini dijangka meningkat dari 400 tan ke 1,000 tan sehari disebabkan unjuran pertumbuhan penduduk di antara 2% hingga 3% dan peningkatan aktiviti perindustrian.

Dalam hal ini, kementerian ini telah mengenal pasti dan sedang meneliti beberapa kaedah dan sistem teknologi terkini pelupusan sisa pepejal dan sampah *hazardous* yang sesuai dan mampan untuk memastikan ianya akan dapat menangani isu dan cabaran dalam jangka masa sederhana dan panjang. Antara kaedah yang telah dikenal pasti termasuk *incinerator*, *gasification* atau teknologi terkini yang boleh melupuskan semua jenis sampah termasuk plastik dan sampah-sampah *hazardous*. Hasil dari penelitian ini nanti akan dapat menghasilkan hala tuju yang dihasratkan iaitu pengutipan sampah yang *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* berkesan mengikut piawaian yang tinggi serta pembuangan yang sistematik dan teratur.

MAJLIS KEBANGSAAN PERUBAHAN IKLIM

Selaku Pengerusi Bersama Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam bersama dengan Kementerian Tenaga akan terus berusaha dalam mengukuhkan lagi urus

tadbir dan persediaan negara dalam menangani masalah perubahan iklim.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, pada masa ini Negara Brunei Darussalam hanya menyumbang kepada 0.017% daripada jumlah keseluruhan pelepasan gas rumah hijau global. Pada tahun 2018, pelepasan gas rumah hijau negara ini adalah 10.1 juta tan *CO2e* (*carbon dioxide emission*) yang mana merupakan penurunan pada kadar 4.3% setiap tahun dari tahun 2015. Pengurangan kadar ini adalah hasil daripada kerja-kerja terhadap aset-aset lama di sektor minyak dan gas.

Penyediaan draf buku Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (*Brunei National Climate Change Policy*) telah pun siap dilaksanakan. Dasar baru ini yang merangkumi 9 strategi utama, terdiri dari pelepasan industri, pengurusan jana kuasa, perhutanan, daya tahan iklim, tenaga yang diperbaharui, cukai carbon, kenderaan elektrik, pengurusan sisa dan inventori karbon adalah dihasratkan untuk menjadikan negara ini sebagai negara yang rendah indek karbon (*low index carbon*) atau resilien iklim. Pada masa yang sama, dasar ini dihasratkan dapat menjana peluang-peluang ekonomi yang dapat diterokai seperti sektor rendah karbon dan sektor hijau.

Pelaksanaan dasar-dasar berkenaan akan dilaksanakan secara bersepadu dan berterusan di antara agensi-agensi yang berkenaan, memandangkan pelepasan rumah hijau kasar negara kita dijangkakan akan meningkat sebanyak 19.8 juta tan menjelang tahun 2035.

PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA

Akhir sekali ialah mengenai dengan Pengurusan Sumber Tenaga Manusia di bawah Kementerian Pembangunan. Kementerian Pembangunan amat mengambil berat akan *career progression* pegawai dan kakitangan yang ada di bawah kementerian ini. Program Perkembangan Profesional juga masih giat dijalankan kepada pegawai-pegawai profesional (Arkitek, Jurutera, Juruukur, Pegawai Perancang, Pegawai Tanah) untuk mengikuti kursus, latihan dan mendapatkan pengalaman dan bimbingan secara berterusan untuk menjadi ahli profesional badan berkanun (*Chartered Membership*) yang diiktiraf. Sehingga bulan Februari 2020, seramai 77 orang pegawai profesional kementerian ini telah menjadi ahli badan berkanun kepada badan-badan profesional.

Dalam meneruskan usaha *whole of nation approach*, kementerian ini telah dan akan terus berkerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain ke arah pensejajaran dan pengemaskinian dasar, peraturan, urus tadbir dan program pembangunan terutama sekali di dalam menangani isu-isu semasa secara holistik agar ianya kekal relevan dengan peredaran zaman.

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan menyeru kerjasama orang ramai agar sama-sama berganding bahu dalam menyokong perancangan yang sedang dan akan dilaksanakan dan

sama-sama menjaga dan mengekalkan alam persekitaran bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini dengan sebaik-baiknya untuk generasi kita yang akan datang.

Sekian sahaja yang dapat kaola kongsikan dan kaola sudahi dengan iringan doa semoga negara kita dan penduduk negara kita ini terselamat dari wabak *Covid-19* yang melanda dunia masa kini dan semoga apa jua rancangan yang kita rancang akan berjalan dengan lancar dan teratur. أمين

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

MUKADIMAH YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ،

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati اللهُ. Dengan penuh hormat dan takzim sukacita kaola bagi mewakili Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya merafakkan sembah setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda atas kurnia cadangan Peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Rancangan Kemajuan Negara Tahun Kewangan 2020/2021 sebanyak \$107,206,780.00. Jumlah ini adalah peningkatan sebanyak 4.2% daripada peruntukan Tahun Kewangan 2019/2020. Dengan adanya limpah kurnia ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus menerus menggiatkan dan memantapkan lagi pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Dalam kesempatan ini, kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan strategik kementerian yang terdiri dari agensi-agensi kerajaan, majlis-majlis kebangsaan dan persatuan-persatuan di bawahnya, persekutuan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, pergerakan-pergerakan belia dan sukarelawan, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan pihak swasta yang selama ini telah memberikan sumbangan secara signifikan dalam mendukung usaha kementerian ini. اللهُ، kerjasama sepadu *whole of nation* ini telah memberikan impak yang sangat positif dalam pemerksaan dan meningkatkan taraf kehidupan dan pengupayaan individu, keluarga dan masyarakat secara inklusif. Kementerian ini sememangnya memerlukan kerjasama rapat daripada rakan-rakan strategik secara bersatu ke arah Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan amatlah menjunjung tinggi dan menandai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 9 Mac 2020, khususnya dalam;

1. Meningkatkan inovasi untuk mengubah landskap ekonomi negara ke arah era digital "*The Fourth Industrial Revolution*";

2. Amalan berhemah dan usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi maka kita akan dapat mengukuhkan kestabilan makroekonomi dan kedudukan kewangan negara; dan
3. Penggunaan wang kerajaan mesti benar-benar telus dan amanah.

Kita juga menjunjung tinggi titah baginda semasa sambutan Hari Kebangsaan Ke-36, yang antara lain menekankan pentingnya untuk membuka peluang yang lebih luas bagi golongan tertentu mendapatkan pekerjaan atau bergiat di dalam bidang keusahawanan yang sekali gus akan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan.

Ke arah matlamat ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan meneruskan usaha mengelinga hal kebajikan dan kesejahteraan semua golongan masyarakat.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, أَلْحَمْدُ لِلَّهِ kementerian telah memfokuskan perbelanjaan Tahun Kewangan 2019/2020 kepada 'Peningkatan pemerkasaan dan pengupayaan individu, keluarga dan masyarakat secara inklusif dan berimpak'. Sejumlah tiga puluh sembilan (39) iaitu 76% daripada lima puluh satu (51) jumlah inisiatif yang dikongsikan semasa Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara telah dilaksanakan. Selebihnya, iaitu sebelas (11) inisiatif dalam proses pelaksanaan

untuk diselesaikan dan satu (1) belum lagi dimulakan.

Ke arah mendukung fokus Belanjawan Tahun Kewangan 2020/2021 dengan tema 'Pelaburan Untuk Masa Depan' (*Investing In Our Future*), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan meneruskan strategi merealisasikan visi 'Bangsa Brunei Cemerlang' melalui lima (5) pencapaian visi (*vision outcomes*) iaitu:

1. Masyarakat Progresif;
2. Belia Siaga Masa Depan;
3. Sukan Kebanggaan Negara;
4. Budaya Dinamik Warisan Terpelihara; dan
5. Persekitaran Kondusif dan Produktif

Dengan mengutamakan perkara-perkara berikut;

1. Kita akan terus mengukuhkan jaminan sosial dan perlindungan kepada masyarakat golongan yang memerlukan, melalui Program Pelan Membasmi Kemiskinan dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan.

Ke arah matlamat ini, Kementerian meneruskan usaha mengelinga hal kebajikan dan kesejahteraan semua golongan masyarakat.

Bagi meneruskan usaha mengelina hal kebajikan dan kesejahteraan semua golongan masyarakat, sebanyak \$25.33 juta diperuntukkan bagi program-program jaminan sosial dan perlindungan social termasuk penambahbaikan prasarana.

Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan akan dikeluarkan dalam masa terdekat ini. Secara menyeluruh, fokus utama adalah kepada pemeriksaan sara diri bagi mengeluarkan golongan sasaran dari kitaran kemiskinan (*poverty cycle*) melalui pemberian *skill sets* ke arah pekerjaan dan keusahawanan serta keperluan sistem sokongan dan dasar untuk mengubah *mindset* ke arah kemandirian. Antara lain, pelan tindakan ini telah menyasarkan dalam tempoh lima (5) tahun bagi 30% penerima bantuan untuk mendapat pekerjaan di samping menyediakan 240 buah rumah tetap bagi golongan berpendapatan rendah.

Dalam aspek pekerjaan, Pelan Tindakan *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* telah diterapkan ke dalam Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan. Manakala dalam aspek pemilikan (*ownership*) rumah, Komiti Bantuan Perumahan telah ditubuhkan melalui *Housing Focus Group (HFG)* yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan dengan keahlian agensi-agensi yang berkepentingan termasuk Jabatan Perdana Menteri,

Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sebagai mekanisme bertindak untuk menyediakan rumah-rumah tersebut dan 48 buah rumah sedang dalam proses pembinaan setakat ini.

Mekanisme lain yang turut ditekankan dalam usaha untuk mengeluarkan golongan tertentu daripada kitaran kemiskinan termasuk memastikan dasar perundangan dan garis panduan akan terus mendukung inisiatif-inisiatif pelaksanaan seperti, pensejajaran Kos Minima Keperluan Asas (KMKA), meningkatkan akses perkhidmatan pengangkutan, kemudahan asrama bagi membolehkan penuntut mencapai kehadiran sekolah 85% dan disasarkan mendapat sekurang-kurangnya tiga (3) O-Level, di samping akses kepada program-program; kapasiti keusahawanan, latihan kemahiran industri, celik kewangan dan *mindset* (nilai mandiri dan keberdaya tahanan).

Dalam masa yang sama, kementerian ini akan mengukuhkan lagi program-program yang sedang dilaksanakan seperti:

PROGRAM PELAN PEKERJAAN DAN PROGRAM TEKAD

بِأَلْحَمْدُ لِلَّهِ, 260 golongan sasaran telah mendapat pekerjaan. Ini termasuk penerima Bantuan Kebajikan Bulanan dan tanggungan, Orang Kelainan Upaya dan lepasan Residen Kompleks Rumah Kebajikan (KRK). Sasaran kita pada tahun kewangan ini adalah untuk memberikan pekerjaan kepada 300 orang terutamanya dalam kalangan tanggungan penerima Bantuan Kebajikan Bulanan.

PROGRAM KESIHATAN

Dikongsikan, pada tahun 2019, seramai dua (2) peserta telah mengikuti kursus latihan kemahiran menjahit, lima (5) peserta Kursus *Autocad* di Pusat Pembangunan Belia. Manakala melalui Program Prihatin, seramai 169 golongan sasaran telah mengikuti pelbagai latihan kemahiran dan 18 orang telah mendapat pekerjaan dan 20 orang memulakan perusahaan. Di samping itu, melalui kerjasama dengan PKBN dan IBTE, seramai lima puluh lapan (58) tanggungan penerima bantuan menjalani latihan dengan penempatan kerja sama ada di pihak swasta atau kerajaan selama tiga (3) bulan.

PROGRAM MINDSET

Melalui kerjasama Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan satu badan bukan kerajaan yang telah mula dilaksanakan sejak Februari 2020, dikongsikan bahawa, seramai 44 orang penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) telah menyertai Program Mandiri (*changing mindset*). Sebagai kesinambungan, kita akan terus menyasarkan kepada 100% penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (*able bodied dan able to work*) dalam jangka masa lima (5) tahun dengan mengutamakan kepada penerima yang belum mendapatkan pekerjaan.

2. Kita akan memastikan tidak adanya ketirisan kepada golongan-golongan berhak untuk diberikan bantuan. Kerajaan sememangnya amat prihatin dan terus menerus meningkatkan usaha untuk memastikan kebajikan semua golongan sasaran dikelilingi bukan sahaja dalam bentuk pemberian kemudahan asas seperti perkhidmatan kesihatan dan pendidikan malahan juga dalam bentuk kewangan untuk membantu meringankan pembiayaan kos sara hidup. Dikongsikan pada tahun kewangan 2019/2020, bilangan penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) meningkat kepada 5,812 orang berbanding 5,722 pada tahun kewangan 2018/2019 dengan perbelanjaan \$12,973,475.00.

Manakala, bilangan penerima bantuan darurat meningkat kepada 350 keluarga berbanding 332 pada tahun kewangan 2018/2019 dengan perbelanjaan \$330,159.97.

BAGI PEMBAYARAN PENCEN DAN ELAUN-ELAUN

Dikongsikan bahawa, bilangan penerima Pencen Umur Tua meningkat kepada 37,313 orang berbanding 35,183 pada tahun kewangan 2018/2019 dengan perbelanjaan \$110,754,812.00. Dalam tempoh masa yang sama, bilangan penerima Pencen Orang Buta, Elaun Bercelaru Mental, Pencen Hilang Upaya dan Elaun Kurang Upaya meningkat kepada 3,549 dengan perbelanjaan \$ 10,149,741.00.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ, dengan adanya Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang akan mula dilancarkan pada bulan Julai 2020, ianya dijangkakan untuk meningkatkan akses kepada para pemohon untuk membuat permohonan secara *online* bagi menerima bantuan. Di samping itu, sistem ini juga akan memastikan pemberian bantuan atau elaun akan dapat diagihkan secara saksama bagi mengurangkan *multiple dipping* (duplikasi) serta tepat pada masa. Ke arah ini, dikongsikan bahawa syarat-syarat kebangsaan (*national criteria*) telah pun dipersetujui oleh pihak Jabatan Pembangunan

Masyarakat, Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Pendidikan dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkih sebagai *standard reference* yang menyenaraikan definisi, proses dan kelayakan pemohon - pemohon termasuk dari segi pendapatan mereka yang berdasarkan kepada Kos Minimum Keperluan Asas (KMKA). Fasa pertama Sistem ini merangkumi pembayaran Pencen Umur Tua, Elaun OKU dan Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) yang dijangka akan beroperasi pada bulan Julai tahun ini.

Pada masa yang sama, kementerian juga telah mengemas kini proses pertimbangan dan pembayaran kepada golongan - golongan berkenaan dengan menetapkan TPOR bagi pemohon BKB untuk diproses di bawah masa 3 bulan dan Bantuan Bencana kecuali bencana banjir untuk dihulurkan tidak lebih dari seminggu dari tarikh kejadian.

MENGENAI KESEJAHTERAAN DAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

Rangka Kerja Kebangsaan bagi Perlindungan Kanak-Kanak akan siap pada 1 Julai tahun ini. Tujuannya adalah bagi memperkukuhkan dan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan perlindungan kanak-kanak. Di samping itu, اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ melalui pengukuhan penguatkuasaan Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (Bab

218), sebanyak empat puluh tujuh (47) Pusat Penjagaan Kanak-Kanak telah berdaftar dan diberikan lesen untuk beroperasi pada tahun 2019. Sebanyak dua puluh lapan (28) pusat dalam proses dan dua (2) telah ditutup akibat tidak berlesen.

Kita menasaskan untuk membuat pemeriksaan secara berjadual dan berkala untuk memastikan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak mematuhi peraturan dan pempiawaan yang digariskan oleh akta tersebut.

Kita juga telah melancarkan Talian ANAK (iaitu Anak Negara Aset Kitani) 121 pada 1 Oktober 2019 sehingga Mac 2020, sejumlah 9,867 panggilan telah diterima dan empat puluh enam (46) kes yang melibatkan kes-kes seperti penderaan, pengabaian, hak penjagaan anak, kecuaiian pusat penjagaan kanak-kanak telah disalurkan ke Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak. Daripada jumlah ini, dikongsikan bahawa sebanyak 9 kes telah selesai ditangani, 19 kes dalam proses penyiasatan, 16 kes dalam masih pemantauan dan 2 kes dalam perhatian pihak JAPEM. Kita akan menasaskan 20% kes diselesaikan dalam tempoh TPOR yang ditetapkan dan 80% kes disalurkan kepada unit dan bahagian yang berkenaan untuk diambil tindakan dalam tempoh 3 hari.

3. Kita akan memberikan keutamaan kepada Pemerksaan Masyarakat yang Inklusif dan Mampan. Ke arah sebuah masyarakat progresif, kementerian ini terus memastikan semua golongan sasaran diberikan peluang latihan kemahiran dan pengupayaan yang bermanfaat. Tujuan utama adalah supaya golongan ini dapat hidup mandiri dengan lebih selesa dan kurang kebergantungan kepada bantuan kerajaan. Dikongsikan bahawa antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut;

PROGRAM DI PUSAT PEMBANGUNAN BELIA (PPB)

Program ini telah dilaratkan secara inklusif kepada pelbagai golongan masyarakat termasuk golongan berpendapatan rendah khususnya kaum hawa, ibu tunggal, belia menganggur serta Orang Kelainan Upaya (OKU). Dikongsikan pada tahun kewangan 2019/2020, 169 golongan sasaran telah mengikuti pelbagai latihan kemahiran dan seramai 18 orang telah mendapat pekerjaan dan 20 orang memulakan perusahaan.

Melalui pemberian bantuan *micro grant* Program Bantuan Pengupayaan dan Program Pembangunan Keusahawanan Belia, sebanyak \$47,739.00 telah diberikan kepada 32 syarikat untuk menjalankan atau mengembang

maju perniagaan. Melihat kepada potensi inisiatif ini, kita akan menyasarkan peruntukan bantuan sejumlah \$30,000.00 bagi memberikan bantuan kepada sekurangnya sepuluh (10) perusahaan pada tahun ini.

MEMPERKASA WARGA EMAS

Dikongsikan, pada tahun kewangan 2019/2020, bantuan sebanyak \$67,420.00 telah dihulurkan bagi membiayai program-program pembangunan kapasiti dan operasi warga emas. Dengan kerjasama pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Brunei Shell Petroleum, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Temburong dan PKWE Daerah Belait masing-masing telah mula beroperasi pada 13 Januari 2020 dan 19 Februari 2020. Program-program utama yang telah disasarkan adalah seperti aktiviti sukan dan riadah, keagamaan, teknologi info komunikasi (ICT), keusahawanan, kesedaran awam (termasuk dementia) dan projek-projek bersama belia.

Dikongsikan pada tahun kewangan 2019/2020, PKWE secara keseluruhannya telah mengendalikan 6 program teknologi infokomunikasi, 6 program keusahawanan, 8 program kesedaran awam (termasuk dementia) dan 4 projek bersama belia di samping program - program

harian. Kita akan menyasarkan peningkatan 30% pelaksanaan program-program bagi tahun kewangan 2020/2021.

اللَّحْمُ لِلَّهِ, kita amat berbangga dengan inisiatif PKWE Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong serta Pertubuhan WARGAMAS yang telah mengenal pasti dan meneraju bidang-bidang tersendiri untuk dijadikan perusahaan termasuk permakanan, anyaman dan jahitan. Inilah contoh yang boleh dikembangkan dan dilaratkan lagi secara signifikan dalam jangka masa yang sederhana dan panjang. Ke arah ini, *grant* juga telah diberikan kepada pusat-pusat berkenaan bagi memperkasa dan memberikan peluang kepada warga emas untuk berniaga secara kecil-kecilan bersesuaian dengan kemampuan mereka agar dapat memberikan hasil yang akan menjadikan PKWE mandiri ekonomi dan mendukung kepada usaha pembangunan negara. Bermula bulan Oktober 2019, warga PKWE di seluruh negara, termasuk ibu tunggal telah diberikan platform untuk memasarkan produk-produk mereka melalui ruang petak jualan di tempat-tempat strategik termasuk Muzium-Muzium dan gedung-gedung perniagaan seperti Hua Ho Manggis Mall di Daerah Brunei dan Muara dan Hua Ho Petani Mall di Daerah Tutong. Usaha juga akan dilaksanakan bagi produk-produk ini untuk dipasarkan melalui *online platform*.

Turut dikongsikan bahawa dalam usaha untuk memastikan pemeduliaan terhadap hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan warga emas khususnya dari aspek kesihatan, JAPEM telah dan terus berkerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan skop Projek Memeduli Warga Emas dengan menyediakan kemudahan kenderaan bagi membawa warga emas yang memerlukan untuk pemeriksaan kesihatan. Setakat ini, terdapat 33 warga emas yang dijadualkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan di bawah inisiatif ini yang mana disasarkan bagi 100 warga emas untuk dilibatkan di bawah projek tersebut bagi tahun 2020.

MEMPERKASAKAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

Dikongsikan, pada tahun kewangan 2019/2020, bantuan sebanyak \$38,000.00 telah dihulurkan kepada persatuan-persatuan OKU untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan termasuk pembangunan kapasiti. Di samping itu, Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) dan Persatuan-persatuan OKU termasuk *Brunei Darussalam National Association of the Blind (BDNAB)*, Persatuan Orang Kurang Pendengaran (POKP), Persatuan *Down Syndrome (ABLE)* telah diperuntukkan kemudahan prasarana ruang pejabat dan pengurusan

secara percuma di bangunan kerajaan yang bertujuan untuk mengurangkan kos operasi. Golongan OKU juga diberikan ruang menjalankan aktiviti jualan di Ruang Legar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di Muzium Alat Kebesaran Diraja dan di gedung perniagaan melalui *CSR*. Projek menyediakan Kemudahan (*purpose built*) Kompleks Orang Kelainan Upaya (OKU) juga sedang dalam perancangan untuk dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak \$10,000,000.00 yang dijangka siap pada tahun 2022.

Kompleks ini bukan sahaja menjadi pusat yang akan menawarkan ruang dan fasiliti bagi membolehkan persatuan-persatuan OKU dan warga emas untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang diterajui oleh mereka sendiri untuk turut menjana aktiviti perekonomian.

Dalam masa yang sama, sukacita juga dikongsikan bahawa, isu-isu meningkatkan peluang pekerjaan OKU juga telah diambil perhatian oleh pihak *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)*. Pada tahun 2020, pihak *MPEC* telah pun menyasarkan 300 orang golongan sasaran *vulnerable groups* secara keseluruhannya termasuk OKU untuk mendapat pekerjaan. Kaji selidik awal oleh pihak Pusat Bahagia, JAPEM menunjukkan bahawa seramai 75 OKU bekerja dengan

kerajaan dan 25 OKU pula di pihak swasta.

4. Kita akan terus memperkasa dan melibatsamakan belia. Sebanyak \$10.61 juta diperuntukkan kepada program-program pembangunan kapasiti belia-belia termasuk Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi melibatsamakan belia dalam pembangunan negara dengan penyediaan platform. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 dengan wawasan "Belia Berakhlak Mulia, Bertaraf Dunia dan Agen Siaga Perubahan Masa Hadapan Dalam Semua Pembangunan Negara Secara Inklusif", dijadualkan untuk diterbitkan pada tahun ini. Dasar ini mengambil kira resolusi Kongres Belia Kebangsaan yang telah diadakan pada Jun 2019. Perlaksanaannya akan mengambil kira pandangan dari pelaksanaan forum atau kongres persatuan-persatuan belia yang lain secara *whole of nation*.

Kita amat berbangga dengan sumbangan belia yang signifikan dalam berbagai bidang dan mengemukakan penyelesaian yang kreatif dan inovatif. Belia kita juga menunjukkan kualiti kepimpinan bukan sahaja di dalam malahan juga di luar negara. Ini adalah bukti yang menampakkan para belia-belia kita sudah berpandangan jauh dan

relevan. Sebagai contoh, Majlis Belia Brunei, *Hand 4 Hand, Young Entrepreneurs Association Brunei*, Belia Masjid, Malam Minggu Pusat Belia (MMPB), *SCOT*, Generasi Bekarih, *WeCare*, BERSATU, Alumni PKBN dan lain-lain, yang sama-sama menyumbang secara signifikan dalam pembangunan negara.

Dari aspek kesukarelawanan, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Garis Panduan Sukarelawan akan dilancarkan secara di atas talian (*online*) di laman sesawang Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan media sosial pada 1 Julai 2020. Garis panduan tersebut antara lain menggariskan definisi sukarelawan, hak individu sebagai sukarelawan dan tanggungjawab pelaksana aktiviti kesukarelawanan.

Pada tahun kewangan 2019/2020, bantuan sejumlah \$139,592.00 telah diperuntukkan kepada 102 buah program dan aktiviti berkaitan dengan pembangunan kapasiti di peringkat daerah, kebangsaan mahupun antarabangsa seperti Kursus Kepimpinan Pergerakan Belia, Program Bas Belia, Program Kapal Belia Asia Tenggara, *Singapore-Brunei Youth Leadership Exchange Programme*. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah melaksanakan beberapa program pembangunan kapasiti seperti Kursus Kepimpinan Pergerakan Belia, *Business talk*, Kursus-Kursus Kemahiran dan Jati

Diri dengan penyertaan keseluruhan seramai 2,680 orang belia.

Kita menyasarkan peningkatan 30% pelaksanaan program-program yang lebih berimpak bagi Tahun Kewangan 2020/2021. Di samping itu, sejumlah \$132,240.30 dibelanjakan untuk bantuan kepada 28 buah persatuan-persatuan belia dan juga aktiviti yang dikendalikan di Pusat-Pusat Belia seluruh negara. Kita juga menyasarkan peningkatan 30% pelaksanaan program-program yang lebih berimpak. Pada masa yang sama, keutamaan tetap ditumpukan ke arah meningkatkan bilangan belia yang berkecimpung dalam bidang keusahawanan perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan secara langsung membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Ke arah ini, Kementerian menyalurkan *micro grant* bagi para belia untuk memulakan dan mengembangkan lagi perusahaan mereka.

Sebanyak \$42,339.00 telah diagihkan kepada 15 syarikat dalam pelbagai bidang termasuk pertanian, permakanan, tekstil dan fesyen. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ**, syarikat-syarikat ini diterajui sepenuhnya oleh dua puluh tiga (23) orang belia dan telah berjaya memberikan pekerjaan kepada dua puluh empat (24) anak tempatan setakat ini. Pemberian *micro grant* disasarkan kepada 20 syarikat bagi tahun kewangan 2020/2021.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, melalui rangkaian kerjasama dengan rakan strategik, kita amat berbesar hati *Syarikat Aewon Garment Embroidery* juga menawarkan *platform* baharu dalam bidang jahitan dan tekstil dengan penubuhan *PPB - Aewon Garment Incubation Centre* di PPB. Kemudahan ini dilengkapi dengan peralatan terkini dan *production line* bagi melatih para peserta menghasilkan produk garmen di dalam dan luar negara secara komersil, dan sekali gus membuka peluang pekerjaan kepada lebih ramai peserta. *Incubation centre* ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dijadualkan untuk mula beroperasi pada bulan Jun tahun ini.

Secara keseluruhannya, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** PPB akan terus meningkatkan usaha bagi menentukan kemudahan inkubator kepada perusahaan-perusahaan lain yang berpotensi, khususnya bagi golongan yang memerlukan tanpa mengira kelulusan akademik. Dengan inisiatif ini, PPB akan memainkan peranan penting dalam mengembangkan PMKS mahupun individu berkenaan dalam menjana pertumbuhan ekonomi pelbagai sektor (*economic diversification*).

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setentunya, usaha-usaha yang digariskan untuk merealisasikan Belia Siaga Masa Depan tadi kurang bermakna jika tidak berteraskan kepada kekuatan jati diri para belia terutamanya dalam era Revolusi Industri Keempat.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) telah melatih sebanyak 2,928 belia sejak ianya diperkenalkan pada tahun 2011 termasuk pengambilan ke - 9 seramai 393 iaitu jumlah terbesar setakat ini yang baru menamatkan latihan.

Keberhasilan PKBN juga hendaklah dilihat dari konteks *intangible* iaitu penghasilan belia cemerlang yang mempunyai jati diri, semangat patriotik, berdisiplin dan kuat dari aspek fizikal dan kerohanian seperti mana jua yang dihasratkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Hasil kaji selidik setakat ini menunjukkan bahawa, 90% ibu-bapa pelatih berpandangan PKBN sebagai satu program yang sangat berkesan dan perlu diteruskan, lepasan PKBN sering diberikan tugas atau peranan penting semasa melanjutkan pendidikan mereka sama ada di dalam mahupun di luar negara, pihak swasta juga lebih cenderung kepada lepasan PKBN dan 65% lepasan PKBN masih bekerja atau melanjutkan pelajaran. Sasaran kita ialah untuk meningkatkan peratus lepasan alumni mendapat pekerjaan atau berkecimpung dalam keusahawanan atau kesukarelawan.

Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) juga merekodkan pencapaian melebihi sasaran 1500 peserta sebanyak 17% (1780) yang termasuk melibatkan penuntut-penuntut. Melihat potensi dalam pembangunan jati diri dan pengukuhan modal insan, kementerian ini menyasarkan pelaksanaan program-program yang bersepadu di antara OBBD, PKBN, PPB di samping agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan lain untuk meluaskan lagi skop penyertaan belia secara inklusif dengan berasaskan peringkat umur dan tahap kesihatan fizikal.

Dikongsikan pada Tahun Kewangan 2019/2020, sebanyak sepuluh (10) program acara-acara keagamaan bersama belia telah berjaya dikendalikan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama dan belia masjid dengan penyertaan lebih kurang 9,000 para belia yang antara lain bertujuan untuk menerapkan nilai akhlak mulia dan jati diri teguh para belia dengan menanai konsep Negara Zikir di samping mencapai Wawasan Brunei 2035.

5. Kita akan terus mengukuhkan identiti dan jati diri bangsa. Kementerian selaku penjaga warisan atau *custodian of culture* akan terus meningkatkan usaha-usaha bagi memastikan pelestarian budaya dinamik dan memelihara warisan.

Untuk itu, sebanyak \$26.45 juta diperuntukkan bagi program-program meningkatkan kesedaran dan kefahaman warisan budaya bangsa dan negara termasuk penambahbaikan prasarana.

Melaksanakan jerayawara dan promosi warisan, budaya dan sejarah; Dikongsikan pada tahun 2019, sejumlah 100 program Perjalanan Kebudayaan telah dilaksanakan dengan menarik 24,600 peserta jika dibandingkan dengan 21,300 peserta pada tahun 2018.

Secara khususnya, Pusat Sejarah Brunei (PSB) juga telah melaksanakan 35 program jerayawara di sepanjang tahun 2019 berbanding 29 pada tahun sebelumnya. Kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan seperti persatuan-persatuan, puak etnik dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dengan memberikan dorongan sejumlah \$16,000 bagi 10 aktiviti yang meliputi penyertaan dalam forum, festival dan persembahan di peringkat serantau, antarabangsa dan dalam negara. Kita menyasarkan peningkatan kepada 40 pelaksanaan program jerayawara (*outreach*).

Dalam usaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu, penyelidikan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi sekarang berada dalam Fasa 3 yang

dijangka berakhir pada tahun 2021. Penyelidikan Fasa 3 ini mencakupi tiga (3) aspek iaitu penggunaan Bahasa Melayu di media massa; jabatan-jabatan kerajaan dan bukan kerajaan dan termasuk institusi-institusi pendidikan. Setakat ini, kajian yang dilakukan ke atas lapan (8) buah jabatan kerajaan menunjukkan penggunaan Bahasa Melayu semasa mesyuarat ialah 69.7%, manakala penggunaan Bahasa Melayu di sepuluh (10) jabatan kerajaan semasa majlis jabatan ialah 81.4% dan sebanyak 11% menggunakan dwi-bahasa.

Dalam penerbitan hasil kajian, penyelidikan dan penulisan; Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan PSB menerbitkan sebanyak 60 tajuk buku dengan hasil penjualan sejumlah \$ 86,364.44 berbanding 49 tajuk buku dengan hasil penjualan \$90,626.94 pada tahun 2018. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, Jabatan Muzium-Muzium telah juga berjaya menerbitkan semula Jurnal Muzium Brunei (*Brunei Museum Journal*) yang telah dilancarkan pada 29 Februari 2020.

Dikongsikan semasa Pesta Buku 2020, kita melihat jumlah pengunjung yang semakin meningkat dengan sebanyak 62,949 pengunjung berbanding 53,456 pengunjung pada tahun 2019. Platform seperti ini bukan hanya bertujuan untuk memperkasa budaya membaca, tetapi ia juga adalah bagi mempromosi perkembangan industri

kreatif seperti karikatur, sajak, syair dan penulisan.

Pada tahun 2019, PSB juga telah mendokumentasikan lima belas (15) hasil kajian berbanding lapan (8) pada tahun 2018.

Jabatan Muzium-Muzium pula telah melaksanakan sebanyak lapan (8) jenis penyelidikan yang berkaitan dengan Arkeologi, Ilmu Kejadian dan Etnografi, di mana satu (1) daripadanya adalah hasil penyelidikan bersama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Sektor Kebudayaan yang merangkum Bahagian Kebudayaan dan Kesenian (BKK), PSB, DBP dan JMM akan menyasarkan peningkatan kepada 40 jenis penyelidikan dan pendokumentasian secara keseluruhannya.

Turut dikongsikan, melalui kerjasama dengan Universiti Brunei Darussalam, rangkaian penulis ternama dan penerima anugerah-anugerah antarabangsa, DBP telah berhasil menjana 60 penulis muda berbanding 30 penulis pada tahun 2018. Kita menyasarkan Program Penulis Muda pada tahun ini akan menjana 60 Penulis Kreatif dan 40 Penulis Cerita Folklor.

Di samping itu, usaha juga terus ditumpukan ke arah mempelbagai-kan aktiviti dan pameran untuk menarik lebih ramai pengunjung. Pada tahun lepas, jumlah

pengunjung muzium-muzium, galeri dan tapak arkeologi direkodkan telah meningkat dengan jumlah pengunjung seramai 307,360 orang berbanding 249,000 orang pada tahun 2018. Jumlah pengunjung disasarkan kepada 250,000 pada tahun ini.

اللَّهُمَّ، usaha menjadikan perpustakaan-perpustakaan DBP sebagai pusat pelbagai aktiviti kemasyarakatan telah menghasilkan peningkatan signifikan hampir 200% dengan jumlah 209,781 pengunjung pada tahun 2019 berbanding 70,879 pada tahun 2018. Ini secara langsung telah juga melihat peningkatan 16% iaitu dari 67,362 ke 78,099 peminjaman buku dan peningkatan keahlian 40% iaitu dari 2510 ke 3521 pada tempoh yang sama. Kita menyasarkan peningkatan jumlah kepada 200,000 pengunjung bagi tahun 2020.

Dalam usaha pelestarian warisan budaya yang berdayatahan dan mengembang maju industri-industri kebudayaan dan kreatif, beberapa inisiatif telah dilaksanakan;

1. Galeri Seni dengan program-program yang terancang dan dipimpin oleh para belia. Dikongsikan, sebanyak tujuh belas (17) program telah dilaksanakan dengan peningkatan yang signifikan berbanding enam (6) program pada tahun 2018. Pendapatan jualan

- pameran dari Galeri Seni bagi tahun 2019 dicatatkan mencapai \$18,000.00.
2. Kurikulum Akademi Seni Budaya Brunei akan selesai bulan Jun 2020; Hasil daripada rangka kerja tersebut akan menjadi asas kepada penubuhan dan pelaksanaan Akademi Seni Budaya Brunei bagi melahirkan pengamal seni budaya yang berwawasan, kreatif, berdikari dan cemerlang bercalakkan Brunei bagi menyambung tradisi seni dan budaya orang kitani.
 3. Kurikulum Akademi Seni Budaya Brunei akan selesai bulan Jun 2020; Hasil daripada rangka kerja tersebut akan menjadi asas kepada penubuhan dan pelaksanaan Akademi Seni Budaya Brunei bagi melahirkan pengamal seni budaya yang berwawasan, kreatif, berdikari dan cemerlang bercalakkan Brunei bagi menyambung tradisi seni dan budaya orang kitani.
- Mewujudkan Balai Budaya dan Perpustakaan Negara pada tahun 2022; fungsi penyatupaduan dua perkhidmatan di bawah satu fasiliti kemudahan adalah untuk memberikan ruang budaya bagi penggiat-penggiat seni yang terkini dan komprehensif. Manakala Perpustakaan Negara adalah sebagai pusat rujukan dan penyimpanan atau arkib kebangsaan.
6. Kita akan meningkatkan pembangunan dan perkembangan sukan ke arah kecemerlangan. Sebanyak \$16.83 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan perkembangan sukan termasuk penambahbaikan prasarana.
- بِإِذْنِ اللَّهِ، Kontingen Negara Brunei Darussalam yang menyertai Sukan Asia Tenggara (*SEA Games*) ke-30, Tahun 2019 di Republik Filipina telah berjaya meraih dua (2) pingat emas, lima (5) perak dan enam (6) gangsa. Ini adalah pencapaian terbaik negara dalam temasya Sukan *SEA* di luar negara sejak mula menyertainya pada tahun 1977. Pencapaian ini dijadikan penanda aras kepada kita bahawa acara-acara setaraf Sukan *SEA* dan ke atas mestilah meraih lebih banyak pingat. Manakala sasaran bagi acara-acara sukan di bawah taraf Sukan *SEA* mestilah mendapat pingat emas. Strategi kita ke hadapan adalah untuk mengukuhkan ekosistem sukan cemerlang melalui program Akademi Sukan yang ditukar nama kepada Program Emas Sukan SEA (PESS) yang juga memfokuskan kepada sains sukan seperti perubatan sukan (*sports medicine*), fisioterapi, *strength and conditioning*, kaunseling dan penjagaan zat makanan (*sports nutrition*).

Seterusnya, Insentif Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) akan terus dilaksanakan sebagai dorongan kepada para atlet dan jurulatih untuk meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam bidang masing-masing. Dalam perkara ini, kita sedang giat mereviu SPKS untuk mengambil kira beberapa objektif utama iaitu untuk menaik taraf mutu sukan, menyuntik semangat atlet negara dan atlet pelapis untuk terus meningkatkan prestasi dan apa jua kadar diselaraskan dengan kadar negara-negara jiran di Asia Tenggara. Dikongsikan, sebagai penghargaan kepada pencapaian Sukan SEA, sebanyak \$76,100.00 telah diberikan kepada 51 atlet-atlet negara bersama jurulatih-jurulatih yang telah menyumbangkan pingat semasa Sukan SEA tersebut.

Usaha akan terus dilaksanakan untuk membantu persatuan-persatuan sukan dan perkembangan sukan melalui pembangunan kapasiti para atlet dan jurulatih dan mengikuti pertandingan luar negara. Dikongsikan, peruntukan sejumlah lebih dari \$370,000 telah diberikan kepada 26 persatuan sukan dalam Tahun Kewangan 2019/2020. Jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan menyediakan penggunaan kemudahan prasarana sukan dan khidmat jurulatih.

Kita akan terus menentukan pemberian bantuan kepada sukan-

sukan yang berpotensi tinggi dan boleh meraih pingat di peringkat antarabangsa iaitu seperti Wushu, Polo dan Bola Jaring dan Boling Padang di samping sukan-sukan yang terbukti mempunyai bakat-bakat muda dalam kesukanan tersebut. Ke arah ini, persatuan-persatuan sukan hendaklah lebih *result-oriented* dengan menyasarkan KPI-KPI yang menjurus kepada meraih pingat dan kecemerlangan sukan secara amnya.

Kementerian ini akan meneliti pelaksanaan pelan strategi serta inisiatif-inisiatif yang telah digariskan dalam Dasar Sukan Negara dan mereviu cadangan-cadangan tindakan seperti mewujudkan Yayasan Sukan Negara (*National Sports Foundation*), penggalak insentif pertumbuhan industri sukan rekreasi dan pelancongan dan skim biasiswa sukan untuk atlet.

7. Kita akan memastikan proses yang efisien, efektif dan tepat pada masa. Hala tuju kementerian ialah untuk memaksimumkan penggunaan sumber di samping meningkatkan pulangan hasil pelaburan (*return on investment*). Sebanyak \$ 7.43 juta akan diperuntukkan kepada pemeliharaan aset dan prasarana, operasi, utiliti dan termasuk gaji kakitangan.

Dari segi peningkatan penggunaan digital teknologi, kementerian ini juga akan memperkesakan lagi

perkhidmatan, operasi dan produktiviti dengan membudayakan pejabat pintar (*smart office*) melalui penggunaan teknologi dan aplikasi dalam talian (*online Apps*). Sasaran bagi tahun ini ialah untuk membangun lima (5) aplikasi dalam talian bagi kegunaan orang ramai seperti kesukarelawanan, keusahawanan dan perlindungan kanak-kanak.

Dari aspek penjimatan dan meningkatkan budaya berhemah dalam perbelanjaan, kita juga telah menyasarkan pengurangan penggunaan kos utiliti seperti penggunaan elektrik kepada 3% pengurangan dalam jangka masa (3) tahun. Adalah dihasratkan projek membudayakan pejabat pintar atau *smart office* dengan sendirinya juga akan menerapkan budaya berhemah dalam apa jua tugas harian.

Sistem Pengurusan Fasiliti (*Facility Management System*) secara digital akan diguna pakai pada tahun ini bagi memudahkan lagi proses permohonan pemeliharaan dan pembaikan aset-aset dengan lebih sistematik, cepat dan tepat. Ini dengan secara langsung akan dapat menjimatkan perbelajaan operasi dalam jangka masa panjang. Kita menasaskan pada tahun ini, sekurang-kurangnya 60% fasiliti atau kompleks akan menggunakan sistem ini.

Memaksimumkan penggunaan sumber dan meningkatkan pulangan hasil pelaburan (*return on investment*) melalui *Public-Private-Partnership (PPP)*, *outsourcing* dan *Facility Rental System (FRS)*: dikongsikan bahawa sebanyak kira-kira \$370,000.00 telah berjaya dikutip bagi tahun kewangan 2019/2020 melalui kaedah *FRS*. Jumlah ini tidak termasuk pengecualian sewa bagi fasiliti bagi program pembangunan belia dan sukan sebanyak \$ 119,310.00. Kita juga telah berjaya merekodkan sebanyak 2,372 pengguna bagi kompleks PKBN melalui *FRS* pada tahun 2019.

Di samping itu, fasiliti *Shared Kitchen* di Pusat Belia telah merekodkan 60 pengguna dengan melibatkan 1383 peserta daripada syarikat, persatuan dan individu. Manakala tempat penginapan hostel di Pusat Belia menunjukkan peningkatan pengguna seramai 615 orang sejak April 2019 dengan hasil lebih \$15,515.00, berbanding tahun 2018.

Kita menyasarkan bagi semua kemudahan dan fasiliti di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dimasukkan kedalam *FRS*. Kita juga sedang mengkaji pengurangan kadar sebagai salah satu kaedah pengecualian bagi penggunaan fasiliti tersebut.

Pada masa yang sama, turut diakui bahawa kita masih perlu memperbaiki proses penggunaan kaedah *Public-Private-Partnership*. Dikongsikan projek-projek *Fiscal Consolidation Programme (FCP)* yang sedang dalam proses pelaksanaan bersama pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi adalah memaksimumkan tapak tanah padang di Kampung Perpindahan Lambak Kanan. Manakala, bangunan Kompleks Sukan Air Serasa sudahpun ditawarkan untuk disewa kepada yang berminat.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sukacita mengongsikan status pelaksanaan projek-projek Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Kesebelas (11);

Fasa Kedua Projek Menaik taraf dan Pengubahsuaian Stadium Negara Hassanal Bolkiah; akan ditawarkan tidak lewat Jun 2020. Projek ini dijangka akan siap secara keseluruhannya pada pertengahan tahun 2022 dengan nilai tambah seperti *hub* kesukanan, belia dan keusahawanan di samping pelbagai aktiviti sosial untuk semua lapisan masyarakat secara inklusif.

Menaik taraf Muzium Brunei yang akan memuatkan galeri-galeri baharu dan dijangka akan siap keseluruhannya pada penghujung tahun 2021. Dikongsikan bahawa, lantikan konsultan telah pun diluluskan pada Januari 2020. Manakala

tawaran bagi kerja-kerja pembaikan struktur disasarkan untuk dikeluarkan pada bulan Jun tahun ini dengan tempoh pelaksanaan selama empat (4) bulan.

Rumah Perlindungan Darusakinah Putera dan Darusakinah Puteri di bawah Kompleks Rumah Kebajikan; tawaran disasarkan untuk dibukakan pada bulan Mei 2020 dan dijangka akan siap pada tahun 2021 nanti.

Menaik taraf Bangunan Galeri Seni, projek penaiktarafan dibiayai sepenuhnya oleh Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad untuk dijadikan Muzium Minyak dan Gas dengan tawaran kerja-kerja penstrukturan dibukakan pada bulan Mei 2020 dan dijangka akan siap pada tahun 2021 nanti.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Sebagai rumusan, berikut adalah sasaran bagi tahun kewangan 2020/2021;

1. Mengukuhkan Jaminan Sosial dan Perlindungan Kepada Masyarakat dan Golongan Yang Memerlukan:
 - 1.1 Meningkatkan kerjasama *cross-sectoral* dengan pelbagai kementerian dan agensi secara *whole of nation* yang akan ditumpukan kepada 10 hala tuju termasuk bidang pekerjaan, kemahiran, pendidikan, pengangkutan, perumahan, keusahawanan dan

- mindset* menurut sasaran masing-masing sebagai asas kepada pembasmian kemiskinan dengan sasaran;
- 30% penerima bantuan untuk mendapatkan pekerjaan.
 - 240 buah rumah tetap bagi golongan sasaran setiap dalam 5 tahun.
- 1.2 Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang akan mula dilancarkan pada bulan Julai 2020 yang boleh meningkatkan akses kepada para pemohon mendapatkan bantuan secara *online*. Sistem ini juga akan mengumpulkan maklumat secara komprehensif mengenai penerima bantuan kebajikan, elaun dan pencen.
- 1.3 Rangka kerja kebangsaan bagi Perlindungan Kanak-Kanak akan siap pada 1 Julai tahun ini bagi memperkukuhkan dan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan perlindungan kanak-kanak. Pemeriksaan secara berjadual dan berkala akan dilaksanakan untuk memastikan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak mematuhi peraturan dan piawaian yang digariskan oleh akta tersebut.
- 1.4 Peningkatan penyertaan pelbagai golongan masyarakat secara inklusif bagi mengikuti program kursus di Pusat Pembangunan Belia (PPB). Melalui pemberian bantuan *micro grant* Program Bantuan Pengupayaan, Kementerian akan menasaskan peruntukan bantuan sejumlah B\$30,000.00 bagi memberikan bantuan kepada sekurangnya sepuluh (10) perusahaan pada tahun ini.
- 1.5 Peningkatan 30% pelaksanaan program - program yang mengutamakan teknologi info komunikasi (*ICT*), *platform* peluang keusahawanan, kesedaran awam dan projek-projek bersama Belia bagi PKWE.
- 1.6 MPEC meneliti dan merancang untuk meningkatkan peluang pekerjaan kepada golongan OKU. Pada tahun 2020, pihak MPEC telah pun menasaskan 300 orang golongan sasaran *vulnerable groups* secara keseluruhannya untuk mendapat pekerjaan.
2. Memperkasa dan Melibatsamakan Belia.
- 2.1 Garis Panduan Sukarelawan yang akan diberigakan pada 1 Julai 2020 bagi meningkatkan kesejahteraan dan hak sukarelawan;
- 2.2 Pemberian *microgrant* Pembangunan Keusahawanan Belia disasarkan kepada 20

- syarikat untuk meningkatkan peluang keusahawanan PMKS.
- 2.3 Peningkatan 30% pelaksanaan program-program yang lebih berimpak yang dikendalikan oleh persatuan-persatuan belia, pergerakan-pergerakan belia dan *social enterprise* melalui dorongan bantuan kewangan;
3. Mengukuhkan Identiti dan Jati Diri Bangsa.
- 3.1 Pelestarian warisan budaya yang berdayatahan dan mengembang maju industri kebudayaan dan kreatif melalui;
- Jerayawara dan promosi Warisan, Budaya dan Sejarah;
- 3.1.1 Peningkatan kepada 40 pelaksanaan program jerayawara (*outreach*) PSB.
- 3.1.2 Penyelidikan Fasa 3 penggunaan Bahasa Melayu yang dijangka berakhir pada tahun 2021.
- Penerbitan hasil kajian, penyelidikan dan penulisan;
- 3.1.3 Peningkatan kepada 40 jenis penyelidikan dan pendokumentasian secara keseluruhannya yang merangkum Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Pusat Sejarah Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka serta Jabatan Muzium-Muzium di bawah Sektor Kebudayaan.
- 3.1.4 Program Penulis Muda akan menjana 60 penulis kreatif dan 40 penulis cerita folklor.
- Kurikulum Akademi Seni Budaya yang disasarkan siap pada bulan Jun 2020;
 - Mempelbagaikan aktiviti Jabatan Muzium-Muzium, Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Sejarah Brunei untuk meningkatkan jumlah pengunjung pada tahun ini.
- 3.1.5 Seramai 250,000 jumlah pengunjung ke muzium-muzium, galeri dan tapak arkeologi.
- 3.1.6 Seramai 150,000 jumlah pengunjung perpustakaan-perpustakaan disemua daerah.

- 3.1.7 Seramai 10,000 jumlah pengunjung Pusat Sejarah Brunei.
4. Meningkatkan Pembangunan dan Perkembangan Sukan ke arah Kecemerlangan;
 - 4.1 Persatuan-persatuan sukan untuk lebih *result-oriented* dengan menyasarkan KPI-KPI yang menjurus kepada meraih pingat dan kecemerlangan sukan secara amnya melalui dorongan bantuan kewangan dan khidmat jurulatih kepada persatuan-persatuan sukan.
 - 4.2 Mengukuhkan ekosistem sukan cemerlang melalui program akademi akademi sukan yang ditukar nama kepada Program Emas Sukan *SEA* (PESS) yang juga memfokuskan kepada sains sukan seperti perubatan sukan (*sports medicine*), fisioterapi, *strength and conditioning*, kaunseling dan penjagaan zat makanan (*sports nutrition*).
 - 4.3 Mereviu insentif Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (SPKS) dengan mengambil kira beberapa objektif utama iaitu, untuk menaik taraf martabat sukan, penyuntik semangat atlet, sebagai tanda penghargaan daripada pihak kerajaan dan diselaraskan dengan kadar negara-negara jiran di Asia Tenggara.
 5. Memastikan Proses Yang Efisien, Efektif dan Tepat Pada Masa;
 - 5.1 Membudayakan pejabat pintar (*smart office*) melalui penggunaan teknologi dan aplikasi dalam talian (*online Apps*). Sasaran ialah untuk membangun lima (5) aplikasi dalam talian bagi kegunaan orang ramai seperti kesukarelawanan, keusahawanan dan perlindungan kanak-kanak.
 - 5.2 Membudayakan penjimatan dan berhemah dalam perbelanjaan, kita juga telah menyasarkan pengurangan penggunaan kos utiliti seperti penggunaan elektrik kepada 3% pengurangan dalam jangka masa (3) tahun.
 - 5.3 Sekurang-kurangnya 60% fasiliti atau kompleks akan menggunakan Sistem Pengurusan Fasiliti (*Facility Management System*) bagi proses permohonan pemeliharaan dan pembaikan aset-aset dengan lebih sistematik, cepat dan tepat.
 - 5.4 Memaksimumkan penggunaan sumber dan meningkatkan pulangan hasil pelaburan (*return on investment*) melalui *Public-Private-Partnership (PPP)*, *outsourcing* dan *Facility Rental System (FRS)*;

- Tapak tanah Padang di Kampung Perpindahan Lambak Kanan.
- Bangunan Kompleks Sukan Air Serasa.

Kita menyasarkan bagi semua kemudahan dan fasiliti di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dimasukkan ke dalam *FRS*.

- 5.5 Membangun (*develop*) lima (5) aplikasi di atas talian (*online Apps*) bagi kegunaan orang ramai seperti kesukarelawanan, keusahawanan dan perlindungan kanak - kanak untuk memperkesankan operasi dan produktiviti.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, dengan Peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Rancangan Kemajuan Negara Tahun Kewangan 2020/2021, usaha akan ditumpukan ke arah memastikan perbelanjaan akan dibuat secara berhemah mengikut keutamaan demi mencapai strategi-strategi yang digariskan. Segala strategi dan tindakan yang telah di ketengahkan tadi hanya akan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya dengan kerjasama dan sumbangan rakan-rakan strategik serta pelbagai pihak secara *whole of nation*. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, pihak kementerian akan terus bersifat proaktif, mengelinga dan pemeduliaan dan kita amat

mengharapkan kerjasama bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat selaku pemimpin akar umbi serta suara dan telinga rakyat telah dan akan terus memainkan peranan mustahak untuk memperkukuhkan lagi usaha menjalin kerjasama dengan masyarakat demi mencapai matlamat Negara Brunei Darussalam iaitu 'Bangsa Brunei Cemerlang.'

Demikianlah sedikit sebanyak yang boleh peramba / kaola / saya kongsi dan pandangan serta cadangan Ahli-Ahli Yang Berhormat sangatlah dialu-alukan.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

MUKADIMAH YANG BERHORMAT MENTERI KESIHATAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ،

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

اللَّهُمَّ، بِسْمِ اللَّهِ، bersyukur kita ke hadrat kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, Negara Brunei Darussalam terus menikmati keamanan dan kemakmuran. Kita sewajarnya jua sangat mensyukuri komitmen penuh kerajaan di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa prihatin dan sangat pemedulian terhadap penjagaan kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Kesihatan merupakan faktor yang sangat bernilai dalam apa jua keadaan, lebih-lebih lagi dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dan strategi-strategi pembangunan yang berdaya tahan untuk menjadikan negara ini 10 negara teratas dalam apa jua aspek pembangunan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena Sambutan Hari Raya `Idil Fitri Tahun 1437H / 2016M:

“Kesihatan adalah faktor yang paling penting untuk semua. Jika badan sihat, semua kerja boleh dibuat dengan baik, sebaliknya jika tidak sihat, maka segala aktiviti tidak akan dapat berlaku dengan sempurna. Inilah rahsia dan harga kesihatan.”

Seperti mana juga yang pernah ditekankan sebelum ini, kesihatan juga mempunyai kepentingan dalam agama Islam. Ianya adalah merupakan salah satu matlamat yang harus dicari dalam kehidupan setiap muslim. Kerana jika kita amati dengan kesihatan sudah setentunya membolehkan kita menunaikan kewajipan melalui amalan yang dituntut dalam agama tanpa dibatasi oleh masalah-masalah kesihatan yang boleh menjejaskan kehidupan kita seharian.

Menyedari hakikat ini, memang sewajarnya sektor kesihatan dijadikan sebagai salah satu agenda yang sangat penting dalam pembangunan negara dan ianya akan kekal menjadi satu keutamaan yang akan membantu negara dalam mencapai kestabilan dan kemakmuran.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, negara tidak terlepas dari mengharungi iklim ekonomi dan impak kesihatan global yang tidak menentu dan mencabar. Kejadian penularan wabak *COVID-19* kini telah menembusi benteng keselamatan kesihatan awam negara. Setakat ini, negara telah mencatatkan sebanyak 16

jangkitan *COVID-19* yang mana kes pertama telah disahkan pada 9 Mac 2020 yang lalu. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** setakat ini, tiada kematian dilaporkan dan kesemua kes-kes yang dijangkiti berada dalam keadaan yang stabil dan tidak memerlukan rawatan intensif. Kita penuh berharap semoga negara akan dapat mengawal dan mengatasi penularan wabak *COVID-19* secara meluas di negara ini.

اِنْ شَاءَ اللّٰهُ, Kementerian Kesihatan akan terus berusaha untuk mencari pendekatan yang terbaik daripada semua aspek dan kerjasama serta komitmen daripada pihak-pihak yang berkenaan sama ada dalam sektor kerajaan mahupun sektor swasta, organisasi-organisasi dalam dan luar negeri serta orang ramai amnya, dalam memastikan semua isu dan cabaran akan dapat diselesaikan atau ditangani melalui pendekatan *whole of nation*.

Dalam perkara ini, kaola ingin mengongsikan bahawa tanpa adanya kerjasama padu daripada agensi-agensi kerajaan serta pihak-pihak lain yang berkepentingan dalam sama-sama menangani kejadian wabak ini, semua tindakan tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Bermula daripada misi membawa pulang 2 orang warga Brunei yang terkandas dalam *Lock Down* di Wuhan, Wilayah Hubei, Republik Rakyat Cina, sehinggalah dalam mengesan dan mengawal kes-kes *COVID-19* yang dibawa masuk ke negara ini adalah hasil daripada kerjasama dan kesepakatan

yang kukuh dari pelbagai pihak. Ditambah lagi dengan sumbangan-sumbangan secara sukarela dari kalangan agensi-agensi kerajaan dan sumbangan *material* yang diterima daripada pihak-pihak swasta yang sangat bermurah hati dan prihatin terhadap hal ehwal kesejahteraan masyarakat, telah menunjukkan kesatupaduan yang erat di antara sektor awam dan swasta. Mudah-mudahan kesatupaduan ini akan dapat dikekalkan demi kesejahteraan dan keamanan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. **اٰمِيْن**

Kementerian Kesihatan akan terus lagi meningkatkan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi penularan wabak penyakit berjangkit secara amnya. Pada bulan November 2019, kesiapsiagaan negara dalam menangani bencana kesihatan awam sememangnya telah pun diuji oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi pelaksanaan Peraturan Kesihatan Sedunia bagi pelaksanaan Peraturan Kesihatan Antarabangsa atau *International Health Regulations*. Penelitian ini adalah bertujuan untuk memastikan agensi-agensi yang bertanggungjawab ke atas kawalan dan penanganan insiden kecemasan kesihatan awam dapat dilaksanakan dengan bersepadu dan bersistematik serta mempunyai keupayaan dalam mengendalikan 4 fungsi pengawalan iaitu *respond, detect, prevent* dan *points of entry*. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** penilaian telah berjalan dengan lancar dan kesiapsiagaan negara adalah sebanding dengan negara-negara maju.

Buat masa ini, orang ramai tidaklah perlu untuk merasa cemas dengan peningkatan jumlah kes-kes *COVID-19* di negara ini. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, dengan adanya keupayaan dan kapasiti yang mencukupi, negara diharapkan akan mampu mengesan dan mengawal penularan wabak ini dengan baik dengan doa dan kerjasama dari orang ramai. Orang ramai juga diharap untuk tidak mewar-warkan berita dan maklumat yang tidak benar hingga menimbulkan huru-hara dan spekulasi negatif kepada pihak kerajaan dan orang awam dan akan bekerjasama dalam mematuhi nasihat dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak yang berkenaan, agar dapat membantu pekerja-pekerja kesihatan dan agensi-agensi lain menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan penuh profesional, sekali gus memastikan keberkesanan langkah-langkah pencegahan adalah bertepatan mengikut keperluan dan berkesan dengan izin **جاءَ اللَّهُ وَتَعَالَى سُبْحَانَهُ**.

Bercakap mengenai pencegahan yang berkesan, kita tidak boleh mengambil ringan akan pentingnya mengamalkan pencegahan asas. **رسول الله صلى الله عليه وسلم** bersabda yang diriwayatkan oleh Imam At-Tabarani yang bermaksud "Jagalah kebersihan dengan segala cara yang dapat kamu lakukan kerana **اللَّهُ** mendirikan Islam di atas kebersihan dan tidaklah masuk syurga kecuali orang yang menjaga kebersihan". Kaola tidak akan mengupas hadith ini dengan mendalam, cukuplah dengan kaola menggimbankannya dengan usaha

Kementerian Kesihatan yang juga dilaungkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi mengambil langkah-langkah pencegahan asas terutama sekali dalam memastikan kebersihan diri dan persekitaran sentiasa dijaga sehingga menjadi nilai murni dan etika yang harus ada dalam diri setiap individu. Pendekatan ini walaupun mudah dan asas, namun telah terbukti mempunyai impak yang sangat signifikan dalam mengawal jangkitan. Dengan adanya usaha-usaha pencegahan asas seperti ini ditambah lagi dengan bantuan dan sokongan daripada pihak kerajaan yang telah menyediakan sumber kewangan khas dan keperluan-keperluan logistik dalam operasi menangani wabak *COVID-19*, penanganan wabak **اللَّهُمَّ** telah dapat dan akan terus dijalankan dengan lancar dan teratur.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Peruntukan Tahun Kewangan 2020/2021 yang disokong bagi Kementerian Kesihatan ialah sebanyak \$382,518,290 dan perbelanjaan Kemajuan disokong sejumlah \$14,107,560 dengan Harga Rancangan sebanyak \$27,817,818. Ini menjadikan jumlah peruntukan keseluruhan Kementerian Kesihatan yang disokong adalah sebanyak \$396,625,850. Sejumlah besar daripada peruntukan ini dianggarkan akan dapat membiayai beberapa komponen utama perbelanjaan kesihatan iaitu dari segi sumber tenaga manusia, perkhidmatan perubatan dan kepakaran, pembelian ubat-ubatan dan penyediaan kemudahan

dan infrastruktur kesihatan. Selain daripada itu, kementerian juga telah merancang dan sedang mengunghayahkan beberapa projek untuk meningkatkan kecemerlangan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai yang akan kaola kongsi kemudian.

Di bawah peruntukan Tahun Kewangan 2020/2021, sebanyak 17 jawatan tambahan bagi Profesional Kesihatan Bersekutu (*Allied Health Professionals*) dalam pelbagai bidang kepakaran telah pun dipohonkan. Tambahan ini adalah sangat diperlukan bagi menampung kekurangan di perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan di seluruh negara. Sebanyak 20 peratus daripada warga Kementerian Kesihatan adalah terdiri daripada *Allied Health Professionals* dan merupakan salah satu tulang utama dalam memangkin penjagaan kesihatan Negara Brunei Darussalam, di samping para doktor dan jururawat. *Allied Health Professionals* juga adalah profesional yang bekemahiran tinggi dan bekerja secara berpasukan (*multidisciplinary team*) serta secara berintegrasi dengan profesional kesihatan yang lain bagi rawatan pesakit. Dengan adanya tambahan ini, diharap akan dapat meningkatkan lagi tahap perkhidmatan penjagaan kesihatan di negara ini sesuai dengan keperluan khususnya dalam bidang-bidang seperti prostetik dan ortotik, psikologi, terapi pertuturan, pergigian dan sebagainya.

Beberapa projek penambahbaikan infrastruktur kesihatan juga menampakkan kemajuan yang ketara. Bagi Tahun Belanjawan 2020/2021, projek-projek yang telah diluluskan di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-11 termasuk:

1. Pembinaan Blok Baru Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong bagi Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi;
2. Pembinaan Bangunan Perkhidmatan Kecemasan Hospita Suri Seri Begawan, Kuala Belait;
3. Penubuhan Makmal BSL3 yang diiktiraf sebagai Makmal Rujukan TB Kebangsaan dan Perkhidmatan Virologi di Daerah Tutong; dan
4. Pembinaan Pusat Kesihatan Kampung Pandan, Kuala Belait.

Di samping projek-projek di bawah RKN, Kementerian Kesihatan juga giat melaksanakan projek-projek penambahbaikan dan pengubahsuaian bangunan-bangunan mengikut keperluan pesakit dan orang ramai bagi meningkatkan keselesaan dan mengembangkan lagi beberapa perkhidmatan penting melalui kerja-kerja pemeliharaan yang berterusan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berpandukan hala tuju dan keutamaan strategik yang terkandung di dalam Wawasan Brunei 2035 dan selaras dengan perancangan

belanjawan 5 tahun Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Kesihatan telah menghasilkan Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019-2023 yang telah dilancarkan pada September 2019 dengan mengikut tema belanjawan *Investing for our Future*. Pelan ini memfokuskan kepada 5 matlamat Strategik Utama iaitu:

1. Kecemerlangan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan;
2. Pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit;
3. Perlindungan kesihatan awam melalui dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang berkesan;
4. Kedayatahan melalui pengguna sumber yang optimum dan inovasi; dan
5. Urus tadbir yang telus dan proaktif.

إِنْ شَاءَ اللهُ, inisiatif-inisiatif strategik yang telah dikenal pasti di bawah pelan ini akan cuba untuk sedaya upaya dilaksanakan mengikut sasarannya demi mengukuhkan lagi sistem kesihatan di negara ini.

Sistem kesihatan yang kukuh dan berdaya tahan boleh diukur melalui beberapa aspek mengikut komponen-komponen sistem kesihatan yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang termasuk dari segi keupayaan sumber tenaga manusia, dan

penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti yang dapat dinikmati dan diperolehi oleh setiap rakyat dan penduduk di sesebuah negara. Di arena antarabangsa, Negara Brunei Darussalam telah lama dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai sistem kesihatan di antara yang terbaik di rantau ini. Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengkategorikan negara kita sebanding dengan negara-negara maju di Rantau Pasifik Barat khususnya dalam mencapai liputan perkhidmatan penjagaan kesihatan (*universal health coverage*) yang sangat luas dimana hampir kesemua rakyat dan penduduk di negara ini dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan komprehensif dengan mudah dan percuma.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan terus lagi berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan ke tahap yang lebih tinggi. Justeru itu, perancangan strategik Kementerian Kesihatan mengambil kira aspek-aspek menyeluruh dengan meletakkan orang ramai sebagai teras utama dalam pemberian perkhidmatan. yang Ini termasuklah dari segi perancangan sumber tenaga manusia, penyediaan infrastruktur dan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang di negara ini.

Dari segi sumber tenaga manusia, Kementerian Kesihatan akan terus berusaha untuk menampung kekurangan tenaga kerja di kesemua bidang

perkhidmatan dan kepakaran. Ini adalah juga selaras dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu bagi memastikan orang ramai mendapat akses kepada profesional kesihatan yang terlatih dan berkemahiran demi mencapai tahap kesihatan yang terbaik untuk semua. Ke arah itu, Kementerian Kesihatan telah membuat beberapa inisiatif bagi memastikan ketersediaan sumber tenaga manusia mengikut jumlah yang optimum melalui inisiatif seperti mengisikan jawatan-jawatan kosong, mempercepatkan proses pengambilan tenaga kerja melalui perundingan dan konsultasi berterusan bersama pihak-pihak yang berkenaan dan membuat penganalisan dan kajian mengenai dengan isu dan cabaran sumber tenaga manusia kesihatan bagi menerokai kaedah-kaedah yang lebih inovatif dalam pengambilan profesional kesihatan. Kementerian ini juga menekankan akan kepentingan perkhidmatan daripada para profesional dalam pelbagai bidang, dalam pemberian apa jua rawatan kepada orang ramai dan pesakit.

Bagi memenuhi keperluan sumber tenaga manusia yang berkemahiran di kalangan anak tempatan dalam bidang-bidang professional yang berkaitan, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa usaha khususnya kerjasama yang berterusan dengan institusi-institusi tempatan bagi mengadakan kursus profesional yang sebelum ini kursus-kursus tersebut hanya dapat dihadiri di institusi-institusi luar negara. Perkara ini **إِنْ شَاءَ اللهُ** akan

menyumbang ke arah matlamat *localization* iaitu penghasilan bekalan sumber tenaga manusia tempatan yang mampan dan berkemahiran. Oleh itu, kementerian ini telah bekerjasama dengan institusi-institusi tempatan seperti Universiti Brunei Darussalam, Institut Teknikal Pendidikan Brunei (IBTE) dan Politeknik Brunei untuk menghasilkan kursus-kursus profesional dalam bidang kedokteran, kejururawatan dan *Allied Health Professionals (AHP)*, dalam pelbagai peringkat kelulusan. Antara usaha terkini yang dilaksanakan ialah dalam bidang pergigian dan kementerian ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan pihak Politeknik Brunei untuk mewujudkan kursus *Diploma in Health Sciences (Dental Hygiene and Therapy)* yang berjangka masa 3 tahun dengan pengambilan pertama pada Julai 2019, berjumlah seramai 13 orang pelajar 2 daripadanya ialah pegawai yang menghadiri kursus di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan daripada Kementerian Pertahanan. Melalui Memorandum Persefahaman tersebut juga, kedua-dua pihak juga bersetuju untuk mengguna pakai profesional dalam bidang pergigian dari Kementerian ini sendiri sebagai tenaga-tenaga pengajar bagi kursus tersebut. Pewujudan kursus-kursus tempatan seperti ini telah memberikan peluang bagi kemahiran profesional tempatan diiktiraf, sebanding dengan profesional dari luar negara.

Kursus dalam bidang *Dental Hygiene and Therapy*, sebelum ini hanya dapat dihadiri di luar negara dan pada lazimnya adalah sangat terhad pengambilannya, kebanyakan institusi-institusi luar negara lebih mengutamakan pengambilan yang terdiri daripada warga negara mereka sendiri daripada warga asing. *Dental Hygiene and Therapy* adalah antara perkhidmatan dokongan pergigian yang telah dikenal pasti sangat diperlukan di Kementerian ini. Dengan itu, adalah menjadi harapan pihak kementerian, melalui pewujudan kursus tersebut akan dapat menghasilkan lebih ramai anak-anak tempatan yang berkemahiran dalam bidang kepakaran pergigian, selain daripada memenuhi keperluan perkhidmatan Kementerian Kesihatan.

Perkhidmatan penjagaan kesihatan tidak akan sempurna tanpa adanya prasarana atau infrastruktur yang meliputi akses bagi seluruh rakyat dan penduduk di negara ini.

اللَّهُمَّ بِاللَّهِ pelaburan kerajaan bagi menyediakan infrastruktur kesihatan setakat ini adalah sangat komited dan dapat menampung keperluan negara. Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa, penelitian akan dibuat bagi memastikan prasarana yang sedia ada adalah dalam keadaan yang baik dan selamat, mencukupi dan sedia untuk menampung perkembangan penduduk dan keperluan perkhidmatan tambahan di masa akan datang.

Kementerian Kesihatan akan sentiasa memantau keperluan ini dan meneliti faedah jangka panjang dan keberkesananannya dari segi kos. Dalam merancang pembinaan infrastruktur yang baharu, Kementerian Kesihatan juga mempunyai inisiatif untuk memastikan fasiliti atau kemudahan kesihatan di negara ini mempunyai ciri-ciri infrastruktur yang selamat dan *built-for-purpose* mengikut keperluan perkhidmatan perubatan dalam jangka masa panjang. إِنْ شَاءَ اللَّهُ, Kementerian Kesihatan akan merujuk perkara ini kepada pakar-pakar *Health Planners* yang diiktiraf oleh badan-badan pengakreditasi bertaraf dunia seperti *Joint Commission International (JCI)* sebagai satu jaminan kepada Kementerian Kesihatan dalam memastikan keselamatan pesakit yang menjadi salah satu keutamaan teras di kesemua perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara ini, akan sentiasa dijaga dan diambil berat.

Dari segi penyampaian perkhidmatan pula, Kementerian Kesihatan juga akan terus berusaha untuk menangani isu-isu semasa yang lain terutama yang melibatkan orang ramai dengan memastikan perkhidmatan perkhidmatan yang berkualiti dan mesra pelanggan.

Kementerian Kesihatan sentiasa peka terhadap keperluan dan ekspektasi orang ramai dan akan berusaha untuk memenuhi keperluan dan ekspektasi orang ramai dan akan berusaha untuk memenuhi keperluan pelanggan secara

berterusan. Dalam perkara ini, pengurangan ketidakcekapan atau *inefficiency*, peningkatan produktiviti dan hasil atau *outcome* yang positif adalah menjadi prinsip dan motif penambahbaikan dalam perkhidmatan kesihatan. Dalam perkara ini beberapa jenis perkhidmatan telah dikenal pasti untuk dikembangmajukan bagi memperbaiki isu-isu operasi dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan atau *service delivery* kepada orang ramai. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ**, dalam mengambil kira maklum balas dan aduan-aduan membina daripada orang ramai, beberapa inisiatif penambahbaikan telah diperkenalkan yang sedikit sebanyak dapat mengurangkan isu-isu perkhidmatan seperti masa menunggu di beberapa perkhidmatan seperti Perkhidmatan Kemalangan dan Kecemasan dan Perkhidmatan Farmasi.

Sebagai contoh, Perkhidmatan Penghantaran Ubat melalui *GoRush* yang diperkenalkan pada penghujung bulan Februari 2019 telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Sehingga bulan Disember 2019, sebanyak 9,530 ubat-ubatan daripada 1,603 jumlah preskripsi telah dihantar kepada pelanggan-pelanggan di Daerah Brunei dan Muara. Melihat akan sambutan baik ini, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, pada tahun ini perkhidmatan Penghantaran Ubat kepada pesakit ini akan dibukakan juga di daerah-daerah yang lain. Perkhidmatan ini menampakkan kesan positif terhadap kesesuaian orang ramai di samping telah memberi peluang Kerjasama pihak kerajaan dengan pihak sektor swasta.

Ingin juga kaola kongsi bahawa pendekatan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan dalam melaksanakan projek - projek penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai tidak semestinya bergantung kepada sumber kerajaan secara keseluruhan akan tetapi dilaksanakan dengan cara yang lebih inovatif dengan melibatkan sektor-sektor luar kerajaan mengikut garis panduan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Kementerian Kesihatan melihat kepada situasi pemberian perkhidmatan pada masa ini, adanya peluang untuk berkolaborasi dengan pihak-pihak luar kerajaan dalam sama-sama memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Inisiatif-inisiatif seperti menjalankan kerja-kerja pemeliharaan aset dan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan melalui kaedah outsourcing dan sumbangan daripada syarikat-syarikat swasta yang sudi menyumbangkan dana bagi projek tertentu seperti pembinaan Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (*Child Development Centre*) akan dapat membantu Kementerian Kesihatan mengekalkan kedayatahan perkhidmatan di samping menjaga dan meningkatkan kualiti perkhidmatan.

Semoga usaha ini akan membuahkan hasil yang bermanfaat bagi semua pihak yang berkepentingan iaitu dari pihak kerajaan, pihak sector luar kerajaan iaitus elaras dengan usaha negara untuk memperkasa sektor swasta dan meningkatkan lagi kualiti dan mutu perkhidmatan kepada orang ramai.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Negara masih berdepan dengan cabaran menangani pengawalan penyakit tidak berjangkit (*NCD*). Oleh itu penekanan terhadap langkah-langkah pencegahan dan mempromosi gaya hidup yang sihat akan terus dititikberatkan dalam merancang strategi untuk mengurangkan kadar kejadian penyakit-penyakit kronik yang masih berleluasa dikalangan masyarakat Brunei. Fokus bagi tahun belanjawan 2020/2021 ini adalah untuk memperkukuhkan lagi program-program yang menjurus kepada amalan hidup sihat terutama sekali dalam memperbaiki persekitaran dan tren permakanan orang-orang Brunei dan program-program pengesanan awal penyakit-penyakit tidak berjangkit terutama sekali penyakit kanser.

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan termasuk Garispandu Kebangsaan Pemakanan bagi Pemakanan Sihat (*National Dietary Guidelines for Healthy Eating*) 2020 yang telah dilancarkan pada 16 Februari 2020. Garis panduan ini adalah merupakan asas bagi penghasilan sebarang dasar dan program pemakanan sihat di negara ini yang boleh digunakan oleh sektor kesihatan, pertanian dan agrimakanan, akademia dan pendidikan yang tertumpu kepada sains makanan, industri makanan dan minuman serta orang ramai amnya. Ianya mengandungi mesej utama yang tertumpu kepada pengambilan nutrien dan tingkah laku pengambilan pemakanan.

Ini juga diikuti dengan kempen media massa mengenai pengurangan pengambilan garam yang sedang dilaksanakan selama lebih kurang 6 bulan. Kempen-kempen seumpama ini sangat diperlukan untuk meningkatkan lagi *health literacy* di kalangan orang-orang kitani mengenai pengaruh permakanan dalam status kesihatan. Sehingga kini, Kementerian Kesihatan telah banyak mengeluarkan mesej-mesej kesihatan yang berhubung dengan permakanan melalui TV, radio, pawagam, media sosial dan juga di premis makanan. Walau bagaimanapun, impak mesej-mesej ini kepada tingkah laku orang ramai mengenai cara permakanan adalah perlu untuk diperbaiki lagi. Perlu diingatkan bahawa menjaga kesihatan itu adalah tanggungjawab bersama dan ianya memerlukan komitmen diri yang berterusan kerana kesan positif dari cara hidup yang sihat akan terhasil melalui perubahan gaya hidup dalam jangka masa yang panjang.

Dari itu, Kementerian Kesihatan melihat betapa pentingnya untuk menerapkan budaya dan gaya hidup yang sihat daripada awal lagi iaitu daripada peringkat kanak-kanak. Dalam perkara ini, Kementerian Kesihatan telah bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam menghasilkan dan melancarkan Garis panduan Pemakanan dan Kegiatan Fizikal bagi Pusat-pusat Penjagaan Kanak-kanak pada 24 Ogos 2019. Garis panduan ini diharap akan menjadi

rujukan dan dapat memberikan panduan kepada Pengusaha-pengusaha Pusat Penjagaan Kanak-kanak, khususnya, dalam pemberian makanan yang sihat, berzat, seimbang dan selamat serta penyediaan aktiviti-aktiviti jasmani dan kognitif yang bersesuaian mengikut perkembangan kanak-kanak, seterusnya, akan dapat menerapkan amalan cara hidup sihat di Pusat-pusat Penjagaan Kanak-kanak. Selain itu, ianya diharapkan akan dapat mewujudkan serta memastikan persekitaran yang sihat, bersih dan selamat bagi kanak-kanak untuk bergaul, bermain dan menerokai, sekali gus meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan.

Dalam meningkatkan lagi usaha pihak Kementerian Kesihatan untuk menangani masalah penyakit kronik seperti kanser, Kementerian Kesihatan juga mempergiatkan lagi Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (*National Health Screening Program*) yang telah dimulakan pada 26 November 2019 secara kolaborasi dengan *Pantai Jerudong Specialist Centre* bagi pengesanan awal penyakit kanser. Setiap tahun, lebih 700 kes kanser didaftarkan di Negara Brunei Darussalam, dengan peruntukan berjumlah \$40 juta setahun yang diperuntukkan bagi rawatan-rawatan kanser di Pusat Kanser Brunei (*TBCC*). Rawatan-rawatan penyakit kanser termasuk rawatan pembedahan, *chemotherapy* dan *radiotherapy* menelan belanja yang sangat tinggi yang dianggarkan sekitar puluhan dan ratusan

ribu bagi setiap pesakit. Manakala bagi prosedur pengesanan awal penyakit kanser hanya menelan belanja sebanyak beberapa ratus ringgit sahaja bagi setiap seorang.

Sebanyak \$80 ribu telah diperuntukkan bagi Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan pada tahun 2019/2020 semenjak ianya dimulakan pada tahun 2019. Pada tahun ini, Program Pemeriksaan memfokuskan kepada Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal dan Kanser Payudara. Seramai 45,000 orang telah dianggarkan layak untuk menjalani pemeriksaan kedua jenis kanser ini yang mana saringan kanser payudara adalah dikhususkan kepada wanita sahaja. Bagi saringan kanser kolorektal, semua rakyat dan penduduk tetap yang berumur diantara 50 hingga 75 tahun adalah layak untuk menjalani pemeriksaan, manakala bagi saringan kanser payudara adalah disasarkan kepada wanita yang berumur diantara 40 hingga 69 tahun. Sasaran Kementerian Kesihatan bagi kedua program saringan ini ialah untuk mencapai 40% iaitu 18,000 daripada 45,000 orang dalam kumpulan sasaran bagi setiap program saringan akan dapat menjalani pemeriksaan dalam masa 5 tahun. Setakat ini, seramai lebih kurang 1,800 orang telah menyertai program saringan bagi pemeriksaan awal kanser payudara dan lebih kurang 200 orang mendaftar bagi pemeriksaan awal kanser kolorektal.

Orang ramai seharusnya mengambil peluang keemasan ini untuk tampil dan

menghadirkan diri untuk membuat pemeriksaan awal kerana pengesanan awal penyakit kanser itu bukan sahaja akan mengurangkan beban kos rawatan, malah juga bertujuan untuk mengurangkan komplikasi, memberi peluang yang tinggi untuk sembuh, dan mampu mengurangkan beban yang lain selain daripada beban penyakit kepada pesakit sendiri, ahli keluarga dan juga masyarakat. *إِنْ شَاءَ اللهُ* ini adalah merupakan salah satu usaha yang berkebajikan dari pihak kerajaan kerana tidak banyak negara di dunia ini yang mampu memberikan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit yang bersistematik dan menyeluruh seperti program saringan kanser secara percuma. Oleh itu, orang ramai yang termasuk di dalam kumpulan sasaran yang telah dinyatakan tadi, adalah sangat dialu-alukan untuk menyertai program saringan kanser ini. Maklumat lanjut mengenai program saringan kanser kolorektal dan kanser payudara boleh didapati melalui laman web Kementerian Kesihatan.

Manakala usaha Kementerian Kesihatan dalam isu kesihatan mental, inisiatif Kementerian ini mengadakan Talian Harapan 145 telah membantu pihak kementerian meningkatkan lagi perkhidmatan psikologi yang menembusi setiap lapisan masyarakat yang mempunyai masalah kesihatan mental, dengan perkhidmatan yang lebih pemedulian dan prihatin dengan menyediakan *medium* atau platform bagi

mereka mengongsikan permasalahan mereka secara peribadi.

Sebanyak 2,613 panggilan telah diterima di sepanjang tahun 2019 yang mana sebanyak 168 kes telah dirujuk ke perkhidmatan dan jabatan berkenaan seperti Perkhidmatan Psikologi, Perkhidmatan Psikiatri, Perkhidmatan Kemalangan dan Kecemasan, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Perkhidmatan Polis Diraja Brunei untuk menerima rawatan atau perkhidmatan lanjut.

Salah satu lagi golongan sasaran yang menjadi keutamaan Kementerian Kesihatan ialah golongan warga emas. Seperti mana di negara-negara lain di rantau ini, Brunei Darussalam juga menghadapi peningkatan dari segi jumlah warga emas yang dianggarkan sebanyak 5.4% daripada penduduk di negara ini berumur 65 tahun ke atas. Bagi memastikan tahap kesejahteraan dan kesihatan warga emas di negara ini dipedulikan, beberapa program juga telah diperkenalkan dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Program Promosi Kesihatan Warga Emas telah mula diperkenalkan di Pusat Kegiatan Warga Emas Lambak Kanan sejak 2014. Semenjak itu program ini telah direviu dan diperkenalkan kembali dan dilartkan ke Daerah Belait dan Tutong pada tahun 2019. Tujuan utama program ini adalah untuk memberikan kesedaran tentang pentingnya menjaga kesihatan bagi

proses penuaan yang sihat dengan mengamalkan gaya hidup sihat dan memberikan pengetahuan tentang perkhidmatan yang ada diberikan di Kementerian Kesihatan.

Sekali lagi, kaola ingin menekankan bahawa kerjasama padu daripada agensi-agensi kerajaan yang lain serta mana-mana pihak luar kerajaan termasuk pihak *NGOs* dan pihak swasta, adalah sangat penting dalam menjayakan apa jua program yang dihasratkan untuk kesejahteraan dan kepentingan orang ramai. Dalam perkara ini, kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak-pihak yang terlibat dalam membantu Kementerian Kesihatan khususnya dalam menjayakan program-program kesihatan masyarakat terutama sekali melalui kerjasama *Multi-Sectoral Taskforce on Health* yang telah diwujudkan sejak tahun 2017, yang tidak akan berhasil tanpa adanya sokongan dan komitmen dari semua yang terlibat.

Sekian saja yang dapat kaola sampaikan mengenai strategi utama dan fokus bagi perbelanjaan Kementerian Kesihatan bagi Tahun 2019/2020 sebagai Mukadimah Kementerian Kesihatan, terima kasih.

MUKADIMAH YANG BERHORMAT MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ،

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli
Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Lebih dahulu, kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Pengerusi atas peluang untuk mengongsikan mukadimah kaola sebagai pembuka laluan kepada perbincangan Anggaran Peruntukan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) bagi Tahun Kewangan 2020/2021.

Kaola juga dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi penyediaan peruntukan yang disokong untuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi sebanyak \$93,103,035 (Sembilan puluh tiga juta, seratus tiga ribu dan tiga puluh lima ringgit Brunei) bagi Tahun Kewangan 2020/2021.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** tema belanjawan bagi Tahun Kewangan 2020/2021 iaitu "*Investing in Our Future*" juga turut mendukung hala tuju

kementerian ini. Dalam pergolakan dunia masa kini dengan pelbagai cabaran seperti penularan virus *COVID-19* serta impak-impaknya kepada ekonomi dunia khususnya melalui penurunan harga minyak dan gas, maka setentunya Negara Brunei Darussalam perlu meningkatkan kesiapsiagaan dalam menanganinya.

Di sinilah juga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) akan terus mendukung usaha untuk mengekalkan kedayatahan ekonomi kita serta mempelbagaikan ekonomi melalui antaranya peningkatan inovasi dalam memperkembangkan industri dan sektor khususnya di dalam sektor pengangkutan dan sektor infokomunikasi.

Seperti jua Rang Belanjawan 2020/2021 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, hala tuju dan fokus utama MTIC adalah sejajar dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah *Smart Nation*. Yang mana ianya adalah berpandukan kepada 6 Teras Strategik seperti berikut, iaitu:-

- i. Transformasi digital;
- ii. Memastikan Sektor Pengangkutan dan Sektor Infokomunikasi sentiasa berdaya maju dan mempunyai kedayatahan;

- iii. Piawaian keselamatan sentiasa terpelihara di dalam Sektor Pengangkutan dan Sektor Infokomunikasi;
- iv. Rangka kerja penggubalan dasar dan pengawalseliaan yang kondusif bagi pelaburan dan pemberian perkhidmatan;
- v. Transformasi organisasi; dan
- vi. Pengukuhan kerjasama antarabangsa.

Pensejajaran Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC2025) dan juga Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 yang sedang dikemaskinikan pada masa ini, kepada Wawasan 2035 akan dihalatujukan untuk mendukung tema belanjawan tersebut demi menyumbang kepada kedayatahan ekonomi negara masa kini dan generasi akan datang di bawah visi kementerian iaitu "*Connected Smart Nation*".

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** sumbangan sektor pengangkutan bagi tahun 2019 adalah sebanyak 1.8% atau \$325.5 juta ringgit Brunei sementara sumbangan infokomunikasi adalah sebanyak 1.9% atau \$362.4 juta ringgit Brunei.

Manakala bagi kadar pertumbuhan untuk sektor pengangkutan meningkat sebanyak 6.1% pada tahun 2019 jika

dibandingkan dengan kadar pertumbuhan sebanyak 0.3% pada tahun 2018. Bagi sektor infokomunikasi pula, kadar pertumbuhan adalah juga meningkat sebanyak 2.6% bagi tahun 2019 jika dibandingkan dengan 1.3% pada tahun 2018.

إِنْ شَاءَ اللهُ usaha-usaha akan terus dilaksanakan bagi menyasarkan peningkatan dalam sumbangan kementerian bagi Tahun Kewangan 2020/2021 ke arah mencapai kedayatahanan sektor dan pertumbuhan industri yang dihasratkan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seterusnya, izinkan kaola untuk menyampaikan hala tuju pelaksanaan kementerian ini bagi Tahun Kewangan 2020/2021 ini nanti.

Pertama, mengenai Transformasi Digital – dengan dipandu bersama oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, inisiatif menaik taraf dan transformasi infrastruktur telekomunikasi di negara ini melalui penubuhan sebuah syarikat network operator milik kerajaan, UNN Sdn Bhd, kini sedang dalam pelaksanaan. Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengucapkan syabas dan setinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan pihak *Darussalam Assets (DA)* kerana menerajui inisiatif transformasi ini.

Penaiktarafan dan transformasi infrastruktur telekomunikasi ini merupakan antara nadi utama kepada inisiatif ekonomi digital seperti yang dikenal pasti dalam draf Pelan Induk Ekonomi Digital yang sedang dikemaskinikan masa ini. إِنْ شَاءَ اللهُ, usaha ini seterusnya dihasratkan akan membawa Negara Brunei Darussalam mencapai status *Smart Nation*.

Di samping itu juga, beberapa pengukuhan struktur dan integrasi dasar telah dijalankan di bawah MTIC. Antaranya adalah penyerapan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (*EGNC*) dan *Overall Government CIO* yang sebelum ini di bawah Jabatan Perdana Menteri serta Bahagian Digital Nation di bawah Kementerian Tenaga, ke MTIC.

Dari aspek penyelidikan dan inovasi pula, Bahagian Sains, Teknologi, *Innovation* dan *Brunei Research Council (BRC)* yang sebelum ini di bawah Kementerian Tenaga kini juga ditempatkan di bawah MTIC. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, penyatuan ini adalah salah satu transformasi yang dihasratkan bagi mendukung dasar-dasar untuk memantapkan lagi sektor infokomunikasi.

Dalam penyediaan maklumat yang sedia ada kepada orang ramai dan mendukung insiatif *Open Data*, *EGNC* telah mengenalkan *Portal data.gov.bn* bagi kegunaan orang ramai. Di antara fungsi utamanya adalah bagi membolehkan agensi-agensi kerajaan untuk mengongsikan maklumat yang

tidak sensitif kepada orang ramai. Setakat Januari 2020, *portal data.gov.bn* mengandungi 576 set data yang telah dikongsikan oleh 13 buah agensi-agensi kerajaan.

Di samping itu juga, *EGNC* sedang dalam pelaksanaan bagi sebuah *National Centralized Database (NCDB)* yang akan memudahkan data-data yang sama (*common data*) untuk dikenal pasti bagi memudahkan agensi-agensi untuk berkongsi maklumat yang relevan. Selain itu, inisiatif ini juga membantu pengintegrasian data di antara agensi-agensi kerajaan bagi mengurangkan kos dan tempoh proses tersebut.

Aspek lain yang perlu dilihat dalam sebarang perkongsian data adalah bagi pelaksanaan rangka kerja perlindungan data. Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (*AITI*) sedang dalam penyediaan satu rangka kerja bagi urus tadbir data (*data governance*).

Aspek keselamatan siber juga adalah sangat dititikberatkan dan usaha-usaha dalam penyediaan dasar dan aktanya sedang giat dijalankan pada masa ini. بِإِذْنِ اللَّهِ, *MTIC* dengan kerjasama beberapa pihak yang berkenaan adalah di peringkat penubuhan sebuah agensi khusus menangani keselamatan siber, iaitu *Cyber Security Brunei (CSB)*.

Dalam sektor telekomunikasi, sekarang kita sudah mempunyai pilihan bagi mendapatkan konektiviti sama ada secara *mobile* atau *fixed* pada harga

yang berpatutan dan pilihan dari segi *packaging*. Dengan membukakan sektor tersebut, ini akan lebih meningkatkan kualiti perkhidmatan yang pada ketika ini sebanyak 70% ke 99% kawasan di seluruh negara mempunyai liputan (*coverage*) 3G dan 4G. Malahan beberapa kawasan telah mempunyai liputan 4G+. Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan dalam persediaan untuk mendapatkan liputan 5G. Beberapa projek rintis 5G akan dilaksanakan pada suku kedua tahun 2020 ini. Hasil daripada projek rintis itu akan boleh meningkatkan lagi inovasi dan penggunaan teknologi terkini seperti *Artificial Intelligence (AI)* dan *Internet of Things (IoT)*.

Kedua, dalam memastikan Sektor Pengangkutan dan Sektor Infokomunikasi sentiasa berdaya maju dan mempunyai kedayatahan. Bagi sektor pengangkutan, beberapa inisiatif inovatif telah dilaksanakan di antaranya adalah:

- i. Memperkenalkan perkhidmatan pembayaran secara *cashless* dengan menggunakan kad-kad debit dan kredit di kaunter-kaunter JPD baru-baru ini;
- ii. Pelaksanaan *digitisation* JPD secara berfasa dengan menggunakan teknologi seperti borang permohonan dan pendaftaran secara *web-based* bagi menggantikan borang yang dimuat turun dan seterusnya ke perkhidmatan-perkhidmatan di atas talian yang lain.

iii. Penggunaan *Data Analytics* dalam pengumpulan dan penganalisaan data terutama sekali bagi membantu dalam penggubalan dasar. Melalui projek kerjasama MKKJR dan UTB - *Road Accident Data Development and Enhancement (RADED)*, data-data yang diperolehi boleh membantu mengenal pasti penyebab - penyebab kemalangan jalan raya dan langkah-langkah bagi pengurangannya.

Dalam melangkah ke hadapan menuju ke era Industri Revolusi Keempat, dengan peruntukan yang telah pun diberikan untuk mempertingkatkan pengangkutan awam di negara ini, beberapa inisiatif inovatif yang akan dan sedang dilaksanakan, antara lainnya adalah:

- i. *Electric vehicles (EV)* – satu jawatankuasa kerja yang dipandu 408ersama oleh MTIC dan Kementerian Tenaga telah ditubuhkan bagi menggubal satu dasar dan peraturan serta mengadakan program yang bertujuan untuk menyokong *EV deployment* di negara ini;
- ii. Pelancaran aplikasi mudah alih iaitu *TransportBN* pada 18hb September 2019, sebagai pemudah cara kepada orang ramai bagi penyediaan maklumat dan juga bagi sebarang pembaharuan permohonan yang akan dipertingkatkan dari masa ke semasa;

iii. Dengan peruntukan sebanyak \$10.2 juta ringgit Brunei bagi meningkatkan sistem pengangkutan awam di Negara Brunei Darussalam, *إِنْ شَاءَ اللهُ*, satu Projek Rintis *Intelligent Transport System (ITS)* akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat ini sebagai salah satu usaha kementerian untuk memperbaiki Sistem Pengangkutan Awam di Negara Brunei Darussalam.

iv. Projek ini akan menggunakan teknologi yang sedia ada seperti penyediaan *wifi* di dalam pengangkutan, penggunaan aplikasi bagi *booking* dan sebagainya. Adalah diharapkan dari projek rintis itu, ianya akan berkembang kepada satu sistem pengangkutan yang pintar – iaitu *Smart Transportation*.

Bagi sektor penerbangan awam, sukacita kaola kongsi pada tahun 2019, buat kali pertamanya semenjak 2011, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) telah merekodkan jumlah melebihi 2 juta penumpang. Bagi terus memastikan Lapangan Terbang kita ini *vibrant* dan setanding dengan lapangan terbang di negara-negara lain di samping menjana aktiviti perkonomian negara, beberapa usaha juga dijalankan, antaranya:

- i. Pengisian ruang di LTAB yang sekarang telah mencapai sebanyak 84% dan 16% adalah sedang di dalam perancangan untuk diisikan;

- ii. Pengisian ruang-ruang di LTAB menjana pekerjaan kepada anak-anak tempatan terutama sekali di dalam sektor *non-aeronautical* yang mana 79% adalah di kalangan anak-anak tempatan (*329 anak tempatan / 90 pekerja asing*); dan
- iii. Mereviu Pelan Induk bagi LTAB melalui satu Jawatankuasa Pandu dengan kaedah *whole of nation* bagi memastikan ianya adalah menuju ke arah pembangunan negara dan penjana ekonomi.

Bagi sektor pos pula, Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP) juga telah meneroka peluang kerjasama baharu sebagai persediaan awal sebelum melangkah sebagai sebuah entiti korporat. Sebagai contoh baru-baru ini, JPP juga telah mengadakan satu projek usaha sama dengan Syarikat OSCO Sendirian Berhad dalam menyediakan perkhidmatan penghantaran barangan (EMS) yang berlokasi di LTAB dan mula beroperasi pada 30hb November 2019.

Di bidang *ICT* pula, melalui projek Anugerah *ICT* Brunei (*BICTA*), Kementerian ini juga terus mendorong penglibatan aktif sektor swasta, institusi pendidikan dan sekolah-sekolah dalam menghasilkan produk-produk *ICT* yang diharapkan dapat dilanjutkan kepada aplikasi penggunaan di negara ini. Di samping itu, produk-produk juga turut dikomersialkan untuk pengeksportan ke luar negeri.

Setakat ini, 28% ataupun 16 produk daripada penyertaan Projek *BICTA* masih aktif dan 13% iaitu 7 daripada 53 produk sudahpun dikomersialkan. Dari jumlah keseluruhan ini, sebanyak 93 peluang pekerjaan telah dapat dibukakan iaitu sebanyak 77% ataupun 66 pekerja terdiri daripada anak-anak tempatan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perkara ketiga iaitu teras strategik bagi pengkelan piawaian keselamatan dalam sektor pengangkutan. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** buat pertama kalinya, terdapat penurunan kemalangan jalan raya yang berturut-turut dari tahun 2017 hingga ke tahun 2019. Begitu juga dengan kemalangan yang melibatkan kematian, statistik juga menunjukkan penurunan 2 tahun berturut-turut dari 41% pada tahun 2017 ke tahun 2018 dan turun lagi 23% pada tahun 2018 ke tahun 2019.

Penurunan ini adalah sedikit sebanyak hasil daripada usahasama yang telah diungkapkan secara *whole of nation* yang melibatkan agensi kerajaan, swasta dan *NGOs* dalam melaksanakan kempen keselamatan jalan raya melalui aktiviti-aktiviti keagamaan, pemberitaan, pendidikan dan penguatkuasaan.

Dalam pengangkutan maritim pula, perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan adalah prioriti utama bagi MPABD. Buat pertama kalinya semenjak penubuhannya pada tahun 2017, pihak MPABD telah mengadakan demonstrasi

Latihan Kecemasan pada 21 November 2019. Latihan tersebut diadakan dengan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan yang lain dan objektif utama latihan diadakan adalah bagi menguji prosedur dan komunikasi jika sekiranya berlaku sebarang insiden kecemasan.

Begitu juga bagi sektor penerbangan awam, latihan keselamatan secara *Table Top* juga telah dijalankan oleh Jabatan Penerbangan Awam pada 5 Disember 2019 di LTAB. Inisiatif ke arah kesiapsiagaan ini adalah penting terutama sekali dengan persediaan Negara Brunei Darussalam untuk mempersiapkan mesyuarat-mesyuarat kemuncak yang akan datang. Ini adalah juga termasuk Mesyuarat Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN yang akan diadakan pada bulan November 2020.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli -Ahli Yang Berhormat. Keempat, dalam mengutamakan rangka kerja dasar dan kawalseliaan yang kondusif bagi pelaburan, *MTIC* dan jabatan-jabatan di bawahnya sedang giat meneruskan inisiatif-inisiatif usaha sama dengan sektor swasta dan *industry players*. Kaedah permuzakarahannya yang berterusan ini adalah salah satunya cara bagi mendapatkan maklum balas serta berkongsi pandangan dalam mempayukan sebarang cadangan dasar yang perlu digubal atau dikemas kini.

Di samping itu juga, bagi menggalakkan dan memudah cara proses-proses yang berkaitan, maka *MTIC* kini sedang

mereviu dan menggubal sebanyak 34 akta dan peraturan supaya lebih relevan, kondusif dan kemas kini bagi memudah cara perkembangan industri dan pelaburan.

Kelima, sehubungan dengan transformasi organisasi sebagai dukungan kepada inisiatif yang turut dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenai dengan pengkorporatan yang melibatkan Jabatan Perkhidmatan Pos, sukacita kaola kongsi bahawa sebuah syarikat milik kerajaan melalui *Darussalam Assets (DA) Sdn Bhd* telah ditubuhkan, iaitu Syarikat PosBru Sdn Bhd.

Melalui syarikat ini, operasi yang dijalankan sebelum ini oleh Jabatan Perkhidmatan Pos, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan diteruskan dengan pendekatan baharu. Dalam hal ini, beberapa perkara utama sedang dipertimbangkan oleh MTIC, DA dan agensi berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam bagi memastikan proses peralihan yang lancar.

Akhir sekali, teras strategik keenam iaitu Pengukuhan Kerjasama Antarabangsa. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** melalui Mesyuarat Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN (*ASEAN Transport Ministers' Meeting - ATM*), beberapa perjanjian serantau telah ditandatangani bagi membukakan perkhidmatan pengangkutan udara antara negara-negara ahli ASEAN dan juga dengan rakan-rakan dialog rantau ASEAN. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** seperti yang kaola sebutkan, negara ini akan

mempengerusikan Mesyuarat ATM pada bulan November tahun 2020 ini.

Sektor infokomunikasi serantau juga telah menjalani satu penjenamaan yang mengambil kira akan lebih meluasnya skop dan peranan infokomunikasi di era digital ini.

Ini adalah dengan penukaran nama *ASEAN TELMIN* kepada *ASEAN Digital Ministers' Meeting (ADGMIN)* dan menyelaraskannya dengan rangka kerja penyediaan *ASEAN Digital Masterplan 2025* bagi menggantikan *ASEAN ICT Masterplan 2020*. MTIC tidak ketinggalan dalam meraih manfaat melalui memorandum persefahaman bersama negara-negara tertentu khususnya dalam sektor pengangkutan dan infokomunikasi.

Sepanjang tahun 2019, negara ini telah menandatangani beberapa memorandum persefahaman di dalam bidang ICT, e-Kerajaan dan Pengangkutan Udara.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagai rumusan, MTIC sentiasa menuju ke arah dasar-dasar yang menjurus kepada *adaptability to technology* sama ada dalam sektor pengangkutan dan infokomunikasi yang dapat mendukung khususnya aspirasi tema belanjawan pada tahun ini dan bagi memudah cara pertumbuhan sektor, industri dan negara bagi menuju ke arah *digital-ready society* yang dihasratkan.

Sekianlah sahaja yang dapat kaola sampaikan mengenai hala tuju Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) serta usaha-usaha yang dihasratkan akan membuahkan hasil dan impak yang dihasratkan, khususnya ke arah menjayakan Wawasan Negara 2035.

Sekian, *وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته*

MUKADIMAH YANG BERHORMAT MENTERI TENAGA

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ, lebih dahulu, peramba/kaola/saya bagi pihak Kementerian Tenaga dan jabatan di bawahnya menyebarkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas keberangkatan baginda dan titah yang dikurniakan pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 9 Mac 2020.

Sesungguhnya baginda mempunyai pandangan yang jauh dan menyeru kita untuk mengambil beberapa langkah dalam keadaan ekonomi sedunia yang tidak menentu ketika ini.

HARGA MINYAK

Walaupun harga minyak mentah pada tahun lepas telah menunjukkan sedikit pemulihan dengan harga purata USD64.09 ringgit setong, harga minyak mentah yang masih tidak menentu ketika ini adalah hasil daripada beberapa perkembangan yang berjalan serentak

dan mendadak, seperti mana jua titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berikutan kejatuhan minyak mentah pada tahun 2014, negara-negara *OPEC* dan beberapa negara bukan *OPEC* telah mewujudkan satu kesepakatan yang dikenali sebagai *Declaration of Cooperation* sejak Disember 2016. Di bawah inisiatif ini, negara-negara yang ikut serta mengambil tindakan untuk menyekat pengeluaran minyak masing-masing untuk mengimbangi pasaran minyak iaitu dengan menurunkan pembekalan atau *supply* bagi memadankannya dengan *permintaan (demand)* dunia. Kesan kesepakatan ini adalah harga minyak telah melihat pemulihan sehingga tahun 2019 dan setakat ini, 2.1 juta tong minyak sehari telah dikurangkan dari pasaran dunia ke arah itu.

Sejak bulan Disember 2016 sehingga sekarang, Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Tenaga telah menjadi ahli kepadanya memandangkan betapa pentingnya penstabilan harga minyak mentah kepada ekonomi negara. Walau bagaimanapun, kesepakatan *Declaration of Cooperation* ini hanya merangkumi 40% daripada pengeluaran minyak sedunia. Manakala 60% pengeluaran minyak adalah daripada negara-negara lain yang tidak mengehadkan pengeluaran minyak mereka. Mereka pula mendapat manfaat daripada kenaikan harga minyak, yang

menampung perbelanjaan pemajuan dalam minyak dan gas.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pengeluaran minyak dan gas meningkat secara berterusan, terutama daripada Amerika Syarikat, Brazil, Kanada dan Norway, yang mana adalah negara-negara di luar kesepakatan *Declaration of Cooperation*. Ini menyebabkan pengeluaran yang meningkat dan melebihi permintaan sedunia.

Apabila wabak jangkitan *coronavirus (COVID-19)* melanda Republik Rakyat China, iaitu salah satu pembeli dan pengguna minyak mentah terbesar di dunia, permintaan minyak mentah menurun dan terus digawatkan dengan penularannya kepada negara-negara lain. Ini menurunkan beberapa aktiviti ekonomik yang menyumbang kepada penurunan permintaan minyak mentah seperti dari sektor pengangkutan, *supply chain*, pelancongan dan perjalanan antarabangsa secara amnya dan juga beberapa aktiviti industri.

Oleh yang demikian, pada bulan Februari 2020 pihak *OPEC* mula mengetengahkan cadangan untuk mengurangkan lagi pengeluaran minyak mentah negara-negara *OPEC* dan bukan *OPEC* untuk menstabilkan pasaran minyak mentah dan menaikkan semula harga minyak ketika berdepan dengan kesan *COVID-19*. Berita awal mengenai cadangan ini telah meningkatkan keyakinan pasaran dan *speculators*.

Namun begitu, pada Mesyuarat Menteri-Menteri *OPEC* dan Bukan *OPEC* Kali ke-8 yang berlangsung di Vienna, Republik Austria pada 6 Mac 2020, yang turut dihadiri oleh Kementerian Tenaga, negara-negara yang terlibat tidak sampai persetujuan untuk mengadakan sekatan tambahan terhadap pengeluaran minyak mentah mereka. Persekutuan Rusia selaku peneraju bagi negara-negara bukan *OPEC* dan Arab Saudi selaku peneraju bagi negara-negara *OPEC* di bawah kesepakatan *Declaration of Cooperation* telah berlainan pendapat mengenai cara untuk menangani isu penurunan minyak mentah yang berterusan dengan lebih berkesan.

Oleh demikian, kesepakatan penyesuaian minyak mentah hanya berterusan sehingga penghujung Mac 2020 ketika ini dan perbincangan lanjut mungkin diadakan lagi pada masa akan datang setelah memerhatikan dinamik pasaran dalam masa satu ke dua bulan ini.

Tanpa persetujuan di mesyuarat tersebut, timbul berbagai spekulasi sehingga menyebabkan kejatuhan harga minyak yang drastik iaitu lebih kurang dari USD45.27 setong pada 6 Mac 2020 ke lingkungan USD34.36 setong pada 9 Mac 2020, iaitu penurunan sebanyak USD10.91 atau 24 peratus.

Berikutan itu, Arab Saudi telah pun mengambil langkah untuk menurunkan lagi harga minyaknya dan beberapa laporan mengatakan kedua-dua negara Rusia dan Arab Saudi sedang dalam

pertelingkahan harga (*pricing war*) dengan Amerika Syarikat yang bertujuan untuk menyekat perkembangan pengeluar minyak Amerika Syarikat. Harga minyak mentah *Dated Brent* pada hari Sabtu, 14 Mac 2020 adalah USD32.75 setong.

Namun begitu, pada ketika ini, pihak kementerian akan meneliti perkembangannya secara berterusan dan memantau impaknya terhadap pengeluar-pengeluar minyak lain, kerana penurunan harga ini mungkin akan mengurangkan jumlah pengeluar minyak yang mempunyai kos tinggi dan boleh membukakan ruang pasaran minyak kepada pemain-pemain lain yang dapat mengawal kos pengeluaran.

Pihak pengendali minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam terus diingati untuk mengawal perbelanjaan dan meneruskan perbelanjaan secara berhemah agar memelihara hasil kerajaan dari penjualan minyak dan gas.

Dalam keadaan tidak menentu ini, pihak Kementerian memberi fokus sepenuhnya untuk memastikan sektor tenaga sebagai nadi ekonomi utama negara adalah stabil dan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kesan negatif dari pergerakan pasaran minyak dan gas dunia ketika ini. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi kementerian ini untuk memberi fokus sepenuhnya kepada portfolio tenaga adalah amat tepat masanya.

PERUNTUKAN KEMENTERIAN

Peramba / kaola / saya seterusnya mengucapkan setinggi - tinggi menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas cadangan peruntukan sebanyak dua ratus tiga belas juta, lapan ratus tiga puluh satu ribu, sembilan ratus empat puluh ringgit (B\$213,831,940), yang mana adalah termasuk peruntukan perbelanjaan biasa sebanyak seratus enam puluh lapan juta, enam ratus enam puluh dua ribu, dua puluh ringgit (\$168,662,020) dan peruntukan perbelanjaan kemajuan sebanyak empat puluh lima juta, seratus enam puluh sembilan ribu, sembilan ratus dua puluh ringgit (\$45,169,920) yang disediakan untuk Kementerian Tenaga dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik di bawahnya, serta sokongan dan kepercayaan yang diberikan.

Dalam permohonan peruntutannya, Kementerian Tenaga dan jabatan di bawahnya telah berusaha untuk menghadkan permohonannya secara berhemah kepada perkara-perkara yang terpenting dan kritikal sahaja kepada ekonomi dan kemajuan negara.

SEKTOR TENAGA

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan iklim ekonomi dan peralihan tenaga global, Kementerian Tenaga memberi tumpuan kepada memastikan penyediaan

tenaga yang selamat, mampan dan berdaya tahan sambil mengembangkan lagi sektor tenaga untuk mendukung pertumbuhan ekonomi, aktiviti-aktiviti kemajuan negara dan juga keperluan rakyat. Sektor tenaga terus menjadi sektor penting yang menyumbang sekitar 60% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar bagi Negara Brunei Darussalam dan 90% eksport negara.

PENCAPAIAN TAHUN 2019 DAN UNJURAN BAGI TAHUN 2020

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ , isi padu pengeluaran minyak dan gas negara pada tahun 2019 telah meningkat buat kali pertama selepas melihat trend yang menurun sahaja sejak tahun 2015.

Ini adalah hasil daripada peningkatan aktiviti penerokaan, termasuk di kawasan *deepwater*, mempercepatkan pembangunan padang laut yang telah ditemui, mengoptimumkan pengeluaran dan penyelesaian beberapa aktiviti penyelenggaraan untuk meningkatkan integriti aset.

Penerokaan telah dimajukan atas dorongan pihak kementerian sehingga melaksanakan 12 buah telaga eksplorasi berbanding dengan sasaran 5 buah telaga sahaja. 10 telaga daripadanya telah berjaya menemui sumber hidrokarbon baharu dan 9 daripadanya dapat dimajukan lagi secara komersial. Secara keseluruhan, rizab negara telah meningkat sebanyak 181.85 juta tong dan *reserve replacement ratio* telah

meningkat kepada 1.34 berbanding dengan 0.67 pada tahun 2018. Ini bermaksud bagi setiap tong minyak dan gas yang dikeluarkan, penggantinya sebanyak 1.34 tong telah ditemui pada tahun 2019. Ini menyumbang kepada memanjangkan hayat sektor minyak dan gas secara berdaya tahan.

Prestasi yang meningkat ini dirancangan untuk berterusan pada tahun 2020 juga dengan penetapan sasaran pengeluaran minyak mentah dalam negeri sebanyak 125 ribu tong sehari berbanding dengan 121 ribu tong sehari pada tahun 2019.

Pada ketika ini, terdapat beberapa projek *deepwater* yang sedang dalam proses perkembangan untuk mengeluarkan minyak pertama dalam sekitar 4 ke 5 tahun akan datang.

Bagi gas asli, pengeluaran pada tahun 2019 adalah sebanyak 226 ribu *barrels of oil equivalent* sehari dan jumlah pengeluaran ini dikekalkan di paras yang serupa pada tahun 2020.

Dengan mengambil kira sektor minyak dan gas hulu telah beroperasi selama lebih 90 tahun, langkah-langkah terus diambil dibawah projek rejuvenasi. Ini adalah untuk memastikan pengeluaran minyak dan gas dari aset-aset matang, termasuk pelantar dan talian paip, terus stabil, selamat dan mencapai tahap operasi optimum. Di samping itu, kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan fasiliti dan alat kelengkapan dipertingkat-

kan. Kerja-kerja penyelenggaraan dan menaikkan taraf loji gas cecair asli negara juga dilaksanakan untuk memastikan operasi yang stabil.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ pada tahun lepas keselamatan atau HSE di sektor minyak dan gas terus berada di taraf yang tinggi, tanpa insiden HSE utama.

Ketika ini, pelaburan kapital bagi sektor minyak dan gas diramalkan akan dipertingkatkan lagi pada tahun 2020 dengan penerapan teknologi untuk meningkatkan keberkesanan operasi, pengesanan (*detection*) dan pemantauan.

Di samping itu, trend ini juga adalah disebabkan oleh kapital bagi menjalankan penerokaan dalam kawasan *deepwater*, yang merupakan bidang yang *technology-intensive*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sumbangan ekonomi dari sektor tenaga terus meningkat dengan perkembangan di sektor hiliran minyak dan gas, yang bertujuan untuk mengurangkan kesan pergolakan harga minyak mentah ke atas ekonomi negara.

Dari gas asli tersebut tadi, pengeluaran bergabung (atau *combined production*) bagi produk gas cecair asli (*LNG*) dan methanol telah meningkat ke 7.5 juta tan pada tahun 2019 berbanding dengan 7.27 juta tan pada tahun 2018.

Tahun 2019 juga mula menampakkan pengeluaran produk hiliran baharu, hasil dari permulaan operasi loji penapis minyak dan petrokimia Pulau Muara Besar secara percubaan atau *trial*. Ini adalah setelah selesainya ujian-ujian ketersediaan dan tindak balas kecemasan serta mendapat kelulusan dan pengesahan daripada pelbagai agensi kerajaan. اللّٰحْمَدُ لِلّٰهِ loji ini telah mula mengeluarkan produk petrokimia seperti *gasoline, diesel, jet A1 fuel, LPG* dan bahan pembuatan tekstil dan plastik.

Setakat 31 Disember 2019, jumlah produk pengeluaran yang telah dijual melebihi 840 ribu tan metrik. Sebahagian daripada ini telah mula dieksport ke beberapa negara jiran dan juga Republik Rakyat China. Pengeluaran produk petrokimia ini turut digunakan bagi menampung keperluan bahan api (*fuel*) kenderaan kebangsaan.

Operasi loji tersebut juga telah menjana pekerjaan bagi 520 orang pekerja tempatan setakat ini dan jumlah ini akan terus meningkat. Selain itu, pihak kementerian terus memerhati dan melaksanakan perkembangan di tapak-tapak yang dikhaskan bagi perkembangan sektor tenaga hiliran serta perkhidmatan dukungan sektor tenaga seperti Taman Perindustrian Sungai Liang, Sungai Bera dan Sungai Duhon.

Loji ammonia dan urea di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK) dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 770 ribu tan ammonia dan 1.365 juta tan urea setahun sedang dalam proses pembinaan dan dirancang akan mula beroperasi pada pertengahan tahun 2021. Setakat ini, sekitar 50% daripada pembinaan loji telah dilaksanakan dan akan melalui ujian *pre-commissioning* pada tahun ini. Pada fasa operasi nanti, projek ini dianggarkan akan menjana peluang pekerjaan secara langsung bagi seramai 450 orang pekerja tempatan.

DASAR DAN PERANCANGAN BAGI SEKTOR TENAGA

Dengan mengambil kira sektor tenaga merupakan komponen kritikal kepada kemajuan sosioekonomi, adanya keperluan untuk menyediakan dasar dan rangka pengawalseliaan yang kondusif bagi peningkatan pelaburan dan pertumbuhan sektor ini. Ianya juga perlu meningkatkan sekuriti pembekalan tenaga bagi keperluan negara.

PENGAWALSELIAAN HIDROKARBON

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam dari 31 Disember 2019, sebagai satu badan berkanun berbentuk pengawal selia khas kepada sektor minyak dan gas secara menyeluruh termasuk sektor

huluan, pertengahan dan hiliran dan juga cukup dinamik mengikut perkembangan industri minyak dan gas.

إِنْ شَاءَ اللهُ ini dihasratkan untuk menjadikan persekitaran perniagaan bagi sektor minyak dan gas lebih kondusif dan menjadi pemudah cara kepada syarikat-syarikat dengan adanya satu *one-stop agency* dan badan teknikal bagi hal ehwal berkaitan dengan operasi pengawalseliaan sektor minyak dan gas yang sebelum ini dibahagikan di antara beberapa agensi.

Bagi meningkatkan keberkesanan dasar dan inisiatif kementerian, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenankan penubuhan Forum Pengendali Huluan Brunei *atau Brunei Upstream Operators' Forum* untuk menggalakkan dialog dan kerjasama di antara syarikat-syarikat pengendali dan kerajaan. Di samping itu, pihak kementerian akan meneruskan dialog dengan peniaga-peniaga tempatan dalam sektor minyak dan gas.

PERKEMBANGAN SEKTOR HILIRAN

Seterusnya, langkah-langkah proaktif terhadap perkembangan sektor hiliran bagi menghasilkan produk bernilai tambahan (*value-added*) terus diambil agar meningkatkan hasil dari sumber hidrokarbon negara.

Perancangan untuk menyalurkan gas asli kepada projek-projek hiliran sedang dijalankan sambil meneroka peluang-peluang hiliran yang baharu.

PEMBANGUNAN PERNIAGAAN TEMPATAN DAN *BRUNEIANISATION*

Pihak Kementerian akan terus mendukung perkembangan syarikat-syarikat minyak dan gas agar menjadi berdaya tahan dan mampu berdiri sendiri. Kerjasama dengan para pelabur langsung asing diteruskan untuk mengembangkan lagi sektor ini dan juga memastikan apa jua aktiviti yang dijalankan mendatangkan limpah kesan ekonomik dan manfaat kepada peniaga dan pekerja tempatan.

Kandungan Perbelanjaan Tempatan (*In-Country Spending*) bagi sektor Minyak dan Gas adalah sekitar 41% bersamaan dengan \$2.02 bilion ringgit Brunei pada penghujung tahun 2019. Ini merupakan peningkatan dua kali ganda dari tahun 2013.

Ini mencerminkan juga perkembangan di kalangan perniagaan tempatan di sektor minyak dan gas yang menyediakan perkhidmatan teknikal dan pembekalan barangan bagi pengendali minyak dan gas utama. Pendaftaran perniagaan tempatan di laman *Business Reporting Portal* menunjukkan peningkatan dari 326 buah syarikat ke 356 buah syarikat tempatan di antara 2018 dan 2019.

Pihak Kementerian turut berusaha untuk membukakan peluang-peluang perniagaan *spinoff* dari sektor minyak dan gas kepada belia tempatan untuk mendukung usaha keusahawanan negara, melalui Program i-Usahawan. Setakat ini, bagi menjalankan program ini, sebanyak 33 buah kontrak telah dikenal pasti daripada sektor minyak dan gas dan 28 kontrak lagi daripada sektor bukan minyak dan gas. Daripada jumlah ini, 12 kontrak telah dianugerahkan yang bernilai \$16 juta ringgit secara keseluruhan dan telah menjana peluang pekerjaan kepada seramai 171 anak tempatan.

Pada menjunjung titah dan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri Bagi Tahun 1438H bersamaan 2017M anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 10 Julai 2017, pihak kementerian mengambil langkah untuk memperkukuhkan lagi pengambilan pekerja tempatan dengan pelaksanaan *Bruneianisation Directive* bagi sektor minyak dan gas sejak 20 Jun 2018.

Jumlah pekerja di sektor minyak dan gas setakat 31 Disember 2019 adalah sekitar 24,294 orang dan 66% atau 16,130 orang daripadanya terdiri daripada pekerja tempatan setakat 31 Disember 2019. Ini merupakan peningkatan dari 54% pada tahun 2018 dengan adanya *directive* ini.

Di bawah Syarikat *Brunei Shell Joint Venture Companies*, terdapat 5,070 jawatan yang mana 89% atau 4,504 daripadanya adalah pekerja tempatan dan 71% daripada pihak atasannya terdiri daripada penjawat tempatan.

TENAGA LESTARI

Bagi tenaga hijau, perkembangan tenaga diperbaharui dan tenaga alternatif terus diterokai. *Request For Proposal* untuk projek tenaga suria di Sungai Akar dengan penjanaan kuasa elektrik sebanyak 30 megawatt (MW) akan dikeluarkan pada tahun ini.

بِإِذْنِ اللَّهِ، sebuah loji hidrogen demonstrasi dengan kapasiti pengeluaran 210 tan setahun juga telah dilancarkan pada penghujung tahun lepas sebagai langkah persediaan jika perkembangan tenaga hidrogen sebagai tenaga alternatif menjadi lebih pesat.

SEKTOR KUASA ELEKTRIK

Mengenai dengan perkhidmatan tenaga elektrik, Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah meningkatkan kebolehpercayaan tenaga elektrik termasuk pengurangan sebanyak 17% bagi gangguan bekalan elektrik yang melebihi satu jam pada tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018.

Sasaran bagi tahun 2020 pula adalah pengurangan lagi sebanyak 20% dengan melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan prasarana bekalan kuasa

elektrik dengan lebih efisien dan teratur. Tumpuan terus diberikan kepada pembekalan elektrik yang selamat dan penguatkuasaan undang-undang serta amalan terbaik berkaitan dengannya.

Pihak Kementerian dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik akan memastikan bekalan kuasa elektrik adalah mencukupi dan berdaya tahan dengan menaikkan taraf grid elektrik dan prasarannya. Terdapat pelbagai teknologi yang dapat memanfaatkan usaha ini yang sedang diterapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ ini akan meningkatkan lagi kebolehpercayaan pembekalan elektrik dan juga menstabilkan grid ke arah penjimatan dan peningkatan kecekapan elektrik.

Di samping itu, hal ehwal *Health, Safety and Environment (HSE)* kebangsaan terus dikawal selia melalui Autoriti Kebangsaan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (SHENA). Bersyukur kita kepada اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah rahmat-Nya ekonomi negara terus kukuh dan dapat kita kekalkan kestabilan negara. Dengan izin اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى negara telah menikmati hasil daripada khazanah yang diberikan selama ini. Kementerian Tenaga akan terus menjalankan amanah untuk memastikan ianya digunakan dengan secara optimum dan mengembangkan lagi sektor tenaga yang terus menjadi asas ekonomi.

Akhir sekali, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam serta kerjasama semua daripada sektor awam, sektor swasta dan orang ramai melalui pendekatan *whole of nation*, kita akan terus melangkah ke hadapan agar dapat kerana merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035. Semoga kita seterusnya bertawakal dan sentiasa diberi petunjuk dan hidayah daripada
اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

Sekian, وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

JABATAN PERDANA MENTERI**SOALAN DARIPADA YANG BERTITAH AWANG HAJI RAMLI BIN HAJI LAHIT****1. JABATAN AUDIT**

Jabatan Audit diperuntukkan berjumlah \$5,820,960.00 (Lima juta lapan ratus dua puluh ribu sembilan ratus enam puluh ringgit).

Dalam Jabatan Audit ada ujudnya Audit Alam Sekitar. Oleh itu, apakah sebenarnya peranan Audit Alam Sekitar ini diujudkan dalam Jabatan Audit kerana apa yang kita ketahui dalam Kementerian Pembangunan ada ujud Jabatan Alam Sekitar Taman dan Reakerasi yang mempunyai dasar dan peraturan tersendiri untuk memantau segala kegiatan yang berkaitan dengannya. Jika berbeza peranannya maka kaola turut mencadangkan supaya jika belum ada, perlu diujudkan bebarapa Pegawai Perunding Alam Sekitar yang memastikan bahawa klien mematuhi segala peraturan alam sekitar dan peraturan industri. Dengan adanya perundingan alam sekitar ini ia bertanggungjawab dalam berbagai bidang akitiviti alam sekitar termasuk menyediakan perkhidmatan pembinaan seperti *Asbestos Hazard Assessments* atau *Lead Hazard Assessment* atau melakukan laporan *due diligence* untuk membersihkan pelanggan dari kemungkinan hukuman. Bidang lain seperti pemantauan pengurusan sisa pejal dan toksik dalam kata lain untuk memastikan semua akitiviti yang mesra alam.

JAWAPAN:**1. JABATAN AUDIT**

Audit Alam Sekitar adalah salah satu inisiatif baru Jabatan Audit dalam meneroka bidang pengauditan alam sekitar yang juga telah sekian lama dipraktikkan oleh institusi-institusi pengauditan tinggi selaras dengan piawaian pengauditan antarabangsa. Antara peranan utama Jabatan Audit adalah untuk mengaudit / memeriksa dan tidak terhad kepada tadbir urus pemantauan yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana berkaitan isu alam sekitar seperti JASTRE, JKR atau agensi lainnya yang bertanggungjawab mengenai isu alam sekitar contohnya pencemaran udara, pembuangan sampah, pembakaran terbuka dan sebagainya dalam memastikan agensi yang melaksanakan projek mematuhi peraturan, dasar dan piawaian alam sekitar yang berkuat kuasa. Dengan erti kata lain, pengauditan alam sekitar ini ialah untuk mengukur sejauh mana impak kepada alam sekitar dari program/ aktiviti yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan dan seterusnya memastikan akauntabiliti semua pihak yang tebabit dalam pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar.

2. PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Dengan jumlah peruntukan \$4,440,110.00 (Empat juta empat ratus empat puluh ribu, seratus sepuluh ringgit). Kaola akan bercakap dalam Kod Akaun 002/000 - Program dan aktiviti pengambilan. Yang berkaitan dengan pengendalian iklan dan ujian iaitu:

Banyak calon-calon pencari kerja terlepas peluang pekerjaan kerana tidak berjaya ke peringkat saringan temuduga atau temu duga akhir disebabkan tidak lulus ujian bertulis atau hanya tiada pengalaman yang kurang tepat dengan keperluan jawatan berkenaan atau mungkin gagal untuk mendapatkan tawaran kerana umur lebih dari kehendak jawatan berkenaan. Akhirnya calon merasa sedih, bahkan ibu bapa, adik beradik mahupun pasangan yang bergantung harapan kepada calon juga turut bersedih. Sejak keluar dari alam persekolahan atau telah *graduate* umur 23 tahun sehingga umur mencapai 28 tahun masih menganggur walaupun banyak jawatan sudah dipohonkan tetapi belum ada nasib.

Soalan:

- i. Adakah perancangan supaya pertama mengeneipkan kelayakan berkehendakan pengalaman yang berkaitan dengan jawatan berkenaan kerana calon yang memohon jawatan tersebut sudah tentunya tidak mempunyai pengalaman kerana jawatan itu tidak pernah dijawat.
- ii. Adakah dicadangkan mana-mana jawatan yang mengehadikan umur tidak lebih 28 tahun supaya had umur dilanjutkan kepada tidak lebih 35 tahun atau mana yang bersesuaian mengikut keperluan jawatan berkenaan, kerana tempoh perkhidmatan masih ada 20 tahun hingga mencapai umur 55 tahun bahkan jika berkemampuan hingga mencapai umur 60 tahun.

JAWAPAN:

2. PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (Jawapan soalan no. i)

Pengiklanan jawatan kosong dan seterusnya proses perakuan (*shortlisting*) pemohon-pemohon jawatan kosong yang dilaksanakan oleh Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah berpandukan Skim Perkhidmatan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat Syarat Perkhidmatan (JTG) atau yang diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bagi Skim Perkhidmatan yang belum diluluskan JTG.

Syarat-syarat kelayakan minimum yang terkandung dalam Skim Perkhidmatan menggariskan kelayakan dari segi kelulusan tertentu bagi calon-calon yang belum atau sedang berkhidmat dalam kerajaan atau pengalaman kerja dalam jawatan atau tanggagaji tertentu bagi calon-calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan dan layak disebabkan pengalamannya tertakluk kepada tanggagaji jawatan yang diiklankan.

Oleh yang demikian, calon yang mempunyai kelulusan minimum yang dipersyaratkan dalam Skim Perkhidmatan / Skim Iklan akan diperakukan (*shortlisted*) untuk proses penilaian selanjutnya sama ada ujian dan temu duga atau terus ke temu duga walaupun calon tidak mempunyai pengalaman kerja dalam tangga gaji yang dikehendaki dalam skim. Ini adalah khusus bagi calon-calon yang mempunyai kelulusan

sahaja dan belum ada pengalaman yang dipersyaratkan.

(Jawapan soalan no. ii)

Mana-mana had umur yang dipersyaratkan dalam jawatan-jawatan yang diiklankan Pejabat SPA adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan yang diluluskan JTG atau Skim Iklan yang diselaraskan JPA. Terdapat jawatan-jawatan tertentu yang memerlukan tenaga fizikal dan kematangan kepimpinan, dipersyaratkan had umur minimum dan maksimum dalam syarat-syarat kelayakan calon. Bagaimanapun, sejak tahun 2018, had umur bagi jawatan-jawatan dalam Bahagian V seperti jawatan Pembersih telah ditiadakan.

3. BAHAGIAN UNDANG UNDANG

Bahagian Undang-Undang dengan jumlah peruntukan \$995,080.00 (Sembilan ratus sembilan puluh lima ribu lapan puluh ringgit). Kaola akan menimbulkan Kod Akaun 001/000 - Program dan aktiviti Pengurusan, Dasar dan Pentadbiran.

Bahagian ini setentunya ada mempunyai peranan antaranya mendukung dan memantau dasar dan pelaksanaan usaha-usaha kebajikan masyarakat dan memastikan pelaksanaan komitmen melalui koordinasi dengan agensi agensi yang berkepentingan di dalam menyediakan bantuan kebajikan kepada orang-orang yang memerlukan seperti fakir dan miskin. Sehubungan ini, adakah perancangan Bahagian Undang-Undang membuat dasar atau peraturan bagi mengelakkan berlakunya persaingan atau pertindihan

dalam memberi bantuan dan sumbangan? Kerana sekarang ini banyak ujud badan-badan atau organisasi yang tidak diketahui sama ada berdaftar atau tidak yang melaksanakan aktiviti yang sama seperti yang dilakukan oleh agensi agensi bantuan yang sudah ada seperti Yayasan Sultan Hassanah Bolkiah, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Majlis Ugama Islam.

Selain itu bahagian ini juga berperanan mengkoordinasi dan memantau bersama pelaksanaan projek bantuan perumahan untuk golongan fakir dan miskin. Sehubungan itu apakah kiranya Bahagian Undang-Undang ini membuat suatu dasar bahawa rumah-rumah kerajaan yang ditinggalkan terbiar yang masih baik dijadikan sebagai penempatan sementara kepada golongan, sama ada fakir dan miskin atau keluarga yang menghadapi musibah banjir dan kebakaran. Banyak perumahan kerajaan yang pada mulanya masih baik dan kukuh tetapi apabila tidak lagi didiami maka ianya menjadi rosak dan kawasan ditumbuhi rumput panjang dan semak kerana tidak terpelihara, oleh itu seperti yang kaola nyatakan tadi adalah perlu dikaji semula dasar penggunaannya agar dapat disewa atau didiami oleh agensi agensi lain yang dengan sendirinya memelihara bangunan atau perumahan tersebut.

JAWAPAN

3. BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

Setakat ini, belum ada perancangan secara spesifik untuk menyerahkan rumah-rumah kerajaan yang terbiar kepada satu agensi

yang khusus dalam memberikan bantuan untuk dijadikan rumah penempatan sementara bagi mereka yang kurang berkemampuan. Walau bagaimanapun,

Jabatan Perkhidmatan Awam telah menyerahkan beberapa unit flat milik kerajaan yang kosong di bawah kawalan jabatan ini kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) bagi keluarga yang menghadapi musibah kebakaran. Di samping itu, beberapa unit flat milik kerajaan juga telah diserahkan melalui agensi kerajaan yang memerlukan untuk penempatan sementara mangsa-mangsa banjir.

Jumlah unit yang telah diserahkan kepada agensi-agensi kerajaan yang memerlukan sama ada bagi keperluan jabatan/agensi atau perkhidmatan kepada masyarakat adalah seperti berikut :

DISERAHKAN KEPADA	JUMLAH UNIT
DARUSSALAM ASSET	96
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI *akan dikemas kini	121
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN	2
ISTANA MAINTENANCE DEPARTMENT	4
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI	2
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	7

JPA bertanggungjawab dalam memperuntukkan rumah / flat kerajaan kepada pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam yang berkelayakan. Pada masa ini, rumah / flat kerajaan

di bawah kawalan JPA masih tidak mencukupi untuk menampung permintaan pemohon-pemohon dalam senarai menunggu. Walau bagaimanapun, beberapa inisiatif penambahbaikan pengurusan perumahan kerajaan akan diusahakan secara berterusan dengan agensi-agensi yang berkenaan dalam menangani isu perumahan berkenaan.

Bahagian Undang-Undang adalah berperanan untuk memelihara dan mendukung kedaulatan undang-undang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan bukannya berperanan secara langsung untuk mendukung dan memantau dasar dan pelaksanaan usaha-usaha kebajikan masyarakat.

Walaupun bagaimanapun, dalam menjawab soalan yang telah dikemukakan, sukacita dihadapkan seperti berikut:

DASAR KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

Dasar bagi mengelakkan berlakunya persaingan atau pertindihan dalam memberi bantuan dan sumbangan. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** telah ditunduki secara bersama oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui pendekatan kementerian yang menerajui perkara ini adalah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di mana di antara mekanisme pelaksanaan dan pemantuan dasar kerajaan, termasuklah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS), melalui pelaksanaan Pelan-Pelan Tindakan Jawatankuasa-Jawatankuasa Khas di bawah MKIS.

Jabatan Perdana Menteri dalam hal ini, selaku ahli di dalam MKIS dan juga ahli di dalam beberapa jawatankuasa khas di bawah MKIS seperti Jawatankuasa Khas

Menangani Isu Kemiskinan, sentiasa secara berterusan mendukung dan memantau dasar dan pelaksanaan usaha-usaha kebajikan masyarakat dan memastikan komitmen melalui koordinasi dengan agensi-agensi yang berkepentingan di dalam menyediakan bantuan kebajikan kepada orang-orang yang memerlukan seperti daif, fakir dan miskin.

Melalui Pejabat Peguam Negara, terutamanya di Bahagian Sivil dan Bahagian Penggubalan Undang-undang, dalam menyediakan nasihat dari segi undang-undang dan khidmat penggubalan undang-undang untuk mendukung sebarang dasar kerajaan termasuk mengenai kesejahteraan masyarakat.

DASAR PERUMAHAN NEGARA

Perancangan dan pelaksanaan dasar perumahan negara adalah diterajui oleh Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. Penglibatan Pejabat Kesejahteraan, Bahagian Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media, Jabatan Perdana Menteri adalah menyelaras dan memantau bersama pelaksanaan projek bantuan perumahan untuk golongan daif, fakir dan miskin.

Projek bantuan perumahan bagi golongan daif, fakir dan miskin adalah projek yang diusahakan oleh beberapa buah agensi kerajaan termasuk Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui kumpulan wang zakat

(asnaf penerima zakat). Sementara itu, pemohon bagi bantuan perumahan yang bukan dari asnaf zakat adalah melibatkan agensi-agensi seperti Jabatan Pembangunan

Masyarakat (JAPEM), KKBS, atau melalui Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

4. PENYAMBUNGAN PERKHIDMATAN

Kaola menyuarakan mengenai penjawat awam yang digantung perkhidmatannya terlalu lama hinggakan menjejaskan kehidupan harian mereka dan tanggungan, tanpa ada persuratan yang memaklumkan kedudukan mereka walaupun setengahnya mahkamah telah memutuskan tidak bersalah. Oleh yang demikian adalah disarankan supaya tindakan yang sewajarnya dan makluman dapat dilaksana dalam tempoh yang tidak begitu lama kepada yang berkenaan.

JAWAPAN

4. PENYAMBUNGAN PERKHIDMATAN

Lazimnya, bagi kes-kes tidak diambil tindakan undang termasuk kes-kes *No Further Actions (NFA)*, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam masih memerlukan maklumat-maklumat penyiasatan dan perbicaraan bagi kes-kes berkenaan daripada pihak Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pejabat Peguam Negara. Maklumat ini diperlukan bagi menentukan keputusan penguasa tatatertib sama ada tindakan tatatertib masih dikenakan ke atas pegawai berkenaan atau sebaliknya. Ada kalanya proses mendapatkan maklumat ini adalah lebih lama berbanding dengan kes-kes yang disabitkan salah. Bagaimanapun,

perbincangan dan kerjasama padu di antara Pejabat SPA dengan agensi-agensi penguatkuasaan terus ditingkatkan dari masa ke masa bagi mengatasi kelambatan yang dihadapi pada masa ini.

Di samping itu, peranan Jabatan Perkhidmatan Awam adalah untuk memastikan maklumat / dokumen yang disertakan oleh ketua-ketua jabatan adalah lengkap, selaras dan teratur disertakan kehendak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Ketiadaan maklumat / dokumen yang lengkap daripada ketua-ketua jabatan dan agensi-agensi berautoriti akan menjejaskan proses tindakan pelaksanaan tatatertib.

Seperti mana yang dinyatakan di dalam Surat Keliling (SK) Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998 - Kuasa Menahan Gaji Dan Menggantung daripada Menjalankan Tugas dan Kewajipan, Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan adalah dipertanggungjawabkan untuk menghadapkan laporan dan sokongan tertentu melalui Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dalam tempoh tidak lebih daripada tujuh (7) hari bekerja kepada Penguasa Tatatertib.

Antara sebab-sebab kelambatan tindakan dibuat adalah seperti berikut:

1. Proses tindakan tatatertib melibatkan agensi-agensi berautoriti (penguatkuasaan) bagi memastikan tindakan dan penyiasatan terperinci termasuk proses perbicaraan di mahkamah.
2. Tindakan tatatertib yang dihadapkan oleh Ketua Jabatan tidak selaras dan tidak teratur.

3. Adapun usaha-usaha bagi mempercepatkan proses tindakan tatatertib:

- i. Mengadakan taklimat, jerayawara dan bengkel kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam bagi mengongsikan tatacara tindakan tatatertib yang lengkap, selaras dan teratur;
- ii. Penyediaan Buku Panduan dan Tatacara Mengambil Tindakan Tatatertib sebagai bahan rujukan dalam mengambil tindakan tatatertib;
- iii. Penyediaan senarai semak dan borang sokongan tatatertib dalam memastikan tindakan tatatertib lengkap, selaras dan teratur;
- iv. *Taskforce* telah ditubuhkan bagi membincangkan isu tindakan tatatertib dan membuat cadangan-cadangan tertentu dalam menangani perkara yang berkaitan; dan
- v. Penyelesaian tindakan sokongan tatatertib secara pentadbiran atau mengikut peraturan yang mengawal iaitu:
 - i. Perbincangan secara berterusan di antara Pengarah dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk mencari langkah-langkah yang terbaik bagi mengendalikan proses sokongan tindakan tatatertib;

- ii. Menyertai taklimat yang dikendalikan oleh agensi-agensi berautoriti.

Antara cadangan penambahbaikan adalah salah satunya untuk mencadangkan tarikh menggantung perkhidmatan dan menahan separuh gaji dan segala elaun pegawai yang terlibat dalam kes jenayah mulai tarikh menerima makluman daripada pihak berkuasa bahawa kes telah dihadapkan kepada Pendakwa Raya untuk pendakwaan.

Adalah juga dicadangkan agar pegawai yang terlibat dalam kes jenayah masih boleh diteruskan bekerja (tidak digantung kerja) semasa proses siasatan dijalankan oleh pihak berkuasa, tetapi dipindah ke jabatan / bahagian / unit lain supaya tidak mengganggu pihak berkenaan membuat siasatan.

Penambahbaikan dasar dan peraturan serta tatacara pengendalian tindakan tatatertib akan menjaga kepentingan kerajaan dan kesejahteraan warga Perkhidmatan Awam serta keluarga yang terlibat, di samping memastikan kesinambungan perancangan strategik kementerian / jabatan akan berterusan bagi penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.

Walau bagaimanapun perkara ini masih dalam peringkat penelitian lanjut oleh agensi-agensi yang berkenaan.

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI UMARALI BIN ESUNG

RADIO TELIVISYEN BRUNEI

Merujuk kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kutipan hasil adalah melalui penjualan

iklan radio dan televisyen dan perkhidmatan-perkhidmatan yang inovatif.

Dalam hal ini saya mencadangkan agar pihak-pihak yang berkenaan dapat memberikan tumpuan memperluaskan usaha-usaha kepada kemajuan produk yang antara lain berperanan merangka strategi pelan tindakan kreatif dan publisiti rancangan radio dan televisyen terutama sekali di dalam menghasilkan produk-produk penyiaran yang memerlukan seni kreatif dan inovasi seperti telefilem, drama bersiri, dokumentari dan majalah serta animasi. Dengan ini ianya **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dapat menyumbang kepada:

- i. Perkembangan kapasiti tenaga kerja dan penambahbaikan industri kreatif tempatan;
- ii. Peningkatan jumlah penonton yang memilih stesyen televisyen tempatan; dan
- iii. Meningkatkan hasil melalui penjualan produk-produk inovasi penyiaran tempatan yang diminati ramai.

Sehubungan dengan ini, apakah usaha dan inisiatif pihak-pihak yang berkenaan khususnya Radio Televisyen Brunei membantu ke arah perkembangan industri seni kreatif tempatan?

JAWAPAN

Perkembangan industri kreatif adalah merupakan salah satu inisiatif strategik yang diperlukan daripada semua pihak. Dalam usaha membantu dan

mendukung perkembangan industri seni kreatif tempatan, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei menyediakan beberapa langkah strategik antaranya dengan mengetengah-kan bakat-bakat seni tempatan melalui pertandingan-pertandingan seni kreatif seperti lagu-lagu dakwah, tausyeh, rancangan terbitan seperti Bintang Kecil, Akulah Juara, Anugerah Pelangi, Rentak Optima, Best 914 dan lain-lain lagi.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, jabatan juga bekerjasama dengan beberapa buah agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga sektor swasta ke arah mempelbagaikan *content* kreatif dan mengembangkan lagi bakat-bakat seni tempatan.

Beberapa inisiatif di bawah memorandum persefahaman dengan beberapa buah rantau dan antarabangsa turut menjadi platform memberigakan bakat seni tempatan melalui program pertukaran radio (drama dan rancangan hiburan), pertukaran terbitan tv seperti berita, majalah tv, dokumentari dan juga rancangan Rampai Pagi. Antara artis-artis yang pernah diperkenalkan melalui program tersebut sebagai contoh Aziz Harun, Fakhru Razi, Jazz Hayat, Maria Airies dan Zed Peace yang kini berjaya melangkah ke peringkat serantau dan antarabangsa.

Pencarian bakat (*Talent Scouting*) juga dilartakan kepada pengambilan juruhebah, juruacara dan juruulas melalui uji bakat. RTB telah menawarkan beberapa kursus melalui Pusat Perkembangan Penyiaran RTB seperti Bengkel Juruacara

Majlis dan Bengkel Penerbitan Video Pendek kepada orang awam. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ, bengkel-bengkel sedemikian akan terus dikendalikan dalam menyokong industri kreatif tempatan.

RTB juga membuka ruang kepada bakat-bakat kreatif tempatan untuk membentangkan cadangan penerbitan melalui kaedah *pitching* untuk mendapatkan variasi perisian progam-proram yang trending dan terkini. Di samping itu, RTB juga menyiarkan video-video terbitan sekolah-sekolah, institusi-institusi tertinggi dan universiti yang bersesuaian.

PENERBITAN PROGRAM TEMPATAN RTB BAGI TK 2018/2019

1. Rancangan Radio

UNIT	KERAMAIAAN PENERBIT	PENCAPAIAN	
		JUMLAH JAM	JUMLAH PROGRAM
Nasional FM	16	913 JAM	49
Pilihan FM	3 (Inggeris)	119 jam 34 min	64
	2 (Mandarin)	66 jam 10 min	22
Pelangi FM	7	448 jam	13
Harmoni FM	7	21 jam 31 min	127
Nur Islam	9	275 jam	18
JUMLAH	44 penerbit	1843 jam 15 min	293 program

2. Rancangan TV

UNIT	KERAMAIAAN PENERBIT	PENCAPAIAN	
		JUMLAH JAM	JUMLAH PROGRAM
Dakwah	8	325 jam 45 min	66
Drama TV	5	41 jam	31
Kemasyarakatan & Pendidikan	7	117 jam	42
Kanak-kanak	9	125 jam 21 min	69
Hiburan & Infotainment	5	106 jam 30 min	30
JUMLAH	34 penerbit	715 jam 36 min	238 program

3. Berita dan Hal Ehwal Semasa

UNIT	KERAMAIAAN PENERBIT	PROGRAM	PENCAPAIAN	
			JUMLAH JAM	JUMLAH PROGRAM
Majalah TV	8	Rampai Pagi	925 jam 25 minit	365
		Pakej Program	29 jam 20 min	22
Hal Ehwal Semasa	7	Liputan Semasa	52 jam 40 min	158
		Bicara Semasa	10 jam 15 min	18
		Rancangan Khas	2 jam 45 min	4
Dokumentari	7	Dokumentari Brunei	15 jam 24 min	44
Penyuntingan	1	Berita Ekonomi	17 jam 20 min	52
	2	Imbasan Dunia	30 min	1
	1	Dunia Asia	17 jam 20 min	52
Pertukaran Berita	4	Berita ASEAN	16 jam	48
		Prime Time Asia	17 jam 20 min	52
		ATN	36 jam	48
		Radio RTB/RTM	5 jam 12 min	156
		TV RTB/RTM	34 jam 40 min	52
		Arena	139 jam 35 min	335
Sukan TV	7	Bicara Sukan	22 jam	44
		Arena Global	22 jam	44

Rancangan Bermusim			
Liga Singapura	11 jam 30 min	12	49
Piala F.A. DST Brunei	30 min	1	
Regatta	2 jam 30 min	2	
Kejohanan Taekwando Terbuka Brunei	6 jam	12	
Asia MTB Series	30 min	1	
Hassanal Bolkiah Trophy	25 jam	12	
Bolasepak Piala Suzuki	4 jam	2	
Kelayakan Piala Dunia 2020 & Piala AFC	2 jam	1	
Piala AFF Suzuki 2018	11 jam	6	
JUMLAH	37 penerbit	1456 jam 46 min	

SOALAN DARIPADA YANG BERTITAHU FDR. AR. DAYANG SITI ROZAIMERIYANTY BINTI DATO SERI LAILA JASA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN

PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Petunjuk Prestasi Utama Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Dan Pengisian Jawatan Kosong

Kaola dimaklumkan semasa sesi muzakarah di Jabatan Perdana Menteri dan melalui Menteri Kewangan dan Ekonomi II bahawa jumlah kekosongan jawatan dalam sektor kerajaan adalah melebihi 5,000 jawatan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, kaola difahamkan TPOR bagi SPA untuk mengisi jawatan kosong telah dikurangkan dari 69 hari kepada 49 hari waktu bekerja dalam usaha mempercepatkan proses pengisian jawatan tersebut. Akan tetapi, anggaran "Peratus proses pengisian jawatan kosong menepati TPOR" di bawah Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada 2019/2020 adalah sebanyak 14% sahaja sedangkan sasaran 2020/2021 adalah 70%.

Adakah terdapat peruntukan disediakan untuk mengisi jawatan-jawatan kosong pada tahun ini dan berapakah kekosongan jawatan yang perlu diisi dalam sektor kerajaan pada tahun ini?

Kohort terakhir bagi Skim Pencen Kerajaan Bersara akan berakhir menjelang akhir tahun 2023, manakala kohort pertama bagi kakitangan kerajaan Skim TAP 60 tahun pula akan tamat perkhidmatan pada tahun 2028 dimana terdapat perbezaan sebanyak 5 tahun. Ini akan memberikan impak dalam pengurangan jawatan kosong di sektor kerajaan selepas tahun 2023. Adakah isu ini diambil kira dalam pengiraan ramalan tenaga buruh serta agenda Jabatan Perdana Menteri?

JAWAPAN

Jumlah jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam adalah tertakluk kepada peruntukan

setiap kementerian dan jabatan. Pengiklanan jawatan-jawatan kosong yang dikendalikan oleh Pejabat SPA adalah bergantung sepenuhnya kepada permohonan yang diterima daripada kementerian dan jabatan. Bagaimanapun, Pejabat SPA secara proaktif dan secara berterusan sentiasa memperingatkan dan menyarankan ketua-ketua jabatan untuk mengiklankan jawatan-jawatan yang disahkan kosong. Jumlah jawatan dan kekosongan jawatan yang diiklankan pada tahun 2019 hingga Mei 2020 ialah seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH JAWATAN YANG DIIKLANKAN	JUMLAH KEKOSONGAN SEMASA DIIKLANKAN
JAN-DIS 2019	414	842
JAN –MEI 2020	193	667
JUMLAH KESELURUHAN	607	1,509

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG ISWANDY BIN AHMAD

Mainpower and Employment Council. Merujuk Tajuk 1119 - Sumber Tenaga Manusia. Menurut data dari Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, jumlah peratus pengangguran pada tahun 2018 adalah 8.7% dan di beberapa negara mempunyai agensi kerajaan yang mengawal sedia mengenai *mobility of skilled workers* seperti apa yang disebutkan dalam *ASEAN Economic Community Blueprint* dan juga *ASEAN Qualification Reference Framework* yang pernah kita bincangkan di Dewan yang mulia ini. Mungkin sudah tiba masanya ada usaha untuk mengeksport tenaga kerja yang berminat, berkemahiran dan juga bersesuaian untuk bekerja di luar negara

memandangkan kita ada *skilled workers* yang layak untuk diambil bekerja di mana-mana sahaja terutama sekali graduan yang mempunyai kelayakan yang boleh diterima di luar negara. "Bisailah" ada sebuah agensi seperti sebuah jabatan atau sekretariat yang bersesuaian untuk menyelarasnya.

JAWAPAN

Terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy atas soalan yang diajukan. Kaola mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat untuk negara mengeksport tenaga kerja yang berminat dan juga berkesesuaian untuk bekerja di luar negara. Sebagai makluman beberapa industri di negara ini seperti minyak dan gas telah melaksanakan *short dan Long Term International Assignment* untuk mereka meningkatkan skills dan kompetensi masing-masing.

بِإِذْنِ اللَّهِ، pada tahun 2018, negara telah mencapai 41.8% dari sasaran 40% di bawah *Key Performance Indicator Wawasan 2035*, di mana anak tempatan dapat menjawat jawatan *highly skilled* iaitu *PMETS – Professoanls, Managerial, Executive* dan *Technicians* dari jumlah keseluruhan tenaga kerja iaitu seramai 145,188.

Sebelum mereka dapat diterima di peringkat antarabangsa, persediaan-persediaan tertentu hendaklah dilaksanakan di antaranya untuk menyelaraskan kemahiran mereka dengan piawai antarabangsa. Dalam hal ini, kerjasama rapat di antara beberapa agensi termasuk industri, institusi pendidikan dan latihan serta pengawal selia sedang giat diadakan. Hasrat dan tujuan hasil dari kolaborasi ini

adalah untuk menyediakan piawaian-piawaian kompetensi dan persijilan selaras dengan keperluan industri di dalam negeri mahupun di arena antarabangsa. Sehubungan dengan itu pihak MPEC sedang bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan yang juga sudah memulakan kerjasama dengan badan-badan antarabangsa seperti *ASEAN* dan *APEC* untuk menyelaraskan keperluan *Professional Qualification Standards* seperti *Mutual Registered Foreign Professional Accountant (RFPA)* di bawah Perjanjian *Mutual Recognition Arrangement (RFPA) on Accountancy Services* dan *Mutual Recognition Agreement in Hospitality and Tourism*.

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

SOALAN DARIPADA YANG BERTITAH AWANG HAJI RAMLI BIN HAJI LAHIT

Dalam kementerian ini, kaola menyentuh mengenai perkhidmatan sistem kebajikan negara seperti mana yang disebut dalam taklimat Yang Bertitah Dato Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Keenam Belas.

Kaola ingin bercakap jika bersesuaian dalam kementerian ini, iaitu mengenai wang Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP) yang hanya boleh diterima beransur secara bulanan setelah individu berkenaan mencapai umur 60 tahun untuk tempoh 20 tahun jika masih sampai lanjut umur 80 tahun. Jadi jika individu berkenaan meninggal sebelum sempat mencapai 20 tahun, maka inilah yang menjadi isu yang sering dihadapkan oleh orang ramai yang berkenaan kepada kaola agar disuarakan.

Mereka ini mengharapkan supaya SCP ini dapat diberi *lump sum* apabila sudah mencapai umur 60 tahun walaupun hanya mempunyai jumlah simpanan yang sedikit atas alasan bagi pesara yang sudah tidak mempunyai tanggungan dan tidak ada ahli waris atau anak-anak semuanya sudah mempunyai pendapatan masing-masing. Kerana untuk menunggu 20 tahun adalah terlalu lama dan kemungkinan tidak akan berkesempatan menikmatinya lagi. Mereka mahu menerimanya semasa hayat masih ada.

Walau bagaimanapun jika dasar SCP ini masih lagi diguna pakai dan belum dapat difahami oleh orang ramai adalah dicadangkan supaya diberigakan menerusi media TV dengan iklan ringkas seperti mana RTB memberigakan menerusi iklan tatacara pengibaran bendera negara atau mengadakan jerayawara ke daerah-daerah untuk memberikan kefahaman kepada orang ramai akan tujuannya dan keistimewaan SCP ini kepada individu berkenaan. Sekian, terima kasih.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit, di atas soalan yang dikemukakan.

Sebelum kaola menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit, ada baiknya kaola mengongsikan secara ringkas mengenai dua (2) skim persaraan di bawah kawalan Tabung Amanah Pekerja (TAP) iaitu Skim TAP dan Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP) yang mempunyai terma dan persyaratan pengeluaran berbeza menurut Akta TAP dan Perintah SCP iaitu:

1. Bagi simpanan di bawah Skim TAP ianya boleh dikeluarkan sepenuhnya apabila ahli TAP mencapai umur 55 tahun. Ahli juga boleh mengeluarkan sebahagian daripada simpanan TAP nya bagi tujuan pembelian rumah dan setelah mencapai umur 50 tahun.
2. Manakala bagi simpanan di bawah skim SCP pula ianya hanya boleh dikeluarkan secara bulanan setelah ahli mencapai

umur 60 tahun selaras dengan objektif penubuhan Skim SCP iaitu sebagai tambahan untuk membantu ahli membiayai keperluan hari persaraan selepas umur 60 tahun. Di dalam hal ini, tujuan sebenar pembayaran secara bulanan (anuiti) adalah untuk menambah perbelanjaan pencen tua dan menampung perbelanjaan di saat hari persaraan. Oleh yang demikian, jika simpanan SCP ini dikeluarkan sepenuhnya, ianya akan menjejaskan jumlah pendapatan bulanan yang diterima selepas umur 60 tahun.

Bagi meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai dengan Skim TAP dan Skim SCP, pihak Lembaga TAP secara berterusan mengadakan inisiatif-inisiatif pemberigakan dan sejumlah 120 taklimat dan aktiviti telah pun diadakan pada tahun 2018 dan pada tahun 2019 sejumlah 225 taklimat dan aktiviti telah diadakan. Antara inisiatif-inisiatif pemberigakan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Mengadakan taklimat-taklimat mengenai Skim TAP dan SCP kepada ahli dan majikan, taklimat pra-nikah di daerah-daerah, taklimat induksi kepada pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta yang baru berkhidmat, taklimat kepada majikan-majikan swasta dan penuntut yang masih dan baru menamatkan pengajian;
2. Penglibatan dalam Hari Terbuka Keusahawanan yang dikendalikan oleh pihak Darussalam Enterprise (*DARE*), Hari Mesra Pelanggan Kementerian Kewangan dan Ekonomi Pengajian Tinggi bagi

memberigakan tujuan dan perkhidmatan TAP; dan

3. Pemberigaan melalui media massa seperti radio, televisyen, media-media sosial dan akhbar-akhbar tempatan.

Selain daripada inisiatif-inisiatif pemberigaan yang dilaksanakan, TAP juga telah melancarkan aplikasi mudah alih 'TAP Brunei' pada 5 Mei 2018 dan melalui aplikasi mudah alih ini juga secara tidak langsung diharap dapat meningkatkan kesedaran orang ramai, terutamanya untuk ahli TAP mengenai kepentingan perancangan awal persaraan yang sejajar dengan misi TAP dalam membantu ahli untuk mengoptimumkan simpanan persaraan mereka. Kemudahan ini juga membolehkan pengguna untuk mendapatkan maklumat mengenai pelbagai jenis skim pengeluaran serta perkhidmatan atau kemudahan lain yang berkaitan dengan simpanan ahli.

Dalam hubungan ini juga dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi bersama-sama dengan Lembaga TAP sedang melaksanakan kajian semula ke atas Skim TAP dan SCP bagi menambah baik lagi pelaksanaan skim persaraan di negara ini agar ianya lebih berdaya tahan untuk membiayai keperluan persaraan.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit.

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG MOHD HANAPI BIN MOHD. SIPUT

JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN

1. Mengenai pengurusan visa bagi warga asing yang dibuat contohnya konsulat di Kota Kinabalu, Sabah memakan masa yang lama dalam 3 hari dan kenapa tidak dibuat dalam masa satu hari untuk memudahkan pihak pengurusan menjimatkan kos penginapan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak pengurusan.
2. Menambah konsulat di Kota Pontianak memandangkan ibu kota Indonesia yang pada masa ini di tempatkan di Jakarta akan dipindah ke Kalimantan Barat dalam masa terdekat dan pihak Kerajaan Indonesia masa ini sedang rancak membuat pembangunan mengenai perkara tersebut.

JAWAPAN (Jawapan soalan no. 1)

Pada menjawab pertanyaan Yang Berhormat, perkara ini telah pun dipanjangkan kepada pihak KHELN yang mana pada dasarnya maklum balas umum berhubung pertanyaan pertama dan kedua Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- i) Tatacara pengendalian permohonan visa oleh pejabat-pejabat perwakilan Negara

Brunei Darussalam di luar negeri, terutama sekali dalam meneliti dan menimbangkan permohonan-permohonan visa adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Luar Negeri (KHELN) dengan berdasarkan garis panduan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

- ii) Tempoh meluluskan visa adalah tertakluk kepada beberapa perkara iaitu, jumlah permohonan yang diterima oleh pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam dalam sehari, waktu permohonan tersebut diterima, dan kategori permohonan visa khususnya bagi permohonan-permohonan yang perlu dirujuk. Dalam hal ini, tempoh memproses visa selama 3 hari adalah bersesuaian mengambil kira perkara-perkara yang perlu diteliti dan dalam memastikan garis panduan dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Di samping itu, pihak perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri perlu untuk tidak mengambil ringan proses meluluskan kemasukan warga asing ke Negara Brunei Darussalam atas sebab-sebab keselamatan.

(Jawapan soalan no. 2)

- i. Perancangan penambahan jumlah konsulat adalah di bidang kuasa Kementerian Luar Negeri (KHELN). Dalam hal ini merujuk maklumat daripada pihak KHELN, Negara Brunei Darussalam dan Indonesia mempunyai hubungan rapat yang sudah lama

terjalin. Pemindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan Timur itu nanti dijangka akan mempertingkatkan pertumbuhan di rantau BIMP-EAGA, termasuk dalam bidang kesaling hubungan, pelancongan dan infrastruktur. Dari segi kerjasama dua hala, Negara Brunei Darussalam akan terus mengekalkan dan memelihara hubungan dan persahabatan mesra dan erat yang sudah terjalin, termasuk melalui Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Jakarta.

- ii. KHELN turut memaklumkan bahawa pihak KHELN menerima banyak cadangan untuk membuka pejabat-pejabat perwakilan yang baharu di luar negara. Walau bagaimanapun, penubuhan sesebuah jabatan di luar negara memerlukan perbelanjaan yang banyak dan tenaga kerja yang optimum. Oleh yang demikian, cadangan ini akan disemak dan diteliti oleh pihak KHELN secara menyeluruh mengikut kesesuaian dan keperluan dari masa ke semasa. Pada pandangan kementerian ini, untuk mendapatkan pencerahan yang lebih terperinci, pertanyaan ini adalah lebih bersesuaian untuk diajukan secara rasminya kepada pihak yang berkenaan iaitu KHELN.

**SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT
AWANG NAIM BIN HAJI KAMIS**

ISU ANJING LIAR BERKELIARAN

Isu ini telah dibangkitkan di Majlis Mesyuarat Negara yang lalu. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** dan terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri mengenainya yang mana isu ini ditangani oleh agensi - agensi yang berkenaan melalui peruntukan Akta Anjing Penggal 60. Saya juga berterima kasih atas usaha Jabatan Bomba dan Penyelamat menjadi *'first responder'* apabila ada orang awam menghubungi mengenai anjing liar berkeliaran, demi menjaga keselamatan dan ketenteraman awam dan yang terkini iaitu seruan Jabatan Bandaran seluruh negara untuk pemilik anjing bagi mendaftarkan anjing-anjing mereka di Jabatan Bandaran daerah masing-masing.

Sukacita saya merujuk penerangan Yang Berhormat Menteri semasa Majlis Mesyuarat Negara yang lalu mengenai dengan ikhtiar-ikhtiar yang perlu dibuat oleh agensi-agensi berkenaan dengan berpandukan kepada Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam berkaitan penghapusan anjing liar. Dari apa yang didengar setakat ini, isu-isu anjing yang tidak bertuan masih dilihat berkeliaran dan ada beberapa aduan terkini daripada orang ramai mengenainya yang boleh membawa kecederaan apabila dikejar oleh anjing-anjing berkenaan.

Soalan dan cadangan saya:

- i. Adakah ikhtiar-ikhtiar berkenaan telah dirancang dan dilaksanakan setakat ini?; dan
- ii. Kalau sudah ada, bolehkah orang awam mengetahui mengenai dengan garis panduan, *SOP* dan tatacara untuk membuat aduan anjing liar ini dengan cara yang mudah? Seperti apa yang telah dibuat oleh kementerian-kementerian berkaitan mengenai

dengan isu-isu kenderaan terbiar dan pokok-pokok tumbang tepi jalan raya. Saya percaya dengan adanya tatacara ini, orang awam akan dapat memberikan kerjasama bagi sama-sama menanganinya.

- iii. Dengan mengambil kira panduan Mufti Kerajaan jua, kalau dapat saya cadangkan supaya kementerian yang berkenaan untuk bekerjasama dengan pihak *NGO* yang berkitan iaitu seperti *NGO* pencinta haiwan dan sebagainya untuk mengambil inisiatif menjaga dan mengurus anjing-anjing yang tidak bertuan apabila ditangkap sama ada oleh agensi-agensi yang berkaitan atau melalui kerjasama orang awam. Cadangan saya ini merujuk kepada apa yang telah diamalkan oleh negara jiran iaitu Majlis Perbandaran negara berkenaan sudah manjalankan kerjasama dengan *NGO* pencinta haiwan bagi menyelesaikan isu anjing liar mereka.

Memang difahami perkara ini akan memakan masa dan saya percaya dengan adanya tindakan *'on the ground'* oleh semua pihak agensi yang berkaitan akan dapat menangani isu ini dengan jayanya dan terkesan kepada orang awam.

JAWAPAN

PENGENALAN

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil berat mengenai isu anjing liar yang masih lagi mengganggu dan berkeliaran di tempat-tempat awam seperti kawasan

perumahan dan tempat riadah dan bersukan. Apa yang lebih membimbangkan terdapat kejadian anjing-anjing liar ini telah mengakibatkan kecederaan kepada orang awam yang memerlukan rawatan segera. Oleh yang demikian, isu ini perlu ditangani dengan segera bagi memastikan keselamatan orang ramai terjamin.

Berdasarkan kepada kaji selidik pihak *NGO*, dianggarkan sebanyak 2,500 ekor anjing-anjing liar berkeliaran di Daerah Brunei dan Muara dan kawasan yang terbanyak ialah di kawasan Perpindahan Rimba yang berjumlah di antara 400 sehingga 600 ekor.

Seterusnya, berdasarkan kepada kaji selidik berkenaan, penyebab utama anjing-anjing liar berlaku ialah:

- i. Didapati pekerja-pekerja buruh di tapak-tapak pembinaan memelihara dan memberikan makanan atau minuman serta perlindungan kepada anjing-anjing. Ini bertujuan untuk menjaga bahan-bahan binaan di tapak pembinaan tersebut. Setelah projek pembinaan selesai, anjing-anjing tersebut telah ditinggalkan (*abandon*) oleh pekerja-pekerja buruh. Ini akan menjadikan anjing-anjing berkenaan terbiar dan menjadi anjing-anjing liar.
- ii. Didapati juga pemilik anjing yang tidak bertanggungjawab sehingga membiarkan anjing peliharaan mereka tidak dikunci dan berkeliaran.

Berkenaan dengan isu anjing liar, ada dua (2) rang perundangan yang boleh digunakan iaitu Akta Anjing (Penggala 60) dan Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Penggala 30).

Di bawah Akta Anjing (Penggala 60) ada memperuntukkan bagi pendaftaran pemilikan anjing di Negara Brunei Darussalam terutamanya di kawasan lembaga-lembaga bandaran. Akta ini ada juga memperuntukkan bagi pemusnahan dan pemindahan anjing-anjing liar, terbiar dan tidak berdaftar. Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Penggala 30) juga ada memperuntukkan bagi penyediaan *public pound* untuk menempatkan binatang-binatang liar seperti anjing dan kucing.

Ikhtiar yang sedang dilaksanakan dan dirancang setakat ini adalah seperti berikut:-

1. KOLABORASI DENGAN *NGO*

- i. Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan telah bekerjasama dengan rakan strategik *Non-Governmental Organisation (NGO)* bagi menangani isu anjing-anjing liar. Kolaborasi ini akan menawarkan perkhidmatan menangkap, menyediakan kemudahan penempatan, penyediaan makanan, penjagaan perubatan dan pengendalian anjing-anjing liar dengan ditempatkan di sebuah kawasan perlindungan di Bandar Seri Begawan;
- ii. Anggaran kos operasi ialah \$5,000 sebulan iaitu \$1,000 bagi *maintenance Communal*, \$2,000 bagi makanan dan \$2,000 bagi *vet medical care*;
- iii. Mengikut visi kolaborasi berkenaan, dijangka sebanyak 50% anjing-anjing terbiar akan berkurangan dalam tempoh lima (5) tahun;

iv. *NGO* ini bersedia untuk mengumumkan secara rasmi mengenai perkhidmatan mereka kepada orang awam pada bulan Julai 2020. Ini mengambil kira tempat penyimpanan anjing-anjing liar pada masa ini masih dalam pembinaan dan belum siap sepenuhnya. Projek pembinaan ini dilaksanakan melalui tajaan daripada syarikat-syarikat swasta, *NGO* dan orang-orang persendirian; dan

v. Rancangan kerja *NGO* berkenaan akan melibatkan tindakan-tindakan seperti berikut:-

i. Mencarikan keluarga angkat bagi anjing-anjing;

ii. Pemberitaan kepada orang ramai seperti Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta sekolah dan institusi pengajian dalam meningkatkan kesedaran mengenai dengan anjing dan bagaimana mereka boleh membantu;

iii. Bekerjasama dengan organisasi korporat melalui *Corporate Social Responsibility (CSR)* dengan meningkatkan kesedaran akan keperluan dalam sama - sama menjaga kesejahteraan awam dengan menyumbang kepada keperluan tempat perlindungan binatang. Sumbangan diperlukan untuk memastikan tempat perlindungan dan binatang yang

di dalamnya menerima bantuan sewajarnya demi menyelesaikan jumlah peningkatan.

2. PENDAFTARAN LESEN ANJING

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengeluarkan Siaran Akhbar bertajuk 'Daftar Lesen Anjing' di media massa untuk mengingatkan pemilik anjing untuk mendaftarkan anjing-anjing peliharaan mereka yang berusia tiga (3) bulan ke atas tidak lewat bulan Februari pada setiap tahun. Pendaftaran di dalam dan di luar kawasan Lembaga Bandaran pada masa ini boleh dibuat di jabatan-jabatan bandaran. Sejauh ini terdapat sambutan yang sangat baik daripada pemilik-pemilik anjing bagi pendaftaran anjing-anjing peliharaan mereka daripada keempat-empat daerah.

Perangkaan pendaftaran anjing bagi tempoh sehingga Mac 2020 yang telah dikeluarkan oleh setiap Jabatan Bandaran dan Jabatan Daerah ialah sebanyak 1,291 dan pecahannya seperti berikut:-

Bil.	Jabatan	Jumlah Lesen
1.	Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan	891
2.	Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria	203 Kawasan LBKBS: 171 Luar Kawasan Bandaran : 32
3.	Jabatan Bandaran Tutong	140
4.	Jabatan Daerah Temburong	57
Jumlah		1,291

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan terus berusaha untuk memperkemaskan akta-akta yang ada berkaitan dengan anjing seperti berikut:

1. *Registration of Dogs (Exemption) Notification* dari Akta Anjing (Penggagal 60) didapati bahawa seluruh Negara Brunei Darussalam adalah dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Anjing (Penggagal 60) kecuali kawasan-kawasan Lembaga Bandaran dan kawasan-kawasan persekitarannya sahaja. KHEDN telah menghadapkan permohonan kepada Pejabat Peguam Negara pada 24 Januari 2020 untuk memansuhkan pemberitahuan tersebut. Pejabat Peguam Negara melalui surat bertarikh 8 Februari 2020 mengesahkan menerima arahan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan masih dalam penelitian.
2. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedang membuat kajian dan perbandingan di antara Akta Anjing (Penggagal 60) dengan *Animals and Birds Act* (Chapter 7, Section 59 dan 80), Singapura. Jabatan-jabatan daerah dan jabatan-jabatan bandaran telah dipohonkan untuk menyemak kedua-dua rang perundangan tersebut untuk penelitian lanjut pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Mengenai dengan tatacara membuat aduan anjing liar, orang awam bolehlah berurusan dengan agensi-agensi kerajaan yang diberikan kuasa untuk memusnah (*destroy*) dan merampas (*impound*) anjing-anjing terbiar yang tidak bertuan di bawah Akta Anjing (Penggagal 60). Pengawalan anjing-anjing peliharaan atau liar adalah bawah kawalan Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Jabatan Bandaran Tutong, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Daerah Belait, Jabatan Daerah Tutong dan Jabatan Daerah Temburong.

Berhubung dengan kerjasama dengan pihak *NGO* pencinta haiwan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan juga meneroka perkhidmatan yang ditawarkan oleh anak buah kampung melalui perkhidmatan Majlis Perundingan Mukim Kampung.

SOALAN DARIPADA YANG BERTITAH AWANG HAJI UMARALI BIN ESUNG

- **LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**
- **LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**
- **LEMBAGA BANDARAN TUTONG**

Saya merujuk kepada penetapan program-program yang menjadi objektif utama Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria dan Tutong iaitu memastikan kemudahan dan perkhidmatan prasarana yang berkualiti dan selamat secara kos efektif.

- i. Apakah usaha dan pendekatan yang telah pun dirancang dan dilakukan dalam memastikan objektif ini dapat dilaksanakan terutama sekali prasarana dan kemudahan mesra pengguna?
- ii. Dicadangkan agar diwujudkan satu konsep Pelan Kemajuan Kawasan Bandaran sebagai contoh:
 - Konsep Bandar Pintar;
 - Konsep Bandar dalam Taman;
 - Konsep Bandar Seni dan Budaya dan sebagainya.

Ke arah perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi mana-mana kawasan pemandaran yang berpotensi seperti bangunan, kedai-kedai, lorong-lorong, jalan-jalan dan taman sebagai panduan ke arah merancang dan melaksanakan projek kemajuan secara holistik dan bersistematik dengan menutamakan nilai-nilai keislaman, keselamatan, kebersihan, kebudayaan, sejarah, alam semula jadi, pelancongan dan seumpamanya.

JAWAPAN

LEMBAGA LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN (Jawapan Soalan no. i)

Skop Tugas Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (JBBSB) dalam pemeliharaan prasarana dan kemudahan awam

- i. JBBSB adalah salah satu agensi kerajaan yang diberi tanggungjawab untuk menjaga dan memelihara prasarana-

prasarana dan kemudahan awam di beberapa kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan. Selain dari JBBSB, agensi kerajaan yang lain termasuklah Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) dan juga Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.

- ii. Antara perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh JBBSB dalam hal ini ialah:

- a. Pengurusan taman-taman rekreasi berikut:

- Taman Peranginan Tasek Lama (kebersihan dan infrastruktur);
- Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanah Bolkiah (kebersihan dan pemuliharaan); dan
- Taman SOAS (kebersihan kawasan dan pemotongan rumput padang sahaja).

- b. Pengurusan pembersihan kemudahan awam melalui kontrak berpenggal (*term contract*) khususnya sembilan (9) buah tandas-tandas awam di bawah kawalan JBBSB seperti berikut:

- Tandas awam di kawasan Dermaga Diraja;
- Tandas awam Jalan Residency (dekat jeti perahu ke Temburong);
- Tandas awam di Tingkat 1 dan 7, Bangunan Letak Kereta Bertingkat;

- Tandas awam di Tingkat 1, Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera;
 - Tandas awam Taman Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah;
 - Tandas awam Jalan Bendahara;
 - Tandas awam Taman Peranginan Tasek Lama;
 - Tandas awam Tamu Selera; dan
 - Tandas awam dekat bangunan Pasar Gadong.
- c. Pengurusan lanskap melalui kontrak berpenggal bagi beberapa tempat tertentu sahaja seperti:
- *Water fountain* dan tugu peringatan di Taman SOAS, Taman Jubli Perak SSHB dan Dermaga Diraja;
 - Lanskap penghijauan di tempat-tempat tertentu termasuk Dermaga Diraja, Makam Raja Ayang, Jalan Bendahara, Tamu Selera; dan
 - Lanskap papan-papan tanda di sempadan kawasan lembaga Bandaran BSB.
- d. Pengurusan pembersihan jalan-jalan utama di kawasan Pusat Bandar, dalam kawasan perniagaan Kampong Kiulap dan sepanjang Jalan Perdana Menteri.

Usaha-usaha JBBSB untuk memastikan kemudahan dan perkhidmatan prasarana adalah berkualiti dan selamat secara kos efektif

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan adalah dalam proses penyelidikan bagi pelaksanaan rancangan untuk menaik taraf kualiti perkhidmatan tandas awam dengan menambah jumlah tandas-tandas awam dalam kawasan pusat bandar untuk memberi keselesaan dan kemudahan orang awam. Pada masa ini, tandas-tandas awam diuruskan oleh syarikat swasta yang dilantik melalui proses tawaran jabatan.

JBBSB juga ada membuat perancangan melaksanakan projek pembisaian bandar seperti melukis mural pada dinding beberapa kedai di kawasan pusat bandar dengan kerjasama pihak Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan. JBBSB mempunyai perancangan untuk mempertingkatkan penghijauan di kawasan Dermaga Diraja dan mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat dari pihak-pihak berkenaan seperti Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Pembersihan beberapa jalan-jalan utama di kawasan Pusat Bandar adalah di bawah kawalan JBBSB dan sebahagian yang lain adalah dikawal oleh agensi-agensi kerajaan yang lain atau swasta. JBBSB sentiasa meningkatkan usaha untuk memperbaiki perkhidmatan yang diberi melalui penyediaan tenaga kerja dan peralatan-peralatan yang mencukupi.

(Jawapan Soalan no. ii)

Konsep-konsep yang dinyatakan di atas secara rangkuman telah pun diambil kira dan dimasukkan ke dalam Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan melalui tiga Prinsip Panduan (*Guiding Principles*) seperti berikut:

- Bandar Yang Sesuai Didiami Mesra Ekologi dan Warisan (Hijau);
- Identiti Brunei Berteraskan Melayu Islam Beraja (Warisan); dan
- Kemajuan Ekonomi Yang Berdaya-tahan dan Pelbagai (Sosioekonomi);

JAWAPAN**LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA****(Jawapan Soalan no. i)**

Adalah menjadi hasrat Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria untuk memastikan kemudahan dan perkhidmatan prasarana yang diberikan adalah berkualiti, selamat dan secara kos efektif dengan akan terus menyediakan infrastruktur asas dan prasarana kemudahan awam bagi keperluan warga setempat dengan mewujudkan keadaan persekitaran yang selesa dan mesra pelanggan.

Dalam usaha untuk memajukan kawasan perbandaran Kuala Belait dan Seria, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria adalah sentiasa bekerjasama dengan berhubung rapat dengan secara aktif dan efektifnya dengan agensi-agensinya pelaksana lainnya

dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dalam pada itu, pihak swasta juga adalah digalakkan untuk ikut serta secara aktifnya di dalam membangun infrastruktur asas dalam rangka kerjasama strategik di antara pihak kerajaan dan swasta termasuklah projek mencantikkan dan mengindahkan kawasan perbandaran Kuala Belait dan Seria dengan sentiasa memastikan sebarang program pembangunan tersebut adalah berkualiti, selamat dan kos efektif.

Bagi meningkatkan keupayaan Jabatan Bandaran ini dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti untuk keselesaan hidup masyarakat setempat di kawasan perbandaran Kuala Belait dan Seria, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria telah mengambil tindakan yang strategik antaranya meningkatkan kapasiti sumber tenaga manusia dengan perwujudan jawatan Timbalan Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dan penambahan jawatan Pegawai Bandaran, menambahbaik proses dan prosedur dalaman, penelitian akta-akta dan peraturan yang diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang dilihat akan dapat mewujudkan pengurusan dan pentadbiran jabatan yang lebih berkesan serta progresif dan seterusnya menggalakkan pengamalan konsep mesra pelanggan.

Merujuk kepada usaha dan pendekatan yang telah pun dirancang dan dilakukan di dalam memastikan kemudahan dan perkhidmatan prasarana yang berkualiti dan selamat secara kos efektif, pihak jabatan ini telah pun juga

mengambil inisiatif untuk menerokai kaedah alternatif pembangunan kawasan perbandaran melalui *Public Private Partnership* (PPP) iaitu dengan kerjasama di antara pihak kerajaan dan swasta.

Pendekatan bagi pembangunan secara *Public Private Partnership* (PPP) ini adalah merupakan salah satu usaha alternatif Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria selain daripada usaha sebelum ini melalui pengendalian beberapa projek-projek pembangunan di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara antaranya termasuklah Pasarneka Kuala Belait, Pasarneka Seria, Gerai Makan Kompleks Seri Selera Seria, Gerai Makan Taman Persiaran dan sebagainya dalam memberikan kemudahan kepada orang ramai dan bagi pembangunan sosioekonomi setempat dan pembinaan prasarana-prasarana kemudahan awam ini.

Inisiatif jabatan dengan mengambil pendekatan dengan menggunakan kaedah *Public Private Partnership* (PPP) ketika ini adalah melibatkan beberapa cadangan mengkomersialkan dan memajukan aset-aset bangunan dan tapak-tapak tanah diwartakan di bawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria yang mempunyai potensi. Inisiatif ini adalah selaras dengan perancangan pelan strategik jabatan ini di bawah matlamat memangkin perkembangan ekonomi dan kemajuan bandar dalam program memajukan kawasan perbandaran melalui dasar penswastan dengan mengkomersialkan aset-aset dan perkhidmatan yang telah dikenal pasti berpotensi dalam memberikan *value for money* yang boleh menjimatkan serta

menguntungkan dan mengurangkan kos perbelanjaan pihak kerajaan.

Cadangan mengkomersialkan aset-aset di bawah kawalan jabatan ini adalah merupakan satu perancangan jangka masa panjang jabatan untuk menerokai pilihan bagi pengurusan aset bangunan dan kawasan untuk diurus tadbir oleh syarikat pemaju yang antara lain mempunyai objektif utama untuk mengembangmajukan lagi pembangunan dan pertumbuhan ekonomi setempat. Sememangnya dalam hal ini, usaha pembangunan ini hendaklah juga mengambil kira kepentingan jabatan dengan usaha pembangunan secara '*win-win situation*' dan juga mengambil ingatan akan keutamaan '*stakeholders*' lainnya dan pihak pengguna tidak terjejas.

Antara beberapa perkhidmatan dan prasarana kemudahan awam yang telah dikenal pasti mempunyai potensi untuk dimajukan termasuklah Bangunan Pasarneka Seria yang masih dalam penelitian Syarikat P Cube Sdn Bhd, penswastan kawasan letak kereta terbuka di bawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria dan mengkomersialkan secara pakej Bangunan Pasar Lama Kuala Belait, Letak Kereta Berkandang, Tandas Awam dan Bangunan Bumiputera Kuala Belait.

Selain daripada pendekatan secara *Public Private Partnership* (PPP), pihak jabatan juga telah berkolaborasi dengan pihak swasta dengan pengendalian beberapa program dan projek di bawah tanggungjawab sosial korporat [*Corporate Social Responsibility* (CSR)] yang telah juga menampakkan impak

yang positif melalui kerjasama dan sokongan yang padu berbagai pihak antaranya daripada penglibatan pihak swasta dalam projek-projek pengindahan kawasan seperti Taman Riadah Jubli Emas Kuala Belait dan program KBku Ceria.

(Jawapan Soalan no. ii)

Konsep pelan kemajuan kawasan bandar adalah satu perkara yang amat baik dalam merancang pembangunan kawasan perbandaran sebagai arah tuju pembangunan yang terarah dengan juga mengambil kira keunikan kawasan setempat itu sendiri. Dalam hal ini, dalam konteks kawasan perbandaran Kuala Belait dan Seria, pelan kemajuan adalah juga berdasarkan kepada Pelan Kemajuan Daerah Belait 2006-2025 (*Belait District Plan*) yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan yang mana sebarang kemajuan hendaklah mengikut garis panduan perancangan pembangunan yang telah disediakan.

Pelan ini memperuntukkan rangka kerja dasar perancangan secara meluas untuk panduan pembangunan sehingga tahun 2025 yang akan dapat memastikan pertumbuhan dan pembangunan akan dapat diurus dengan mengambil kira nilai-nilai utama serta peluang-peluang dari segi alam persekitaran, sosial dan ekonomi dan dalam ini setentunya konsep-konsep pembangunan seperti mana dinyatakan akan dapat diintegrasikan sebagai tema pembangunan kawasan perbandaran setempat. Walau bagaimanapun, pada ketika ini belum ada sebarang konsep pembangunan bagi

kawasan perbandaran Kuala Belait dan Seria dan bagi penyediaan sesuatu konsep tersebut semestinya juga adalah seiring dengan Pelan Kemajuan Setempat dan Pelan Pembangunan Daerah Belait.

Dalam era teknologi maklumat dan perkembangan *Fourth Industrial Revolution* ini perlunya setiap organisasi untuk juga berkembang maju selaras dengan perkembangan semasa. Penggunaan kaedah pengurusan maklumat yang bersistematik dengan menggunakan teknologi maklumat adalah amat berguna bagi meningkatkan efisiensi pengurusan maklumat dan juga dalam penyampaian perkhidmatan sesebuah organisasi. Dilihat konsep bandar pintar (*smart city*) adalah merupakan satu matlamat ke arah pembangunan yang mampan kawasan perbandaran yang dihasratkan yang akan dapat mendukung strategi pembangunan institusi di bawah Wawasan Brunei 2035 bagi meningkatkan kualiti pengurusan, pentadbiran dan kepimpinan di sektor perkhidmatan awam yang berkualiti tinggi dengan proses-proses dan prosedur kerja yang efisien.

Dalam hal yang berkaitan, mengambil kira juga ketika ini terdapatnya beberapa taman riadah di dalam Kawasan kawalan Perbandaran Kuala Belait dan Seria, konsep Bandar Dalam Taman boleh juga diintegrasikan sebagai satu konsep pembangunan hijau (*green*). Walau bagaimanapun, perkara ini memerlukan pengkajian dan perancangan yang terperinci dengan mengambil kira beberapa aspek pembangunan yang ada yang mana berbeza dengan kawasan-kawasan perbandaran lainnya juga termasuk meliputi kawasan

perumahan Rancangan Kemajuan Negara dan perumahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati.

JAWAPAN

LEMBAGA BANDARAN TUTONG (Jawapan Soalan no. i)

Jabatan Bandaran Tutong mempunyai visi "Ke Arah Perbandaran Tutong Yang Sentiasa Indah, Maju, Makmur dan Sejahtera" dengan misi utamanya adalah "untuk mentadbir dan mengurus perkembangan dan kemajuan perbandaran Tutong dengan penuh dedikasi dan cemerlang". Untuk mencapai visi dan misinya ini, Jabatan Bandaran Tutong telah juga menetapkan beberapa matlamat jabatan antaranya adalah untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan warga perbandaran melalui pentadbiran dan pengurusan pembangunan dan kemajuan kawasan perbandaran yang efisien dan efektif.

Dalam hal ini, adalah menjadi hasrat jabatan ini untuk memastikan kemudahan dan perkhidmatan prasarana yang diberikan adalah berkualiti, selamat dan secara kos efektif dengan akan terus menyediakan infrastruktur asas dan prasarana kemudahan awam bagi keperluan warga setempat bagi mewujudkan keadaan persekitaran yang selesa dengan menseimbangkan perkembangan kemajuan semasa kawasan perbandaran dengan jumlah kependudukan yang dijangka meningkat. Usaha ini adalah juga seiring dengan peranannya untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan warga perbandaran, memangkin perkembangan sosioekonomi setempat dan komersial dengan juga memastikan sebarang pembangunan yang dilaksanakan dapat

dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi keperluan.

Ke arah ini, pihak Jabatan Bandaran Tutong telah pun mengusahakan beberapa projek-projek pembangunan dikendalikan di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara antaranya termasuklah Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong bagi menggantikan kawasan tamu di Tamu Kampung Serambangun dan Pasar Lama Jalan Enche Awang di Pekan Tutong. Dalam pada itu, Gerai Selera Tutong telah juga dibina di bawah peruntukan yang sama yang menempatkan sebanyak 12 buah gerai makan dengan penyediaan-penyediaan letak kereta yang mencukupi, surau, tandas dan tempat laluan masuk pengunjung yang mudah bagi para pengguna dan pembinaan prasarana-prasarana kemudahan awam ini adalah juga dengan kerjasama pihak Jabatan Kerja Raya.

Dalam pada itu, pihak Jabatan Bandaran Tutong juga telah menyediakan beberapa prasarana kemudahan awam melalui peruntukan tahunan jabatan di bawah tajuk peruntukan berulang-ulang dan khas jabatan sebelum ini dan juga di bawah perbelanjaan Peningkatan Kemudahan - Kemudahan Riadah dan Bersukan Peringkat Daerah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi pembinaan antara lainnya Pasar Malam Pekan Tutong, Taman Warisan, Taman Riadah dan juga penaiktarafan Jeti Pekan Tutong dengan pembinaannya adalah bagi kemudahan orang ramai dan pengguna yang berkonsep terbuka dan senang dikunjungi.

Di samping itu, pihak Jabatan Bandaran Tutong pada ketika ini telah pun juga meneliti bagi pembangunan kawasan Perbandaran Tutong dengan penglibatan pihak swasta melalui kerjasama *Public Private Partnership (PPP)* sebagai usaha alternatif dalam memangkin pembangunan di kawasan Perbandaran Tutong yang mana beberapa cadangan projek telah pun dikenal pasti untuk dilaksanakan tertakluk kepada penelitian dan pertimbangan pihak-pihak yang berkenaan.

Dalam pada itu, dalam memastikan kemudahan dan perkhidmatan prasarana yang berkualiti dan selamat, jabatan ini melalui kerjasama dan sokongan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan telah pun juga menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan prasarana seperti bekalan, air, tenaga elektrik, lampu-lampu jalan dan pemeliharaan dan pembinaan infrastruktur dalam kawasan perbandaran serta kawasan sekitarnya seperti jalan raya. Perkara ini telah juga dapat dilaksanakan dengan kerjasama dan sokongan keahlian Lembaga Bandaran yang mana di antaranya juga adalah daripada agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan di Daerah Tutong ini.

Dalam memastikan bahawa setiap prasarana kemudahan awam tersebut adalah terpelihara dan selamat, pihak Jabatan Bandaran Tutong juga sentiasa memantau keadaan prasarana kemudahan awam adalah di dalam keadaan baik dengan melaksanakan beberapa usaha-usaha penaiktarafan prasarana - prasarana kemudahan awam di bawah kawalan jabatan bagi memastikan keadaan dan suasana persekitaran yang kondusif dan selesa serta

selamat digunakan dengan menggunakan peruntukan di bawah tajuk Pemeliharaan Aset Jabatan. Dalam pada itu, usaha lain yang dilaksanakan adalah pihak Jabatan Bandaran Tutong telah pun juga memohonkan bagi tambahan peruntukan bagi Tahun Kewangan 2019/2020 bagi kerja kerja pembaikan dan penaiktarafan prasarana-prasarana kemudahan awam antaranya Pasar Malam Tutong, Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong dan tandas-tandas awam yang telah pun mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi berjumlah \$71,600.00 untuk melaksanakannya dan kerja-kerja penaiktarafan telah pun siap dilaksanakan.

Dalam memastikan kesejahteraan para penjaja di Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong, pihak Jabatan Bandaran Tutong telah pun juga mengeluarkan kaji selidik pada tahun 2018 kepada semua penjaja di kompleks berkenaan yang antaranya juga bagi mendapatkan cadangan-cadangan penambahbaikan yang mana beberapa tindakan-tindakan daripada kaji selidik tersebut telah pun juga diambil tindakan bagi kesejahteraan penjaja-penjaja.

(Jawapan Soalan no. ii)

Perkembangan kawasan Pekan Tutong bermula sebagai sebuah kawasan perniagaan dan pusat pentadbiran yang kecil dengan hanya terdapat beberapa unit kedai yang dibina di atas tanah-tanah persendirian untuk menampung keperluan penduduk Pekan Tutong dan kawasan persekitarannya. Walau bagaimanapun sekitar tahun 80-an sehingga kini, perkembangan dan kemajuan fizikal di Daerah Tutong telah banyak

merubah corak *built environment* di Pekan Tutong sebagai pusat pentadbiran dan komersial yang berkembang maju dengan pesatnya.

Konsep pelan kemajuan kawasan bandar adalah satu perkara yang amat baik dalam merancang pembangunan kawasan perbandaran yang berkonsep dan tema tertentu dengan keunikan kawasan setempat itu sendiri. Dalam hal ini, dalam konteks kawasan Perbandaran Tutong, Pelan Kemajuan Pekan Tutong adalah juga berdasarkan kepada Pelan Kemajuan Daerah Tutong 2006-2025 (*Tutong District Plan*) dan Pelan Kemajuan Setempat (*Tutong Cental Area Local Plan*) yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang mana sebarang kemajuan hendaklah mengikut garis panduan perancangan pembangunan yang telah disediakan antaranya bertujuan untuk meningkatkan, mengekalkan dan keadaan suasana semulajadi persekitaran dan memastikan '*natural heritage*' di kekalkan.

Dalam konteks kawasan perbandaran Tutong, selaras dengan usahanya bagi meluaskan kawasan Lembaga Bandaran Tutong kepada satu Kawasan yang bersesuaian selaras dengan perancangan strategik Jabatan Bandaran Tutong yang mana di antara objektif utamanya adalah untuk menaikkan status Pekan Tutong kepada status bandar melalui perluasan kawasan perbandaran dengan juga bertujuan bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat melalui potensi kemajuan ekonomi di beberapa kawasan persekitaran dengan terdapatnya fungsi-

fungsi utama sebagai pusat perniagaan dan perdagangan, pusat pentadbiran kerajaan, pusat kewangan dan perbankan, pusat keagamaan, pendidikan dan sukan dengan penambahan kepada jumlah kepadatan penduduk, pihak Jabatan ini telah pun juga merangka strategi dengan mengambil kira kedudukan yang sangat strategik di antara penghubung kepada Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait dengan cadangan satu konsep pelan kemajuan untuk menjadikan Pekan Tutong sebagai Pekan Komuter (*Commuter Town*).

Pekan komuter adalah satu pekan di mana sebahagian besar penduduknya bekerja di luar kawasan yang mana dengan kemajuan pembangunan infrastruktur lebuh raya memudahkan perjalanan yang memberikan rangkaian perhubungan yang amat baik di antara Kuala Belait dan Bandar Seri Begawan dengan perjalanan dengan lebih cepat dan selesa. Pekara ini adalah mengambil kira bahawa lokasinya yang terletak di antara dua (2) bandar yang banyak menyediakan peluang pekerjaan serta infrastruktur perhubungan yang sedia ada (lebuhraya) membolehkan perjalanan yang cepat. Dalam hal ini juga, sebagai nilai tambah kepada perkembangan Pekan Tutong dilihat sebagai pusat pelancongan bagi Daerah Tutong yang bertindak sebagai pintu masuk (*gateway*) dan pusat transit pelancongan.

Setentunya, dengan perluasan Kawasan Lembaga Bandaran Tutong ini juga akan membolehkan Jabatan Bandaran Tutong merancang dan melaksanakan projek-projek secara lebih teratur dan sistematik selaras

dengan apa yang diperlukan oleh orang ramai yang mana dalam hubungan ini, kawasan-kawasan yang luas dan berpotensi untuk dimajukan adalah sangat-sangat diperlukan bagi menempatkan projek-projek berkenaan.

Dalam merangka pembangunan kawasan perbandaran secara holistik, pihak Jabatan Bandaran Tutong juga telah merancang beberapa program dan projek jangka pendek khususnya dalam menaiktarafkan kawasan Perbandaran Tutong antaranya dalam aspek bagi menjana kegiatan perekonomian, Jabatan Bandaran Tutong juga telah pun juga mengendalikan beberapa program dalam menjana perkembangan sosioekonomi kawasan setempat dengan menyediakan satu 'platform' atau 'venue' kepada masyarakat setempat melalui aktiviti berkonsep.

Manakala, bagi perancangan pembangunan jangka panjang, Jabatan Bandaran Tutong adalah juga dalam merangka pelaksanaan pembangunan jangka panjang yang akan memberikan impak kepada pembangunan kawasan setempat antaranya perancangan bagi cadangan perluasan lingkungan kawasan perbandaran Tutong yang mana beberapa cadangan pilihan kawasan perluasan telah pun dikenal pasti sebagai cadangan perluasan yang baru yang dilihat akan dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan dan perkembangan sosioekonomi masyarakat setempat.

Pihak Jabatan Bandaran Tutong telah pun juga mengenal pasti beberapa projek pembangunan bagi dilaksanakan di bawah *Public Private Partnership (PPP)* antaranya

juga Cadangan *Request For Proposal (RFP) To Develop, Operate, Maintain And Transfer Of Lot 17356, Bukit Bendera, Pekan Tutong, Daerah Tutong As Office And Commercial Building.*

Dalam pada itu, dalam menyokong hasrat bagi meningkatkan tahap kebersihan, pihak Jabatan Bandaran Tutong juga telah merancang bagi mengadakan kawasan Zon Bersih sebagai inisiatif mendukung hasrat kerajaan ke arah memastikan Negara Brunei Darussalam sentiasa bersih dan bebas daripada sampah sarap yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan pemilihan beberapa kawasan dijadikan sebagai Zon Bersih dengan penaiktarafan kawasan yang sentiasa bersih dan indah yang mana masih dalam perbincangan awal bagi pelaksanaan dengan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

**SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA PENDIKAR ALAM
DATO PADUKA SERI AWANG HAJI
HASRIN BIN DATO PADUKA HAJI
SABTU**

**1. JABATAN KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI**

Adalah diambil maklum bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun menggariskan beberapa objektif strategik dalam membantu pihak kementerian menanai misi dan mencapai visi pihak kementerian. Ini termasuklah objektif-objektif strategik yang menjurus ke arah memelihara keselamatan dan kesejahteraan awam; memangkin pembangunan sosioekonomi dan memantapkan perpaduan masyarakat.

Adalah difahami juga, beberapa inisiatif telah dan akan dilaksanakan dalam memastikan kemajuan dicapai bagi objektif-objektif strategik ini.

Dari itu, pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang di bawah kawalan jabatan-jabatan dan pihak-pihak yang berkenaan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, seperti Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil Penggal 30; Akta Lembaga-Lembaga Bandaran Brunei Penggal 57; Akta-Akta dan Peraturan di bawah kawalan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan; Perintah Pekerjaan 2009 dan sebagainya perlulah terus dimantapkan dan diperkukuhkan lagi, agar tidak berlaku sebarang ketirisan dalam melaksanakan undang-undang dan peraturan berkenaan.

Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan agar pihak-pihak berkenaan akan dapat meneruskan dan meningkatkan lagi pemeriksaan, pemantauan serta rondaan termasuklah *enforcement visibility* khususnya di kawasan-kawasan awam dan kawasan-kawasan *hot-spot* di negara ini.

Dalam pada itu, kaola ingin bertanya, apakah perkembangan salah satu inisiatif pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu inisiatif meneliti dan memperkenalkan perundangan bagi mengawal kegiatan berjaja iaitu *Hawkers – By – Law*?

Kaola berpendapat bahawa perundangan ataupun peraturan seperti ini adalah penting khususnya dalam memastikan pengurusan kawasan-kawasan tertentu di bandar atau luar bandar dilaksanakan dengan sempurna.

Ini adalah selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa membuat Lawatan Kerja ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya pada tahun 2016, yang mana antara lain titah baginda:-

“Kita masih menyaksikan orang-orang yang berjaja sesuka hati tanpa mengambil kira perkara kebersihan dan keselesaan. Barang-barang juga dilonggok tidak tersusun malah tangga tempat turun naik pun juga sudah jadi tempat meletakkan barang-barang. Ini sangatlah menyakitkan mata memandang”.

2. RANCANGAN REVITALISASI KAMPONG AYER

Rancangan Revitalisasi Kampong Ayer sememangnya sudah berjalan sejak beberapa tahun lalu, secara berperingkat-peringkat.

Kaola ingin tahu, sejauh manakah penglibatan dan penyertaan pihak sektor swasta dalam membantu membangunkan dan memperkembangkan lagi infrastruktur dan perekonomian Kampong Ayer, khususnya melalui kaedah *Public Private Partnership*? Adalah difahami bahawa sebelum ini terdapat beberapa cadangan yang telah dikenal pasti yang melibatkan sektor swasta, misalnya pembinaan *Boutique Hotel* dan restoran-restoran di Kampong Ayer.

Kaola juga ingin bertanya mengenai dengan **perkembangan cadangan Kampong Ayer dijadikan sebagai Tapak Warisan**

Dunia (*World Heritage Site*) di bawah Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*UNESCO*) seperti yang pernah dibangkitkan sebelum ini.

JAWAPAN

(Jawapan soalan no. 1)

KAWASAN *HOTSPOT* DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu bagi pihak-pihak berkenaan akan dapat meneruskan dan meningkatkan lagi pemeriksaan, pemantauan serta rondaan termasuklah '*enforcement visibility*' khususnya di kawasan-kawasan awam dan kawasan-kawasan '*hot spot*' di negara ini.

Di samping pemeriksaan dan pemantauan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan, pemeriksaan dan pemantauan secara bersepadu melibatkan pelbagai agensi juga sering di adakan. Di kawasan Bandar Seri Begawan, Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan (JBBSB) dengan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan iaitu Jabatan Kerja Raya, Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan tinjauan di sepanjang tebing-tebing sungai di sekitar Bandar Seri Begawan pada bulan Ogos 2019. Hasil daripada tinjauan tersebut, agensi-agensi kerajaan berkenaan telah mencadangkan empat (4) lokasi am bagi pemasangan CCTV dan papan-papan

tanda di sekitar lokasi-lokasi yang dianggap *hotspot* memandangkan lokasi berkenaan adalah akses bagi *perimeter* kejadian:-

Lokasi 1: Tebing-tebing dan jeti-jeti taman-taman riadah;

Lokasi 2: Jeti-jeti penurunan di Kampong Ayer;

Lokasi 3: Jeti-jeti dan tebing am berhampiran kawasan komersial dan pasar-pasar; dan

Lokasi 4: Kawasan atas dan bawah jambatan dan akses-akses utama penghubung perairan dan darat.

Cadangan pemasangan CCTV masih lagi dalam penelitian agensi-agensi kerajaan yang dinyatakan di atas.

Pemantauan dan pemeriksaan juga dilaksanakan oleh Bahagian Kesihatan dan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan bersama-sama agensi-agensi tertentu bagi memastikan restoran, kedai makan, gerai-gerai makan dan seumpamanya berada dalam keadaan bersih dan tidak tercemar baik dari segi persekitaran, makanan yang disediakan dan pengendali-pengendali makanan.

Lembaga Bandaran pula bertanggungjawab memastikan tandas-tandas awam dalam keadaan bersih.

BANDAR SERI BEGAWAN MUNICIPAL BOARD (STREET VENDORS) BY. LAWS, 2019.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) sedang meneliti Bandar Seri Begawan *Municipal Board (Street Vendors) By-Laws, 2019* daripada Pejabat Peguam Negara pada 4 Mei 2020 dan akan diteliti semula oleh Jabatan Bandaran.

Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Bab 5 daripada Akta Lembaga Bandaran (Penggali 57), *By Laws* tersebut perlu diteliti dan diluluskan oleh Majlis Lembaga-Lembaga Bandaran sebelum dihadapkan bagi proses menjadikannya akta.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berharap dengan berkuatkuasanya *By-Laws* ini, semua peniaga di kawasan Lembaga Bandaran dapat dikawal dengan lebih teratur.

(Jawapan soalan no. 2)

PROJEK REVITALISASI KAMPONG AYER

Selaras dengan projek-projek yang dikenal pasti di dalam Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan iaitu bagi menghidupkan suasana Kampong Ayer dan mengadakan aktiviti komersial di kawasan Kampong Ayer, *Request For Proposal (RFT) To Invest, Build and Operate Commercial Activities In The Vicinity of Kampong Ayer* telah dikeluarkan pada 15 Februari 2017 dan ditutup pada 18 April 2017. Kemudahan dan lokasi yang ditawarkan ialah *Destination Restaurant* di Kampong Burung Pinggai Air, *Leisure*

Restaurant di Pulau Sibungor dan *Heritage Accomodation* di mana-mana lokasi yang ditawarkan oleh pemaju. Bagaimanapun, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak menerima sebarang tawaran daripada pemaju.

Tawaran RFP kali ke-2 telah dikeluarkan pada 31 Mei 2017 dan ditutup pada 2 Ogos 2017, akan tetapi tiada penyertaan diterima daripada pemaju. Walau bagaimanapun, perkara ini akan terus diteliti untuk menjadikannya satu rancangan yang dapat menarik pelabur.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengeluarkan satu (1) *Request For Proposal (RFT) for Floating Restaurant at Jalan Residency*, Bandar Seri Begawan bermula pada 13 Mei 2019 dan ditutup pada 30 Julai 2019. Lokasi bagi *Floating Restaurant* ialah berdekatan dengan Bangunan Terindak D'Seni dan Sungai Kebun. Kemudahan yang akan disediakan ialah *Floating Restaurant*, Kedai cenderamata, kedai serbaneka dan pendaratan perahu-perahu yang dijangka disediakan dalam tahun 2020. RFT tersebut pada masa ini dalam proses akhir penilaian oleh Jawatankuasa Kerja.

**CADANGAN KAMPONG AYER
DIJADIKAN SEBAGAI TAPAK WARISAN
DUNIA (WORLD HERITAGE SITE)
DI BAWAH PERTUBUHAN
PENDIDIKAN, SAINS DAN
KEBUDAYAAN, PERTUBUHAN BANGSA-
BANGSA BERSATU (UNESCO)**

Soalan ini dijawab oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang bertanggungjawab dalam menentukan dan memelihara tapak warisan (*Heritage*) di negara ini.

JAWAPAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu atas soalan mengenai perkembangan cadangan Kampong Ayer untuk dijadikan sebagai Tapak Warisan Dunia (atau '*World Heritage Site*') di bawah Pertubuhan *UNESCO*. Seperti mana yang diutarakan, perkara ini pernah dibangkitkan semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan, Majlis Mesyuarat Negara pada 22 Rabiulakhir 1433 bersamaan 15 Mac 2012 dan adalah selaras dengan amanah dan usaha berterusan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk sentiasa memartabatkan dan memelihara khazanah warisan bangsa yang *tangible* ataupun *intangible*.

Ke arah ini dan seperti mana yang di ketengahkan semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan pada 15 Mac 2012 yang tersebut, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengambil langkah untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Kebangsaan Tapak Warisan bagi meneliti cadangan untuk mewartakan pemandangan Sungai Brunei, termasuk Kampong Ayer sebagai salah satu Tapak Bersejarah Dunia ('*World Heritage Site*') di bawah Konvensyen Tapak Bersejarah Dunia 1972 seperti mana yang diratifikasi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2011. Walaupun diakui mesyuarat terakhir

Jawatankuasa Kebangsaan tersebut telah diadakan pada tahun 2013, tidak dapat dinafikan bahawa dalam tempoh 7 tahun sejak persidangan mesyuarat berkenaan, pelbagai perancangan dan pembangunan telah dilaksanakan di Kawasan Kampong Ayer dan Sungai Brunei, terutamanya melalui inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Induk Bandar Seri Begawan di samping pembangunan infrastruktur seperti Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Taman Mahkota Jubli Emas serta usaha penaiktarafan perumahan dan projek-projek untuk meningkatkan perekonomian Kampong Ayer.

Oleh yang demikian, kaola berpandangan bahawa penelitian terperinci dan kajian yang mendalam masih perlu untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat terhadap cadangan Pemandangan Sungai Brunei, termasuk Kampong Ayer untuk diwartakan sebagai Tapak Bersejarah Dunia ('*World Heritage Site*'). Apa yang turut penting ialah bagi Jawatankuasa Kebangsaan Tapak Warisan untuk turut memberikan tumpuan dalam mengkaji tapak - tapak warisan lain yang mempunyai kepentingan tersendiri di Negara Brunei Darussalam untuk diwartakan sebagai Tapak Bersejarah di arena antarabangsa secara berperingkat-peringkat seperti Taman Warisan Tasek Merimbun iaitu satu-satunya tapak yang diiktiraf sebagai *ASEAN Heritage Park*. Dalam perkara ini, kaola melihat bahawa faktor yang paling mustahak ialah bagi memastikan Pemandangan Sungai Brunei di samping tapak lain yang dikenal pasti benar-benar memenuhi semua garis panduan dan keperluan yang digariskan oleh

Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*UNESCO*) agar dapat dipertimbangkan untuk diwartakan sebagai Tapak Bersejarah Dunia. Oleh itu, amatlah mustahak bagi sebarang kajian untuk dilaksanakan dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan dan swasta daripada pelbagai bidang bagi memastikan pandangan yang diberikan terhadap sebarang cadangan tapak untuk diwartakan sebagai Tapak Bersejarah Dunia (*'World Heritage Site'*) adalah seimbang, menyeluruh dan menepati pendekatan *whole of nation*. Apa yang dihasratkan ialah mengimbangi Antara usaha untuk membangun infrastruktur dengan pengekal keunikan pemandangan Kampong Ayer sebagai warisan khazanah negara.

Ke arah tersebut, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, pihak kementerian akan meneliti semula Terma Rujukan Jawatankuasa Kebangsaan Tapak Warisan yang telah ditubuhkan pada tahun 2012 dalam mana, persidangan mesyuarat turut dircancang untuk diadakan pada masa yang terdekat.

**SOALAN DARIPADA YANG BERTITIK
FDR. AR. DAYANG ROZAIMERIYANTY**

JABATAN BURUH

Gaji Minimum

Kaola ingin merujuk pada tanggungjawab Brunei sebagai ahli kepada *International Labour Organization (ILO)* yang mana pada masa ini, Brunei telah meratifikasi dua konvensyen daripada 78 konvensyen di bawah kategori *Fundamental Convention:*

Minimum Age Convention and Worst Forms of Child Labour Convention". Ia sangat membimbangkan kerana kita harus mempelbagaikan usaha dalam mencapai salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu kualiti hidup yang merupakan antara 10 negara teratas di dunia.

Kaola berpendapat bahawa *'Minimum Wage Fixing Convention'* adalah penting untuk diratifikasikan dalam memastikan hak pekerja diutamakan. Ini secara tidak langsung akan membantu untuk kita meratifikasikan konvensyen-konvensyen yang lain seperti *'Discrimination (Employment and Occupation) Convention, 1958 (NO.111) and 'Equal Remuneration Convention, 1951 (No.100)*. Kaola ingin bertanya apakah perkembangan terkini mengenai dengan isu gaji minimum setakat ini?

Kaola mencadangkan supaya pihak kementerian sebolehnya mengenal pasti jawatan-jawatan yang diinginkan oleh kebanyakan pencari kerja tempatan seperti penyelia projek di industri pembinaan, khususnya yang mempunyai kelayakan di peringkat HND dan ke atas. Era ini dapat dilaksanakan secara berfasa. Dan bukan secara *'blanket minimum wage'* yang hanya memfokuskan kepada industri-industri yang mempunyai banyak pekerja asing. Sebagai contoh, *Reasonable Wage* boleh diadakan terlebih dahulu seperti yang dilaksanakan untuk pekerja yang tidak mempunyai kelayakan *National Diploma* ke bawah sebagai satu inisiatif daripada *Local Business Development* di bawah industri minyak dan gas, iaitu sebanyak \$700.00 untuk *onshore* dan \$1,000.00 untuk *offshore*.

FOREIGN WORKFORCE RATIO DAN FOREIGN WORKERS LEVY

Merujuk kepada sesi Majlis Mesyuarat ke-15 pula isu tentang gaji minimum ini mempunyai impak kepada Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) dan kos menjalankan perniagaan. Kaola faham bahawa risiko bagi *FDI* adalah tinggi, walau bagaimanapun, kerajaan perlu mengutamakan kebajikan pekerja-pekerja tempatan. Yang Berhormat Pehin juga ada menyentuh mengenai *Foreign Workplace Ration (NTA)* dan *foreign workers levy* dalam mengawal kemasukan pekerja asing dan memastikan keutamaan pekerja tempatan. Apakah perkembangan terkini mengenai dengan pelan *Foreign Workplace Ration (NTA)* dan *foreign workers levy* ini?

JAWAPAN

Isu Gaji Minimum

Pelbagai langkah-langkah kajian telah dibuat oleh Jabatan Buruh sebelum ini bagi mengenal pasti satu kadar gaji minimum secara *blanket minimum wage* yang sesuai untuk sektor swasta di Negara Brunei Darussalam. Semua kadar-kadar pilihan (*options*) mengaikut setiap inisiatif adalah seperti berikut:

a) Pada Februari 2017. Satu kajian *preliminary* telah dijalankan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa yang mana kadar gaji yang ditentukan adalah \$500-\$600 sebulan;

- b) Pada 6 hingga 30 Mei 2017. Jabatan Buruh telah menjalankan satu soalan kaji selidik secara *online* yang mana kadar yang dipilih oleh majoriti responden adalah \$650 sebulan;
- c) Pada 15 Mei hingga 12 Oktober 2017, Jabatan Buruh telah mengajukan berberapa Sesi Kumpulan Fokus dengan sektor-sektor industri di mana kadar gaji yang paling rendah dalam semua sektor-sektor industri adalah \$400 sebulan;
- d) Pada 31 Oktober 2017, satu kajian telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi bagi ASEAN & Asia Timur (*ERIA*) yang kadar gaji yang ditentukan adalah \$350-\$450 sebulan; dan
- e) Seterusnya, pertimbangan juga telah pun diberikan bagi gaji progresif (*progressive wage*) sebagai satu alternatif kepada gaji minimum khusus bagi pekerja tempatan dan penyelidikan yang diketuai oleh Jabatan Buruh telah pun dibuat ke atas gaji progresif (*progressive wage*) bagi:
- Sektor Makanan & Minuman sesi pada 3 Julai 2017;
 - Sektor Pembersihan: sesi pada 28 September 2017; dan
 - Sektor Borong & Runcit : sesi pada 14 Ogos 2019

Dalam hal ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedang membuat penelitian bagi penempatan *baseline* pendapatan rendah bagi tujuan gaji progresif, iaitu dengan

menggunakan Kajian Perbelanjaan Keluarga (KPK) daripada Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE). Ini adalah memandangkan sehingga kini Negara Brunei Darussalam belum lagi mempunyai data atau petunjuk yang boleh menetapkan jika seseorang itu berpendapatan rendah atau sebaliknya.

Bagi penyelidikan inisiatif gaji progresif tersebut, Jabatan Buruh telah menganjurkan beberapa sesi pertemuan (*engagement sessions*) dengan wakil-wakil daripada sektor swasta khususnya sektor pembersihan, makanan & minuman dan borong & runcit (seperti di atas). Sesi-sesi tersebut bertujuan untuk mendapatkan maklumat ringkas dan tepat mengenai gaji, nama jawatan dan tempoh perkhidmatan dalam sektor-sektor tersebut. Kesemua maklumat berkenaan telah pun dikumpulkan ke dalam matrik-matrik *demarcation career ladder* yang mana menggambarkan perkembangan kerjayanya bagi jawatan pada peringkat kemasukan ke arah jawatan kanan.

Untuk makluman, ciri-ciri gaji progresif adalah seperti berikut:

- a. Ianya adalah tidak terikat dari segi undang-undang (*non-legally binding*);
- b. Ianya mewakili satu garis panduan kerja dan gaji bagi pencari-pencari kerja tempatan sahaja untuk pekerjaan spesifik;
- c. Ianya adalah berdasarkan kepada maklum balas daripada industri; dan

- d. Mempromosi ketelusan dan kepastian dalam perkembangan kerjaya.

Pertimbangan perlu diberikan kepada impak-impak berpotensi kepada perusahaan kecil dan sederhana dan sektor swasta secara keseluruhan memandangkan kebanyakan / majoriti perniagaan di Negara Brunei Darussalam terdiri daripada jenis syarikat-syarikat tersebut. Dalam hal ini, kemampuan terkini di sektor swasta dan setiap syarikat-syarikat di dalamnya hendaklah dikaji. Manfaat dan kekurangan dasar gaji minimum pada Negara Brunei Darussalam perlu juga dinilai dalam konteks TAP dan subsidi kerajaan.

Untuk makluman, penerokaan bagi dasar gaji yang sesuai (*progressive, reasonable* atau bentuk lain) bagi pekerja-pekerja tempatan di sektor swasta Negara Brunei Darussalam sedang dijalankan/dalam perancangan *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)*. Setakat ini, Jabatan Buruh telah menyediakan kerangka *progressive wage* bagi 3 jawatan iaitu Pekerja Binaan, Jurujual dan Pembersih. Ia merupakan garis panduan untuk digunakan oleh syarikat swasta di dalam penetapan gaji bagi 3 jawatan tersebut dan seterusnya kemajuan kerjayanya masing-masing termasuklah tangga gajinya.

Perkara yang serupa juga disediakan oleh Sekretariat *MPEC* di dalam bentuk 'Warga *Guideline*' iaitu jawatan-jawatan di sektor-sektor yang telah dikenal pasti dengan kemajuan dan tanggagaji masing-masing. Perkara ini adalah untuk mendapat ketetapan *MPEC*.

**FOREIGN WORKPLACE RATION (NTA)
DAN FOREIGN WORKERS LEVY**

1. Dasar Nisbah Tempatan Asing dan Levi adalah inisiatif daripada kerjasama Jabatan Buruh dan Sekretariat *Manpower Planning and Employment Council (MPEC)* yang sebelum ini *Manpower Policy dan Planning Unit (MPPU)* bagi menggalakkan pengambilan anak tempatan untuk bekerja di sektor swasta.
2. Dasar Nisbah Tempatan Asing (NTA).
 - a) NTA adalah merupakan dasar yang akan dilaksanakan melalui Jabatan Buruh yang mana kebenaran Lesen Pekerja Asing (LPA) adalah berpandukan nisbah jumlah pekerja tempatan dan asing yang telah ditetapkan bagi setiap sektor dan industri. NTA ini adalah diharapkan akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan anak-anak tempatan melalui pengawalan pengambilan pekerja asing secara berperingkat.

Sector	Current Local Composition %	Proposed Local Composition %
<i>Accommodation and food service activities</i>	32%	70%
<i>Real Estate Activities</i>	48%	70%
<i>Mining and Quarrying</i>	71%	90%
<i>Administrative and Support Service Activities</i>	52%	70%
<i>Information and Communication</i>	75%	90%
<i>Wholesale and Retail trade; Repair of Motor Vehicles and Motorcycles</i>	38%	50%
<i>Arts, Entertainment and Recreation</i>	60%	70%
<i>Electricity, Gas, Steam and Air Conditioning Supply</i>	49%	60%
<i>Agriculture, Forestry and Fishing</i>	31%	40%

- b) Cadangan Nisbah Tempatan Asing bagi sektor-sektor swasta adalah seperti berikut:-

Sector	Current Local Composition %	Proposed Local Composition %
<i>Agriculture, Forestry and Fishing</i>	31%	40%
<i>Professional, Scientific and Technical Activities</i>	53%	60%
<i>Construction</i>	15%	20%
<i>Education</i>	56%	60%
<i>Manufacturing</i>	26%	30%
<i>Public Administration and Defence, Compulsory Social Security</i>	98%	90%

<i>Financial and Insurance Activities</i>	91%	90%
<i>Transportation and Storage</i>	61%	60%
<i>Human Health and Social Work Activities</i>	60%	60%
<i>Water Supply, Sewerage, Waste Management and Remediation</i>	51%	50%
<i>Other Service Activities</i>	35%	30%

c. Tiga (3) sektor akan di kenal pasti untuk dikenakan dasar NTA di peringkat awal (*initial phase*) adalah seperti berikut:

- i. Sektor Borong dan Runcit;
- ii. Sektor Pendidikan; dan
- iii. Sektor Pembinaan

BIL	SEKTOR	NISBAH
1.	Pembinaan	90:10
2	Perdagangan Borong & Runcit	50:50
3.	Pendidikan	
	i) Formal Swasta (Kurikulum Kebangsaan)	60:40
	ii) Formal Swasta (Kurikulum Antarabangsa)	30:70
	iii) Institusi Pengajian Tinggi Swasta	60:40
	iv) Tidak Formal Swasta (Komputer)	80:20
	v) Tidak Formal Swasta (Muzik)	30:70
	vi) Tidak Formal Swasta (Kemahiran)	80:20
	vii) Tidak Formal Swasta (Bimbingan)	80:20

d. Bagi sektor-sektor yang lainnya, Nisbah Tempatan Asing juga akan dikenakan mengikut *current content sector* industri tersebut. Pelaksanaan dasar ini akan dilaksanakan secara berperingkat, yang mana bagi sektor awal telah pun diadakan pemberigaan mengenai dasar ini.

e. Pemberigaan seterusnya akan diadakan bagi Sektor Kumpulan 2 iaitu bagi sektor-sektor berikut:

- i. Sektor Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal;
- ii. Aktiviti Pentadbiran dan Perkhidmatan Bantuan; dan
- iii. Aktiviti Penyediaan Tempat Tinggal dan Permakanan.

f. Adalah dijangkakan impak pelaksanaan dasar NTA secara keseluruhan dalam penyediaan jawatan-jawatan untuk pencari-pencari kerja di kalangan anak Tempatan dijalankan, sebanyak 15,522 pekerja asing dan sebanyak 1,011 syarikat bersaiz sederhana dan besar akan terlibat. Adapun sektor-sektor yang terlibat adalah seperti berikut:

Sector	Vacancies
<i>Accommodation and Food Service Activities</i>	3,239
<i>Real Estate Activities</i>	15
<i>Mining and Quarrying</i>	2,251
<i>Administrative and Support Service Activities</i>	1,675
<i>Information and Communication</i>	219
<i>Wholesale and Retail Trade; Repair of Motor Vehicles and Motorcycles</i>	1,977
<i>Arts, Entertainment and Recreation</i>	65
<i>Electricity, Gas, Steam and Air Conditioning Supply</i>	18
<i>Agriculture, Forestry and Fishing</i>	263
<i>Professional, Scientific and Technical Activities</i>	463
<i>Construction</i>	3,568
<i>Education</i>	288
<i>Manufacturing</i>	722
<i>Public Administration and Defence, Compulsory Social Security</i>	No vacancies
<i>Financial and Insurance Activities</i>	7
<i>Transportation and Storage</i>	598
<i>Human Health and Social Work Activities</i>	18
<i>Water Supply, Sewerage, Waste Management and Remediation</i>	45
<i>Other Service Activities</i>	91

3. Dasar Levi.



Selain daripada Dasar Nisbah Tempatan Asing, Dasar Pengenaan Levi juga akan diperkenalkan iaitu levi akan dikenakan kepada syarikat-syarikat yang tidak memenuhi Nisbah Tempatan Asing iaitu syarikat-syarikat yang mengambil pekerja asing lebih daripada nisbah yang telah

ditetapkan. Objektif dasar ini adalah untuk memberikan peluang kepada pencari kerja tempatan dan juga untuk mengurangkan kebergantungan majikan kepada pekerja asing. Kutipan daripada levi ini juga bertujuan untuk mendapatkan sumber dana bagi membiayai penyediaan dan pemberian latihan-latihan tertentu kepada pencari kerja dari kalangan anak tempatan supaya mereka akan menjadi *Industry Ready* bagi pasaran buruh (*Job Market*).

Dalam masa yang sama, adalah juga diharapkan bagi pencari-pencari kerja dari kalangan anak-anak tempatan akan dapat mengambil peluang-peluang pekerjaan yang akan diwujudkan dengan terlaksananya dasar-dasar ini nanti.

Jumlah levi telah dicadangkan iaitu \$100.00 sebulan bagi seorang pekerja, yang mana akan dibayar oleh syarikat yang menggaji pekerja asing lebih daripada NTA yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, levi tersebut tidak akan dikenakan pada syarikat yang mempunyai kurang daripada 20 pekerja secara keseluruhan. Adalah juga dirancang bagi 18 bulan *grace period* untuk diberikan kepada syarikat bagi penstrukturan semula organisasi bagi memenuhi NTA yang ditetapkan.

Levy Bill graph di bawah menunjukkan jumlah kos yang dijangkakan (tidak termasuk kos - kos pengambilan pekerja seperti bayaran agensi dan tiket) yang akan ditanggung oleh sektor-sektor secara keseluruhan (khususnya bagi *wholesale* dan *retail*, *education* dan *construction sector* sahaja) dengan pelaksanaan dasar Levi.



sektor Pembinaan, Borong dan Runcit dan Pendidikan.

Walau bagaimanapun, *MPEC working group* telah mencadangkan supaya levi tidak dikaitkan dengan NTA dan dikenakan secara menyeluruh kepada semua pekerja asing di Negara Brunei Darussalam. Perkara ini perlu mendapatkan ketetapan daripada MPEC sama ada meneruskan cadangan dasar awal iaitu NTA dan levi (berbentuk penalti) ataupun levi dikenakan secara menyeluruh (berbentuk caj pekerja asing) dan tidak dikaitkan dengan NTA.

Jabatan Buruh sedang meneliti cadangan ini dan akan menyediakan kertas kerja mengenainya. Dalam hal ini, perkembangan dan langkah seterusnya bagi NTA dan Levi adalah masih lagi dalam penelitian dan kajian kementerian ini dan MPEC.

Perkembangan terkini Dasar NTA dan Levi:

Dasar NTA dan Levi telah dibincangkan di MPEC di mana mekanismenya adalah mengenakan nisbah terhadap 8 sektor yang terpilih. Jika syarikat-syarikat tidak dapat memenuhi nisbah yang telah ditetapkan, maka syarikat berkenaan akan dikenakan levi setiap seorang pekerja asing yang melebihi nisbah. Ini bermakna levi adalah berbentuk penalti kepada syarikat-syarikat. Ini adalah seperti yang telah diberigakan kepada 3 sektor yang awal iaitu

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SOALAN DARIPADA YANG BERTITAH PEHIN ORANG KAYA PENDIKAR ALAM DATO PADUKA SERI AWANG HAJI HASRIN BIN DATO PADUKA HAJI SABTU

Jabatan Kementerian Pendidikan

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan keutamaan kepada bidang pendidikan, sebagai salah satu pelaburan bagi negara. Pelaburan jenis ini mampu untuk melahirkan tenaga manusia yang berkualiti yang diperlukan untuk memacu perkembangan dan kemajuan.

Institusi-institusi pengajian tinggi khususnya, adalah berperanan penting untuk sama-sama membantu dan memastikan agar setiap pelajar menjadi tenaga manusia yang berilmu dan berkemahiran serta bersifat amanah, berwibawa dan berwawasan.

Dari itu, setiap program-program yang diadakan hendaklah bersifat komprehensif dan menyeluruh, bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga dari segi memperkembangkan sahsiah dan jati diri, termasuklah dari segi memperkukuhkan ciri-ciri kepimpinan.

Soalan saya:

- i. Apakah inisiatif dan langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi khususnya, dalam

memperkembangkan lagi kompetensi-kompetensi membentuk jati diri para pelajar, khususnya melalui pendidikan tidak formal seperti penglibatan dan penceburan ke dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum dan program-program pembangunan kapasiti, di samping mempersiapkan mereka dengan kemahiran yang relevan, seiring dengan perkembangan teknologi semasa?

- ii. Apakah inisiatif dan langkah yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi khususnya, untuk meningkatkan budaya penulisan akademik dan pembentangan kertas-kertas kerja di kalangan para pensyarah dan pelajar bagi meningkatkan lagi tahap kecemerlangan setiap institusi-institusi pengajian tinggi.

Perkara seperti ini pernah dititahkan dan dibangkitkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Haflut Takharruj Ke-9 Universiti Sultan Sharif Ali pada tahun 1440 Hijrah / 2019 Masehi, yang antara lain baginda bertitah:-

"Kecemerlangan memang wajar dicari. Kita tidak boleh berhenti dari mengusahakannya.... Wujudkan kriteria kecemerlangan melalui kerja-kerja akademik oleh para pensyarah dan penuntut, dengan melazimkan rajin menulis, seperti buku atau kajian atau artikel-artikel ilmiah, dan menghantar tulisan-tulisan tersebut ke jurnal-jurnal antarabangsa"

- iii. Selanjutnya, saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan pendidikan sivik, khususnya di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Peredaran zaman dan kemajuan teknologi berkemungkinan menuntut kurikulum pendidikan memberikan penekanan kepada bidang-bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM). Walau bagaimanapun, penumpuan kepada bidang-bidang STEM ini tidak bermakna pemupukan nilai di kesampingkan. Malahan, nilai dan pembentukan akhlak sepatutnya menjadi elemen merentas kurikulum yang perlu diterapkan dalam setiap subjek.

Dari itu, saya berharap agar penerapan nilai-nilai melalui Pendidikan Sivik, diberikan penekanan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran, supaya setiap penuntut sedar kepentingan nilai ini dan mengamalkannya. Pendidikan nilai-nilai ini seharusnya merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan dapat dijadikan amalan dalam kehidupan harian para penuntut.

JAWAPAN

(Jawapan soalan no. i)

1. UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (UBD)

Persatuan Mahasiswa/Mahasiswa UBD adalah di bawah pemantauan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, telah menubuhkan hampir 40 kelab dan badan mahasiswa dan menawarkan pelbagai aktiviti kokurikulum yang digalakkan untuk disertai oleh para Mahasiswa/Mahasiswa UBD. Setiap kelab dan badan pelajar tersebut mempunyai ahli Jawatankuasa IT dan Media. Aktiviti-aktiviti yang diadakan baik secara berkala atau mingguan meliputi aktiviti berbentuk holistik seperti kerohanian, fizikal, keusahawanan, khidmat masyarakat dan sebagainya, diharap akan dapat melahirkan mahasiswa/mahasiswa berdikari dan bertanggungjawab.

Antara yang telah diungkayahkan dan dalam pengemaskinian ialah *Point Star Award System* kepada pelajar-pelajar UBD dalam mengikuti aktiviti kokurikulum. Sistem ini menawarkan pelajar-pelajar UBD dalam mengikuti aktiviti kokurikulum. Sistem ini menawarkan pelajar-pelajar untuk berpeluang dalam membangun kompetensi mereka dalam pelbagai aktiviti yang merangkumi 5 aspek secara holistik (fizikal, kesihatan dan keselamatan / kebudayaan / kerohanian / sosial dan kemasyarakatan/ psikologi dan mental).

Dengan penglibatan pelajar-pelajar dalam aspek-aspek ini diharap dapat membentuk jati diri yang baik dalam diri pelajar. Elemen-elemen seperti kepimpinan, keusahawanan

dan juga mencintai alam sekitar adalah antara yang selalu ditekankan dalam sistem ini. Adalah diharap *soft skills* ini mampu membantu pelajar-pelajar untuk terus cemerlang baik dari segi akademik dan juga personaliti pelajar yang bercalakkan Melayu Islam Beraja (MIB).

2. UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

Kokurikulum merupakan Kursus Wajib mandatori bagi semua pelajar prasiswazah UNISSA. Pengisian Kursus Kokurikulum menyediakan pelbagai bengkel dan kursus kemahiran yang akan melengkapkan pelajar dengan pelbagai kemahiran yang relevan selaras dengan keperluan dan teknologi semasa. Bengkel-bengkel tersebut ialah Bengkel Fotografi, Bengkel Kepimpinan, Bengkel Keusahawanan, Bengkel Kreatif dan Teknologi, Bengkel Hadrah dan Dikir, Bengkel Khat dan Bengkel Tarannum. Kursus Kokurikulum juga menyediakan beberapa program dengan kerjasama Pusat Pembangunan Belia iaitu masakan dan katering, pastri dan konfeksionari dan juga jahitan.

Kursus Kokurikulum juga memberikan pilihan kepada pelajar untuk menyertai kadet pasukan beruniform sebagai ganti kepada bengkel-bengkel tersebut di atas. Pasukan beruniform yang ada di UNISSA pada Sesi 2019/2020 ini ialah Kadet Tentera, Kadet Polis, Kadet Bomba dan Penyelamat dan Pengakap.

Selain daripada bengkel-bengkel kemahiran tersebut di atas, setiap pelajar dikehendaki

untuk melaksanakan 50 jam khidmat masyarakat dalam tempoh dua tahun pertama pengajian mereka. Pelajar diberikan peluang untuk menyertai mana-mana aktiviti kemasyarakatan di dalam dan luar negara untuk memenuhi jam khidmat masyarakat mereka.

Aktiviti kokurikulum yang tidak melibatkan kredit di pantau oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Kebajikan Pelajar untuk memastikan semua aktiviti pembangunan pelajar yang dilaksanakan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar dan semua aktiviti kokurikulum anjuran fakulti dan pusat di UNISSA berpotensi dalam menyediakan pelajar dengan kemahiran yang relevan seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Antara aktiviti tersebut ialah *Program International Youth Dai'e* (kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia), Bengkel Pengucapan Umum (kerjasama Dengan Pusat Da'wah Islamiah, Hari Keusahawanan UNISSA, Program Bantuan Kemasyarakatan seperti Ramadhan *Food Drive, International Community Involvement Project (ICIP)*, kedua-duanya anjuran Majlis Perwakilan Pelajar dan Program Ziarah Mahabbah anjuran Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam UNISSA (FEKIm) dan pelbagai lagi kegiatan yang berpotensi dalam mempertingkatkan kapasiti pelajar.

Pelajar juga menyertai pelbagai aktiviti dan pertandingan dalam bidang keusahawanan seperti *Brunei Darussalam Capital Market Association (BCMA), International Islamic University Malaysia EMS International Challenge, 3rd ASEAN Students*

Entrepreneurship Network (ASENET) Competition, International Economic Debate Indonesia dan sebagainya.

Menghantar pelajar untuk mengikuti program-program kepimpinan di dalam dan luar negara seperti *Regional Workshop on Establishing Youth Ambassador for Peace, The 1st Leadership And Cultural Forum For Asean University Student Leaders, CIMB Young Asean Leaders (CYAL) 2018*, kursus Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA dan sebagainya.

3. UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI (UTB)

Pembentukan jati diri para pelajar melalui pendidikan tidak formal di Universiti Teknologi Brunei adalah melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP), Majlis Perwakilan Pelajar (MPPUTB) dan disusuli dengan sekolah/fakulti yang menubuhkan kelab-kelab berdasarkan fokus masing-masing.

HEP mempunyai lima (5) fokus servis yang melibatkan penyediaan aktiviti-aktiviti keagamaan, aktiviti-aktiviti CCA (kokurikulum), aktiviti-aktiviti kaunseling melibatkan pelajar untuk mengenali isu-isu semasa di kalangan pelajar universiti, aktiviti perihal kesejahteraan sesama pelajar dan komuniti sekeliling dan jua aktiviti penyediaan seorang pelajar bagi alam pekerjaan.

Aktiviti-aktiviti ini mempunyai berbagai taraf, sama ada taraf negara mahupun taraf institusi pengajian tinggi. Pelajar boleh mengambil peluang untuk menceburi aktiviti

ini dan mencari minat mahupun memperbaiki kemahiran masing-masing dengan berkerjasama dengan HEP.

MPPUTB memberikan platform bagi semua pelajar UTB untuk berkecimpung dalam aktiviti luar kelas iaitu ada sepuluh (10) *EXCO* yang menyediakan aktiviti berkaitan dengan sukan, projek sukarelawan, keagamaan dan kerohanian, keselamatan dan alam sekitar, ICT, kepimpinan dan mentor, kebudayaan, logistik, keusahawanan dan aktiviti melibatkan suai kenal dan pertukaran pengalaman bersama pelajar antarabangsa.

HEP dan MPPUTB saling bekerjasama dalam penyediaan aktiviti. Perbezaan yang dikenal pasti ialah penglibatan pelajar dalam aktiviti yang ada, sama ada pelajar yang turut membuat persediaan aktiviti (*organising*) mahupun sebagai pelajar yang mengikuti aktiviti (*participant*). Bagi pelajar yang *organising*, setentunya memperolehi kemahiran yang lebih memandangkan setiap aktiviti akan menguji kemahiran setiap pelajar, contohnya, bermuzakarah dalam menyelesaikan sesuatu tugas memerlukan komunikasi, toleransi dan jua kefahaman. Di sinilah jati diri seorang pelajar dicorakkan dan setentunya ianya berlandaskan Melayu Islam Beraja.

4. POLITEKNIK BRUNEI

Politeknik Brunei telah pun mengunggayahkan kaedah pembelajaran selari dengan peredaran teknologi semasa yang sudahpun diserapkan ke dalam modul-modul, program pengayaan, *Community Service responsibility* dan program

penempatan industri seperti mana yang disenaraikan di bawah bagi membentuk jati diri para pelajar dengan kompetensi yang diperlukan.

Penggunaan kaedah *Learning Management System (LMS)*

Politeknik Brunei mengutamakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara *blended teaching and learning*. Dengan kaedah ini, pelajar dan pensyarah berpeluang untuk mengajar dan belajar dalam cara *traditional classroom and online digital media*.

Politeknik Brunei memperkenalkan dan mengutamakan penggunaan kaedah LMS untuk memastikan pelajar dan pensyarah mendapatkan maklumat pembelajaran seperti nota kuliah dan sebagainya secara dalam atau luar kampus melalui *blended learning approaches*.

Politeknik Brunei juga telah melancarkan aplikasi *mobile 'PB iLMS'* yang dibuat untuk melengkapkan dan menyokong usaha institusi ke arah penggunaan *blended teaching and learning*.

Program Pengayaan (*Enrichment Program*)

Dalam tempoh pengajian di Politeknik Brunei, pelajar juga berpeluang untuk mengikuti program-program pengayaan secara kokurikulum melalui kegiatan jasmani, rohani, akli, keugamaan dan berpasukan yang menitikberatkan

kepentingan terhadap falsafah Melayu Islam Beraja.

Penglibatan pelajar akan diambil kira melalui markah pengayaan (*Enrichment Points*) yang diperolehi melalui penglibatan di dalam program and aktiviti kokurikulum dan akan diambil kira dalam penyumbangan kepada permarkahan penganugerahan diploma masing-masing.

Set Kemahiran khusus dalam Modul *Enrichment* merupakan salah satu modul yang mesti diambil oleh setiap pelajar di Politeknik Brunei dan setiap pelajar mestilah lulus dalam modul ini bagi penganugerahan Diploma Politeknik Brunei. Objektif pembelajaran modul ini adalah berdasarkan kepada tiga aktiviti teras:

- *Leadership Development;*
- *Professionalism and Self Management; dan*
- *Social and Civic Responsibility.*

Berikut adalah bidang kemahiran utama *life skills* yang dikembangkan melalui modul ini:

- *Communication skills;*
- *Working with others;*
- *Managing tasks and problems;*
- *Applying numeracy;*
- *Applying technology;*

- *Applying design & creativity; dan*
- *Developing personal performance*

Pelajar-pelajar Politeknik Brunei juga memang sangat aktif dalam mengadakan pameran-pameran pengkhususan, menjalankan projek *Community Service Responsibility*, terlibat dalam aktiviti kesukarelawan, serta mengikuti pelbagai pertandingan yang telah dianjurkan oleh pihak dalam dan luar negara.

اللَّهُمَّ daripada tahun 2012 hingga kini, penglibatan dan kejayaan yang telah diraih oleh pelajar-pelajar dan pihak Politeknik Brunei adalah sangat memberangsangkan. Modul Program Pengayaan (*Enrichment Programme*) yang perlu diambil oleh setiap pelajar yang mengikuti Diploma Level 5 adalah bertujuan untuk memperkembangkan *life skills* setiap pelajar.

Penglibatan pelajar-pelajar mewakili Negara Brunei Darussalam dan Politeknik Brunei di pertandingan-pertandingan serta persidangan-persidangan di luar negara, misalnya di Pertandingan *Shell Eco-Marathon* Asia Malaysia dengan pelajar di bawah Sekolah Sains dan Kejuruteraan (Yakin III) telah memecah rekod Kebangsaan dengan *achieving fuel efficiency of 252km / kWh* dan mendapat tangga ke-8 daripada 22 pasukan dalam kategori *Prototype (Electric Battery)*.

Modul *Entrepreneurship*

Modul *Entrepreneurship* ini diajarkan dari peringkat awal pengajian di Politeknik Brunei bagi setiap pelajar yang mengikuti Program Level 5 Diploma (yang setaraf dengan *Higher National Diploma*). Pelajar-pelajar diberikan nasihat, bimbingan serta dorongan agar bersedia untuk berusaha bagi menerokai bidang perusahaan selepas tamat pengajian mereka nanti dan juga disarankan agar tidak berharap semata-mata untuk mendapatkan pekerjaan di sektor kerajaan sahaja.

Modul Pendidikan MIB

Modul Pengajian MIB GS1101 yang bertaraf wajib ini diajarkan untuk semua pelajar Politeknik Brunei pada tahun pertama pengajian selama 1 semester pengajaran dan pembelajaran sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Program Akademik Politeknik Brunei. Modul ini direka bentuk berdasarkan kepada keperluan dan ekspektasi falsafah MIB yang disesuaikan dengan perkembangan sistem pendidikan tinggi SPN21 di negara ini. Bidang kursus mencakupi perspektif sosial, sains politik, teknologi, ekonomi dan Islam dalam konteks Negara Brunei Darussalam. Semua pelajar digalakkan terlibat dengan kerja-kerja amali di luar bilik kuliah dengan membuat penyelidikan dan pembuatan media kreatif berhubung dengan budaya, aspek kemasyarakatan dan kenegaraan. Kursus adalah diajarkan dalam bentuk kuliah interaktif, perbincangan, tutorial dan esei kaji selidik.

Selaras dengan dasar pembangunan kurikulum Politeknik Brunei, modul ini sentiasa dikaji dan diteliti dari masa ke semasa iaitu pihak Politeknik Brunei dengan kerjasama *External Review Committee* yang telah dilantik telah meluluskan isi kandungan modul bagi tahun 2018-2023. Melalui mesyuarat-mesyuarat melibatkan *stakeholder* dalaman dan luaran, persetujuan telah dicapai untuk modul berkenaan bagi memfokuskan kepada empat tajuk utama yang disenaraikan seperti berikut:

- Melayu Islam Beraja sebagai Konsep Negara;
- Melayu Islam Beraja dalam Aspek Pendidikan;
- Nilai-nilai Melayu Islam Beraja dalam Pemberikan Perkhidmatan; dan
- Melayu Islam Beraja dalam Aspek Pembangunan dan Pengurusan Belia Menuju Wawasan 2035.

Selain itu, nilai-nilai MIB bukan sahaja diterapkan melalui modul berkenaan seperti pelaksanaan tugas yang melibatkan aktiviti kemasyarakatan di luar sekolah, amalan-amalan yang baik dan sebagainya yang secara tidak langsung dapat membentuk jati diri mereka, malahan ia juga diterapkan secara implisit melalui modul-modul yang diajarkan di Politeknik Brunei terutama sekali melalui *Enrichment Module* yang dilaksanakan melalui Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Inovatif.

Kandungan yang terkini ini merangkumi Pengajian Dasar Negara, sesuai dengan ekspektasi pengajaran dan pembelajaran di peringkat institut pengajian tinggi. Input-input daripada Majlis Mesyuarat Negara sesi 2018 telah pun diambil kira semasa proses-proses penggubalan kurikulum dilaksanakan.

Modul Pengajian Islam

Modul Pendidikan Islam ini diajarkan dengan menggunakan kaedah *Blended Teaching and Learning Model Supplemental / Enhancement* iaitu dengan mengekalkan struktur asas kursus, waktu perkuliahan, bahan dan buku rujukan dengan berasaskan teknologi, dan aktiviti di luar kuliah.

Dengan modul ini setiap pelajar Politeknik Brunei yang beragama Islam dimestikan mengikuti beberapa kursus amali Kursus Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah seperti Pengurusan Jenazah dan Bengkel menghalusi bacaan surah Al-Fatihah dan sebagainya. Modul ini turut mengikuti beberapa jeryawara dan lawatan sambil belajar ke beberapa institusi keagamaan seperti Jabatan Syariah, Kehakiman, Unit Kawalan Makanan Halal (*Industri Halal Food*), Kawalan Aqidah dan sebagainya yang berkaitan dengan pembelajaran industri dari perspektif Islam. Di samping itu juga modul Pendidikan Islam mengundang beberapa penceramah jemputan terutama di dalam tajuk-tajuk yang khusus dan spesifik sebagai penerangan yang lebih mendalam kepada pelajar-pelajar.

Elemen-elemen sejarah Islam telah sedia ada diselitkan di dalam modul berkenaan seperti sejarah perkembangan Islam di Brunei Darussalam, ulama yang mengorak sains dan teknologi di zaman kegemilangan Islam, sejarah piagam Madinah dan sejarah seni bina Islam. Politeknik Brunei juga sedang mengkaji kemungkinan (*feasibility*) untuk memperkenalkan modul khas bagi pelajar antarabangsa.

Politeknik Brunei juga memperkenalkan Projek Khas Politeknik Brunei

Penerapan pemantapan dan pengukuhan al-Quran & amali ibadat menerusi Modul Pendidikan Islam GS1102, mulai Julai 2017 bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1438H / 2017M.

Student Internship

Setiap pelajar Politeknik Brunei akan dilengkapi dengan kemahiran dan kompetensi yang dikehendaki mengikut piawaian-piawaian industri dalam dan luar negara. Ini adalah selaras dengan visi Politeknik Brunei iaitu *To be a reputable polytechnic producing innovative, skilful and marketable graduates.*

Antara modul wajib yang diserapkan ke dalam program - program yang ditawarkan di bawah setiap Program

Diploma adalah perkhidmatan penempatan industri ataupun *internship* selama 6 bulan. Selaras dengan perkembangan teknologi antara lainnya Politeknik Brunei di bawah naungan Jabatan Perkhidmatan Industri telah memperkenalkan Sistem *e-Logbook* bagi Program *Student Internship*. Ianya menyediakan persekitaran yang pengajaran dan pembelajaran kondusif, diperkenalkan pada bulan Julai 2018 dengan kerja-kerja awal mengambil masa lebih satu (1) tahun.

Dengan sistem *online* ini, ianya akan dapat diakses oleh pihak industri, Politeknik Brunei dan para pelajar tanpa mengira masa dan tempat. Fungsi-fungsi utamanya meliputi sistem pemantauan, penilaian dan keselamatan maklumat yang mana sebelum ini tidak dapat ditangani dengan efisien dengan sumber-sumber yang terhad.

Oleh itu, bukan sahaja penjimatan daripada segi kewangan malahan penjimatan tenaga manusia dan masa semua pihak yang berkenaan. Sistem ini juga membolehkan, selain daripada laporan bertulis secara elektronik, para pelajar untuk memuat naik gambar, video dan apa jua fail yang khusus bagi perisian-perisian yang digunakan semasa program berkenaan. Selain itu, sistem berkenaan jua dintegrasikan dengan fungsi komunikasi dan *feedback system* serta *logging function* selaras dengan keperluan program.

Manakala bagi program-program di bawah Sekolah Sains Kesihatan, penempatan klinikal untuk memupuk kemahiran pelajar dan memastikan pelajar mencapai kompetensi kemahiran yang dimestikan telah mula di buat pada tahun pertama

sehingga tahun tiga. 50 peratus komponen program-program adalah penempatan klinikal di hospital dan pusat kesihatan berkenaan. Penggunaan *Clinical logbook* untuk catitan kemahiran yang di pelajari semasa penempatan klinikal akan dibuat pada setiap semester dan disahkan oleh mentor-mentor yang dilantik oleh Perkhidmatan Kejururawatan.

5. INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI (IBTE)

Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) sebagai salah sebuah pendidikan pasca menengah berperanan untuk sama-sama membantu dan memastikan agar setiap pelajar menjadi tenaga manusia yang berilmu dan berkemahiran serta bersifat amanah, berwibawa dan berwawasan. Bagi mencapai hasrat berkenaan IBTE menyediakan program-program yang bersifat holistik, bukan sahaja dari segi akademik, tetapi juga dari segi memperkembangkan sahsiah dan jati diri, termasuklah dari segi memperkukuhkan ciri-ciri kepimpinan.

Di antara program yang dilaksanakan ialah:

- *IBTE STARS Enrichment Program* adalah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) yang mana program ini adalah satu sistem pengumpulan mata (*points*)
- yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti luar kelas yang bertujuan untuk mendorong pelajar untuk menjadi lebih proaktif dalam memupuk minat dan hobi mereka.

- Di samping itu melalui program ini para pelajar juga boleh membangun kompetensi diri agar membolehkan mereka mudah untuk menyesuaikan dan menonjolkan diri di tempat kerja yang sentiasa menjalani perubahan kelak. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah aktiviti yang bukan sahaja terhad kepada aktiviti-aktiviti yang meningkatkan potensi pelajar dalam bidang kepimpinan, kreativiti, kesukarelawanan, rohani, keusahawanan dan fizikal.

Antara penglibatan para pelajar bagi meningkatkan dan memperkembangkan kompetensi-kompetensi membentuk jati diri adalah seperti berikut:

- Pelajar-pelajar dalam jurusan kejururawatan mengikut aktiviti sukarelawan dengan Kementerian Kesihatan dalam menangani/membendung penularan wabak *COVID-19*;
- Aktiviti di bulan Ramadhan seperti aktiviti pembersihan kawasan tanah perkuburan orang-orang Islam;
- Penglibatan para pelajar dalam sukan peringkat institusi, kebangsaan dan antarabangsa;
- Penglibatan para pelajar mengikuti mana-mana pertandingan seperti pertandingan nasyid, pertandingan bola jaring dan lain-lain lagi di peringkat kampus, di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa;

- Penglibatan para pelajar mengikuti program-program "*team building*" seperti program-program *Outward Bounds Brunei Darussalam*;
- Penglibatan para pelajar dalam lawatan sambal belajar seperti ke *Kuala Belalong Field Studies Centre*; dan
- Lain-lain lagi.

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program ini, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah menjalankan program ini secara rintis di dua buah kampus iaitu IBTE Kampus Nakhoda Ragam mulai Julai 2019 dan IBTE Kampus Agro - Teknologi mulai Januari 2020. Pelaksanaan program ini diadakan setiap hari Sabtu petang semasa jadual CCA yang berdaftar di kampus masing-masing dan para pelajar juga digalakkan menyertai aktiviti di luar waktu sekolah bagi mengumpulkan mata.

Setelah selesai program rintis yang dijalankan ke atas dua buah kampus tersebut, pihak Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) akan membuat penilaian dari hasil data yang telah diperolehi bagi meningkatkan lagi mutu pelaksanaan program ini. Pihak IBTE telah membuat perancangan akan melanjutkan dan melaksanakan program sepenuhnya di semua kampus di bawah IBTE Pusat dan IBTE Satelit bermula bulan Julai 2020.

Dalam pada itu, adalah dikongsikan juga bahawa memandangkan pada masa ini Negara Brunei Darussalam sedang

berhadapan dengan pandemik *COVID-19*, maka pelaksanaan program *IBTE STARS* adalah ditangguhkan terlebih dahulu kecuali bagi pelajar-pelajar dalam jurusan kejururawatan mengikut aktiviti sukarelawan dengan Kementerian Kesihatan dalam menangani/membendung penularan wabak *COVID-19*.

Seramai 7 orang pelajar dalam kursus Pembantu Jururawat (Kejuruwatan Am dan Pergigian) Tahun 1 telah mengikuti aktiviti sukarelawan ini sepanjang cuti semester yang lalu iaitu selama 2 minggu (16 hingga 29 Mac 2020). Dengan penglibatan pelajar - pelajar tersebut, ianya dapat memberikan pengalaman dan juga dapat membina kompetensi - kompetensi jati diri para pelajar tersebut. Para pelajar tersebut telah diberikan tugas sebagai *Front Flu Desk* dan juga membantu dari segi tenaga dalam pengangkutan barang - barang yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan.

Pihak sekolah memberikan kebenaran bagi pelajar-pelajar ini untuk mengikut aktiviti tersebut, setelah mendapatkan kebenaran dari pihak ibu-bapa pelajar dan atas kemahuan pelajar-pelajar tersebut. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar diberikan peringatan untuk sentiasa mengikut arahan dan menjaga keselamatan diri dalam menjalankan tugas mereka.

Manakala itu jika ada pelajar yang sudah menjalani Program *IBTE STARS*, mereka ini masih dapat menuntut (*claim*) mata (*STARS Points*) jika mengikuti mana - mana kegiatan sukarelawan dengan syarat memberikan makluman kepada Ketua Kumpulan (*Group Leader*) masing-masing.

(Jawapan soalan no. ii)**1. UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM****Untuk para pelajar:**

1. UBD menawarkan dua modul wajib dalam *skill* berkomunikasi yang menumpukan kepada penulisan dan *skill* pembentangan;
2. Fakulti/institut/pusat menawarkan modul dalam kaedah penyelidikan yang meliputi *skill* penulisan teknikal dan pembentangan cara persidangan;
3. Semua program kedoktoran dan sarjana mempunyai peperiksaan Viva yang wajib, di mana pelajar-pelajar dilatih untuk membentangkan hasil penyelidikan mereka dan mempertahankan idea dan penyelesaian penyelidikan mereka tersebut secara kritikal;
4. Kebanyakan daripada program-program penyelidikan seperti program sarjana dan kedoktoran telah mewajibkan penerbitan kertas sebagai salah satu syarat untuk pengijazahan (*graduation*). Dengan adanya syarat ini, *skill* penulisan pelajar adalah dalam standard kualiti yang tinggi memandangkan pengulas kertas adalah antara penulis-penulis antarabangsa yang terkenal;

5. UBD terdapat skim mobiliti bagi para pelajar pasca ijazah bagi membolehkan pendedahan kepada penyelidikan dan aktiviti-aktiviti berkaitan seperti pembentangan kertas penyelidikan bersama institusi-institusi antarabangsa yang terkemuka; dan
6. Pada masa ini, UBD mempunyai 2 program *dual degree* di tahap sarjana dan kedoktoran iaitu bersama Korea University dan Sungkyunkwan University, Korea dengan satu tahun penyelidikan adalah dijalankan di universiti-universiti tersebut.

Untuk Staf Akademik:

Universiti sentiasa memberikan sokongan yang berterusan dalam memastikan pembangunan kapasiti staf akademik. Berikut adalah beberapa mekanisme yang sedia ada khususnya bagi meningkatkan *skill* penulisan dan pembentangan: -

a. Conference Grant

Staf Akademik diberikan keistimewaan dari segi peruntukan (*grant*) bagi mereka yang ingin memohon untuk menghadiri persidangan-persidangan antarabangsa dengan syarat yang mereka dikehendaki membentangkan kertas dan menerbitnya dalam *conference proceedings*.

b. Research Leave

Staff Akademik diberikan keistimewaan dari segi cuti penyelidikan untuk menggalakkan lebih banyak aktiviti penyelidikan dan penerbitan.

c. Writing Semester Scheme (WSS)

Adalah sama seperti cuti penyelidikan tetapi dalam WSS, tempoh masa yang diberikan adalah lebih panjang. KPI bagi WSS juga lebih ketat dan staf dikehendaki menulis dan menerbit tidak kurang dari lima buah kertas akademik dalam tempoh lima bulan.

d. Bengkel dan latihan yang berterusan

UBD terus memberikan sokongan kepada staf akademik terutama sekali yang dalam karier awal dalam penyelidikan dan kertas penulisan penyelidikan. Bengkel-bengkel lazimnya dianjurkan oleh Pejabat Penolong Naib Canselor Penyelidikan dengan bantuan pusat-pusat yang lain seperti TLC (*Teaching and Learning Centre*).

e. Skim Mobiliti bagi staf akademik

UBD terdapat skim mobiliti bagi para akademik yang giat berjalan dengan beberapa rakan university di arena antarabangsa dan ini telah

meningkatkan aktiviti dan kualiti penyelidikan.

2. UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

1. Penetapan Petunjuk Prestasi Utama Tahunan UNISSA (KPI) dengan aktiviti penyelidikan merupakan salah satu petunjuk utama yang perlu dipenuhi oleh setiap tenaga akademik pada setiap tahun bergantung kepada jawatan masing-masing. Aktiviti penyelidikan mengandungi tiga (3) sub aktiviti iaitu jumlah geran penyelidikan, penerbitan dan persidangan.
2. Setiap tenaga akademik UNISSA diberikan peruntukan geran penyelidikan.
3. Melaksanakan penyelidikan kolaborasi secara geran sepadan (*matching grant*) dengan tenaga akademik di institusi-institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara.
4. Memberikan anugerah kecemerlangan penyelidikan kepada tenaga akademik yang membuat penyelidikan berkualiti tinggi setiap tahun bagi kategori junior dan senior.
5. Memberikan Anugerah Buku UNISSA setiap dua (2) tahun sekali.
6. Kertas Kerja Geran Seminar/ Persidangan dan Penerbitan Artikel Antarabangsa di dalam dan luar negara bagi Siswazah UNISSA

- telah diluluskan peringkat UNISSA baru-baru ini. Objektif inisiatif ini ialah untuk menggalakkan lagi penyertaan pelajar siswazah dalam pembentangan kertas kerja di dalam seminar / persidangan untuk mempertingkatkan lagi tahap kecemerlangan siswazah UNISSA.
7. Pelajar Ijazah Sarjana (secara penyelidikan sahaja) dikehendaki untuk menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) artikel dalam jurnal berwasit dan membentangkan kertas kerja dalam sekurang-kurangnya satu (1) persidangan / seminar.
 8. Pelajar Ijazah Doktor Falsafah dikehendaki untuk menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) artikel dalam jurnal berwasit dan membentangkan kertas kerja dalam sekurang-kurangnya dua (2) persidangan / seminar.
 9. Penganjuran seminar, persidangan, bengkel dan sebagainya dengan universiti luar negara yang mempunyai mempunyai *MoU* dengan UNISSA pada lazimnya memerlukan pensyarah-pensyarah UNISSA untuk menyertainya. Penganjuran secara kolaborasi seperti ini bukan setakat meningkatkan bilangan penyertaan pensyarah dan pelajar UNISSA dalam seminar di luar negara bahkan juga mempromosi UNISSA di persada antarabangsa.
 10. Mengadakan bengkel-bengkel penulisan akademik untuk tenaga akademik dan pelajar dari semasa ke semasa. Antara bengkel tersebut ialah bengkel Fokus Penyelidikan, Bengkel Pengembangan Kemahiran Penulisan Tesis, Bengkel Analisis Data Kuantitatif, Bengkel Impak dan *Visibility* Penyelidikan, Perisian SPSS dan Analisis Data, Bengkel *Field* Kuantitatif, Bengkel Impak dan *Visibility* Penyelidikan, Perisian SPSS dan Analisis Data, Bengkel *Field Research Methodology*, Bengkel Penyediaan Proposal Tesis Sarjana dan Doktor Falsafah dan sebagainya.
 11. Mengadakan bengkel-bengkel penulisan akademik untuk tenaga akademik dan pelajar dari semasa ke semasa. Antara bengkel tersebut ialah bengkel Fokus Penyelidikan, Bengkel Pengembangan Kemahiran Penulisan Tesis, Bengkel Analisis Data Kuantitatif, Bengkel Impak dan *Visibility* Penyelidikan, Perisian SPSS dan Analisis Data, Bengkel *Field Research Methodology*, Bengkel Penyediaan Proposal Tesis Sarjana dan Doktor Falsafah dan sebagainya.
 12. Mengadakan bengkel-bengkel penerbitan artikel ilmiah seperti Bengkel *How To Write High Impact Article*, Bengkel Pemindahan Tesis Kepada Buku, Bengkel Penyuntingan Buku, Kuliah *Plagiarism* dan *copyright*, Bengkel Text Book Writing, Siri Bimbingan Penyulisan Artikel, Bengkel Bimbingan Pengurusan Jurnal Atas Talian Menggunakan OJS dan sebagainya.

3. UNIVERSITI TEKNOLOGI BRUNEI

Bidang	Inisiatif yang sedang dijalankan	Inisiatif yang akan dijalankan
Komunikasi	<p>Pihak UTB melalui Pusat Komunikasi, Pengajaran dan Pembelajaran telah menawarkan modul-modul berikut yang merangkumi ciri-ciri penulisan akademik untuk pelajar-pelajar di semua sekolah dan fakulti di UTB:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Technical Communication</i> • <i>Professional Communication</i> <p>Pelajar yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Kejuruteraan adalah dilatih di dalam kemahiran komunikasi teknikal untuk membolehkan mereka menulis dan membentangkan karya mereka dengan lebih baik dan berkesan yang mana ianya diharap akan menyediakan mereka untuk menghasilkan <i>output</i> akademik di masa hadapan.</p>	<p>Perancangan masa hadapan UTB adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk menawarkan <i>non-programme module</i> seperti: <ul style="list-style-type: none"> - <i>Writing for Technical Purposes</i> • Pusat Komunikasi, Pengajaran dan Pembelajaran UTB sedang dalam proses menawarkan program Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana dalam bidang Komunikasi yang mana akan meliputi beberapa ciri kemahiran penulisan dan pembentangan kertas kerja.
Pengajaran dan Pembelajaran	<p>Pelajar Ijazah Sarjana Muda diberikan pendedahan kepada budaya penulisan akademik melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Modul Metodologi Penyelidikan (Research Methodology) ▪ Penyelesaian <i>Final Year Projects</i> (FYP) ▪ Penyelesaian Projek Berkumpulan (Group Project) ▪ Modul <i>Effective Communication</i> <p>Sementara itu, bagi pelajar Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran, mereka diberikan pendedahan kepada budaya penulisan akademik melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Modul Metodologi Penyelidikan (<i>Research Methodology</i>) ▪ Penyelesaian Penyelidikan (<i>Research Supervision</i>) <p>Bagi pensyarah, pegawai dan kakitangan universiti, UTB melalui Pusat Komunikasi, Pengajaran dan Pembelajaran menawarkan program-program berikut yang merangkumi topik-topik mengenai penulisan dan penyampaian:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Faculty <i>Development Programmes</i> (FDP) <ul style="list-style-type: none"> - Writing for Teaching Learning Journals ▪ Administrative Staff Development Programmes (ASPD) <ul style="list-style-type: none"> - Presentation Skills - Report Writing - E-mail Writing - Minute Taker's Workshop 	<p>Perancangan masa hadapan UTB adalah menawarkan program sedia ada dengan memasukkan topik baru dan menawarkan modul seperti berikut:</p> <p>Bagi para pelajar:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Student Development Programmes (SDP)</i> yang merangkumi topik berikut: <ul style="list-style-type: none"> - <i>Critical Reading, Critical Thinking and Critical Writing.</i> ▪ Mengadakan Bengkel Penulisan Akademik bagi Pelajar Ijazah Sarjana Muda, Ijazah sarjana dan Ijazah Kedoktoran. ▪ Menawarkan modul-modul yang memasukkan komponen penulisan memberi tumpuan kepada komposisi akademik dan kemahiran penyelidikan. ▪ Komponen lisan terdiri daripada topik yang berkaitan dengan pembacaan akademik dan eksperimen. Ini boleh diamalkan melalui keseluruhan program Ijazah. <p>Pelajar juga boleh diperkenalkan kepada <i>writing dan presentation tools</i> yang telah diamalkan di universiti lain.</p> <p>Bagi para staf akademik:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Faculty Development Programmes (FDP)</i> <p>- <i>Elective: Revising thesis & dissertation for multiple purposes (publication, conference, among others)</i></p>
Penyelidikan	<p>Bagi tujuan menggalakkan staf akademik untuk mengukuhkan penulisan akademik dan penyampaian kertas kerja berhubung penyelidikan mereka, pihak UTB telah menjalankan inisiatif berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Memberikan sokongan kewangan kepada staf akademik untuk menghadiri persidangan di bawah <i>University Conference Leave and Grant</i> (\$4,000 setiap tahun akademik bagi setiap staf akademik) ▪ Menggalakkan staf akademik yang berpengalaman untuk menjadi <i>mentor</i> kepada staf akademik yang baru (junior) terutamanya staf akademik tempatan dalam penerbitan kertas kerja dan penyediaan penyelidikan pelajar untuk memberikan maklum balas yang bermanfaat dan berguna serta memberikan sokongan dan bantuan terhadap aktiviti penyelidikan mereka. 	

	<ul style="list-style-type: none">▪ Menetapkan syarat dalam salah satu petunjuk prestasi utama (KPI) staf akademik universiti untuk menerbitkan sekurang-kurang satu kertas kerja di dalam jurnal yang diindeks oleh Scopus dan dalam prosiding persidangan bagi penilaian tahunan mereka. <p>Sementara itu, bagi pelajar Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran, pihak UTB menjalankan inisiatif berikut bagi menggalakkan pelajar untuk mengukuhkan penulisan akademik dan penyampaian kertas kerja berhubung penyelidikan mereka:</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Menggalakkan pelajar untuk menghadiri kursus pendek yang dianjurkan oleh Pejabat Pengajian Pasca Ijazah dan Penyelidikan UTB. Kursus-kursus ini akan membantu untuk menyokong para pelajar dalam memperbaiki kemahiran mereka dalam mengurus penyelidikan dan penulisan akademik mereka.▪ Pelajar diberikan bantuan kewangan sebanyak \$2,000 seorang untuk menyampaikan kertas kerja di persidangan dalam dan luar negeri.▪ Pelajar diberikan bantuan kewangan sebanyak \$2,000 seorang untuk menyampaikan kertas kerja di persidangan dalam dan luar negeri.▪ Mengadakan <i>colloquium</i> setiap tahun untuk menggalakkan penyelidikan antara disiplin (<i>interdisciplinary</i>) di kalangan pelajar dan memberi insentif untuk menulis karya mereka. Pelajar siswazah juga digalakkan untuk menerbitkan karya mereka sebagai sebahagian daripada perkembangan pengajian mereka	
--	---	--

4. POLITEKNIK BRUNEI

Buat masa ini, budaya penulisan akademik bukanlah satu keutamaan Politeknik Brunei tetapi institusi ini adalah berunsurkan teknikal dan jua aliran akademik. Penulisan akademik belum lagi diceburi dengan terperinci dan platform mengenainya belum lagi disediakan seperti mana institusi pengajian tinggi ataupun universiti yang lainnya di Negara Brunei Darussalam yang menitikberatkan dan hala tuju institusi tersebut adalah ke arah penulisan akademik. Walau demikian, melalui Pembangunan Pelan Strategik Politeknik Brunei yang baharu (2021 – 2025) *Applied research* adalah salah satu inisiatif yang akan dikembangkan dalam penambahbaikan Program Akademik. Politeknik Brunei bagi menyediakan ekosistem dan insentif-insentif yang bersesuaian bagi menggalakkan budaya penulisan akademik. Walau dengan penulisan akademik yang terhad, berikut disenaraikan beberapa inisiatif pegawai dan kakitangan Politeknik Brunei dalam sama-sama membudayakan penulisan akademik.

a) Terdapat segelintir pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan penulisan akademik atas dasar inisiatif dan minat sendiri. Inisiatif sedemikian adalah digalakkan bagi tujuan sokongan kenaikan pangkat pegawai berkenaan di masa yang akan datang.

b) Pensyarah Sekolah Sains Kesihatan Politeknik Brunei setahun sekali akan mengungkapkannya secara kerjasama dengan Institut Sains Kesihatan, UBD untuk mengadakan Persidangan Kaji Selidik Pelajar Kejururawatan dan Perbidanan yang akan dihadiri pelajar-pelajar tahun akhir dan tenaga pengajar. Beberapa orang pensyarah Sekolah Sains Kesihatan juga akan membentangkan kertas kerja semasa persidangan berkenaan dan juga persidangan di luar negara.

c) Terdapat segelintir pensyarah Sekolah Sains Kesihatan juga aktif membuat kaji selidik bersama dengan pensyarah Institut Sains Kesihatan, UBD yang juga melibatkan diri untuk membuat artikel bagi tujuan penerbitan.

d) Kerjasama di antara Jabatan Pembelajaran dan Perpustakaan Politeknik Brunei dan Bahagian Perancangan Buku, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Penyelidikan Menyeluruh Institusi

Jabatan Penyelidikan dan Perkembangan, Politeknik Brunei (PB) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan beberapa kajian yang berbentuk penyelidikan

menyeluruh institusi (*institutional-wide research*) bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak-pihak yang berkepentingan sama ada dari dalam atau luar institusi dan juga bagi menyediakan data yang dipercayai dan sahih.

Hasil dapatan dari kajian-kajian berkenaan akan diguna pakai oleh PB khususnya bagi tujuan membuat keputusan dan perancangan penting dalam mendukung visi institusi seperti yang disuarakan di dalam Pelan Pembangunan Lima Tahun 2015-2020 (*Five Year Development Plan 2015-2020*) atau PB2020, iaitu "Menjadi sebuah Politeknik bereputasi yang melahirkan graduan inovatif, mahir dan boleh dipasarkan" dan juga misi Politeknik Brunei, "Melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang mampan melalui pendidikan yang berkualiti dan holistik di dalam persekitaran yang menyokong pengajaran dan pembelajaran" dan seterusnya demi menyokong Wawasan Brunei 2035.

Antara kajian-kajian yang dilaksanakan oleh jabatan ini adalah seperti berikut:

- Kaji Selidik Maklum Balas Pelajar (*Student Feedback Survey*);
- Kaji Selidik Proses Kemasukan (*Admission Process Survey - APS*);
- Kaji Selidik Orientasi Pelajar (*Student Orientation Survey*);
- Kaji Selidik Penilaian Program Orientasi Pelajar (*Student Orientation Programme Evaluation Survey – SOPES*);
- Kajian Proses Pengayaan & Kokurikulum (*Co-Curriculum & Enrichment Process Survey*);
- Kaji Selidik Pengalaman Mengikuti Modul Pengayaan (*Enrichment Module Experience Survey – EMES*);
- Maklum Balas Pelajar Mengenai Penempatan Kerja (*Student Feedback on Supervised Work Attachment*);
- Maklum balas Majikan/Penyelia Bagi Penempatan Industri Pelajar (*Supervisor's Feedback on Students' Supervised Work Attachment*);
- Laluan Menuju Masa Hadapan Awda – Maklum Balas Hari Terbuka PB 2015 (*Gateway To Your Future – Feedback for PB Open Day 2015*);
- Kajian Pengesanan Graduan (*Graduate Tracer Study – GTS*) bagi pengambilan pertama dan kedua. Telah di *rebrand* menjadi Kaji Selidik Destinasi Graduan (*Graduan Destination Survey – GDS*) dan Kaji Selidik Kepuasan Graduan

- (Graduate Satisfaction Survey – GSS)* bermula dari graduan pengambilan ke-3;
- *Higher Education Expo Survey 2017 [Online Survey];*
 - *Turn It In Survey [Online Survey];*
 - *The 2nd Politeknik Brunei International Symposium on Innovative Teaching and Learning 2016 (May 2016) [Online Survey];*
 - *The 3rd Politeknik Brunei International Symposium on Innovative Teaching and Learning 2017 (August 2017) [Online Survey];*
 - *Engagement forum and seminar survey Global Skills: Opportunities for a Brighter future (October 2018) [Online Survey];*
 - *The 4th International Symposium on Innovative Teaching and Learning (ISITL4) 2019 "Digitalising Education for the 21st Century" Survey (October 2019) [Online Survey];*
 - *Survey on the use of LMS and e-Learning at Politeknik Brunei Amidst COVID-19 Pandemic (March 2020) [Online Survey];*
 - Kaji Selidik Destinasi Graduan (*Graduate Destination Survey – GDS*) bagi Pengambilan Ke-3 dan seterusnya [*Online Survey*] (Masih Aktif);
 - Kaji Selidik Kepuasan Graduan (*Graduate Satisfaction Survey – GSS*) bagi Pengambilan Ke-3 dan seterusnya [*Online Survey*] (Masih Aktif);
 - Penilaian Modul (*Module Evaluation – ME*) bagi semua pelajar pada setiap semester bermula April 2015 [*Online Survey*] (Masih Aktif) seterusnya [*Online Survey*] (Masih Aktif); dan
 - Kaji Selidik Kepuasan Majikan (*Employer Satisfaction Survey – ESS*) bagi majikan graduan/alumni Pengambilan 1-3 dan seterusnya [*Online Survey*] (Masih Aktif)

5. INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI (IBTE)

Pegawai-pegawai IBTE ada terlibat di dalam penulisan akademik dan pembentangan kertas-kertas kerja. Di antara kertas kerja yang pernah diterbitkan di antarabangsa adalah seperti *Quality Assurance of the Qualification Process in TVET (UNESCO)*, *An overview of Lifelong Learning Opportunities in Brunei Darussalam (SEAMEO CELLL)*, *TVET Country Profile (RECOTVET)* dan *Promotion of Access to Tertiary Education in Brunei Darussalam (AHRD Report)*.

Pegawai-pegawai IBTE juga pernah turut serta membentangkan beberapa kertas kerja / penulisan akademik di persidangan-persidangan berikut:

- *International Conference on Education 2015* yang diadakan di Universiti Brunei Darussalam; dan
- *SEAMEO VOCTECH International Conference 2016* di ICC, Brunei Darussalam.

Di samping kajian-kajian *Employment Study* dan *Employers' Satisfaction*, pegawai-pegawai juga sedang dalam perancangan untuk menjalankan kajian *Teachers' Satisfaction in IBTE*.

Pihak IBTE merancang untuk memberikan taklimat kepada pegawai-pegawai termasuk tenaga pengajar dalam penyediaan kertas kerja selaras dengan keperluan jawatan dan juga perkembangan sumber manusia dari masa ke semasa. IBTE juga menggalakkan tenaga-tenaga pengajar / pegawai untuk melibatkan diri dengan pembentangan kertas kerja semasa persidangan / mesyuarat dalam dan luar negeri bagi memperkembangkan kemahiran dan pengetahuan mereka.

Cadangan / perancangan di masa akan datang yang akan dapat dilaksanakan oleh pihak IBTE untuk meningkatkan lagi budaya penulisan akademik di kalangan warga IBTE (tertakluk kepada kelulusan):

1. Menerbitkan koleksi artikel-artikel (penulisan akademik) yang dihasilkan oleh warga IBTE dalam bentuk Journal yang diterbitkan sendiri oleh IBTE setiap tahun.
2. IBTE boleh menyediakan *research support fund* bagi menggalakkan lebih ramai pelajar-pelajar dan tenaga pengajar IBTE untuk menjalankan kajian mereka.
3. Mengumpulkan disertasi dan tesis yang pernah dihasilkan oleh warga IBTE untuk disimpan sebagai bahan bacaan di perpustakaan-perpustakaan IBTE.
4. Terus menggalakkan warga IBTE untuk menyampaikan hasil penulisan akademik di persidangan - persidangan pendidikan TVET dan yang berkaitan di dalam dan luar negeri.

(Jawapan soalan no. iii)**Jabatan Perkembangan Kurikulum**

Mata pelajaran sivik dikenali dengan nama mata pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB) bermula pada tahun 2009. Dalam Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21), elemen-elemen pelajaran sivik telah diintegrasikan ke dalam tajuk-tajuk tertentu mengikut tema / topik yang bersesuaian dalam sukatan pelajaran MIB Tahun 1 hingga Tahun 6 yang baharu.

Proses pembinaan akhlak dan penerapan nilai-nilai murni melalui pendidikan dan pembelajaran mata pelajaran MIB adalah difokuskan kepada diri pelajar. Proses pembinaan sahsiah pelajar melibatkan tiga elemen penting iaitu pemikiran, perasaan dan tingkah laku atau tindakan.

Para pelajar akan diajarkan atau ditanamkan beberapa unsur tertentu yang berkaitan dengan pengetahuan, kefahaman, kemahiran, kesedaran dan tindakan. Para pelajar yang mempunyai sahsiah terpuji perlu mempunyai lima tanggungjawab utama iaitu tanggungjawab terhadap diri sendiri, tanggungjawab terhadap keluarga, tanggungjawab terhadap jiran dan masyarakat, tanggungjawab terhadap sekolah dan tanggungjawab terhadap negara. Tanggungjawab pelajar dihasratkan menjadi amalan dan penghayatan dalam kehidupan seharian mereka.

Hasil proses penerapan dan pembinaan sahsiah pelajar melalui pendidikan MIB di sekolah wujudlah masyarakat yang bertanggungjawab, berpengetahuan, berkemahiran, berkesedaran dan berkefahaman serta bertindak selaras dengan akhlak dan etika pembinaan sahsiah. Ciri-ciri inilah yang akan diguna pakai, diamalkan dan dihayati oleh individu dalam kehidupan seharian apabila mereka berinteraksi dengan masyarakat dan dunia sekeliling.

Penerapan sikap dan nilai dalam kurikulum SPN21 bertujuan untuk membentuk pelajar secara seimbang dari aspek rohani, emosi, jasmani, intelek dan sosial.

Selain itu, mata pelajaran MIB juga diintegrasikan dalam semua mata pelajaran secara merentas kurikulum. Pengintegrasian MIB ini bertujuan untuk membina perspektif dan kefahaman pelajar dengan menyediakan pelbagai kemahiran bernilai tambah yang diintegrasikan secara merentas kurikulum.

Sekian disampaikan.

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA PENDIKAR ALAM DATO PADUKA SERI AWANG HAJI HASRIN BIN DATO PADUKA HAJI SABTU

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, Pembangunan sektor pertanian dan agrimakanan di negara ini telah berjaya menunjukkan perkembangan dan pencapaian yang positif yang diharapkan akan dapat terus menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Dalam pada itu, selaras dengan ledakan penggunaan teknologi masa kini, dan aspirasi negara untuk menjadi sebagai sebuah *smart nation*, negara telah pun mula melipatgandakan usaha dalam memperkasakan bidang pertanian tempatan menerusi revolusi teknologi, khususnya melalui Pertanian Pintar. Ini termasuklah penggunaan dan pengintegrasian teknologi terkini dengan lebih meluas dalam bidang pertanian dengan tujuan meningkatkan kuantiti dan kualiti hasil tuaian tanaman domestik.

Sebagai misalan, peralatan *drone* boleh digunakan untuk menyembur racun serangga, membuat penganalisan ke atas tanah tanaman dan memantau hasil tanaman dengan cepat dan tanpa menggunakan tenaga kerja yang ramai.

Selain itu, alat pengesan atau *sensor* yang berasaskan *Internet of Things*

boleh digunakan untuk menghantar data atau maklumat berkaitan tanaman secara serta-merta (*real-time*) untuk tindakan lanjutan oleh para pengusaha pertanian.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, di negara ini, beberapa pengusaha telah pun mula menjinakkan diri dan menggunakan teknologi dalam bidang perusahaan mereka, termasuklah bidang pertanian. Akan tetapi bilangan tersebut adalah masih kecil.

Soalan saya:

- i. Apakah perancangan dan inisiatif daripada pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, serta pihak-pihak berkepentingan yang lainnya dalam memastikan dan membantu pengusaha-pengusaha pertanian di negara ini untuk tidak ketinggalan dalam revolusi Pertanian Pintar, khususnya dalam penggunaan dan pengintegrasian teknologi terkini dengan lebih meluas dalam sektor berkenaan?

Adalah diambil maklum bahawa penggunaan teknologi dalam sektor pertanian memerlukan kos permulaan yang tinggi. Dari itu, saya ingin mencadangkan agar insentif galakan dan bantuan kewangan khusus bagi peralatan teknologi, di samping khidmat nasihat dan bimbingan mengenai penggunaan teknologi berkenaan dapat diberikan kepada para pengusaha pertanian kita.

Saya cukup yakin dan percaya bahawa sektor pertanian di negara ini akan terus berkembang maju, berdaya saing dan berdaya tahan, lebih-lebih lagi dengan penerapan konsep pertanian pintar yang boleh menjadi pemangkin untuk meningkatkan kuantiti, kualiti, kelestarian dan pengeluaran secara kos efektif, khususnya dalam jangka masa panjang.

- ii. Seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan strategi-strategi dalam menarik lebih ramai pelancong ke destinasi-destinasi tumpuan di negara ini, seperti di kawasan Tasek Merimbun.

Seperti mana yang kita ketahui, Tasek Merimbun merupakan salah satu destinasi pelancongan yang unik dan menarik di Daerah Tutong dan telah pun diiktiraf sebagai salah sebuah Taman Warisan *ASEAN*. Dari itu, adalah diharapkan agar program dan projek menambah baik infrastruktur asas yang terdapat di kawasan tasek berkenaan dapat dimantapkan lagi. Ini juga termasuklah membuka peluang kepada penduduk-penduduk setempat dan persekitarannya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti riadah yang boleh dibukakan kepada para pengunjung dan pelancong.

JAWAPAN

(Jawapan soalan no. i)

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan pada masa ini sedang giat membuat kajian kesesuaian penggunaan teknologi seperti rumah terlindung, kawalan fertigasi secara berkomputer serta keperluan peruntukan bagi tanaman sayur dan buah menggunakan teknologi moden.

Projek ini merupakan inisiatif kementerian untuk memudahkan khususnya para belia menceburi tanaman berteknologi tinggi dengan penyediaan kemudahan peralatan teknologi berkomputer untuk becucuk tanam. Kajian dan analisa menggunakan simulasi *cashflow* dan lakaran teknikal dari segi penggunaan pengairan, penjadualan jangkaan keluaran hasil sehingga kepada perancangan pemasaran telah dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan projek itu nanti.

Projek ini juga dijangkakan menjadi model pertanian pintar atau *smart farm* pertama di negara ini dan dalam masa yang sama juga akan dilartakan perlaksanaannya kepada peladang-peladang yang berdaftar di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang ingin mengembangkan usaha dan produktiviti hasil ladang mereka.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga sedang mereviu Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan (SIPA) terhadap kesesuaian perkara berkenaan untuk diselaraskan dengan matlamat dan objektif skim ini melalui visi dan misi jabatan.

Usaha ini termasuklah peningkatan pertumbuhan KDNK dengan meningkatkan keluaran pertanian dan agrimakanan dalam penggunaan teknologi tinggi dan moden lagi bersesuaian. Sehubungan dengan ini, pihak jabatan akan berusaha untuk mengemas kini skim tersebut untuk lebih menyumbang kemanfaatannya kepada peladang dan pengusaha pertanian dan agrimakanan dan seterusnya ke arah mencapai visi yang telah ditetapkan.

Jika perkara ini menunjukkan lebih kepada pencapaian dalam pengeluaran hasil yang berkesan khususnya kuantiti, kualiti dan kelestarian serta pengeluaran secara kos efektif, maka pihak KSSUP melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan bercadang untuk memohon sebarang peruntukan yang bersesuaian untuk dimasukkan dalam bantuan skim insentif berkenaan.

(Jawapan soalan no ii)

Kemajuan Pelancongan

Bagi menjawab soalan tersebut, terdapat beberapa langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan, agensi swasta dan penduduk tempatan dalam mendorong

dan membangunkan industri pelancongan di negara ini. Langkah-langkah ini meliputi dari segi pelaburan, pembinaan infrastruktur dan promosi di pameran-pameran pelancongan dan media.

Sebagaimana yang diketahui, pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan juga telah memasukkan Tasek Merimbun di antara tempat-tempat menarik untuk dilawati dalam mempromosikan Pakej Destinasi Tutong pada 23 Ogos 2017. Pakej-pakej pelancongan 2 hari 1 malam dan pakej 1 hari (*day trip*) yang ditawarkan di Daerah Tutong ini adalah usaha sama pihak kerajaan dengan Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong beserta syarikat ejen-ejen pelancongan tempatan.

Pihak kerajaan juga mengambil maklum akan pentingnya Taman Warisan Tasek Merimbun sebagai sebuah Taman Warisan Asean kerana ini mengandungi pelbagai spesis flora dan fauna termasuk yang jarang ditemui dan hampir pupus seperti *White Collared Fruit Bats* dan Bunga Orkid Harimau (*Tiger Orchid*). Di taman ini juga terdapat lebih 200 spesis burung, 50 jenis ikan tawar dan 83 jenis mamalia.

Pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mempromosikan Tasek Merimbun ini juga sebagai salah satu tempat pertandingan *Brunei Bird Race Series* pada 3 hingga 4 Ogos 2019. Inisiatif ini adalah bagi menarik peminat-peminat

pemerhati burung untuk mengambil gambar spesis burung-burung yang menarik terdapat di kawasan berkenaan untuk dimuatkan dalam koleksi buku burung yang akan diterbitkan pada masa akan datang.

Di samping itu juga, ini adalah usaha untuk menarik lebih ramai pelancong asing yang minat aktiviti *Bird Watching* untuk berkunjung ke Negara Brunei Darussalam dan melancong di negara ini kerana kajian menunjukkan bahawa aktiviti memerhati burung memerlukan masa yang lama dan dapat menyumbang kepada ekonomi melalui sektor pelancongan.

Oleh yang demikian, bagi menambahbaik infrastruktur asas yang terdapat di kawasan ini, pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan sedang merancang untuk memasang papan tanda dan papan arah bagi memberigakan maklumat spesis menarik di kawasan ini bagi menambah nilai lawatan ke tasik berkenaan.

Pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan juga mendukung usaha Majlis Perundingan Kampung dan Mukim berhampiran tasik tersebut untuk mengembangmajukan perusahaan-perusahaan berkaitan seperti perkhidmatan sajian, inap desa dan industri kotej yang akan dimuatkan dalam Pakej Pelancongan Berasaskan Komuniti (*Community-Base Tourism*) yang dirancang akan dipromosikan dalam tahun ini.

Pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan juga sering membuat perundingan dengan pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) untuk mempromosikan tasik berkenaan bagi menarik minat pelabur asing yang berminat untuk memajukan kawasan berkenaan bukan hanya untuk pelabur yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan malahan pelabur asing dalam bidang yang tiada kaitan dengan pelancongan seperti pengangkutan dan pembinaan. Langkah-langkah ini diharap dapat mengelakkan pembaziran wang negara digunakan untuk mengindahkan kawasan-kawasan pelancongan yang menelan kos terlalu tinggi.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT AWANG HAJI
UMARALI BIN ESUNG**

Jabatan Kemajuan Pelancongan

Merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Rabu, 26 Februari 2020 semasa lawatan tidak berjadual di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan baginda bertitah:

“Yang lebih penting buat kita sekarang ialah menjaga dan memelihara apa yang sudah ada, jaga dan peliharalah ia sebaik mungkin sehingga benar-benar kelihatan menarik dan bukan comot dan kotor. Ada sungutan kebanyakan tempat pelancongan yang telah disediakan tidak dijaga dengan baik secara konsisten dan malah ada yang terbiar begitu sahaja”.

Sehubungan dengan ini saya ingin menyentuh beberapa perkara:

Terdapat beberapa tempat-tempat menarik di Negara Brunei Darussalam yang sering dikunjungi oleh orang ramai dan pelancong, ini termasuklah taman-taman rekreasi, bangunan-bangunan lama yang bersejarah, kotej-kotej industri kampung, inap desa dan rumah tumpangan yang diusahakan oleh pihak kerajaan, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan orang-orang perseorangan atau keluarga.

Bantuan dan sokongan bagi mengenal pasti tempat-tempat berkenaan akan terus beroperasi, dimajukan dan berkembang sebagai usaha ke arah memantapkan industri pelancongan tempatan.

- i. Apakah usaha dan inisiatif Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam memberikan sokongan dan bantuan secara berterusan ke arah penambahbaikan tempat-tempat lawatan dan penyedia-penyedia pekhidmatan yang sedia ada ini termasuklah perkhidmatan inap desa (*homestay*) dan rumah-rumah tumpangan (*lodging*) yang masih belum mendapat kebenaran pihak-pihak berkuasa?
- ii. Dicadangkan agar Jabatan Kemajuan Pelancongan mempergiatkan penubuhan pusat-pusat informasi pelancongan di tempat-tempat strategik sama ada dalam bentuk kiosk kecil atau media interaktif yang mesra pengguna.

JAWAPAN

(Jawapan soalan no. i)

Beberapa usaha dan inisiatif dalam memberikan sokongan dan bantuan secara berterusan sama ada melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan atau bersama agensi-agensi kerajaan lain yang berkaitan, ke arah penambahbaikan tempat-tempat lawatan dan penyedia-penyedia perkhidmatan antaranya adalah seperti berikut:

- a) *General Tourist Site Assessment* telah pun dilaksanakan di beberapa destinasi pelancongan di Bandar Seri Begawan, Kampong Ayer dan juga Temburong dan akan dilaratkan di kesemua daerah di negara ini untuk memastikan kebersihan. Melalui penelitian dan penilaian tempat-tempat lawatan dan penyedia - penyedia perkhidmatan tersebut akan dapat dikenal pasti perkara-perkara yang memerlukan perhatian dan yang perlu dipertingkatkan atau diperbaiki.
- b) Menyediakan papan tanda dan papan tanda arah di beberapa tempat pelancongan seperti Kampong Ayer dan akan dilaratkan di tempat-tempat pelancongan yang difikirkan bersesuaian. Usaha ini dapat memberikan maklumat kepada para pengunjung akan keberadaan tempat-tempat dan sekali gus memperkenalkan penyedia-penyedia perkhidmatan pelancongan tersebut kepada pengunjung-pengunjung.

- c) Meningkatkan pengetahuan penyedia-penyedia perkhidmatan dengan mengadakan bengkel *Community-Based Tourism Workshop*. Pada tahun ini, Jabatan Kemajuan Pelancongan juga sedang dalam perancangan untuk melaksanakan beberapa bengkel dan latihan seperti berikut:
- i) *HSSE Training for Tourism Service Provider*;
 - ii) *Customer Services Training for Frontliners*;
 - iii) *Adventure Guidelines Workshop*; dan
 - iv) *Running a Business/Service Quality for Homestay Providers @DARE*.

Mengenai dengan perkhidmatan inap desa (*homestay*) dan rumah-rumah tumpangan (*lodging*), pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan memang mempersyaratkan perkhidmatan-perkhidmatan ini untuk berdaftar sebagai premis penginapan pelancong dan mestilah menghadapkan permohonan melalui borang permohonan yang boleh didapati di Jabatan Kemajuan Pelancongan ataupun dimuat turun di laman web www.tourism.gov.bn. Senarai semak permohonan pendaftaran premis penginapan pelancong adalah seperti berikut:

- i) Borang asal permohonan yang diisikan dengan lengkap;
- ii) Salinan kad pengenalan pemohon;
- iii) Profil syarikat/pengurus;
- iv) Salinan pendaftaran syarikat dari Bahagian Nama-Nama Perniagaan Pendaftaran Syarikat-Syarikat (ROCBN) dan Form X;
- v) Kebenaran bangunan/rumah;
 - a) *ABCi* (selepas November 2015); atau
 - b) Pejabat Daerah, Jabatan Bandaran (Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri), Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Jabatan Tanah (Kementerian Pembangunan)
- vi) Pelan lantai premis atau rumah (*Building or House Floor Plan*);
- vii) Salinan *Fire Certificate* dari Jabatan Bomba dan Penyelamat;
- viii) Kebenaran perniagaan tapak rumah (jika berkenaan); dan
- ix) Salinan *First Aid Certificate* (bagi pengusaha *homestay*)

Selain itu, bagi inap desa (*homestay*) ianya perlulah mematuhi piawaian yang telah dikeluarkan oleh Pusat Standard Kebangsaan dengan kerjasama pihak

Jabatan Kemajuan Pelancongan iaitu PBD 31:2016 *Brunei Darussalam Homestay Standard*. Standard ini boleh didapati di Pusat Standard SKepercayaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan harga \$5.00 senaskah.

(Jawapan soalan no. ii)

Pusat-Pusat Informasi Pelancongan di tempat-tempat strategik

Pada masa ini, beberapa Pusat Maklumat Pelancong telah pun di tempatkan di beberapa tempat strategik pelancongan seperti berikut:

- a) Kompleks membeli belah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Bandar Seri Begawan; dan
- b) Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer.

Selain dari itu, terdapat juga pusat atau kaunter Maklumat Pelancong yang dikendalikan oleh rakan-rakan strategik pelancongan yang ditempatkan seperti berikut:

- a) Balai ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (dikendalikan oleh Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan Brunei);
- b) Bangunan Pejabat Daerah Tutong (dikendalikan oleh Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong); dan

- c) Bangunan *Oil and Gas Discovery Centre (OGDC)* Seria, Daerah Belait (dikendalikan oleh pihak pengurusan *OGDC*).

Di samping itu, pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan juga giat melaksanakan usaha-usaha ke arah mempromosikan pelancongan di negara ini dengan memberikan penekanan utama kepada pemasaran dengan menggunakan e-Pemasaran melalui media sosial seperti *Facebook, Instagram, YouTube* laman sesawang Jabatan Kemajuan Pelancongan www.brunetourism.com, platform ini adalah lazim digunakan oleh belia-belia pada masa ini.

Penggunaan teknologi infokomunikasi ini berkesan untuk memberikan maklumat yang cepat dan terkini mengenai destinasi-destinasi dan pakej-pakej pelancongan yang ditawarkan dan seterusnya dapat menarik minat mereka untuk melancong.

Statistik Pencapaian Landasan Digital (*Digital Platform*) yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan-daripada 8 Julai 2019* hingga 26 Mac 2020 adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Landasan Digital (Digital Platform)	Jumlah Lawatan / Interaksi
1	Website (laman web) <i>www.bruneitourism.com</i>	99,781 lawatan (visits)
2	Social /Digital Impressions (Instagram and Facebook)	416,150,819 clicks
3	Social /Digital Interactions & Engagement (Instagram and Facebook)	59,048 Interactions/Engagement

***maklumat bermula pada 8 Julai 2019 pada mengambil kira tarikh lantikan syarikat yang mengendalikan landasan digital tersebut.**

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT YANG BERHORMAT AWANG NAIM BIN HAJI KAMIS.

ISU PENANGKAPAN IKAN DI PERAIRAN BRUNEI

Ikan adalah sumber laut yang perlu dijaga supaya tidak pupus dan berkurangan di kawasan perairan negara ini. Sehubungan dengan itu, adalah difahamkan penangkapan ikan-ikan di perairan Brunei tidak lagi menggalakkan disebabkan penangkapan yang tidak terkawal?

Soalan saya:

- i. Apakah langkah-langkah yang sudah dibuat oleh kementerian untuk memastikan ikan-ikan di perairan Brunei dapat membiak dan mampan (*sustainable*)?

- ii. Adakah dan apakah, usaha-usaha kerajaan untuk membantu nelayan-nelayan persendirian agar mereka dapat menangkap ikan bagi membantu kehidupan harian mereka di samping mengurangkan pengimportan ikan-ikan dari luar negeri. Dengan cara ini juga adalah salah satu usaha meningkatkan industri perikanan.

JAWAPAN:

Ikan adalah sumber laut yang perlu dijaga supaya jangan pupus dan berkurangan di kawasan perairan negara ini. Sehubungan dengan itu, adalah difahamkan bahawa penangkapan ikan-ikan di perairan brunei tidak lagi menggalakkan disebabkan penangkapan yang tidak terkawal.

Masalah stok ikan yang berkurangan adalah fenomena semula jadi yang bukan sahaja terjadi di Negara Brunei Darussalam, malahan di seluruh dunia. Ianya bukan sahaja disebabkan oleh pengurusan sumber perikanan yang kurang cekap seperti penangkapan ikan yang berlebihan atau melalui penggunaan alat menangkap ikan yang ditegah seperti penggunaan Pukat Tunda, tetapi ianya juga dikaitkan dengan isu perubahan iklim yang mengakibatkan kesan yang kompleks ke atas kawasan lautan, estuari, terumbu karang, bakau dan *seagrass* yang merupakan habitat dan kawasan semaian untuk ikan. Perubahan tersebut seterusnya menjejaskan produktiviti dan penghasilan ikan secara global pada keseluruhannya.

Oleh yang demikian, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perikanan telah melaksanakan beberapa program dan inisiatif sebagai langkah bagi memastikan ikan-ikan di perairan di Negara Brunei Darussalam akan dapat terus membiak dan mampan. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah seperti:-

1. Penggantungan sementara aktiviti menangkap ikan di Zon 1 (dari pantai hingga 3 batu nautika ke laut) yang telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2008, dan melalui penggantungan tersebut, tidak ada lagi tambahan lesen alat-alat menangkap ikan yang tertentu dikeluarkan kerana didapati bilangan alat berkenaan telah melebihi hadnya yang menjurus kepada penangkapan ikan yang berlebihan (*overfishing*) di kawasan berkenaan.
2. Penubuhan kawasan-kawasan perlindungan marin yang telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2015, yang bertujuan untuk melindungi takat-takat karang daripada aktiviti penangkapan ikan yang tidak bertanggungjawab seperti penangkapan ikan melalui penggunaan bahan-bahan letupan dan racun, memulihara kepelbagaian marin di perairan negara dan memastikan sumber perikanan marin yang lestari (*sustainable*). Di samping itu juga, penubuhan kawasan perlindungan marin ini diharap akan dapat mempromosikan kawasan-

kawasan tersebut sebagai salah satu destinasi bagi kegiatan eko-pelancongan marin, khususnya aktiviti menyelam. Kawasan perlindungan marin ini adalah penting mengambil kira peranan kawasan tersebut sebagai tabung ikan yang menyediakan tempat yang terlindung untuk ikan membesar dan membiak tanpa gangguan daripada perbuatan manusia yang tidak bertanggungjawab dan sekali gus meningkatkan produktiviti sumber perikanan dan kepelbagaian bio (*biodiversity*) yang menjurus kepada peningkatan jaminan keselamatan makanan, khususnya sumber perikanan di negara ini.

3. Pembinaan takat-takat tiruan yang bertujuan untuk memperkayakan sumber marin di perairan negara kerana kawasan-kawasan takat tiruan ini berfungsi sebagai kawasan-kawasan perlindungan dan juga sebagai kawasan pembiakan anak-anak ikan. Kawasan takat tiruan ini juga pada masa yang sama bertindak sebagai *silent enforcement* bagi melindungi kawasan-kawasan tertentu daripada kegiatan pencerobohan oleh kapal-kapal menangkap ikan komersil. *Silent enforcement* ini bermaksud kapal-kapal menangkap ikan komersil tidak akan berupaya menangkap di kawasan ini kerana dikhuatiri akan merosakkan alat menangkap ikan mereka. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan produktiviti

kawasan-kawasan menangkap ikan yang berkenaan dan sekali gus dapat menyediakan kawasan alternatif untuk menangkap ikan kepada para nelayan kecil-kecilan serta menyediakan peluang untuk para nelayan yang berkenaan menambah pendapatan.

4. Di samping itu, Jabatan Perikanan juga telah menyediakan beberapa kemudahan asas seperti tempat penurunan perahu dan tempat meletak kereta dan trailer, termasuk lampu jalan dan jalan laluan di seluruh daerah bagi memudahkan para nelayan kecil-kecilan untuk turun ke laut dengan selesa dan selamat.

Langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan ini adalah bertujuan untuk menjamin dan memastikan sumber perikanan di perairan negara adalah mencukupi dan mampan, bagi mendukung serta memastikan keluaran industri tangkapan ikan (*capture industry*) khasnya, dan industri perikanan secara amnya di negara ini akan terus meningkat dari tahun ke tahun dan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan KDNK. Usaha ini juga secara tidak langsung membantu nelayan-nelayan persendirian atau kecil-kecilan meningkatkan sumber pendapatan mereka.

Dalam kesempatan ini juga, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perikanan, ingin menyeru kepada nelayan-nelayan

khususnya dan orang ramai amnya, untuk memberikan kerjasama dan sokongan yang berterusan kepada Jabatan Perikanan dalam usahanya ke arah memastikan agar sumber perikanan di perairan negara akan terus terpelihara dan terlindung dari aktiviti-aktiviti penangkapan ikan yang tidak bertanggungjawab dengan:-

- i. Mematuhi undang-undang Jabatan Perikanan (*Fisheries Order 2009*) dan memastikan mempunyai lesen menangkap ikan yang sah;
- ii. Mematuhi zon keselamatan di kawasan 500 meter dari pelantar minyak dan gas;
- iii. Mengongsikan maklumat mengenai aktiviti-aktiviti meragukan dengan Jabatan Perikanan dan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain bagi membentras aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- iv. Menjaga keharmonian dan kesejahteraan sesama nelayan-nelayan (mengaut sumber perikanan marin bersama);
- v. Tidak menggunakan alat-alat menangkap ikan yang boleh merosakkan kawasan-kawasan pembiakan ikan, antaranya seperti penggunaan racun sianida dan penggunaan bahan-bahan letupan;

- vi. Tidak merosakkan takat-takat kerana ia akan mengakibatkan kemusnahan habitat kehidupan sumber marin; dan
- vii. Tidak mencemari alam sekitar marin dengan membuang sampah sarap sama ada sebagai *industrial waste* dari industri-industri mahupun *solid waste* oleh orang ramai ke perairan negara.

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA PENDIKAR ALAM DATO PADUKA SERI AWANG HAJI HASRIN BIN DATO PADUKA HAJI SABTU

Kaola ingin menyentuh mengenai dengan hal ehwal syiar Islam di negara ini, khususnya mengenai dengan seruan azan bagi menandakan masuknya waktu-waktu sembahyang.

Seperti yang kita semua sedia maklum, seruan azan itu adalah sebagai tanda untuk mengajak umat Islam agar segera menunaikan sembahyang. Di samping itu, laungan azan yang indah boleh mewujudkan ketenangan dan kesejukan di dalam jiwa seseorang serta mampu menyelubungi suasana dan menambah semangat ummah.

Peri kepentingan seruan azan ini juga pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Israk Mikraj Peringkat Negara Tahun 1440 Hijrah / 2019 MasIhi, yang mana antara lain baginda bertitah:-

“Di antara syiar Islam yang perlu menonjol ialah seruan azan bagi menandakan masuknya waktu sembahyang. Maka alangkah indahnya jika seruan ini dikumandangkan bukan hanya di masjid-masjid, di surau-surau dan di balai-balai ibadat malahan juga boleh turut didengar di tempat-tempat

kunjungan orang awam, sebagai memberitahu waktu sembahyang telah masuk dan sekali gus menandakan di tempat-tempat berkenaan itu ada didirikan sembahyang.”

Soalan:-

1. Apakah langkah dan inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama serta pihak-pihak berkaitan yang lainnya dalam menyahut seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memastikan dan meningkatkan lagi seruan azan di tempat-tempat kunjungan awam, seperti bangunan - bangunan kerajaan, sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian, rumah-rumah sakit dan pusat-pusat kesihatan, pusat-pusat perniagaan dan sebagainya?
2. Kaola ingin menyentuh mengenai dengan penggunaan dan penguasaan tulisan Jawi. Seperti yang kita semua sedia maklum, tulisan jawi merupakan khazanah negara yang penting yang perlu dijaga dan dipertahankan. Selain itu, tulisan jawi juga disifatkan sebagai satu bentuk mercu tanda Islam yang melambangkan jati diri sesebuah negara islam yang tulen, yang didukung melalui konsep Melayu Islam Beraja.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kedudukan tulisan jawi di Negara Brunei Darussalam tetap kukuh dan diberikan kedudukan yang tinggi. Di dalam pentadbiran kerajaan, tulisan Jawi telah pun dijadikan sebagai sebahagian daripada peraturan, seperti yang terkandung di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 21 / 1988 yang menggariskan peraturan penggunaan tulisan Jawi dalam urusan kerajaan dan swasta, termasuk perniagaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga sering menyentuh tentang peri mustahaknya rakyat dan penduduk di negara ini menguasai tulisan Jawi. Pada Majlis Konvokesyen ke-9 Kolej Universiti Ugama Seri Begawan bagi Tahun 1441 Hijrah / 2019 Masihi, baginda menekankan bahawa tulisan Jawi adalah tidak wajar dibebankan kepada satu pihak sahaja, sedangkan ia menyangkut tanggung jawab semua. Baginda juga menitahkan agar semua pihak bergerak bersama, bantu membantu untuk mendaulatkan warisan ini.

Soalan:-

Apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama serta pihak-pihak berkepentingan yang lainnya, dalam sama-sama memastikan

kelestarian penggunaan dan penguasaan tulisan Jawi di negara ini bukan sahaja di kalangan penuntut dan pelajar tetapi juga di kalangan pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan swasta serta orang ramai secara amnya?

JAWAPAN

(Jawapan soalan no. 1)

Mengenai seruan azan sebagai syiar Islam dan bagi menandakan masuknya waktu sembahyang dikumandangkan di tempat-tempat kunjungan awam, seperti bangunan-bangunan kerajaan, sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian, rumah-rumah sakit dan pusat-pusat kesihatan, pusat-pusat perniagaan, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** pada masa ini telah dipikul bersama dengan pihak-pihak berkenaan dan diambil tindakan yang sebaiknya sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu.

Kementerian Hal Ehwal Ugama menghargai inisiatif pelbagai pihak dan pemilik- pemilik premis, gedung-gedung perniagaan yang telah mengumandangkan laungan azan melalui radio atau berkumandang melalui pembesar suara dari surau-surau bangunan sebagai menandakan telah masuk waktu sembahyang.

Begitu juga bangunan-bangunan kerajaan yang mempunyai pembesar suara di dalam bangunan dimanfaatkan dengan sebaiknya untuk sama - sama

mengambil pahala mendengarkan azan tersebut. Pihak sekolah-sekolah juga telah mengaturkan pelajar-pelajarnya melaungkan azan secara berjadual dengan diselajarkan sembahyang berjemaah pada waktu yang ditetapkan.

Semuanya ini wajar diteruskan tidak semata-mata kerana syiar bahkan untuk meraih pahala daripada kelebihan fadhilat laungan azan tersebut. Antara langkah lain, kementerian berusaha memperbanyakkan kemudahan tempat bersembahyang dengan cara meminta untuk disediakan ruang tempat sembahyang atau mussola selengkapnya di premis-premis kunjungan orang ramai.

Dalam hal ini Kementerian Hal Ehwal Ugama, **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** akan mengajak sama pihak-pihak yang berautoriti dan pemilik-pemilik bangunan atau premis-premis itu untuk melihat hal ini, sesuai dengan semangat kebersamaan dalam memikir serta bertindak ke arah kebaikan yang diredai **اللّٰهُ**.

Pendekatan sebegini akan kita teruskan dengan kepercayaan bahawa orang-orang kitani dan kitani ini sendiri adalah sudah berada dalam parameter hamba **اللّٰهُ** yang penyembahyang dan mensyiarkan azan apabila masuk waktu sembahyang.

Kita bersyukur ini semua adalah berkat kesan baik pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara dalam tempoh lebih 60 tahun, sama ada melalui persekolahan ugama mahu pun persekolahan umum dan ini akan sentiasa dikembangmajukan lagi untuk

meningkatkan mutu amalan beragama yang kondusif dan kita yang melakukannya lebih khusyuk semata-mata kerana kewajiban mematuhi perintah الله.

Dalam memelihara imej negara kita dengan amalan keislamannya yang terpancang baik dan telah menyumbang kepada keselamatannya serta kesejahteraan hidup rakyatnya, Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai peneraju utama perkhidmatan ugama dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa mengambil pendekatan secara yang berhemah sambil akan tetap peka dalam memelihara imej dan menaikkan imej keislamannya yang nyaman suasananya bagi kita pada masa ini dan bagi generasi yang menyusul kemudian.

(Jawapan soalan no. 2)

Terima kasih atas soalan Yang Berhormat mengenai kepentingan tulisan Jawi yang dimaksudkan. Kementerian ini melalui jabatan dan bahagian di bawahnya, Bahagian Syiar Islam, Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Jabatan Pengajian Islam dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan bersama agensi lain adalah berperanan mengembang dan memperkasa penggunaan tulisan Jawi mengikut peranan masing-masing seterusnya memartabatkan dan membudayakan penggunaan tulisan Jawi

dalam penerbitan buku-buku dan majalah, teks-teks khutbah jumaat, buku-buku teks sekolah Ugama, *letterhead* persuratan rasmi dan sebagainya.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ menerusi pendidikan ugama dan kurikulum pendidikan Bahasa Melayu di sekolah rendah dan persekolahan ugama adalah membantu pelajar-pelajar dan generasi akan datang berkemahiran menulis, membaca tulisan Jawi dan yang terpenting ialah untuk pembelajaran membaca al-Quran. Marilah sama-sama membudayakan tulisan jawi lebih meluas sepertinya jua penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Penggunaan papan tanda dan label-label nama bangunan, jalan raya, nama-nama syarikat perlulah diselaraskan dengan standard ejaan yang betul dengan merujuk kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka atau Pusat Da'wah Islamiah. Apa yang masih menjadi cabaran kepada kita ialah pembelajaran Jawi masih tidak selaras dengan tujuan penggunaan yang lebih meluas untuk seiring dengan penggunaan tulisan Rumi. Untuk itu usaha bersama hendaklah digerakkan segera.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT AWANG HAJI
UMARALI BIN ESUNG**

SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MASJID

Masjid adalah merupakan rumah الله yang sentiasa dipelihara kesuciannya dan ciri-

ciri keselamatan dalam dan kawasan masjid perlu menjadi keutamaan terutama sekali pada waktu-waktu puncak yang mana sejumlah besar umat Islam datang ke masjid untuk menunaikan solat jumaat.

Saya mencadangkan agar perkara ini dapat diambil perhatian sewajarnya oleh pihak-pihak berkenaan bagi mencari satu kaedah atau sistem pengurusan keselamatan masjid yang praktikal dan berkesan di dalam menjaga keselamatan harta benda, pencerobohan, kecurian, kemasukan binatang liar dan sebagainya. Selain daripada itu pegawai dan kakitangan masjid perlu dilatih untuk menghadapi sebarang kemungkinan seperti jika berlaku kebakaran dan seumpamanya.

JAWAPAN

Terima kasih atas cadangan yang sangat baik itu yang setentunya perkara pengurusan keselamatan masjid sentiasa diambil perhatian oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Hal Ehwal Masjid. Dalam masa yang sama jemaah masjid khususnya Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid sayugia turut sama memikirkan kaedah kawalan keselamatan masjid dan hartanya serta mengambil inisiatif menganjurkan latihan yang perlu seperti untuk menghadapi kebakaran.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG NAIM BIN HAJI KAMIS.

1. ISU HUTAN TERBAKAR AKIBAT KESAN PERUBAHAN IKLIM TERUTAMA APABILA SUHU CUACA TERLALU PANAS

Kesan dari perubahan iklim tidak dapat dinafikan adalah satu isu global yang juga melanda negara ini.

Banjir kilat dan tanah runtuh disebabkan oleh hujan lebat yang berterusan, atap-atap rumah rosak disebabkan oleh angin kencang dan hutan terbakar disebabkan oleh faktor kecuaiian manusia dan dikaitkan juga dengan suhu cuaca yang terlampau panas, adalah ketiga kejadian besar yang sering melanda negara ini. Dari apa yang kita alami, kesan dari perubahan iklim, fenomena ini kerap berlaku dalam setahun jika dibandingkan dengan tahun-tahun dahulu.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ, baru-baru ini, Majlis Perubahan *Iklim (Climate Change Council)* telah bersidang dan telah menggariskan beberapa strategi dan dasar kementerian dan agensi-agensi berkenaan dalam usaha negara mengurangkan kesan negatif kepada alam persekitaran di samping pelan-pelan dan tindakan mitigasi bagi menanganinya untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Di Dewan, saya menyentuh mengenai isu hutan terbakar sahaja kerana isu ini menjejaskan seluruh rakyat terutama sekali dengan timbulnya jerebu yang sering menjejaskan kesihatan.

Soalan saya:

Difahamkan isu ini perlu ditangani bukan saja oleh Kementerian Pembangunan, tetapi juga kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang lain. Dalam hal ini, saya ingin mencadangkan apa kiranya dapat diterokai penggunaan teknologi dan sistem amaran awal bagi mengesan kawasan hutan yang akan terbakar melalui sensor suhu tertentu yang akan mengaktifkan sistem amaran awal berkenaan sebelum kawasan hutan itu terbakar sepenuhnya.

Dengan sistem ini, ia akan memudahkan tindakan cepat dan proaktif pihak bomba dan yang lain yang berkenaan pergi ke kawasan tersebut untuk tindakan awal sebelum kawasan itu terbakar atau merebak luas.

JAWAPAN:

Cadangan untuk mengadakan teknologi dan sistem amaran awal adalah salah satu kaedah yang sudah pun diamalkan di luar negara bagi mengurangkan dan mengawal pembakaran hutan sebelum ianya terjadi melalui sistem pemantauan berterusan dengan menggunakan sensor satelit.

Memandangkan ianya bukanlah sistem yang baharu, penggunaan di Negara Brunei Darussalam sememangnya boleh dilaksanakan. Namun yang demikian, kesesuaiannya perlulah dinilai terlebih dahulu dari segi keberkesanannya bagi saiz negara, kos bagi keseluruhan sistem dan juga kepakaran dalam mengadakan, menjalankan dan memelihara sistem berkenaan.

Isu ini perlu ditangani oleh pihak-pihak berkepentingan yang lain secara bersepadu terutamanya Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Perlancongan yang juga merupakan ahli kepada Jawatankuasa Adaptasi dan Daya Tahan Perubahan Iklim.

Isu pembakaran hutan adalah dibincangkan di bawah Jawatankuasa Adaptasi dan Daya Tahan Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Deraf Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam juga telah menggariskan strategi-strategi untuk menangani isu pembakaran hutan di bawah strategi ke-8 iaitu Daya Tahan dan Adaptasi Perubahan Iklim. Ini menggambarkan isu pembakaran hutan adalah diambil berat dan apa pun kaedah yang boleh membantu mengurangkan pembakaran hutan akan diberi pertimbangan.

Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian Pembangunan selaku urusetia kepada Jawatankuasa Adaptasi dan Daya Tahan Perubahan Iklim akan membangkitkan cadangan baik Yang Berhormat ini kepada jawatankuasa tersebut dan juga akan mengadakan konsultasi dengan pihak-pihak yang berkepentingan yang telah dimaksudkan untuk menilai kesesuaian kaedah ini untuk diadakan di Negara Brunei Darussalam. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pihak Kementerian Pembangunan akan menyusul apa jua perkembangan dan ketetapan bagi perkara ini dari masa ke semasa.

2. ISU PULAU BERAMBANG DAN KAMPUNG-KAMPUNG DI DALAMNYA

Seperti mana kitani semua tahu, Pulau Berambang ada mempunyai beberapa buah kampung di dalamnya, iaitu Kampung Menunggol, Kampung Riong, Kampung Sungai Bunga dan Kampung Puduk, dan jumlah keseluruhan penduduknya sekitar 1721 orang yang terdiri dari rakyat dan penduduk negara ini yang berbangsa melayu dan beragama Islam serta mempunyai pertalian keluarga.

Kebanyakan penduduknya bekerja dengan kerajaan dan sebahagiannya bekerja sendiri sebagai nelayan dan petani. Kemudahan dan tarikan pelancong ada di pulau ini, seperti Bukit Batu Bujang Pahang, Ladang Pertanian, *homestay* dan aktiviti-aktiviti sukan air juga sering diadakan seperti lumba perahu, kayak, *jetski* dan kalau waktu

surut dan air tuhur aktiviti melukan boleh diadakan dan aktiviti ini pasti unik dan dapat menarik pelancong dalam dan luar negeri. Kampung-kampung berkenaan juga mempunyai produk-produk kampung masing-masing yang boleh di ketengahkan.

Walau bagaimanapun terdapat juga masalah yang selalu dihadapi oleh penduduk kampung-kampung berkenaan iaitu soal perhubungan darat, terutama apabila berlaku kecemasan pada waktu subuh disebabkan pengangkutan terhad dan sulit dan dalam mendirikan usaha dan perusahaan juga memerlukan perbelanjaan yang besar disebabkan oleh dua sistem pengangkutan yang harus dilakukan.

Soalan saya:

Dalam hubungan ini saya ingin mencadangkan supaya Jambatan Temburong dapat disambung ke Pulau Berambang sebagai satu kemudahan kepada penduduk dan rakyat kampung-kampung di pulau berkenaan. Jika sudah ada dalam perancangan kementerian bilakah ianya akan dilaksanakan?

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan mengambil maklum dan mengambil baik cadangan Yang Berhormat mengenai keperluan untuk menyambung jambatan penghubung dari Daerah Brunei Muara ke Daerah Temburong ke Pulau Berambang.

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa reka bentuk bagi jambatan penghubung dari Daerah Brunei Muara ke Daerah Temburong tersebut, keperluan untuk membuat sambungan kepada beberapa pulau-pulau sepanjang laluan jambatan penghubung tersebut telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Kebangsaan dan keputusan telah diambil bagi menyediakan kemudahan untuk menyambung ke pulau berkenaan akan tetapi perlaksanaannya tidak termasuk di dalam pembinaan jambatan penghubung tersebut.

Kemudahan yang telah disediakan ini akan membolehkan "*connectivity*" ke Pulau Berembang, Pulau Pepatan dan Pulau Baru-Baru di masa akan datang dan perlaksanaannya tertakluk kepada keperluan dan kesediaan prasarana di pulau-pulau tersebut.

إِنْ شَاءَ اللهُ Kementerian Pembangunan akan membuat penelitian lanjut bagi keperluan untuk penyambungan tersebut dengan mengambil kira penyediaan prasarana di pulau tersebut terlebih dahulu.

3. ISU JALAN RESIDENCY

Seperti mana yang kitani semua maklum, bahawa Jalan Residensi telah pun siap dan digunakan sepenuhnya pada tahun 2019 yang lalu. Apa yang menjadi persoalan dan masalah kepada orang ramai yang melewati Jalan Kota Batu dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (JAMBATAN RIPAS), ialah tiada

ada *u-turn* untuk menuju ke Kampung Subok, Kampung Belimbing dan ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri serta Kedutaan Besar Republik Singapura, mereka terpaksa berpusing melewati Jalan Kianggeh yang mengakibatkan kesesakan jalan kawasan Pusat Bandar Seri Begawan.

Dalam hal ini, sukacita saya mencadangkan dan memohonkan supaya jalan *u-turn* ke Kampung Subok, Kampung Belimbing dan ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri serta Kedutaan Besar Republik Singapura perlulah diteliti akan keperluannya untuk masa hadapan.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan mengambil maklum isu dan cadangan yang dibangkitkan. Memandangkan ruang atau *road reserve* berhadapan kawasan perkuburan adalah terhad, kemudahan *U-turn* telah disediakan melalui pusing keliling di pusat bandar atau alternatif lain melalui Jalan Kianggeh bagi pengguna-pengguna jalan raya yang berhasrat untuk balik ke Jalan Subok.

Untuk makluman bersama, penyediaan *U-turn* memerlukan kawasan yang sesuai dan mencukupi bagi memastikan kemudahan *U-turn* tersebut selamat untuk digunakan. Antara keperluannya adalah *storage lanes* untuk kereta menunggu mencukupi, *sight distance* yang mengikut piawaian dan sebagainya.

Di samping itu jua, kemudahan *U-turn* telah pun disediakan di kawasan pusat bandar yang mampu untuk pengguna jalan raya pada masa ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kerja Raya akan sentiasa membuat pembaikan ke atas Jalan Residency termasuk jua menyediakan kemudahan *U-turn* jika ada keperluannya.

4. ISU RAKYAT MENUNGGU RUMAH PERUMAHAN NEGARA YANG LAMA

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak kendur-kendurnya dalam memastikan kesejahteraan hidup rakyatnya dengan menyediakan kemudahan-kemudahan kepada rakyat termasuk rumah kediaman melalui Skim Perumahan Negara.

Mengikut apa yang dilaporkan sebelum ini, lebih kurang 28 ribu buah rumah dan 2 ribu tapak telah dibangunkan dan disediakan. Penerima-penerima yang layak telah pun menikmati kemudahan ini sejak skim-skim ini dilaksanakan beberapa dekad yang lalu.

Dari aduan-aduan yang saya dengar dan terima, masih terdapat dari kalangan rakyat yang masih menunggu dan ada juga yang telah bertahun-tahun menunggu rumah berkenaan walaupun sudah menerima surat mengenainya. Saya juga difahamkan bahawa jumlah

dalam senarai menunggu ini adalah masih ramai.

Saya juga tertarik dengan pendekatan-pendekatan dan dasar-dasar yang pelbagai yang diamalkan oleh negara jiran dalam menyediakan kemudahan rumah yang mampu milik dan saya dapat lihat program yang berterusan itu menampakkan kejayaan.

Soalan dan cadangan saya:

- i. Apakah langkah-langkah Kementerian Pembangunan dalam mempercepatkan program penyediaan rumah dalam Skim Perumahan Negara ini?;
- ii. Kalau dapat saya cadangkan Kementerian Pembangunan dan kementerian yang berkaitan untuk mempelajari kaedah dan dasar negara jiran, iaitu dengan memperkasa keterlibatan sektor swasta jika sekiranya ia boleh diguna pakai oleh negara dengan menyesuaikan kemampuan rakyat dari berbagai peringkat pendapatan; dan
- iii. Dalam hubungan ini juga, sukacita juga saya ingin mencadangkan dan seterusnya memberikan pendapat yang mungkin dapat diguna pakai bagi mengatasi permasalahan isu menunggu rumah Perumahan Negara yang lama, iaitu dengan memberikan kebenaran kepada mereka yang mempunyai tanah *TOL*

Syarat Perumahan diberikan Geran Tanah Kekal, supaya mereka yang berkenaan dapat membina rumah kekal dengan perbelanjaan wang sendiri atau pinjaman daripada pihak-pihak bank atau kerajaan, jika mereka masih berkhidmat dengan perkhidmatan awam, Negara Brunei Darussalam.

JAWAPAN:

Selain daripada perolehan yang lazimnya dilaksanakan melalui tawaran projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP), juga telah, dan sedang dalam perancangan untuk melaksanakan beberapa pendekatan dalam usaha mempertingkatkan penyediaan perumahan bagi mengimbangi jurang antara *supply and demand* perumahan di bawah Skim Perumahan Negara.

Ini termasuklah perlaksanaan projek perumahan melalui kaedah *Public-Private Partnership* (PPP) yang disasarkan kepada penglibatan sektor swasta untuk sama-sama menjayakannya. Perkara ini adalah masih dalam proses perundingan dan penelitian terperinci bersama dengan pihak-pihak yang tertentu bagi memastikan ianya dapat menghasilkan *win-win situation* yang dijangka dapat memberikan manfaat kepada pihak swasta dan juga pihak kerajaan di samping memenuhi keperluan pemohon perumahan, khususnya dalam penghasilan rumah yang akan

diperuntukkan kepada pemohon yang berkelayakan nanti.

Sementara itu, Jabatan Kemajuan Perumahan juga memberi penekanan untuk mempraktikkan amalan terbaik atau *best practices* dalam penggunaan teknologi pembinaan terkini seperti *prefabricated components* dan *modular system* bagi penghasilan rumah dalam tempoh yang lebih cepat.

Perkara ini akan dititikberatkan bagi projek perumahan yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Kemajuan Negara untuk Rancangan Perumahan Negara Kampung Lugu dan Rancangan Perumahan Negara Tanah Jambu, seperti mana jua yang telah dilaksanakan semasa mengungkayahkan projek Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa I sebelum ini.

Memang tidak dinafikan ada banyak kaedah dan dasar yang diguna pakai oleh negara-negara jiran dalam usaha penyediaan rumah bagi pihak kerajaan masing-masing. Perkara ini diambil maklum dan akan diteliti kesesuaian perlaksanaannya di Negara Brunei Darussalam.

Dalam hal penukaran syarat *TOL* kepada Syarat Perumahan, perkara ini sebenarnya telah dijalankan sekian lamanya di bawah Skim Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara. Skim ini masih lagi berjalan pada masa ini dan sukacita dimaklumkan bahawa pada awal tahun ini jua, sejumlah lebih kurang 200 buah tanah *TOL* telah diperkenankan

untuk digerankan mengikut syarat syarat tertentu.

Pada masa ini, Kementerian Pembangunan sedang mereviu dasar-dasar dan pensyaratan penggunaan dan pemberian Tanah TOL kerana didapati banyak pelanggaran syarat ke atas tanah TOL seperti penyewaan, aktiviti perniagaan dan perusahaan telah dilakukan tanpa kebenaran.

5. ISU BEKALAN AIR TIDAK ADA ATAU TEKANAN AIR RENDAH

Isu ini bukanlah isu baharu kaola bangkitkan, adapun ia masih berlaku dan telah serba sedikit menjejaskan kehidupan orang ramai terutama sekali apabila terjadinya rangkaian paip terpaksa ditutup disebabkan oleh paip utama pecah dan yang selalu menjadi keluhan ialah penduduk yang tinggal di kawasan perumahan yang hampir setiap hari mengalami tekanan air rendah yang menyulitkan kehidupan seharian tidak seperti di kawasan yang lain mendapat bekalan air lebat dan konsisten.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ kaola mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pembangunan atas usaha-usaha yang telah dilaksanakan selama ini demi memastikan kesejahteraan rakyat khusus mengenai bekalan air.

Usulan:

Kaola percaya memang sudah ada teknologi atau system terkini yang ada

di negara lain yang boleh digunakan untuk memberi amaran awal kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Air untuk memudahkan tindakan proaktif dibuat. Apa yang kaola maksudkan ialah pemasangan sistem amaran awal di lokasi-lokasi strategik yang akan memaklumkan pihak Jabatan Perkhidmatan Air secara sistem yang paras air di tangki-tangki utama menurun parasnya dan dengan penurunan paras air di tangki itu menunjukkan yang ada masalah kepada saluran paip masuk ke tangki berkenaan. Dengan amaran awal ini akan dapat memudahkan pihak Jabatan Perkhidmatan Air bertindak cepat dan proaktif sebelum air tidak mencukupi dan tidak sampai ke rumah-rumah seperti apa yang terjadi sebelum ini.

JAWAPAN:

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ bekalan air di negara kita ini sentiasa dibekalkan secara berterusan. Namun banyak perkara yang tidak dapat dielakkan boleh menyumbang kepada gangguan bekalan air. Antaranya adalah kerosakan paip-paip air sama ada paip-paip air pembahagian (*distribution*) mahu pun paip-paip air pembekalan utama (*transmission*).

Gangguan bekalan air juga terjadi jika kerja-kerja pemeliharaan perlu dibuat dan akan menjejaskan penghantaran bekalan air dari loji rawatan air terutama sekali bagi kerja-kerja kecemasan dan juga gangguan-gangguan tertentu di loji-loji rawatan air mahupun di stesen pam-

pam air. Namun perkara seumpama ini adalah bersifat sementara dapat diatasi.

Kerosakan paip-paip air yang tidak dapat dijangka dan ianya boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana, merupakan satu isu yang dihadapi malah hampir setiap hari kerosakan paip air terjadi di tempat yang berbeza. Jika kerosakan paip-paip air ini berlaku, mengikut jenis dan keadaan kerosakan paip-paip ini dan juga kerja-kerja pembaikan yang akan dilakukan, ianya akan menyebabkan gangguan bekalan air dikawasan yang terlibat.

Untuk menangani masalah ini, Jabatan Kerja Raya menjalankan program penggantian paip-paip dan peralatan yang lama demi untuk mengelakkan dari mengalami kebocoran atau kerosakan, walau bagaimanapun, program penggantian dibuat secara berperingkat mengikut peruntukan yang disediakan.

Dalam hal ini, pihak Jabatan Kerja Raya melalui Jabatan Perkhidmatan Air sentiasa berusaha mengurangkan gangguan bekalan air kepada orang ramai. Salah satu cara lagi ialah dengan menggunakan sistem teknologi telemetri yang memang telah lama digunakan pada tangki-tangki simpanan air. Tujuan teknologi tersebut membolehkan pihak Jabatan Perkhidmatan Air dengan mudah memantau paras air tangki-tangki simpanan air di negara ini dan seterusnya dapat melaksanakan kerja-kerja operasi secara proaktif.

Akan tetapi, kejadian seperti kecurian dan kes pugut pada aset-aset pembekalan air terutamanya pada peralatan telemetri tersebut telah menyumbang kepada masalah bekalan air. Perkara ini mengakibatkan bekalan air di sebahagian tempat terjejas sukar dilakukan dan dipantau.

Selain dari itu, kes curi dan pugut pada pam-pam bekalan air, kabel elektrik, pili bomba dan sebagainya semakin meningkat di masa ini akan secara langsung menjejaskan bekalan air. Ada kalanya, peralatan bekalan air dirosakkan atau dicuri selepas baru dipasang. Pihak Jabatan Air akan meningkatkan lagi kawalan dan sekuriti di kawasan dan tempat – tempat yang strategik.

Semua hal tersebut sangat memberi kesan pembekalan air kepada orang ramai. Namun demikian, pihak jabatan juga telah melaksanakan beberapa inisiatif agar bekalan air pada masa kini serta masa depan sentiasa cukup dan berterusan. Di antara inisiatif-inisiatif tersebut adalah dengan melaksanakan projek *Non-Revenue Water (NRW)* dan projek *Smart DWS*. Secara umum, projek *NRW* bertujuan menyiasat masalah bekalan air dalam zon-zon rangkaian air (*DMA*) dan seterusnya mengoptimumkan rangkaian pengedaran paip air dari segi tekanan air dan pengurangan kekerapan kebocoran paip air.

Projek *Smart DWS* pula, objektifnya adalah untuk memasang dan menilai penggunaan alat teknologi terkini iaitu

Smart Internet of Things (IoT) Devices bagi pemantauan rangkaian pengedaran paip air dan pemantauan kualiti air. Dengan adanya teknologi tersebut, pihak jabatan dengan mudah dapat memantau sistem bekalan air dan seterusnya membuat kerja-kerja dengan lebih proaktif serta membantu dalam membuat keputusan yang lebih bijak (*improved decision making*).

Kementerian Pembangunan menyokong inisiatif dalam penggunaan teknologi baharu dalam penyediaan prasarana kemudahan awam termasuk jua pemantauan sistem bekalan air, sistem pemantauan banjir dan lain-lain, melalui program *SMART MOD* yang menjurus kepada program kebangsaan mengenai *Smart City*. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, inisiatif *SMART MOD* ini akan dilaratkan lagi dalam usaha untuk memberikan kemudahan kepada rakyat dan penduduk negara ini lagi.

Beberapa projek juga telah disusun untuk dilaksanakan di bawah RKN-11 untuk mengatasi masalah bekalan air seperti berikut:

1. Penambahbaikan sistem bekalan air (pembinaan tangki-tangki air dan peningkatan sistem pam air);
2. Menaik taraf Loji Rawatan Agis-Agis, Daerah Belait;
3. Mengganti / memindah paip-paip utama yang lama bagi semua Daerah Belait;

4. Mengganti baru penungkat paip (*pipe support*) air mentah utama dari stesen pam air badas ke Loji Rawatan Air Seria; dan
5. Mengganti paip-paip air lama jenis *abestos cement/galvanised iron* dan *pvc* di dalam rangkaian sistem pembahagian air.

Dalam kesempatan ini, Kementerian Pembangunan menasihatkan kepada orang ramai untuk tidak membazir dalam penggunaan air dan juga menghargai inisiatif orang ramai untuk melaporkan kejadian paip bocor atau yang seumpamanya melalui Talian Darussalam 123 kerana aduan tersebut sangatlah diperlukan bagi Jabatan Kerja Raya untuk mengesan dan memperbaiki kerosakan dan kebocoran tersebut dan seterusnya mengelak dari gangguan bekalan air kepada orang ramai.

SOALAN YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA PENDIKAR ALAM DATO PADUKA SERI AWANG HAJI HASRIN BIN DATO PADUKA HAJI SABTU

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Saya ingin membawa perkara mengenai dengan rangkaian jalan raya di negara ini, *اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ* adalah diambil maklum bahawa Kementerian Pembangunan, melalui Jabatan Kerja Raya dan *Program Traffic Management Scheme* bergiat aktif dalam

memantau secara lebih teliti dan berkesan ke atas rangkaian jalan raya di negara ini.

Ini termasuklah dari segi perancangan jalan-jalan raya baharu serta kerja-kerja melebar jalan raya, membuat jalan susur, mengadakan pusing keliling, memasang lampu isyarat, memperbaiki jalan raya yang rosak dan sebagainya. Semua ini dilakukan bukan sahaja untuk kemudahan orang ramai, tetapi juga sebagai salah satu usaha penting untuk membantu memangkin pertumbuhan ekonomi di negara ini.

Soalan saya:

- i. Apakah perancangan pihak Kementerian Pembangunan dan pihak-pihak berkepentingan yang lainnya dalam membantu mengurangkan kesesakan jalan raya, khususnya di kawasan-kawasan sekolah. Adakah diambil maklum bahawa sebelum ini terdapat perancangan untuk memindah sekolah-sekolah yang berada di tepi-tepi jalan utama sehingga menyebabkan kesesakan di jalan berkenaan, ke lokasi yang lebih bersesuaian bukan sahaja bagi keselesaan dan keselamatan para pelajar sekolah tetapi juga bagi orang ramai; dan
- ii. Saya juga ingin mengambil tahu, apakah ada perancangan daripada pihak Kementerian Pembangunan, serta pihak-pihak berkepentingan

yang lainnya untuk meningkatkan *connectivity* di antara Kawasan - kawasan tumpuan di pusat Bandar Seri Begawan, khususnya laluan-laluan bagi pejalan kaki seperti di antara kawasan tumpuan Gadong dan Kiulap serta kawasan-kawasan tumpuan Jalan Berakas dan Delima.

Apa yang didapati sekarang, walaupun Kawasan - kawasan berkenaan berhampiran akan tetapi kawasan laluan bagi pejalan-pejalan kaki, khususnya bagi menyeberangi jalan raya adalah tidak kondusif dan kurang selamat, lebih-lebih lagi dengan adanya lebuhraya dan pusing keliling.

JAWAPAN:

Salah satu punca yang telah dikenal pasti menyumbang kepada isu kesesakan jalan raya terutama sekali pada waktu-waktu penghantaran dan pengambilan balik penuntut-penuntut adalah antara lain berkaitan dengan kedudukan sekolah-sekolah swasta yang terletak di sepanjang jalan-jalan utama berkenaan.

Beberapa mekansime selaras dengan piawaian antarabangsa telah diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pembangunan di dalam membendung kesesakan jalan raya di kawasan kawasan tersebut. Ini termasuklah penyediaan *zebra crossing, raised platform, speed limit, papan-tanda amaran, overhead pedestrian crossing* dan sebagainya.

Dalam pada masa yang sama, pihak Kementerian Pembangunan juga telah mengenal pasti beberapa tapak-tapak bersesuaian bagi rancangan pemindahan sekolah sekolah swasta tersebut. Cadangan tapak-tapak berkenaan telah diserahkan kepada pihak Kementerian Pendidikan bagi penyelarasan proses seterusnya dengan pengusaha-pengusaha sekolah swasta berkenaan.

Dalam hal ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan kelonggaran dari pembayaran premium tanah bagi pembinaan sekolah sekolah swasta dalam usaha untuk menggalakkan pembinaan sekolah yang lebih baik dan di lokasi yang lebih selamat. Walau bagaimanapun, sehingga kini belum ada sekolah swasta yang mengambil peluang tersebut.

Antara mekanisme penyelarasan di antara pihak Kementerian Pembangunan dan Kementerian Pendidikan adalah seperti:-

1. Percaturan waktu-waktu kehadiran sekolah supaya tidak bertemu masa-masa yang sama, bagi menjarakkan kesesakan lalu lintas;
2. Penggunaan *shuttle bus service* di antara Kawasan khas menunggu dengan sekolah-sekolah berkenaan (contoh: Hospital RIPAS dan JPMC); dan

3. Meningkatkan *connectivity* di antara kawasan-kawasan berkenaan adalah merupakan perkara penting yang diambil kira pada peringkat awal perancangan kemajuan satu-satu kawasan. Ini termasuklah memastikan piawaian dan garis panduan perancangan tertentu yang perlu dilaksanakan serta mengenal pasti keperluan *connectivity* di skim-skim perancangan dan pelan-pelan pembangunan berkenaan.

Di dalam kawasan pembangunan pesat terutamanya pusat bandar, pusat-pusat komersial dan sebagainya memerlukan penyediaan infrastruktur yang dinamik, bukan sahaja untuk kenderaan, malah untuk pengguna-pengguna yang lain seperti pejalan kaki, orang keperluan khas dan penunggang basikal.

Pihak Kementerian Pembangunan telah pun menyediakan berbagai aset infrastruktur asas di kawasan-kawasan berkenaan termasuklah pembinaan rangkaian pejalan kaki dan jejantas pejalan kaki (*overhead pedestrian bridges*). Namun, masih terdapat sebahagian kawasan yang belum disediakan aset berkenaan yang akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan semasa.

Dalam memastikan perancangan prasarana tersebut yang lebih holistik Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi sedang menyediakan pelan induk atau *masterplan* yang bersandarkan

perancangan sedia ada seperti pelan perancangan peringkat daerah dan pelan perancangan setempat (*Local Plan*), Pelan Perancangan Bandar Seri Begawan, *Land Transport Masterplan* dan sebagainya. Pelan induk ini diharapkan dapat mengatur arah kepada mempertingkatkan lagi prasarana *connectivity* yang lebih menyeluruh dan mengambil kira keperluan semasa.

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT YANG BERHORMAT AWANG MOHD. HANAPI BIN SIPUT

1. JABATAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Lebuhraya merupakan jalan raya yang memberi kemudahan kepada orang ramai. Ianya digunakan oleh semua peringkat orang ramai termasuk dari luar negeri seperti pemandu daripada negara jiran. Sering kita lihat kenderaan dari negara-negara jiran dan tidak kurang juga kenderaan tempatan akan berhenti di kawasan lebuhraya disebabkan pemandunya sama ada akan membuang hajat atau berehat kerana keletihan atau mengantuk terutamanya pemandu kenderaan berat seperti truk atau trailer. Bagi yang membuang air kecil mereka sewenang-wenangnya masuk ke kawasan semak yang berhampiran untuk melepaskan hajat dan yang rasa mengantuk akan meletakkan kereta (*parking*) di tepi lebuhraya untuk melelapkan mata.

Perkara ini nampaknya remeh tetapi tanpa disedari perbuatan ini boleh mendatangkan bahaya kepada pemandu itu sendiri dan pengguna jalan raya yang lain dan perbuatan buang air kecil di kawasan yang tidak sewajarnya adalah kurang sopan dan bukan tatasusila dan budaya kita.

Demi keselamatan awam kaola mencadangkan supaya disediakan tempat rehat yang lengkap dengan kawasan letak kereta, tandas awam, surau dan gerai di kawasan lebuhraya yang difikirkan sesuai untuk dibina seperti di kawasan Lebuhraya Tutong – Muara atau Tutong – Kuala Belait. Dengan penyediaan tempat rehat ini sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah yang dinyatakan di atas.

JAWAPAN:

Dalam perancangan penyediaan rangkaian lebuhraya di negara ini, terutama sekali bagi lebuhraya yang menghubungkan Daerah-Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Belait, iaitu Lebuhraya Muara-Tutong-Telisai-Lumut-Seria-Belait, yang panjang jalan melebihi 100 km ini, pembinaan kawasan tempat berehat asas (*basic*) sememangnya telah disediakan oleh pihak kerajaan, seperti berikut:

1. Lebuhraya Muara-Tutong (hala Tutong dari Muara) berdekatan RPN Lambak Kiri; dan

2. Lebuhraya Muara-Tutong (hala Jerudong dari Tutong) – Pondok Polis Bukit Penggal

Kawasan-kawasan telah menyediakan tempat letak kenderaan (*d*) untuk para pemandu dan penumpang berehat. Adalah menjadi hasrat kerajaan melalui Kementerian Pembangunan dan agensi-agensi lain yang berkepentingan, untuk membuka peluang kepada pengusaha-pengusaha tempatan bagi menyediakan kemudahan – kemudahan yang diperlukan oleh pengguna-pengguna jalan raya dan orang ramai secara amnya. Sebagai contoh, kemudahan yang dimajukan oleh pengusaha tempatan di Serambangun telah menyediakan stesen minyak, surau, tempat jualan makanan (KFC), kedai runcit dan tandas di dalam satu kawasan yang telah memberikan kemudahan kepada para pemandu dan penumpang yang melintasi lebuhraya tersebut.

Dengan siap sepenuhnya lebuhraya dari Kuala Belait ke Muara dengan pembukaan seksyen baru dari Telisai ke Lumut, peluang-peluang bagi pengusaha-pengusaha tempatan untuk menyediakan kawasan-kawasan rehat termasuk kemudahan awam seperti mana contoh kemudahan di Serambangun dengan kemudahan tambahan gerai-gerai di tempat-tempat yang bersesuaian di sepanjang lebuhraya tersebut adalah terbuka.

Di samping itu jua, Kementerian Pembangunan menyedari bahawa kebanyakan tapak yang strategik dan bersesuaian untuk dimajukan bagi tujuan tersebut adalah tanah-tanah kerajaan. Oleh itu, bagi melanjutkan perancangan penyediaan tempat-tempat berehat di sepanjang lebuhraya berkenaan, pihak Kementerian Pembangunan juga pada masa ini berkolaborasi dengan pihak yang berkepentingan seperti Kementerian Tenaga dan *Brunei Shell Marketing* untuk mengenal pasti kawasan-kawasan tambahan untuk penyediaan kemudahan stesen minyak yang akan dapat juga dijadikan tempat tempat seiring berkonsepkan *Rest & Relax* yang lebih strategik yang dapat menempatkan pelbagai kemudahan seperti tempat rehat, surau, kedai-kedai dan gerai-gerai makan, serta lain-lain kemudahan yang berkaitan. Perancangan yang menyeluruh dan holistik melalui kolaborasi pihak-pihak yang berkepentingan akan mengenal pasti kawasan yang bersesuaian dan *commercially viable* untuk dibukakan kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan seterusnya peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

2. JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

Seperti yang kita sedia maklum bahawa permohonan Skim Tanah Rancangan Perpindahan Negara telah diberhentikan untuk orang ramai sejak tahun 2005 atau 2006.

Isu ini dibangkitkan adalah melihat kepada trend masa ini untuk memiliki rumah sendiri, kos bagi sebuah rumah dan tanah adalah \$150 hingga \$400 ribu ringgit tertakluk kepada kawasan. Jika membuat pinjaman bank untuk harga rumah puratanya ialah \$200 hingga \$300 ribu dan potongan sebulan adalah sebanyak \$1,300 hingga \$1,700 bagi tempoh 20 hingga 25 tahun.

Jika dilihat perkara ini adalah merumitkan terutamanya bagi belia-belia pada masa ini yang merancang untuk memiliki rumah sendiri walaupun mempunyai gaji dalam purata \$2,000 ribu bagi yang tiada mempunyai tanah.

Jika mempunyai tanah sendiri kos untuk membina rumah mungkin berkurangan lebih dari separuh dibandingkan membeli rumah dan tanah pada masa ini.

Manakala bagi pegawai dan kakitangan kerajaan yang disediakan permohonan Elaun Pinjaman Rumah potongan bulanan lebih rendah dan mereka akan mampu memiliki rumah sendiri. Jika permohonan Skim Tanah ini dibukakan semula akan dapat mengurangkan jua orang-orang kitani untuk memohon Skim Perumahan yang masa ini pun ramai yang masih menunggu. Dipohonkan cadangan mengenai Skim Tanah Rancangan Perpindahan Negara dapat dikaji balik.

JAWAPAN:

Skim Pemberian Lot Tanah di bawah Skim Perumahan Negara telah mula ditawarkan pada tahun 1985 bagi Pegawai Kerajaan Bahagian II. Berikutan itu, skim berkenaan telah dilaratkan kepada pemohon yang terdiri daripada orang awam pada tahun 1988 dengan syarat-syarat kelayakan yang tertentu. Pada masa itu, pemohon yang berkelayakan telah diberikan satu lot tanah (0.125 ekar), dengan sejumlah bayaran (\$13,500.00), untuk dimajukan dan dibangunkan rumah dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pengundian.

Sebanyak 1,977 lot tanah telah diberikan kepada pemohon lot tanah yang bekelayakan untuk mendirikan rumah (iaitu hanya kira-kira 5% sahaja daripada jumlah keseluruhan permohonan untuk mendapatkan rumah).

Sejak tahun 2010, mengambil kira jumlah pemohon yang menunggu untuk mendapatkan perumahan semakin bertambah dan tempoh menunggu yang semakin meningkat, perancangan penyediaan perumahan telah menfokuskan kepada pembinaan rumah-rumah dengan penghasilan lebih dari 27,000 (27,971) unit perumahan sehingga tahun 2018.

Dalam tempoh yang sama, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan juga telah menyediakan 2073 lot-lot tanah di beberapa kawasan Skim Perumahan Negara (seperti di RPN

Lambak Kanan, RPN Rimba, RPN Mentiri, RPN Meragang, RPN Madang, RPN Tungku, STKRJ Kg Katok 'B', RPN Pandan, RPN Lumut/ Sg Liang & RPN Bukit Beruang).

Walaupun Skim Pemberian Lot Tanah di bawah Skim Perumahan Negara masih diteruskan, peruntukan skim ini perlu diseimbangkan dengan skim-skim penyediaan rumah-rumah untuk memastikan peruntukan yang selaras.

Pihak Kementerian Pembangunan akan terus meneliti keperluan skim-skim perumahan di bawah Rancangan Perumahan Negara, termasuk Skim Pemberian Lot Tanah, di dalam memenuhi keperluan pemohon-pemohon yang memerlukan perumahan dari masa ke semasa, tertakluk kepada kesesuaiannya.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA PENDIKAR ALAM DATO PADUKA SERI HAJI HASRIN BIN DATO PADUKA HAJI SABTU

Saya ingin menyentuh mengenai dengan isu-isu sosial dan institusi keluarga di negara ini.

Negara Brunei Darussalam walaupun kecil, adalah tidak lari daripada menghadapi pelbagai isu sosial. Walaupun isu-isu sosial ini masih dapat dikawal dengan baik, akan tetapi jika tidak diambil perhatian yang segera dan sewajarnya, ianya akan menjadi penyakit yang boleh saja merapuhkan kestabilan institusi kekeluargaan, menjejaskan keselamatan dan keharmonian masyarakat dan negara serta mengancam kestabilan bangsa. *لُحْمًا بِاللَّهِ*, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya melalui Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS), memang nampak tidak pernah camah mata untuk menangani isu-isu ini dengan menyediakan dan mengatur dasar, akta dan strategi serta menyelaraskan dan memastikan program-program dan pelan-pelan tindakan dilaksanakan oleh agensi-agensinya yang berkenaan dengan berkesan.

Adalah diharapkan agar segala usaha dan strategi yang murni ini akan dapat diteruskan dan dilaksanakan secara

bersepadu melalui *whole of nation approach*, khususnya dalam memastikan pengukuhan institusi keluarga yang tahan lasak (*resilient*) dan harmoni.

Saya seterusnya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan program dan aktiviti yang dilaksanakan di bawah Kompleks Rumah Kebajikan. Adalah diambil maklum bahawa pengisian program dan aktiviti di dalam Kompleks Rumah Kebajikan itu adalah bermacam-macam, seperti pelajaran akademik, pendidikan agama dan moral, latihan vokasional, program-program pembinaan diri serta sesi kaunseling.

Saya ingin tahu, apakah inisiatif dan langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan serta agensi-agensi berkaitan yang lainnya, dalam memastikan agar pihak masyarakat dapat menerima bekas-bekas penghuni ataupun residen Kompleks Rumah Kebajikan yang telah menamatkan program pemulihan mereka agar mereka ini tidak berasa disisihkan dan terbiar oleh masyarakat.

Dalam pada itu, saya ingin menyarankan agar program dan aktiviti yang melibatkan keluarga para penghuni Kompleks Rumah Kebajikan diperbanyakkan dan ditingkatkan lagi dengan tujuan untuk mengukuhkan dan memantapkan lagi institusi kekeluargaan para penghuni dan residen, selaras dengan amalan kehidupan kita di negara ini yang berasaskan kepada nilai-nilai kebruneian iaitu Melayu Islam Beraja.

Perihal kepentingan institusi keluarga ini pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara pada Tahun 1433 Hijrah / 2012 Masihi, antara lain baginda bertitah:-

"...kita juga tidak wajar terlepas pandang dengan melupakan peranan institusi keluarga melalui keluarga yang bahagia lagi sempurna. Tidak diragukan lagi adalah mampu untuk mengatasi pelbagai isu sosial dengan lebih berkesan. Oleh itu, agensi-agensi kerajaan terutamanya yang bertanggungjawab menangani isu-isu sosial dan kesejahteraan perlulah menumpukan usaha mereka bagi merangka dasar-dasar dan perancangan pengukuhan institusi keluarga itu..."

Dari itu, saya yakin dan percaya, sekiranya institusi keluarga dapat dikukuhkan, khususnya dengan menghayati dan mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, segala cabaran yang dihadapi akan dapat dihindari.

JAWAPAN:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu atas soalan dan pandangan yang diketengahkan. Kita menyambut baik pandangan yang diutarakan mengenai

betapa pentingnya pengukuhan nilai-nilai kekeluargaan dalam menangani apa jua cabaran sosial yang dihadapi.

Pemeriksaan institusi keluarga adalah tanggungjawab semua pihak yang amat memerlukan pendekatan *whole of nation*. Ini termasuklah pentingnya penerapan nilai-nilai kekeluargaan untuk dipertingkatkan lebih-lebih lagi kepada para penghuni Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) dengan berlandaskan amalan kehidupan yang berdasarkan kepada nilai-nilai Falsafah Melayu Islam Beraja secara berpanjangan.

Dalam memastikan para lepasan penghuni dan residen KRK dapat diterima kembali oleh masyarakat, faktor yang paling penting ialah bagi menentukan para lepasan dari kalangan Residen Perlindungan mahupun Residen Pemulihan benar-benar bersedia untuk menerima dan meneruskan kehidupan mereka di luar bersama dengan masyarakat.

Bagi mencapai matlamat ini, usaha akan terus ditumpukan kepada pendidikan duniawi dan ukhrawi yang kukuh bagi para residen. Dalam masa yang sama, sokongan dan dukungan keluarga adalah sangat penting sebagai *support system* atau *backbone* para lepasan setelah menamatkan penempatan di KRK. Ke arah membina sistem sokongan ini, usaha dalam meningkatkan dan memperbaiki program kemasyarakatan dan kekeluargaan untuk penghuni dan residen turut diambil berat. Bagi membantu pengintegrasian semula para

lepasan dalam masyarakat, rekod kemasukan para lepasan ke dalam KRK akan ditiadakan.

Dikongsikan aktiviti kemasyarakatan dan kekeluargaan yang dikendalikan untuk para Residen Pemulihan termasuk aktiviti yang menjurus kepada aspek kerohanian, disiplin, kesedaran dan ketahanan diri melalui program-program memperbaiki hubungan kekeluargaan dengan bantuan kaunselor dan pakar motivasi serta aktiviti khidmat masyarakat.

Residen Pemulihan juga akan menjalani program-program 'pra-bebas' sebagai proses reintegrasi diri kepada masyarakat. Melalui program ini, residen akan mengikuti bimbingan ugama secara intensif (*one to one session*) bersama guru ugama, Program Keusahawanan dan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) atau mentor dengan kerjasama rakan-rakan strategik seperti Brunei Darussalam *AIDS Council*, *YouCanLead.Bn* dan *Young Professionals Network*.

Manakala bagi Residen Perlindungan pula, aktiviti-aktiviti adalah menjurus kepada aspek kerohanian, mengajar kesabaran, ketahanan diri serta mengajar residen untuk berdikari, yang merangkumi program-program memperbaiki hubungan kekeluargaan dan program-program kepimpinan, keusahawanan, kesedaran dan kemahiran mandiri yang dijalankan dengan agensi-agensi luar yang berkepentingan termasuk Tarbiyyah

Global Islamic Enrichment Centre, Al-Huffaz Management, Pusat Promosi Kesihatan dan UNISSA.

Di samping itu, kementerian juga mengambil langkah bagi memastikan para residen dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran yang bermanfaat agar mereka dipersiapkan dan benar-benar berupaya untuk mengharungi kehidupan di luar fasiliti KRK.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, daripada 30 lepasan pemulihan KRK dari tahun 2017 hingga Mac 2020, 16 orang telah mengikuti Program Pendedahan Kemahiran (PPK) di bawah Pusat Pembangunan Belia, seramai 4 orang telah pun diterima untuk menyertai Program Khidmat Bakti Negara dan 6 orang residen telah diterima untuk mengikuti Program Pembangunan Belia di Pusat Pembangunan Belia.

Dari tahun 2016, turut dibanggakan seramai 20 lepasan telah pun memperolehi pekerjaan, berusaha sendiri atau melanjutkan pelajaran. Ini menunjukkan bahawa residen KRK memang berupaya untuk berkhidmat dan meneruskan kehidupan dalam masyarakat jika diberikan peluang untuk menimba pengetahuan dan kemahiran yang bermanfaat serta berpotensi untuk menyumbang semula kepada masyarakat.

Secara keseluruhannya, kementerian juga terus melaksanakan pemantauan terhadap para lepasan sehingga umur 21 tahun, khususnya lepasan pemulihan

demikian memastikan mereka diterima oleh masyarakat dan berada dalam landasan kehidupan sihat dan aktif dan tidak kembali semula dalam KRK. Seperti mana jua matlamat kementerian, adalah bagi menentukan kesemua lepasan KRK untuk memperolehi pekerjaan, memulakan perniagaan atau melanjutkan pelajaran.

Namun apa yang paling penting, pihak masyarakat terutama sekali institusi keluarga memainkan peranan yang amat kritikal dalam bukan sahaja menerima kembali para lepasan penghuni dan residen KRK ke pangkuan mereka malah untuk akan terus memberi semangat, dorongan dan membimbing anak-anak ini menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

KEMENTERIAN KESIHATAN

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA PENDIKAR ALAM DATO PADUKA SERI AWANG HAJI HASRIN BIN DATO PADUKA HAJI SABTU

Saya ingin memulakan dengan mengucapkan setinggi - tinggi penghargaan terima Kasih yang tidak terhingga kepada Menteri Kesihatan serta seluruh warga kerja Kementerian Kesihatan di atas peranan yang dimainkan oleh para petugas Kementerian Kesihatan baik mereka yang di barisan hadapan (*frontliners*) ataupun mereka yang memainkan peranan dukungan diatas keberanian, perkhidmatan dan keprihatinan mereka bertugas demi negara, tanpa mengira masa, penat lelah dan terpaksa meninggalkan keluarga untuk menangani wabak virus *COVID-19* di negara ini.

Ini semua dilakukan agar kita semua akan terus dapat menikmati keamanan, kemakmuran, ketenteraman dan kesejahteraan di negara yang kita cintai ini. Semoga اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى membalas jasa setiap pegawai dan kakitangan warga Kementerian Kesihatan atas peranan dan usaha murni mereka.

Dalam pada itu, kita sebagai rakyat dan penduduk di negara ini, perlu juga memainkan peranan masing-masing, memikul tanggungjawab dalam sama-sama meningkatkan kesedaran dan nilai-nilai kesihatan di semua peringkat masyarakat.

Seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan perkembangan tenaga kerja, Kementerian Kesihatan. اللهُ أَكْرَمُ، adalah diambil maklum bahawa melalui peruntukan kewangan pada tahun sebelum ini, Kementerian Kesihatan telah pun diberikan tambahan bagi jawatan-jawatan doktor dan jururawat. Adalah juga diambil maklum bahawa kira-kira 50% daripada doktor perubatan sekarang adalah terdiri daripada rakyat tempatan, manakala jumlah doktor tempatan pada masa ini yang telah memperolehi kelayakan kepakaran adalah dalam lebih kurang 70% daripada jumlah keseluruhan pakar dan konsultan di bawah Kementerian Kesihatan.

Saya ingin tahu:

Apakah terdapat perancangan daripada Kementerian Kesihatan untuk menambah jumlah jururawat dalam bidang pengkhususan seperti di dalam bidang rawatan rapi (*intensive care*) dan renal? Adalah difahami, bidang-bidang berkenaan adalah penting khususnya di dalam memberikan perawatan ke atas pesakit-pesakit yang kritikal.

Dalam pada itu, saya juga ingin tahu jika terdapat perancangan Kementerian Kesihatan untuk menambah lagi jumlah jawatan-jawatan lain, khususnya di kalangan *Allied Health Professionals* seperti pegawai-pegawai saintifik, ahli-ahli farmasi dan jurupuluh-jurupuluh serta kakitangan sokongan seperti atendan-atendan hospital dalam mendukung tambahan jumlah doctor dan jururawat

ini, agar perkhidmatan kesihatan yang diberikan adalah lebih komprehensif, efisien dan berkesan serta dapat ditangani secara *multi-disciplinary*.

JAWAPAN:

Dari segi sumber tenaga manusia, Kementerian Kesihatan akan terus berusaha untuk menampung kekurangan tenaga kerja di kesemua bidang perkhidmatan dan kepakaran. Ini adalah juga selaras dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu bagi memastikan orang ramai mendapat akses kepada profesional kesihatan yang terlatih dan berkemahiran demi mencapai tahap kesihatan yang terbaik untuk semua.

Ke arah itu, Kementerian Kesihatan telah membuat beberapa inisiatif bagi memastikan ketersediaan sumber tenaga manusia mengikut jumlah yang optimum melalui inisiatif seperti mengisikan jawatan-jawatan kosong, mempercepatkan proses pengambilan tenaga kerja melalui perundingan dan konsultasi berterusan bersama pihak-pihak yang berkenaan dan membuat penganalisan dan kajian mengenai dengan isu dan cabaran sumber tenaga manusia bagi menerokai kaedah-kaedah yang lebih inovatif dalam pengambilan profesional kesihatan.

Kementerian ini juga menekankan akan kepentingan perkhidmatan daripada para profesional dalam pelbagai bidang, dalam pemberian apa juga rawatan kepada orang ramai dan pesakit dan ini

adalah merangkumi semua bidang profesion di Kementerian Kesihatan. Para jururawat adalah merupakan kategori profesional yang terbesar di Kementerian Kesihatan iaitu sebanyak 2,744 jawatan kejururawatan telah diperuntukkan pada Tahun Kewangan 2019/2020. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 94% (2,575 jawatan) telah dapat diisikan dan hanya 6% (169 jawatan) sahaja lagi di dalam proses untuk diisikan.

Bagi memenuhi keperluan sumber tenaga manusia yang berkemahiran di kalangan anak tempatan dalam bidang-bidang profesional yang berkaitan, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa usaha khususnya kerjasama yang berterusan dengan institusi-institusi tempatan bagi mengadakan kursus profesional, di mana sebelum ini kursus-kursus tersebut hanya dapat dihadiri di institusi-institusi luar negara.

Perkara ini *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan menyumbang ke arah matlamat *localization* iaitu penghasilan bekalan sumber tenaga manusia tempatan yang mampan dan berkemahiran. Oleh itu, kementerian ini telah berkerjasama dengan institusi-institusi tempatan seperti Universiti Brunei Darussalam, Institut Teknikal Pendidikan Brunei (IBTE) dan Politeknik Brunei untuk menghasilkan kursus-kursus profesional bukan sahaja dalam bidang-bidang kejururawatan, malah juga dalam kedokteran dan *Allied Health Professionals* dalam pelbagai peringkat kelulusan.

Antara usaha terkini yang dilaksanakan ialah dalam bidang pergigian, kementerian telah menandatangani memorandum persefahaman dengan pihak Politeknik Brunei untuk mewujudkan kursus *Diploma in Health Science (Dental Hygiene and Therapy)* dalam tempoh 3 tahun.

Dengan pengambilan pertama pada bulan Julai 2019, seramai 13 orang pelajar 2 daripadanya ialah pegawai yang menghadiri kursus di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan daripada Kementerian Pertahanan. Melalui memorandum persefahaman tersebut juga kedua-dua pihak juga bersetuju untuk menguna pakai profesional dalam bidang pergigian dari kementerian ini sendiri sebagai tenaga pengajar bagi kursus tersebut. Pewujudan kursus-kursus tempatan seperti ini telah memberikan peluang bagi kemahiran profesional tempatan diiktiraf sebanding dengan profesional dari luar negara.

Di samping itu, perkhidmatan *Allied Health Professionals (AHP)* juga tidak kurang pentingnya selain daripada para doktor dan jururawat dalam penyediaan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang komprehensif kepada orang ramai dan pesakit. Sebanyak 1,311 jawatan *Allied Health Professionals (AHP)* telah diperuntukkan pada Tahun Kewangan 2019/2020. Lebih kurang 93% (1,219 jawatan) jawatan *Allied Health Professionals (AHP)* dalam pelbagai bidang telah dapat diisikan dan hanya 7% (92 jawatan) sahaja masih kosong

dan beberapa tindakan telah dilaksanakan bagi mengisikan kekosongan berkenaan.

Usaha-usaha pengisian jawatan-jawatan profesional tersebut boleh dianggap sebagai satu pencapaian dan perkara ini telah menunjukkan bahawa Kementerian Kesihatan bersungguh-sungguh bagi memastikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang diberikan adalah mencukupi, efisien, mudah diperolehi (*accessible*) dan berkualiti dalam mendukung strategi prioriti Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi pencapaian liputan perkhidmatan penjagaan kesihatan (*Universal Health Coverage*).

Di bawah peruntukan Tahun Kewangan 2020/2021, sebanyak 17 jawatan tambahan bagi Profesional Kesihatan Bersekutu (*Allied Health Professionals*) dalam pelbagai bidang kepakaran telah pun dipohonkan. Tambahan ini adalah sangat diperlukan bagi menampung kekurangan dalam perkhidmatan perubatan dan kesihatan di seluruh negara. Sebanyak 20% daripada warga Kementerian Kesihatan adalah terdiri daripada *Allied Health Professionals* dan merupakan salah satu tunggak utama dalam memangkin penjagaan kesihatan Negara Brunei Darussalam, di samping para doktor dan jururawat.

Allied Health Professionals juga adalah profesional yang berkemahiran tinggi dan berkerja secara berpasukan (*multidisciplinary team*) serta secara berintegrasi dengan profesional kesihatan yang lain bagi rawatan

pesakit. Dengan adanya tambahan ini, diharap akan dapat meningkatkan lagi tahap perkhidmatan penjagaan kesihatan di negara ini sesuai dengan keperluan khususnya dalam bidang-bidang terapi pemulihan, prostetik dan ortotik, psikologi, terapi pertuturan, pergigian dan sebagainya.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG NAIM BIN HAJI KAMIS

1. ISU JAMBATAN TEMBURONG

Syukur **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** Jambatan Temburong telah siap untuk digunakan bagi perhubungan ke Daerah Temburong. Dalam hal ini isu yang mungkin akan timbul ialah isu perkhidmatan bot laju ke Pekan Bangar apabila jambatan buka dan digunakan sepenuhnya.

Soalan saya:

Sehubungan dengan ini adakah isu yang akan menjejaskan pendapatan syarikat dan pekerja-pekerjanya ini diteliti dan difikirkan oleh pihak kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya atau pihak-pihak yang berkenaan, supaya ianya tidak menjejaskan pendapatan dan perkerjaan?. Atau adakah alternatif lain untuk bot-bot laju berkenaan boleh terus beroperasi dengan perubahan kepada jenis perkhidmatan yang lain seperti membawa pelancong misalnya atau lain-lainnya?

JAWAPAN:

Seperti mana yang telah dimaklumi, Jambatan Temburong telah mula dibukakan penggunaannya kepada orang ramai mulai 17 Mac 2020, iaitu lebih awal dari waktu yang dijangkakan. Dengan adanya laluan lebuhraya jambatan tersebut, perjalanan dari dan

ke Temburong adalah lebih mudah dan *accessible*, menjimatkan masa dari segi waktu perjalanan dan lebih selamat dengan pematuhan peraturan-peraturan lalu lintas oleh para pemandu.

Walau bagaimanapun, keadaan ini telah menjejaskan perkhidmatan bot laju Bandar Seri Begawan/ Temburong/ Bandar Seri Begawan dari segi permintaan perkhidmatannya sejurus selepas pembukaan jambatan tersebut. Menurut data statistik dari MPABD menunjukkan penurunan yang drastik dari jumlah penumpang dari Bandar Seri Begawan ke Temburong dan dari Temburong ke Bandar Seri Begawan iaitu sebanyak 50% dari bulan Februari hingga ke bulan Mac 2020.

Dalam hal ini, pihak pengusaha perkhidmatan bot-bot laju Bandar Seri Begawan / Temburong / Bandar Seri Begawan adalah dipelawa untuk membuat perancangan yang terperinci untuk mempelbagaikan perkhidmatan yang sedia ada. Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut seperti perkhidmatan khusus untuk membawa para pelancong dari dalam dan luar negeri (*local and foreign tourists*) apabila wabak COVID 19 telah reda atau untuk disewakan kepada pelancong atau orang awam untuk kegunaan aktiviti memancing di Sungai Temburong, antara lainnya.

Inisiatif sebegini amatlah dialu-alukan demi untuk menjamin pencarian dan kedayatahan syarikat-syarikat berkenaan, sekali gus bagi menjana

peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Cadangan aktiviti-aktiviti ini juga termasuk di dalam Pelan Korporat (*Corporate Plan*) MPABD di bawah Gol Strategik – *Cultivate Maritime and Port-Related Industry* atau Memupuk Industri Berkaitan Maritim dan Pelabuhan. Sekian terima kasih.

2. ISU PERUBAHAN IKLIM

Sering diperkatakan mengenai dengan isu-isu perubahan iklim dan negara kitani juga tidak ketinggalan mengalaminya dan harus membuat sesuatu untuk bersiap siaga bagi menghadapi impak dari perubahan iklim serta mengurangkan kesan pelepasan gas rumah hijau atau *green house emission*.

Soalan saya:

Dalam hal ini, apakah strategi dan tindakan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kementerian dan jabatan-jabatan berkaitan di bawah kementerian untuk mendukung strategi dan dasar negara untuk menangani isu perubahan iklim ini dan apakah sasaran yang telah ditetapkan mengenainya?

JAWAPAN:

Memandangkan isu perubahan iklim adalah satu isu global yang memerlukan komitmen daripada seluruh masyarakat antarabangsa, maka Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada obligasi tersebut. Dengan itu, di peringkat kebangsaan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

merupakan ahli kepada *National Council on Climate Change*. Majlis Kebangsaan ini adalah dipengerusikan bersama oleh Kementerian Pembangunan dan Kementerian Tenaga.

Antara peranan Majlis Kebangsaan ini adalah untuk menangani beberapa isu termasuk mengurangkan emisi atau pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gas emissions*) dari beberapa sektor termasuk sektor pengangkutan. Bagi kementerian ini khususnya, ini termasuk emisi gas rumah hijau di sektor pengangkutan darat, udara dan maritim. Kesemua usaha ini menjurus kepada penyediaan satu Dasar Kebangsaan Iklim Brunei (*Brunei National Climate Policy*) yang holistik yang merangkumi strategi dan inisiatif daripada pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan daripada Kementerian Tenaga dan Tenaga Manusia, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Pendidikan.

Khusus bagi jabatan-jabatan dan pihak berkuasa di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Jabatan Kajicuaca (BDMD) berperanan dalam memberikan sokongan kepada inisiatif kebangsaan dari segi memberikan maklumat melalui kajian tren jangka panjang iklim bagi Negara Brunei Darussalam. Maklumat tersebut boleh digunakan untuk merangka

tindakan atau perancangan bersama agensi-agensi yang berkaitan dan berkepentingan. Dalam masa yang sama juga, peranan BDMD adalah dalam pemantauan cuaca secara berterusan yang mana melalui rekod-rekod pencerapan cuaca bagi 30 tahun kebelakangan ini, jabatan dapat menganalisis maklumat dari rekod-rekod tersebut. Melalui analisis tersebut, rekod menunjukkan peningkatan tren purata suhu udara permukaan (*mean surface air temperature*) sebanyak 0.04°C setiap tahun bagi tempoh 30 tahun akan datang.

Sekian terima kasih.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
PENDIKAR ALAM DATO PADUKA
SERI AWANG HAJI HASRIN BIN
DATO PADUKA HAJI SABTU**

Abad ke-21 memperlihatkan kepesatan perkembangan teknologi dan penggunaannya dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Teknologi juga sekarang ini memainkan peranan dalam memudahkan urusan harian masyarakat menerusi *idea of progress* yang menyaksikan teknologi membantu menyelesaikan pelbagai isu dan cabaran menerusi perkembangan teknologi (*technology advancement*).

بِسْمِ اللَّهِ, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi sebagai *Champion Ministry* bagi inisiatif perkembangan teknologi di negara ini telah dan sedang bergiat aktif memacu dan melaksanakan

pelbagai usaha dan strategi, khususnya dalam mencapai aspirasi untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang berstatuskan *smart nation*.

Usaha dan strategi ini, termasuklah yang menjurus ke arah inisiatif transformasi digital dalam pelbagai aspek, adalah dilihat sebagai salah satu lagi langkah penting bagi memastikan negara dapat mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Soalan saya:-

- i. Apakah perancangan pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta pihak-pihak berkepentingan yang lainnya dalam memastikan penglibatan setiap lapisan

penduduk dan masyarakat di negara ini, agar dapat sama-sama menyumbang serta menikmati hasil daripada inisiatif transformasi digital ini, khususnya di kalangan kumpulan sasaran, seperti di kalangan warga emas.

Apa yang menjadikan kebimbangan saya di sini adalah sejauh mana golongan warga emas di negara ini dapat mengadaptasikan diri sepenuhnya dalam persekitaran yang penuh dengan perkembangan teknologi dan kepelbagaian akses komunikasi, termasuklah dari segi mendapatkan perkhidmatan yang mungkin sahaja dilihat boleh berubah ke arah sistem elektronik digital.

Dari itu, saya ingin mencadangkan agar dapat diadakan kajian selidik mengenai dengan sejauh mana golongan warga emas mampu menyesuaikan diri dengan transformasi digital di negara ini kelak termasuklah dalam mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh golongan warga emas dalam mengharungi perubahan dan perkembangan teknologi serta strategi dan langkah yang dapat diambil untuk memudahkan isu dan cabaran berkenaan.

JAWAPAN:

MTIC sememangnya menghasratkan transformasi digital sebagai pemacu dalam usaha Negara Brunei Darussalam mencapai status Negara Pintar (*Smart Nation*) seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Berpandukan kepada Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 (iaitu dari 2020 hingga 2025) bagi Negara Brunei Darussalam, antara yang disasarkan juga meliputi masyarakat digital dan di sinilah usaha merangkum usaha untuk melengkapkan golongan warga emas dengan keupayaan asas *ICT* agar mereka dapat melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti digital. Ini juga adalah sebagai langkah bagi memastikan pendekatan yang inklusif yang melibatkan segenap lapisan masyarakat dalam transformasi digital negara.

Ke arah itu, pada bulan Oktober 2019 sehingga Mac 2020, pihak *AITI* telah menjalankan satu program literasi digital, iaitu Program Celik *ICT*, khusus bagi golongan warga emas di negara ini untuk mengikuti kursus-kursus asas *ICT*.

Program yang diungkayahkan dengan usaha sama Jabatan Kurikulum, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (*JAPEM*), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan ini telah diadakan di pusat-pusat kegiatan warga emas di keempat-empat daerah. Sepanjang tempoh program ini dijalankan, seramai 122 orang peserta warga emas, yang dibahagikan kepada 7 (*batches*), telah mengikuti program tersebut.

Program ini telah dijalankan selama 3 hari bagi setiap kumpulan dan meliputi pembelajaran dan latihan *hands-on* dalam menggunakan aplikasi asas *ICT* seperti *Microsoft Word*, *Excel* dan *Powerpoint*. Peserta-peserta juga turut mempelajari cara-cara penggunaan internet dan pendaftaran emel.

Ini serba sedikit dapat memberikan pemahaman mengenai keperluan emel persendirian bagi memudahkan warga emas untuk turut sama menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan *online* yang sedia ada antara lainnya adalah seperti perkhidmatan e-Kerajaan melalui e-Darussalam, penggunaan aplikasi *TransportBN*, penempahan temu janji seperti melalui aplikasi *Queue Up* dan *Dart*.

Para peserta turut diberi pendedahan mengenai tatacara melayari laman sesawang dan media sosial seperti *Facebook* dan *Instagram*, serta cara-cara membuat pembelian dan penjualan secara online secara selamat melalui penggunaan platform-platform *e-Commerce* tempatan. Ini adalah untuk memberi kesedaran kepada warga emas mengenai penggunaan teknologi digital terkini dan bagaimana mereka dapat memanfaatkan peluang-peluang tersebut bagi kemudahan harian agar menjadikan mereka lebih relevan dengan trend masa kini.

Dalam pada itu, adalah dihasratkan juga bagi program seumpama ini diperluaskan secara berterusan kepada golongan-golongan warga emas yang lain melalui penglibatan secara usaha sama dengan pihak-pihak tertentu seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Mengenai dengan cadangan kaji selidik ke atas golongan warga emas dalam menyesuaikan diri dengan Transformasi Digital di negara ini, pihak kementerian menyambut baik cadangan tersebut. Memang tidak dinafikan kaji selidik tersebut adalah perlu bagi pihak-pihak yang terlibat untuk memahami tahap ketersediaan masyarakat atau *society readiness*, supaya program-program tertentu dapat dirangka dan diungkayahkan mengikut kesesuaian golongan tersebut. Ini juga adalah selaras dengan usaha untuk mencapai

salah satu hasil strategik yang digariskan di dalam Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, iaitu *Digital and Future Ready Society*.

Sekian terima kasih.

KEMENTERIAN TENAGA

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHIMIN BIN HAJI JOHARI @ JAHARI

Kaola suka ikut serta dalam perbincangan Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021. Melihat kepada anggaran perbelanjaan negara 2020/2021, \$5.86 bilion sedangkan anggaran pendapatan \$4.05 bilion dengan mengakibatkan defisit \$1.81 bilion.

Maka kaola suka ikut serta dalam perbincangan ini:

1. Bagi penjimatan dan pengurangan perbelanjaan penggunaan tenaga (*reduce energy cost*) diusulkan bagi perancangan jangka panjang supaya kita membuat kajian *feasibility* bagi memanfaatkan tenaga solar;
2. Jika kajian *feasibility* menunjukkan positif dianjurkan membuat projek rintis di Daerah Temburong. Projek dicadangkan ditawarkan kepada syarikat-syarikat tempatan dan pelaburan langsung asing bagi menjadikan suatu hari nanti negara memanfaatkan tenaga solar; dan
3. Pada biasanya negara kita mendapat sekitar 10 ke 11 jam cahaya matahari sehari. Dengan memanfaatkan tenaga solar negara **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dapat mengurangkan perbelanjaan

penghasilan tenaga masa kini dan juga mengurangkan perbelanjaan pihak kerajaan dengan penglibatan sektor swasta dalam *public private partnership*.

JAWAPAN

Penjelasan lanjut terhadap soalan-soalan Yang Berhormat bangkitkan pada sesi persidangan pada sebelah petang 11 Mac 2020 semasa membincangkan Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021.

Untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya Kementerian Tenaga sedang melaksanakan aktiviti rintis di Daerah Temburong, iaitu inisiatif *Solar Rooftop*. Ini merupakan projek perintis yang akan menjana tenaga elektrik melalui sistem tenaga suria dan akan ditempatkan di atas bumbung Bangunan Perniagaan Bumiputra, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Projek ini adalah juga salah sebuah projek yang mendukung inisiatif Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT) untuk melangkah ke arah menjadikan Daerah Temburong sebagai "*Eco District*" sambil meneroka tenaga hijau dan ianya telah dianugerahkan kepada syarikat tempatan. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, projek ini akan siap dilaksanakan pada pertengahan tahun ini.

Bagi projek solar yang berskala sederhana di Daerah Temburong pula, kajian awal *feasibility* sudah selesai dilaksanakan. Akan tetapi, penilaian terperinci mengenai kesesuaiannya

masih diperlukan, yang juga harus mengambil kira kesan kepada *reliability* dan *security* bekalan tenaga elektrik di daerah berkenaan. Turut memerlukan penelitian lanjut ialah kos operasi dan pemeliharaan bagi jangka masa panjang.

Kementerian Tenaga melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-11, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, akan melaksanakan projek pemasangan talian sistem penghantaran voltan tinggi yang akan menghubungkan Daerah Brunei dan Muara dengan Daerah Temburong. Dengan adanya talian berkenaan, ianya akan membolehkan penyaluran tenaga hijau yang dijana oleh Tenaga Suria di mana saja di negara ini bagi pembekalan ke Daerah Temburong. Dari sudut penjimatan, sekitar \$13 juta setahun pengurangan perbelanjaan pihak kerajaan akan dapat diraih melalui pemberhentian sepenuhnya operasi Stesen Janakuasa Diesel Belingus di Temburong.

Ke arah meningkatkan kemajuan tenaga hijau juga, sukacita saya mengongsikan bahawa Projek Tenaga Suria berskala 30 MegaWatts di kawasan seluas 37.4 hektar bekas tempat pelupusan sisa buangan di Kampung Belimbing Subok, telah dicadangkan untuk dibina.

Projek ini berperanan sebagai pendahulu, bagi merealisasikan aspirasi untuk melangkah ke hadapan pada mencapai 100 *MegaWatts* sumbangan tenaga yang boleh diperbaharui pada tahun 2025 dan seterusnya 300 *MegaWatts* menjelang tahun 2035.

Seperti lazimnya, projek ini akan dilaksanakan dengan menitikberatkan penglibatan perniagaan tempatan, memaksimumkan *In-Country Value* iaitu penggunaan barangan, perkhidmatan dan pekerja tempatan, serta didukung oleh Pelabur Langsung Asing sebagai pakar teknikal yang berpengalaman. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, dokumen bidaan (*bidding*) akan dikeluarkan di masa yang terdekat bagi membolehkan pembinaannya bermula pada awal tahun 2021.

Limpah kesan jangka panjang bagi projek ini akan diunjurkan akan menjimatkan kerajaan sekitar 900 ribu *million British Thermal Units (MMBtu)* gas asli setahun, yang memberikan peluang kepada negara untuk memaksimumkan eksport bagi menjana pendapatan yang lebih melalui penjualan gas asli bernilai sekitar \$3 juta setiap tahun berpandukan kadar purata eksport pasaran LNG USD 9 setiap *MMBtu* atau disalurkan kepada industri-industri hiliran minyak dan gas untuk mengeluarkan produk *value-added*.

Di samping itu, ianya dijangka menyumbang kepada pengurangan perlepasan karbon sekitar 46 ribu tan setahun, bersamaan dengan 0.8% pengurangan dari jumlah keseluruhan perlepasan karbon dari sistem janakuasa elektrik negara ketika ini atau penyerapan karbon melalui 7 ribu hektar hutan setahun.

Sekian sahaja yang dapat disampaikan untuk makluman Yang Berhormat mengenainya. Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara Keenam Belas bagi Kementerian Tenaga dan jabatan di bawahnya akan diteliti semula dan isu-isu berkenaan akan dipaparkan di laman sesawang Kementerian Tenaga (www.me.gov.bn). Ahli-Ahli Yang Berhormat dialu-alukan untuk mengikuti perkembangan isu-isu ini melalui laman sesawang tersebut.

Dengan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih ke atas sokongan usaha, keprihatinan, keikhlasan dan sifat bekerjasama Yang Berhormat sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Sumbangan Yang Berhormat setentunya telah meningkatkan perkhidmatan pihak kerajaan ke arah memastikan Negara Brunei Darussalam, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan senantiasa terus menikmati keamanan dan kemakmuran.

**SOALAN DARIPADA YANG
BERHORMAT DAYANG
KHAIRUNNISA BINTI AWANG HAJI
ASH'ARI**

Kaola menyokong baik atas usaha kerajaan dalam memastikan Negara Brunei Darussalam mencapai objektif-objektif di bawah *UN Sustainable Development Goals*.

Di samping itu dengan penubuhan Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim, ia menunjukkan usaha Kerajaan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menangani masalah perubahan iklim.

Menurut pembentangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, peruntukan berkaitan dengan perubahan iklim disediakan di bawah peruntukan Menangani Bencana Alam dan Wabak Penyakit iaitu sebanyak \$15 juta bagi menangani impak fenomena *climate change* seperti banjir kilat, tanah susur dan kebakaran hutan.

Kaola ingin mendapat kepastian adakah peruntukan juga disediakan khas bagi *research and development* dan juga menggalakkan penggunaan tenaga hijau? Ini adalah sebagai persiapan bagi negara ini seperti mana Yang Berhormat telah nyatakan negara-negara luar telah banyak beralih kepada penggunaan teknologi hijau.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih ke atas pertanyaan dan cadangan Yang Berhormat dan saya seterusnya ingin memberikan penjelasan lanjut terhadap soalan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari bangkitkan pada sesi persidangan pada sebelah petang 11 Mac 2020 semasa membincangkan Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020/2021.

A. PENGGUNAAN TENAGA HIJAU

Mengenai dengan langkah-langkah untuk menggalakkan penggunaan tenaga hijau, Kementerian Tenaga sedang melaksanakan aktiviti rintis di Daerah Temburong, iaitu inisiatif *Solar Rooftop*. Ini merupakan projek perintis yang akan menjana tenaga elektrik melalui sistem tenaga suria, dan akan di tempatkan di atas bumbung Bangunan Perniagaan Bumiputra, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Projek ini adalah juga salah sebuah projek yang mendukung inisiatif Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT) untuk melangkah ke arah menjadikan Daerah Temburong sebagai *Eco District* sambil meneroka tenaga hijau dan ianya telah dianugerahkan kepada syarikat tempatan. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, projek ini akan siap dilaksanakan pada pertengahan tahun ini.

Bagi projek solar yang berskala sederhana di Daerah Temburong pula, kajian awal *feasibility* sudah selesai dilaksanakan. Akan tetapi, penilaian terperinci mengenai kesesuaiannya masih diperlukan, yang juga harus mengambil kira kesan kepada *reliability* dan *security* bekalan tenaga elektrik di daerah berkenaan. Turut memerlukan penelitian lanjut ialah kos operasi dan pemeliharaan bagi jangka masa panjang.

Kementerian Tenaga melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke 11, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan melaksanakan projek pemasangan talian

sistem penghantaran voltan tinggi yang akan menghubungkan Daerah Brunei dan Muara dengan Dearah Temburong. Dengan adanya talian berkenaan, ianya akan membolehkan penyaluran tenaga hijau yang dijana oleh Tenaga Suria di mana saja di negara ini bagi pembekalan ke Daerah Temburong.

Dari sudut penjimatan, sekitar \$13 juta setahun pengurangan perbelanjaan pihak kerajaan akan dapat diraih melalui pemberhentian sepenuhnya operasi stesen Janakuasa Diesel Belingus di Temburong.

Ke arah meningkatkan kemajuan tenaga hijau juga, sukacita saya mengongsikan bahawa projek Tenaga Suria berskala 30 *MegaWatts* di kawasan seluas 37.4 hektar bekas tempat pelupusan sisa buangan di Kampung Belimbing, Subok, telah dicadangkan untuk dibina. Projek ini berperanan sebagai pendahulu bagi merealisasikan aspirasi untuk melangkah ke hadapan pada mencapai 100 *MegaWatts* sumbangan tenaga yang boleh diperbaharui pada tahun 2025, dan seterusnya 300 *MegaWatts* menjelang tahun 2035.

Seperti lazimnya, projek ini akan dilaksanakan dengan menitikberatkan penglibatan perniagaan tempatan, memaksimumkan *In-Country Value* iaitu penggunaan barangan, perkhidmatan dan pekerja tempatan, serta didukung oleh Pelabur Langsung Asing sebagai pakar teknikal yang berpengalaman. إن شاء الله dokumen bidaan (*bidding*) akan

dikeluarkan di masa yang terdekat bagi membolehkan pembinaannya bermula pada awal tahun 2021.

Limpah kesan jangka panjang bagi projek ini akan diunjurkan akan menjimatkan kerajaan sekitar 900 ribu *million British Thermal Units (MMBtu)* gas asli setahun, yang memberikan peluang kepada negara untuk memaksimumkan eksport bagi menjana pendapatan yang lebih melalui penjualan gas asli bernilai sekitar \$3 juta setiap tahun berpandukan kadar purata eksport pasaran LNG USD 9 setiap *MMBtu* atau disalurkan kepada industri-industri hiliran minyak dan gas untuk mengeluarkan produk *value-added*.

Di samping itu, ianya dijangka menyumbang kepada pengurangan perlepasan karbon sekitar 46 ribu tan setahun, bersamaan dengan 0.8% pengurangan dari jumlah keseluruhan perlepasan karbon dari sistem jana kuasa elektrik negara ketika ini, atau penyerapan karbon melalui 7 ribu hektar hutan setahun.

B. RESEARCH & DEVELOPMENT BERKAITAN DENGAN PERUBAHAN IKLIM

Seterusnya mengenai dengan *Research and Development* bagi perubahan iklim yang disentuh oleh Yang Berhormat, saya ingin menambah kepada keterangan yang diberikan ketika sesi persidangan tersebut dengan memaklumkan bahawa dengan

kerjasama Majlis Penyelidikan Brunei atau *Brunei Research Council*, dana yang disediakan untuk institut-institut dan badan-badan penyelidikan, dari sektor akademik, awam dan swasta untuk menjalankan projek-projek *research and development* kini merangkumi lima (5) kluster tumpuan mengikut beberapa bidang yang dihasratkan untuk menjayakan Wawasan Brunei 2035 serta kemajuan negara.

Salah satu daripadanya adalah kluster Alam Sekitar dan Perkembangan Lestari (*Environment and Sustainable Development*). Kluster ini turut merangkumi hal ehwal perubahan iklim dan maklumat lanjut dapat dipohonkan dari pihak Majlis Penyelidikan Brunei.

Sekian sahaja yang dapat disampaikan untuk makluman Yang Berhormat mengenainya. Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara Yang Keenam Belas bagi Kementerian Tenaga dan Jabatan di bawahnya akan diteliti semula dan isu-isu berkenaan akan dipaparkan di laman sesawang Kementerian Tenaga (www.me.gov.bn). Ahli-Ahli Yang Berhormat dialu-alukan untuk mengikut perkembangan isu-isu ini melalui laman sesawang tersebut.

Dengan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih ke atas sokongan usaha, keprihatinan, keikhlasan dan sifat bekerjasama Yang Berhormat sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Sumbangan Yang Berhormat setentunya telah meningkatkan perkhidmatan pihak kerajaan ke arah memastikan Negara Brunei Darussalam, *إِنْ شَاءَ اللهُ*, akan senantiasa terus menikmati keamanan dan kemakmuran.

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG HAJI EMRAN BIN HAJI SABTU

Dalam pembentangan peruntukan 2020/2021 semalam yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menyebutkan sektor utama keempat iaitu Industri Pelancongan melalui Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT).

1. Saya ingin memohon penjelasan lanjut mengenai projek-projek bagi menaikkan status Daerah Temburong, "Permata Hijau" termasuk projek pelancongan, sumber daya alam dan penggunaan teknologi rendah karbon yang membawa pelabur-pelabur luar negeri.
2. Bila jangka masa ia akan dilaksanakan?

JAWAPAN:

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih ke atas pertanyaan dan cadangan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu dan saya seterusnya ingin memberikan penjelasan lanjut terhadap

soalan-soalan Yang Berhormat yang dibangkitkan pada sesi Jawatankuasa pada sebelah petang 12 Mac 2020 semasa membincangkan Tajuk Kementerian Kewangan dan Ekonomi di bawah Tajuk SD01A hingga SD09A.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Tenaga sedang melaksanakan aktiviti rintis di Daerah Temburong, iaitu inisiatif *Solar Rooftop*. Ini merupakan projek perintis yang akan menjana tenaga elektrik melalui sistem tenaga suria dan akan ditempatkan di atas bumbung Bangunan Perniagaan Bumiputra, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Projek ini adalah juga salah sebuah projek yang mendukung inisiatif Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT) untuk melangkah ke arah menjadikan Daerah Temburong sebagai *Eco District* sambil meneroka tenaga hijau dan ianya telah dianugerahkan kepada syarikat tempatan. إِنْ شَاءَ اللَّهُ, projek ini akan siap dilaksanakan pada pertengahan tahun ini.

Bagi projek solar yang berskala sederhana di Daerah Temburong pula, kajian awal *feasibility* sudah selesai dilaksanakan. Akan tetapi, penilaian terperinci mengenai kesesuaiannya masih diperlukan, yang juga harus mengambil kira kesan kepada *reliability* dan *security* bekalan tenaga elektrik di daerah berkenaan. Turut memerlukan penelitian lanjut ialah kos operasi dan pemeliharaan bagi jangka masa panjang.

Kementerian Tenaga melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-11, إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan melaksanakan projek pemasangan talian sistem penghantaran voltan tinggi yang akan menghubungkan Daerah Brunei dan Muara dengan Dearah Temburong.

Dengan adanya talian berkenaan, ianya akan membolehkan penyaluran tenaga hijau yang dijana oleh Tenaga Suria di mana saja di negara ini bagi pembekalan ke Daerah Temburong. Dari sudut penjimatan, sekitar \$13 juta setahun pengurangan perbelanjaan pihak kerajaan akan dapat diraih melalui pemberhentian sepenuhnya operasi stesen Janakuasa Diesel Belingus di Temburong.

Ke arah meningkatkan kemajuan tenaga hijau juga, sukacita saya mengongsikan bahawa projek Tenaga Suria berskala 30 MegaWatts di kawasan seluas 37.4 hektar bekas tempat pelupusan sisa buangan di Kampung Belimbing, Subok, telah dicadangkan untuk dibina.

Projek ini berperanan sebagai pendahulu, bagi merealisasikan aspirasi untuk melangkah ke hadapan pada mencapai 100 MegaWatts sumbangan Tenaga Yang Boleh Diperbaharui pada tahun 2025, dan seterusnya 300 MegaWatts menjelang tahun 2035.

Seperti lazimnya, projek ini akan dilaksanakan dengan menitikberatkan penglibatan perniagaan tempatan, memaksimumkan *In-Country Value* iaitu penggunaan barangan, perkhidmatan dan pekerja tempatan,

serta didukung oleh Pelabur Langsung Asing sebagai pakar teknikal yang berpengalaman. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, dokumen bidaan (*bidding*) akan dikeluarkan di masa yang terdekat bagi membolehkan pembinaannya bermula pada awal tahun 2021.

Limpah kesan jangka panjang bagi projek ini diunjurkan akan menjimatkan kerajaan sekitar 900 ribu million *British Thermal Units (MMBtu)* gas asli setahun, yang memberikan peluang kepada negara untuk memaksimumkan eksport bagi menjana pendapatan yang lebih melalui penjualan gas asli bernilai sekitar \$3 juta setiap tahun berpandukan kadar purata eksport pasaran LNG USD 9 setiap *MMBtu* atau disalurkan kepada industri-industri hiliran minyak dan gas untuk mengeluarkan produk *value-added*. Di samping itu, ianya dijangka menyumbang kepada pengurangan perlepasan karbon sekitar 46 ribu tan setahun, bersamaan dengan 0.8% pengurangan dari jumlah keseluruhan perlepasan karbon dari sistem janakuasa elektrik negara ketika ini, atau penyerapan karbon melalui 7 ribu hektar hutan setahun.

Sekian sahaja yang dapat disampaikan untuk makluman Yang Berhormat mengenainya.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Majlis Mesyuarat Negara Yang Ke Enam Belas bagi Kementerian Tenaga dan jabatan di bawahnya akan diteliti semula dan isu-isu berkenaan akan dipaparkan

di laman sesawang Kementerian Tenaga (www.me.gov.bn). Ahli-Ahli Yang Berhormat dialu-alukan untuk mengikuti perkembangan isu-isu ini melalui laman sesawang tersebut.

Dengan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas sokongan usaha, keprihatinan, keikhlasan dan sifat bekerjasama Yang Berhormat sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Sumbangan Yang Berhormat setentunya telah meningkatkan perkhidmatan pihak kerajaan ke arah memastikan Negara Brunei Darussalam, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, akan senantiasa terus menikmati keamanan dan kemakmuran.

SOALAN DARIPADA YANG BERHORMAT AWANG NAIM BIN HAJI KAMIS.

STESEN MINYAK KAMPONG AYER

Pertama saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi - tinggi penghargaan dan tahniah kepada kerajaan iaitu Kementerian Tenaga atas memperkenalkan jenis minyak *V-Power* di stesen-stesen minyak di negara ini.

Bercakap mengenai dengan stesen minyak ini, penduduk Kampong Ayer telah menghadapi sedikit masalah iaitu kekurangan tempat untuk mendapat bekalan minyak bagi keperluan kenderaan di air seperti motobot serta perahu tambang dan seumpamanya dan mereka terpaksa mendapatkannya di stesen-stesen minyak di kawasan

darat yang setentunya menyusahkan dan kurang selamat dari segi keselamatan apabila menggunakan kenderaan biasa untuk pengangkutannya. Ini disebabkan oleh beberapa stesen minyak di kawasan perairan telah ditutup.

Dalam hubungan ini, sukacita saya mencadangkan dan memohon supaya Kementerian Tenaga bersama *BSM* untuk menambah stesen minyak di kawasan perairan di negara ini, terutama di kawasan ramai penduduk iaitu kawasan Kampong Ayer yang rata-rata penduduknya menggunakan dan mempunyai motobot serta perahu tambang sebagai pengangkutan dan mata pencarian harian mereka.

Soalan saya:

Jika sudah ada dalam perancangan Kementerian Tenaga, bilakah ianya akan di bangun dan di kawasan mana ianya ditempatkan serta berapakah harga projek berkenaan dan bilakah ianya dijangka siap dan seterusnya beroperasi sepenuhnya?

JAWAPAN:

Sehubungan dengan itu, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas perhatian berat dan pertanyaan yang telah pun disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis. Cadangan baik Yang Berhormat mengenai stesen minyak di kawasan perairan negara adalah selaras dengan hasrat pihak

Kementerian Tenaga untuk menyediakan kemudahan stesen minyak yang mencukupi bagi penduduk Negara Brunei Darussalam di kawasan darat mahu pun di kawasan perairan.

Mengenai dengan perancangan untuk pembangunan stesen minyak di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam seperti mana yang dipohonkan oleh Yang Berhormat, pada masa ini, terdapat beberapa perancangan untuk membina sebuah stesen minyak di Kampong Ayer dan Sungai Brunei.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum ini terdapat dua (2) buah stesen minyak yang berhampiran Sungai Brunei dan Zon Kampong Ayer, iaitu Stesen Minyak Perairan Majra dan Stesen Minyak Hjh Badariah dan Anak-Anak. Bagi menjaga kesejahteraan orang ramai, penutupan Stesen Minyak Perairan Majra yang terletak di Pulau Sibungor pada bulan September 2013 adalah disebabkan oleh isu integriti aset dan dengan itu stesen tersebut adalah tidak selamat untuk beroperasi. Manakala Stesen Minyak Hjh Badariah yang terletak di dalam kawasan projek pembinaan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS) dan oleh itu operasinya diberhentikan bermula Oktober 2017.

Oleh yang demikian, pihak Kementerian Tenaga bersama agensi-agens kerajaan yang berkenaan telah giat mencari tapak baru di sekitar zon Kampong Ayer sepanjang Sungai Brunei untuk

mendirikan sebuah stesen minyak di kawasan perairan bagi memastikan bekalan minyak yang mencukupi bagi penduduk-penduduk yang menggunakan dan mempunyai motobot serta perahu tambang sebagai pengangkutan dan mata pencarian harian. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** , satu tapak bersesuaian yang dicadangkan bagi stesen minyak perairan telah pun dikenal pasti pada tahun 2019, iaitu di kawasan Kampung Buang Sakar, Mukim Lumapas. Stesen ini akan membekalkan minyak *Regular 85* untuk bot-bot kecil di kawasan perairan Sungai Brunei.

Pembinaan stesen minyak perairan ini dijangka akan bermula pada suku kedua tahun ini dan **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** akan siap pada penghujung tahun 2020 dan ianya akan dibukakan kepada orang ramai. Buat sementara waktu, adalah dinasihatkan bagi pengguna-pengguna bot untuk mendapatkan minyak di stesen minyak yang berhampiran iaitu Stesen Minyak Seri Chermin atau Stesen Minyak Hanas dan sentiasa mematuhi peraturan pengisian minyak bagi keselamatan bersama.

Sekian sahaja yang dapat disampaikan untuk makluman Yang Berhormat mengenainya. Dengan ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih ke atas usaha, keprihatinan, keikhlasan dan sifat bekerjasama Yang Berhormat sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Sumbangan Yang Berhormat setentunya telah

meningkatkan perkhidmatan pihak kerajaan ke arah memastikan Negara Brunei Darussalam, **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** akan sentiasa terus menikmati keamanan dan kemakmuran.